

JAWAPAN HIZBUT TAHRIR TERHADAP FATWA NEGERI JOHOR



ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM NEGERI (JOHOR) 2003

PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48(6)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 [*Enakmen 16 Tahun 2003*], Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan di bawah untuk disiarkan menurut subseksyen 48 (6) Enakmen itu.

1. Adalah ditetapkan bahawa umat Islam di Negeri Johor Darul Takzim hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bersumberkan aliran al-Asya'ri dan al-Maturidi dari segi syariah mengikut mazhab Syafie atau dalam keadaan tertentu mengikut mana-mana satu mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali boleh dirujuk dan digunakan dalam menyelesaikan masalah-masalah tertentu atas syor Majlis Agama Islam Negeri Johor dan diperkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Dari segi tasawwuf hendaklah berpegang dengan manhaj Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali.
2. Bahawa fahaman Hizbut Tahrir Malaysia yang mengambil pemikiran Sheikh Taqiyuddin al-Nabhani iaitu pengasas Hizbut Tahrir adalah bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi teras pegangan dan amalan masyarakat Islam di Negeri Johor Darul Takzim.
3. Fahaman Hizbut Tahrir perlu dicegah keseluruhannya dari berkembang di negeri Johor Darul Takzim kerana ia boleh menimbulkan kecelaruan, kekeliruan, kesamaran dan menjadi ancaman kepada keutuhan pegangan agama, perpaduan umat Islam, keamanan serta keselamatan negara.
4. Ciri-ciri fahaman atau ajaran Hizbut Tahrir Malaysia yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah seperti berikut:
 - 4.1. Fahaman dari sudut akidah antaranya:
 - (a) Mengatakan kepercayaan qadha' dan qadar ini diambil dari falsafah Yunani (al-Nabhani: al-Shakhsiah al-Islamiyyah jilid 1, halaman: 66).
 - (b) Perbuatan manusia tidak ada hubungannya dengan qadha' dan qadar Allah (al-Nabhani: al-Shakhsiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman: 94-95).
 - (c) Mempertikai kemaksuman nabi dengan mengatakan bahawa maksumnya nabi itu hanya selepas menjadi nabi (al-Nabhani: al-Shakhsiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman: 136).
 - (d) Hidayah dan dholal bukan dari Allah tetapi dari manusia (al-Nabhani: al-Shakhsiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003 halaman: 98). Ini menyamai Fahaman Qadariah.
 - (e) Mengingkari takwil (al-Nabhani: al-Shakhsiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman: 56).

-
- (f) Khabar ahad tidak boleh menjadi dalil dalam perkara akidah. (al-Nabhani: al-Shakhsiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman: 193). Ini menyamai fahaman Muktazilah.
- (g) Haram meyakini bahawa azab kubur pasti berlaku. Azab kubur hanya boleh dipercayai sahaja tidak dengan yakin berlakunya kerana ia hanya bersumberkan hadis ahad. (kenyataan al-Nabhani dalam kitab al-Dausiyah al-Fikriyyah, halaman: 338).
- 4.2. Pandangan dari sudut feqah antaranya:
- (a) Sesiapa sahaja boleh berijtihad. (al-Nabhani: at-Tafkir, cetakan pertama, tahun 1973, halaman: 122).
- (b) Lelaki dan wanita bebas berjabat tangan. (al-Nabhani: an-Nizam al-Ijtima'i fi al-Islam, cetakan keempat, tahun 2003, halaman: 51-52).
- (c) Fatwa an-Nabhani boleh bercumbuan dengan wanita ajnabiah.
- (d) Harus menonton filem lucah.
- (e) Harus mencium wanita bukan mahram tanpa maksud berzina.
- 4.3. Fahaman yang meragukan dari sudut politik antaranya:
- (a) Ketaksuban menegakkan khilafah.
- (b) Ketaksuban terhadap politik sebagai kaedah tertinggi Hizbut Tahrir (kitab Mafahim Hizbut Tahrir, cetakan keenam, tahun 2001, halaman 75).
- (c) Mendakwa negara Islam moden sebagai negara kufur. (al-Nabhani: al-Shakhsiah, jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman 61).
- (d) Menghukum sistem demokrasi sebagai sistem kufur. (Risalah al-Maktab al-I'lami wilayah Mesir, nombor rujukan 14/01 tarikh 12/1/2014).
- (e) Kegagalan melantik khalifah adalah salah satu dosa terbesar (al-Nabhani: al-Shakhsiah al-Islamiyyah, jilid 2, cetakan kelima, tahun 2003, halaman 12).
- (f) Mengambil fahaman ekstrem dalam perkara menjatuhkan pemimpin negara dengan mengatakan seorang pemimpin harus diperangi jika tidak mengamalkan hukum Islam dan menampakkan syiar Islam (Risalah Manhaj Hizbut Tahrir fi al-Taghyir).
- (g) Menyatakan jika sebuah negeri dihuni oleh orang Islam dan berhukum dengan bukan Islam, orang Islam wajib memerangi pemimpinnya hingga mereka berhukum dengan hukum Islam. (al-Nabhani: al-Shakhsiah al-Islamiyyah, jilid 2, cetakan kelima, tahun 2003, halaman 126).

-
- 4.4. Mengambil pemikiran Taqiyuddin al-Nabhani dan beberapa karya asal Hizbut Tahrir yang dijadikan rujukan dalam penulisan di Sautun Nahdhah (suara kebangkitan). Antara kenyataan dalam Sautun Nahdhah:
- (a) Malaysia adalah negara kufur kerana tidak melaksanakan hukum Islam dan mempunyai perlembagaan kufur.
 - (b) Menyamakan Malaysia dengan Israel bahawa kedua-duanya sebagai kembar tidak seiras.
 - (c) Menganggap penguasa yang tidak berhukum dengan hukum Islam adalah tidak layak untuk menjadi penguasa dan wajib diperangi atau diberhentikan dari jawatannya.
 - (d) Berpendangan selagi khilafah tidak tertegak maka seluruh umat Islam berdosa.
 - (e) Menolak semua sistem yang ada kaitan dengan sistem bukan Islam seperti demokrasi dan pilihan raya dan menghukum berdosa orang yang terlibat dengan pilihan raya.
- 4.5. Fahaman-fahaman lain yang terkandung dalam ajaran Hizbut Tahrir iaitu:
- (a) Berpegang dengan pemikiran Tabanni iaitu mewajibkan penganut akur dengan sebarang fatwa yang ditentukan oleh parti tanpa diketahui siapa yang mengeluarkannya.
 - (b) Haram mengasaskan pertubuhan kebajikan.
 - (c) Mana-mana dakwah yang tidak berjaya selepas 23 tahun merupakan dakwah yang salah dan perlu menukar caranya.
- 4.6. Mengancam keharmonian dan keselamatan negara, antaranya:
- (a) Penolakan terhadap sistem pilihan raya, akan mendatangkan kesan negatif terhadap peratusan keluar mengundi orang Islam yang boleh mengancam kelangsungan penguasaan politik umat Islam.
 - (b) Kesan dari ketidakstabilan politik ini akan menimbulkan krisis perkauman dan memberi kesan kepada keharmonian dan keamanan negara.
 - (c) Kecenderungan menggulingkan pemerintah dengan alasan pemerintah tidak melaksanakan hukum Islam.

5. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, memutuskan bahawa:
- (a) Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah dilarang dan diharamkan berpegang dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir termasuklah:-
 - (i) Menjadi ahli kumpulan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir;
 - (ii) Berada di dalam majlis, perayaan atau sambutan keraian yang boleh dikaitkan dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir;
 - (iii) Mengisytiharkan diri sebagai ahli kumpulan Hizbut Tahrir melalui pengakuan bersumpah atau apa-apa kaedah lain; dan
 - (iv) Berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir.
 - (b) Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah dilarang dan diharamkan berpegang atau menjadi pengikut ajaran Hizbut Tahrir dan sesiapa yang melakukannya adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
 - (c) Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang mengajar, menganjur, belajar, mengadakan dan membantu menjayakan apa-apa majlis yang boleh dikaitkan dengan fahaman Hizbut Tahrir adalah melakukan kesalahan.
 - (d) Apa-apa jua bahan hebahan dan sebaran yang menonjolkan ajaran, pegangan atau fahaman Hizbut Tahrir dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan atau siaran dalam mana-mana laman sesawang, blog, facebook dan twitter atau media sosial lain adalah ditegah.
 - (e) Mana-mana orang Islam adalah dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedar filem, rakaman audio atau visual, risalah, buku-buku, majalah atau apa-apa dokumen yang boleh mengaitkan ajaran dan fahaman Hizbut Tahrir.
 - (f) Mana-mana orang Islam adalah dilarang dan ditegah daripada memberi sokongan atau melahirkan simpati atau apa jua kemudahan, memberi apa jua sumbangan dan bantuan kepada pergerakan golongan Hizbut Tahrir atau mereka yang berkaitan dengannya.
 - (g) Mana-mana orang Islam adalah dilarang dan ditegah daripada mengamal, menyebarkan dan mengembangkan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir di negeri Johor Darul Takzim.

Bertarikh 12 Zulkaedah 1440 / 15 Julai 2019
[JMJ.351/04/01/6/44; PPUUNJ.R.600-1/5/8(11)]

Dengan Titah,

DATO' HAJI YAHYA BIN AHMAD
Mufti Negeri Johor

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor

ISI KANDUNGAN

Muqaddimah	1
4.1 Fahaman dari sudut akidah:	
(a) Mengatakan kepercayaan qadha' dan qadar ini diambil dari falsafah Yunani (al-Nabhani: al-shaksiah al-Islamiyyah jilid 1, halaman: 66)	3
(b) Perbuatan manusia tidak ada hubungannya dengan qadha' dan qadar Allah (al-Nabhani: al-Shaksiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman :94-95	11
(c) Mempertikai kemaksuman nabi dengan mengatakan bahawa maksumnya nabi itu hanya selepas menjadi nabi (al-Nabhani: al-Shaksiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman: 136)	18
(d) Hidayah dan dholal bukan dari Allah tetapi dari manusia (al-Nabhani: al-Shaksiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman: 98)	27
(e) Mengingkari takwil (al-Nabhani: al-Shaksiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman: 56)	36
(f) Khabar ahad tidak boleh menjadi dalil dalam perkara akidah (al-Nabhani: al-Shaksiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman: 193). Ini menyamai fahaman Muktazilah	40
(g) Haram meyakini bahawa azab kubur pasti berlaku. Azab kubur hanya boleh dipercayai sahaja tidak dengan yakin berlakunya kerana ia hanya bersumberkan hadis ahad. (kenyataan al-Nabhani dalam kitab al-Dausiyah al-Fikriyyah, halaman: 338)	73
4.2 Pandangan dari sudut feqah:	
a) Sesiapa sahaja boleh berjihad. (al-Nabhani: at-Tafkir, cetakan pertama, tahun 1973, halaman 122)	79
b) Lelaki dan wanita bebas berjabat tangan. (al-Nabhani: an-Nizam al-Ijtima'i fi al-Islam, cetakan keempat, tahun 2003, halaman 51-52)	83
c) Fatwa an-Nabhani boleh bercumbuan dengan wanita ajnabiah	94
d) Harus menonton filem lucah	97
e) Harus mencium wanita bukan mahram tanpa maksud berzina	94
4.3 Fahaman yang meragukan dari sudut politik:	
a) Ketaksuban menegakkan Khilafah	104
b) Ketaksuban terhadap politik sebagai kaedah tertinggi Hizbut Tahrir (kitab Mafahim Hizbut Tahrir, cetakan keenam, tahun 2001, halaman 75)	119
c) Mendakwa negara Islam moden sebagai negara kufur (al-Nabhani: al-Shaksiah al-Islamiyyah, jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman 61)	124

d) Menghukum sistem demokrasi sebagai sistem kufur (Risalah al-Maktab al-I'lami wilayah Mesir, nombor rujukan 14/01 tarikh 12/1/2014).....	139
e) Kegagalan melantik khalifah adalah salah satu dosa terbesar (al-Nabhani: al-Shaksiah al-Islamiyyah jilid 2, cetakan kelima, tahun 2003, halaman 12).....	148
f) Mengambil fahaman ekstrem dalam perkara menjatuhkan pemimpin negara dengan mengatakan seorang pemimpin harus diperangi jika tidak mengamalkan hukum Islam dan menampakkan syiar Islam (Risalah Manhaj Hizbut Tahrir fi al-Taghyir)	182
g) Menyatakan jika sebuah negeri dihuni oleh orang Islam dan berhukum dengan bukan Islam, orang Islam wajib memerangi pemimpinnya hingga mereka berhukum dengan hukum Islam. (al-Nabhani: al-Shaksiah al-Islamiyyah jilid 2, cetakan kelima, tahun 2003, halaman 126).....	188
 4.4 Mengambil pemikiran Taqiyuddin al-Nabhani dan beberapa karya asal Hizbut Tahrir yang dijadikan rujukan dalam penulisan di Sautun Nahdhah (suara kebangkitan). Antara kenyataan dalam Sautun Nahdhah:	
a) Malaysia adalah negara kufur kerana tidak melaksanakan hukum Islam dan mempunyai perlembagaan kufur	194
b) Menyamakan Malaysia dengan Israel bahawa kedua-keduanya kembar tidak seiras	200
c) Menganggap penguasa yang tidak berhukum dengan hukum Islam adalah tidak layak untuk menjadi penguasa dan wajib diperangi atau diberhentikan dari jawatannya	204
d) Berpandangan selagi khilafah tidak tertegak maka seluruh umat Islam berdosa	148
e) Menolak semua sistem yang ada kaitan dengan sistem bukan Islam seperti demokrasi dan pilihan raya dan menghukum berdosa orang yang terlibat dengan pilihan raya.....	206
 4.5 Fahaman-fahaman lain yang terkandung dalam ajaran Hizbut Tahrir	
a) Berpegang dengan pemikiran Tabanni iaitu mewajibkan penganut akur dengan sebarang fatwa yang dikeluarkan oleh parti tanpa diketahui siapa yang mengeluarkannya	212
b) Haram mengasaskan pertubuhan kebajikan.....	219
c) Mana-mana dakwah yang tidak berjaya selepas 23 tahun merupakan dakwah yang salah dan perlu menukar caranya	223

4.6 Mengancam keharmonian dan keselamatan negara	
a) Penolakan terhadap sistem pilihan raya, akan mendatangkan kesan negatif terhadap peratusan keluar mengundi orang Islam yang boleh mengancam kelangsungan penguasaan politik umat Islam	229
b) Kesan dari ketidakstabilan politik ini akan menimbulkan krisis perkauman dan memberi kesan kepada keharmonian dan keamanan negara.....	238
c) Kecenderungan menggulingkan pemerintah dengan alasan pemerintah tidak melaksanakan hukum Islam	249
Khatimah	253

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

﴿قُلْ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكُذِبَ لَا يُفْلِحُونَ﴾

“Katakanlah: Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan kebohongan terhadap Allah tidak akan beruntung” [Yunus (10): 69]

Segala puji bagi Allah (swt), Tuhan Pencipta manusia, alam semesta dan kehidupan. Selawat dan salam semoga tercurah ke atas Junjungan besar lagi mulia, Muhammad (saw), keluarga dan sahabat-sahabat baginda serta orang-orang yang mengikut jejak langkah baginda sehingga hari kiamat.

Sebagaimana yang kami janjikan bahawa kami akan menjawab fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor (JFNJ) ke atas Hizbut Tahrir satu per satu, *Alhamdulillah* dengan izin Allah (swt), kami telah menyiapkannya dan kami bentangkannya di sini untuk tatapan JFNJ khususnya, dan untuk tatapan umat Islam amnya.

Kami menyediakan jawapan ini (secara bertulis) setelah Jabatan Mufti Johor menutup pintu kepada segala penjelasan dan perbincangan dengan kami atas alasan yang tidak munasabah. Kami juga membentangkan jawapan ini agar JFNJ menarik balik fatwa ini setelah membaca dan memahaminya. Kami juga mengharapkan agar jawapan ini menjadi iktibar kepada JFNJ khususnya dan kepada semua pihak lain amnya, agar tidak mengulangi fitnah yang sama ke atas Hizbut Tahrir.

Kami telah menjelaskan berulang-ulang kali sebelum ini dan kami tegaskan sekali lagi di sini bahawa fatwa yang dikeluarkan oleh JFNJ ini sesungguhnya sarat dengan fitnah, pembohongan, pendustaan, pemesongan fakta dan penuh kekeliruan ke atas Hizbut Tahrir. Walaupun telah berulang kali juga kami meminta agar JFNJ menarik balik fatwa fitnah ini sebelum ini, kerana tidak mahu JFNJ terus menanggung dosa, namun sedikit pun tidak diindahkan oleh JFNJ.

Sesebuah fatwa tidak seharusnya mengandungi fitnah, kerana jika ia mengandungi fitnah, ia bukan lagi fatwa. Fatwa adalah merujuk kepada proses pengeluaran hukum syarak berkenaan suatu perkara, dan setiap fatwa yang dikeluarkan tidak boleh terpisah daripada sumber rujukan utama dalam Islam iaitu al-Quran, as-Sunnah, Ijma' as-Sahabat dan Qiyas. Ini kerana, maksud fatwa itu sendiri adalah penjelasan mengenai hukum syarak atas suatu permasalahan dari permasalahan-permasalahan yang ada, yang didukung oleh dalil yang berasal daripada al-Quran, as-Sunnah atau didukung oleh ijtihad atau pendapat para Mujtahid. Umum mengetahui bahawa fatwa adalah penjelasan hukum syariat atas pelbagai macam persoalan yang terjadi di tengah-tengah masyarakat. Ini pengertian fatwa menurut Islam. Maka, segala cerita rekaan, fitnah, pembohongan, pendustaan dan seumpamanya bukanlah satu fatwa!

Walaupun fatwa ada sedikit perbezaan dengan ijtihad, namun dari segi proses pengeluarannya adalah sama, yakni sebelum mengeluarkannya, seseorang hendaklah memahami *waqi' al-haditsah* (realiti yang berlaku) dan memahami nas (*fahm an-nas*). *Fahmu*

an-nas adalah usaha memahami dalil-dalil syariat hingga diketahui *dilalah al-hukm* (penunjukan hukum) yang terkandung dalam dalil tersebut. Sedangkan *fahmu al-waqi' al-haditsah* adalah usaha mengkaji dan meneliti realiti yang hendak dihukumi agar pokok persoalan atau faktanya diketahui dengan tepat dan benar. Maka barulah meletakkan nas yang sesuai dengan *waqi'* tersebut, untuk dikeluarkan hukumnya yang berupa fatwa ke atas perkara tersebut.

Malangnya hal itu tidak terjadi dalam fatwa yang dikeluarkan oleh JFNJ ke atas Hizbut Tahrir. Walaupun kami akui sebahagian kecilnya faktanya adalah benar, namun sebahagian besarnya adalah fitnah dan pembohongan ke atas Hizbut Tahrir. Malah, sebahagian kecil fakta yang benar itu pun diungkap dengan cara yang salah dan mengelirukan, dan diungkap dengan cara yang cukup negatif serta meletakkan Hizbut Tahrir dalam kedudukan bersalah.

Dalam fatwa ini juga, faktanya amat jelas menunjukkan betapa JFNJ gagal membezakan antara persoalan akidah dengan hukum syarak. Pada keseluruhan fatwa, sebagaimana dijelaskan dalam Butiran ke-4, JFNJ menyatakan bahawa fahaman atau ajaran Hizbut Tahrir Malaysia adalah bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sedangkan Butiran yang terkait dengan akidah hanyalah Butiran 4.1 sahaja, manakala Butiran selebihnya adalah terkait dengan hukum syarak, persoalan politik serta persoalan pentadbiran dalam Hizbut Tahrir yang langsung tidak ada kena mengena dengan persoalan akidah. Manakala dalam Butiran 4.6, ia merupakan tuduhan dusta dari JFNJ ke atas Hizbut Tahrir yang bukan sahaja tidak ada kena mengena dengan persoalan akidah, tetapi telah menampakkan apakah niat sebenar JFNJ dalam mengeluarkan fatwa ini.

Selain daripada segala fitnah dan pembohongan yang dilakukan, ingin kami nyatakan di sini bahawa banyak rujukan kitab yang dibuat oleh JFNJ ternyata salah dari segi muka suratnya, dan apa yang lebih malang daripada itu ialah, beberapa rujukan yang dibuat oleh JFNJ, bukan kepada kitab *mutabannat* Hizbut Tahrir. Kesilapan seumpama ini menunjukkan sejauh manakah tahap profesionalisme dan keintelektualan JFNJ dalam mengeluarkan sesebuah fatwa, walhal ia merupakan satu perkara yang sangat penting dalam Islam, apatah lagi apabila melibatkan isu akidah.

Ingin kami tegaskan di sini bahawa fatwa JFNJ ini, sebagaimana yang telah kami tegaskan terhadap fatwa Selangor dan Sabah, hanyalah merupakan sebuah fatwa politik, tidak lebih daripada itu. Sekiranya JFNJ benar-benar mencari redha Allah (swt) dalam pengeluaran sesebuah fatwa, nescaya JFNJ tidak akan mengeluarkan fatwa seumpama ini.

Walaupun serangan bertubi-tubi dengan menggunakan semua corong dan lorong telah dilakukan oleh pihak berkuasa agama Johor terhadap Hizbut Tahrir, namun oleh kerana kami tetap mengharap dan mahukan kebaikan buat anda, maka kami berusaha menyiapkan jawapan ini, bagi meringankan beban anda di akhirat sekiranya anda menarik balik fatwa ini, dan jika anda tidak berbuat demikian, kami serahkan urusan anda sepenuhnya kepada Allah (swt), kerana Dia-lah Pemilik segala urusan.

4.1 Fahaman dari sudut akidah antaranya:

(a) Mengatakan kepercayaan qadha' dan qadar ini diambil dari falsafah Yunani (al-Nabhani: al-shaksiah al-Islamiyyah jilid 1, halaman: 66).

Sebelum kami menjelaskan di mana kesalahan dan kekeliruan JFNJ dalam hal ini, kami ingin menasihatkan JFNJ bahawa anda seharusnya meletakkan rujukan penuh akan kitab yang anda sebutkan berupa cetakan yang ke berapa. Ini bagi memastikan bahawa rujukan anda adalah betul dan memudahkan kami untuk memeriksa dan menjawabnya. Ia juga akan memudahkan siapa sahaja yang ingin membuat rujukan bagi memastikan sama ada anda telah memetik secara benar apa yang Hizbut Tahrir sebutkan. Kekurangan seperti ini tidak sepatutnya dilakukan oleh sebuah Jawatankuasa Fatwa yang ingin mengeluarkan sesebuah fatwa berdasarkan kitab yang mereka ingin sanggah!

Kami mengandaikan bahawa muka surat 66 yang dirujuk itu ialah kitab berbahasa Arab, cetakan ke-6 tahun 2003 di bawah tajuk 'Bagaimana Munculnya Masalah al-Qadha' wa al-Qadar', dan kami akan menjawab kesalahan dan kekeliruan JFNJ berdasarkan apa yang terkandung dalam bab ini. Berikut kami paparkan muka surat 66:

كيف نشأت مسألة القضاء والقدر

إذا استثنينا مسألة مُرتكب الكبيرة التي اعتزل بها واصل بن عطاء رأس المعتزلة حلقة الحسن البصري، فإننا لا نكاد نجد مسألة من مسائل علم الكلام إلا كانت ناشئة عن مسألة سبق للفلاسفة اليونان أن بحثوها. ومسألة (القضاء والقدر) بهذا الاسم وبالمسمى الذي بحثوه قد بحثها الفلاسفة اليونان واختلفوا فيها. فإن هذه المسألة تسمى (القضاء والقدر) وتسمى (الجبر والاختيار) وتسمى (حرية الإرادة) وكلها تعني مسمى واحداً وهو: أن ما يحدث من الإنسان من أفعال هل الإنسان حرٌّ في إحداتها وعدم إحداتها أو مجبور؟ وهذا المعنى لم ينظر بهال المسلمين - قبل ترجمة الفلسفة اليونانية - أن يبحثوه. وإنما بحثه الفلاسفة اليونان واختلفوا فيه. فالأبيقوريون يرون أن الإرادة حرة في الاختيار، والإنسان يفعل جميع الأفعال بإرادته واختياره دون أي إكراه. أما الرواقيون فإنهم يرون أن الإرادة مجبرة على السير في طريق لا يمكنها أن تتعداها، والإنسان لا يفعل شيئاً بإرادته وإنما هو مجبور على فعل أي شيء ولا يملك أن يفعل وأن لا يفعل. فلما جاء الإسلام وتسربت الأفكار الفلسفية كانت من أهم المسائل مسألة صفة العدل بالنسبة إلى الله. فالله عادل ويزترَب على هذا العدل مسألة الثواب والعقاب، وترتب على ذلك مسألة قيام العبد بأفعاله جرباً على منهج البحث الذي ساروا عليه من بحث المسألة وما يتفرع عنها والتأثر بأبحاث الفلاسفة، أي بما درسوه من أفكار فلسفية تتعلق بموضوعاتهم التي يردون عليها. وأظهر ما في هذا

Terjemahan:

Bagaimana Munculnya Masalah Qadha' Dan Qadar - Apabila kita sisihkan topik tentang 'pelaku dosa-dosa besar' (murtakibu al-kabirah) yang membuat Washil bin Atha' - pimpinan aliran Mu'tazilah - keluar dari pengajian (halqah)-nya Hasan al-Bashri, maka hampir dapat dipastikan bahawa kita menemukan berbagai topik pembahasan di dalam ilmu kalam yang berasal dari topik-topik pembahasan yang pernah disinggung oleh para ahli falsafah Yunani. Pembahasan al-qadha' wa al-qadar - sesuai dengan nama dan perkara yang mereka bahas - pernah dibahas oleh para ahli falsafah Yunani. Mereka berselisih pendapat dalam perkara ini. Perkara ini dinamakan dengan al-qadha' wa al-qadar, disebut juga dengan istilah al-jabr wa al-ikhtiyar, dikenal juga dengan hurriyah al-iradah. Semuanya memiliki makna yang sama, iaitu apakah perbuatan manusia itu bebas (hurrun) dari sisi mewujudkannya ataupun tidak mewujudkannya; ataukah

manusia itu dipaksa (majbur)? Makna seperti ini tidak pernah ada dalam benak kaum Muslimin sebelum diterjemahkannya filsafat Yunani. Persoalan tersebut pernah dikaji oleh ahli falsafah Yunani dan mereka berselisih pendapat dalam hal itu. Kelompok Abiquriyyun berpendapat bahawa iradah itu bererti bebas dalam berikhtiar (memilih), dan manusia melakukan semua perbuatannya berdasarkan keinginan dan ikhtiarnya tanpa ada paksaan apa pun. Sedangkan kelompok Ruwaqiyyun berpendapat bahawa iradah itu dipaksa berjalan pada alur yang tidak mungkin dilampauinya. Manusia tidak melakukan sesuatu berdasarkan kehendaknya akan tetapi dia dipaksa melakukan segala sesuatu dan tidak berkuasa untuk melakukan (sesuatu) ataupun tidak melakukan. Tatkala Islam datang dan pemikiran-pemikiran filsafat telah tersebar luas muncul permasalahan yang sangat penting, iaitu tentang keadilan yang dinisbahkan kepada Allah. Allah itu Maha Adil. Rangkaian dari topik ini adalah timbulnya pembahasan tentang pahala dan seksaan. Reaksi berantai berikutnya adalah munculnya permasalahan tentang pelaksanaan seluruh perbuatan seorang hamba yang bertumpu pada metode pembahasan yang mereka jalani, terutama dengan topik pembahasan dan cabang dari pembahasan (sebelum)nya serta adanya pengaruh pembahasan-pembahasan yang bersifat falsafah. Apa yang mereka pelajari dipengaruhi oleh pemikiran-pemikiran filsafat yang berkaitan dengan pokok-pokok masalah yang mereka hadapi...”

Tuduhan JFNJ ialah Hizbut Tahrir mengatakan “kepercayaan qadha' dan qadar ini diambil dari falsafah Yunani” padahal dalam muka surat yang berkenaan, malah dalam keseluruhan bab yang berkenaan, tidak wujud pun istilah “kepercayaan” sebagaimana dakwaan JFNJ. Siapa pun yang membaca muka surat atau keseluruhan bab berkenaan, akan dapati bahawa Hizbut Tahrir membincangkan mengenai ‘makna (pengertian)’ dan ‘pembahasan’ tentang *al-qadha’ wa al-qadar*, bukannya mengenai “kepercayaan” terhadap *al-qadha’ wa al-qadar*. **Makna dan pembahasan** itulah (sebagaimana yang dibawa oleh kelompok-kelompok Mutakallimin) yang **berasal dari falsafah Yunani**; dan Hizbut Tahrir menjelaskan bahawa Mu’tazilah adalah kelompok paling awal membahaskannya.

Kami ulangi, **‘makna dan pembahasan’ mengenai *al-qadha’ wa al-qadar* itulah yang diambil dari falsafah Yunani, bukannya ‘kepercayaan’ terhadap *al-qadha’ wa al-qadar***. Hal ini merupakan dua perkara yang berbeza!

Dalam bab tersebut, Hizbut Tahrir menjelaskan bahawa kelompok Mu’tazilah telah menyampaikan pendapat-pendapat mereka mengenai perkara ini. Manakala Jabariyah dan Ahlu Sunnah menolak pendapat Mu’tazilah, dan Ahlu Sunnah juga menolak pendapat Jabariyah. Pembahasannya terbatas pada makna itu sendiri, dan senantiasa berada dalam satu ruang lingkup. Atas dasar itu, permasalahannya adalah makna yang terdapat/dimiliki falsafah Yunani, yang muncul ketika terjadi perdebatan antara kaum Muslimin dengan orang-orang kafir yang membekali diri mereka dengan falsafah Yunani. Makna ini berhubungan dengan akidah. Mereka (kaum Muslimin) bermaksud untuk memberikan pendapat Islam mengenai pengertian tersebut. Maka, kelompok Mu’tazilah memberikan pendapatnya. Kemudian muncul kelompok Jabariyah yang menolak pendapat Mu’tazilah seraya mengeluarkan pendapat yang lain, dan kemudian muncul pula kelompok Ahlu Sunnah yang menentang kedua-dua pendapat tadi, sambil memberikan pendapat yang berbeza pula.

Ternyata JFNJ tidak memahami apa yang disampaikan dalam bab tersebut, atau salah dalam memahaminya, tetapi terus melontarkan tuduhan menurut kefahaman yang salah tersebut. JFNJ seharusnya meneliti keseluruhan bab tersebut dan bab lain yang berkaitan untuk memahami apa yang hendak disampaikan, bukannya dengan membaca sebahagian daripadanya sahaja, lalu terus melontarkan tuduhan.

Jika pun JFNJ telah membacanya secara keseluruhan bab yang berkenaan dan kesemua bab yang terkait dengannya, ternyata pembacaan tersebut gagal memberi kefahaman yang benar kepada JFNJ. Inilah hakikat sebuah ‘pembacaan’ apabila tidak ada guru yang mensyarahkannya, di mana ia sentiasa terdedah kepada salah faham, apatah lagi bagi mereka yang busuk hatinya dan membaca dalam rangka ingin mencari kesalahan, bukannya ingin mencari kebenaran dengan apa yang mereka baca!

Bab ‘Bagaimana Munculnya Masalah *al-Qadha’ wa al-Qadar*’ dalam kitab *Asy-Syaksiyyah al-Islamiyyah* Jilid I itu membincangkan mengenai perselisihan yang tajam dalam hal akidah, yang terjadi dalam kalangan kaum Muslimin, khususnya golongan Mutakallimin (ahli kalam), mengenai makna *al-qadha’ wa al-qadar* yang berpunca daripada perkara yang dibahas oleh ahli falsafah Yunani. Kaum Muslimin yang pada awalnya menterjemah kitab falsafah Yunani dan cuba merungkai masalah yang terdapat di dalamnya, tetapi kemudian tenggelam dalam masalah tersebut hingga memunculkan kelompok Mu’tazilah, kemudian muncul kelompok Jabariah yang menyanggah pendapat mereka, dan kemudian muncul pula kelompok Ahlu Sunnah yang menyanggah pendapat keduanya.

Bagaimana pun, jika apa yang ingin dimaksudkan oleh JFNJ ialah “pembahasan” mengenai *al-qadha’ wa al-qadar* berasal dari falsafah Yunani, maka kami katakan ya, bahawa pembahasan *al-qadha’ wa al-qadar*, yang menjadikan umat Islam terpecah-belah dalam masalah ini sejak dulu sampai sekarang, adalah berasal dari pembahasan para Mutakallimin yang terpengaruh dengan kaedah pembahasan dan pemahaman ahli falsafah Yunani.

Tahukah anda wahai JFNJ bahawa pengertian istilah yang ditunjukkan oleh sebutan *al-qadha’ wa al-qadar* itu tidak dijumpai kecuali setelah munculnya Mutakallimin pada hujung abad pertama dan setelah penterjemahan falsafah Yunani. Ia belum pernah ada pada zaman Sahabat, dan belum pernah terjadi perdebatan ataupun silang pendapat tentang dua kalimat tersebut (sebagai satu nama) untuk penyebutan istilah tertentu. Sepanjang masa para Sahabat, kaum Muslimin tidak pernah membahas hal *al-qadha’ wa al-qadar* sebagaimana pembahasan para Mutakallimin, meskipun kata *al-qadha’* dan kata *al-qadar* (secara terpisah) terdapat di dalam hadis-hadis dan mereka mendengarnya secara langsung daripada Rasulullah (saw).

Wahai JFNJ! Sekiranya anda tidak bersetuju bahawa topik pembahasan tersebut berasal dari para ahli kalam yang terpengaruh dengan pembahasan ahli falsafah Yunani, sebagaimana yang disebut oleh Hizbut Tahrir, maka apa yang sepatutnya anda lakukan ialah mendatangkan hujah serta bukti yang sebaliknya, iaitu dari manakah tercetusnya pembahasan mengenai *al-qadha’ wa al-qadar*, sebagaimana fahaman yang dibawa oleh golongan Mu’tazilah, Jabariyyah dan Ahlu

Sunnah yang wujud hingga ke hari ini? Dari manakah semua pembahasan yang memecah-belahkan umat Islam ini berasal? Sila datangkan hujah dan bukti anda jika anda tidak bersetuju dengan Hizbut Tahrir!

Seterusnya, kami ingin jelaskan secara ringkas apakah intipati perbincangan dalam kitab Asy-Syaksiyyah al-Islamiyyah Jilid I mengenai perkara ini, agar anda memahami perbincangannya dengan benar.

Syaikh Taqiyuddin telah membahagi pembahasan *al-qadha' wa al-qadar* kepada tiga bab dengan menjelaskannya secara jelas lagi nyata berdasarkan dalil-dalil al-Quran dan as-Sunnah iaitu bab *al-qadha'* (sahaja), bab *al-qadar* (sahaja) dan bab *al-qadha' wa al-qadar* (sebagai satu istilah).

Jika anda membaca secara keseluruhan kesemua bab tersebut, nescaya anda akan dapat melihat bahawa pembahasan mengenai *al-qadha' wa al-qadar* (sebagai satu istilah) merupakan pembahasan yang baru muncul (di zaman Mutakallimin) yang tidak ada kaitannya sama sekali dengan makna *al-qadha'* dan makna *al-qadar* sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Quran dan al-Hadis. Kalimat *al-qadha' wa al-qadar* (secara gabungan) yang diletakkan oleh para Mutakallimin adalah sebutan dengan pengertian yang diambil daripada para ahli falsafah Yunani. Makna semacam itu belum pernah dibuat sebelumnya, baik menurut bahasa mahupun syarak. Makna *al-qadha'* dan makna *al-qadar* yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Hadis, baik dari segi makna bahasa mahupun syarak, sangat jauh daripada pengertian yang telah dibuat oleh kelompok Mutakallimin.

Bagaimana pun, Hizbut Tahrir menjelaskan bahawa pembahasan *al-qadha' wa al-qadar* itu, yang telah menjadi sebahagian daripada persoalan akidah, telah dimasukkan ke dalam rukun iman yang ke-enam.

Istilah '*al-qadha' wa al-qadar*' yang terdiri daripada gabungan dua kata secara bersamaan, memiliki pengertian tertentu. Kata *al-qadha'* yang dihubungkan (disambungkan) dengan kata *al-qadar* menjadikan keduanya dua perkara yang saling terkait dan tidak boleh dipisahkan antara satu dengan yang lain dalam penunjukan maknanya. Keduanya memiliki pengertian/penunjukan tertentu, dan tidak sah jika dimasuki oleh istilah yang lain. Kedua istilah itu secara bersamaan, belum pernah digunakan baik oleh para Sahabat mahu pun oleh sebahagian Tabi'in. Bagi mereka yang mengamati nas-nas syarak dan hal-hal yang berhubungan dengan bahasa, juga bagi mereka yang mengamati perkataan para Sahabat dan Tabi'in serta orang-orang yang datang sesudahnya daripada kalangan ulama, tampak bahawa kata *al-qadha' wa al-qadar* (secara bersamaan) tidak pernah digunakan oleh mereka dengan pengertian tertentu. Terlebih lagi belum pernah muncul dua gabungan kata tadi dengan pengertian tertentu, baik di dalam al-Quran mahu pun al-Hadis, meskipun terdapat gabungan kedua kalimat itu dalam makna bahasanya, dalam sebuah hadis.

Memang terdapat hadis yang ada lafaz '*qadar*' yakni hadis datangnya Jibril menemui Rasulullah (saw) sebagaimana berikut:

أَنَّ تُوْمَانَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ

“Dan engkau beriman kepada Qadar, baiknya dan buruknya” [Dikeluarkan oleh Muslim dari Umar bin al-Khaththab].

Kemudian dalam hadis yang lain disebutkan:

وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَقُلْ: لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَانَ كَذَا وَكَذَا ، وَلَكِنْ قُلْ: قَدَرُ اللَّهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ

“Dan jika sesuatu telah menimpamu maka janganlah engkau sekali-kali berkata, ‘Seandainya aku melakukan begini atau begitu maka hasilnya (pasti) begini’, akan tetapi katakanlah, ‘Allah telah mentakdirkan demikian, dan apa yang Dia kehendaki maka Dia lakukan’” [Dikeluarkan Muslim dari Abu Hurairah].

Pengertian kata ‘qadar’ dalam dua hadis di atas adalah ‘ketentuan Allah (swt) dan keMahatahuan-Nya’, yakni engkau percaya bahawa segala sesuatu telah Allah (swt) tuliskan di Lauh al-Mahfuz dan Dia Maha Mengetahuinya sebelum ia diwujudkan. Jika Allah (swt) menghendaki sesuatu maka Dia langsung lakukan.

Kaum Muslimin tidak pernah berbeza pendapat dan mendiskusikan kata ‘qadar’ menurut pengertian yang terdapat dalam dua hadis tadi, baik dari segi lafaz mahupun *madlunya*, sebelum falsafah Yunani muncul ditengah-tengah mereka. Namun setelah falsafah Yunani berada di tengah-tengah kaum Muslimin, datang sekelompok orang dari negeri Kufah. Mereka berkata: ‘Tidak ada qadar’. Artinya, tidak ada yang menentukan walaupun segala sesuatu terjadi (baharu) tanpa ada pendahulu yang menentukan.

Mereka dinamakan dengan kelompok Qadariyah yang mengingkari qadar (ketentuan Allah). Mereka berkata bahawa Allah (swt) telah menciptakan pokok pangkal segala sesuatu, kemudian meninggalkannya tanpa mengetahui rinciannya. Hal ini berbeza dengan apa yang terdapat di dalam al-Quran, iaitu Allah (swt) sebagai al-Khaliq, Pencipta segala sesuatu baik yang kecil ataupun yang besar, yang pokok ataupun rinciannya. Dialah Yang Maha Tinggi, menentukan segala sesuatu sebelum sesuatu itu terwujud. Artinya telah tertulis di Lauh al-Mahfuz, yakni Allah (swt) Maha Mengetahui sebelum sesuatu itu diwujudkan.

Hizbut Tahrir seterusnya menjelaskan masalah al-qadha’ wa al-qadar yang menempati peranan penting pada kelompok Mutakallimin. Mereka semuanya telah menjadikan perbuatan hamba (manusia) dan apa yang muncul dari perbuatan tersebut – berupa khasiat-khasiat yang ditimbulkan oleh manusia disebabkan perbuatannya terhadap sesuatu - sebagai objek pembahasan. Mereka menjadikan asas pembahasan pada (jawapan dari pertanyaan) apakah perbuatan hamba serta khasiat-khasiat yang ditimbulkan dari perbuatannya itu diciptakan oleh Allah (swt) ataukah diciptakan oleh hamba itu sendiri? Dan apakah hal itu terjadi dengan *iradah* Allah (swt) atau dengan *iradah* hamba?

Penyebab munculnya pembahasan ini adalah kerana Mu’tazilah telah mengambil falsafah Yunani begitu sahaja, dengan nama atau sebutan *al-qadha’ wa al-qadar* atau *hurriyatul iradah* atau *al-*

jabr dan al-ikhtiyar. Topik ini tidak pernah terdapat dalam pembahasan kaum Muslimin kecuali setelah adanya kelompok Mu'tazilah yang memulakannya dan disanggah pula oleh kelompok Mutakallimin lainnya, yang kemudiannya menimbulkan perdebatan yang tidak berkesudahan dalam sejarah Islam sehinggalah ke hari ini.

Dalam kitab *Asy-Syakhsyah al-Islamiyyah* Jilid I tersebut, setelah menjelaskan pengertian *al-qadha'* berserta dalil-dalilnya dan pengertian *al-qadar* berserta dalil-dalilnya dan *al-qadha' wa al-qadar* (sebagai satu istilah), kemudian Hizbut Tahrir menjelaskan pula kesalahan serta kekeliruan kelompok-kelompok Mutakallimin dalam pembahasan *al-qadha' wa al-qadar*, lalu Hizbut Tahrir menjelaskan bagaimana untuk mendudukan pembahasan *al-qadha' wa al-qadar* pada tempat duduknya yang sebenar, tanpa terpengaruh dengan pembahasan Mutakallimin yang telah terjebak dengan falsafah Yunani dalam membahaskannya.

Wahai JFNJ! Jika anda mengkaji sejarah dalam hal ini, berdasarkan fakta yang tidak dapat dinafikan, sungguh amat jelas bahawa *al-qadha' wa al-qadar* (sebagai satu kalimah) merupakan istilah khas atau topik baru yang muncul setelah kaum Muslimin berinteraksi dengan falsafah Yunani. Mutakallimin terjebak dengan pembahasan yang dibawa oleh ahli falsafah Yunani dengan membincangkan persoalan baru yang mereka namakan sebagai *al-qadha' wa al-qadar* atau *al-jabr wa al-ikhtiyar* atau *hurriyah al-iradah* sehingga mereka terpecah kepada tiga kelompok besar iaitu Mu'tazilah, Jabariyyah dan Ahlu Sunnah. Malangnya, pembahasan mereka telah terpesong daripada al-Quran dan al-Hadis, serta apa yang difahami oleh para sahabat.

Namun demikian, tidak dinafikan bahawa pembahasan *al-qadha' wa al-qadar* ini telah diletakkan dalam persoalan akidah yang penting, yang menjadi asas ke-enam dalam rukun iman.

Kesimpulannya, apa yang dijelaskan oleh kitab *asy-Syakhsyah al-Islamiyyah* Jilid I adalah meluruskan pandangan golongan Mutakallimin yang terpengaruh dengan falsafah Yunani dan menyebabkan mereka terkeliru dalam memahami persoalan yang dibahaskan. Dalam kitab tersebut, Hizbut Tahrir telah mendatangkan dalil al-Quran dan as-Sunnah dalam setiap pembahasan *al-qadha'* dan pembahasan *al-qadar*, serta mengemukakan sejarah, hakikat dan fakta mengenai pembahasan *al-qadha' wa al-qadar* di samping meletakkan pembahasan di tempat letaknya yang sebenar tanpa terpengaruh dengan pembahasan kelompok Mutakallimin mahupun falsafah Yunani.

Siapa pun yang membaca (dan memahami) kitab tersebut dengan ikhlas dan hati yang baik, akan mendapati bahawa melalui kitab tersebut, Hizbut Tahrir telah menjernihkan perbincangan topik/subjek *al-qadha' wa al-qadar* dengan sejernih-jernihnya, setelah ia dikeruhkan dan dikelirukan oleh kelompok Mutakallimin.

Justeru, wahai JFNJ, sebagaimana yang telah kami sebutkan di awal, sila datangkan hujah dan bukti anda jika anda ingin menyanggah pendapat Hizbut Tahrir dalam bab ini! Sila datangkan bukti, jika ada, di dalam al-Quran dan al-Hadis, akan istilah dan pembahasan *al-qadha' wa al-qadar* sebagaimana yang dibahas oleh Mutakallimin yang menjadi pegangan anda!

Sila datangkan bukti di manakah dalam sirah Rasulullah (saw) dan sirah para Sahabat (ra), bahawa mereka membincangkan persoalan *al-qadha' wa al-qadar* sebagaimana yang dibahaskan oleh Mutakallimin!

Sila datangkan bukti di manakah para Sahabat membahas perkara ini, dan perbezaan pandangan mereka, atau tindakan mereka yang saling menyalahkan satu sama lain dalam hal *al-qadha' wa al-qadar*, sebagaimana pembahasan dan tindakan Mutakallimin!

Sila datangkan segala bukti tersebut jika anda tidak bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Hizbut Tahrir! Sila datangkan hujah dan bukti yang kukuh untuk anda menyangkal apa yang disebut oleh Hizbut Tahrir, dan bukannya dengan mendatangkan fatwa fitnah anda dalam masalah ini!

Kami ulangi, bahawa Hizbut Tahrir ialah satu-satunya parti yang menjawab dan membahaskan dengan jelas lagi terang akan masalah *al-qadha' wa al-qadar* dengan meletakkan perbincangan di tempat letaknya yang sebenarnya.


(b) Perbuatan manusia tidak ada hubungannya dengan qadha' dan qadar Allah (al-Nabhani: al-Shaksiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman: 94-95).

Jika frasa yang menjadi rujukan JFNJ adalah frasa berikut, maka kami katakan ya benar, ia terdapat dalam kitab yang disebutkan, dan pada muka surat yang disebutkan:

وهذه الأفعال لا دخل لها بالقضاء ولا دخل للقضاء بها

Perbuatan-perbuatan ini tidak termasuk dalam (wilayah) qadha'.

Kami ingin katakan di sini bahawa JFNJ sengaja memetik sepotong ayat secara tidak sempurna, sehingga telah melarikan maksudnya yang sebenar. Justeru, kami paparkan ayat tersebut sepenuhnya agar ia membawa maksud yang lebih lengkap.



وهذه الأفعال لا دخل لها بالقضاء ولا دخل للقضاء بها لأن الإنسان هو الذي قام بها بإرادته واختياره وعلى ذلك فإن الأفعال الاختيارية لا تدخل تحت القضاء

Perbuatan-perbuatan ini tidak termasuk dalam (wilayah) qadha', begitu juga sebaliknya, kerana manusia melakukannya berdasarkan keinginan dan pilihannya, oleh itu perbuatan-perbuatan yang bersifat ikhtariyyah tidak termasuk dalam (wilayah) qadha'.

Berdasarkan frasa tersebut, Hizbut Tahrir menjelaskan bahawa “perbuatan” yang dimaksudkan, yakni yang tidak termasuk dalam (wilayah) qadha', adalah perbuatan yang termasuk dalam kategori ikhtariyyah (boleh pilih), bukannya semua perbuatan.

JFNJ hanya memetik secebis sahaja daripada ayat tersebut dan meletakkannya dalam fatwa dalam bentuk yang memberi gambaran bahawa Hizbut Tahrir berpandangan bahawa “semua perbuatan” tidak ada hubungan dengan qadha'. Jika JFNJ ada sekelumit keikhlasan dalam membuat petikan, nescaya JFNJ akan memasukkan ayat tersebut secara sepenuhnya supaya setiap orang yang membacanya akan dapat memahami bahawa apa yang disebut oleh Hizbut Tahrir ialah ‘perbuatan yang bersifat ikhtariyyah (sahaja)’ yang tidak termasuk dalam (wilayah) qadha', bukannya ‘semua perbuatan’.

Kami akan jelaskan pembahasan tentang perkara ini di bawah, supaya hati-hati yang bersih dapat memahaminya dengan benar:-

Pengertian al-Qadha` wa al-Qadar dan Dasar Pembahasannya

Persoalan *al-qadha' wa al-qadar* dibahas dengan mendalam oleh Hizbut Tahrir, khususnya di dalam kitab *Asy-Syakhsyiyah al-Islamiyyah*, Jilid I. Kitab ini, sebagaimana kitab Hizbut Tahrir lainnya, amat mudah untuk diperolehi dan ditelaah, di mana pembahasan *al-qadha' wa al-qadar* sangat jelas di dalamnya, khususnya bagi mereka yang mencari kebenaran. Di dalam kitab tersebut, Hizbut Tahrir membahas makna "*al-qadha'*" (sahaja), makna "*al-qadar*" (sahaja), dan makna "*al-qadha' wa al-qadar*" (sebagai gabungan satu istilah). Kami tidak akan mengulanginya pembahasan terperinci di sini kerana siapa sahaja yang ingin mengetahui pembahasan oleh Hizbut Tahrir dalam bab ini, boleh merujuk kepada kitab berkenaan secara sepenuhnya, di samping akan merujuk kepada kami jika mempunyai keraguan atau persoalan, bukannya dengan terus melontarkan fitnah.

Siapa sahaja yang ingin mengkaji persoalan *al-qadha' wa al-qadar* dengan mendalam, wajib mengenal pasti asas yang dijadikan dasar untuk membahas persoalan ini. Dengan itu barulah pembahasannya berada pada posisi yang betul, dan boleh menghasilkan natijah yang dituntut oleh dasar pembahasan ini. Dia juga tidak boleh terpengaruh dengan metode golongan Mutakallimin dalam membahasnya. Walau bagaimanapun, adalah bagus untuknya mengkaji dan memahami pembahasan golongan Mutakallimin dalam rangka mengetahui dan menjawab kekeliruan golongan tersebut dalam perkara ini. Inilah yang dilakukan oleh Hizbut Tahrir, yakni menjelaskan sejarah dan intipati perdebatan golongan Mutakallimin serta kesalahan dan kekeliruan mereka, lalu Hizbut Tahrir mendudukan persoalan *al-qadha' wa al-qadar* pada tempat duduknya yang sebenar.

Apabila JFNJ menyatakan yang Hizbut Tahrir berpendapat bahawa perbuatan manusia tidak ada hubungannya dengan qadha' dan qadar Allah, sekali imbas kami sudah mengetahui bahawa JFNJ tidak jujur dalam membuat kenyataan, kerana hanya menukil sebahagian sahaja, di samping JFNJ sebenarnya tidak memahami pembahasan yang dilakukan oleh Hizbut Tahrir. Malangnya JFNJ tidak mahu bertanya dan tidak mahu bertabayyun dengan Hizbut Tahrir dalam persoalan ini. Apa yang jelas, JFNJ sebenarnya masih tidak memahami pembahasan sebenar *al-qadha' wa al-qadar* yang dibawa oleh Hizbut Tahrir, kerana kelihatannya JFNJ masih terpengaruh dengan pembahasan Mutakallimin.

Setelah menghurai kesalahan dan kekeliruan kelompok Mutakallimin dalam pembahasan *al-qadha' wa al-qadar*, Hizbut Tahrir menjelaskan bahawa penunjukan kata *al-qadha' wa al-qadar*, atau dengan kata lain, masalah *al-qadha' wa al-qadar*, adalah pembahasan mengenai perbuatan manusia (أفعال العباد) dan karakteristik benda (خاصيات الأشياء). Oleh itu, persoalannya ialah sekitar perbuatan manusia dan natijah daripada perbuatan ini berupa karakteristik (خاصيات) yang ditimbulkan oleh manusia terhadap benda. Persoalannya ialah, adakah karakteristik itu datang dari Allah (swt), yang mana Allah-lah yang menciptakan dan mewujudkannya? Atau

adakah ia datang daripada manusia, atau dengan kata lain manusialah yang menciptakan dan mewujudkannya. Inilah pengertian, sekali gus intipati yang perlu dirungkai dalam pembahasan *al-qadha' wa al-qadar*.

Seterusnya perlu difahami bahawa topik/subjek pembahasan *al-qadha' wa al-qadar* tidak boleh dipisahkan daripada masalah pahala dan dosa atas perbuatan manusia. Dengan kata lain, apakah manusia dipaksa melakukan suatu perbuatan (sama ada baik atau buruk) atau, adakah manusia diberi pilihan? Adakah manusia diberi pilihan untuk mengerjakan atau meninggalkan perbuatan, atau tidak mempunyai pilihan? Semua ini perlu dikaitkan dengan dosa dan pahala agar perbincangannya akan membawa makna serta kefahaman yang benar.

Fakta Perbuatan Manusia dan Hubungannya dengan al-Qadha' wa al-Qadar

Siapa sahaja yang meneliti dengan mendalam akan perbuatan manusia, pasti akan mendapati bahawa manusia hidup dalam dua lingkaran (دائرتين). Salah satunya ialah lingkaran yang manusia kuasai, dan itu merupakan lingkaran yang termasuk dalam wilayah kekuasaannya, sesuai dengan kehendaknya. Perbuatan yang manusia lakukan di dalam lingkaran ini merupakan pilihannya sepenuhnya. Sedangkan lingkaran yang satu lagi, iaitu lingkaran yang menguasai diri manusia, di mana perbuatan yang terjadi di dalam lingkaran ini tidak boleh di kawal oleh dirinya, baik yang terjadi (berasal) dari manusia itu sendiri, atau kejadian yang menimpa dirinya.

Adapun perbuatan yang terjadi dalam lingkaran yang menguasainya, tidak boleh dikawal oleh manusia dan manusia sama sekali tidak boleh mengendalikannya, terbahagi kepada dua bahagian: Bahagian pertama, tertakluk secara langsung kepada *nidzam al-wujud* (hukum alam), manakala bahagian kedua pula tidak tertakluk secara langsung kepada *nidzam al-wujud*. Meskipun begitu, tidak ada satu pun yang boleh terlepas dari *nidzam al-wujud*.

Adapun apa yang tertakluk kepada *nidzam al-wujud* secara langsung, maka *nidzam al-wujud* itulah yang menentukannya. Oleh itu, ia pasti berjalan mengikuti *nidzam al-wujud* secara fitrah, kerana ia mesti berjalan mengikuti alam serta kehidupan menurut sistem tertentu, dan tidak akan menyimpang darinya. Dengan itu, perbuatan manusia dalam lingkaran ini tidak akan menurut kehendaknya, kerana ia dipaksa dan tidak mempunyai pilihan. Sebagai contoh, manusia hidup di dunia ini tanpa dia kehendaki, dia meninggalkan dunia pun tanpa dia kehendaki, dia tidak boleh terbang di udara dengan tubuhnya secara fitrah, dia tidak boleh berjalan di atas air dengan keadaan fitrahnya, dia tidak boleh mencipta warna kedua-dua biji matanya sendiri dan dia juga tidak boleh menentukan bentuk kepala dan tinggi rendah badannya. Yang menciptakan semua itu adalah Allah (swt), tanpa ada campur tangan manusia sedikit pun. Malahan, ia sama sekali tidak ada kaitannya dengan diri manusia itu. Ini kerana, Allah-lah Zat yang Maha mencipta *nidzam al-wujud* dan menjadikannya sebagai pengatur terhadap apa yang ada. Allah (swt) menjadikan apa yang ada berjalan mengikutinya dan apa yang ada tidak boleh menyalahinya.

Sedangkan untuk bahagian kedua, iaitu perbuatan yang tidak berada dalam kawalannya dan ia pun tiada kuasa untuk menolaknya, tetapi ia tidak ditentukan oleh *nidzam al-wujud*, iaitu perbuatan/kejadian yang terjadi, baik berasal daripada manusia atau menimpanya dengan paksa,

dan manusia tidak ada kuasa sama sekali mengelaknya. Contohnya ketika seseorang jatuh dari atas tembok- dan menimpa orang lain, kemudian orang tersebut meninggal. Begitu juga, ketika manusia menembak burung, lalu terkena orang lain yang tidak ia ketahui, kemudian orang tersebut mati. Juga, sebagaimana kereta api, atau kereta berlanggar, atau kapal terbang terhempas kerana kecemasan secara tiba-tiba yang tidak boleh diatasi. Berlanggar dan terhempas ini kemudian menyebabkan terbunuhnya para penumpang dan sebagainya.

Maka, perbuatan yang terjadi, sama ada berasal daripada manusia atau yang menyimpannya, jika ia tidak termasuk dalam apa yang ditetapkan oleh *nidzam al-wujud*, tetapi ia terjadi dari manusia atau menyimpannya di luar kehendaknya dan tidak berada dalam wilayah kekuasaannya, maka perbuatan/kejadian ini termasuk dalam lingkaran yang menguasainya. Semua perbuatan/kejadian ini, yang terjadi dalam lingkaran yang menguasai manusia, inilah yang disebut sebagai *qadha'* kerana Allah-lah Dzat yang menentukan perbuatan atau kejadian tersebut dan manusia tidak memiliki kebebasan untuk mengawal perbuatan atau kejadian tersebut. Manusia juga tidak mempunyai sebarang pilihan di dalamnya. Oleh kerana itu, Allah (swt) tidak akan mempertanggungjawabkan (menghisab) manusia atas perbuatan atau kejadian tersebut, apa pun manfaat atau mudaratnya, samada ia disukai atau tidak disukai oleh manusia.

Itulah hakikat perbuatan manusia dan hubungannya dengan *qadha'*.

Dengan kata lain, apa jua kebaikan atau keburukan yang ada dalam kejadian tersebut (kebaikan dan keburukan mengikut tafsiran manusia), sama sekali tidak akan dipertanggungjawabkan kepada manusia itu. Allah-lah satu-satunya Dzat yang Maha Tahu kebaikan dan keburukan yang ada pada perbuatan atau kejadian tersebut. Ini kerana manusia sama sekali tidak mempunyai pengaruh terhadapnya, tidak pula mengetahuinya, juga tidak tahu bagaimana ia boleh terjadi. Manusia tidak mempunyai kuasa untuk menolak atau menukarnya sama sekali. Kerana itulah, maka manusia tidak akan diberi pahala ataupun seksaan kerana ia (manusia) tidak ada pengaruh sedikit pun ke atas perbuatan/kejadian tersebut. Inilah maksud *qadha'* dalam istilah *al-qadha' wa al-qadar*. Pada waktu inilah dikatakan bahawa perbuatan/kejadian tersebut berlaku kerana *qadha'*. Manusia wajib mengimani *qadha'* ini, bahawa ia berasal dari Allah (swt).

Manakala makna *al-qadha' wa al-qadar* adalah bermaksud perbuatan hamba (manusia) yang terdapat dalam lingkaran yang menguasainya dan seluruh khasiat yang ditimbulkan pada sesuatu. Pengertian iman terhadap *al-qadha' wa al-qadar* - baik dan buruknya dari - Allah (swt) adalah mempercayai bahawa seluruh perbuatan manusia yang terjadi dengan cara paksa ke atasnya (yang menguasainya) di mana manusia tidak dapat mengelaknya, kemudian khasiat yang ditimbulkan pada setiap sesuatu, semua itu datangnya dari Allah (swt), bukan dari hamba (manusia) dan tidak ada campur tangan manusia di dalamnya. Inilah pembahasan *al-qadha' wa al-qadar* yang sebenar yang seharusnya difahami dan diimani oleh setiap Muslim.

Jadi, seluruh perbuatan yang bersifat *ikhtiarriyyah* (boleh pilih) berada di luar pembahasan *al-qadha' wa al-qadar*, kerana seluruh perbuatan seumpama itu (yang boleh dipilih) yang terjadi pada manusia atau yang menyimpannya, itu dilakukan berdasarkan pilihan manusia itu sendiri. Ini kerana, Allah (swt) menciptakan manusia, menciptakan pula khasiat-khasiat pada sesuatu,

menciptakan khasiat pada *gharizah* dan pada *hajatul udhuwiyyah*, kemudian Allah menciptakan untuk manusia itu akal yang mampu membezakan (mana yang baik dan mana yang buruk), dan diberikan kepada manusia ikhtiar (pilihan) untuk melakukan sesuatu perbuatan atau meninggalkannya.

Allah (swt) tidak mewujudkan khasiat-khasiat pada segala sesuatu, tidak mewujudkan *gharizah* dan *hajatul udhuwiyyah*, dalam bentuk yang memaksa manusia untuk melaksanakan atau meninggalkannya. Manusia diberi pilihan untuk memilih sama ada untuk melakukan perbuatan atau meninggalkannya berdasarkan akal yang diberikan oleh Allah (swt), yang mampu membezakan antara yang baik dan yang buruk. Allah (swt) menjadikan akal itu sebagai *manath at-taklif asy-syar'i* (sandaran pembebanan –hukum- syarak). Berdasarkan hal ini, diberikan kepada manusia itu pahala atas perbuatan baik, kerana akalnya telah memilih untuk melakukan perbuatan yang sesuai dengan perintah Allah (swt) dan menjauhi larangan-Nya; dan diberikan seksa atas perbuatan buruk, kerana akalnya memilih tindakan untuk menentang perintah Allah (swt) dan melakukan apa yang dilarang-Nya.

Balasan Allah terhadap perbuatan tersebut (perbuatan yang manusia boleh pilih) merupakan kebenaran dan keadilan, kerana manusialah yang memilih untuk melakukan perbuatan tersebut secara sukarela, bukan dipaksa. Perkara ini tidak ada urusannya dengan *al-qadha' wa al-qadar*. Apa yang menjadi perhatian di sini adalah hamba (manusia)lah yang melakukan perbuatan itu sendiri berdasarkan pilihannya secara sukarela. Atas dasar itu, manusia dipertanggungjawabkan tentang *kasb* (usaha)nya, sesuai dengan firman Allah,

﴿كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ رَهِيْنَةٌ﴾

“Tiap-tiap diri bertanggung jawab atas apa yang telah diperbuatnya” [Al-Mudatstsir (74): 38].

Makna Qadar Dalam Pembahasan al-Qadha' wa al-Qadar

Berkaitan dengan *qadar* pula (dalam istilah/pembahasan *al-qadha' wa al-qadar*), ia merujuk kepada pelbagai kejadian yang terjadi, baik yang berada dalam lingkaran yang dikuasai manusia, atau lingkaran yang menguasai manusia, semuanya terjadi daripada sesuatu dan ke atas sesuatu, sama ada ia berupa alam (مادة الكون), manusia (الإنسان) mahupun kehidupan (الحياة). Kejadian ini menghasilkan suatu kesan atau dengan kata lain, kejadian ini mewujudkan suatu perkara tertentu. Persoalan seterusnya adalah, apakah perkara yang timbul hasil (kesan) daripada perbuatan manusia, berupa berbagai karakteristik yang ada pada sesuatu itu, dicipta oleh manusia ataupun dicipta oleh Allah (swt)?

Siapa sahaja yang melihat dengan mendalam akan mendapati bahawa perkara yang berlaku sebagai akibat daripada benda ini, terhasil daripada karakteristik benda berkenaan, bukan kerana perbuatan manusia. Buktinya, manusia tidak mampu mewujudkan kesan daripada karakteristik pada benda tersebut, kecuali benda tersebut sememangnya mempunyai karakteristik seperti itu. Namun, pada benda yang tidak mempunyai karakteristik seperti itu, maka manusia tidak boleh menghasilkan apa yang dia (manusia) kehendaki. Oleh itu, perkara ini (kesan yang terhasil) bukan

merupakan perbuatan manusia, tetapi merupakan hasil daripada karakteristik benda itu sendiri. Allah (swt) telah mencipta benda berkenaan, dan menetapkan berbagai karakteristik padanya dan ia wujud di dalam objek tersebut dan tidak mungkin terdapat selain dalam objek yang telah Dia tetapkan.

Sebagai contoh, karakteristik yang ada pada benih pokok kurma pasti akan menumbuhkan pokok kurma dan bukannya pokok epal. Seperti juga ketetapan air mani manusia, yang boleh melahirkan manusia dan bukannya haiwan. Jadi, Allah (swt) telah menciptakan berbagai benda dengan mempunyai karakteristik tertentu. Dia telah menciptakan api dengan karakteristik yang boleh membakar, dan kayu dengan karakteristik yang boleh terbakar dan pisau dengan karakteristik yang boleh memotong. Dia juga telah menjadikannya tunduk mengikuti *nizam al-wujud*, dan tidak akan pernah meleset. Ketika karakteristik tersebut tampak meleset (tidak sebagaimana sepatutnya), maka Allah (swt) sebenarnya telah menarik karakteristik yang ada pada objek berkenaan dan ia hanya terjadi di luar kebiasaan yang hanya boleh berlaku pada para Nabi dan merupakan salah satu mukjizat bagi mereka.

Sebagaimana Allah (swt) telah menciptakan berbagai karakteristik tertentu pada benda, Dia juga telah menciptakan naluri (*ghara'iz*) dan keperluan jasmani (*hajatul udhuwiyyah*) pada diri manusia. Allah (swt) juga telah menciptakan karakteristik tertentu di dalam diri manusia, seperti mana Dia menciptakan karakteristik pada benda. Misalnya, Dia telah menciptakan karakteristik saling tertarik kepada lawan jantina dalam naluri seksual (*gharizah an-nau'*). Dia juga telah menciptakan karakteristik untuk memiliki sesuatu dalam naluri mempertahankan diri (*gharizah al-baqa'*) dan karakteristik lapar di dalam keperluan jasmani (*hajatul 'udhuwiyyah*). Allah (swt) juga menjadikan karakteristik ini sebagai suatu yang pasti ada, dan berjalan mengikut ketentuan alam (*sunnatul wujud*) yang berlaku.

Karakteristik yang khas ini telah diciptakan oleh Allah (swt) pada berbagai benda, dalam naluri dan juga keperluan jasmani manusia, dan Allah (swt) telah pun menetapkan karakteristik berkenaan agar tetap ada di dalamnya. Sebagai contoh, syahwat boleh bangkit pada diri manusia ketika ia melihat, yang terjadi ketika dia membuka kedua matanya; batu pula akan melambung ke atas, ketika dilempar ke atas, dan akan jatuh ke bawah, ketika dilepaskan ke bawah. Apa yang terhasil itu bukan natijah dari perbuatan manusia, tetapi natijah daripada ketetapan Allah (swt). Dalam erti kata lain, Allah (swt) telah menetapkan benda berkenaan sememangnya akan mewujudkan hasil seperti itu. Allah telah menciptanya dan mencipta berbagai karakteristik tertentu di dalamnya. Semua karakteristik itu bersumber dari Allah (swt) dan bukannya dari manusia. Manusia juga tidak mempunyai kuasa di dalamnya, bahkan sama sekali tidak mempunyai sebarang pengaruh di dalamnya dan ia disebut sebagai *qadar*. **Jadi, apa yang disebut sebagai *qadar* dalam pembahasan *al-qadha' wa al-qadar* adalah karakteristik segala sesuatu yang timbul hasil perbuatan manusia. Manusia wajib mengimani, bahawa Dzat yang menentukan karakteristik benda berkenaan adalah Allah (swt) semata-mata.**

Rumusan

Hizbut Tahrir menjelaskan bahawa terdapat dua kategori perbuatan manusia. Pertama, perbuatan yang menguasai manusia, yang manusia tidak ada kuasa mengawalinya, dan manusia tidak akan dipertanggungjawabkan (dihisab) atas apa yang berlaku. Kedua, perbuatan yang dikuasai oleh manusia, yang manusia ada kuasa mengawalinya (melakukan atau tidak melakukan). Di sini manusia akan dipertanggungjawabkan (dihisab) atas perbuatan baik dan buruknya, yang dilakukannya secara sukarela atas pilihannya (tanpa paksaan dari Allah (swt) atau siapa sahaja). Kategori yang pertama termasuk dalam (wilayah) *qadha'*, sedangkan kategori yang kedua tidak. Siapa pun yang memasukkan kategori kedua ini sebagai *qadha'*, maka pandangan ini samalah seperti pandangan Jabariyyah, yang sebenarnya telah meletakkan kezaliman kepada Allah (swt). *Nauzubillah min zalik*.

Wahai JFNJ! Janganlah mengambil sekerat sahaja apa yang disebutkan oleh Hizbut Tahrir dan menukilkannya dengan cara yang membuatkan orang ramai tersalah faham. Anda harus jujur dalam membuat penukilan, agar tidak menimbulkan fitnah. Anda juga tidak seharusnya terjebak dengan pembahasan Mutakallimin (yang terpengaruh dengan ahli falsafah Yunani) dalam bab ini yakni berputar-putar di sekitar persoalan perbuatan manusia, adakah dicipta oleh Allah (swt), atau dicipta oleh manusia itu sendiri, yang akhirnya memeningkan umat Islam, malah lebih buruk menjadikan umat Islam terpecah-belah kepada beberapa kelompok akidah sehingga ke tahap ada yang mengkafirkan atau menyesatkan kelompok lain yang tidak sependapat dengan mereka. Di sinilah Hizbut Tahrir telah mengeluarkan umat Islam daripada kegelapan perbincangan yang dibawa oleh Mutakallimin, kepada cahaya perbincangan sebenar *al-qadha wa al-qadar* menurut al-Quran, as-Sunnah dan menurut kefahaman para Sahabat.

(c) Mempertikai kemaksuman nabi dengan mengatakan bahawa maksumnya nabi itu hanya selepas menjadi nabi (al-Nabhani: al-Shaksiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman: 136).

Ayat “mempertikaikan” kemaksuman nabi yang digunakan oleh JFNJ jelas menunjukkan niat JFNJ yang cuba memburukkan Hizbut Tahrir di mata umat Islam. Fatwa ini lebih kurang sama dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Selangor dan Majlis Fatwa Sabah ke atas Hizbut Tahrir. Namun kami ingin menyatakan bahawa ayat yang mereka guna lebih “lembut” dan tepat berbanding yang diguna oleh JFNJ.

Walaupun kami setuju dengan kenyataan bahawa kemaksuman Nabi itu hanya berlaku selepas kenabian, namun kami tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa kami “mempertikaikan” kemaksuman Nabi. Jika ayat yang digunakan ialah Hizbut Tahrir “berpendapat mengenai kemaksuman para Nabi”, maka kami akui bahawa ia adalah pendapat kami. Namun apabila ayat yang digunakan ialah Hizbut Tahrir “mempertikaikan kemaksuman para Nabi”, hal ini jelas menunjukkan konotasi yang berbeza, di samping menunjukkan niat si penulis. Sebagai sebuah badan yang dipenuhi oleh mereka yang berpendidikan dan bergelar ulama, JFNJ seharusnya lebih ikhlas dan jujur dalam memilih kata-kata. Hizbut Tahrir tidak pernah mempertikaikan kemaksuman para Nabi wahai JFNJ!

Kami akui bahawa memang Hizbut Tahrir berpandangan bahawa Nabi itu maksum setelah menjadi Nabi. Tetapi kami merasa sungguh aneh dan mempersoalkan bagaimana JFNJ boleh mengeluarkan fatwa seumpama ini. Ini kerana JFNJ mengkategorikan pihak yang berpendapat begini sebagai bertentangan dengan fahaman dan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, seolah-olah JFNJ tidak pernah mengkaji kitab dan pandangan para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam bab ini!

Selain itu, kami ingin tegaskan bahawa perkara ini telah diungkap oleh JFNJ dalam bentuk yang membuatkan orang ramai keliru, bahawa pandangan yang menyatakan kemaksuman Nabi terjadi selepas kenabian itu, sebagai satu pandangan yang salah dan menyeleweng! Kami sungguh hairan dengan sikap JFNJ, kerana tatkala tiada seorang pun ulama yang menuduh orang yang berpandangan demikian sebagai telah terseleweng akidahnya, namun JFNJ begitu berani memfatwakan sedemikian.

Tidakkah JFNJ mengetahui bahawa ada ulama yang berpendapat, bahawa kemaksuman itu berlaku sebelum penurunan wahyu, dan ada ulama yang berpendapat ia berlaku setelah wahyu diturunkan? Namun, para ulama Mukhlisin daripada kalangan umat ini tidak pernah menjadikan perbezaan pendapat dalam bab ini sebagai alat tohmahan sebagaimana yang dilakukan oleh JFNJ. Ini adalah kerana mereka adalah para ulama yang berhujah dengan dalil dan memahaminya dengan mendalam, tidak untuk mengatakan sesiapa yang berpendapat begini ditohmah dengan tohmahan bersifat politik dan penuh tipu daya. *Khilaf* para ulama dalam hal ini telah berlaku sejak dahulu dan tidak ada seorang pun daripada mereka yang menyesatkan antara satu sama lain atau yang menyesatkan umat Islam yang berpandangan tidak sama seperti mereka. JFNJ seharusnya mengetahui fakta ini, dan berlapang dada dengannya.

Mengenai kemaksuman para Nabi dan Rasul, ya Hizbut Tahrir berpandangan bahawa ia berlaku sesudah kenabian, atau setelah diturunkan wahyu. Ini kerana sifat maksum itu ada pada Nabi dan Rasul, sedangkan seseorang itu (diangkat) menjadi Nabi atau Rasul setelah diturunkan wahyu, bukan sebelumnya. Allah (swt) berfirman:

﴿وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ * إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ﴾

“Dan tiadalah apa yang diucapkannya (Muhammad) itu menurut kemahuan hawa nafsunya. Ucapannya itu tiada lain kecuali hanyalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya)” [An-Najm (53): 3-4].

﴿إِنْ أَتَّبِعْ إِلَّا مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ﴾


“Aku tidak mengikut kecuali apa yang diwahyukan kepadaku” [Yunus (10): 15].

﴿قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ﴾

“Katakanlah (wahai Muhammad), ‘Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosa kamu. Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang” [Ali ‘Imran (3): 31].

Sesungguhnya kemaksuman itu adalah sifat seorang Nabi, bukan sifat orang biasa, dan seseorang itu hanya diangkat menjadi Nabi setelah menerima wahyu. Jadi, kemaksuman itu terjadi hanya setelah diturunkan-Nya wahyu kepada orang itu yang sekali gus menjadikannya seorang Nabi. Oleh itu, amat jelas sekali bahawa kemaksuman ini berlaku sesudah diturunkan wahyu. Kita mengikuti Rasulullah (saw) berdasarkan wahyu yang telah diwahyukan kepada baginda (saw), bukan sebelumnya. Inilah pendapat yang Hizbut Tahrir anggap paling benar, sehingga Hizbut Tahrir memegang pendapat ini.

Di antara ulama besar Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berpendapat bahawa kemaksuman Nabi itu berlaku setelah wahyu diturunkan adalah Imam ar-Razi, yang nama lengkapnya ialah Muhammad bin ‘Umar bin al-Husain, seorang Ahli Kalam, Ahli Usul dan sangat terkenal (543-606 H). Beliau telah menulis kitab, *‘Ismah al-Anbiya’* (Kemaksuman para Nabi) yang kemudian menjadi sandaran ramai ulama dalam menentukan pendapat dalam masalah berkenaan, serta berhujah untuk membuktikannya. Beliau telah pun menulis banyak pembahasan dalam masalah ini. Beliau menyebutkan beberapa pandangan ulama berkaitan dengan masalah ini. Beliau akhirnya memilih dan menerima pakai pendapat, bahawa kemaksuman Nabi itu berlaku pada masa kenabian mereka, bukan sebelumnya.




Terjemahan:

Dan ramai yang mengatakan: Kemaksuman ini wajib ketika zaman kenabian. Adapun sebelumnya, ianya tidak wajib dan inilah yang disebutkan oleh para ulama kami (semoga Allah merahmati mereka) [Imam ar-Razi Ismah al-Anbiya', hal. 40].

Di antara ulama Usul yang berpandangan sama (yakni kemaksuman Nabi berlaku setelah kenabian dan bukan sebelumnya) ialah:


- (i) Al-Amidi, sebagaimana dinyatakan di dalam kitabnya *al-Ihkam Fi Ushul al-Ahkam*.



Terjemahan:

Mengenai kemaksuman para Nabi (alaihim salam) dan penjelasan perbezaan pandangan mengenainya, serta apa yang disepakati oleh Ahli Syarak mengenai kemaksuman mereka daripada melakukan maksiat, tiada perbezaan pendapat dalam hal ini. Adapun sebelum kenabian, Qadhi Abu Bakar dan sebahagian besar daripada sahabat-sahabat (ulama) kami dan ramai daripada Muktaizilah berpendapat bahawa mereka (para Nabi) tidak terhalang daripada melakukan maksiat sama ada besar atau kecil, dan tidak terhalang sedikit pun diangkat (menjadi Nabi) orang yang Islam dan beriman, yang sebelumnya ia adalah seorang kafir [Al-Amidi, al-Ihkam Fi Ushul al-Ahkam, hal 227-228].

(ii) Abu Mansur al-Qahir al-Baghdadi, sebagaimana dinyatakan di dalam kitabnya Ushuluddin.



Terjemahan:

Para ulama bersetuju bahawa para Nabi maksum selepas kenabian mereka...dan mungkin sahaja bagi mereka untuk melakukan dosa sebelum kenabian mereka...[Al-Imam Abu Mansur Abdul Qahir al-Baghdadiy, Ushuluddin, hal 167-168]

Wahai JFNJ! Mereka semua adalah ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang terkenal, yang mana pandangan Hizbut Tahrir adalah sama dengan pandangan mereka. Maka sekali lagi kami ingin bertanya, apakah menurut anda, para ulama ini juga telah menyeleweng akidah mereka, kerana berpandangan sama seperti Hizbut Tahrir bahawa Nabi dan Rasul tidak maksum sehinggalah diangkat menjadi Nabi atau Rasul?

Sebaliknya, pandangan bahawa kemaksuman Nabi itu berlaku sebelum kenabian merupakan pandangan Syi'ah Imamiyyah dan Mu'tazilah. Hal ini disebutkan di dalam kitab *Syarh Kitab al-Fiqh al-Akbar* karangan al-Imam al-Mulla Ali al-Qari al-Hanafi.

موسى حين قتل القبطي بوكزته: ﴿ هَذَا مِنْ سَكْرِ الشَّيْطَانِ ﴾ [القصص: ١٥]، وإما من الله سبحانه كما قال الله تعالى في حق آدم عليه السلام: ﴿ وَصَوَّرَ مَادَمَ رَبَّهُ قَتُولًا ﴾ [طه: ١٢١] مع أنه قيل: زلته كانت قبل نبوته، لقوله تعالى: ﴿ ثُمَّ لَبَّيْتَهُ رَبُّهُ فَذَابَ بِكَوْبِهِ وَهَمَّكُنَّ ﴾ [طه: ١٢٢]، وإذا لم تخل الزلزلة عن البيان لم يشكل على أحد أنها غير صالحة للاقتداء بها، فتبقى العبرة للأنواع الثلاثة؛ وقد ذكر شمس الأئمة^(١) أيضاً نحوه.


وفي شرح العقائد أن الأنبياء عليهم الصلاة والسلام معصومون عن الكذب، خصوصاً فيما يتعلق بأمر الشرع وتبليغ الأحكام وإرشاد الأمة، أما عمداً فبالإجماع، وأما سهواً فعند الأكثرين. وفي عصمتهم عن سائر الذنوب تفصيل وهو أنهم معصومون عن الكفر قبل الوحي وبعده بالإجماع، وكذا عن تعمد الكيئات عند الجمهور خلافاً للحشوية. وأما سهواً فجزؤه الأكثرون.

وأما الصغائر فتجوز عمداً عند الجمهور خلافاً للحبائثي وأتباعه، وتجوز سهواً بالاتفاق إلا ما يدل على الخسة كسرقة لقمة وتطيف حبة، لكن المحققين اشترطوا أن يَنْهَوْا عليه فينتهوا عنه هذا كله بعد الوحي.

وأما قبله فلا دليل على امتناع صدور الكبيرة خلافاً للمعتزلة، ومنع الشيعة صدور الصغيرة والكبيرة قبل الوحي وبعده، لكنهم جزؤوا إظهار الكفر تَقِيَّةً، فما نقل عن الأنبياء عليهم الصلاة والسلام مما يشعر بكذب

(١) ذكر شمس الأئمة نحوه فقال: أعمال النبي ﷺ أربعة أَسْمَاءَ.

١٧٦



Terjemahan:

Namun para muhaqqiq mensyaratkan agar perkara ini diperhatikan dan semua ini (kemungkinan dosa) terhenti selepas turunnya wahyu. Adapun sebelum kenabian maka tidak ada dalil yang menyebutkan bahawa para Nabi terhalang daripada melakukan dosa dan pandangan ini berbeza dari Muktazilah. Syiah pula menidakkan para Nabi dalam melakukan dosa kecil dan besar sebelum dan selepas kenabian [Mulla Ali al-Qari al-Hanafi, Minah al-Raudh al-Azhar Fi Syarh al-Fiqh al-Akbar, hal 176].

Hal yang sama disebutkan di dalam kitab-kitab:-

- (i) Hasan bin Yusuf bin Mutahhar Hilli, sebagaimana dinyatakan dalam kitabnya, *Nahj al-Haq Wa Kashf al-Sidq*.

وهل يجوز لمسلم يشتري الله ، وعقابه ، أو يطلب الخلاص من العذاب ،
المعير إلى هذا القول ؟ تعوذ بالله من الشحور في الشبهات ! .

عصمة الأنبياء

١ - البحث التالي : أن الأنبياء معصومون .

ذهبت الإمامية كافة إلى أن الأنبياء معصومون عن الصغائر والكبائر ،
ومتزعمون من المعاصي ، قبل النبوة ، وبعدها . عمل سبيل العمد ، والسيان ،
وعن كل رذيلة ومنقصة ، وما يهلك عمل الخسة والضعفة .


وخالفت الأشاعرة في ذلك ، وجوزوا عليهم المعاصي .. وبعضهم :
جوزوا الكفر عليهم ، قبل النبوة ، وبعدها . وجوزوا عليهم السهو
والغلط (١) ونسبوا رسول الله (ص) إلى السهو في القرآن بما يوجب الكفر .

(١) قال ابن أبي عمير في شرحه على صحيح الباقية / ج ٢ ص ١٦٢ ما خلاصته : قال فرج من
الأمم أخرج وابن فوران من الأشعرية : إنه يجوز بحث من كان كافراً . وقال برغوث المتكلم ،
من النصارية : لا يمكن الرسول قبل البعثة طمأناً بالله . وقال شهدي : إنه كان من دين
نومه (وهو الشرك) أربعين سنة . وقال بعض الكرامية : إن إبراهيم . ع . قال : أسلمت ،
ولم يكن قبل ذلك مسلماً .

وقال ابن حزم ، في كتابه الفصل في الثقل والأهوال ج ٤ ص ١ : ذهب طائفة إلى أن
رسول الله معصون الله في جميع الكبائر والصغائر ، سائما الكتاب في التبليغ فقط ، وهو قول
الكرامية من الترجمة ، وقول أبي الطيب البغدادي ، من الأشعرية ، ومن الله . . . وهو
قول اليهود والنصارى . . . (إلى أن قال) : وأما هذا البغدادي ، فإنا رأينا في كتاب صاحب
أبي جعفر السبائي ، قال في التوصل : أنه كان يقول : إن كل ذنب عدل لرجل ، فإنه
حائز على الرسل سائما الكتاب في التبليغ فقط . وقال : وجاز عليهم أن يكفروا . وقال :
جائز على الرسل سائما الكتاب في التبليغ فقط . وقال : وجاز عليهم أن يكفروا . وقال :
ولذا أسى النبي عن شيء ، ثم غلبه قلبه فدليله أن ذلك النبي قد نسخ ، لأنه له بطلان
باصطلاحه تعالى . وقال : وليس لأصحابه أن يكفروا عليه ، وجوز أن يكون في أمة محمد
من هو أفضل من محمد ، من بعدت ، إلى أن مات . انتهى كلام ابن حزم ١١١١

وقال التواتر ، في بحث أعمال الرسول من كتابه الموسوم بـ (التنحول في الأصول) : -



- ١٤٢ -



Terjemahan:

Pembahasan kedua : Para Nabi adalah maksum. Mazhab Imamiyah semuanya berpendapat bahwa Nabi maksum dari dosa kecil dan dosa besar dan dijauhkan dari maksiat – sebelum dan selepas kenabian...[Hasan bin Yusuf bin Mutahhar Hilli, Nahj al-Haq wa Kashf al-Sidq, hal. 142].


(ii) Muhammad Sulaiman al-Asqar, sebagaimana dinyatakan di dalam kitabnya *Af'al ar-Rasul Wa Dalalatuha Fi Ahkam asy-Syariah*.

<p>عمدة الأكثرين بعده في تقرير المسألة والاستدلال لها. وقد صنف مباحث المسألة. وذكر أقوال العلماء فيها، واختار عصمة الأنبياء في زمان نبوتهم، لا قبلها، عن تعبد الكبار والصغار. وأجاز صدورها عنهم سهواً. وذكر الأدلة، ثم نتج قصص الأنبياء، وتناول ما ظهره صدور الذنب عنهم بما ذكره الله تعالى في قصصهم.</p> <p>مذاهب العلماء في العصمة إجمالاً:</p> <p>١ - الشيعة الإمامية خالت في إثبات عصمة الأنبياء، حتى منعوا صدور المخالفة عن النبي ﷺ قبل النبوة وبعدها، كبيرة كانت المخالفة أو صغيرة، عمداً كانت أو سهواً^(١). ونقل البعض أن ابن أبي الحديد، من الشيعة الإمامية، شارب (نوح البلاغة)، مال إلى الاعتدال، فأجاز صدور الذنب سهواً أو تسليماً ولا يقر عليه^(٢). ويظهر أن الشيعة الزيدية لم يوافقوا الإمامية على ما ذهبوا إليه^(٣).</p> <p>٢ - وأكثر المعتزلة يوافق الشيعة في مذهبهم، إلا في الصفات غير المنسخفة قبل البعثة وبعدها، والكذب صغيره وكبيره، والسهو في ما يؤدونه. ونخص أبو الحسين البصري ما ينتج عنهم بقوله: «لا يجوز عليهم ما يؤثر في الأداء، ولا ما يؤثر في التعليم، ولا في القبول»^(٤). وفصل ما ذكرنا.</p> <p>٣ - المتكلمون ومنهم الأمدي والرازي والباقلاني^(٥) وبعض المعتزلة وغيره، قالوا إنهم لا ينتج عنهم قبل النبوة الكبار ولا الصغار، قال الأمدي: بل ولا ينتج عقلاً إرسال من أسلم وأمن بعد كفره.</p> <hr/> <p>(١) الأمدي ٢٢٢/١ (٢) وجه الزحلي «عصمة الأنبياء» مقالة في مجلة الرعي الإسلامي الكويتية، أي سنة ١٣٩٥ هـ ص ٢٥ (٣) المصدر السابق. وانظر هداية العقول. (٤) أبو الحسين البصري: العتمد ٣٧٠/١ (٥) قال ابن حزم في الفصل ٢/٤ «وأما هذا البلاغي، فإنا قد رأينا في كتاب صاحبه أبي</p>	<p style="text-align: center;">  </p> <p style="text-align: center;">  </p> <p style="text-align: center;"> دكتوراه في الشريعة الإسلامية من الجامعة الأزهرية </p> <p style="text-align: center;"> الجزء الأول </p> <p style="text-align: center;"> مؤسسة الرسالة </p>
--	---

Terjemahan:

Syiah Imamiyah silap dalam menentukan kemaksuman para Nabi sehingga mereka melarang adanya sebarang perlakuan dosa dari para Nabi sebelum dan selepas kenabian...Kebanyakan golongan Muktazilah bersetuju dengan Syiah dalam mazhab mereka kecuali dalam perkara dosa kecil yang tidak melampau, sebelum dan selepas kenabian...Golongan Mutakallimun seperti al-Amidi, ar-Razi dan al-Baqilani dan sebahagian Muktazilah mengatakan bahawa para Nabi boleh melakukan dosa besar dan kecil sebelum kenabian [Muhammad Sulaiman al-Asqar, Af'al ar-Rasul wa Dalalatuhu fi Ahkam asy-Syariah, hal. 144].

(iii) Abu al-Husain al-Basri al-Mu'tazili, sebagaimana dinyatakan di dalam kitabnya *Kitab al-Mu'tamad Fi Ushul al-Fiqh*.



Terjemahan:

Tidak diperbolehkan ke atasnya (Nabi) perbuatan dosa besar mahupun kecil sebelum dan selepas kenabian... [Abu al-Husain al-Basri al-Mu'tazil, Al-Mu'tamad Fi Ushul al-Fiqh, hal 371].

Nah, sekarang anda nilailah sendiri wahai JFNJ pandangan siapakah yang menepati Ahlu Sunnah Wal Jamaah, dan pandangan siapakah yang tidak. Atas dasar itulah kami sungguh hairan dengan anda wahai JFNJ kerana anda seolah-olah tidak pernah mengetahui perbezaan pandangan ulama dalam hal ini, dan dada anda sungguh sesak dengannya sehingga tidak ada ruang untuk anda berlapang dada mengenainya. Malah lebih buruk, tuduhan anda ke atas Hizbut Tahrir kononnya kami menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana berpandangan bahawa Nabi tidak maksum sebelum diangkat menjadi Nabi, hakikatnya Ahli Sunnah Wal Jamaah mempunyai pandangan yang sama seperti Hizbut Tahrir. Manakala kelompok Syiah antara yang berpandangan bahawa Nabi itu maksum sejak lahir. Berlapang dada-lah wahai JFNJ dengan perbezaan pandangan ini, dan contohilah sikap para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang tidak pernah menuduh akidah seseorang itu menyeleweng hanya kerana berpandangan bahawa Nabi itu maksum selepas kenabian.

(d) Hidayah dan dholal bukan dari Allah tetapi dari manusia (al-Nabhani: al-Shaksiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman: 98).

Pada Butiran ini, JFNJ sekali lagi telah memetik dan menyebut secebis daripada pembahasan yang terdapat dalam kitab asy-Syakhsiyyah al-Islamiyyah, Jilid 1 tersebut, lalu memasukkannya ke dalam fatwa dalam bentuk yang sengaja memberi kefahaman yang salah kepada umat Islam mengenai apa yang dibincangkan oleh Hizbut Tahrir. Sekali lagi kami ingin menyatakan kehairanan kami dengan apa yang diungkapkan oleh JFNJ melalui Butiran ini, kerana apa yang dibincangkan dalam bab *al-Huda wa adh-Dhalal* (Petunjuk dan Kesesatan) itu amat jelas dan mudah untuk difahami bagi setiap orang yang membacanya, kecuali bagi mereka yang ada penyakit di dalam hatinya.

Kami akui bahawa memang pada muka surat 98 dalam kitab tersebut disebutkan:

فتعليق المثوبة أو العقوبة بالهدى والضلال يدل على أن الهداية والضلال هما من فعل الإنسان وليس من الله.

Dikaitkan pahala dan seksa dengan petunjuk dan kesesatan menjadi dalil bahawa petunjuk dan kesesatan itu kedua-duanya termasuk perbuatan manusia dan bukan datang dari Allah.

Namun, perenggan yang selengkapnya adalah seperti berikut:

الهدى والضلال

الهدى في اللغة الرشد والدلالة، يُقال هداه للدين يهديه هدى، وهديته الطريق والبيت هداية عرفته. والضلال ضد الرشد. والهداية شرعاً هي الاهتداء إلى الإسلام والإيمان به، والضلال شرعاً هو الانحراف عن الإسلام، ومنه قوله عليه السلام: «لا تجتمع أمي على ضلالة» أخرجه أحمد. وقد جعل الله الجنة للمهتدين والنار للضالين، أي أن الله أناب المهتدي وعذب الضال، فتعلق المنوبة أو العقوبة بالهدى والضلال يدل على أن الهداية والضلال هما من فعل الإنسان وليس من الله. إذ لو كانا من الله لما أناب على الهداية وعاقب على الضلال، لأن ذلك يؤدي إلى نسبة الظلم إلى الله تعالى، إذ أنه حين يُعاقب مَنْ قام هو بإضلاله يكون قد ظلمه، وتعالى الله عن ذلك علواً كبيراً، قال تعالى: ﴿ وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِّلْعَبِيدِ ﴾ وقال: ﴿ وَمَا أَنَا بِظَلَّامٍ لِّلْعَبِيدِ ﴾.

إلا أنه قد وردت آيات تدل على نسبة الهداية والضلال إلى الله تعالى، فيفهم منها أن الهداية والضلال ليسا من العبد وإنما من الله تعالى، ووردت آيات أخرى تدل على نسبة الهداية والضلال والإضلال إلى العبد، فيفهم منها أن الهداية والضلال من العبد. وهذه الآيات وتلك لا بد أن تُفهم فهماً تشريعياً، بمعنى أن يُدرك واقعها التشريعي الذي شرعت له، وحينئذ يظهر أن نسبة الهداية والضلال إلى الله لها مدلول غير مدلول نسبة الهداية والضلال إلى العبد، وإن كلاً منهما مسلط على جهة تختلف عن الجهة التي يسלט عليها الآخر، وبذلك يبرز المعنى التشريعي أتم بروز. نعم إن الآيات التي

Terjemahan:

Petunjuk (al-huda) menurut makna bahasa sama dengan ar-rasyad (petunjuk) dan ad-dilalah (petunjuk). Orang sering mengatakan hudaahu liddin (dia menunjukkan kepada petunjuk) atau hadaituhu ath-thariiqi wa al-baiti hidaayatan 'arraftuhu (aku menunjukinya jalan dan rumah sesuai dengan petunjuk yang telah aku ketahui). Sedangkan kesesatan (adl-dhalal) adalah pembalikan dari ar-rasyad (petunjuk). Manakala makna hidayah menurut syarak adalah mendapat petunjuk dari Islam dan beriman dengannya. Sementara makna dhalal menurut syarak adalah menyimpang dari Islam, sebagaimana sabda Rasulullah (saw) "Sesungguhnya Allah tidak akan mengumpulkan umatku dalam kesesatan" (Dikeluarkan oleh Ahmad). Allah (swt) menjadikan syurga untuk orang-orang yang mendapat petunjuk, manakala neraka untuk orang-orang yang sesat. Ertinya, Allah memberi pahala kepada orang-orang yang memperoleh petunjuk

dan menyiksa orang-orang yang sesat. Sekiranya petunjuk dan kesesatan itu dari Allah, maka Dia tidak memberi pahala terhadap petunjuk dan tidak menyiksa terhadap kesesatan, kerana hal tersebut akan menisbahkan kezaliman kepada-Nya, kerana ketika Dia menyiksa orang yang disesatkannya, maka Dia benar-benar telah menzaliminya, Maha Luhur Allah dari hal yang demikian. Firman-Nya, “Dan Tuhanmu tidak menzalimi hamba-hamba-Nya” [Fushshilat (41): 46], dan firman-Nya, “Dan Aku tidak menzalimi hamba-hambaKu” [Qaaf (50): 29].

Selanjutnya Hizbut Tahrir menjelaskan bahawa terdapat ayat-ayat yang menunjukkan penisbahan petunjuk dan kesesatan itu kepada Allah (swt), sehingga dapat difahami dari ayat-ayat tersebut bahawa petunjuk dan kesesatan bukanlah dari hamba melainkan dari Allah (swt). Dalam pada itu, ada pula ayat-ayat lain yang menunjukkan penisbahan petunjuk dan kesesatan itu kepada hamba (manusia) sehingga dapat difahami dari ayat-ayat tersebut bahawa petunjuk dan kesesatan adalah dari hamba. Oleh kerana kenyataannya sedemikian, maka ayat-ayat dalam kategori pertama dan kategori kedua hendaklah difahami dengan pemahaman yang syarie iaitu dengan memahami hakikat penetapan yang telah disyariatkan.

Dengan penelitian dan pemahaman yang benar, tampak jelas bahawa penisbahan petunjuk dan kesesatan kepada Allah (swt) itu memiliki pengertian yang berbeza dengan pengertian penisbahan petunjuk dan kesesatan kepada hamba. Masing-masing dari keduanya menguasai sisi yang berbeza dengan sisi yang dikuasai oleh yang lain.

Bagi mereka yang ikhlas membaca kitab tersebut dan ingin mencari kebenaran, mereka akan tahu bahawa perbincangannya bukan hanya sampai di situ. Hizbut Tahrir seterusnya memberikan sederet dalil daripada al-Quran, baik dalil-dalil yang menunjukkan penisbahan petunjuk dan kesesatan kepada Allah (yang memberi pengertian bahawa petunjuk dan kesesatan itu bukan dari hamba, tetapi dari Allah semata-mata), mahu pun dalil-dalil yang menunjukkan penisbahan petunjuk dan kesesatan kepada hamba (yang memberi pengertian bahawa petunjuk dan kesesatan itu datang dari hamba, bukan dari Allah). Kesemua dalil ini dianalisis dan dibahas oleh Syeikh Taqiyuddin (*rahimahullah*) selaku penulis kitab tersebut, sehingga sampai kepada satu kesimpulan dan natijah yang sangat jernih dalam memahami persoalan petunjuk dan kesesatan dan dalam memahami ayat-ayat al-Quran yang dilihat sebagai berlawanan, tetapi hakikatnya tidak berlawanan. Berikut adalah dalil-dalil yang menunjukkan penisbahan petunjuk dan kesesatan kepada Allah:

﴿ قُلْ إِنَّ اللَّهَ يُضِلُّ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ أُنَابَ ﴾

“Katakanlah: “Sesungguhnya Allah menyesatkan siapa yang Dia kehendaki dan menunjuki orang-orang yang bertaubat kepada-Nya”” [Ar-Ra’d (13): 27]

﴿ فَإِنَّ اللَّهَ يُضِلُّ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ ﴾

“Maka sesungguhnya Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan menunjuki siapa yang dikehendaki-Nya” [Fatir (35): 8]

﴿ فَيُضِلُّ اللَّهُ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ ﴾

“Maka Allah menyesatkan siapa yang Dia kehendaki, dan memberi petunjuk kepada siapa yang Dia kehendaki” [Ibrahim (14): 4]

﴿ وَلَكِنْ يُضِلُّ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ ﴾

“Tetapi Allah menyesatkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi petunjuk kepada siapa yang dikehendaki-Nya” [An-Nahl (16): 93]

﴿ فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ يُضِلَّهُ يَجْعَلْ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِي السَّمَاءِ ﴾

“Barangsiapa yang Allah menghendaki akan memberikan kepadanya petunjuk, nescaya Dia melapangkan dadanya untuk (memeluk agama) Islam. Dan barangsiapa yang dikehendaki Allah kesesatannya, nescaya Allah menjadikan dadanya sesak lagi sempit, seolah-olah ia sedang mendaki langit” [Al-An'am (6): 125]

﴿ مَنْ يَشَأِ اللَّهُ يُضِلَّهُ وَمَنْ يَشَأْ يَجْعَلْهُ عَلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴾

“Barangsiapa yang dikehendaki Allah (kesesatannya), nescaya disesatkan-Nya. Dan barangsiapa yang dikehendaki Allah (untuk diberi-Nya petunjuk), nescaya Dia menjadikan-Nya berada di atas jalan yang lurus” [Al-An'am (6): 39]

﴿ قُلِ اللَّهُ يَهْدِي لِلْحَقِّ ﴾

“Katakanlah ‘Allah-lah yang menunjuki kepada kebenaran’” [Yunus (10): 35]

﴿ وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ ﴾

“Dan mereka berkata: ‘Segala puji bagi Allah yang telah menunjuki kami kepada (syurga) ini. Dan kami sekali-kali tidak akan mendapat petunjuk kalau Allah tidak memberi kami petunjuk’” [Al-A'raf (7): 43]

﴿ مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِلْ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا ﴾

“Barangsiapa yang diberi petunjuk oleh Allah, maka dialah yang mendapat petunjuk; dan barangsiapa yang disesatkan-Nya, maka kamu tidak akan mendapatkan seorang pemimpin pun yang dapat memberi petunjuk kepadanya.” [Al-Kahfi (18): 17]

﴿ إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ ﴾

“Sesungguhnya kamu tidak akan dapat memberi petunjuk kepada orang yang kamu kasihi, tetapi Allah memberi petunjuk kepada orang yang dikehendaki-Nya, dan Allah lebih mengetahui orang-orang yang mahu menerima petunjuk.” [Al-Qasas (28): 56]

Syeikh Taqiyuddin (*rahimahullah*) menjelaskan bahawa *manthuq* (teks) kesemua ayat di atas menunjukkan dengan jelas bahawa yang memberi petunjuk dan kesesatan itu ialah Allah (swt), bukannya hamba (manusia). Ini bererti bahawa manusia tidak dapat memberi petunjuk untuk dirinya sendiri, tetapi ketika Allah (swt) memberinya petunjuk, maka ia mendapat petunjuk, dan ketika Allah menyesatkannya, maka ia tersesat.

Akan tetapi telah datang sejumlah *qarinah* (indikasi) yang memalingkan makna *manthuq* ayat-ayat tadi, dari menjadikan “pelaksanaan” petunjuk dan kesesatan itu daripada Allah (swt), kepada makna lain, iaitu menjadikan “penciptaan” petunjuk dan kesesatan itu daripada Allah (swt). Manakala yang “melaksanakan” petunjuk dan kesesatan, termasuk *idhlal* (penyesatan) itu adalah daripada hamba. Maksudnya, Allah-lah yang **mencipta** petunjuk dan kesesatan, dan manusialah yang **mengusahakan** dirinya untuk mendapat petunjuk dan kesesatan itu. Begitu juga, manusialah yang **mengusahakan** untuk menyampaikan petunjuk dan menyesatkan orang lain.

Dan sejumlah *qarinah* yang menunjukkan hal tersebut, ada yang bersifat *syar’iyyah* dan ada yang bersifat *aqliyyah*. *Qarinah* yang bersifat *syar’iyyah* diperolehi daripada banyak ayat yang menisbahkan petunjuk, kesesatan dan penyesatan kepada hamba (manusia). Antaranya:

﴿ فَمَنْ اهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهْتَدِي لِنَفْسِهِ وَمَنْ ضَلَّ فَإِنَّمَا يَضِلُّ عَلَيْهَا ﴾

“Sebab itu barangsiapa yang mendapat petunjuk maka sesungguhnya (petunjuk itu) untuk kebaikan dirinya sendiri. Dan barangsiapa yang sesat, maka sesungguhnya kesesatannya itu mencelakakan dirinya sendiri” [Yunus (10): 108]

﴿ لَا يَضُرُّكُمْ مَنْ ضَلَّ إِذَا اهْتَدَيْتُمْ ﴾

“Tiadalah orang yang sesat itu akan memberi mudharat kepadamu apabila kamu telah mendapat petunjuk” [Al-Ma'idah (5): 105]

﴿ فَمَنْ اهْتَدَىٰ فَلِنَفْسِهِ ﴾

“Siapa yang mendapat petunjuk maka (petunjuk itu) untuk dirinya sendiri” [Az-Zumar (39): 41]

﴿ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ ﴾

“Dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk” [Baqarah (2): 157]

﴿ وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا رَبَّنَا أَرْنَا الَّذِينَ أَضَلَّاتَا مِنَ الْجِنَّ وَالْإِنْسِ ﴾

“Dan orang-orang kafir berkata: ‘Ya Rabb kami perhatikanlah kepada kami dua jenis orang yang telah menyesatkan kami (iaitu) sebahagian dari jin dan manusia’” [Fushshilat (41): 29]

﴿ قُلْ إِنْ صَلَّيْتُ فَقَاتِمًا أَضِلُّ عَلَى نَفْسِي ﴾

“Katakanlah: ‘Jika aku sesat maka sesungguhnya aku sesat atas kemudharatan diriku sendiri’”
[Saba' (34): 50]

﴿ فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا لِيُضِلَّ النَّاسَ بِغَيْرِ عِلْمٍ ﴾

“Maka siapakah yang lebih zalim daripada orang-orang yang membuat-buat dusta terhadap Allah untuk menyesatkan manusia tanpa pengetahuan?” [Al-An'am (6): 144]

﴿ رَبَّنَا لِيُضِلُّوا عَنْ سَبِيلِكَ ﴾

“Ya Tuhan Kami akibatnya mereka menyesatkan (manusia) dari jalan Engkau” [Yunus (10): 88]

﴿ وَمَا أَضَلَّنَا إِلَّا الْمُجْرِمُونَ ﴾

“Dan tiadalah yang menyesatkan kami kecuali orang-orang yang berdosa” [Asy-Syu'ara' (26): 99]

﴿ وَأَضَلَّهُمُ السَّامِرِيُّ ﴾

“Dan mereka telah disesatkan oleh Samiri” [Taha (20): 85]

﴿ رَبَّنَا هَؤُلَاءِ أَضَلُّونَا ﴾

“Ya Tuhan kami, mereka telah menyesatkan kami” [Al-A'raf (7): 38]

﴿ وَدَّتْ طَائِفَةٌ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يُضِلُّونَكُمْ وَمَا يُضِلُّونَ إِلَّا أَنْفُسَهُمْ ﴾

“Segolongan dari Ahli Kitab ingin menyesatkan kamu, padahal mereka (sebenarnya) tidak menyesatkan melainkan diri mereka sendiri” [Ali 'Imran (3): 69]

﴿ إِنَّكَ إِنْ تَذَرَهُمْ يُضِلُّوا عِبَادَكَ ﴾

“Sesungguhnya jika Engkau biarkan mereka tinggal, nescaya mereka akan menyesatkan hamba-hamba-Mu” [Nuh (71): 27]

﴿ مَنْ تَوَلَّاهُ فَإِنَّهُ يُضِلُّهُ وَيَهْدِيهِ إِلَى عَذَابِ السَّعِيرِ ﴾

“Barangsiapa yang berkawan dengannya, tentu dia akan menyesatkannya, dan membawanya ke azab neraka” [Al-Hajj (22): 4]

﴿ وَيُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُضِلَّهُمْ ﴾

“Dan syaitan bermaksud menyesatkan mereka” [An-Nisa' (4): 60]

Syeikh Taqiyuddin (*rahimahullah*) menjelaskan yang *manthuq* ayat-ayat di atas dengan jelas menunjukkan bahawa manusia adalah pihak yang **mengusahakan** petunjuk dan kesesatan, lalu dengan usahanya itu, ia menyesatkan dirinya dan menyesatkan orang lain, sama sebagaimana syaitan yang juga tersesat atas usahanya sendiri. Inilah penisbahan petunjuk dan kesesatan kepada manusia (dan juga kepada syaitan), yakni manusia mendapat hidayah kerana usahanya sendiri dan tersesat kerana usahanya sendiri.

Justeru, *qarinah* bahawa penisbahan petunjuk dan kesesatan kepada Allah (swt), itu bukanlah penisbahan yang bersifat langsung (*mubasyarah*), atau penisbahan “usaha/perbuatan”, akan tetapi penisbahan “**penciptaan**” (*khalq*). **Dengan kata lain, Allah (swt) adalah Pencipta petunjuk dan kesesatan, sedangkan manusia adalah pihak yang mengusahakan untuk mendapatkannya.**

Apabila kita merujuk dan membanding-bandingkan kesemua ayat yang berkenaan dengan petunjuk dan kesesatan, maka menjadi jelas dan jernih apa yang disebutkan oleh Hizbut Tahrir mengenai perkara ini. Jika kita menyusun sebahagian ayat dengan sebahagian (ayat) yang lain dan memahaminya dengan pemahaman yang bersifat *tasyri'*, maka jelas bagi kita adanya pemalingan masing-masing ayat tersebut kepada sisi yang lainnya. Contoh ayat:

﴿قُلِ اللَّهُ يَهْدِي لِلْحَقِّ﴾

“Katakanlah: ‘Allah-lah yang menunjuki kepada kebenaran’” [Yunus (10): 35].

dan ayat yang lain:

﴿فَمَنْ اهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهْتَدِي لِنَفْسِهِ﴾

“Maka barang siapa mendapat petunjuk, maka ia hanya mendapat petunjuk bagi dirinya”
[Yunus (10): 108].

Ayat yang pertama menunjukkan bahawa Allah-lah yang memberi petunjuk, sedangkan ayat yang kedua menunjukkan bahawa manusialah yang mendapatkan petunjuk. Hidayah Allah pada ayat yang pertama adalah “**penciptaan**” hidayah pada diri manusia, maksudnya menjadikan kecenderungan untuk mendapatkan hidayah. Sementara pada ayat yang kedua menunjukkan bahawa manusialah yang menjadi pelaku secara langsung terhadap sesuatu yang diciptakan oleh Allah (swt), berupa kecenderungan untuk mendapatkan hidayah sehingga hidayah diperolehi. Kerana itu, Allah (swt) berfirman dalam ayat yang lain:

﴿وَهَدَيْنَاهُ النَّجْدَيْنِ﴾

“Dan Kami telah menunjukkan kepadanya dua jalan” [Al-Balad (90): 10].

laitu jalan kebaikan dan jalan kejahatan. Maksudnya, Kami (Allah) menjadikan pada manusia kecenderungan untuk memperoleh hidayah dan Kami biarkan dia untuk memperoleh (mengusahakan untuk mendapatkan)nya sendiri. Ayat-ayat yang menisbahkan hidayah dan *idhlal* kepada manusia merupakan *qarinah syar'iyah* yang menunjukkan pada pemalingan hidayah secara langsung daripada Allah (swt) kepada hamba.

Adapun dari segi *qarinah aqliyyah*, sesungguhnya Allah (swt) menghisab manusia sehingga Dia memberikan pahala kepada orang yang memperoleh hidayah dan menyiksa orang yang melakukan kesesatan serta menghisab perbuatan-perbuatan manusia. Mengenai *qarinah aqliyyah* yang boleh mengubah konotasi hidayah dan dhalalah yang langsung dari Allah (swt), menjadi konotasi hidayah dan dhalalah sebagai “ciptaan” Allah, adalah ayat-ayat hisab yang meminta akauntabiliti (pertanggungjawaban) manusia atas segala tindakannya semasa di dunia. Allah (swt) berfirman:

﴿ مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِلْعَبِيدِ ﴾

“Barangsiapa yang mengerjakan amal yang soleh maka (pahalanya) untuk dirinya sendiri dan barangsiapa mengerjakan perbuatan jahat, maka (dosanya) untuk dirinya sendiri; dan sekali-kali tidaklah Tuhanmu menganiaya hamba-hamba-Nya” [Fushshilat (41): 46].

﴿ فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ (٧) وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ (٨) ﴾

“Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarah pun, nescaya dia akan melihat (balasan)nya. Dan barangsiapa yang mengerjakan kejahatan sebesar zarah pun, nescaya dia akan melihat pula (balasan)nya” [Al-Zalzalah (99): 7-8].

﴿ مَنْ يَعْمَلْ سُوءًا يُجْرَبْ بِهِ ﴾

“Barangsiapa yang mengerjakan kejahatan, nescaya akan diberi pembalasan dengan kejahatan itu” [An-Nisa' (4): 123].

﴿ وَعَدَّ اللَّهُ الْمُنَافِقِينَ وَالْمُنَافِقَاتِ وَالْكُفَّارَ نَارَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا ﴾

“Allah mengancam orang-orang munafik lelaki dan perempuan, dan orang-orang kafir dengan neraka Jahanam, mereka kekal di dalamnya” [At-Taubah (9): 68].

Jikalau pengertian *hidayah* dan *idhlal* dinisbahkan kepada Allah (swt) secara langsung (dari sisi pelaksanaan), maka ini bermakna segala seksa yang diberikan-Nya kepada orang kafir, munafik dan pelaku maksiat (dalam ayat-ayat di atas) merupakan sebuah kezaliman. Maha Besar dan Maha Suci Allah dari yang demikian. Firman-Nya:

﴿ وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِلْعَبِيدِ ﴾

“Dan sekali-kali Tuhanmu tidak pernah berbuat zalim kepada hamba-Nya.” [Fushshilat (41): 46].

Oleh itu, wajib memalingkan maknanya kepada hal yang tidak langsung (yakni) bahawa Allah-lah yang menciptakan hidayah dari tidak ada dan memberikan taufik kepadanya. Manakala, yang melangsungkan (pelaksanaan) *hidayah* dan *idhlal* tersebut adalah hamba. Atas dasar itu seluruh perbuatan hamba akan dihisab (atas pelaksanaannya itu).

Sesungguhnya Allah Maha Adil, dan Allah (swt) tidak akan menyiksa atau memberi pahala kepada manusia, kecuali setelah Dia menunjukkan jalannya, iaitu jalan ke syurga dan neraka. Kedua-dua jalan itu ditunjukkan oleh Allah (swt) kepada manusia, dan manusia itu sendirilah yang memilih jalan yang dia kehendaki. Manusia secara fitrah telah diberi kecenderungan oleh Allah (swt) untuk beriman atau kufur, untuk berbuat baik atau jahat. Inilah pengertian bahawa Allah (swt) adalah Dzat Pencipta hidayah dan dhalalah. Maka, ketika manusia memilih jalan sesat, dan Allah (swt) menyiksanya atas kesesatannya itu, itu bukan “kesalahan” atau kezaliman Allah, tetapi kesalahan manusia itu sendiri yang telah memilih jalan kesesatan.

Inilah hakikat hidayah dan dhalalah yang disampaikan oleh Hizbut Tahrir, yakni dari aspek “penciptaan”, ia diciptakan oleh Allah, sementara yang mengusahakannya (berusaha untuk mendapatkannya) adalah manusia, kerana manusia telah diberi potensi untuk mendapatkan kedua-duanya.

Bahkan Allah (swt) juga menurunkan Rasul yang diberi tugas untuk menjelaskan lagi kepada manusia akan kedua-dua jalan tersebut, sehingga setelah diutusnyanya Rasul, tidak ada lagi manusia yang boleh mempersalahkan Allah (swt) apabila Allah (swt) menyiksanya kelak. Firman Allah:

﴿ وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ نَبْعَثَ رَسُولًا ﴾

“Dan Kami tidak akan menyiksa (siapa pun) sebelum Kami mengutus Rasul” [Al-Isra’ (17): 15].

Jadi, apa yang disebut oleh Hizbut Tahrir bahawa petunjuk dan kesesatan itu, kedua-duanya termasuk perbuatan manusia dan bukan datang dari Allah (swt), bermaksud Allah (swt) adalah pihak yang menciptakan (al-Khaliq) petunjuk dan kesesatan, bukannya manusia. Sedangkan manusia adalah pihak yang mengerjakan (al-Mubasyir) atau mengusahakan untuk mendapat petunjuk dan kesesatan, bukannya Allah (swt). Maka manusia diberi pahala atau dosa, dan kelak pada hari kiamat akan dihisab dengan apa yang mereka usahakan.

Inilah apa yang tercatat dalam kitab asy-Syakhsiyyah al-Islamiyyah, Jilid 1 tersebut, yang sangat terang dan jernih penjelasannya bagi setiap yang membaca. Inilah pandangan Hizbut Tahrir, yang kesemuanya merujuk kepada al-Quran dan as-Sunnah, dan tidak satu pun keluar daripada kedua-duanya. Setiap yang mempunyai mata pasti dapat melihat, dan setiap yang mempunyai hati pasti dapat memahami akan apa yang ditulis oleh Hizbut Tahrir, kecuali mereka yang mempunyai hati yang busuk, yang tidak mahu memahami dan hanya mahu memfitnah!

(e) Mengingkari takwil (al-Nabhani: al-Shaksiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman: 56).

Kami paparkan di sini muka surat 56 sepenuhnya. Muka surat tersebut berada di bawah tajuk “Asal-Usul Mutakallimin dan Metodologinya”. Kami andaikan rujukan yang dibuat oleh JFNJ ialah bermula dari baris ke-6 hingga akhir perenggan.

ورسوله وما جاء به رسوله، ثم أرادوا أن يبرهنوا على ذلك بالأدلة العقلية للمنطقية، ثم أخذوا يبحثون في حدوث العالم، وإقامة الدليل على حدوث الأشياء. وأخذوا يتوسعون في ذلك، ففتحت أمامهم موضوعات جديدة ساروا في بحثها وبحث ما يتفرع منها إلى غمائه المنطقية. فهم لم يبحثوا في آيات لفهمها كما هو منهج المتقدمين وكما هو غرض القرآن، وإنما آمنوا بما وأخذوا

يقيمون البراهين على ما يفهمونه هم منها. هذه ناحية من نواحي البحث وأما الناحية الأخرى من البحث، وهي النظرة إلى الآيات المتشابهة، فإن المتكلمين لم يقنعوا بالإيمان بالمتشابهات جملة من غير تفصيل، فجمعوا الآيات التي قد يظهر بينها خلاف بعد تتبعها كلها جميعها كالخبر والاختيار وكالآيات التي قد يظهر منها جسمية الله تعالى. وسلطوا عليها عقولهم وجرؤوا على ما لم يجزؤ عليه غيرهم. فأذاهم النظر في كل مسألة إلى رأي، فإذا وصلوا إلى هذا الرأي عمدوا إلى الآيات التي يظهر أنها تخالف رأيهم فأولوها. فكان التأويل أول مظاهر المتكلمين، فإذا أذاهم البحث إلى أن الله منزه عن الجهة والمكان أولوا الآيات التي تُشعر بأنه تعالى في السماء وأولوا الاستواء على العرش. وإذا أذاهم البحث إلى أن نفي الجهة عن الله يستلزم أن أعين الناس لا يمكن أن تراه، أولوا الاخبار الواردة في رؤية الناس لله، وهكذا كان التأويل عنصراً من عناصر المتكلمين وأكبر مميّز لهم عن السلف.

فهذا المنهج من البحث في إعطاء العقل حرية البحث في كل شيء فيما يُدرك وفيما لا يُدرك، في الطبيعة وفيما وراء الطبيعة، فيما يقع عليه الحس وفيما لا يقع عليه الحس يؤدي حتماً إلى جعله الأساس للقرآن، لا جعل

Terjemahan:

Ada pun aspek pembahasan lainnya, iaitu pandangannya terhadap ayat-ayat mutasyabihat, para ahli kalam tidak merasa puas dengan keimanannya terhadap ayat-ayat mutasyabihat secara global tanpa adanya perincian. Setelah mengkaji ayat-ayat tersebut secara keseluruhan, mereka

mengumpulkan ayat-ayat yang secara zahir terdapat kontradiksi di dalamnya, seperti al-jabr dan al-ikhtiar, juga ayat-ayat yang di dalamnya tampak jismiyatullah (bentuk jasad Allah). Akal telah mendominasi mereka dalam memahami ayat-ayat tersebut. Mereka bersikap lancang terhadap sesuatu di mana orang-orang selain mereka tidak akan berbuat lancang seperti itu. Mereka membawa setiap perkara kepada ar-ra'yu (pendapat berdasarkan akal). Apabila mereka telah sampai kepada ra'yu-nya tadi, mereka bersandar kepada ayat-ayat yang – menurut pendapat mereka kontradiktif -, lalu mereka melakukan takwil. Takwil adalah ciri pertama yang sangat tampak pada ahli kalam (Mutakallimin). Jika suatu pembahasan mengarah pada bahawa Allah tidak terikat (bebas) dengan arah dan tempat, maka mereka mentakwil ayat-ayat tersebut seraya mengisyaratkan bahawa Allah (swt) berada di atas langit. Mereka juga mentakwil al-istiwa' 'ala al-arsy dengan bersemayamnya Allah di atas kerusi arsy. Jika suatu pembahasan mengarah kepada penafian (peniadaan) arah bagi Allah dan mata manusia tidak mungkin melihat-Nya, maka mereka mentakwilkan pemberitahuan (al-ikhbar) dengan menyatakan bahawa manusia melihat Allah. Demikianlah takwil merupakan salah satu alat ahli kalam dan menjadi ciri khas paling menonjol yang membezakan mereka daripada para pendahulu mereka.

Siapa pun yang membaca muka surat 56 di atas, nescaya tidak akan menjumpai satu ayat atau indikasi pun yang menunjukkan bahawa Hizbut Tahrir mengingkari takwil! Justeru, mengatakan yang Hizbut Tahrir mengingkari takwil itu hanyalah semata-mata kesimpulan yang dibuat oleh JFNJ sendiri, sama ada kerana salah memahami konteks pembahasan, atau kerana sengaja ingin membuat kesimpulan seperti itu dalam usaha yang bersungguh-sungguh untuk memfitnah Hizbut Tahrir!

Apa pun, hakikatnya kesimpulan yang dibuat oleh JFNJ itu ternyata salah, kerana Hizbut Tahrir tidak pernah mengingkari takwil! Bagaimana mungkin sejumlah cerdik pandai yang ada dalam JFNJ, kesemuanya boleh membuat kesimpulan yang sama, dan salah dalam pembacaan!? Hal ini hampir mustahil terjadi kecuali telah ada kesepakatan untuk membuat kesimpulan sedemikian atas niat tertentu. Sekali lagi kami ulangi, siapa pun yang mempunyai kebolehan membaca, lalu membaca muka surat 56 berkenaan, atau malah jika ia membaca keseluruhan bab yang berkenaan, nescaya tidak akan menjumpai mana-mana ayat atau indikasi yang menunjukkan bahawa Hizbut Tahrir mengingkari takwil.

Untuk makluman JFNJ, Hizbut Tahrir tidak pernah membahaskan isu takwil secara khusus dalam mana-mana kitab *mutabannat*-nya. Hanya terdapat sedikit penjelasan dalam kitab Asy-Syakhsyiyah al-Islamiyyah Jilid I, Bab Tafsir, muka surat 287 di mana Hizbut Tahrir menjelaskan pengertian dan perbezaan antara tafsir dan takwil sebagai berikut:

التفسير

التفسير تفصيل من الفسر وهو البيان، تقول فسرت الشيء بالتخفيف

أفسره فسراً، وفسرته بالتشديد أفسره تفسيراً إذا بينته. والفرق بين التفسير والتأويل أن التفسير هو بيان المراد باللفظ، والتأويل هو بيان المراد بالمعنى.

وقد اقتصت كلمة التفسير عند الإطلاق ببيان آيات القرآن. وقد نزل القرآن باللغة العربية، فألفاظه عربية حتى الألفاظ التي أصلها أعجمية مثل استرق، فإنها عربت على أصول العربية، وأصبحت من الألفاظ العربية. وأساليبه هي أساليب العرب في كلامهم، قال تعالى: ﴿قُرْآنًا عَرَبِيًّا﴾ وقد كان العرب يقرأونه ويدركون قوة بلاغته ويفهمون معانيه. إلا أن القرآن لم يكن جميعه في متناول العرب جميعاً يستطيعون أن يفهموه إجمالاً وتفصيلاً بمجرد أن يسمعه، لأن نزول القرآن بلغة العرب لا يقتضي أن العرب كلهم يفهمونه في مفرداته وتراكيبه. إذ ليس كل كتاب مؤلف بلغة يستطيع أهل اللغة أن يفهموه. لأن فهم الكتاب لا يتطلب اللغة وحدها، وإنما يتطلب درجة عقلية من الفهم والإدراك تنفق ودرجة الكتاب في رقبته. وواقع العرب حين نزل القرآن أنهم لم يكونوا كلهم يفهمونه كله إجمالاً وتفصيلاً، وإنما كانوا يختلفون في فهمه حسب رقبتهم العقلي. ومن أجل ذلك تفاوتت مقدرة الصحابة في تفسير القرآن وفهمه، لتفاوت معرفتهم باللغة العربية، وتفاوت ذكائهم وإدراكهم. على أن ألفاظ القرآن نفسها لم يكن العرب كلهم يفهمون معناها، فقد روي عن أنس بن مالك أن رجلاً سأل عمر بن الخطاب عن قوله تعالى: ﴿وَفَلْيَكْفَهُ وَأَبًا ۝١٤١﴾ ما الأب؟ فقال عمر: نهينا عن التكلف والتعمق وروي عن عمر أيضاً أنه كان على المنبر فقرأ: ﴿أَوْ

Terjemahan:

“Tafsir adalah penjelasan yang diinginkan (yang dimaksud) oleh lafadz. Sedangkan takwil adalah penjelasan yang diinginkan (yang dimaksud) oleh makna.”

Hizbut Tahrir tidak pernah mengingkari, menolak atau pun mengkritik takwil, melainkan mengkritik manhaj kelompok Mutakallimin yang menjadikan akal, bukannya al-Quran, sebagai asas dalam melakukan takwil. Itulah apa yang disampaikan oleh Hizbut Tahrir dalam muka surat yang berkenaan dan dalam keseluruhan bab berkenaan.

Siapa pun yang membaca bab berkenaan akan dapat memahami dengan mudah akan apa yang disampaikan oleh Hizbut Tahrir. Hizbut Tahrir menjelaskan bahawa dalam membincangkan isu-

isu *mutasyabihat*, golongan Mutakallimin telah terperangkap kerana menjadikan akal sebagai asas dalam melakukan takwil. Sebagai contoh, dalam perbincangan mengenai sifat Allah (swt), golongan Mutakallimin terperangkap apabila mereka meletakkan akal manusia sebagai asas dalam perbincangan mereka mengenai zat dan hubungannya dengan sifat Allah (swt) sehingga pemahaman yang diperoleh tidak menghasilkan kepastian dan ketenangan. Oleh kerana sifat Allah (swt) adalah di luar dari pemahaman akal manusia, sekiranya penakwilan perlu dibuat, ia mestilah datang daripada al-Quran itu sendiri.

Wahai JFNJ! Apakah terlalu susah untuk anda memahami pembahasan yang terdapat dalam kitab Hizbut Tahrir, walhal anda adalah sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada mereka yang berpendidikan? Atau anda sebenarnya berpura-pura tidak memahami, atau sengaja ingin memesongkan fakta? Jika benar anda susah untuk memahaminya, maka ubatnya amat mudah iaitu bertanya, sebagaimana sabda Rasulullah (saw):

فَإِنَّمَا شِفَاءُ الْعِيِّ السُّؤَالُ

“Sesungguhnya ubat kepada kebodohan adalah bertanya” [HR Abu Daud]

Ketahuiilah wahai JFNJ bahawa kami sentiasa terbuka dan bersedia untuk menjelaskan isi kandungan kitab kami kepada anda, kerana kami mempelajarinya dan mengajarkannya, dan kamilah yang paling memahaminya. Namun malangnya anda telah memilih untuk melanggar perintah Allah (swt) dalam *bertabayyun!* Anda tidak mahu *bertabayyun* dengan kami, dan anda memilih untuk membuat kesimpulan sendiri mengenai apa yang anda baca, yang hakikatnya jelas menunjukkan niat sebenar anda ke atas Hizbut Tahrir.

(f) Khabar ahad tidak boleh menjadi dalil dalam perkara akidah (al-Nabhani: al-Shaksiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman: 193). Ini menyamai fahaman Muktazilah.

Setelah meneliti muka surat yang dinyatakan (muka surat 193), kami mendapati tidak ada frasa yang tepat bagi menunjukkan dakwaan JFNJ dalam Butiran 4.1 (f) yang berbunyi “khabar ahad tidak boleh menjadi dalil dalam perkara akidah”. Kami berpendapat frasa yang paling dekat untuk menunjukkan maksud tersebut ialah sebagaimana perenggan di bawah:

قبول للعقيدة، لأن قبول تبليغ الإسلام قبول خير وليس قبولاً لعقيدة، بدليل أن على المبلِّغ أن يُعمل عقله فيما بلغه، فإذا قام الدليل اليقيني عليه اعتقده وحوسب على الكفر به. فرفض خير ظني عن الإسلام لا يعتبر كفراً، ولكن رفض الإسلام الذي قام الدليل اليقيني عليه هو الذي يعتبر كفراً، وعلى ذلك فتبليغ الإسلام لا يعتبر من العقيدة. وقبول خير الواحد في التبليغ لا خلاف فيه، والحوادث المروية كلها تدل على التبليغ، إما تبليغ الإسلام أو تبليغ القرآن أو تبليغ الأحكام. أما العقيدة فلم يرد دليل واحد على الاستدلال عليها بخير الآحاد.

وعلى هذا فلا بد من أن يكون دليل العقيدة يقينياً أي دليلاً قطعياً، لأن العقيدة قطع وحزم ويقين، ولا يفيد القطع والحزم واليقين إلا الدليل القطعي. وهذا لا بد أن يكون قرآناً أو حديثاً متواتراً على أن يكون كل منهما قطعي الدلالة. ويجب أخذه في العقائد وفي الأحكام الشرعية، ويكفر منكروه، ومنكر ما دلَّ عليه، سواء أكان عقيدة، أم حكماً شرعياً.

أما إذا كان الدليل خير آحاد فإنه لا يكون قطعياً، فإن كان صحيحاً فإنه يفيد غلبة الظن، فُصدِّقَ العقائد التي جاء بها تصديقاً ظنياً، لا تصديقاً حازماً، وهذا لا يجوز أن يُعتقد، ولا أن يُحزم بها. لأن العقيدة قطع وحزم، وخير الآحاد لا يفيد قطعاً ولا حزماً، وإنما يفيد ظناً، ولا يكفر منكروه، ولكن لا يجوز أن يكذب، لأنه لو حاز تكذيبه لحاز تكذيب جميع الأحكام الشرعية المأخوذة من الأدلة الظنية، ولم يقل بذلك أحد من المسلمين.

ومثله في هذه الناحية مثل القرآن سواء بسواء. فإن القرآن قد نقل

Terjemahan:

Jika suatu dalil tergolong sebagai khabar ahad maka dalil tersebut bukan dalil yang qath'ie, meskipun ada yang shahih akan tetapi itu sekadar ghalabatu dzan (dugaan kuat) sahaja. Apabila pembenaran terhadap akidah berasal dari pembenaran yang bersifat dzanni, maka pembenarannya tidak bersifat pasti (jazm), sehingga tidak boleh diyakini dan dipastikan, kerana akidah itu mesti suatu yang pasti dan meyakinkan. Sedangkan khabar ahad tidak menunjukkan kepastian atau keyakinan. Khabar ahad hanya menunjukkan dzan. Orang yang mengingkarinya tidak dianggap kafir, juga tidak boleh didustakan, kerana jika hal itu didustakan maka membuka (peluang) seluruh hukum-hukum syarak yang diambil dari dalil-dalil yang bersifat dzanni didustakan. Dan tidak ada seorang muslim pun yang berkata demikian.

Kami berpendapat bahawa frasa tersebut bukanlah frasa sebenar yang ingin dirujuk oleh JFNJ. Bukanlah kami ingin menafikan perkara yang menjadi pegangan kami, cuma kami persoalkan ketepatan rujukan yang dibuat, kerana telah terbukti dalam beberapa dakwaan sebelum ini, rujukan telah dibuat oleh JFNJ kepada muka surat yang salah. Jadi, rujukan untuk Butiran 4.1 (f) ini pun kami rasa telah tersalah. Kami berpendapat yang rujukan sebenar yang ingin dibuat ialah pada muka surat 191, bukannya 193. Berikut kami paparkan muka surat 191:

التصديق الجازم المطابق للواقع عن دليل. وما دامت هذه هي حقيقة العقيدة، وهذا هو واقعها، فلا بد أن يكون دليلها محققاً التصديق الجازم. وهذا لا يتأتى مطلقاً إلا إذا كان هذا الدليل نفسه دليلاً مجزوماً به حتى يصلح دليلاً للجزم. لأن الظني يستحيل أن يحدث جزماً فلا يصلح دليلاً للجزم. ولذلك لا يصلح خبر الآحاد دليلاً على العقيدة لأنه ظني، والعقيدة يجب أن تكون يقينية. وقد ذم الله تعالى في القرآن الكريم اتباع الظن فقال: ﴿ مَا هُمْ بِهِ مِنْ عِلْمٍ إِلَّا اتِّبَاعَ الظَّنِّ ﴾ وقال: ﴿ وَمَا يَتَّبِعُ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا ظَنًّا إِنَّ الظَّنَّ لَا يُغْنِي مِنَ الْحَقِّ شَيْئًا ﴾ وقال: ﴿ وَإِنْ تَطَّعْ أَكْثَرُ مَنْ فِي الْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ ﴾ وقال: ﴿ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَمَا تَهْوَى الْأَنْفُسُ ﴾ وقال: ﴿ وَمَا هُمْ بِهِ مِنْ عِلْمٍ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنَّ الظَّنَّ لَا يُغْنِي مِنَ الْحَقِّ شَيْئًا ﴾ فهذه الآيات وغيرها صريحة في ذم من يتبع الظن في العقائد، وذمهم والتنديد بهم دليل على النهي عن اتباع الظن. وخبر الآحاد ظني، فالاستدلال به على العقيدة اتباع للظن في العقائد، وهذا ما ورد ذمه في القرآن صريحاً. فالدليل الشرعي، وواقع العقيدة، يدل كل ذلك على أن الاستدلال بالدليل الظني على العقائد لا يوجب الاعتقاد بما جاء في هذا الدليل. وعلى ذلك فإن خبر الآحاد ليس بحجة في العقائد.

وإنما حصرت هذه الآيات خاصة في العقائد دون الأحكام الشرعية لأن الله اعتبر اتباع الظن في العقيدة ضلالاً، وأوردها في موضوع العقائد،

١٩١

Terjemahan:

Oleh kerana itu, khabar ahad tidak boleh dijadikan sebagai hujah dalam perkara-perkara akidah.

Frasa di muka surat 191 ini lebih menepati dakwaan JFNJ dalam Butiran 4.1 (f) di atas, berbanding frasa di muka surat 193. Walau bagaimana pun, elemen ini telah diungkap dengan cara yang mengelirukan oleh JFNJ. Ini kerana JFNJ telah memberi gambaran bahawa siapa sahaja yang tidak menerima hadis ahad sebagai dalil dalam perkara akidah, maka ia telah bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sedangkan hakikatnya (yang akan kami buktikan di bawah), jumhur ulama Ahlu Sunnah berpendapat bahawa khabar ahad tidak boleh dijadikan dalil dalam perkara akidah.

JFNJ sepatutnya meneliti bantahan yang telah kami kemukakan kepada Jawatankuasa Fatwa Selangor berkenaan hal ini dan sepatutnya lebih berhati-hati dalam mengeluarkan fatwa yang sama, agar tidak mengulangi kesalahan Jawatankuasa Fatwa Selangor.

Bagaimana mungkin dalam perkara yang menjadi *khilaf* (perselisihan pendapat) ulama seperti dalam persoalan hadis ahad ini, JFNJ boleh menuduh Hizbut Tahrir bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah!? Kami telah pun mengemukakan bukti dalam jawapan kami kepada Jawatankuasa Fatwa Selangor bahawa jumhur ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah berpendapat sama seperti Hizbut Tahrir. Mengapakah JFNJ tidak mahu mengambil iktibar daripada jawapan kami kepada Selangor? Apakah JFNJ tidak membacanya? Atau JFNJ telah pun membaca jawapan tersebut, tetapi tidak mahu mengambil peduli kerana desakan hawa yang tidak dapat dibendung untuk memfitnah Hizbut Tahrir?

JFNJ seharusnya bersikap sama seperti para ulama salaf daripada kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, iaitu memahami serta menguasai pembahasan berkenaan perkara ini dengan mendalam, lalu mendudukkan perkara ini dengan cara benar dan berlapang dada terhadap perbezaan pendapat.

Kami ingin tegaskan di sini bahawa persoalan berkenaan hadis ahad yang tidak boleh dijadikan hujah dalam perkara akidah bukanlah rekaan Hizbut Tahrir. Perkara akidah tidak boleh diambil dengan dalil *dzanni* bukanlah rekaan Hizbut Tahrir. Perkara akidah wajib diambil daripada dalil yang *qath'ie* (sahaja), juga bukan rekaan Hizbut Tahrir. Allah (swt) telah menjelaskan dan memerintahkan kaum Muslimin serta memberi panduan kepada kita semua dalam perkara ini. Ia bukanlah rekaan Hizbut Tahrir! Kami yakin yang JFNJ tentunya membaca ayat-ayat al-Qur'an yang Allah (swt) dengan tegas mencela orang-orang yang mengambil akidahnya dengan *dzan* (sangkaan/dugaan). Firman-Nya:

﴿إِنْ هِيَ إِلَّا أَسْمَاءٌ سَمَّيْتُمُوهَا أَنْتُمْ وَآبَاؤُكُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ بِهَا مِنْ سُلْطَانٍ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَمَا تَهْوَى الْأَنْفُسُ وَلَقَدْ جَاءَهُمْ مِنْ رَبِّهِمُ الْهُدَىٰ﴾

“Itu tidak lain hanyalah nama-nama yang kamu dan bapa-bapa kamu ada-adakan; Allah tidak menurunkan suatu keterangan pun untuk (menyembah)nya. Mereka tidak lain hanyalah mengikuti dzan dan apa yang diinginkan oleh hawa nafsu mereka dan sesungguhnya telah datang petunjuk kepada mereka dari Tuhan mereka” [An-Najm (53): 23].

﴿إِنَّ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ لَيُسَمُّونَ الْمَلَائِكَةَ تَسْمِيَةً الْأُنثَىٰ * وَمَا لَهُمْ بِهِ مِنْ عِلْمٍ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنَّ الظَّنَّ لَا يُغْنِي مِنَ الْحَقِّ شَيْئًا﴾

“Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada kehidupan akhirat, mereka benar-benar menamakan malaikat itu dengan nama perempuan. Dan mereka tidak mempunyai sesuatu pengetahuan pun tentang itu. Mereka tidak lain hanyalah mengikuti persangkaan sedang sesungguhnya persangkaan itu tiada berfaedah sedikit pun terhadap kebenaran” [An-Najm (53): 27-28].

﴿وَمَا يَتَّبِعُ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا ظَنًّا إِنَّ الظَّنَّ لَا يُغْنِي مِنَ الْحَقِّ شَيْئًا﴾

“Dan kebanyakan mereka tidak mengikuti, kecuali persangkaan sahaja. Sedang sesungguhnya persangkaan itu tidak sedikit pun berguna untuk mencapai kebenaran” [Yunus (10): 36].

﴿الَّذِينَ يُجَادِلُونَ فِي آيَاتِ اللَّهِ بِغَيْرِ سُلْطَانٍ أَتَاهُمْ كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ وَعِنْدَ الَّذِينَ آمَنُوا﴾

“(Iaitu) orang-orang yang memperdebatkan ayat-ayat Allah tanpa alasan yang sampai kepada mereka. Amat besar kemurkaan (bagi mereka) di sisi Allah dan di sisi orang-orang yang beriman” [Ghafir (40): 35].

﴿وَكَيْفَ أَخَافُ مَا أَشْرَكْتُمْ وَلَا تَخَافُونَ أَنَّكُمْ أَشْرَكْتُمْ بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ عَلَيْكُمْ سُلْطَانًا﴾

“Bagaimana aku takut kepada sembahhan-sembahhan yang kamu persekutukan (dengan Allah), padahal kamu tidak takut mempersekutukan Allah dengan sembahhan-sembahhan yang Allah sendiri tidak menurunkan hujah kepadamu untuk mempersekutukan-Nya” [Al-An’am (6): 81].

Dan banyak lagi ayat-ayat lain yang seumpamanya.

Ayat-ayat ini dengan jelas dan tegas mencela sesiapa sahaja yang mengikuti *dzan* (sangkaan/dugaan) dalam perkara akidah, juga mencela sesiapa sahaja yang mengikuti sesuatu tanpa *sulthan* (bukti yang kukuh), iaitu tanpa dalil *qath’ie* (putus). Celaan dan kecaman Allah (swt) kepada mereka itu menjadi nas yang melarang dengan keras untuk mengikuti *dzan*, juga larangan mengikuti apa yang tidak dibangunkan berdasarkan dalil *qath’ie* terhadap persoalan yang terkait dengan akidah. Semua ini menunjukkan dengan jelas bahawa akidah wajib dibangunkan berdasarkan dalil *qath’ie*. Dengan kata lain, dalilnya tidak boleh dalil *dzanni* kerana ayat-ayat di atas membuktikan dua perkara:

Pertama: Larangan berakidah dengan dalil *dzanni*. Itulah yang ditunjukkan oleh ayat-ayat *dzan* di atas.

Kedua: Wajib menggunakan dalil *qath'ie* dalam membangun akidah, sehingga menjadi sebuah keyakinan. Itulah yang ditunjukkan oleh ayat-ayat *sulthan mubin* (bukti yang kukuh lagi nyata).

Ini mengenai masalah akidah.

Adapun mengenai hukum syarak, maka dalilnya diperbolehkan dalil *dzanni* dan tidak ada syarat dalilnya mesti *qath'ie*. Kami tidak akan membincangkan hal ini lebih lanjut di sini kerana apa yang disebut dalam fatwa hanyalah berkenaan persoalan akidah dalam hadis ahad.

Ada satu perkara lagi yang tampaknya JFNJ juga keliru mengenai isu ini. Sekiranya JFNJ membaca kitab para *fuqaha'* dan *mujtahid*, JFNJ pasti menemui bahawa sesuatu hadis itu sahih menurut Imam Abu Hanifah, lalu beliau mengambilnya, tetapi Imam Syafie tidak mengambilnya dan begitulah seterusnya tanpa memberi tuduhan menyeleweng sesat terhadap Imam Abu Hanifah. Bahkan, para *rijal al-hadis* (tokoh-tokoh hadis) juga berselisih tentang pelbagai hadis Ahad. Ibn Hibban misalnya, menyatakan hadis tertentu sahih, tetapi ianya dilemahkan oleh al-Hakim. Imam Ahmad menyatakan hadis tertentu sahih, tetapi ianya dilemahkan oleh al-Albani. Bahkan, kitab hadis yang paling sahih sekalipun tidak terbebas daripada dilemahkan oleh sebahagian ulama yang lain. Justeru, kalau hadis *dzanni* boleh digunakan dalam perkara akidah, pasti seorang Muslim akan mengkafirkan saudara Muslimnya yang lain, kerana mereka berselisih dalam mengambil hadis ini dan itu, atau kerana berbeza dalam menghukumi hadis ini sahih, sementara bagi yang lain dihukumi *dhaif*. Pasti orang yang menyatakan hadis Bukhari sahih akan mengkafirkan orang yang menganggap hadis Bukhari lemah. Ini merupakan perkara yang sepatutnya difahami oleh JFNJ.

Justeru merupakan nikmat Allah (swt) kepada kita, bahawa Allah (swt) telah melarang kita mengambil akidah daripada dalil *dzanni*, sebaliknya memerintahkan kita untuk mengambil persoalan akidah berdasarkan dalil *qath'ie*, sehingga umat ini boleh bersatu di atas akidah ini tanpa sebarang perselisihan. Dengan mengambil dalil yang *qath'ie*, akidah ini merupakan akidah yang bersih dan jernih, sehinggakan seorang Muslim tidak akan mengkafirkan saudara Muslimnya yang lain, kerana perbezaan pandangan mereka mengenai hadis *dzanni* dalam perkara akidah. Ini kerana, perselisihan dalam perkara akidah boleh menjadi jalan kekufuran.

Berbeza dengan hukum syarak yang boleh bersandar kepada hadis Ahad, yang mana perselisihan dalam hukum syarak tidak semestinya menjadi jalan kekufuran. Contohnya, seperti orang yang berpendapat tentang bolehnya akad *Muzara'ah*, kerana terdapat beberapa hadis Ahad yang sahih mengenainya. Dia tidak akan mengkafirkan orang yang menolak diperbolehkannya akad *Muzara'ah*, kerana ia juga mempunyai beberapa hadis Ahad yang sahih mengenainya dan begitulah seterusnya. Berdasarkan pembahasan ini, maka dibenarkan menggunakan dalil *qath'ie* dan juga *dzanni* dalam hukum syarak, sebaliknya, tidak dibenarkan menggunakan dalil *dzanni* dalam perkara akidah kerana akidah wajib diambil dari perkara yang meyakinkan, bukan dari sangkaan.

Tambahan pula, sungguh tidak masuk akal bagaimana JFNJ boleh dan sanggup memfatwakan Hizbut Tahrir bercanggah dengan ajaran Islam menurut pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, atas alasan menolak sumber akidah dari dalil *dzan*. Ini kerana, tidak mengambil hadis Ahad sebagai dalil dalam perkara akidah merupakan pandangan jumhur *fuqaha'* dan ulama Ahlu Sunnah. Antaranya ialah Imam Abdul Rahim bin al-Hasan bin 'Ali al-Isnawi asy-Syafie Abu Muhammad, Jamaluddin (w. 772 H) yang telah menyatakan perkara ini dalam kitabnya, *Nihayah as-Sul Fi Syarhi Minhaj al-Ushul*, hal. 10.


<p>(١٠)</p> <p>لوجوب وليس المراد حفظ الأدلة ولا غيره من المعاني فاتهمه • واعلم أن التعبير بالأدلة مخرج لكثير من أصول الفقه^(١) كالمعمومات واخبار الآحاد والقياس والاستصحاب وغير ذلك فإن الأصوليين وإن سلموا العمل بها فليست عندهم أدلة لفقه بل إمارات له فإن الدليل عندهم لا يطلق إلا على المقطوع به ولهذا قال الإمام في الحصول أصول الفقه بجموع طرق الفقه ثم قال وقولنا طرق الفقه نبى لتحریم حقيقة فهاتان الفضيلتان الكبيران وأما ما في مسائل علم أصول الفقه ودلائل الفقه الاجمالية بمعنى أنها الكبريات التي عليها المعمول في استنباط الأحكام اذا ضمت الى الصغريات المأخوذة من الكتاب مثلاً تقول قوله تعالى « أقيموا الصلاة » أمر بالصلاة من قبل الله تعالى وكل أمر هو كذلك بقيد وجوب الأمر به فقوله تعالى أقيموا الصلاة بقيد وجوب الأمر به وهو الصلاة فإن كان الاستنوي أراد من قوله والمراد بمعرفة الأدلة أن يعرف أن الكتاب والسنة اللج هو ما ذكرناه كان قوله ذلك صحيحاً ولكنه تكلف لا حاجة اليه فإن المراد من معرفة الأدلة الاجمالية في التعريف معرفة الكبريات فقط لأنها هي مسائل الأصول وقواعده وجمعات هي الأدلة لأنها هي العدة في الاستدلال وإن كان تمام الدليل الذي يستند اليه المجتهد عند الاستنباط إنما هو بالصغرى أيضاً لكن الصغرى لا يبحث عنها في الأصول فالمراد بمعرفة القواعد المتعلقة بالأدلة الاجمالية والكيفيتين في تعريف المصنف التصديق بكون الأدلة السكائية الاجمالية المشار اليها بقوله اجمالاً مثبتة للإحكام الشرعية المعملية عند المجتهد مع معرفة كيفية الاثبات والاستفادة وحال المستفيد ولا شك أن التصديق بما ذكر هو معنى التصديق بالمسائل السكائية التي يبحث فيها الأصولي ليجعلها المجتهد كبريات لصغريات سهلة الحصول كما سبق (١) قال الاستنوي « واعلم ان التعبير بالأدلة مخرج الخ » أقول المصرح به أن الدليل هو الذي يمكن أن يتوصل بصحيح النظر فيه الى مطلوب خبري قطعياً كان أو ظاهياً كما في البديهي وغيره فلا وجه لقول الاستنوي ان الدليل عندهم لا يطلق إلا على المقطوع به اهـ فالأدلة كالمطرق تتناول الامارات أيضاً</p>	<p>نَهْجَاتُ السُّؤَالِ</p> <p>فِي شَرْحِ مِنْهَاجِ الْأَصُولِ</p> <p>لِلْفَاضِلِ نَاصِرِ الدِّينِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي</p> <p>الْمَوْفَى ٦٨٥ هـ</p> <p>تأليف</p> <p>الشيخ الاسلام جمال الدين عبد الرحمن بن الحسن</p> <p>الاستنوي تاليف المترجم</p> <p>ومعه حواشيه الفيدة المسماة</p> <p>« سلم الأصول، لشرح نهاية السؤل »</p> <p>تأليف الاستاذ العلامة الكبير</p> <p>« الشيخ محمد بن عبد الطيب »</p> <p>من المطبعات المطبوع بها</p> <p>الجزء الأول</p> <p>علم الكتب</p>
--	--

Terjemahan:

Ketahuilah bahawa ungkapan “dalil” merupakan jalan keluar bagi banyak persoalan ushul fiqh. Ini termasuklah aspek keumuman, khabar ahad, qiyas, istishab dan yang lainnya. Para ulama Ushul, meskipun beramal dengannya, namun ini tidak dianggap oleh mereka sebagai “dalil”, tetapi sebagai imarah (petanda), kerana bagi mereka, ungkapan “dalil” tidak lain merujuk kepada suatu yang qath’ie.

Para ulama ushul tidak menganggap dalil *fiqh* (yakni dalil hukum syarak) sebagai “*dalil*”. Mereka hanya menganggapnya sebagai *amarat* (petanda) bagi hukum syarak. Alasannya, kerana dalil *dzanni* itu, menurut mereka, tidak diakui sebagai “*dalil*”, namun, hanya disebut *amarat*. Ini kerana bagi mereka, “*dalil*” itu hanya terpakai untuk dalil yang terbukti ke-*qath’ie*-annya. Sumber dalam perkara *ushuluddin* (pokok agama) wajib berupa dalil *qath’ie*.

Perkara yang sama juga dikemukakan oleh Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Lakhami al-Gharnathi, yang dikenal dengan asy-Syathibi dalam kitabnya, *al-Muwafaqat*, hal. 17,18,20.



<p>والحاجيات، والتحسينات^(١)، وأيضاً لوجاز تعلُّق الظن بأصل الشريعة، لوجاز تعلُّق الشك بها، وهي لا شك فيها، ولوجاز تغييرها وتبديلها، وذلك بخلاف ما ضمن الله عز وجل من حفظها.</p> <p>والثالث: إنه لوجاز جعل الظن^(٢) أصلاً في أصول الفقه، لوجاز جعله أصلاً في أصول الدين، وليس كذلك باتفاق، فكذلك هنا؛ لأن نسبة أصول الفقه من أصل الشريعة كنسبة أصول الدين، وإن تفاوتت في المرتبة؛ فقد استوتت في أنها كلييات معتبرة^(٣) في كل ملة، وهي داخلة في حفظ الدين من الضروريات.</p> <p>وقد قال بعضهم: لا سبيل إلى إثبات أصول الشريعة بالظن، لأنه تشريع، ولم تتعبد بالظن إلا في الفروع^(٤)، ولذلك لم يمتد القاضي ابن العلي^(٥) في (م): «الظن».</p> <p>(٢) استدلال عظامي؛ لأنه لا يتأتى اعتبار ذلك في جميع مسائل الأصول؛ حتى ما انفردا عليه منها، إنما المحتبر في كل ملة بعض الفروع العامة فقط، وكان يجدر به وهو في مقام الاستدلال العام على قطعها مسائل الأصول ومفادها ألا يذكر مثل هذا الدليل. (مخ)</p> <p>(٣) وأما الضروريات، فمعناها أنها لا بد منها في قيام مصالح الدين والدنيا، بحيث إذا فقدت لم تجر مصالح الدنيا على استقامة بل على فساد وهلاك، وهي خمسة: حفظ الدين، والنفس، والنسل، والمال، والعقل.</p> <p>وأما الحاجيات، فمعناها: أنها مقترن إليها من حيث التوسعة ورفع التعسير؛ كالرخص، وزيادة الصواب، والنمط بالظنيات مما هو حلال.</p> <p>وأما التحسينات، فمعناها الأمل بما يليق من محاسن العادات، وتجنب الأحوال المنكسرات التي تافها العقول الراجحات، كزكاة النعاسة، وبستر العورة، وأصل الرينة (وماء).</p> <p>(٤) ذهب طائفة إلى أن الأحكام الشرعية لا تثبت إلا بالطرق المقيدة للعلم، متمسكين بقوله تعالى: ﴿ولا تلقوا بها عينك﴾، ولوله: ﴿وما يتبع أثرهم إلا ظناً إن الظن لا يهدي من الحق شيئاً﴾، وأجاب الجمهور عن الآيةين بأنهما من قبيل العام المخصوص بالأدلة القائمة على</p>	<p>وراجعة إلى كلييات الشريعة، وما كان كذلك؛ فهو قطعياً^(١)، بيان^(٢) الأول ظاهر بالاستقراء المقيد للقطع^(٣).</p> <p>وبيان الثاني من لوجه:</p> <p>أحدتها^(٤): إنها ترجع إما إلى أصول عقلية^(٥)، وهي قطعية، وإما إلى = بأنه الثلاثة الأولى والأدلة الأخرى التي جاء بها في حدد الرد على المازري في اعتراضه على القاضي، ثم قرر أيضاً أن ما كان ختياً بطرح من علم الأصول؛ فيكون ذكره تبعاً لا غيره.</p> <p>(١) عمى الوجه الذي بسطه المصنف في هذه المقدمة على بعض الكتائب في الأصول؛ فقال: من أصول الفقه ما ليس بقطعي؛ كحجية الاستصحاب، ومفهوم المخالفة، وسنطلق إن شاء الله على أن من قرر أصلاً كالاتصاحب أو سد الذرائع أو المصالح العرسلة؛ إنما انتزعه من موارد متعددة من الشريعة حتى قطع بأنه من الأصول المقصودة في بناء الأحكام. (مخ)</p> <p>قال (م): «قطعية أبدأ في جميع الدهر ولا تكون ظنية».</p> <p>قلت: الخلاف في هذه المسألة يدور أنه راجع إلى عدم تحرير محل النزاع فقط، فالقولون بأن (أصول الفقه) قطعية لا تحتسب الظنيات، ومنهم المصنف، يفتنون (أصول الأدلة، والفروع الكلية الشرعية، ويحذرون ما سوى ذلك من المباحث التفصيلية والاجتهادات التطبيقية ليس من (أصول) الفقه، وإن بحث في علم (أصول الفقه) وكتبه، وأما القولون بأن أصول الفقه تتضمن على كثير من الظنيات؛ وإنما يتكلمون عن (علم أصول الفقه)، حيث أدرجت فيه كثير من الظنيات، ودليل ظنيها كثرة الخلاف فيها، وهو ما سعى المصنف إلى إقصائه من (أصول الفقه)، واقتضى كتابه بالتأكد على أن (أصول الفقه) قطعية لا ظنية، تأمل اعتراض أسناننا الدريسي في «بحوث مفارقة في الفقه الإسلامي وأدلته» (١ / ٢٠) لعدم صدق التوجيه السابق، وقد ذكره الأستاذ أحمد الرسولي في «نظرة المفاسد عند الإمام الشاطبي» (ص ١٤٠).</p> <p>(٢) في (٢): «وبيان».</p> <p>(٣) قرأ إذا تصفحنا جميع مسائل علم الأصول لقطع بأنها مبنية على كلييات الشريعة الثلاثة، واستقراء جميع الأفراد فيمكن؛ فإنها مسائل محصورة. (د)</p> <p>(٤) حاصله أن كلييات الشريعة مبنية؛ إما على أصول عقلية، وإما على استقراء كلي من الشريعة، وكلاهما قطعي؛ فهذه الكليات قطعية، فما ينشأ عنها من مسائل الأصول قطعياً. (د)</p> <p>(٥) أي: راجعة إلى أحكام العقل الثلاثة كما سيذكره في المقدمة الثانية تفصيلاً. (د)</p>
---	--

Terjemahan:

Sesungguhnya ushul fiqh di dalam agama adalah qath'ie dan bukannya dzanni dan dalilnya dikembalikan kepada kulliyat syariah dan apa yang seumpamanya, dan ia merupakan perkara qath'ie.

Sekiranya perkara dzanni diperbolehkan menjadi perkara asas di dalam ushul fiqh, maka sudah tentu diperbolehkan juga menjadi asas dalam perkara ushuluddin. Namun hakikatnya bukan seperti itu dan ini telah pun disepakati. Dan seperti itulah halnya di sini, penisbahan ushul fiqh daripada ushul syariah adalah sama dengan penisbahan ushuluddin.

Pandangan asy-Syatibi Ini menjelaskan bahawa *ushul fiqh* merupakan perkara yang *qath'ie*, dari segi kedudukan *ushul fiqh* ini seperti *ushuluddin*. Sedangkan perkara *ushuluddin* telah pun disepakati bahawa ia wajib *qath'ie*. Perkara *ushuluddin* itu sendiri adalah akidah.

Ramai ulama yang berpendapat, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn al-Hajib di dalam kitabnya *Mukhtasar Muntaha al-Sul wa al-Amal fi 'Ilmi al-Ushul wa al-Jadal* (hal. 533) bahawa hadis Ahad tidak menghasilkan *ilm* (keyakinan).

<p style="text-align: center;">كتاب التمهيد</p> <p style="text-align: center;">٢٨٦</p> <p style="text-align: center;">باب (١١) فخر^(١)</p> <p>١ ٦٤٥ قلنا قال قائل وما^(٢) معنى وصفكم الخبر بأنه غير^(٣) واحد ؟</p> <p>٢ قيل له : أما حقيقة هذه الإضافة في اللغة ، فإنه^(٤) خبر واحد وإن الراوي له واحد فقط ، لا اثنين^(٥) ولا أكثر من ذلك . غير^(٦) أن الفقهاء والشككيين قد تراضوا على تسمية كل خبر (ص ١٦٥ ط) فخر عن إيجاب العلم بأنه غير واحد ، وسواء منهم رواه الواحد أو^(٧) الجماعة التي تزيد على الواحد . وهذا الخبر لا يوجب العلم على ما وصفناه أولاً ؛ ولكن يوجب العمل^(٨) إذا كان نقله عدلاً ولم يعارضه ما هو أقوى منه على حد ما نلخص إليه بما ليس هذا موضع ذكره .</p> <p style="text-align: center;">(المعنى) (١) في حلة . (٢) من خبر - آخر .</p> <p>١١ ٦٤٥ (٣) خبر - غير . (٤) من خبر الله . (٥) خبر - غير .</p> <p>(٦) من الاثنان . (٧) من الاثنان . (٨) خبر + خبر . (٩) خبر الله</p>	<p style="text-align: center;">مَشْهُورَاتُ جَامِعَةِ أَمْحَكَةِ فِي بَغْدَادَ</p> <p style="text-align: center;">سلسلة علم الكلام</p> <p style="text-align: center;">١</p> <p style="text-align: center;">كِتَابُ التَّمْهِيدِ</p> <p style="text-align: center;">تأليف</p> <p style="text-align: center;">الإمام القاضى</p> <p style="text-align: center;">أبي بكر محمد بن الطيب بن البختياري</p> <p style="text-align: center;">عن تصحيحه ونشره</p> <p style="text-align: center;">أب رشيد يوسف كاري السنوسي</p> <p style="text-align: center;">المكتبة الشرقية</p> <p style="text-align: center;">بغروت</p> <p style="text-align: center;">١٤٥٧</p>
--	---

Terjemahan:

Dan khabar ini (ahad) tidak mewajibkan keyakinan (ilm) berdasarkan sifatnya yang telah dijelaskan sebelum ini, tetapi mewajibkan amal.

Imam Abu Ishaq Ibrahim bin 'Ali bin Yusuf al-Syirazi (w. 476 H), di dalam kitabnya *al-Tabsirah fi Ushul al-Fiqh*, hal. 298 juga berpandangan yang sama, sebagaimana pandangan al-Qadhi Abu Bakar al-Baqillani, bahawa hadis Ahad itu tidak boleh menghasilkan 'ilm (keyakinan), baik dengan atau tanpa *qarinah*.

مَسْئَلَةٌ (٦)

أخبار الأحاد لا توجب العلم^(١)

وقال بعض أهل الظاهر، توجب العلم^(٢).

وقال بعض أصحاب الحديث، فيها ما يوجب العلم، كحديث مالك عن نافع عن ابن عمر^(٣) وما أشبهه^(٤).

وقال الشَّافِعِيُّ^(٥)، فيها ما يوجب العلم، وهو ما قرأته سبب^(٦).

(١) أي مطلقاً. سواد المعتدلتين بما للقرآن ثم لم تعتد. وهذا منعب الأكثرين كما قال القرظي. والأصدي. وابن العاجب. إلا أن الشيرازي يستثنى من أخبار الأحاد ما نقلته الأمة بالقبول. وينعيب فيه أن له بنده علماً استدلالياً. كما أشار إلى ذلك في البيع (ص ١٠٢). سواد عمل به الجميع، أو عمل به البعض ونكوله البعض. لأن تكليفه له دليل على كونه، وإدخاله المصير في هذا. وانعوا أن أنه لا يبعد العلم والقطع بالصدق. سواد عمل به الجميع. أو البعض ونكوله البعض وانظر الأحكام (١٠٢٠) جمع الجوامع (١٠٢/٢ - ١٠١) حاشية المطالع. وانظر للشافعي (١٠٤/٢٠) بولاق والتحول (ص ٢٠٢) والفتاوى لابن العاجب (ص ٢٠٢).

(٢) وهذا منعب الأمام أحمد بن حنبل، وابن خويز منداد من التلخيص بل عزاء إلى مالك. وطبعه الطاهرية. قال ابن حزم في الأحكام (١٠٢/٢١). قال أبو سليمان، والحسين بن علي الكرايسي. والحارث بن أسد العباسي وغيرهم. أن غير الواحد العدل. عن مثله. أن رسول الله ﷺ يوجب العلم والعمل معاً. وهذا قول. وصحوا العلم عندهم مطروحة اعتقدت بالخبر للقرآن ثم لم تعتد.

(٣) يقال إن هذا الإسناد صحيح الإسناد أن رسول الله ﷺ. ولذلك سواد المعتدلتين بسلسلة الشعب. والحق أن صحيح الأحاديث مطلقاً غير معروف. وهو متردد في مجموعة من الأسانيد. انظر فتح القريب للسرخاري (٢٠٢/٢١) علوم الحديث لابن الصلاح (ص ١٠٢).

(٤) أي من الأسانيد التي تشبه هذا الإسناد في قولها كحديث مالك عن ابن شهاب. عن سالم بن عبد الله. عن عبد الله بن عمر. وغيرهما من الأسانيد. وقد أعمل الحديث من عدم نقل. كل حديث موجود في الصحيحين مطروح بصحته كما فعل ابن الصلاح في علوم الحديث (ص ٢١) وانظر تنزيه الروي (ص ٢٠٢) حيث نقل عن القسبي أنه نقله عن كثير غير ابن الصلاح. وهو اشتبار ابن حجر المصلاقي في شرح النسخة ص ١٠ حاشية السويدي السنين.

(٥) هو أبو إسحق إبراهيم بن سيار المعروف بالشافعي. وهو شيخ الحافظ. ومن أدركه المعتزلة. غير منعب المعتزلة في التمسك الذي أنكره عليه عامة السلفين. توفي ما بين سنة ٢٢١ وسنة ٢٢٢ وهو زعيم الطائفة الشافعية.

(٦) السجود الزاهرة ٢٢١/٢٢. الفرق بين الفرق ٣٠. طبقات المعتزلة ١٩. تاريخ بغداد ٢٠٢/٢٦.

(٧) وإلى هنا الشعب ذهب إمام الحرمين. والقرظي. والأصدي. وابن العاجب. والقرظي. وأبو العباس.

— ٢٩٨ —

التبصير

في

أصول الفقه

للشيخ الأمام

أبي إسحاق إبراهيم بن سيار الكوفي

الشيخ الأمام

أبي إسحاق إبراهيم بن سيار الكوفي

٤٤٧٦ هـ

في دار إمام الحرمين

بدمشق في سنة ١٣٠٠ هـ


العلامة

الدكتور محمد حسين

Terjemahan:

Khabar ahad tidak mewajibkan 'ilm (yakin)
(1) Ia adalah mutlak. Samada ada qarinah atau tidak dan ini adalah (pendapat) majoriti mazhab seperti dikatakan oleh al-Ghazali.


Syeikh Muhammad Jamaluddin bin Muhammad bin Sa'id bin Qasim al-Hallaq al-Qasimi (w. 1332 H) di dalam kitabnya, *Qawa'id al-Tahdis min Funun Musthalah al-Hadis*, hal. 244 mengatakan hal yang sama yakni hadis Ahad hanya menghasilkan *dzan* dan tidak menghasilkan keyakinan dan tidak boleh digunakan dalam akidah.



Terjemahan:

Dari segi hukum, para ulama dan termasuk jumhur kaum Muslimin dari kalangan para sahabat dan tabiin dan mereka yang datang sesudah itu dari kalangan Muhaddisin, para fuqaha dan ahli ushul (berpendapat) bahawa hadis ahad itu tsiqah sebagai hujah hukum syarak yang mewajibkan kita beramal dengannya, ia bersifat dzan (dugaan) dan bukan ilm (keyakinan). Kewajipan beramal dengannya bukanlah suatu yang diketahui daripada akal tetapi daripada syarak.

Syed Quthub Ibrahim Husain al-Syaribi (w. 1385 H) dalam kitab Tafsirnya, *Fi Zhilal al-Quran*, hal. 710 ketika menafsirkan al-Quran surah al-Falaq dalam kaitannya dengan hadis dari Labid bin al-A'sham al-Yahudi, berpandangan bahawa hadis Ahad tidak boleh diambil dalam perkara akidah.



Terjemahan:

Hadis ahad tidak boleh diambil dalam perkara aqidah. Yang dirujuk (dalam perkara akidah) adalah al-Quran. Aspek mutawatir merupakan syarat dalam pengambilan hadis dalam perkara akidah.

Selain *fuqaha'* dan ulama di atas, ramai lagi *fuqaha'* dan ulama lainnya yang berpandangan sama seperti Hizbut Tahrir, iaitu hadis Ahad tidak boleh digunakan sebagai hujah (dalil) dalam masalah akidah kerana ia berfaedah *dzan*. Antaranya ialah:

- (i) Al-Faqih al-Muhaddis Abu Hanifah an-Nu'man bin Tsabit (w. 150 H) di dalam kitabnya *Al-Mabsuth Li Syamsuddin as-Sarakhsiy*, Juzuk 3, hal. 79-80.



Terjemahan:

...telah diriwayatkan oleh Hasan dari Abi Hanifah rahimahumallah Taala bahawa tidak ada kafarah ke atasnya walaupun ia terima khabar tersebut, kerana khabar ahad tidak wajib ilm yakin (meyakini), tetapi wajib beramal dengannya bersandarkan dzan pada perawi...

- (ii) Al-Imam Abu Bakar ar-Razyi al-Jashas al-Hanafiyy (w. 370 H) di dalam kitabnya *Al-Fushul Fi al-Ushul*, Juzuk 3, hal. 53.



Terjemahan:

Abu Bakar berkata: Ilm (keyakinan) tidak muncul dengan bilangan penyampai tertentu, tetapi kami percaya jumlah penyampai yang sedikit sudah pasti tidak akan membawa

kepada ilm (keyakinan), tetapi jumlah yang ramai ya, dengan syarat para penyampainya beragam dan mereka tidak merancang melakukan keburukan/kesalahan.

- (iii) Menurut 'Alauddin al-Samarqandiy al-Hanafiy (w. 450 H) di dalam kitabnya *Mizan al-Ushul*, Juz 3, hal. 53 dan menurut beliau majoriti ulama berpandangan demikian.



Terjemahan:

Adapun hukum khabar ahad...ramai ulama mengatakan: Wajib beramal dengannya tanpa ilm (yakin) secara qath'ie (pasti)..


- (iv) Fakhru'l Islam Ali bin Muhammad al-Bazdawiy (w. 482 H) di dalam kitabnya *Ushul al-Bazdawiy*, hal. 158.



Terjemahan:

Adapun mengenai dakwaan bahawa (khabar ahad) adalah ilm al-yakin, maka ini adalah batil tanpa syubhah. Ini kerana, orang-orang menyaksikan, telah menolaknya dan sebelum ini kami telah menjelaskan bahawa pendapat yang masyhur mengatakan ia (khabar ahad) tidak membawa kepada ilm al-yakin (keyakinan) dan ini (pendapat yang) lebih utama. Ini kerana khabar ahad mengandungi kemungkinan keraguan dan tidak mengandungi elemen yakin. Sesiapa yang mengingkari ini telah meletakkan dirinya dalam kebodohan dan kelemahan akal.

- (v) Al-Imam Abu Bakar as-Sarakhsiy (w. 490 H) di dalam kitabnya *Ushul as-Sarakhsiy*, Juz 1, hal. 112.



Terjemahan:

...sesungguhnya khabar ahad, tidak diwajibkan ilm al-yakin (meyakini), kerana mengandungi dzan (dugaan) dari sudut periwayatannya dan ia merupakan dalil yang diwajibkan beramal dengannya atas dasar husnu dzan dengan perawi dan tarjih yang menghampiri kebenaran...

- (vi) Al-Imam Abul Barakat al-Nasafiy (w. 710 H) di dalam kitabnya, *Kashf al-Asrar*, Juz 2, ms 19.



Terjemahan:

Adapun orang yang mendakwa bahawa ia (khabar ahad) mencapai tahap ilm al-yakin (keyakinan), maka ini adalah (dakwaan) batil kerana telah jelas bahawa (pendapat) yang masyhur tidak mewajibkan ilm al-yakin... Ini adalah kerana khabar ahad itu sendiri memiliki keraguan padanya, lalu bagaimana mungkin menetakannya dengan yakin apabila wujudnya keraguan...

- (vii) Al-Imam al-'Allamah Ibn Najim al-Hanafiy (w. 970 H) di dalam kitabnya *Fathu al-Ghafar bi Syarh al-Manar*, hal. 272 dan menurut beliau majoriti ulama dan seluruh *fuqaha'*.

فتح الغفاري
بشرح المنار
 مصنفه
 بشبكة النوراني أسرار
 عليه
 إقرار القارئ من الزبير بن العوام
 أريضة كوفي
 عبادات عام
 من تصحيح
 الدكتور الحسين بن علي بن الحسين
 العام 2000
 الطبعة
 منشور من دار الفقه الإسلامي
 في مدينة الكويت

كخبر الواحد وهو كل خبر يرويهِ الواحد أو الاثنان فصاعداً لا عبرة للعدد فيه بعد أن يكون دون المشهور والمتواتر وأنه يوجب العمل دون علم اليقين بالكتاب والسنة

تتلفه الأمة بالقبول . (كخبر الواحد) وهو علم على هذا النوع من الأخبار فلا يراعى فيه المعنى فسقط ما يقال كيف قال . (وهو كل خبر يرويهِ الواحد أو الاثنان فصاعداً لا عبرة للعدد فيه بعد أن يكون دون المشهور والمتواتر) وحاصله أنه ما ليس واحداً من المتواتر والمشهور كما في التحرير وقوله : لا عبرة للعدد فيه رد لقول من فرق بين الواحد والاثنين فصاعداً فقبل الثاني دون الأول وقوله : والمتواتر مستغنى عنه لأن ما كان دون المشهور فهو دون المتواتر بالضرورة كذا في التقرير . (وأنه) أي خبر الواحد (يوجب العمل) لإفادته غلبة الظن بالصدق عند اجتماع شرائطه وهي كافية لجوب العمل (دون علم اليقين) أي ولا يوجب علماً يقينياً وهو مذهب أكثر العلماء وجميع الفقهاء . (بالكتاب) دليل وجوب العمل وهو قوله تعالى: ﴿قَوْلًا نَقَرَ فِي كُلِّ فَرْقٍ يَتَّبِعُهُمُ

Terjemahan:

(Dan bahawa) iaitu khabar ahad (wajib beramal dengannya) kerana ia menghasilkan ghalabatu dzan (dugaan kuat) terhadap kebenaran tatkala terhimpun syarat-syaratnya dan cukup untuk wajib beramal dengannya (bukan ilm yakin), yakni tidak wajib yakin secara pasti dan inilah mazhab ramai ulama dan fuqaha'.

(viii) Al-Imam 'Alauddin Abd al-'Aziz al-Bukhari al-Hanafiy (w. 730 H) di dalam kitabnya, *Kashf al-Asrar*, Juz 1, ms 84.

كشوف
الأسرار
 من أصول
 شرح الإمام الزبير بن
 العوام في أخبار الزبير
 بن العوام
 شرحه
 الحسين بن علي بن الحسين
 العام 2000
 الطبعة
 منشور من دار الفقه الإسلامي
 في مدينة الكويت

انظهارا لتفاوت بينهما كذا قالوا وشبهوا هذا بان غلام الوزير لا بد من ان يكون دون حلال من غلام الامير لكون الوزير ادنى رتبة من الامير فقلت والاقرب الى التحقيق ان ذلكا تفاوت درجات الدلائل فان الأدلة السبعة أنواع اربعة * قطعي اشوت والدلالة كالنصوص المتواترة * وقطعي اشوت ظني الدلالة كالآيات المؤولة * وظني اشوت قطعي الدلالة كاخبار الاحاد التي مفهومها قطعي وظني اشوت والدلالة كاخبار الاحاد التي مفهومها ظني فبالاول ثبت الفر من بالثاني والثالث ثبت الوجوب وبالرابع ثبت السنة والاستصحاب ليكون ثبوت الحكم بقدر دليبه فغير التعديل من القديم الثالث لانه عليه السلام امر الاعرابي بالاعادة ثلاثا فقال لكل مرة ارجع فصل فأنك لم تفصل ثم علمه ومثله لو كان قطعي اشوت ثبت به الفر من لانتفاع الاحتمال عنه فاذا كان ظني اشوت ثبت به الوجوب ولهذا قال ابو حنيفة فيه احتشيان لا يجوز صلواته يعني اذا تركه وكذا خبر الطهارة وهو قوله عليه السلام لا يظون بهذا البيت

Terjemahan:

Sesungguhnya dalil sam'iyah itu ada 4 jenis: (1) Qath'ie Tsubut dan Dalalahnya, seperti nas-nas mutawatir (2) Qath'ie Tsubut tetapi Dzanni dalalahnya, seperti ayat-ayat yang boleh dita'wilkan (3) Dzanni Tsubut tetapi Qath'ie Dalalahnya, seperti hadis ahad yang mafhumnya bersifat Qath'ie dan (4) Dzanni Tsubut dan Dalalahnya, seperti hadis ahad yang mafhumnya bersifat Dzanni. Bagi yang pertama, sabit fard ke atasnya manakala bagi yang kedua dan ketiga, sabit wajib atasnya manakala yang keempat, sabit sunnah dan istihbab (disukai)..


(ix) Al-Hafiz al-Muhaddis Ibn 'Abdil-Bar al-Malikiy (w. 463 H) di dalam kitabnya *At-Tamhid*, Juz 1, hal. 7 dan menurut beliau majoriti Malikiyyah.



Terjemahan:

Dan ikhtilaf (perbezaan pendapat) sahabat-sahabat kami serta yang lainnya mengenai khabar ahad...adakah ia mewajibkan ilm (yakin) dan amal sekali gus atau mewajibkan amal tanpa ilm (yakin)? Ramai antara ahli ilmu berpendapat bahawa wajib beramal dengannya tanpa ilm (yakin) dan ini merupakan pandangan Syafie dan jumhur ahli fikih dan pemikir dan ia tidak mewajibkan ilm (yakin)...

(x) Al-Hafiz Abu al-Walid al-Bajiy al-Malikiy (w. 474 H) di dalam kitabnya *Al-Isyarat fi Ma'rifat al-Ushul*, hal. 234 dan menurut beliau seluruh fuqaha'.



Terjemahan:

Adapun khabar ahad: suatu yang tidak mencapai tahap mutawatir. Oleh yang demikian, tidak berlaku baginya ilm (keyakinan) tetapi hanya ghalabatu dzan (dugaan kuat)...

- (xi) Al-Qadhiy Abu Bakar Ibn al-'Arabiy al-Malikiy (w. 543 H) di dalam kitabnya, *Al-Mahmul Fi Ushul al-Fiqh*, hal. 115.



Terjemahan:

Adapun yang kedua: yang mewajibkan amal tanpa ilm (yakin), ia merupakan khabar ahad yang mutlak yang tidak terpisah daripada ilm dan ada yang mengatakan: Bahawa ia

mewajibkan ilm dan amal seperti khabar mutawatir...Kami mengetahui bahawa secara dharurah, khabar ahad tidak boleh membawa kepada ilm...

- (xii) Al-Imam Abu Ishaq Ibrahim bin Ali asy-Syirazy (w. 476 H) (dalam pendapat barunya) di dalam kitabnya *At-Tabsirah Fi Ushul al-Fiqh*, hal. 298.



Terjemahan:

Khabar ahad tidak diwajibkan ilm (yakin)...(1) iaitu secara mutlak, sama ada dengan qarinah atau tidak, dan ini adalah mazhab (pendapat) ramai seperti kata al-Ghazali.

- (xiii) Imamul-Haramayn Abdul Malik bin Abdillah al-Juwainiy (w. 478 H) di dalam kitabnya *Al-Burhan Fi Ushul al-Fiqh*, Juz 1, hal. 1411.



Terjemahan:

Ijmak ulama (mengatakan) bahawa suatu yang qath'ie tidak boleh dinasakhkan (dihapuskan) oleh suatu yang dzanni. Al-Quran tidak boleh dinasakhkan oleh suatu yang diambil dari khabar ahad dan sunnah mutawatir tidak boleh dinasakhkan oleh suatu yang diambil dari yang tidak qath'ie...

- (xiv) Al-Imam Muhammad ar-Raziy Fakhruddin (w. 604 H) di dalam kitabnya *Tafsir al-Fakhr ar-Razi*, Juz 1, hal. 200.



Terjemahan:

...kerana khabar ahad tidak membawa apa-apa nilai kecuali dzan...

- (xv) Hujjatul-Islam Abu Hamid al-Ghazaliy (w. 505 H) di dalam kitabnya *Al-Mustasyfa*, Juz 2, hal. 179.

المستقصى

مختصر في أصول الفقه

تصنيف
الإمام أبو حامد محمد بن محمد بن محمد بن العربي
(ت. 450 هـ - 504 هـ)
ابن الجوزي
المطبعة دار الفقهية - الكوفة - العراق
مطبعة دار الفقهية
الطبعة الأولى سنة 1412 هـ
الطبعة الثانية سنة 1413 هـ
الطبعة الثالثة سنة 1414 هـ
الطبعة الرابعة سنة 1415 هـ

خير الواحد .

❖ وإذا عرفت هذا، فنقول: خبر الواحد لا يفيد العلم، وهو معلوم بالضرورة، فإننا لا نصدق بكل ما نسمع، ولو صدقنا، وقدرنا (٣١) تعارض خيرين، فكيف نصدق بالضدين.

وما حكى عن المحدثين من أن ذلك يوجب العلم (٣٢)، فلعلم أرادوا أنه يفيد العلم بوجوب العمل، أو (٣٥) يسمى الظن علماً .

ولهذا قال بعضهم: «يورث العلم الظاهر»، والعلم ليس له ظاهر وباطن، وإنما هو الظن.

ولا تمسك لهم في قوله - تعالى - : ﴿فإن علمتموهن

Terjemahan:

Dan apabila anda mengetahui perkara ini, maka kami mengatakan: Khabar ahad tidak membawa kepada ilm (yakin) dan ini merupakan suatu yang diketahui secara dharurah...

(xvi) Al-Hafiz Abu Zakariyya an-Nawawiy (w. 676 H) di dalam kitabnya *Shahih Muslim Bi Syarh an-Nawawi*, Juz 1, hal. 187-188 dan menurut beliau majoriti Sahabat, Tabi'in, Muhaddisin, Fuqaha' dan Ushuliyun.

صحيح مسلم

بشرح النووي

إمام مسلم بن الحجاج قشيري

إمامنا الأمام

مطبعة دار الفقهية


❖ معروفة مستقصاة في كتب الأصول . وأما خبر الواحد فهو ما لم يوجد فيه شروط المتواتر ، سواء كان الروي له واحداً أو أكثر ، واختلف في حكمه فالذي عليه جماهير المسلمين من الصحابة والتابعين فمن بعدهم من المحدثين والفقهاء وأصحاب الأصول : أن خبر الواحد الثقة جنة من حجج الشرع ، يلزم العمل بها ، ويفيد الظن ، ولا يفيد العلم ، وأن وجوب العمل به عرفاه بالشرع ، لا بالعقل ، وذهبت القدرية والرافضة وبعض أهل الظاهر إلى أنه لا يجب العمل به ، ثم منهم من يقول : منع من العمل به دليل العقل ، ومنهم من يقول : منع دليل الشرع ، وذهبت طائفة إلى أنه يجب العمل به من جهة دليل العقل ، وقال الجبائي من المعتزلة : لا يجب العمل إلا بما رواه اثنان عن اثنين ، وقال غيره : لا يجب العمل إلا بما رواه أربعة عن أربعة ، وذهبت طائفة من أهل الحديث إلى أنه يوجب العلم ، وقال بعضهم : يوجب العلم الظاهر دون الباطن ، وذهب بعض المحدثين إلى أن الأحاديث التي في صحيح البخاري



Terjemahan:

Ikhtilaf (perbezaan pendapat) mengenai hukumnya di kalangan jumbuh kaum Muslimin daripada Sahabat, Tabiin dan mereka yang datang selepas itu seperti para Muhaddisin, para fuqaha dan pakar ushul: Bahawa khabar ahad adalah tsiqah sebagai hujah syarak dan wajib untuk beramal dengannya, ia bernilai dzan dan tidak bernilai ilm (yakin)...

(xvii) Al-Hafiz al-Mujtahid Ibn Daqiq al'Iyd (w. 702 H) di dalam kitabnya *Ihkam al-Ahkam*, Juz 1, hal. 183 dan menurut beliau jumbuh ulama.



Terjemahan:

Masalah kedua : Mereka telah mengembalikan masalah ini kepada persoalan menaskhah al-Kitab (al-Quran) dan Sunnah (Hadis) Mutawatir : adakah diperbolehkan dengan khabar ahad atau tidak? Kebanyakannya tidak membolehkan. Ini kerana yang qath'ie tidak boleh dihilangkan dengan yang dzan...

(xviii) Al-Muhaddis Ahmad Ibn Hajar al-Haitamiy (w. 974 H) di dalam kitabnya *As-Shawa'iq al-Muhriqah Fi ar-Radd Ala Ahli al-Bida' Wa az-Zindiqah*, Juz 1, hal. 60.



Terjemahan:

...kerana nilai ijmak (kesepakatan) adalah qath'ie dan nilai khabar ahad adalah dzanni. Tidak ada pertentangan antara yang dzanni dan yang qath'ie. Yang qath'ie justeru diambil sebagai amal dan yang dzanni dibiarkan (dibatalkan)...

(xix) Al-Imam Abu Mansur Abdul Qahir al-Baghdadiy (w. 429 H) di dalam kitabnya *Ushuluddin*, hal. 12.



Terjemahan:

Dan khabar ahad, apabila sanadnya sahih dan matannya bukan sesuatu yang mustahil menurut akal, maka ia wajib di amalkan tanpa taqwa (yakin)...

- (xx) Menurut Ibn Qudamah al-Maqdisiy (w. 620 H) di dalam kitabnya *Raudhah al-Nadzir Wa Jannah al-Munadzir*, hal. 52 ini adalah pegangan al-Imam Ahmad bin Hanbal (w. 241 H) (dalam salah satu riwayat), majoriti ulama dan Hanabilah Muta'akhhirin.



Terjemahan:

Imam kami rahimahullah telah berselisih pendapat mengenai tercapainya tahap ilm (yakin) dengan khabar ahad. Disebutkan bahawa ini (tercapainya yakin dengan khabar ahad) tidak berlaku, dan ini merupakan pendapat majoriti dan pendapat ulama terkemudian dari kalangan sahabat-sahabat kami kerana kami tahu bahawa adalah suatu yang darurat (sangat perlu) bahawa kami tidak membenarkan semua khabar yang kami dengar meskipun ia membawa kepada ilm.


- (xxi) Pegangan ini merupakan riwayat paling menonjol mengenai pendapat Al-Imam Ahmad bin Hanbal, menurut Sulaiman bin Abdil Qawiy at-Thufiy (w. 716 H) di dalam kitabnya *Al-Bulbul Fi Ushul al-Fiqh*, hal. 53.



Terjemahan:

Kedua: (Al-Ahad) merupakan khabar yang tidak wujud padanya syarat-syarat mutawatir atau sebahagian daripadanya. Dan dari Ahmad rahimahullah berkenaan (persoalan apakah khabar ahad) membawa kepada ilm (yakin), terdapat dua pandangan: Yang paling ketara (mengatakan) tidak, dan ini adalah pandangan majoriti. Pandangan kedua (mengatakan) ya, dan ini merupakan pandangan sesetengah ahli hadis.

- (xxii) Al-Imam Abu al-Khatthhab Mahfuzh bin Ahmad al-Hambaliy (w. 510 H) di dalam kitabnya *At-Tamhid Fi Ushul al-Fiqh*, Juz 3, hal. 78.



Terjemahan:

Khabar ahad tidak membawa kepada ilm (keyakinan)...

(xxiii) Al-Imam Shafiyuddin al-Baghdadiy (w. 739 H) di dalam kitabnya *Qawa'id al-Ushul Wa Ma'aqid al-Fushul*, hal. 48 dan menurut beliau ini juga merupakan pegangan Imam Ahmad dalam salah satu riwayat, majoriti dan Hanabilah Muta'akhhirun.



Terjemahan:

Dan (khabar al-ahad): bukan mutawatir, tidak membawa kepada 'ilm (keyakinan)...
 (1) Kerana khabar ahad hanya menghasilkan dzan dan tidak menghasilkan al-yakin (keyakinan).

Nah, sekarang apakah anda sudah nampak wahai JFNJ bahawa pandangan Hizbut Tahrir adalah sama dengan pandangan jumhur para *fuqaha'* dan ulama ini, Maka apakah kesemua ulama ini, yang merupakan ulama Ahlu Sunnah yang sangat terkenal, juga telah menyeleweng akidah mereka kerana tidak berpegang kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah? Ajaib..

Anda juga menyatakan bahawa pandangan yang tidak menjadikan hadis ahad sebagai dalil dalam masalah akidah adalah menyamai pandangan Mu'tazilah. Sedangkan kami telah membuktikan dengan sejumlah kitab di atas bahawa jumhur ulama Ahlu Sunnah tidak menjadikan hadis ahad sebagai dalil dalam masalah akidah kerana hanya berfaedah *dzan*. Sungguh aneh dan di luar kewarasan fatwa anda dalam Butiran 4.1 (f) ini wahai JFNJ. Kalaulah anda melakukan sedikit kajian, walaupun tidak mendalam, nescaya anda tidak akan mengeluarkan fatwa pelik seperti ini!

Sukalah kami ingin berkongsi di sini bahawa salah seorang ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang terkenal di Malaysia iaitu Ustaz Azhar Idrus, turut berpegang bahawa jumhur ulama, sama seperti Hizbut Tahrir yakni hadis Ahad tidak boleh dijadikan hujah dalam masalah akidah. Ceramah beliau berkenaan hal ini boleh dilihat di pautan berikut: <https://www.youtube.com/watch?v=Yny8fuuhW-Y>

Selain pendapat-pendapat di atas, biarlah kami kongsi kepada anda di sini wahai JFNJ bahawa terdapat *fuqaha'* dan ulama yang menerima hadis Ahad dalam masalah akidah, tetapi dengan syarat ia hendaklah disertai dengan *qarinah* (indikasi). Antaranya:-

- (i) Abu Ishaq al-Nazhzhah al-Mu'taziliy (w. 231 H). Hal ini dinyatakan oleh Imam Abu Ishaq Ibrahim bin Ali al-Syiyraziy (w. 476 H) di dalam kitabnya *al-Luma' Fi Ushul al-Fiqh*, hal 154.



Terjemahan:

Kedua: (mengenai hadis ahad) Wajib beramal dengannya tetapi ia tidak membawa kepada ilm (yakin)...dan berkata An-Nadzam: ia boleh membawa kepada ilm (yakin) jika qarinahnya menjadi penyebab.

- (ii) Al-Imam al-'Allamah Ali bin Muhammad al-Amidiy (w. 631 H) di dalam kitabnya *al-Ihkam Fi Ushul al-Ahkam*, Juzuk 2, hal. 43.



Terjemahan:

Selebihnya mengatakan bahawa ia (khabar ahad) tidak membawa kepada ilm (yakin) secara mutlak, samada dengan qarinah atau tanpa qarinah...

- (iii) Al-Imam Qadhi al-Qudhah Tajuddin Ibn as-Subkiy (w. 771 H) di dalam kitabnya *Jam'u al-Jawami' Fi Ushul al-Fiqh*, hal 66.

مجمع الجوامع

في أصول الفقه

تأليف
أبي القاسم عبد الله بن أحمد بن محمد بن حنبل
عاش سنة 241 هـ

مطبعة
دار الفقه والدراسات الإسلامية
بمكة المكرمة

يستمع بين النبي ﷺ وبينه وبين حواصين على التعرير والحداب جلافاً بمتأخرين، وقيل إن
كان عن قتيبي، وأما منظون الصدي فخير الواحد وهو ما لم ينته إلى الثواتر،
ومئة المستفيض وهو الشائع عن أهل وقد ينشئ مشهوراً وأقله اثنان وقيل ثلاثة.

مسألة: خير الواحد لا يُفيد العلم إلا بقرينة^(١)، وقال الأكثر لا مطلقاً^(٢)،
وأحمد^(٣) يُفيد مطلقاً، والاستئناس^(٤) وأين فوزك يُفيد المستفيض علماً نظرياً^(٥).

مسألة: يجب العمل به^(٦) في الفتوى والشهادة إجماعاً، وقد سائر
الأموار الدينية^(٧) قيل سماعاً وقيل غفلاً، وقالت الظاهرية لا يجب

(١) الكعبى: هو أبو القاسم عبد الله بن أحمد بن محمود البغدادي الكعبى المتكلم، نسبة إلى بني كعب، وهو
أحد مشايخ المعتزلة، وتنسب إليه الطائفة الكعبية، توفي سنة ٣١٨ هـ (البداية والنهاية ١١/١٣٩).

(٢) الإمامان: أي إمام الحرمين والإمام الرازي.

(٣) خير الواحد لا يفيد العلم إلا بقرينة: أي كما في إخبار الرجل بموت ولده المشرف على الموت مع
الاستئناس.

Terjemahan:

Masalah: Khabar ahad tidak membawa kepada ilm (yakin) kecuali dengan qarinah (indikasi), dan majoriti berkata, tidak secara mutlak....

Terdapat juga *fuqaha'* dan ulama yang menerima hadis Ahad dalam masalah akidah, tetapi dengan syarat ia hendaklah *mutalaqqatun bi al-qabul* (disepakati untuk diterima) Antaranya:-

- (i) Al-Imam Abu Ishaq Ibrahim bin Ali asy-Siyraziy (w. 476 H) (dalam pendapat lamanya), sebagaimana dinyatakan dalam kitab *al-Luma' Fi Ushul al-Fiqh*, hal 154.

اللمع

في أصول الفقه

تأليف
أبي القاسم إبراهيم بن علي الشيرازي
عاش سنة 476 هـ

مطبعة
دار الفقه والدراسات الإسلامية
بمكة المكرمة

رسول الله ﷺ شيئاً، ويدعي علمه، فلا يُنكر عليه، فيقطع بذلك
على صدقه. ومنها أن يحكي الرجل شيئاً بحضرة جماعة كثيرة
ويدعي علمهم، فلا يُنكرونه، فيعلم بذلك صدقه. ومنها خير
الواحد الذي تلقته الأمة بالقبول، فيقطع بصدقه، سواء عمل الكل
به أو عمل به البعض، وتأوله البعض. فهذه الأخبار تُوجب
العمل، ويقع العلم بها استدلالاً^(١).

مسألة: وقد خالف الإمام الشيرازي هنا جمهور الأصوليين، كما خالف ما ذهب
إليه في البصرة ص (٣٠٣) من أن خبر الواحد لا يُفيد العلم وإن تلقته
الأمة بالقبول. والمعروف أن «اللمع» متأخر عن «التبصرة» في التأليف،
فقيه استقرت آراء الإمام ومواقفه الخلاقية لجمهور الأصوليين من
الشافعية وغيرهم. انظر كتاب «الإمام الشيرازي...» للدكتور هيتو ص

Terjemahan:

...dan darinya (ada) khabar ahad yang disepakati oleh umat untuk diterima, dan membenarkannya secara pasti...

(1) Imam Asy-Syirazy berbeza pandangan dengan jumbuh ulama ushul, seperti mana yang ternampak jelas dalam kitab at-Tabsirah (ms 203) mengenai khabar ahad yang tidak membawa kepada ilm (yakin) walaupun disepakati oleh umat untuk diterima..

(ii) Al-Hafiz Abu Amr Ibn Shalah asy-Syahrazuriy (w. 643 H). Hal ini dinyatakan oleh al-Hafiz an-Nawawi (w. 676 H) di dalam kitabnya *Shahih Muslim Bi Syarh an-Nawawi*, Juz 1, hal. 40.



Terjemahan:

Syeikh Abu Amru bin Salah rahimahullah berkata: semua yang telah dihukumi shahih oleh Imam Muslim di dalam kitab ini maka kesahihannya adalah qath'ie dan ilm al-nadzar (keyakinan) juga terhasil kerana kesahihannya pada setiap perkara... Syeikh (Abu Amru) berkata: Apa yang kami (aku) pilih adalah bahawa hadis/khabar yang diterima oleh umat yang lebih rendah dari tingkat mutawatir memerlukan ilm al-nadzar (keyakinan) terkait kebenaran sesuatu hadis, yang (pendapat aku ini) mungkin berbeza dari pandangan sebahagian ulama ushul yang menafikan perkara ini. Penafian ini adalah atas dasar bahawa khabar seperti ini tidak membawa kepada haq kecuali hanya dzan....

(iii) Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah al-Harraniy (w. 728 H) di dalam kitabnya *Al-Mustadrak Ala Majmu' Fatawa*, Juz 2, hal 73 dan menurut beliau ini adalah pendapat al-Hanabilah.



Terjemahan:

..mazhab sahabat-sahabat kami (mengatakan) bahawa khabar ahad yang disepakati untuk diterima adalah baik untuk menetapkan ushul agama-agama. Al-Qadhi berkata di dalam Muqaddimah al-Mujarrad: Dan khabar ahad membawa kepada ilm (yakin) apabila ia disahkan dan riwayat di dalamnya tidak bertentangan serta umat sepakat untuk menerimanya. Mazhab juga mengatakan demikian dan tiada (pendapat) yang lain...

Lihatlah berapa banyak dalil yang begitu jelas dan perbezaan pendapat ulama muktabar dalam hal ini, dan mereka tidak pernah menuduh orang lain yang tidak sependapat dengan mereka sebagai telah terpesong akidahnya. Sesiapa sahaja yang mengkaji pastinya akan melihat, bahawa persoalan sumber hadis Ahad tidak diambil dalam perkara akidah itu sesungguhnya telah dinyatakan oleh sejumlah ulama besar, bukan hanya oleh Hizbut Tahrir.

Sungguh amat jelas bahawa jumhur ulama Ahlu Sunnah berpegang kepada pendapat bahawa hadis Ahad tidak boleh menjadi hujah (dalil) dalam masalah akidah kerana berfaedah *dzan* dan tidak berfaedah *yakin*. Ini sekali gus bermakna yang pendapat Hizbut Tahrir adalah sama dengan pendapat Ahlu Sunnah dalam konteks ini. Jadi, bagaimana mungkin JFNJ boleh memfatwakan Hizbut Tahrir bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah, sedangkan para ulama Ahlu Sunnah sendiri berpandangan demikian?

(g) Haram meyakini bahawa azab kubur pasti berlaku. Azab kubur hanya boleh dipercayai sahaja tidak dengan yakin berlakunya kerana ia hanya bersumberkan hadis ahad. (kenyataan al-Nabhani dalam kitab al-Dausiyah al-Fikriyyah, halaman: 338).

Sebelum menjawab tuduhan ini, ingin kami tegaskan bahawa kitab yang dirujuk oleh JFNJ iaitu al-Dausiyah al-Fikriyyah itu bukan merupakan kitab rasmi Hizbut Tahrir, malah ia bukan kitab Hizbut Tahrir pun! Walaupun disebut di situ bahawa ia merupakan kenyataan al-Nabhani, ingin kami tegaskan di sini bahawa:

- (i) Kami tidak mengetahui pun akan kewujudan kenyataan tersebut. Malah kami tidak mengetahui pun tentang kewujudan kitab yang dinyatakan, kerana kami tidak pernah melihatnya. Membacanya pun tidak, apatah lagi untuk dikatakan kami berpegang dengannya!
- (ii) Jika benar wujud kitab berserta kenyataan yang disebutkan, maka kami dengan ini menegaskan bahawa kenyataan an-Nabhani perlu dibezakan dengan kenyataan Hizbut Tahrir. Pendiri yang juga Amir pertama Hizbut Tahrir iaitu Syeikh Taqiyuddin an-Nabhani (*rahimahullah*) mengeluarkan banyak kenyataan dan menulis banyak kitab mahu pun nasyrah, namun tidak semua kitab atau nasyrah tersebut ditulis atas kapasiti beliau sebagai Amir Hizbut Tahrir atau ditulis untuk dijadikan keluaran Hizbut Tahrir. Berapa banyak daripada kitab dan nasyrah tersebut yang ditulis atas kapasiti beliau sebagai individu, yang langsung tidak ada kena mengena dengan Hizbut Tahrir.
- (iii) Apa yang dikatakan sebagai pendapat atau pegangan Hizbut Tahrir ialah apa yang terkandung dalam kitab mutabannat Hizbut Tahrir sahaja, atau apa-apa keluaran yang dinyatakan oleh Hizbut Tahrir sebagai mutabannat. Jika ia bukan kitab atau keluaran mutabannat, maka ia bukan merupakan pendapat rasmi Hizbut Tahrir.
- (iv) Selain itu, apa yang menjadi pendapat, pegangan atau pendirian rasmi Hizbut Tahrir ialah apa yang dikeluarkan oleh Amir Hizbut Tahrir (atas kapasitinya sebagai Amir Hizbut Tahrir), apa-apa penulisan yang diterbitkan atas nama Hizbut Tahrir Pusat atau Wilayah, al-Maktab al-I'lamiy (Pejabat Media), Jurucakap dan Wakil Media Hizbut Tahrir. Selain daripada itu, semuanya merupakan pendapat peribadi penulis walaupun ia dimasukkan ke dalam laman sesawang atau facebook rasmi Hizbut Tahrir, atau majalah, risalah atau apa sahaja medium yang dikeluarkan oleh Hizbut Tahrir.

Justeru, ingin kami tegaskan lagi sekali bahawa kitab yang disebut oleh JFNJ sebagai al-Dausiyah al-Fikriyyah itu bukan kitab Hizbut Tahrir. Malah kitab tersebut (jika wujud) tidak ada nilai dan tidak ada makna di sisi Hizbut Tahrir. JFNJ seharusnya memetik daripada sumber mutabannat Hizbut Tahrir untuk menyatakan yang sesuatu itu adalah pegangan Hizbut Tahrir.

Walaupun kitab tersebut tertolak dengan sendirinya, dan tidak ada nilai untuk kami bahaskan, namun bagi memberi pencerahan dan menyampaikan kebenaran, maka kami akan sentuh sedikit

di sini Butiran 4.1 (g) di atas, agar terlihat di manakah fitnah berangkai oleh JFNJ ke atas Hizbut Tahrir dalam Butiran ini.

Hizbut Tahrir tidak pernah membahaskan tentang azab kubur di dalam mana-mana kitabnya. Ini bermakna secara rasminya Hizbut Tahrir tidak pernah mengeluarkan pendapat mengenai azab kubur. Maka Butiran (g) dalam fatwa ini secara automatik tertolak, kerana JFNJ ternyata telah menyatakan sesuatu yang tidak pernah wujud dalam pandangan rasmi Hizbut Tahrir!

Bagaimanapun, kami akui bahawa Hizbut Tahrir ada membincangkan mengenai karakter akidah, kriteria dalil yang mendasarinya, sikap terhadap hadis ahad, dan konsekuensi bagi orang yang mengingkarinya. Hizbut Tahrir menegaskan bahawa dalil dalam masalah akidah wajib diambil dari sumber yang *qath'ie*. Ia termaktub dalam kitab yang ditabanni oleh Hizbut Tahrir iaitu:

أن على المبلِّغ أن يُعمل عقله فيما بلغه، فإذا قام الدليل اليقيني عليه اعتقده وحوسب على الكفر به. فرفض خبر ظني عن الإسلام لا يعتبر كُفراً، ولكن رفض الإسلام الذي قام الدليل اليقيني عليه هو الذي يعتبر كُفراً، وعلى ذلك فتبليغ الإسلام لا يعتبر من العقيدة. وقبول خبر الواحد في التبليغ لا خلاف فيه، والحوادث المروية كلها تدل على التبليغ، إما تبليغ الإسلام أو تبليغ القرآن أو تبليغ الأحكام. أما العقيدة فلم يرد دليل واحد على الاستدلال عليها بخبر الآحاد.

وعلى هذا فلا بد من أن يكون دليل العقيدة يقينياً أي دليلاً قطعياً، لأن العقيدة قطع وحزم ويقين، ولا يفيد القطع والجزم واليقين إلا الدليل القطعي. ولهذا لا بد أن يكون قرآناً أو حديثاً متواتراً على أن يكون كل منهما قطعي الدلالة. ويجب أخذه في العقائد وفي الأحكام الشرعية، ويكفر منكره، ومنكر ما دلَّ عليه، سواء أكان عقيدة، أم حكماً شرعياً.

أما إذا كان الدليل خبر آحاد فإنه لا يكون قطعياً، فإن كان صحيحاً فإنه يفيد غلبة الظن، فُتصدَّق العقائد التي جاء بها تصديقاً ظنياً، لا تصديقاً جازماً، ولهذا لا يجوز أن يُعتقد، ولا أن يُجزم بها. لأن العقيدة قطع وحزم، وخبر الآحاد لا يفيد قطعاً ولا جزمًا، وإنما يفيد ظناً، ولا يكفر منكره، ولكن لا يجوز أن يكذب، لأنه لو حاز تكذيبه لجاز تكذيب جميع الأحكام الشرعية المأخوذة من الأدلة الظنية، ولم يقل بذلك أحد من المسلمين. ومثله في هذه الناحية مثل القرآن سواء بسواء. فإن القرآن قد نقل

Terjemahan:

"Dengan demikian dalil dalam perkara akidah hendaklah bersandarkan kepada dalil yang yakin, iaitu dalil yang qath'ie (pasti). Ini kerana akidah itu adalah pasti, tegas dan yakin; dan tidak bernilai kepastian, ketetapan, dan keyakinan kecuali dalil tersebut adalah yang bersifat qath'ie. Maka dari itu, ia hendaklah berupa al-Quran dan hadis mutawatir dengan syarat masing-masing dari keduanya memiliki penunjukan erti yang tegas (qath'ie dilalah), sehingga wajib diambil dalam perkara akidah mahupun hukum syarak. Orang yang mengingkarinya dan orang yang mengingkari makna yang ditunjukkannya akan dihukumi kafir, baik itu berupa akidah mahupun hukum syarak" [Taqiyuddin an-Nabhani, *asy-Syakhshiyah al-Islamiyyah*, Jilid I, hal. 193, cetakan 2003].

Sedangkan untuk dalil yang tidak memenuhi kriteria sebagai dasar akidah, maka pendapat Hizbut Tahrir adalah sebagaimana berikut:

أن على المبلِّغ أن يُعمل عقله فيما بلغه، فإذا قام الدليل اليقيني عليه اعتقده وحوسب على الكفر به. فرفض خبر ظني عن الإسلام لا يعتبر كفراً، ولكن رفض الإسلام الذي قام الدليل اليقيني عليه هو الذي يعتبر كفراً، وعلى ذلك فتبليغ الإسلام لا يعتبر من العقيدة. وقبول خبر الواحد في التبليغ لا خلاف فيه، والحوادث المروية كلها تدل على التبليغ، إما تبليغ الإسلام أو تبليغ القرآن أو تبليغ الأحكام. أما العقيدة فلم يرد دليل واحد على الاستدلال عليها بخبر الآحاد.

وعلى هذا فلا بد من أن يكون دليل العقيدة يقيناً أي دليلاً قطعياً، لأن العقيدة قطع وحزم ويقين، ولا يفيد القطع والحزم واليقين إلا الدليل القطعي. ولهذا لا بد أن يكون قرآناً أو حديثاً متواتراً على أن يكون كل منهما قطعي الدلالة. ويجب أخذه في العقائد وفي الأحكام الشرعية، ويكفر منكره، ومنكر ما دلَّ عليه، سواء أكان عقيدة، أم حكماً شرعياً.

أما إذا كان الدليل خبر آحاد فإنه لا يكون قطعياً، فإن كان صحيحاً فإنه يفيد غلبة الظن، فتُصدَّق العقائد التي جاء بها تصديقاً ظنياً، لا تصديقاً حازماً، ولهذا لا يجوز أن تُعتقد، ولا أن يُحزم بها. لأن العقيدة قطع وحزم، وخبر الآحاد لا يفيد قطعاً ولا حزمًا، وإنما يفيد ظناً، ولا يكفر منكره، ولكن لا يجوز أن يكذب، لأنه لو حاز تكذيبه لجاز تكذيب جميع الأحكام الشرعية المأخوذة من الأدلة الظنية، ولم يقل بذلك أحد من المسلمين.

ومثله في هذه الناحية مثل القرآن سواء بسواء. فإن القرآن قد نقل

Terjemahan:

"Adapun apabila dalil tersebut berupa hadis ahad, maka ia tidak bersifat pasti. Jika dalil tersebut sahih, maka ia bernilai ghalabatu dzan (dugaan kuat), sehingga perkara akidah yang dikandungnya patut dibenarkan dengan pembenaran yang bersifat dzanni (dugaan), bukan pembenaran yang bersifat jazim (pasti), kerana ia tidak boleh diyakini dan tidak pula dipastikan kebenarannya (sebagai sebahagian dari akidah). Ini kerana akidah adalah kepastian, sementara hadis ahad tidak bernilai kepastian, ia hanyalah bernilai dzan. Dan orang yang mengingkari hadis ahad tidak dihukumi kafir. Namun ia juga tidak boleh didustakan, kerana jika boleh mendustakannya, nescaya boleh juga mendustakan seluruh hukum-hukum syariat yang diambil dari dalil-dalil dzanni, sedangkan tidak ada seorang pun di antara kaum Muslimin berpendapat

demikian" [Taqiyuddin an-Nabhani, *asy-Syakhshiyah al-Islamiyyah*, Jilid I, hal. 193, cetakan 2003].

Dua petikan di atas sudah cukup untuk menunjukkan bagaimana pendirian Hizbut Tahrir dalam menyikapi dalil-dalil yang berhubung dengan persoalan akidah dan dalam menerima dalil-dalil syarak yang memberitakan perkara-perkara ghaib, iaitu ringkasnya:-

Pertama; Apabila dalilnya bersifat *qath'ie* (pasti), berupa al-Qur`an dan Hadis Mutawatir, maka perkara ghaib yang diberitakannya diyakini sebagai akidah secara mutlak. Ini kerana pembenaran terhadapnya bersifat pasti dan meyakinkan. Orang yang mengingkarinya dihukumi sebagai kafir kerana telah mengingkari perkara *qath'ie* yang tergolong dalam perkara akidah.

Kedua; Apabila dalilnya bersifat *dzanni* (dugaan, tidak sampai ke tahap *yakin*), berupa hadis ahad, maka perkara-perkara ghaib yang diberitakannya tidak diyakini sebagai akidah. Pembenaran terhadapnya sekadar bersifat dugaan atau persangkaan. Bagaimana pun, orang yang mengingkarinya tidak boleh didustakan dan tidak boleh dihukumi sebagai kafir.

Apa yang *ditabanni* oleh Hizbut Tahrir dalam hal ini sesungguhnya selari dengan pandangan jumhur 'ulama sebagaimana yang dinyatakan dalam jawapan kami dalam Butiran 4.1 (f).

Persoalan mengenai azab kubur ialah persoalan yang sering "dipaksakan" oleh pihak-pihak tertentu ke atas Hizbut Tahrir untuk dijawab. Malangnya dalam banyak keadaan, pihak-pihak tersebut telah membuat kesimpulan sendiri dan menyatakan bahawa itulah pendapat Hizbut Tahrir! Padahal hakikatnya itu adalah kesimpulan mereka sendiri! Samalah sebagaimana kesimpulan yang dibuat oleh JFNJ dalam Butiran 4.1 (g) ini!

Nah, sekarang jika mahu mendengar jawapan kami, maka berikut adalah jawapan kami:-

Hizbut Tahrir tidak pernah membincangkan atau mentabanni suatu pendapat pun, apatah lagi rincian mengenai azab kubur. Inilah jawapan kami!

Maka, jika ada jawapan selain daripada jawapan di atas, semuanya adalah merupakan jawapan atau kesimpulan yang dibuat atau lebih tepat, dibuat-buat, oleh pihak yang menjawabnya!

Cukuplah kami menyatakan bahawa hadis mengenai seksa kubur adalah hadis ahad yang bernilai *dzan*, bukan *qath'ie*. Namun jika anda masih belum puas dengan jawapan di atas, maka fahamilah bahawa, walaupun Hizbut Tahrir tidak mentabanni persoalan mengenai azab kubur, hal ini langsung tidak bermakna yang Hizbut Tahrir mengingkari azab kubur seperti tohmahan sesetengah pihak. Kami katakan bahawa dalil mengenai azab kubur, walaupun dari segi khabarnya ahad, tetapi ia merupakan hadis sahih yang mana Hizbut Tahrir mewajibkan pembenaran (*tashdiq*) pada setiap hadis sahih.

Sebagaimana yang kami telah jelaskan sebelum ini pada Butiran 4.1 (f), bahawa para ulama berbeza pendapat mengenai penerimaan khabar ahad dalam masalah akidah, dan jumhur ulama

tidak menerimanya, namun mereka tidak pernah menyesatkan satu sama lain kerana perbezaan pendapat ini.

Jadi, soalan kami kepada anda wahai JFNJ, kenapakah anda tidak boleh berlapang dada sebagaimana berlapang dadanya para ulama dalam hal ini? Mengapakah anda ingin terus melontarkan tohmahan dan meretakkan hubungan ukhuwwah Islamiyyah, yang mampu melenyapkan pahala amal soleh yang telah anda usahakan selama hidup anda, hanya semata-mata kerana anda tidak bersetuju dengan pendapat Hizbut Tahrir? Berdoalah kepada Allah (swt) wahai JFNJ, dengan mengikhhlaskan diri kepada-Nya, agar Dia melapangkan dada-dada anda dengan perbezaan pendapat ini, yang hakikatnya tidak mengeluarkan seseorang pun daripada akidah Islamiyyah.

4.2 Pandangan dari sudut feqah antaranya:

(a) Sesiapa sahaja boleh berijtihad. (al-Nabhani: at-Tafkir, cetakan pertama, tahun 1973, halaman: 122).

Sebelum menjawab Butiran ini, kami ingin katakan bahawa JFNJ seharusnya tahu bahawa dalam Hizbut Tahrir, ada kitab yang *ditabanni* (kitab *mutabannat*) dan ada kitab yang bukan *mutabannat*. Dalam Butiran 4.5 (a), JFNJ ada menyebut mengenai pemikiran *tabanni* dalam Hizbut Tahrir, yang menunjukkan seolah-olah JFNJ tahu mengenai apa yang *ditabanni* dan apa yang tidak *ditabanni* dalam Hizbut Tahrir.

Namun, kami tidak akan menyalahkan JFNJ jika JFNJ tidak mengetahui kitab manakah yang merupakan kitab *mutabannat* Hizbut Tahrir dan kitab manakah yang bukan *mutabannat*. Apa yang salah ialah apabila JFNJ tidak mahu bertanya tatkala JFNJ tidak mengetahui sesuatu tentang Hizbut Tahrir, lalu mengeluarkan fatwa atas dasar ketidaktahuan tersebut! Kami telah jelaskan kepada JFNJ sebelum ini mengenai hadis Rasulullah (saw) bahawa ubat kebodohan itu ialah bertanya. Benarlah sabda Rasulullah (saw).

Siapa pun yang ingin merujuk kepada pandangan dan pendirian Hizbut Tahrir dalam sesuatu isu, maka rujukan hendaklah dibuat kepada kitab *mutabannat* kami, bukan kepada selainnya. Apa yang terkandung dalam kitab *mutabannat* itulah yang menjadi pandangan dan pendirian Hizbut Tahrir, manakala selainnya tidak boleh dikatakan sebagai pandangan dan pendirian Hizbut Tahrir.

Untuk makluman JFNJ, kitab at-Tafkir karangan Syeikh Taqiyuddin an-Nabhani (*rahimahullah*) bukanlah kitab *mutabannat* Hizbut Tahrir. Jadi, apa sahaja rujukan kepada kitab tersebut, dan menyatakannya sebagai pandangan Hizbut Tahrir, adalah salah!

Atas alasan ini sahaja sudah cukup untuk kami menyatakan bahawa Butiran 4.2 (a) ini tertolak! JFNJ ingin mengeluarkan fatwa dan mendakwanya sebagai pandangan Hizbut Tahrir, sedangkan rujukan JFNJ adalah salah, kerana apa yang JFNJ rujuk itu bukan kitab *mutabannat* Hizbut Tahrir! Bagaimana mungkin JFNJ boleh melakukan kesalahan intelektual seperti ini, sedangkan para anggotanya terdiri daripada mereka yang dianggap sebagai cendekiawan? Ini dari satu sudut.

Dari sudut lain, kesalahan intelektual yang lebih parah yang JFNJ lakukan ialah apabila JFNJ hanya memetik secebis daripada penulisan, dan terus membuat fatwa berdasarkan cebisan yang diambil tadi. Jika ada sebuah penulisan yang panjang mengenai keharaman babi, di mana si penulis menulis bahawa "*Sesungguhnya memakan babi itu haram kerana Allah (swt) telah mengharamkannya dengan jelas dan tegas di dalam al-Quran, tetapi jika wujud keadaan darurat, maka memakan babi itu dibolehkan....*" maka apa yang JFNJ petik ialah "*memakan babi itu dibolehkan*" menurut si penulis. Inilah apa yang sedang anda lakukan dengan kitab Syeikh Taqiyuddin tersebut wahai JFNJ!

Kami yakin JFNJ tahu bahawa bab ijtihad dibahasakan oleh Syeikh Taqiyuddin (*rahimahullah*) secara panjang lebar di dalam kitab asy-Syakhsyiyah al-Islamiyyah Jilid I, dan kitab ini adalah kitab

mutabannat Hizbut Tahrir. Malangnya JFNJ tidak pula merujuk kepada kitab ini, dan kami boleh mengagak apa sebabnya!

Walaupun boleh sahaja untuk kami tidak menjawab fitnah JFNJ dalam Butiran ini, kerana kitab yang dirujuk bukanlah kitab *mutabannat* Hizbut Tahrir, namun kami memilih untuk menjawabnya, dengan tujuan agar kesedaran dan keikhlasan dapat menusuk masuk ke hati anggota JFNJ apabila telah melihat kebenaran.

Kami percaya frasa yang dirujuk oleh JFNJ di dalam kitab at-Tafkir ialah yang berikut:

يكون مجتهداً، ولذلك فإن الاستنباط أو الاجتهاد ممكن لجميع الناس وميسر
لجميع الناس، ولا سيما بعد أن أصبح بين يدي الناس كتب في اللغة العربية
والشرع الإسلامي، ووقائع الحياة ميسرة لجميع الناس، يمكن الرجوع إليها
١٢٢

Terjemahan:

“...oleh kerana itu, sesungguhnya penggalan hukum atau ijihad itu adalah mungkin bagi semua orang, dan sangat mudah bagi semua orang, terutama setelah buku-buku tentang bahasa Arab dan syariat Islam ada di tangan mereka...”

Kami dengan ini memaparkan penjelasan dari awal, yang selengkap mengenai frasa yang dirujuk dalam kitab at-Tafkir tersebut:

التفكير

هذا الكتاب من الكتب التي أصدرها
حزب التحرير

الطبعة الأولى
سنة ١٤١٣ هـ - ١٩٧٣ م

أما التفكير لاستنباط الحكم الشرعي، فإنه لا يكفي فيه مجرد القراءة حتى يستنبط، وإنما يحتاج إلى معرفة بالأمور الثلاثة، وهي الألفاظ والتراكيب،

١٢١

والأفكار الشرعية، والواقع للفكر أي للحكم، معرفة تمكنه من الاستنباط، لا مجرد معرفته. فلا بد أن يكون عالماً باللغة العربية من نحو وصرف وبلاغة... الخ، وأن يكون عالماً بالتفسير والحديث وأصول الفقه، ولا بد أن يكون عالماً بالواقع الذي يريد استنباط الحكم له. وليس معنى كونه عالماً أن يكون مجتهداً في هذه المواضع، بل يكفي أن يكون ملماً مجرد إلمام. فهو يستطيع أن يسأل عن معنى كلمة وأن يرجع إليها في القاموس، ويستطيع أن يسأل مجتهداً في النحو والصرف أو يرجع إلى كتاب في النحو والصرف ليعرف إعراب جملة أو تصريف كلمة، ويستطيع أن يرجع لعالم من علماء الحديث أو يرجع إلى كتاب من كتب الحديث ليعرف الحديث، ويستطيع أن يسأل عالماً بالواقع الذي يريد فهمه ولو كان غير مسلم، أو أن يرجع إلى كتاب يبحث هذا الواقع. فلا يعني كونه عالماً أن يكون مجتهداً أو متبحراً، بل يكفي أن يكون ملماً إلماماً يمكنه من الاستنباط. وهذا معنى كونه أنه لا بد أن تكون لديه معلومات معينة، أي معلومات كافية لتمكينه من الاستنباط. ولذلك فإن الاستنباط وإن كان يحتاج إلى معلومات أكثر من المعلومات اللازمة لمعرفة الحكم الشرعي، ولكنه لا يعني أن يكون مجتهداً في كل واحد من الأمور الثلاثة اللازمة للاستنباط، بل أن يكون ملماً بمعلومات كافية عن هذه الأمور الثلاثة تمكنه من الاستنباط، ومتى أصبح قادراً على الاستنباط فإنه حينئذ يكون مجتهداً، ولذلك فإن الاستنباط أو الاجتهاد ممكن لجميع الناس وميسر لجميع الناس، ولا سيما بعد أن أصبح بين يدي الناس كتب في اللغة العربية والشرع الإسلامي، ووقائع الحياة ميسرة لجميع الناس، يمكن الرجوع إليها

١٢٢

Terjemahan:

Mengenai berfikir untuk menggali hukum syarak, sebenarnya tidak cukup hanya dengan membaca kemudian boleh melakukan penggalian hukum. Tetapi, berfikir tersebut memerlukan pengetahuan tentang tiga perkara, iaitu lafadz (al-alfadz) dan susunan lafadz (at-tarakib), pemikiran syarie dan fakta pemikiran atau hukum, dengan kadar pengetahuan yang memungkinkannya untuk melakukan penggalian hukum, bukan sekadar mengetahuinya sahaja. Hal ini kerana, dia mestilah 'alim tentang bahasa Arab, seperti ilmu nahu, sharaf, balaghah dan sebagainya. Dia juga harus 'alim tentang tafsir, hadis dan ushul fikih. Dia juga harus 'alim tentang fakta yang hukumnya hendak digali. Konotasi dia harus 'alim tidak bererti dia harus sampai pada tahap mujtahid dalam topik-topik ini. Tetapi, cukuplah pada tahap menguasai dengan penguasaan yang sempurna. Ini kerana, dia boleh bertanya tentang makna kalimat dan boleh merujuknya kepada kamus. Dia boleh bertanya kepada seorang mujtahid di bidang nahu dan

sharaf, atau merujuk kepada buku nahu dan sharaf untuk mengetahui i'rab suatu kalimat, atau tashrif suatu kata. Dia juga boleh merujuk kepada salah seorang ulama hadis atau merujuk kepada buku hadis untuk mengetahui hadis tertentu. Dia juga boleh bertanya kepada orang yang mengetahui waqi' (fakta) yang ingin dia fahami, sekalipun orang tersebut non-Muslim, atau merujuk kepada kitab yang membahas fakta tersebut. Jadi, konotasi dia harus 'alim tidak bererti dia harus sampai pada tahap mujtahid, atau orang yang mendalam sekali pengetahuannya, melainkan cukuplah pada tahap menguasai dengan penguasaan yang sempurna, yang memungkinkannya untuk melakukan penggalan hukum. Inilah pengertian harus menguasai pengetahuan tertentu, atau pengetahuan yang cukup supaya dia boleh melakukan penggalan hukum. Oleh kerana itu, sekalipun penggalan hukum tersebut memerlukan pengetahuan yang lebih banyak dari sejumlah pengetahuan yang lazim untuk mengetahui hukum syarak, tetapi tidak bererti dia mesti sampai pada tahap mujtahid dalam setiap ketiga perkara yang lazim digunakan untuk menggali hukum. Tetapi, cukup pada tahap menguasai pengetahuan yang cukup tentang ketiga perkara yang memungkinkannya untuk melakukan penggalan hukum. Ketika dia telah mampu melakukan penggalan hukum, maka dia boleh menjadi mujtahid. Oleh kerana itu, penggalan hukum atau ijtihad itu mungkin bagi semua orang, dan sangat mudah bagi semua orang, terutama setelah buku-buku tentang bahasa Arab dan syariat Islam ada di tangan mereka..."

Nah! Betapa jelasnya bagi mereka yang membaca dengan mata dan mata hati, bahawa Syeikh Taqiyuddin meletakkan syarat untuk seseorang itu menjadi mujtahid mestilah memiliki dan menguasai bahasa Arab berserta pelbagai ilmu cabangnya yang mencukupi bagi melayakkannya untuk melakukan proses *istinbat* (penggalan) sebelum boleh mengeluarkan sesuatu ijtihad. Selain itu dia hendaklah menguasai *waqi'* (fakta) dan perlu bertanya kepada mereka yang alim dalam bidang tersebut sekiranya dia tidak mengetahui, sebelum dia boleh menghasilkan sesuatu ijtihad dalam sesuatu perkara (hukum).

Setelah seseorang memiliki dan menguasai semua itu, barulah dia boleh berijtihad, atau dengan kata lain layak untuk menjadi mujtahid. Jadi, ungkapan Syeikh Taqiyuddin bahawa "...*sesungguhnya penggalan hukum atau ijtihad itu mungkin bagi semua orang...*" bermaksud apabila orang itu sudah memiliki dan menguasai ilmu dan *waqi'* yang diperlukan. Dengan kata lain, jika dia tidak memiliki dan menguasai ilmu dan *waqi'* yang diperlukan (untuk berijtihad), maka dia tidak boleh dan tidak layak untuk berijtihad, dan tidak layak digelar mujtahid.

Kami ulangi apa yang kami sebut di awal, bahawa JFNJ hanya memetik secebis daripada pembahasan secara tidak sempurna, yang telah merubah pemahaman ayat dari konteks asalnya. Memang senang untuk menuduh seseorang menghalalkan babi apabila penulisan orang itu diambil dan dipetik pada bahagian yang dikehendaknya sahaja. Apa yang jelas pada pandangan kami ialah, hal ini sudah pasti dilakukan dengan niat dan tujuan tertentu. Jika tiada niat dan tujuan tertentu, kami yakin JFNJ akan segera meminta maaf dan menarik balik tuduhan mereka ke atas Syeikh Taqiyuddin dan menarik balik fatwa ke atas Hizbut Tahrir, sebaik sahaja membaca jawapan ini.

(b) Lelaki dan wanita bebas berjabat tangan. (al-Nabhani: an-Nizam al-Ijtima'i fi al-Islam, cetakan keempat, tahun 2003, halaman: 51-52).

Setelah meneliti kitab yang disebut di atas, dengan muka surat yang disebutkan, ternyata tidak ada dalam muka surat berkenaan apa-apa frasa pun mengenai lelaki dan wanita bebas berjabat tangan! Kami lampirkan muka surat yang berkenaan (51-52) untuk tatapan JFNJ dan untuk tatapan siapa sahaja yang membaca jawapan ini:

<p>أما المسألة الأولى فهي أن هناك أخوة أو أقارب يسكنون مع بعضهم في منزل واحد، وتظهر نساء كل منهم للأخرين في ثياب التبذل، فيبدو شعرها، ورقبتها، وذراعها، وساقها، وما شاكل ذلك مما تظهره ثياب البذلة. فينظر إليها إخوة زوجها أو أقاربه غير المحارم كما ينظر إليها أخوها وأبؤها وغيرهما من المحارم، مع أن أختها زوجها أجنبي عنها كأخي أجنبي. وكذلك قد يزور الأقارب بعضهم، كأولاد العم وأولاد الخال ومن شاكلهم من الأرحام غير المحارم، أو من غير الأرحام، فيسلمون على النساء، ويجلسون معهن، وهن في ثياب البذلة. ويبدو منهن أكثر من الوجه والكفين، من شعر، ورقبة، وذراع، وساق، وغير ذلك. فيعاملون معاملة المحارم. وهذه المسألة شائعة وقد بلي بها أكثر المسلمين ولا سيما في المدن، فيظن الكثيرون أن ذلك مباح. والحقيقة أن المباح من ذلك إنما هو النظر من قبل المحارم والتابعين غير أولي الإربة، أما ما عدا هؤلاء فيحرم على النساء أن يكشفن لهم ما عدا الوجه والكفين، وتفصيل ذلك أن الله تعالى حرم المرأة على الإطلاق لنظر أو لذة، ثم استثنى اللذة للأزواج، ثم استثنى الزينة أي النظر لاثني عشر شخصاً يدخل معهم من هو مظهرهم كالأعمام والأخوال، ثم استثنى من المرأة الوجه والكفين لجميع الرجال، فاللذة أي النظر بشهوة حرام مطلقاً إلا على الزوج، والنظر للوجه والكفين بوصفه مجرد نظر (أي دون شهوة) مباح مطلقاً، والنظر لما يزيد عن الوجه والكفين حرام مطلقاً إلا على المحارم الذين ذكرهم الله ومن هو مثلهم.</p> <p>وسبق أن تم بيان حكم الشرع في الحياة العامة كما جاءت به النصوص. أما الحياة الخاصة فقد أباح الشارع للمرأة أن تبدي فيها ما يزيد عن</p> <p style="text-align: center;">٥٢</p>	<p>مستورتين بجوارب أو حذاء فإن ذلك لا يُعني عن إرخائه إلى أسفل بشكل يدل على وجود الإرخاء، ولا ضرورة لأن يغطي القدمين فهما مستورتان، ولكن لا بد أن يكون هناك إرخاء أي يكون الجلباب نازلاً إلى أسفل بشكل ظاهر يعرف منه أنه ثوب الحياة العامة التي يجب أن تلبسه المرأة في الحياة العامة، ويظهر فيه الإرخاء أي يتحقق فيه قوله تعالى: ﴿يُدْرِيهِمْ﴾ أي يرخين.</p> <p>ومن هذا يتبين أنه يجب أن يكون للمرأة ثوب واسع تلبسه فوق ثيابها لتخرج فيه، فإن لم يكن لها ثوب وأرادت أن تخرج فعلى أختها، أي أئمة مسلمة كانت أن تعيرها من ثيابها التي تلبس فوق الثياب، فإن لم تجد من يعيرها فلا تخرج حتى تجد ثوباً تلبسه فوق ثيابها، فإن خرجت في ثيابها دون أن تلبس ثوباً واسعاً مرتحياً إلى أسفل ثوبها فإنها تأثم ولو كانت ساترة جميع العورة، لأن الثوب الواسع المرتخي إلى أسفل حتى القدمين فرض، فتكون قد خالفت الفرض، فتأثم عند الله وتعاقب من قبل الدولة عقوبة التعزير.</p> <p>بقيت مسألتان من مسائل نظر المرأة للرجل والرجل للمرأة إحداهما مسألة وجود الرجال الأجانب في البيوت بإذن أهلها، ونظرهم إلى النساء في ثياب التبذل، وبصائرهم من أعضاء المرأة ما يزيد على الوجه والكفين. والثانية مسألة وجود النساء غير المسلمات وحتى بعض المسلمات في شوارع المدن وطرقاتها، وهن يبدن من أعضائهن أكثر من الوجه والكفين. وهاتان المسألتان واقعتان، وواقع بلاؤهما على جميع المسلمين، فلا بد من بيان حكم الشرع فيهما.</p> <p style="text-align: center;">٥١</p>
---	---

Terjemahan:

...ditutupi dengan stoking atau sepatu, akan tapi tetap mesti menjulurkan jilbabnya ke bawah hingga jelas menunjukkan adanya irkha'. Tidak ada gunanya menutup kedua-dua kaki yang sudah tertutup dengan stoking atau sepatu. Akan tetapi, di sana mesti ada irkha', iaitu jilbab mesti diturunkan (dijulurkan) sampai ke bawah secara jelas sehingga dapat diketahui bahawa pakaian tersebut adalah pakaian untuk kehidupan umum yang wajib dikenakan oleh wanita dalam kehidupan umum, dan tampak jelas dalam jilbab itu adanya irkha', sebagai realisasi firman Allah (swt) *يُرْخِيْنَ* yang berarti *يرخين* (menjulurkan).

Dengan demikian, jelaslah bahawa wanita wajib mengenakan pakaian yang longgar di atas pakaian sehariannya dalam rangka keluar rumah. Jika ia tidak memilikinya, sementara ia ingin

keluar, hendaklah ia meminjam daripada saudaranya atau wanita Muslimah mana saja yang bersedia memberinya pinjam. Jika tidak ada yang bersedia memberinya pinjam, maka ia tidak boleh keluar rumah sampailah pakaian tersebut diperolehnya. Jika ia keluar rumah tanpa mengenakan pakaian longgar yang terjulur hingga ke bawah, maka ia berdosa, meskipun ia telah menutupi seluruh auratnya. Sebab, mengenakan baju longgar yang terjulur sampai ke bawah hingga menutup kedua-dua kaki adalah wajib. Maka wanita tersebut telah menyimpang dari kewajipan ini dan berdosa di sisi Allah (swt). Ia layak dijatuhi hukuman oleh negara dengan hukuman ta'zir.

Tinggal dua persoalan lagi yang terkait dengan masalah wanita melihat lelaki atau sebaliknya. Pertama, masalah keberadaan lelaki asing (non-mahram) di dalam rumah dengan seizin penghuninya, yang mana di dalam rumah itu dia (dapat) melihat wanita yang mengenakan pakaian sehari-hari (yang biasa dipakai di rumah, pen) serta memandang bahagian tubuh wanita selain wajah dan kedua telapak tangannya. Kedua, masalah adanya wanita non-Muslim, bahkan sebahagian kaum Muslimah, yang berjalan di jalanan umum baik di kota atau di kampung, sementara para wanita itu menampakkan anggota tubuhnya, lebih dari wajah dan kedua telapak tangannya. Kedua-dua persoalan ini benar-benar terjadi. Keburukannya pun telah dirasakan oleh seluruh kaum Muslimin. Oleh sebab itu, hukum Islam tentang kedua-dua persoalan tersebut harus dijelaskan.

Persoalan pertama, iaitu keberadaan saudara atau kerabat lelaki yang tinggal bersama para wanita dalam satu tempat tinggal, sementara para wanita tersebut terdedah oleh saudara atau kerabat mereka yang lelaki dengan mengenakan pakaian sehari-hari, sehingga tampak dari para wanita itu rambut, leher, lengan, betis atau bagian tubuh lainnya yang tampak saat wanita itu mengenakan pakaian sehari-hari. Dalam situasi seperti ini, maka saudara lelaki suaminya (ipar wanita itu) atau kerabat lelaki yang bukan mahram itu terdedah melihat mereka, sebagaimana saudara lelaki, bapa, atau mahram mereka lainnya. Padahal saudara lelaki suami adalah orang asing (non-mahram) bagi wanita itu, sebagaimana lelaki asing mana pun. Kadang-kadang, sebahagian kerabatnya – seperti sepupu atau kerabatnya yang lain yang bukan mahram – ataupun kalangan yang bukan kerabat berkunjung ke rumahnya. Mereka yang berkunjung itu memberi salam kepada para wanita dan duduk bersama, sementara para wanita tersebut mengenakan pakaian sehari-harinya. Dalam keadaan seperti ini, tampak dari para wanita itu bagian tubuh mereka selain wajah dan kedua telapak tangan, seperti rambut, leher, lengan, betis, dan yang lainnya. Dan mereka yang berkunjung itu pun diperlakukan sebagaimana mahram. Masalah ini ada di mana-mana dan telah menjadi bencana bagi sebahagian besar kaum Muslimin, terlebih di kawasan-kawasan bandar. Kebanyakan mereka menyangka bahawa hal seperti itu dibolehkan. Yang benar adalah bahawa orang yang boleh melihat wanita itu hanyalah para mahram dan pelayan-pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan terhadap wanita. Sedangkan orang-orang selain mereka, maka wanita haram untuk menampakkan kepada mereka selain wajah dan kedua telapak tangan. Perincian ketentuan itu sebagai berikut. Bahawasanya Allah (swt) telah mengharamkan wanita secara mutlak untuk dipandang atau mendapat kelazatan darinya. Lalu Allah mengecualikan kelazatan untuk para suami. Allah juga mengecualikan perhiasan yakni memandangnya, bagi dua belas orang termasuk orang yang semisal mereka, seperti bapa saudara dari sebelah bapa mahu pun ibu. Kemudian Allah

mengecualikan dari wanita, wajah dan kedua telapak tangannya bagi seluruh lelaki. Jadi, kelazatan yakni memandang wanita dengan syahwat adalah haram secara mutlak, kecuali bagi suami. Sedangkan memandang wajah dan kedua telapak tangan wanita – dengan pandangan biasa tanpa syahwat – adalah mubah secara mutlak. Dan memandang selain wajah dan kedua telapak diharamkan secara mutlak, kecuali bagi mahram yang telah disebutkan oleh Allah dan orang-orang semisal mereka.

Inilah hukum syarak yang berkaitan dengan kehidupan umum yang telah disebutkan di dalam sejumlah nas. Adapun dalam kehidupan khusus, Allah telah membolehkan para wanita untuk menampakkan anggota tubuhnya lebih dari...

Nah, tidak ada apa-apa pada muka surat di atas sebagaimana dakwaan JFNJ!

Namun, oleh kerana kami mengetahui apa yang cuba disampaikan oleh JFNJ, maka kami cuba membantu di sini untuk memperbetulkan rujukan JFNJ dalam hal ini. Muka surat yang kami rasa ingin dirujuk oleh JFNJ ialah muka surat 57 & 58, dan bukannya muka surat 51 & 52. Kami boleh menerima sekiranya kesalahan rujukan muka surat ini dibuat oleh orang biasa dan dalam keadaan biasa, namun hakikatnya di sini, pihak yang membuat rujukan ialah sepasukan Jawatankuasa Fatwa Negeri, dan rujukan ini dibuat bukan untuk sembarangan, tetapi untuk mengeluarkan sebuah fatwa yang seterusnya diwartakan dan disiarkan kepada orang ramai!

Bagaimana pun, sebagai manusia, kami memahami kesilapan seumpama ini boleh berlaku, dan kami harap JFNJ akan lebih berhati-hati apabila membuat rujukan untuk mengeluarkan fatwa di masa hadapan. Ini dari satu sisi.

Dari sisi lain, elemen bahawa “lelaki dan wanita **bebas** berjabat tangan” (yang dituduh oleh JFNJ sebagai pegangan Hizbut Tahrir) itu ternyata tidak terdapat pun dalam muka surat 57 & 58. Ikuti jawapan kami di bawah ini.

Kami tidak ada masalah dengan elemen yang benar, dan kami akan mengakuinya dengan jujur dan senang hati kerana itu adalah pegangan kami, dan kami tidak akan sama sekali berbohong. Namun demikian, apa yang kami kesalkan ialah kesilapan dan kesalahan JFNJ yang memfitnah kami dengan pelbagai bentuk fitnah dan pembohongan yang direka-reka, yang tidak seharusnya dilakukan oleh seorang Muslim, apatah lagi oleh sekumpulan Muslim yang berada dalam sebuah Jawatankuasa agama yang sangat penting.

Berikut ialah muka surat 57 & 58:

<p>عن أم عطية قالت: «بايعنا النبي ﷺ فقرأ علينا أن لا يُشركن بالله شيئاً ونهانا عن النياحة، فقبضت امرأة منا يدها» وكانت المبايعات بالمصافحة، ومعنى قبضت يدها ردت يدها بعد أن كانت مدتها للمبايعات. فكأنها قبضت يدها يعني أنها كانت ستبايع بالمصافحة. ومفهوم «فقبضت امرأة منا يدها» أن غيرها لم تقبض يدها وهذا يعني أن غيرها بايعت بالمصافحة. وأيضاً فإن مفهوم قوله تعالى: «أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ» بلفظه العام لجميع النساء من حيث أن اللامسة تتقض الوضوء يدل اقتصار الحكم على تقض الوضوء من لمس النساء على أن مسهن بغير شهوة ليس حراماً فمصافحتهن كذلك ليست حراماً. علاوة على أن يد المرأة ليست بعورة ولا يحرم النظر إليها بغير شهوة فلا تحرم مصافحتها.</p>	<p>هذه الحاجات من ضرورات الحياة العامة للرجل، ولا يستغني عنها ولا يملك دفع هذا البلاء من كشف العورات، فعليه غض البصر عملاً بنص الآية، ولا يحل له غير ذلك مطلقاً.</p> <p>ولا يقال هنا: إن هذا مما عمت به البلوى، ويصعب الاحتراز عنه. فإن هذه القاعدة مناقضة للشرع، فالحرام لا يصبح حلالاً إذا عمت به البلوى، والحلال لا يصبح حراماً إذا عمت به البلوى. ولا يقال هؤلاء نساء كافرات فيعاملن معاملة الإماء، فعورتهن عورة الأئمة، لا يقال ذلك لأن الحديث عام بالمرأة، ولم يقل المرأة المسلمة، قال عليه الصلاة والسلام: «إِنَّ الْجَارِيَةَ إِذَا حَاضَتْ لَمْ يَضِلَّ أَنْ يُرَى مِنْهَا إِلَّا وَجْهَهَا وَيَدَاهَا إِلَى الْبُغْضِلِ» وهو صريح في حرمة النظر إلى المرأة، مسلمة كانت أو غير مسلمة، وهو عام في جميع الحالات، ومنها هذه الحالة. ولا تقاس المرأة الكافرة على الأمة لأنه لا وجه للقياس.</p>
<p>وهذا بخلاف القبلة، فقبلة الرجل لامرأة أجنبية يريدها، وقبلة المرأة لرجل أجنبي تريده هي قبلة محرمة، لأنها من مقدمات الزنا، ومن شأن مثل هذه القبلة أن تكون من مقدمات الزنا عادة، ولو كانت من غير شهوة، ولو لم توصل إلى الزنا، ولو لم يحصل الزنا، لأن قول الرسول ﷺ لما عاز لما جاءه طالباً منه أن يظهره لأنه زنى «لَعَلَّكَ قَبِلْتُ...» أخرجه البخاري من طريق ابن عباس، يدل على أن مثل هذه القبلة هي من مقدمات الزنا، ولأن الآيات والأحاديث التي تحرم الزنا تشمل تحريم جميع مقدماته ولو كانت لمساً، كما يحصل بين الشباب والشابات، فهذه القبلة تكون محرمة، حتى ولو كانت للسلام على قادم من سفر لأن من شأن مثل هذه القبلة بين الشباب والشابات أن تكون من مقدمات الزنا.</p>	<p>وعليه يجب على من يزورون بيوتاً غير بيوتهم وفيها نساء غير محارم، عليهم أن يعضوا أبصارهم عن النظر إلى ما يزيد عن الوجه والكفين، ويجب على من يعيشون في المدن، ويضطرون إلى خوض المجتمع أو معاملة النساء الكافرات الكاشفات لعوراتهن، بالشراء منهن، أو الحديث معهن، أو الاستعجار منهن، أو تأجيرهن، أو بيعهن، أو غير ذلك، أن يعضوا أبصارهم أثناء ذلك، وأن يقتصروا على القدر الذي يحتاجونه مما يضطرون إليه.</p> <p>هذا بالنسبة للنظر أما بالنسبة للمصافحة فإنه يجوز للرجل أن يصافح المرأة وللمرأة أن تصافح الرجل دون حائل بينهما لما ثبت في صحيح البخاري</p>

Terjemahan:

...adapun berkaitan dengan masalah berjabat tangan (المصافحة), maka sesungguhnya seorang lelaki boleh menjabat tangan seorang wanita dan demikian pula sebaliknya, seorang wanita boleh menjabat tangan seorang lelaki, tanpa harus ada penghalang di antara kedua-dua tangan mereka. Kebolehan ini sesuai dengan apa yang dinyatakan di dalam Shahih al-Bukhari yang bersumber dari 'Ummu 'Athiyah. 'Ummu 'Athiyah menuturkan: "Kami membaiai Nabi (saw), lalu baginda membacakan kepada kami بِاللَّهِ شَيْئًا أَنَّن لَا يُشْرِكُنَّ بِاللَّهِ شَيْئًا" ("bahawa mereka tidak akan menyekutukan sesuatu pun dengan Allah") (Mumtahanah (60): 12], dan baginda melarang kami untuk meratap. Maka seorang wanita di antara kami menarik kembali tangannya." Baiat tersebut dilakukan dengan cara berjabat tangan (mushafahah). Kata 'qabadhat yadaha' (menarik kembali tangannya) maknanya adalah menarik kembali tangannya yang sebelumnya ia hulurkan untuk melakukan baiat tersebut. Kata-kata wanita itu 'qabadhat yadaha' bererti bahawa wanita tersebut sebelumnya hendak membaiai Rasulullah (saw) dengan cara berjabat tangan. Kata-kata "maka salah seorang wanita di antara kami menarik kembali tangannya", mafhumnya adalah bahawa wanita yang lain tidak menarik kembali tangan mereka. Ini bererti, para wanita selain wanita tersebut membaiai Rasulullah (saw) dengan cara berjabat tangan (mushafahah). Di samping itu, mafhum (pengertian) firman Allah (swt) أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ (atau kalian telah menyentuh perempuan) [An-Nisa' (4): 43]. yang dinyatakan dengan lafaz umum yang mencakup seluruh wanita dari sisi bahawa sentuhan yang membatalkan wudhu', hal itu menunjukkan terbatasnya hukum pada masalah batalnya wudhu' bagi lelaki kerana menyentuh

wanita. Mafhum dari ayat tersebut menunjukkan bahawa menyentuh wanita tanpa disertai syahwat tidaklah haram. Maka demikian juga berjabat tangan dengan wanita bukanlah sesuatu yang haram. Lebih dari itu, telapak tangan wanita tidak termasuk aurat dan tidak diharamkan memandangnya tanpa disertai syahwat. Maka, menjabat tangan wanita ajnabi tidak diharamkan.

Apa yang disampaikan oleh Hizbut Tahrir di dalam kitab Asy-Syakhsiyyah al-Islamiyyah, Jilid I ini (dari segi hukum berjabat tangan) adalah berdasarkan nas al-Quran dan as-Sunnah. Dan apa yang Hizbut Tahrir sampaikan ini juga sebenarnya sangat jelas iaitu berjabat tangan antara lelaki ajnabi dan wanita ajnabiyah itu dibolehkan dengan syarat ia tidak disertai syahwat. Mafhumnya, berjabat tangan dengan disertai syahwat adalah haram dan berdosa.

Hizbut Tahrir tidak pernah menyatakan yang lelaki dan wanita itu bebas berjabat tangan dalam muka surat ini! Malah tidak terdapat suatu apa pun dalam bab ini, bahkan dalam keseluruhan kitab ini, yang menyatakan lelaki dan wanita bebas berjabat tangan semahunya! Dengan begitu, apa yang didakwa oleh JFNJ jelas merupakan satu pendustaan!

Kami tegaskan di sini sekali lagi bahawa berjabat tangan yang dibolehkan itu adalah dengan syarat tidak disertai syahwat. Kenapa kami berpandangan demikian? Kerana ia adalah berdasarkan nas! Manakala berjabat tangan dengan disertai syahwat adalah jelas haram. Kebiasaan berjabat tangan yang disertai syahwat ini biasa berlaku pada golongan muda (walaupun tidak semestinya demikian) tatkala mereka bersalaman. Bagi lelaki, perasaan ingin 'menikmati' kelembutan atau kegebuhan kulit wanita semasa berjabat tangan itu sudah cukup untuk menunjukkan yang dirinya mempunyai syahwat atas perbuatannya itu, dan berjabat tangan seperti ini adalah haram. Begitu juga bagi wanita yang ingin 'menikmati' sentuhan tangan lelaki (ketika berjabat tangan), maka hal ini adalah haram.

Apabila golongan yang sudah tua yang biasanya sudah tidak punya syahwat, bersalaman, maka hal ini diperbolehkan. Inilah pandangan yang paling kuat bagi kami dan kami berpegang dengannya. Begitu juga jika anak-anak muda bersalaman dengan orang tua renta, yang tidak menimbulkan syahwat pada dirinya (ketika berjabat tangan itu), maka hal ini diperbolehkan. Bagaimana pun, orang-orang tua yang berjabat tangan dengan orang muda, yang disertai dengan syahwat, hal ini tetap haram.

Perlu difahami bahawa masalah timbulnya syahwat atau tidak, ini merupakan masalah batin di mana hanya empunya diri dan Tuhannya sahaja yang mengetahui. Apa yang menjadi penentu keharaman di sini bukanlah umur, tetapi syahwatlah yang menjadi penentunya. Kesimpulan ini juga ditunjukkan oleh mafhum hadis Ummu Athiyah di atas, di mana Rasulullah (saw) tatkala menerima baiat dengan berjabat tangan dengan kaum wanita, di situ tidak ada penjelasan bahawa kaum wanita itu sudah tua atau tidak. Maka, yang menjadi ukuran keharaman di sini ialah syahwat, bukannya umur.

Jadi, dakwaan bahawa "lelaki dan wanita bebas berjabat tangan" (yang dituduh oleh JFNJ sebagai pegangan Hizbut Tahrir) itu ternyata lari dari penjelasan yang sebenar, yang nampaknya sengaja

dilakukan oleh JFNJ dalam rangka mengadakan pendustaan ke atas Hizbut Tahrir. Sedangkan Hizbut Tahrir menyatakan dengan jelas bahawa lelaki dan wanita tidak bebas berjabat tangan, melainkan terdapat syarat (yang mengikat kedua-duanya) iaitu tidak disertai dengan syahwat!

Kami ingin mengingatkan di sini bahawa JFNJ bukan sekadar perlu berhati-hati dalam memetik muka surat yang sepatutnya, tetapi juga perlu jujur dalam melakukan penukilan. Nukilkanlah sesuatu itu dengan hati yang bersih dan tepat faktanya, serta buanglah sejauhnya niat yang dihembuskan oleh syaitan. Jangan juga tergopoh-gapah dalam membuat penukilan, dan tunjukkanlah sedikit keikhlasan dalam memetik kata-kata orang lain, agar pahala solat, puasa, sedekah dan lain-lain yang dilakukan selama ini tidak melayang begitu sahaja, kerana niat buruk dan fitnah yang dilakukan.

JFNJ seharusnya tahu, dan membuat sedikit kajian jika tidak mengetahui, bahawa hukum berjabat tangan antara lelaki dan wanita (tanpa disertai syahwat) ini diperbolehkan juga oleh ulama lain. Di bawah ini kami paparkan sejumlah pendapat para ulama terkait berjabat tangan antara lelaki *ajnabi* dan perempuan *ajnabiyah* tanpa syahwat:

<p>على سيدنا رسول الله ﷺ وعنده بعض أزواجه؛ سيدتنا عائشة وأخرى، فقال لهما: «قوما» فقالتا: أئهما أعميان يا رسول الله، فقال: «أَعْمَيَاوَانِ أَتُمَا»، هذا حكم النظر إلى الوجه والكفين.</p> <p>وأما حُكْمُ من هذين العوضين فلا يحل مسهما؛ لأنَّ جُلَّ النظرين للضرورة التي ذكرناها، ولا ضرورة إلى المس مع ما أن المس في بعث الشهوة وتحريكها فوق النظر، وإباحة أذنَي الفعلين لا يُدَلُّ على إباحة أعلاهما؛ هذا إذا كان شابين، فإن كان شيخين كبيرين فلا بأس بالمصافحة، لخروج المصافحة منهما من أن تكون موروثة للشهوة لانعدام الشهوة.</p> <p>(١) سيأتي تخريجه في موضعه. (٢) سيأتي تخريجه.</p> <hr/> <p>٤٩٦ كتاب الاستحسان</p> <p>وقد روي أنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ كان يُصَافِحُ العجائز.</p> <p>ثم إنَّما يحرم النظر من الأجنبيَّة إلى سائر أعضائها سوى الوجه والكفين أو القدمين أيضاً على اختلاف الروايتين إذا كانت مكشوفة، فأما إذا كانت مستورة بالتوب، فإن كان ثوبها صفيحاً لا يلتزق ببدنها فلا بأس أن يتأملها ويتأمل جسدها؛ لأنَّ المنظور إليه الثوب [دون البدن] (١)، وإن كان ثوبها رقيقاً يَصِفُّ ما تحته ويشف، أو كان صفيحاً لكنه يلتزق ببدنها حتى يستبين له جسدها، فلا يحل له النظر؛ لأنه إذا استبان جسدها كانت كاسية صورة عارية حقيقة، وقد قال النبي ﷺ: «لَعَنَ اللَّهُ الكَاتِبَاتِ العَارِيَاتِ» (٢).</p>	<p style="text-align: center;">بَدَائِعُ الصَّنَائِعِ في ترتيب الشرائع</p> <p style="text-align: center;">تأليف الإمام وعلاء الدين أبي بكر بن مسعود الكاساني الحنفي المتوفى سنة ٥٨٧ هـ</p> <p style="text-align: center;">تحقيق وتعليق الشيخ محمد محمود (الشيخ خالد المحمدي)</p> <p style="text-align: center;">الجزء السادس</p> <p style="text-align: center;">يحتوي على الكتب التالية: سنة كتاب الإجارة - الاستصناع - الشفعة - الأديع والضيود - الأضياد القسيحة - الذر الكفارات - الأثرية - الاستحسان - اليوم مستوردات مكتبة دار الكتب العلمية بيروت - لبنان</p>
---	---

Terjemahan:

Apabila kedua-duanya sudah tua, maka tiada halangan untuk berjabat tangan, kerana berjabat tangan dengan kedua-duanya tidak menimbulkan syahwat kerana syahwat itu sudah tiada. Dan telah diriwayatkan bahawa Rasulullah (saw) pernah berjabat tangan dengan perempuan-perempuan tua [Fiqih Hanafi, Bada'i'u ash-Shanai' fi Tartib asy-Syarai', Juz 6, hal. 495-496].

<p style="text-align: right;">كتاب الكراهية</p> <p style="text-align: right;">٣٥٣</p> <p>وجدت فلا يجوز له أن ينظر لأن نظر الجنس إلى الجنس أخف. وينبغي للطبيب أن يعلم امرأة إن أمكن وإن لم يكن ستر كل عضو منها سوى موضع الوجد ثم ينظر ويغض بصره عن غير ذلك الموضع إن استطاع لأن ما ثبت للضرورة يتقدر بقدرها، وإذا أراد أن يتزوج امرأة فلا بأس أن ينظر إليها وإن خاف أن يشتهي لقوله عليه الصلاة والسلام «انظر إليها لأنه أحرى أن يدوم بينكما» ولا يجوز له أن يمس وجهها ولا كفها وإن أمن الشهوة لوجود المحرم ولانعدام الضرورة وقال عليه الصلاة والسلام «من مس كف امرأة ليس له فيها سبيل وضع على كفه جر يوم القيامة» قال في التارخانية: أصاب امرأة قرحة في موضع لا يجمل للرجل النظر إليه، لم يوجد امرأة تداويها ولم يقدر أن يعلم امرأة تداويها يستر منها كل شيء إلا موضع القرحة ويغض بصره ما أمكن ويداويها. وفي المحيط أيضاً: ويجوز للمرأة إذا كانت تولد أخرى أن تنظر إلى فرجها وأن تمس فرجها اهـ. وقيدوا جواز النظر دون المس عند إرادة الزوج إذا كانت شابة تشتهي، وأما إذا كانت عجوزاً لا تشتهي فلا بأس بمصافحتها ومس بدنها لانعدام خوف الفتنة. وعن أبي بكر رضي الله عنه أنه كان يصفح العجائز فإذا كان شيخاً يأمن على نفسه وعليها يجمل له المصافحة، وإن يكون لا يأمن عليها ولا على نفسه لا تجل له مصافحتها لما فيه من التعريض للفتنة. فحاصله أنه يشترط لجواز المس أن يكونا كبيرين مأمونين في رواية، وفي أخرى يكفي أن يكون أحدهما مأموناً كبيراً لأن أحدهما إذا كان لا يشتهي لا يكون للمس سبباً للوقوع في الفتنة كالصغير. ووجه الأولى أن الشاب إذا كان لا يشتهي بمس العجوز فالعجوز تشتهي الشاب لأنها علمت بملاذ الجماع فيؤدي إلى الانتهاء من أحد الجانبين وهو حرام بخلاف ما إذا كان أحدهما صغيراً لأنه لا يؤدي إلى الانتهاء من الجانبين لأن الكبير لا يشتهي بمس الصغير، ولهذا إذا مات صغير أو صغيرة تغسله المرأة والرجل ما لم تبلغ حد الشهوة، وكذا يجوز النظر إلى الصغير والصغيرة والمس إذا كان لا يشتهي. قال رحمه الله: (وينظر الرجل إلى الرجل إلا العورة) وهي ما بين السرة والركبة، والسرة ليست من العورة والركبة منها، وإنما لم يبين المؤلف هنا لما قدم في كتاب الوضوء وقد بينا الدليل هناك. وحكم العورة في الركبة أخف منه في الفخذ، وفي الفخذ أخف منه في السرة حتى ينكر</p>	<p style="text-align: center;">تَكْمَلَةٌ الْبَحْرُ الرَّائِقُ شرح كنز الدقائق</p> <p style="text-align: center;">للإمام العلامة الشيخ محمد بن محمد بن عيسى الطوري القادري الحنفي المتوفى بعد سنة ١١٢٨هـ</p> <p style="text-align: center;">تحريره وضع آياته وأمازيجه الشيخ زكريا عميريت</p> <p style="text-align: center;">الطبعة الثانية</p> <p style="text-align: center;">مكتبورات مجمع إبي براهيم دار الكتب العلمية سرويت - لبنان</p>
---	--

Terjemahan:

...adapun ketika perempuan itu sudah tua yang tidak disyahwati, maka tiada bahaya berjabat tangan dengannya juga menyentuh tubuhnya, kerana kekhawatiran pada fitnah itu sudah tiada. Dan dari Abu Bakar (ra) bahawa beliau pernah bersalaman dengan perempuan-perempuan tua. Dan apabila lelaki itu sudah tua yang merasa aman terhadap dirinya juga terhadap perempuan itu, maka berjabat tangan halal baginya... [Fiqih Hanafi, Al-Bahru ar-Raiq Syarh Kanzu al-Haqaiq, Juz 8, hal. 353].

<p>٢٥٧</p> <p>كتاب الكراهية</p> <p>كـمـحـرمـهـ وـلـهـ مـسـ ذـلـكـ إـذاـ أـرـادـ الشـراءـ وـإنـ اشـتـهـىـ وـلاـ تـعـرضـ الأـمـةـ إـذاـ بـلـغـتـ فيـ إـزار</p> <p>بأس به لما روي عن سفيان أنه قال: تقبيل يد العالم والسلطان العادل سنة. وفي جامع الجوامع: ولا بأس أن تمس الأمة الرجل وتغمزه وتدنه ما لم يشته إلا ما بين السرة والركبة. وفي التارخانية: ولم يذكر محمد في شيء من الكتب الخلو والمسافرة بإمام الغير وقد اختلفوا فيه؛ فمنهم من قال لا يجمل وإليه مال الحاكم الشهيد، ومنهم من قال يجمل وبه قال الإمام شمس الأئمة السرخسي، والذين قالوا بالحل اختلفوا فيما بينهم بعضهم قال ليس له أن يعالجها في النزول والركوب، وبعضهم قال له ذلك إن أمن على نفسه الشهوة عليها. وفي الغنائية: والغلام الذي بلغ الشهوة كالبالغ، والكافر كالمسلم؛ هذا الذي ذكرناه إذا كانت شابة، فإن كانت عجوزاً قال في التارخانية: فإن كانت عجوزاً لا تشتهى فلا بأس بمصافحتها ومس يدها وأن تغمز رجله، وكذا إذا كان شيخاً يأمن على نفسه وعليها. وفي الغنائية: ولا بأس أن يعانقها من وراء الثياب إلا أن تكون ثيابها رقيقة تصل حرارة بدنها إليه وفيما إذا كان الماس هو المرأة قال: إن كانت ممن لا يجامع مثلها ولا يجامع مثله فلا بأس بالمصافحة فليتأمل عند الفتوى، فإن كانت صغيرة لا تشتهى أو لا يشتهى مثلها فلا بأس بالنظر إليها ومسها. قال رحمه الله: (وأمة غيره كمحرمه) لأنها تحتاج إلى الخروج لخواتم مولاه في ثياب بذلة وحالها مع جميع الرجال كحال المرأة مع محارمها، كان عمر رضي الله عنه إذا رأى أمة متعنتة علاها بالدرة وقال: ألقى عنك الحمار أنتشبهين بالخراير يا دفار. واعترض كيف عزرها على الستر الذي هو جائز والتعزير إنما يكون على ارتكاب المحظورات والمحرمات؟ وأجيب بأنه إنما فعل ذلك لأن الفساق إذا تعرضوا للحرائر كان ذلك أشد فساداً والتعرض للإماء دون ذلك في الفساد ففعل ذلك لتلا يجب الأول فيكون فيه تقليل الفساد. قال في المحيط: ويجمل للأمة النظر إلى الرجل الأجنبي إلى كل شيء منه ومسّه وغمزه ما خلا تحت السرة إلى الركبة اهـ. ولا يجوز أن ينظر إلى بطنها وظهرها كالمحارم خلافاً لمحمد بن مقاتل فإنه يقول بالجواز. قال رحمه الله: (وله مس ذلك إذا أراد الشراء وإن اشتهى) يعني جاز له أن يمسه كل موضع يجوز له أن ينظر إليه كالصدر والساق والذراع والرأس ويقلب شعرها</p>	<p>تَكْمِلَةٌ بِالْحَجَرِ الرَّبَوِيِّ شرح كَنْزِ الدَّقَائِقِ</p> <p>للإمام العلامة الشيخ محمد بن حسين بن عيسى الطوقري القادوري الحنفي المتوفى بقسنطينة سنة ١١٢٨هـ</p> <p>تأليفه الشيخ زكريا عميرات</p> <p>الجزء الثاني</p> <p>مشورات مجمع إبي بصير دار الكتب العلمية بيروت - لبنان</p>
---	--

Terjemahan:

Apabila perempuan itu sudah tua yang tidak disyahwati, maka tidak bahaya berjabat tangan dengannya, menyentuh tangannya dan memijak kakinya, begitu pula ketika lelaki itu sudah tua yang merasa aman terhadap dirinya, juga terhadap perempuan itu. Dalam kitab al-Ghiyatsiyah disebutkan: “Tiada bahaya ia (lelaki) memeluknya (perempuan) dari belakang kain, kecuali ketika kainnya (perempuan) tipis yang suhu tubuhnya (perempuan itu) sampai padanya... [Ibid, Juz 8, hal. 357].

Tahukah JFNJ bahawa pendapat yang membolehkan berjabat tangan antara lelaki dan wanita juga dibincangkan oleh Mufti Wilayah Persekutuan. Hal ini terdapat dalam laman web rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan di bawah Segmen Artikel dan Kolum “Al Kafi li al-Fatawi” Nombor #1149 bertajuk “Hukum bersalaman dengan berlainan jantina ajnabi” yang dimuatnaik pada 14 Mac 2019. Di dalam artikel tersebut dijelaskan tentang perbezaan pandangan ulama dalam hal tersebut iaitu ada yang mengharamkan secara mutlak dan ada yang mengharuskan dalam keadaan-keadaan tertentu.

Dijelaskan di situ bahawa perkara tersebut merupakan perkara khilaf dalam kalangan ulama, dan mazhab Hambali dan Hanafi membolehkan orang tua berjabat tangan tanpa disertai syahwat. Pandangan Syeikh Yusuf al-Qardhawi turut dipetik di dalam soal-jawab tersebut, yang mengharuskan lelaki dan wanita ajnabi bersalaman dengan syarat sebagaimana yang ditulis di dalam fatwa beliau:

جواز مصافحة الرجل للمرأة بشرطين هما أن تكون هناك ضرورة، وحال أمنت الفتنة

Diharuskan bersalaman di antara lelaki dan perempuan sekiranya dalam keadaan darurat dan aman daripada fitnah.

Mufti Wilayah seterusnya memberikan kesimpulan berikut: “Kami lebih cenderung kepada meraikan mazhab dan keadaan setempat. Sebagai contoh di Malaysia kebanyakannya bermazhab Syafie’. Akan tetapi sekiranya dalam keadaan dan situasi tertentu dibenarkan dengan syarat-syarat yang ditetapkan.”

[lihat: <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3195-al-kafi-1149-hukum-bersalaman-dengan-berlainan-jantina-ajnabi>]

Jadi, tidakkah JFNJ nampak di sini bahawa para ulama berbeza pendapat dalam isu ini dan tidak ada di antara mereka yang menyesatkan satu sama lain, malah terbukti bahawa ada Imam mazhab daripada kalangan Ahlu Sunnah sendiri, yang membolehkannya. Adakah Imam Hanafi dan Imam Hambali dan juga Syeikh Yusuf al-Qardawi telah menyeleweng daripada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana pandangan mereka yang hampir sama dengan pandangan Hizbut Tahrir?

Kenapakah anda tidak boleh berlapang dada dengan perbezaan pendapat wahai JFNJ, sedangkan anda mendakwa anda bermazhab Syafie, dan Imam Syafie adalah seorang yang sentiasa berlapang dada dengan perbezaan pendapat? Apabila ada orang mempunyai pendapat yang berbeza daripada anda, walaupun dalam masalah fiqh dan bukannya dalam masalah akidah, maka anda terus menuduh orang itu menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, walaupun terbukti bahawa ramai ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berpendapat seperti orang itu. Anda bukan sekadar tidak boleh menerima perbezaan pendapat, tetapi anda menggunakan kuasa yang ada pada anda untuk “menghukum” orang yang berbeza pendapat dengan anda. Subhanallah! Beginikah ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang anda pegang?

Kami juga ingin memaklumkan kepada JFNJ bahawa, walaupun Hizbut Tahrir berpandangan boleh berjabat tangan lelaki dan wanita tanpa disertai syahwat, namun kami tidak pernah melihat mana-mana anggota kami yang berjabat tangan dengan lelaki ajnabi atau wanita ajnabiah, tidak sebagaimana ahli-ahli politik dalam sistem demokrasi pada hari ini yang sering bersalaman dengan non-mahram di majlis-majlis terbuka! Malah apa yang kami perhatikan ialah para anggota kami sangat menjaga *iffah* (kemuliaan diri) baik sesama kami mahu pun dalam pergaulan mereka dengan masyarakat.

Dalam setiap aktiviti Hizbut Tahrir, baik dalam kelas-kelas pengajian mahu pun aktiviti umum di lapangan, kaum lelaki berada dalam kedudukan terpisah dengan kaum wanita. Kami sentiasa berusaha agar tidak berlakunya *ikhtilat* (percampuran) antara lelaki dan wanita dalam setiap aktiviti kami. Ini kerana *ikhtilat* itu diharamkan oleh Islam. Jika JFNJ mempunyai mata dan mata hati, JFNJ sudah pasti dapat menyaksikan berapa banyak demonstrasi aman yang kami lakukan

di lapangan, yang mana kaum lelaki dan wanita kami berada dalam kedudukan terpisah di sepanjang demonstrasi. Begitu juga dengan seminar, forum dan apa jua program seumpama itu yang dihadiri oleh lelaki dan wanita, Hizbut Tahrir akan mengasingkan tempat duduk lelaki dan wanita sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam. Hanya mereka yang buta mata hatinya sahaja yang tidak nampak semua ini!

Jika JFNJ membaca kitab kami sampai habis, nescaya JFNJ akan menjumpai bab 'Pengaturan Hubungan Lelaki dan Wanita' (dalam kitab an-Nidzam al-Ijtima'i fi al-Islam) di mana Hizbut Tahrir memberikan beberapa butiran bagaimana Islam mengatur hubungan antara lelaki dan wanita. Berikut kami ringkaskan butirannya untuk perhatian JFNJ dan siapa sahaja yang membaca jawapan ini:

1. Islam telah memerintahkan kepada manusia, baik lelaki mahu pun wanita, untuk menundukkan pandangan [lihat an-Nur (24): 30-31].
2. Islam memerintahkan kepada kaum wanita untuk mengenakan pakaian secara sempurna, yakni pakaian yang menutupi seluruh tubuhnya, kecuali wajah dan kedua telapak tangannya. Mereka hendaklah menghulurkan pakaian hingga menutup seluruh tubuh mereka [lihat an-Nur (24): 31 dan al-Ahzab (33): 59].
3. Islam melarang seorang wanita melakukan safar (perjalanan) dari suatu tempat ke tempat lain selama perjalanan sehari semalam, kecuali jika disertai dengan mahram-nya, sesuai dengan hadis Rasulullah (saw) dalam hal ini.
4. Islam melarang lelaki dan wanita untuk berkhawat (berdua-duaan), kecuali jika wanita itu disertai mahram-nya, sesuai dengan hadis Rasulullah (saw) dalam hal ini.
5. Islam melarang wanita untuk keluar dari rumahnya kecuali dengan izin suaminya, kerana suami memiliki hak ke atas isterinya. Maka tidak dibenarkan seorang isteri keluar dari rumah suaminya kecuali atas izin suaminya. Jika seorang isteri keluar tanpa seizin suaminya, maka perbuatannya termasuk dalam kemaksiatan, dan dia dianggap telah berbuat *nusyuz* (derhaka) sehingga tidak berhak mendapatkan nafkah dari suaminya.
6. Islam sangat menjaga agar dalam kehidupan khusus, komuniti wanita terpisah dari komuniti lelaki; begitu juga di dalam masjid, di sekolah, dan lain-lain. Ertinya, Islam telah menetapkan bahawa wanita hendaknya hidup di tengah-tengah kaum wanita, sedangkan lelaki hendaknya hidup di tengah-tengah kaum lelaki. Islam juga telah menetapkan bahawa *shaf* (barisan) shalat kaum wanita berada di bahagian belakang *shaf* shalat kaum lelaki. Islam juga mendorong wanita agar tidak berdesak-desakan dengan lelaki di jalan dan di pasar. Islam pun menetapkan bahawa kehidupan para wanita hanya bersama dengan para wanita atau mahram-mahram mereka. Seorang wanita dapat melakukan aktiviti yang bersifat umum seperti jual-beli dan sebagainya, dengan syarat begitu ia

selesai melakukan aktivitinya, hendaknya ia segera kembali hidup bersama kaum wanita atau mahram-mahramnya.

7. Islam sangat menjaga agar hubungan kerjasama antara lelaki dan wanita hendaknya bersifat umum dalam urusan-urusan muamalat; bukan hubungan yang bersifat khusus seperti saling mengunjungi antara wanita dengan lelaki yang bukan mahram-nya atau keluar bersama untuk berhibur. Sebab, kerjasama antara kedua-duanya bertujuan agar wanita mendapatkan apa yang menjadi hak-hak dan kemaslahatannya, di samping agar mereka melaksanakan apa yang menjadi kewajipan-kewajipannya.

Dengan hukum-hukum ini, Islam dapat menjaga interaksi antara lelaki dan wanita, sehingga tidak menjadi interaksi yang mengarah pada hubungan lawan jenis atau hubungan yang bersifat seksual. Artinya, interaksi mereka tetap dalam koridor kerjasama semata-mata dalam menggapai berbagai kemaslahatan dan melakukan berbagai macam aktiviti yang dibenarkan syarak. Dengan hukum-hukum inilah, Islam mampu menyelesaikan hubungan-hubungan yang muncul dari adanya sejumlah kepentingan individual, baik lelaki mahupun wanita, ketika masing-masing saling bertemu dan berinteraksi.

Inilah antara penjelasan Hizbut Tahrir tentang bagaimana Islam mengatur interaksi antara lelaki dan wanita, **dan semua ini menjadi pegangan Hizbut Tahrir**. Malangnya semua ini tidak diambil oleh JFNJ untuk diketengahkan, kerana JFNJ lebih berminat untuk mengetengahkan fitnah berbanding menyampaikan kebenaran!

Dalam setiap pembahasannya dalam apa jua isu, Hizbut Tahrir berpegang kepada empat sumber hukum dalam Islam iaitu al-Quran, as-Sunnah, Ijma' as-Sahabat dan Qiyas. Hizbut Tahrir menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai sandaran utama dalam setiap hujah, termasuklah dalam isu kebolehan berjabat tangan antara lelaki dan wanita tanpa disertai syahwat. Dan ternyata ramai ulama yang berpendapat sama dalam hal ini. Jadi, bagaimana mungkin JFNJ boleh menuduh bahawa pendapat seperti ini bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah?

Jika benar JFNJ berpegang bahawa berjabat tangan antara lelaki wanita itu adalah haram, kami tidak akan mempersalahkan, apatah lagi menyesatkan JFNJ dalam hal ini, kerana kami memahami khilaf para ulama dalam hal ini. Tetapi persoalannya, berapa ramai daripada kalangan pemimpin, khususnya pemimpin politik pada hari ini, yang berjabat tangan antara lelaki dan wanita di majlis-majlis terbuka. Di manakah suara JFNJ dalam isu ini?

Kami ingin bertanya anda wahai JFNJ, mana lebih baik di antara mereka yang berpendapat bahawa boleh berjabat tangan antara lelaki dan wanita (tanpa disertai syahwat) berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah, tetapi tidak pernah melakukannya kerana menjaga *wara'*, menjaga *iffah* dan menjaga diri daripada fitnah, berbanding mereka yang kononnya mengharamkan berjabat tangan antara lelaki dan wanita, tetapi sering melakukannya; dan berbanding dengan mereka yang kononnya mengharamkan berjabat tangan, tetapi tidak pernah menegur dan mengkritik, atau "memerangi" pemerintah yang melakukannya di depan mata mereka sendiri!?

- (c) **Fatwa an-Nabhani boleh bercumbuan dengan wanita ajnabiah.**
- (e) **Harus mencium wanita bukan mahram tanpa maksud berzina.**

Kami gabungkan jawapan kami untuk Butiran (c) dan (e) kerana tuduhannya hampir sama.

Untuk Butiran (c), ingin kami tegaskan betapa JFNJ tidak tahu membezakan antara pandangan Hizbut Tahrir dan pandangan an-Nabhani! Pandangan Syeikh Taqiyuddin an-Nabhani (*rahimahullah*) hanya menjadi pandangan Hizbut Tahrir apabila ia *ditabanni* oleh Hizbut Tahrir, baik berupa kitab-kitab karangannya, atau apa jua penulisannya yang *ditabanni* oleh Hizbut Tahrir. Dengan kata lain, tidak semua penulisan an-Nabhani menjadi pendapat atau pegangan Hizbut Tahrir, tetapi hanya yang *ditabanni* sahaja yang akan menjadi pendapat dan pegangan Hizbut Tahrir. Ini dari satu sisi.

Dari sisi lain, kami tidak pernah tahu dan tidak pernah terbaca di mana-mana bahawa an-Nabhani berpandangan atau mengeluarkan fatwa sedemikian. Jika ada sekali pun, ia hanyalah pendapat peribadi an-Nabhani. Kami ulangi, itu pun jika ada!

Kesalahan fatal yang dilakukan oleh JFNJ dalam kedua-dua Butiran di atas ialah tidak memberikan sebarang rujukan! Tanpa rujukan, sememangnya manusia bebas melontarkan apa jua fitnah yang mereka kehendaki, seperti mana yang dilakukan oleh JFNJ ini. Tanpa rujukan, boleh sahaja Hizbut Tahrir dituduh membenarkan zina, membenarkan riba, membenarkan bunuh pemerintah dan membenarkan pelbagai lagi perkara yang tidak pernah disebut oleh Hizbut Tahrir.

Dengan ada rujukan sekali pun, ternyata sudah berapa banyak fitnah yang dilontarkan oleh JFNJ, apatah lagi tanpa sebarang rujukan! Tidak ada rujukan bermaksud tidak ada apa-apa bukti, kecuali semuanya hanyalah tuduhan! **Tidakkah JFNJ mengambil pengajaran daripada al-Quran berkenaan orang yang melontarkan tuduhan ke atas perempuan suci, berzina, maka Allah (swt) memerintahkan mereka untuk mendatangkan saksi (bukti) atas tuduhan mereka. Ini menunjukkan betapa pentingnya bukti jika seseorang itu ingin melontarkan tuduhan ke atas orang lain. Apabila tidak ada bukti, atau gagal dibuktikan, maka si penuduh-lah yang sebenarnya bersalah kerana telah melontarkan satu tuduhan (tanpa bukti).** Nah inilah apa yang dilakukan oleh JFNJ sekarang, yakni melontarkan tuduhan ke atas Hizbut Tahrir (dan ke atas an-Nabhani) tanpa sebarang bukti!

Sesungguhnya apa yang disebut oleh JFNJ dalam kedua-dua Butiran di atas tidak ada nilai walau sebesar sayap nyamuk sekalipun, kerana tidak ada apa-apa rujukan yang diberikan. Atas dasar ini sahaja, kami sudah boleh mengabaikan Butiran ini dan berpindah ke Butiran yang lain. Namun, oleh kerana kami tidak mahu fitnah keji seumpama ini terus berlegar di muka bumi, maka kami jelaskan juga di sini pegangan kami dalam hal ini. Kami ingin tegaskan bahawa tuduhan sebegini sangatlah keji dan hakikatnya, merupakan satu tuduhan yang langsung tidak berasas. Hizbut Tahrir, telah menerangkan dengan sejelas-jelasnya, sehingga anak-anak kecil sekalipun boleh memahami, bahawa perbuatan bercumbuan antara lelaki dan wanita asing ini adalah haram, kerana ia termasuk di dalam perbuatan yang membawa kepada perzinaan. Berikut ialah penjelasan kami dalam kitab *an-Nidzam al-Ijtimaie fi al-Islam*, hal 58.

عن أم عطية قالت: «بايغنا النبي ﷺ فقرأ علينا أن لا يُشركن بالله شيئاً ونهانا عن التباخة، فقبضت امرأة منا يدها» وكانت المبايع بالمصافحة، ومعنى قبضت يدها ردت يدها بعد أن كانت مدتها للمبايعه. فكونها قبضت يدها يعني أنها كانت ستبايع بالمصافحة. ومفهوم «فقبضت امرأة منا يدها» أن غيرها لم تقبض يدها وهذا يعني أن غيرها بايعت بالمصافحة. وأيضاً فإن مفهوم قوله تعالى: ﴿ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ ﴾ بلفظه العام لجميع النساء من حيث أن الملاسة تنقض الوضوء يدل اقتصار الحكم على نقض الوضوء من لمس النساء على أن لمسهن بغير شهوة ليس حراماً فمصافحتهن كذلك ليست حراماً. علاوة على أن يد المرأة ليست بعورة ولا يحرم النظر إليها بغير شهوة فلا تحرم مصافحتها.

وهذا بخلاف القبلة، فقبلة الرجل لامرأة أجنبية يريدتها، وقبلة المرأة لرجل أجنبي تريده هي قبلة محرمة، لأنها من مقدمات الزنا، ومن شأن مثل هذه القبلة أن تكون من مقدمات الزنا عادة، ولو كانت من غير شهوة، ولو لم توصل إلى الزنا، ولو لم يحصل الزنا، لأن قول الرسول ﷺ لما عز لما جاءه طالباً منه أن يطهره لأنه زنى «لعلك قبلت...» أخرجه البخاري من طريق ابن عباس، يدل على أن مثل هذه القبلة هي من مقدمات الزنا، ولأن الآيات والأحاديث التي تحرم الزنا تشمل تحريم جميع مقدماته ولو كانت لمساً، كما يحصل بين الشباب والشابات، فهذه القبلة تكون محرمة، حتى ولو كانت للسلام على قادم من سفر لأن من شأن مثل هذه القبلة بين الشباب والشابات أن تكون من مقدمات الزنا.

Terjemahan:

Ciuman seorang lelaki terhadap wanita asing yang diinginiya dan ciuman seorang wanita terhadap lelaki asing yang diinginiya adalah ciuman yang diharamkan kerana ini termasuk pendahuluan kepada zina. Ciuman seperti ini biasanya memang termasuk dalam pendahuluan zina (tetap haram), meskipun ciuman tersebut berlaku tanpa syahwat dan tidak membawa kepada zina. Ini kerana ketika Ma'iz datang kepada Rasulullah dan meminta agar baginda membersihkannya kerana dia (Ma'iz) telah berzina, baginda bersabda, "Barangkali kamu hanya menciumnya....". Ini menunjukkan bahawa ciuman adalah termasuk pendahuluan zina. Banyak ayat dan hadis yang mengharamkan zina mencakupi pengharaman semua pendahuluannya meskipun hanya rabaan yang berbentuk pendahuluan zina. Sebagai contoh, seorang lelaki yang menginginkan seorang perempuan dan merayunya, atau menciumnya dengan penuh cinta dan

syahwat, atau menariknya kepadanya, atau memeluknya, atau hal-hal yang sejenis dengannya, sebagaimana yang boleh terjadi dalam kalangan orang yang tidak memiliki akhlak dari golongan muda-mudi. Oleh itu, cumbuan atau ciuman seperti ini adalah diharamkan, meskipun hanya untuk menyambut orang yang datang dari jauh kerana keadaan ciuman seperti ini adalah termasuk dari pendahuluan zina.

Inilah pandangan Hizbut Tahrir dalam hal ini dan kami tidak mempunyai pandangan lain selain daripada pandangan ini. Kami juga tidak ada kitab rujukan lain selain daripada kitab ini (*an-Nidzam al-Ijtimaie fi al-Islam*) dalam membincangkan hal ini. Justeru, apa-apa rujukan kepada kitab atau penulisan lain selain daripada kitab ini, oleh mana-mana pihak sekalipun, maka ia adalah terbatal dengan sendirinya.

Kami telah pun menjelaskan dalam jawapan 4.2 (b) betapa Hizbut Tahrir memisahkan kedudukan lelaki dan wanita dalam setiap aktiviti kami, baik dalam kelas pengajian tertutup mahupun aktiviti terbuka, dan betapa kami menjaga agar tidak berlaku *ikhtilat* (percampuran) antara lelaki dan wanita kerana hal ini diharamkan oleh Islam. Jika *ikhtilat* seumpama ini pun dijaga oleh Hizbut Tahrir, bagaimana mungkin JFNJ boleh memfitnah Hizbut Tahrir membenarkan ciuman antara lelaki dan perempuan asing?

Siapa pun yang pernah belajar dengan Hizbut Tahrir akan mengetahui bahawa tidak pernah ada ajaran dalam Hizbut Tahrir yang membolehkan ciuman antara lelaki dan wanita asing. Apa yang ada ialah Hizbut Tahrir menjelaskan akan keharamannya.

Sungguh betapa dustanya JFNJ dengan fitnah keji yang direka-reka seperti ini! Dengan sejeles ini pandangan Hizbut Tahrir yang telah lama disebut dalam kitab *mutabannat* kami, JFNJ masih sanggup untuk menabur fitnah sekeji ini ke atas Hizbut Tahrir? *La haula wa la quwwata illa billah..itthaqullah..itthaqullah* wahai JFNJ!

(d) Harus menonton filem lucah.

Butiran ini sama seperti Butiran (c) dan (e) di mana tiada rujukan yang diberikan oleh JFNJ! Apabila tidak dikemukakan rujukan (bukti), maka apa yang disebut ini dengan sendirinya adalah sebuah fitnah dan sebuah cerita yang direka-reka yang sebenarnya tidak perlu kami jelaskan lagi pendustaannya. Jika pun JFNJ ingin mencari bukti selepas ini, maka insya Allah sampai kiamat pun JFNJ tidak akan menjumpainya, kerana Hizbut Tahrir tidak pernah mempunyai pandangan kotor seperti yang didakwa!

Namun demikian, dalam rangka menerangkan kebenaran, dan dengan harapan masih ada keikhlasan yang tersisa dalam diri mana-mana anggota JFNJ untuk mengetahui apa pandangan Hizbut Tahrir dalam hal ini, maka kami tetap akan menjawab fitnah keji ini.

Kami merasa sungguh aneh dan ajaib dengan fitnah seumpama ini yang datangnya dari sebuah badan yang dipenuhi oleh mereka yang sepatutnya profesional, intelektual, alim, faqih, *tawadhu'* dan takutkan Allah (swt). Namun apa yang terjadi adalah sebaliknya. Badan ini langsung tidak mempamerkan sikap seperti itu!

Seandainya wujud sekelumit ketakutan pada diri JFNJ terhadap Allah Azza wa Jalla, nescaya anda akan memeriksa dan *bertabayyun* terlebih dahulu apakah benar Hizbut Tahrir membenarkan menonton filem lucah; dan sekiranya anda membuat sedikit penelitian atau carian, nescaya anda akan menjumpai jawapannya, bahawa Hizbut Tahrir mengharamkan menonton filem lucah.

Jika pun anda tidak menjumpai jawapannya di laman sesawang Hizbut Tahrir atau dalam kitab-kitab Hizbut Tahrir, atau nasyrah keluaran Hizbut Tahrir, boleh sahaja anda menghubungi Hizbut Tahrir, untuk mendapatkan jawapannya. Dengan bahasa mudah, boleh sahaja anda melakukan *tabayyun* (malah wajib untuk anda melakukan *tabayyun*) jika ingin mengetahui kebenarannya; dan nescaya anda akan menjumpai jawapan yang dicari. Namun malangnya, anda langsung tidak melakukan *tabayyun*, malah tidak mahu melakukan *tabayyun*, kerana amat jelas apa yang anda mahukan ialah menabur fitnah dan mengada-adakan pembohongan ke atas Hizbut Tahrir!

Amir Hizbut Tahrir, Syeikh Atha' Abu ar-Rasytah telah menjawab persoalan ini secara khusus seawal tahun 2006 dan diulang jawab pada tahun 2013 atas soalan yang hampir sama oleh penyoal yang berlainan. Secara ringkasnya, Amir Hizbut Tahrir menegaskan keharaman menonton filem lucah kerana ia merupakan muqaddimah (pendahuluan) kepada zina. Di bawah ini kami paparkan soal-jawab penuh yang berkenaan, bertarikh 10/10/2006, yang boleh diakses di pautan berikut:

<http://archive.hizb-ut-tahrir.info/arabic/index.php/HTAmeer/QAsingle/1543/>

ثالثاً: هل يجوز دخول السينما لمشاهدة الأفلام العادية؟ ثم هل يجوز مشاهدة الأفلام المثيرة الإباحية علماً بأنها مشاهدة صور وليست أجساماً حقيقية؟ وما هو التصرف الواجب تجاه المسلم الذي يدخلها: هل تأمره ونهيه، أو تركه وشأنه؟

الجواب: يجوز دخول السينما لمشاهدة الأفلام الجادة النافعة، بشرط أن تكون صفوف النساء في القاعة مفصولة عن صفوف الرجال. فهي مثل حضور محاضرة أو ندوة، فذلك جائز بشرط انفصال صفوف الرجال عن النساء.

لكن هذا الجائز بالشروط المذكورة، الأولى تركه خشية وقوع العين على بعض عورات النساء المحاضرات في القاعة، وخشية سماع الأذن لأصوات غير مستقيمة من المشاهدين في القاعة.

أما مشاهدة الأفلام المثيرة الإباحية فلا يجوز حتى وإن كانت صوراً وليست أجساماً حقيقية، وذلك لأن القاعدة الشرعية في هذا الباب هي (الوسيلة إلى الحرام حرام) ولا يشترط في هذه القاعدة أن تؤدي الوسيلة إلى الحرام قطعاً بل غلبة الظن تكفي.

وهذه الأفلام تقود غالباً من يحضرها إلى الحرام، ولذلك فإن القاعدة تنطبق عليها. ولذلك فلا يجوز حضورها ولا اقتناؤها.

أما ماذا يتصرف شباب الحزب تجاه المسلمين الذين يحضرون تلك الأفلام، فإن غالب من يحضرون هذه الأفلام هم من سقط المتاع الذين لا ينفع معهم أمر أو نهي إلا من رحم ربك، ومع ذلك فإن وجد الشباب أسلوباً قوياً رادعاً حكيماً فليأتوه، ولعل السائل يقصد بعض أقاربه ممن يجزئه أن يراهم في هذا السلوك السقيم، فيحب أن يبعدهم عن ذلك، فإن كان الأمر هكذا، فليأمرهم ونهيهم ويتخير الأسلوب المناسب لعل الله يهديهم، ويكون له بذلك أجر بإذن الله.

والمسلمون اليوم يحيط بهم المآسي من كل جانب بسبب غياب خلافتهم، والجدير بالمسلم أن لا يكون في وقته متمسح حتى للهو المباح فكيف إذا قضاه في اللهو المحرم والعباد بالله؟ إن الواجب عليكم، أيها الإخوة، أن توجهوا المسلمين بقوة، ولكن بحكمة، إلى أن يملأوا وقتهم بفعل الخيرات، والجد والاجتهاد في العمل لإعادة الخلافة، وإنقاذ الأمة من هذه المآسي.

Terjemahan:

Soalan:

Bolehkah masuk ke pawagam untuk menonton filem biasa? Kemudian adakah dibenarkan menonton filem lucah dengan anggapan bahawa mereka melihat gambar dan bukan melihat objek (orang) yang sebenar?

Jawapan:

Adalah dibenarkan memasuki pawagam untuk melihat filem-filem yang serius dan bermanfaat, dengan syarat barisan wanita di dalam dewan dipisahkan daripada barisan lelaki. Ia seperti menghadiri syarahan atau seminar, kerana ini dibenarkan, dengan syarat lelaki dipisahkan daripada wanita.

Tetapi ini dibenarkan mengikut syarat-syarat yang disebutkan, yang pertama adalah bahawa dia akan meninggalkannya apabila khawatir bahawa mata akan terlihat aurat wanita yang hadir di dewan, atau khawatir telinga akan terdengar suara yang kurang elok dari penonton di dewan.

Bagi menonton filem lucah, ia tidak dibolehkan (haram) walaupun ia adalah gambar (filem) dan bukan objek sebenar, kerana kaedah syarak dalam perkara ini adalah al-wasilah ila al-haram haram (perkara yang membawa kepada keharaman adalah haram) dan tidak disyaratkan di dalam kaedah ini bahawa perkara tersebut mesti membawa kepada keharaman secara qath'ie (pasti), tetapi secara dzan (dugaan kuat) sudah mencukupi.

Filem-filem ini secara ghalibnya membawa orang-orang yang menontonnya ke arah perkara yang diharamkan, jadi kaedah ini terpakai ke atasnya. Oleh itu, tidak diperbolehkan (haram) menghadiri (menonton) atau mendapatkannya.

Itulah sebahagian daripada terjemahannya yang kami kira sudah mencukupi untuk menjawab hukum menonton filem lucah, dan untuk selebihnya kami yakin JFNJ boleh menterjemahkannya sendiri. Daripada soal-jawab Amir Hizbut Tahrir ini, yang dijawab atas kapasitinya sebagai Amir Hizbut Tahrir, dan dimuat naik di laman sesawang atas nama Amir Hizbut Tahrir, ia merupakan pendapat Hizbut Tahrir, dan sungguh jelas di sini bahawa hukum menonton filem lucah adalah haram! Inilah pendapat Hizbut Tahrir mengenainya, dan kami tidak punya pendapat lain lagi selain pendapat ini.

Pada tahun 2013, seorang penanya mengirim soalan yang hampir sama kepada Amir Hizbut Tahrir, dan sekali lagi Amir Hizbut Tahrir menjawabnya. Soal-jawab ini terdapat dalam laman sesawang al-Maktab al-lamiy al-Markazy (Pejabat Media Pusat) Hizbut Tahrir dan boleh diakses di pautan berikut:

<http://www.hizb-ut-tahrir.info/ar/index.php/ameer-hizb/ameer-cmo-site/19189.html>

<p style="text-align: center;">وهذه الأفلام تعود غالباً من يحضرها إلى الحرام، ولذلك فإن القاعدة تنطبق عليها.</p> <p style="text-align: center;">ولذلك فلا يجوز حضورها ولا اقتنائها.</p> <p>أما ماذا يتصرف شباب الحزب تجاه المسلمين الذين يحضرون تلك الأفلام، فإن غالب من يحضرون هذه الأفلام هم من سبط المتاع الذين لا يفتح معهم أمر أو نهي إلا من رحم ربك، ومع ذلك فإن وجد الشباب أسلوباً قوياً رادعاً حكيماً فليأتوه، ولعل المسائل يقصد بعض الأقران ممن يحزنه أن يزلهم في هذا السلوك المقيم، فيجب أن يبعدهم عن ذلك، فإن كان الأمر هكذا، فليأمرهم وينهاهم ويختار الأسلوب المناسب لعل الله يهديهم، ويكون له بذلك أجر ياتن الله.</p> <p>والمسلمون اليوم تحيط بهم العاصي من كل جانب بسبب غياب خلافتهم، والجدير بالمسلم أن لا يكون في وقته مشغ حتى للهو المباح فكيف إذا فضاه في اللهو المحرم والعياد بالله؟ إن الواجب عليكم، أيها الإخوة، أن توجهوا المسلمين بقوة، ولكن بحكمة، إلى أن يعلاؤا وقتهم بفعل الخيرات، والجد والاجتهاد في العمل لإعادة الخلافة، ولتقاذ الأمة من هذه العاصي انتهى</p> <p>أما الذين يظفون، نعم ليسوا طلاب حق، وإلا لاستنوا إلى كتبنا ولمواقفنا الرسمية، وعندها سيدعون صفاء لم يعهده عندهم، ونقائاً لا يجدونه إلا عند أحباب الله الذين يتطلعون إلى الآخرة فوق ما يتطلعون إلى الدنيا...</p> <p>إن أولئك الذين يظفون يستندون لكتابات من غيرنا وكأنهم لا يدركون الإثم العظيم المترتب على الافتراء (إن الذين يفترون على الله الكذب لا يفلحون).</p> <p style="text-align: center;">أخوكم عطاء بن خليل أبو الرشته</p>	<p style="text-align: center;">ameer-cmo-site/19189.html</p> <p style="text-align: center;">بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ</p> <p style="text-align: center;">(سلسلة أجوبة العالم الجليل عطاء بن خليل أبو الرشته أمير حزب التحرير على أسئلة رواد صفحته على الفيسبوك)</p> <p style="text-align: center;">جواب سؤال: حول مشاهدة الأفلام الإباحية والظعن في حزب التحرير</p> <p style="text-align: center;">إلى Omar Daragme</p> <p style="text-align: right;">السؤال:</p> <p>السلام عليكم ورحمة الله وبركاته يا شيخنا.</p> <p>أتمنى منكم يا شيخنا أن ترد على كل من يطعن في حزب التحرير بأمور كثيرة وأكثرها تداولاً مشاهدة الأفلام الإباحية؟</p> <p style="text-align: right;">الجواب:</p> <p>وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته.</p> <p>موضوع الأفلام الإباحية... إن رأينا واضح فيه، وقد صدر جواب سؤال صريح لا يحتمل لبساً في المسألة، وهو مسطور في موقعنا الرسمية وقد جاء فيه:</p> <p>(...أما مشاهدة الأفلام المثيرة الإباحية فلا تجوز حتى وإن كانت صوراً وليست أجساماً حقيقية، وذلك لأن القاعدة الشرعية في هذا الباب هي "الوسيلة إلى الحرام حرام" ولا يشترط في هذه القاعدة أن تؤدي الوسيلة إلى الحرام قطعاً بل غلبة الظن تكفي.</p>
--	---

Terjemahan:

Soalan

Saya harap anda, wahai syeikh kami, boleh memberi respons kepada mereka yang memfitnah Hizbut Tahrir dalam banyak isu, antaranya yang sering berlegar ialah isu menonton filem lucah.

Jawapan

Berkenaan isu menonton filem lucah, pendapat kami dalam perkara itu amat jelas di mana kami telah pun mengeluarkan jawapan yang jelas dan ia terdapat di laman rasmi kami. Jawapannya adalah seperti berikut:

“Berkenaan isu menonton filem lucah, ia tidak dibolehkan (haram) walaupun ia adalah gambar (filem) dan bukan objek sebenar, kerana kaedah syarak dalam perkara ini adalah al-wasilah ila al-haram haram (perkara yang membawa kepada keharaman adalah haram) dan tidak disyaratkan di dalam kaedah ini bahawa perkara tersebut mesti membawa kepada keharaman secara qathie (pasti), tetapi secara dzann (dugaan kuat) sudah mencukupi.”

Filem-filem ini secara ghalibnya membawa orang-orang yang menontonnya ke arah perkara yang diharamkan, jadi kaedah ini terpakai ke atasnya. Oleh itu, tidak diperbolehkan (haram) menghadiri (menonton) atau mendapatkannya.

Berkenaan dengan cara bagaimana para syabab Hizbut Tahrir seharusnya mengambil sikap terhadap Muslim yang menonton filem ini: Sungguh mendukacitakan bahawa mereka yang menonton filem seperti ini sebenarnya telah jatuh ke dalam godaan nafsu keinginannya. Oleh itu, mengajak mereka kepada kebaikan dan mencegah mereka daripada kemungkaran sudah tidak berhasil, kecuali bagi siapa yang Allah merahmatinya. Bagaimana pun, para syabab hendaklah menggunakan cara yang teguh, yang boleh mencegah dan bijaksana. Mungkin sahaja saudara yang mengemukakan soalan ini mengambil berat tentang orang-orang yang dekat dengannya yang telah terjerumus kepada menonton filem ini. Jika demikian, dia hendaklah mengajak saudaranya itu kepada kebaikan dan mencegahnya dari kemungkaran, dan hendaklah menggunakan cara yang sesuai, semoga Allah menunjukinya, dan Allah memberinya ganjaran atas usahanya itu.

Hari ini, kaum Muslimin dibelenggu oleh pelbagai malapetaka akibat ketiadaan Khilafah. Sehubungan itu, tidak seyogianya bagi seseorang Muslim untuk menghabiskan masanya dengan rekreasi walaupun hal itu dibolehkan, apatah lagi jika dihabiskan untuk melakukan perkara yang haram. Menjadi kewajipan bagi kalian wahai saudaraku, untuk menghadapi kaum Muslimin (yang melakukan keharaman) dengan teguh tetapi bijaksana, agar mereka mengisi masa dengan kerja-kerja yang baik dan kerja-kerja yang serius ke arah menegakkan semula Khilafah agar dapat menyelamatkan umat ini daripada segala malapetaka.

Berkenaan si pemfitnah, mereka tidak termasuk ke dalam golongan yang mencari kebenaran. Ini kerana, jika mereka ingin mencari kebenaran, mereka akan merujuk kepada kitab kami dan laman sesawang rasmi kami di mana di situ mereka akan menjumpai kebenarannya. Mereka itu

jauh daripada kesucian, yang mana kesucian itu tidak akan dijumpai kecuali pada orang-orang yang mencintai Allah dan ia lebih banyak mengharap akhirat berbanding dunia.

Mereka yang memfitnah itu telah merujuk kepada kitab selain kitab kami, seolah-olah mereka tidak tahu betapa besarnya dosa fitnah yang telah mereka lakukan itu. Firman Allah (swt):

إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَنُونَ عُثَىٰ اللَّهُ الْأَكْذِبَ لَا يُغْنِي عَنْهُمْ

“Katakanlah: ‘Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan kebohongan terhadap Allah tidak akan beruntung’” [Yunus (10): 69].

Wahai JFNJ! Jika anda masih memiliki penglihatan, lihatlah betapa jelasnya jawapan Amir Hizbut Tahrir yang mengharamkan menonton filem lucah. Bukan sekadar itu, malah Amir Hizbut Tahrir meminta para syabab (pemuda-pemuda) Hizbut Tahrir agar melakukan amar makruf nahi mungkar kepada mereka yang suka menonton filem lucah. Lebih daripada itu, Amir Hizbut Tahrir menasihatkan para syabab Hizbut Tahrir secara khusus dan kepada umat Islam secara umumnya, agar tidak menghabiskan masa pun pada perkara-perkara yang mubah (harus) seperti rekreasi, kerana kita sekarang mempunyai kewajipan berat yang perlu dilaksanakan iaitu menegakkan kembali Khilafah.

Jika sebegini jelas jawapan Amir Hizbut Tahrir, apa lagi yang anda cari wahai JFNJ!? Benarlah kata Amir Hizbut Tahrir bahawa si pemfitnah ini seolah-olah tidak tahu betapa besarnya dosa yang mereka pikul kerana fitnah yang mereka lontarkan! Bertakwalah anda kepada Allah wahai JFNJ jika anda masih memiliki sisa-sisa ketakutan kepada Allah!

Untuk makluman anda wahai JFNJ, Hizbut Tahrir Malaysia (HTM) juga telah memberikan jawapan kepada hukum menonton filem lucah melalui nasyrah rasmi kami iaitu Sautun Nahdhah (SN254) yang diterbitkan pada 25/03/2011, di mana kami telah memetik pandangan Amir Hizbut Tahrir dan menjelaskan keharamannya. Ia boleh diakses di pautan berikut:

<https://mykhilafah.com/sn254-video-lucah-politik-sekular-sememangnya-menijikkan/>

mykhilafah.com/sn254-video-lucah-politik-sekular-sememangnya-menjijikkan/ Your microphone is being shared

HIZBUT TAHRIR MALAYSIA KHILAFAH HIZBUT TAHRIR BERITA ARTIKEL MUSLIMAH AKTIVITI

Hukum Menonton Filem Porno

Sesungguhnya pendedahan video ini telah menjadi satu lagi bukti betapa jijiknya politik sekular yang diamalkan pada hari ini. Sebelum kita berbincang lebih lanjut tentang persoalan video lucah ini yang cuba dijadikan 'bukti' untuk menuduh seseorang dengan kesalahan zina, kita perlu merungkai terlebih dulu apakah hukum Islam tentang menonton video lucah. Menurut Syeikh Atha' Abu Rasyah, **hukum menonton filem porno atau apa jua bentuk filem lucah adalah haram**, meskipun yang ditonton itu hanya dalam bentuk imej dan bukannya orang yang sebenar. Dalil keharamannya adalah berdasarkan kaidah fiqh 'al-wasilah ila al-haram, haram' (jalan/sarana yang boleh membawa kepada keharaman, hukumnya adalah haram). Menurut beliau, pemakaian kaedah ini tidak mensyaratkan bahawa sarana itu mesti mengakibatkan (menghasilkan) keharaman secara qath'ie (pasti), tetapi cukup sekadar adanya ghalabat az-dzan (dugaan kuat) bahawa sarana itu akan mengakibatkan keharaman. Pada umumnya, filem porno akan mendorong penontonnya melakukan keharaman (kerana ia boleh membangkitkan rangsangan seksual) sehingga boleh terjadinya keharaman yang lain (seperti muqaddimah zina dan perzinaan itu sendiri). Oleh itu, kaedah fiqh tersebut dapat diaplikasikan dalam keadaan ini yang menjadikan hukum menonton filem porno adalah haram [Ajwibah As'ilah, 10/10/2006].

Kami ulangi, jika JFNJ ikhlas dan berusaha untuk mencari jawapan sebelum JFNJ mengeluarkan fatwa fitnah ini, nescaya JFNJ akan menjumpai jawapan Hizbut Tahrir dalam isu ini, kerana jawapannya sudah lama terdapat dalam laman sesawang rasmi Hizbut Tahrir. Sebagaimana yang kami maklumkan di atas, Amir Hizbut Tahrir sudah menjawab persoalan ini seawal tahun 2006, dan kemudian diulang lagi dalam soaljawab pada tahun 2013. Malah Hizbut Tahrir Malaysia (HTM) sendiri sudah menjawab persoalan ini dalam nasyrah rasmi HTM, Sautun Nahdhah pada tahun 2011.

Jika benar JFNJ ingin memerangi fahaman ini yang JFNJ dakwa sebagai fahaman Hizbut Tahrir, maka kami katakan "Ini bukan fahaman Hizbut Tahrir, dan silakan perangnya habis-habisan, kerana kami juga memerangi fahaman haram seumpama ini!"

Persoalannya, kami tidak nampak dan tidak mendengar pun suara JFNJ ketika banyak skandal seks tanahair yang dikaitkan dengan ahli-ahli politik di negara ini. Isunya di sini bukanlah skandal seks itu sendiri, tetapi video lucah yang tersebar mengenainya yang boleh diakses dengan mudah oleh sesiapa sahaja. Kenapa JFNJ diam dengan gambar dan video lucah yang berlegar? Setidaknya kami mengharapkan JFNJ melakukan protes atau membuat laporan polis agar polis menyiasat dan menangkap dalang yang menyebarkan video lucah tersebut. Kenapa tidak ada langsung suara dari JFNJ mahupun dari pihak berkuasa agama Johor lainnya dalam isu video lucah yang tersebar ini? Sepatutnya dengan kegarangan dan kelantangan pihak berkuasa agama Johor dalam isu ini, apabila munculnya gambar dan video lucah dalam politik tanahair, merekalah yang menjadi barisan hadapan dalam menghalang penyebarannya!

Kami juga tidak melihat pun peranan yang dimainkan oleh JFNJ terhadap video-video lucah yang boleh diakses dengan mudah di internet sekarang ini. Setidaknya kami ingin melihat gesaan berterusan JFNJ kepada pihak kerajaan, khususnya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) agar menyekat terus laman sesawang yang menyiarkan video-video lucah yang merosakkan umat Islam selama ini.

4.3 Fahaman yang meragukan dari sudut politik antaranya:

(a) Ketaksuban menegakkan Khilafah.

Secara umumnya kami ingin katakan bahawa fatwa yang terdapat dalam Butiran 4.3 ini menunjukkan kegagalan JFNJ memahami perbezaan di antara persoalan akidah dan hukum syarak. Tuduhan (fatwa) ke atas Hizbut Tahrir ialah bercanggah atau bertentangan dengan **akidah** Ahli Sunnah Wal Jamaah, namun apa yang dibangkitkan oleh JFNJ dalam Butiran 4.3 ini semuanya merupakan persoalan **politik**, sebagaimana yang disebut sendiri oleh JFNJ.

Apabila JFNJ menyebut “fahaman yang meragukan dari sudut politik”, persoalannya adalah, adakah fahaman yang meragukan dari sudut politik, secara automatik bermaksud bercanggah dengan akidah? Persoalan lain, dari aspek manakah fahaman itu meragukan, dan siapakah yang ragu-ragu? Sesungguhnya fahaman yang dibawa oleh Hizbut Tahrir amat jelas dan tidak ada yang ragu-ragu sedikit pun. Fahaman kami bukan sahaja jelas, malah jernih dari sebarang kekotoran. Ini kerana, fahaman yang kami bawa adalah berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah. Malah ia merupakan fahaman yang datangnya dari Ijma' as-Sahabat, dan selaras dengan jumbuh ulama Ahlu Sunnah. Fahaman yang jelas lagi jernih inilah yang kami sampaikan kepada masyarakat. Siapa pun yang membaca dan mengetahui pandangan Hizbut Tahrir dalam persoalan politik, tidak pernah menyatakan keraguan mereka tentangnya. Segalanya adalah jelas sejelas matahari di siang hari.

Justeru, kami tidak mahu berlapik untuk menyatakan di sini bahawa pihak yang ragu-ragu, dan meragu-ragukan umat ialah JFNJ sendiri!

Apa pun, kami tetap akan menjawab Butiran ini bagi menghilangkan segala keraguan mereka yang masih ragu-ragu. Berikut ialah jawapan kami:

Sebelum menjawab tuduhan yang dibangkitkan, terlebih dahulu kami ingin bertanya dan sekali gus ingin memperjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan taksub? Jika yang dimaksudkan dengan taksub itu ialah tegar atau kuat pegangannya, maka kami akui dan kami benarkan apa yang JFNJ maksudkan. Ya, kami berpegang kuat dan tegar dalam usaha kami untuk menegakkan Khilafah kerana ia merupakan sebuah kewajipan. Malah setiap Muslim, termasuk JFNJ sendiri, sepatutnya taksub dalam menegakkan Khilafah. Ini kerana, kewajipan melantik seorang Khalifah bukan sahaja datangnya dari Allah (swt) dan Rasul-Nya, malah ia merupakan kesepakatan para Sabahat, kesepakatan para Imam Mazhab dan para ulama, termasuk ulama Ahli Sunnah sendiri.

Namun, jika yang dimaksudkan dengan taksub itu ialah berlebih-lebihan atau melampaui batas sehingga membawa kepada keharaman, maka kami sanggah sekeras-kerasnya apa yang dimaksudkan oleh JFNJ.

Sesungguhnya kewajipan menegakkan Khilafah itu sudah amat jelas berdasarkan al-Quran, al-Hadis dan Ijma' as-Sahabat. Malah boleh dikatakan kesemua ulama Ahlu Sunnah mewajibkannya dan mereka tidak pernah berselisih pendapat mengenai kewajibannya. Penerangan kami

mengenai kewajiban menegakkan Khilafah ini cukup banyak dan cukup mudah untuk diakses. Bagaimana pun, sebagai jalan ringkas, JFNJ boleh merujuk kepada jawapan kami pada Butiran 4.3 (e) dan 4.4 (d).

Jika JFNJ tidak setuju dengan pandangan Hizbut Tahrir dalam bab ini (kewajipan menegakkan Khilafah), maka JFNJ seharusnya mencari dalil dalam al-Quran, as-Sunnah dan Ijma' as-Sahabat yang mengharamkan penegakan Khilafah! JFNJ juga seharusnya mengemukakan pandangan para ulama yang mengharamkan umat Islam melantik seorang Khalifah!

Hizbut Tahrir tidak pernah jemu dan tidak pernah putus asa menjelaskan dan mengingatkan umat Islam bahawa menegakkan Khilafah adalah sebuah kewajipan. Peristiwa penting yang mengangkat seorang Khalifah boleh dilihat dalam kesepakatan (ijma') para sahabat yang berusaha untuk melantik seorang Khalifah setelah wafatnya Rasulullah (saw). Di saat kewafatan baginda (saw), ada banyak perkara yang sangat mendesak untuk diselesaikan segera oleh kaum Muslimin iaitu:

1. Pengurusan jenazah baginda (saw);
2. Pasukan Usamah yang dihantar oleh Rasulullah (saw) sebelum baginda wafat, apakah perlu diteruskan atau tidak?;
3. Tindakan ke atas beberapa suku yang murtad? Ini kerana kebanyakan mereka masuk Islam bukan kerana keimanan, tetapi kerana faktor lain. Lalu ketika Rasulullah (saw) wafat, mereka terus murtad;
4. Siapa yang akan menjadi pemimpin umat Islam, menggantikan Rasulullah (saw)?

Empat hal di atas merupakan antara perkara mendesak yang perlu diselesaikan segera oleh kaum Muslimin pada waktu itu. Persoalannya, perkara manakah yang perlu didahulukan untuk diselesaikan?

Apakah masalah jihad pasukan Usamah yang mesti didahulukan kerana jihad adalah puncak ajaran Islam? Tetapi masalahnya, siapakah yang akan memutuskan perkara itu?

Apakah masalah orang-orang murtad harus diselesaikan terlebih dahulu? Sebab, ini adalah masalah akidah, yakni sesuatu yang paling asas dalam Islam yang menentukan keimanan dan kekufuran seseorang. Tetapi, masalahnya, siapakah yang akan memutuskan?

Apakah mengurus jenazah Nabi (saw) perlu dilakukan terlebih dahulu? Sebab menguruskan jenazah merupakan fardhu dan perlu disegerakan, apatah lagi jenazah yang ingin diuruskan itu ialah jenazah Rasulullah (saw) sendiri, jenazah manusia yang paling mulia di muka bumi.

Daripada banyak masalah yang mendesak itu, ternyata yang dipilih oleh para sahabat untuk diselesaikan terlebih dahulu ialah masalah mengangkat seorang Khalifah sebagai pengganti Rasulullah (saw), yakni masalah kepemimpinan ke atas seluruh umat Islam.

Para sahabat berkumpul di Tsaqifah Bani Sa'idah untuk membicarakan siapakah yang akan menggantikan Rasulullah (saw) sebagai pemimpin umat Islam, dan yang akan membuat

keputusan dalam seluruh perkara. Setelah bermesyuarat dan berdiskusi panjang lebar dengan penuh keseriusan yang mengambil masa selama 3 hari, maka akhirnya para sahabat memilih Abu Bakar (ra) sebagai Khalifah yang akan memimpin seluruh umat Islam. Setelah pelantikan Abu Bakar (ra), barulah jenazah Rasulullah (saw) diuruskan sehingga sempurna, setelah tertangguh sehingga memasuki hari ketiga kewafatan baginda. Setelah terlantiknya Abu Bakar (ra) sebagai Khalifah, kemudian satu demi satu masalah diselesaikan berdasarkan keputusan seorang Khalifah.

Perkara ini (pelantikan Khalifah) tidak akan berlaku lebih dulu sekiranya pelantikan Khalifah itu tidak penting. Namun ternyata para sahabat mendahulukan pengangkatan seorang Khalifah berbanding menguruskan jenazah Rasulullah (saw). Padahal boleh sahaja sebahagian sahabat menguruskan jenazah Rasulullah (saw) sementara sebahagian yang lain membincangkan tentang pelantikan Khalifah. Namun, hakikatnya tidak demikian. Semua sahabat sepakat (ijma') bahawa menguruskan pelantikan Khalifah lebih utama berbanding menguruskan jenazah Rasulullah (saw) dan berbanding menguruskan perkara-perkara lain. Inilah ijma' as-Sahabat, dan ia merupakan sumber hukum yang ketiga dalam Islam.

Atas dasar itulah, Hizbut Tahrir menegaskan bahawa melantik seorang Khalifah (sekali gus menegakkan Khilafah) merupakan kewajipan yang paling agung, dan tidak boleh melebihi tiga hari dari tarikh kekosongan Khalifah, kerana ia merupakan ijma' as-Sahabat, yang menjadi hukum ke atas kita semua.

Demikian juga apa yang terjadi setelah meninggalnya Abu Bakar (ra), di mana kaum Muslimin terus membaiah Umar al-Khattab (ra) sebagai Khalifah, dan seterusnya membaiah Uthman bin Affan (ra) dan seterusnya membaiah Ali bin Abi Thalib (ra), yang semuanya dilakukan terlebih dahulu sebelum dilakukan perkara-perkara lainnya.

Semasa Umar (ra) merasakan yang ajalnya akan tiba, beliau telah mencalonkan enam orang sahabat untuk dipilih salah seorang daripadanya sebagai Khalifah. Umar (ra) berkata kepada keenam-enam calon tersebut:

تاريخ الطبرك

تاريخ الرسل والملوك

لأبي جعفر محمد بن جرير الطبري

٢٢٤ - ٣١٠ هـ

الجزء الرابع

تحقيق

مجاهد الفضل إبراهيم



دار المغرب للطباعة والنشر

حجرة عائشة ؛ ولكن كذبوا قريباً ، ووضع رأسه وقد ذرّفه الدم .
فدخلوا فتناجوا ، ثم ارتفعت أصواتهم ، فقال عبد الله بن عمر : سبحان
الله ! إن أمير المؤمنين لم يمُتْ بعد ؛ فأسمعته فانتبه فقال : ألا عرضوا عن

هذا أجمعون ؛ فإذا مت فتشاوروا ثلاثة أيام ، وليصل بالناس صهيب ،
ولا يأتين اليوم الرابع إلا وعليكم أمير منكم ؛ ويحضر عبد الله بن عمر مشيراً ،

ولا شيء له من الأمر ؛ وطلحة شريككم في الأمر ؛ فإن قدم في الأيام الثلاثة
فأحضره أمركم ؛ وإن مضت الأيام الثلاثة قبل قدومه فاقضوا أمركم ،
ومن لي بطلحة ؟ فقال سعد بن أبي وقاص : أنا لك به ؛ ولا يخالف إن شاء الله .
فقال عمر : أرجو ألا يخالف إن شاء الله ؛ وما أظن أن يلي إلا أحد هذين
الرجلين : عليّ أو عثمان ؛ فإن ولي عثمان فرجل فيه لين ، وإن ولي عليّ ففيه
دُعابة ، وأحتر به أن يحملهم على طريق الحق ؛ وإن تولوا سعداً فأهلها هو ؛
وإلا فليستمن به الولي ، فإني لم أعزله عن خيانه ولا ضعف ؛ ونعم ذو الرأي
عبد الرحمن بن عوف ؛ مسدد رشيد ، له من الله حافظ ، فاسمعوا منه .

وقال لأبي طلحة الأنصاري : يا أبا طلحة ، إن الله عز وجل طلالاً أعز
الإسلام بكم ، فاختار خمسين رجلاً من الأنصار ؛ فاستحيث هؤلاء الرهط
حتى يختاروا رجلاً منهم . وقال للمقداد بن الأسود : إذا وضعتوني في حفرتي

فاجمع هؤلاء الرهط في بيت حتى يختاروا رجلاً منهم ، وقال لصهيب :
صل بالناس ثلاثة أيام ، وأدخل علياً عثمان والزيبر وسعداً وعبد الرحمن بن

عوف وطلحة إن قدم ؛ وأحضر عبد الله بن عمر ولا شيء له من الأمر ؛ وقم

على رؤوسهم ، فإن اجتمع خمسة ورضوا رجلاً وأبي واحد فاشدخ رأسه - أو
أضرب رأسه بالسيف - وإن اتفق أربعة فرضوا رجلاً منهم وأبي اثنان ، فاضرب

رؤوسهما ، فإن رضى ثلاثة رجلاً منهم وثلاثة رجلاً منهم ، فحكّموا عبد الله
ابن عمر ؛ فأبى الفريقين حكّم له فليختاروا رجلاً منهم ؛ فإن لم يرضوا بحكم

Terjemahan:

“Apabila aku meninggal, bermesyuaratlah kalian selama tiga hari. Hendaknya Shuhaib yang mengimami solat orang ramai sehingga janganlah masuk hari keempat, kecuali kalian wajib sudah memiliki seorang amir (Khalifah)...kemudian Umar (ra) berkata kepada Shuhaib (ra), “Pimpinlah solat orang ramai selama tiga hari...jika lima orang telah bersepakat dan meredhai seorang (untuk menjadi Khalifah), lalu ada seorang yang menolak, maka penggallah leher orang yang menolak itu dengan pedang...” [Tarikh ath-Thabari, Juz 4, hal 229].

Begitulah ketegasan dan “ketaksuban” Umar dalam melantik seorang Khalifah, sehingga beliau memerintahkan agar dibunuh sahabat yang tidak bersetuju selepas berlalunya 3 hari.

Sejak dari pelantikan Abu Bakar (ra) sebagai Khalifah pertama umat Islam, umat Islam tidak pernah kosong dari mempunyai seorang Khalifah. Di sepanjang sejarahnya, umat Islam sentiasa melantik dan mempunyai seorang Khalifah walaupun di saat kelemahan pemerintahan Khilafah Uthmaniah. Umat Islam terus melantik dan memiliki seorang Khalifah sehinggalah runtuhnya Daulah Khilafah pada tahun 1924 di Turki, yang menjadi sejarah hitam ke atas umat Islam hingga kini.

Oleh kerana itulah, ramai ulama yang menegaskan bahawa mengangkat seorang Khalifah adalah kewajipan yang paling utama.

Syeikh Ibnu Hajar al-Haitamiy al-Makkiy dalam kitab *ash-Shawa'iqul Muhriqoh*, Juz 1, hal. 55 mengatakan bahawa mengangkat Khalifah merupakan *ahammu al-wajibat* (kewajipan terpenting):

<p style="text-align: center;">المقدمة الثانية</p> <p style="text-align: center;">المقدمة الثانية</p> <p>اعلم أَيضاً أَنَّ الصَّحَابَةَ - رَضَوَانُ اللَّهِ عَلَيْهِمْ [أَجْمَعِينَ] ^(١) - أَجْمَعُوا عَلَى أَنَّ نَصَبَ الْإِمَامِ بَعْدَ انْقِرَاصِ زَمَنِ النَّبُوَّةِ وَاجِبٌ، بَلْ جَعَلُوهُ أَهَمَّ الْوَاجِبَاتِ حَيْثُ اشْتَعَلُوا بِهِ عَنْ دَفْنِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ، وَانْحِيلاً لَهُمْ فِي التَّعْيِينِ لَا يَفْدَحُ فِي الْإِجْمَاعِ الْمَذْكُورِ، وَلِيْلِكَ الْأَهَمِّيَّةُ لِمَا تُوْفِيَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ قَامَ أَبُو بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ حَاطِبًا - كَمَا سَيَأْتِي - فَقَالَ: أَيُّهَا النَّاسُ، مَنْ كَانَ يَعْْبُدُ مُحَمَّدًا فَإِنَّ مُحَمَّدًا قَدْ مَاتَ، وَمَنْ كَانَ يَعْْبُدُ اللَّهَ فَإِنَّ اللَّهَ حَيٌّ لَا يَمُوتُ [أَبَدًا] ^(٢)، وَلَا بُدَّ لِهَذَا الْأَمْرِ مِنْ ^(٣) يَقُومُ بِهِ، فَانظُرُوا وَهَاتُوا آرَاءَكُمْ، فَقَالُوا: صَدَقْتَ تَنْظُرُ فِيهِ.</p> <p>ثُمَّ ذَلِكَ الْوُجُوبُ عِنْدَنَا مَعْتَرِ أَهْلَ الشُّبَّةِ وَالْجَمَاعَةِ وَعِنْدَ أَكْثَرِ الْمُعْتَرِلَةِ بِالسَّمْعِ أَيْ: مِنْ جِهَةِ التَّوَاتُرِ وَالْإِجْمَاعِ الْمَذْكُورِ، وَقَالَ كَثِيرٌ بِالْمَقْبَلِ، وَوَجْهٌ ذَلِكَ الْوُجُوبِ: أَنَّهُ ﷺ أَمَرَ بِإِقَامَةِ الْحُدُودِ، وَسَدِّ الثُّغُورِ، وَتَسْجِيهِزِ السُّجُوشِ لِلْجِهَادِ، وَحِفْظِ بَيْضَةِ الْإِسْلَامِ ^(٤)، وَمَا لَا يَتِمُّ الْوَاجِبُ [الْمُطْلَقُ] ^(٥) إِلَّا بِهِ وَكَانَ ^(٦) مَقْدُورًا فَهُوَ وَاجِبٌ؛ وَلِأَنَّ فِي نَصْبِهِ جَلْبَ مَنَافِعَ لَا تُحْصَى، وَدَفْعَ مَضَارٍّ لَا تُسْتَقْصَى، وَكُلُّ مَا كَانَ كَذَلِكَ يَكُونُ وَاجِبًا. أَمَّا السُّغْرَى عَلَى مَا فِي شَرْحِ الْمَقَاصِدِ فَتَكَادُ تَلْحَقُ بِالضَّرُورِيَّاتِ؛ بَلْ بِالْمُشَاهَدَاتِ بِمُشَاهَدَةِ ^(٧) مَا تَرَاهُ مِنَ الْفِتَنِ وَالْفَسَادِ وَالْإِنْفِصَامِ</p>	
--	---

Terjemahan:

"Ketahuilah (juga) bahawa sesungguhnya para Sahabat (ra) telah berijma' (sepakat) bahawa mengangkat Imam (Khalifah) setelah tamatnya masa kenabian itu adalah wajib, bahkan mereka menjadikan kewajipan tersebut sebagai *ahammu al-wajibat* (kewajipan yang paling penting), di mana mereka lebih menyibukkan (diri mereka) dalam pengangkatan Imam tersebut berbanding memakamkan jenazah Rasulullah (saw), sedangkan perbezaan mereka (para sahabat) dalam penetapan siapa yang ditunjuk tidaklah merosakkan *ijma'* yang disebutkan (di atas)".

Hal yang sama diungkapkan oleh banyak sekali ulama, baik ulama salaf mahu pun khalaf. Misalnya Imam 'Alauddin al-Kasani al-Hanafi, dalam kitab *Bada'i'u as-Shana'i fi Tartib as-Syara'i*, Juz 9, hal 83-85:

<p>٨٣</p> <p>كتاب آداب القاضي</p>	<p style="text-align: center;">بَدَائِعُ الصَّنَائِعِ في ترتيب الشرائع</p> <p style="text-align: center;">تأليف الإمام علاء الدين أبي بكر بن مسعود الكنكاساني الحنفي المتوفى سنة ٥٨٧ هـ</p> <p style="text-align: center;">تحقيق وتعليق الشيخ جليل محمد عوض الشيخ عادل محمد جبار</p> <p style="text-align: center;">الجزء التاسع</p> <p style="text-align: center;">يحتوي على الكتب التالية: الفتاوى - آداب القاضي - القسمة - الحدود الشرقية - قطع الطريق - الشير مستورات</p> <p style="text-align: center;">مؤسسة دار الكتب العلمية بيروت - لبنان</p>
<p>والقضاء هو الحكم بين الناس بالحق والحكم بما أنزل الله - عز وجل -، فكان نصب القاضي لإقامة الفرض، فكان فرضاً ضرورياً، ولأن نصب الإمام الأعظم فرض بلا خلاف بين أهل الحق^(١)، ولا عبرة بخلاف بعض القدرية لإجماع الصحابة - رضي الله عنهم - على ذلك،</p>	
<p>٨٥</p> <p>كتاب آداب القاضي</p>	
<p>ولمساس الحاجة إليه لتفديد الأحكام، وإنصاف المظلوم من الظالم، وقطع المنازعات التي هي مادة الفساد، وغير ذلك من المصالح التي لا تقوم إلا بإمام، لما علم في أصول الكلام، ومعلوم أنه لا يمكنه القياس بما نصب له بنفسه فيحتاج إلى نائب يقوم مقامه في ذلك وهو القاضي، ولهذا كان رسول الله ﷺ يبعث إلى الأفاق قضاة، فبعث سيدنا معاذاً - رضي الله عنه - إلى اليمن^(١)، وبعث عتاب بن أمية إلى مكة^(٢)، فكان نصب القاضي من ضرورات نصب الإمام، فكان فرضاً، وقد سماه محمد فريضة مُحْكَمَةً، لأنه لا يحتمل النسخ لكونه من الأحكام التي عُرف وجوبها بالعقل، والحكم العقلي لا يحتمل الانتساح، والله تعالى أعلم.</p>	

Terjemahan:

“...dan kerana mengangkat Imam yang agung (Khalifah) itu adalah fardhu tanpa perbezaan pendapat di kalangan ahlu haq, dan ini tidak mengambil kira perbezaan dengan sebahagian golongan Qadariyyah – kerana ijma’ sahabat (ra) atas hal tersebut, serta keperluan mendesak terhadap wujudnya Imam yang agung (Khalifah). Ini adalah perlu agar berlaku keterikatan atas hukum syarak, menyelamatkan orang yang dizalimi dari orang yang menzalimi, memutuskan perselisihan yang membawa kerosakan dan mewujudkan kemaslahatan yang lain yang memang tidak akan terhasil kecuali dengan adanya seorang Imam (Khalifah)...”

Tentang kewajipan mengangkat Khalifah, Imam Fakhruddin ar-Razi, dalam kitab *Mafatihul Ghaib fi at-Tafsir*, di saat beliau menjelaskan surah al-Ma'idah, beliau mengatakan:

<p>قوله تعالى « فمن تاب من بعد ظلمه وأصلح » الآية سورة المائدة ٢٣٥</p> <p>العمل به في حق غير الامام والمولى ، فوجب أن يبقى معمولاً به في حق الامام والمولى .</p> <p>﴿ المسألة السابعة ﴾ احتج المتكلمون بهذه الآية في أنه يجب على الأمة أن ينصبوا لأنفسهم إماماً معيناً ، والدليل عليه أنه تعالى أوجب بهذه الآية إقامة الحد على السارق والزناة ، فلا بد من شخص يكون مخاطباً بهذا الخطاب ، وأجمعت الأمة على أنه ليس لأحد الرعية إقامة الحدود على الجناة ، بل أجمعوا على أنه لا يجوز إقامة الحدود على الأحرار الجناة إلا للإمام ، فلما كان هذا التكليف تكليفاً جازماً ولا يمكن الخروج عن عهدة هذا التكليف إلا عند وجود الامام ، وما لا يتأتى الواجب إلا به ، وكان مقدوراً للمكلف ، فهو واجب ، فلزم القطع بوجوب نصب الامام حينئذ .</p> <p>﴿ المسألة الثامنة ﴾ قالت المعتزلة: قوله (نكالا من الله) يدل على أنه إنما أقيم عليه هذا الحد على سبيل الاستخفاف والاهانة ، وإذا كان الأمر كذلك لزم القطع بكونه مستحقاً للاستخفاف والذم والاهانة ، ومتى كان الأمر كذلك امتنع أن يقال : إنه بقي مستحقاً للمدح والتعظيم ، لأنها ضدان والجمع بينهما محال ، وذلك يدل على أن عقاب الكبير يحيط بثواب الطاعات .</p> <p>واعلم أنا قد ذكرنا الدلائل الكثيرة في بطلان القول بالاحتياط في سورة البقرة في تفسير قوله تعالى (لا تبطلوا صدقاتكم بالمن والاذى) فلا نعيدها ههنا .</p> <p>ثم الجواب عن كلام المعتزلة أننا أجمعنا على أن كون الحد واقعا على سبيل التنكيل مشروط بعدم التوبة ، فيتقدير أن يدل دليل على حصول العفو من الله تعالى لزم القطع بأن إقامة الحد لا تكون أيضاً على سبيل التنكيل ، بل تكون على سبيل الامتحان ، لكننا ذكرنا الدلائل الكثيرة على العفو .</p>	 <p>تَفْسِيرُ الْفَخْرِ الرَّازِيِّ التفسير بالتحفة الكبير ومفاتيح النيب</p> <p>لدوام محمد الرازي فخر الدين ابن العماد من مشايخ الشيخ محمد المشهور بخطيب البرقي نفعوا الله بالسلامين ٥٤٤ - ٦٠٤ هـ</p> <p>حقوق الطبع محفوظة للناسخ الطبعة الأولى ١٤٠١ هـ - ١٩٨١ م</p> <p>تتاز هذه الطبعة بغيرس آيات الاحكام الجزء الحادي عشر دار الفكر مطبعة دار النشر والتوزيع</p>
---	--

Terjemahan:

“Para Mutakallimin berhujah dengan ayat ini bahawa wajib atas umat Islam untuk mengangkat seorang Imam (Khalifah) tertentu untuk mereka. Dalilnya adalah bahawa Dia Ta'ala mewajibkan di dalam ayat ini untuk menegakkan hukuman atas pencuri dan pelaku zina. Maka, adalah kewajiban adanya seseorang yang akan melaksanakan seruan tersebut. Sungguh umat telah sepakat bahawa tidak seorang pun dari rakyat yang boleh menegakkan hukuman (hudud) atas pelaku kejahatan tersebut. Bahkan mereka telah sepakat bahawa tidak boleh (haram) menegakkan had ke atas pelaku kejahatan yang merdeka, kecuali oleh Imam (Khalifah). Oleh kerana itu, ketika taklif tersebut sifatnya pasti (jazzm) dan ketika tidak mungkin keluar dari ikatan taklif ini kecuali ketika adanya Imam, dan ketika kewajiban itu tidak dapat ditunaikan kecuali dengan adanya Imam, dan ketika kewajiban itu masih dalam batas kemampuan mukallaf, maka (adanya) Imam adalah wajib. Oleh kerana itu, seketika itu juga, kewajiban mengangkat seorang Imam adalah sesuatu yang bersifat qath'ie” [Imam Fakhruddin ar-Razi, Mafatih al-Ghaib fi at-Tafsir, Juz 11, hal. 235].

Manakala Hujjatul Islam, Imam al-Ghazali menegaskan dalam kitabnya, *al-Iqtishad fi al-I'tiqad*, hal 292-293, bahawa menegakkan Khilafah ini merupakan kewajiban yang sangat penting, hingga sampai pada kesimpulan:

<p>كلُّ من غلبَ سلب ، ولم يتفرَّغْ أحدًا للعبادة والعلم إن بقي حيًّا ، والأكثرون يهلكون تحت ظلال السيوف!</p> <p>ولهذا قيل : الدينُ والسلطانُ توأمين ، ولهذا قيل : الدينُ أمرٌ</p> <p>(١) حديث مرفوع رواه الترمذي (٢٣٤٦) ، وابن ماجه (٤١٤١) ، والحافظير : الجواب . (٢) الهرج : الفتنة وشدة القتل وكثرته .</p> <p>٢٩٢</p> <p>والسلطانُ حارسٌ ، وما لا أمرٌ له . . فمهذوم ، وما لا حارس له . . فضائع^(١) .</p> <p>وعلى الجملة : لا يتمارى العاقلُ في أن الخلقَ على اختلاف طبقاتهم وما هم عليه من تشتت الأهواء وتباين الآراء ؛ لو خُلُّوا ورأيهم ولم يكن لهم رأيٌ مطاعٌ يجمع شئناهم . . لهلكوا من عند آخرهم ، ولهذا داءٌ لا علاج له إلا بسلطانٍ قاهرٍ مطاعٍ يجمع شئنا الآراء .</p> <p>فيأن أن السلطانَ ضروريٌّ في نظام الدنيا ، ونظام الدنيا ضروريٌّ في نظام الدين ، ونظام الدين ضروريٌّ في الفوز بسعادة الآخرة ، وهو مقصودُ الأنبياء قطعاً ؛ فكان وجوبُ نصب الإمام من ضروريات الشرع الذي لا سبيلَ إلى تركه .</p>	<p style="text-align: center;">الأفْصَادُ فِي الْعِتْقَادِ</p> <p style="text-align: center;">تأليف محمَّد بن إسماعيل بن عبد الله بن الإمام أحمد بن محمد بن محمد بن عبد العزيز بن نجمه الله تعالى (٤٥٠-٥٠٥هـ)</p> <p style="text-align: center;">عني به أبو محمد عثمان الشرفاوي</p> <p style="text-align: center;">دار الحديث</p>
---	---

Terjemahan:

“Agama dan kekuasaan adalah dua saudara kembar.” ... “Agama merupakan asas, sementara kekuasaan (Imamah/Khilafah) adalah penjaga. Sesuatu yang tidak mempunyai asas pasti akan roboh. Demikian juga sesuatu yang tidak mempunyai penjaga, pasti akan hilang.”

Begitu juga berapa ramai dari kalangan ulama Ahlu Sunnah yang menyatakan bahawa masalah pengangkatan Khalifah ini merupakan *ahammu al-wajibat* (kewajipan yang sangat penting). Ini boleh dirujuk kepada kitab-kitab muktabar karya ulama Sunni seperti berikut:

(1) Imam Hasan al-Aththar, dalam *Haasyiyah Jam’u al-Jawaami’*, Juz 2, hal 487.

(ويجب على الناس نصب امام) يقوم بمصالحهم كسد الثغور وتجهيز الجيوش وقهر المتغلبة والمنقصية وقطاع الطريق وغير ذلك لاجماع الصحابة بعد وفاة النبي صلى الله عليه وسلم على نصبه حتى جعلوه أمم الراجبات وقدموه على دفنه صلى الله عليه وسلم ولم يزل الناس في كل عصر على ذلك (ولو) كان من بنصب (مفضولاً) فان نصبه يسكنى في الخروج عن عهدة النصب وقيل لا بل يتعين نصب الفاضل وذهبت الخواارج إلى أنه لا يجب نصب امام والامامية إلى وجوبه على الله تعالى

حسام معنى اه (قوله) ويجب أى شرعاً لا عقلاً قابلاً. بعض المعتزلة وأما عاصمتهم فهو افقون لنا وقال قوم من الخواارج ليس بواجب وقال أبو بكر الاصم من المعتزلة لا يجب عند ظهور العدل والانصاف لعدم الاحتياج اليه ويجب عند ظهور الظلم وبعض منهم يجب عند ظهور العدل لاظهار شعائر الشرع لا عند ظهور الظلم لأن الظلم بما لم يطعموه وبصير سبياً لزيادة الفتن (قوله) على الناس أى أهل الحل والعقد والأحاد تبع لهم من غير اشتراط عدو ولا اتفاق في سائر البلاد بل لو تعلق الحل والعقد بواحد يطاع كفت بعنه (قوله) نصب امام) من الامامة وهى رئاسة عامة في الدين والدنيا خلافة عن النبي صلى الله عليه وسلم وبهذا القيد خرجت النبوة وبقيت العموم مخرج مثل القضاء. والرئاسة في بعض النواحي وكذا رئاسة من جعله الامام نائباً عنه على الاطلاق ونصبه من فروض الكفاية ولا يخفاء ان ذلك من الاحكام العلمية دون الاعتقادية ولكن لما شاعت بين الناس في باب الامامة اعتقادات فاسدة واختلافات لاسيما من فرق الروافض والخواارج ومالك كل فئة إلى تعصبات تكاد تفضى إلى رفض كثير من قواعد الاسلام وبعض عقائد المسلمين والقدرح في الخلفاء الراشدين مع القطع بأنه ليس للبحث عن أحوالهم واستحقاقهم وأفضليتهم ما يملئ بافعال المسكفين الخلق المتكلمون بمبحث الامامة بما حث علم السلام (قوله) وقدموه على دفنه لما قبله روى أن أبا بكر رضى الله عنه لما توفي النبي صلى الله عليه وسلم خطب فقال بأبىها الناس من كان يعبد محمداً فان محمداً قد مات ومن كان يعبد رب محمد فانه حى لا يموت لا بد لهذا الامر من يقوم به فانظروا وعاتوا آراءكم رحمكم الله فتبادر الناس من كل جانب وقالوا صدقت ولكننا ننظر في هذا الامر ولم نقل احدنا به لاجابة إلى الامام (قوله) ولو كان مفضولاً) فيرد على الامامية القائلين بأنه يجب ان يكون أفضل من رعيته واحتجوا بأنه لو لم يكن أفضل فلا يخجلوا ان يكون مساوياً أو مفضولاً

حاشية

العطار على جمع الجوامع

للعلامة الشيخ حسن العطار على شرح الجلال المحلى
على جمع الجوامع للامام ابن السبكي
تعمدهم الله برحمته

(وهامشه تقرير للعلامة المحقق والفهامة المدقق)
الاستاذ الشيخ عبد الرحمن الشريفي على جمع الجوامع للامام ابن السبكي
وبأسفل الصلب والهامش تقريرات قيمة للاستاذ العلامة
(الشيخ محمد علي بن حسين المالكي)
المدرس بالحرم المكي

(تبييه وضعت الشرح المذكور بأعلى الصحيفة مفضولاً بينه وبين الحاشية بمجدول)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

دار الكتب العلمية
بيروت

Terjemahan:

Wajib atas manusia mengangkat seorang Imam (khalifah) yang menegakkan kepentingan-kepentingan mereka seperti memperkuat benteng-benteng pertahanan, membentuk pasukan, mengalahkan para pemberontak dan mata-mata musuh serta para perompak, dan lain-lain. Kewajiban itu berdasarkan Ijmak as-Sahabat setelah wafatnya Nabi (saw) hingga mereka menjadikan itu sebagai ahammu al-wajibat (kewajiban yang terpenting) dan mereka mendahulukan hal tersebut berbanding pengebumian jenazah Nabi (saw). Manusia pada setiap masa selalu berpendapat demikian (wajib mengangkat Imam/Khalifah).

(2) Muhammad bin Ahmad as-Safarini al-Hambali, dalam kitabnya, *Lawaami al-Anwaar*, Juz 2, hal. 419.

رافضيا معتزليا قديرا ، ومسائل التفضيل كثيرة بين الانبياء والصحابه والملائكة والله تعالى أعلم . وقد بسطنا العبارة وذكرنا ما لعله يفيد المطلوب غير أن الاعراض عن كثير مما ذكر كان أليق بشرح هذه الارجوزة وبالله التوفيق

الباب السادس
الامامة و متعلقاتها

((الباب السادس
في ذكر الامامة و متعلقاتها))

- ((ولا غنى لأمة الاسلام في كل عصر كان عن امام))
- ((يذب عنها كل ذي جحود ويعتني بالنزوى والحدود))
- ((وفعل مصروف وترك نكر ونصر مظلوم وقمع كسر))
- ((وأخذ مال الفئء والخراج ونحوه والصرف في منهاج))

قال علماؤنا كثيرهم : نصب الامام الاعظم فرض كفاية لأن الصحابة رضى الله عنهم أجمعوا على أن نصبه واجب بعد انقراض زمن النبوة بل جعلوه أهم الواجبات حيث اشتغلوا به عن دفن رسول الله صلى الله عليه وسلم ، واختلافهم في تعيينه لا يقدح في الاجماع المذكور ، ولتلك الأهمية لما توفي رسول الله صلى الله عليه وسلم قام أبو بكر رضى الله عنه خطيبا فقال أيها الناس من كان يعبد محمدا فإن محمدا قد مات ومن كان يعبد الله فإن الله حي لا يموت فلا بد لهذا الأمر ممن يقوم به فانظروا وهاؤوا آراءكم . قالوا صدقت ننظر فيه فلهذا قلنا ((ولا غنى)) ولا مندوحة ولا بد ((لأمة)) دين ((الاسلام)) وهى بالضم الجماعة أرسل اليهم رسول والجيل من كل حي ومن هو على الحق مخالف لساتر الاديان والرجل الجامع للخير . وفى نسخة مللة بدل أمة وهى بكسر الميم التسمية أو الدين ((فى كل عصر)) من الاعصار وزمن من الازمان ((كلمة)) أى وحد محمدا .

كتاب لومع الأنوار البهيمية وسواطع الأسرار الأثرية

لشرح

الدرة المضية فى عقد الفرق المراضية

تأليف

العالم الطويل النبايع الواسع الاطلاع صاحب الميهان الجملى
الشيخ محمد بن احمد السفاريني الاثرى الحنبلى

رحمه الله تعالى

الجزء الثانى

أخذت تعليقات هذا الكتاب من التعليقات التى ملئ بها على نسخة المخطوطة
مضى الديار البهيمية للشيخ عبدالله بن علي بن ابي طه بن المرتضى عام ١٢٨٢ هجرية
والشيخ سليمان بن سمان وغيرهما من أصل العام ..

Terjemahan:

Ulama-ulama kita, seperti selain mereka, berpendapat: Mengangkat Imam yang agung (Khalifah) adalah fardhu kifayah kerana para Sahabat (ra) telah berijma' bahawa mengangkat Imam (Khalifah) adalah wajib setelah berakhirnya zaman kenabian. Bahkan mereka menjadikan kewajiban tersebut sebagai ahammu al-wajibat (kewajiban yang paling penting), di mana mereka lebih menyibukkan diri dengan melaksanakan kewajiban tersebut berbanding kewajiban menguburkan jenazah Rasulullah (saw). Perbezaan pendapat di antara mereka mengenai siapa yang paling layak memikul jawatan Khalifah tidak merosak ijmak mereka tersebut.

(3) Syamsuddin ar-Ramli, dalam kitabnya Ghayah al-Bayan: Syarhu Zubad Ibn Ruslaan, hal. 23.

غَايَةُ الْبَيَانِ

شَرْح
زَيْدِ ابْنِ رَسْلَانَ

تَأَلِيفُ

شَمْسُ الدِّينِ مُحَمَّدُ بْنُ أَحْمَدَ الكَرَمَلِيِّ الأَنْصَارِيِّ

السَّنَاءِيُّ الصَّغِيرُ

المُتَوَفِّيَّة ١٠٠٤ هـ

مَرَّجَعَةٌ وَضَبَطَ

أحمد بن عبد السلام شهابي

دار الكتب العلمية

بيروت - لبنان

فسقة ظالمين اهـ. وهو محمول على الخروج عليهم بلا عنز ولا تأويل وخرج بقول المصنف: ولي الأمر ما لو طرأ عليه كفر فإنه يخرج عن حكم الولاية وتسقط طاعته ويجب على المسلمين القيام عليه وقتاله ونصب غيره إن أمكنهم ذلك ويمكن أن يستفاد هذا من قوله في غير محض الكفر يجعل «في» للتعميل كما في قوله تعالى ﴿لمسكتم فيما أفضتم﴾^(١) أي لم يجز لأجل غير محض الكفر خروجنا على ولي الأمر.

[٤١] (فرض على الناس إمام ينصب) أي أنه يجب على الناس نصب إمام يقوم بمصالحهم كتفديدهم أحكامهم وإقامة حدودهم وسد نفورهم وتجهيز جيوشهم وأخذ صدقاتهم إن دفعوها وقهر المتغلبة والمتلصصة وقطاع الطريق وقطع المنازعات الواقعة بين الخصوم وقسمة الغنائم وغير ذلك لإجماع الصحابة بعد وفاته ﷺ على نصبه حتى جعلوه أهم الواجبات وقدموه على دفنه ﷺ ولم تزل الناس في كل عصر على ذلك وشرط الإمام كونه بالغا عاقلأ مسلماً عدلاً حراً ذكراً مجتهداً شجاعاً ذا

رأي وكفاية قرشياً سعيماً بصيراً ناطقاً سليم الأعضاء من نقص يمنع استيفاء الحركة وسرعة النهوض فإن لم يوجد قرشي مستجمع للشروط فكتاني مستجمع فإن لم يوجد فمستجمع من ولد إسماعيل فإن لم يكن فجرهمي مستجمع وجرهم أصل العرب فإن لم يوجد فمستجمع من ولد إسحاق فإن لم يوجد مستجمع أصلاً فمستجمع الأكثر من قریش أو كنانة أو ولد إسماعيل أو غيرهم على الترتيب المذكور والجاهل العادل أولى من العالم الفاسق ولا يشترط في الإمام كونه معصوماً ولا كونه هاشمياً أو علويّاً ولا كونه أفضل أهل زمانه بل يجوز نصب المفضول مع وجود الفاضل ولا ينزل بالفسق (وما على الآله شيء يجب) أي لا يجب شيء على الله ومن يوجب عليه ولا حكم إلا له لأنه خالق الخلق فكيف يجب للمخلوقين المملوكين له بجملة هوياتهم وأفعالهم لمعلمهم المستحق عليهم أجر أو رعاية مصلحة فضلاً عما هو الأصلح. تعالى الله عن أن يوجب عليه شيء وأما نحو قوله تعالى: ﴿كتب على نفسه الرحمة﴾ [الأنعام: ١٢]، وقوله: ﴿وكان حقاً علينا نصر المؤمنين﴾ [الروم: ٤٧] فإنما هو إحسان وتفصيل لا إيجاب وإلزام.

(١) سورة النور، الآية ١٤. والآية بتمامها: ﴿ولولا فضل الله عليكم ورحمته من الدنيا والآخرة لمسكتم فيما أفضتم فيه عذاب عظيم﴾.

Terjemahan:

Wajib atas manusia untuk mengangkat seorang Imam (Khalifah) yang menegakkan kepentingan-kepentingan mereka seperti menerapkan hukum-hukum mereka (hukum Islam), menegakkan hudud mereka, memperkuat benteng-benteng pertahanan, membentuk pasukan, mengambil zakat, mengalahkan para pemberontak dan mata-mata musuh serta para perompak, memutuskan persengketaan mengenai pembahagian ghanimah dan sebagainya...Kewajiban ini berdasarkan Ijma' as-Sahabat setelah wafatnya Nabi (saw) hingga mereka menjadikannya sebagai ahammu al-wajibat (kewajiban yang terpenting), dan mereka mendahulukan hal itu berbanding pengebumian jenazah Nabi (saw). Manusia pada setiap masa senantiasa berpendapat demikian (wajib mengangkat Imam/Khalifah).

(4) Muhammad al-Hashkifi al-Hanafi, dalam kitabnya *ad-Durr al-Mukhtaar Syarh Tanwir al-Abshaar*, hal 75.

كتاب الصلاة

قراءتهما أحياناً (والمؤتم لا يقرأ مطلقاً) ولا الفاتحة في السرية اتفاقاً، وما نسب لمحمد ضعيف كما بسطه الكمال (فإن قرأ كره تحريماً) وتصح في الأصح، وفي ذر البحار عن «منسوط» خواهر زاده أنها تفسد ويكون فاسقاً، وهو مروى عن عدة من الصحابة فالمنع أخوط (بل يستمع) إذا جهز (وينصت) إذا أسر لقول أبي هريرة رضي الله عنه: «كنا نقرأ خلف الإمام فنزل: ﴿وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا﴾ [الأعراف: الآية ٢٠٤] (وإن وصلية) قرأ الإمام آية تزهير أو تزهير) وكذا الإمام لا يشتغل بغير القرآن، وما ورد حمل على الثقل منفرداً كما مر (كذا الخطبة) فلا يأتي بما يفوت الاستماع ولو كتابة أو رد سلام (وإن صلى الخطيب على النبي ﷺ إذا قرأ آية: ﴿سَلِّوْا عَلَيَّ﴾ [الأحزاب: الآية ٥٦] فيصلي المستمع سراً) بنفسه وينصت بلسانه عملاً بأمر: «صلوا» و«أنصتوا» (والبعيد) عن الخطيب (والقريب سيان) في افتراض الإنصات.

فروع: يجب الاستماع للقراءة مُطلقاً، لأن العبرة لعموم اللفظ.

لا بأس أن يقرأ سورة ويعيدها في الثانية، وأن يقرأ في الأولى من محل وفي الثانية من آخر ولو من سورة إن كان بينهما آيات فأكثر. ويُجزئه الفضل بسورة قصيرة وأن يقرأ منكوساً إلا إذا شتم فقرأ من البقرة. وفي «الغنية»: قرأ في الأولى الكافرون وفي الثانية: ﴿أَلَمْ تَرَ﴾ [الفيل: ١] أو: ﴿تَبَّتْ﴾ [السند: ١] ثم ذكر يتم، وقيل يقطع ويبدأ، ولا يكره في النفل شيء من ذلك، وثلاث تبلغ قدر أقصر سورة أفضل من آية طويلة، وفي سورة وبعض سورة العبرة للأكثر، وبسنتها في الخوازن.

بَابُ الْإِمَامَةِ

هي صغرى وكبرى؛ فالكبرى استحقاق تصرف عام على الأنام، وتحقيقه في علم الكلام، ونصبه أهم الواجبات، فلذا قدموه على دفن صاحب المعجزات.

ويُشترط كونه مُسليماً حُرّاً ذكراً عاقلاً بالغاً قادراً، قرشياً، لا هاشمياً علواً معصوماً، ويُكره تقليد القاصي ويُعزّل به، إلا لينة. ويجب أن يدعى له بالصلاح، وتصح سلطنة متغلب للضرورة، وكذا صبي. وينبغي أن يفوض أمور التقليد على والي تابع له، والسلطان في الرسم هو الولد، وفي الحقيقة هو الوالي لعدم صحة إذنه بقضاء وجمعة كما في «الأشباه» عن «البيزانية»، وفيها لو بلغ السلطان أو الوالي يحتاج إلى تقليد جديد.

الدر المنثور

تأليف
عبد النبي بن عبد الله بن أحمد بن محمد بن الحسين الحنفيني
توفي سنة ١٠٨٨ هـ

شرح
تنوير الأبصار وجامع البحار

لشيخنا محمد بن عبد الله بن أحمد بن محمد بن الحسين الحنفيني
توفي سنة ١٠١٤ هـ

في علوم الفقه الحنفيني

حقيقه ومطبعة
عبد السلام خليل في الرياض

تبليغ:
ميرزا محمد شيرازي صاحب بزمته مشرف على المطبعه المطبوعه العامه

مستورات
مكتبة دار الكتب العلمية
لشؤون مطبوعات دار الكتب العلمية
دار الكتب العلمية
بيروت - لبنان

Terjemahan:

Bab al-Imamah: Imamah ada yang shugra (kecil) dan ada yang kubra (besar). Imamah al-Kubra adalah kelayakan (seseorang) dalam pengurusan umum atas manusia. Dan bab Imamah ini juga ada dalam pembahasan ilmu kalam. Mengangkatnya adalah ahammu al-wajibat (kewajiban yang paling penting). Atas dasar itu, para Sahabat mendahulukannya berbanding pengebumian jenazah pemilik mu'jizat (Rasulullah).

Sekiranya pendapat yang menyatakan kewajiban menegakkan Khilafah ini dikatakan taksub (taksub dalam konotasi negatif), maka siapa pun sebenarnya yang membuat tuduhan seperti ini jelas telah menyerang para ulama Ahlu Sunnah yang telah menyatakannya sebagai *ahammu al-wajibat*. Malah lebih dahsyat daripada itu, mereka sebenarnya telah menyerang para Sahabat (ra), kerana para Sahabat semuanya taksub untuk mengangkat Khalifah sebaik sahaja wafatnya Rasulullah (saw), dan setiap kali wafatnya setiap orang Khalifah.

Hanzalah bin ar-Rabi (ra) [seorang Sahabat sekali gus Jurutulis Rasulullah (saw)] menyebutkan, bahawa tanpa Khilafah, umat Islam boleh terhina dan tersesat sebagaimana umat Yahudi dan Nasrani:

تاريخ الطبرك

شايح الرسل والملوك

لأبي جعفر محمد بن جرير الطبري

٢٢٤ - ٣١٠ هـ

الجزء الرابع

تحقيق

مجاهد الفضل إبراهيم



دارالمغرب بمصر

في الغلس، فقال: يا أيها الناس؛ إن الذي تصنعون لا يشبه أمر المؤمنين ولا أمر الكافرين؛ لا تقطعوا عن هذا الرجل المادة؛ فإن الروم وفارس لتأسر فتنطعم وتسقي؛ وما تعرض لكم هذا الرجل؛ فممن تستحلون حصره وقتله! قالوا: لا والله ولا نعمة عين؛ لا نتركه يأكل ولا يشرب؛ فرمى بعمامته في الدار بأنتي قد نهضت فبا أهضنتي^(١)؛ فرجع. وجاءت أم حبيبة على بغلة لها برحالة^(٢) مشتملة على إداوة، فقيل: أم المؤمنين أم حبيبة، فضربوا وجه بغلتها، فقالت: إن وصايا بني أمية إلى هذا الرجل، فأحبت أن ألقاه فأسأله عن ذلك كيلا تهلك أموال أيتام وأرامل^(٣). قالوا: كاذبة، وأهروا لها وقطعوا حبل البغلة بالسيف، فندت بأم حبيبة، فتلقاها الناس، وقد مالت رحالها، فتلحقوا بها وأخذوها وقد كادت تقتل، فذهبوا بها إلى بيتها. وتجهزت عائشة خارجة إلى الحج هاربة، واستتبت أخاها، فأبى؛ فقالت: أما والله لئن استطعت أن يحرمهم الله ما يحاولون لأفعلن.

وجاء حنظلة الكاتب حتى قام على محمد بن أبي بكر، فقال: يا محمد، تستتبعك أم المؤمنين فلا تتبعها، وتدعوك ذؤبان العرب إلى ما لا يحل فتتبعهم! فقال: ما أنت وذالك يا بن التميمية! فقال: يا بن الخنعمية؛ إن هذا الأمر إن صار إلى التغالب غلبتكم عليه بنو عبد مناف، وانصرف وهو يقول:

عَجِبْتُ لِمَا يَتَوَضُّ النَّاسُ فِيهِ يَرُومُونَ الْخِلَافَةَ أَنْ تَزُولَا
وَلَوْ زَالَتْ لَزَالَ الْخَيْرُ عَنْهُمْ وَلَا قُوا بَعْدَهَا ذُلًّا دَلِيلَا
وَكَانُوا كَالْيَهُودِ أَوْ النَّصَارَى سَوَالَا كُلُّهُمْ ضَلُّوا السَّبِيلَا

ولحق بالكوفة. وخرجت عائشة وهي ممثلة غيظًا على أهل مصر، وجاءها مبروان بن الحكم فقال: يا أم المؤمنين؛ لو أقمت كان أجدر أن يراقبوا

Terjemahan

Hanzalah al-Katib datang dan berdiri di hadapan Muhammad bin Abi Bakr, lalu berkata, "Wahai Muhammad, Ummul Mukminin memintamu agar mengikutinya, engkau malah tidak mengikutinya, dan ketika para perompak-perompak hina itu menyerumu pada perkara yang tidak benar, engkau sebaliknya mengikuti mereka. Muhammad bin Abi Bakr berkata, "Kenapa dengan engkau ini, wahai Ibn at-Tamimiyyah? Hanzalah berkata, "Wahai Ibn al-Hats'amiyyah, urusan ini, jika saling diperebutkan, maka Bani Abdi Manaf akan mengalahkanmu atas urusan tersebut"...Lalu Hanzalah pun pergi sambil berkata, "Aku hairan dengan orang-orang yang terlibat dalam urusan ini, mereka menyerang Khilafah (Uthman) agar lenyap. Andai kata Khilafah lenyap, maka lenyaplah kebaikan pada mereka. Setelah itu mereka akan beroleh kehinaan sehina-hinanya, dan keadaan mereka sama seperti Yahudi dan Nashrani. Mereka semua sama sahaja telah menyimpang dari jalan (kebenaran)" [At-Thabari, Tarikh at-Thabari, hal. 386].

Sekiranya kewajipan mengangkat Khalifah tidak penting, nescaya para Sahabat, dan para ulama tidak akan membincangkannya sedemikian rupa. Malah, kami telah sebutkan di atas bagaimana "taksu"nya Umar al-Khaththab (ra) terhadap pengangkatan Khalifah, sehingga memerintahkan untuk membunuh anggota syura daripada kalangan Sahabat-Sahabat besar, jika ada yang tidak bersetuju. Hal ini turut dijelaskan dalam kitab *al-Kaamil fi at-Taarikh*, Juz 2, hal. 461].

<p style="text-align: center;">سنة ٢٣ سنة ٤٦١</p> <p>وقال لابي طلحة الأنصاري: يا أبا طلحة إن الله طالما أعز بكم الإسلام فأختر خمسين رجلاً من الأنصار فأستحث هؤلاء الرهط حتى يختاروا رجلاً منهم. وقال للمقداد بن الأسود: إذا وضعتوني في حفرتي فأجمع هؤلاء الرهط في بيت حتى يختاروا رجلاً [منهم]. وقال لصهيب: صل بالناس ثلاثة أيام وأدخل هؤلاء الرهط بيتاً وقم على رؤوسهم، فإن أجمع خمسة وأبى واحد فأشدي رأسه بالسيف، وإن أتفق أربعة وأبى اثنان فأضرب رؤوسهما، وإن رضي ثلاثة رجلاً وثلاثة رجلاً فحكّموا عبدالله بن عمر، فإن لم يرضوا بحكم عبدالله بن عمر فكونوا مع الذين فيهم عبد الرحمن بن عوف واقتلوا الباقيين إن رغبوا عما أجمع فيه الناس.</p> <p>فخرجوا فقال علي لقوم معه من بني هاشم: إن أطيع فيكم قومكم لم تؤمروا أبداً. وتلقاه عمه العباس فقال: عدلت عنا. فقال: وما علمك؟</p> <p>قال: قرن بني عثمان وقال: كونوا مع الأكثر فإن رضي رجلان رجلاً ورجلان رجلاً فكونوا مع الذين فيهم عبد الرحمن فعدت لا يخالف ابن عمه، وعبد الرحمن صهر عثمان لا يختلفون فيوليها أحدهما الآخر، فلو كان الآخران معي لم ينفعاني.</p> <p>فقال له العباس: لم أرفعك في شيء إلا رجعت إليّ مستأخراً لما أكره، أشرت عليك عند وفاة رسول الله ﷺ أن تسأله فيمن هذا الأمر فأبيت، فأشرت عليك بعد وفاته أن تعاجل الأمر فأبيت، وأشرت عليك حين سمّك عمر في الشورى أن لا تدخل معهم فأبيت. أحفظ عني واحدة: كل ما عرض عليك القوم فقل: لا، إلا أن يولوك، وأحذر هؤلاء الرهط فإنهم لا يبرحون يدفعوننا عن هذا الأمر حتى يقوم به لنا غيرنا، وأيم الله لا يناله إلا بشر لا ينفع معه خير. فقال علي: أما لئن بقي عثمان لأذكرنه ما أتى، ولئن مات ليتداولونها بينهم، ولئن فعلوا لتجدني حيث يكرهون. ثم تمثل:</p> <p style="text-align: center;">حلفت بـ ابـ القاصـات عشـة غـدهـن خـفـاقاً فأشـد، ذـ المحصـا</p>	<h1 style="text-align: center;">الكامل في التاريخ</h1> <p style="text-align: center;">للإمام العلامة عمدة المؤرخين أبو الحسن علي بن أبي الكرم محمد بن محمد بن عبد الكريم بن عبد الوالد الشيباني المعروف بابن الأثير الجوزي الملقب بالذبيح الذي ولد في سنة ٦٣٠ هـ</p> <p style="text-align: center;">من سنة ١ العاشر سنة ٢٩ للهجرة</p> <p style="text-align: center;">تحقيق إلى الفيداء عبد الله القاسم</p> <p style="text-align: center;">المجلد الثاني</p> <p style="text-align: center;">دار الكتب العلمية سبعون - لبنان</p>
--	--

Terjemahan:

Umar berkata kepada Shuhaib, "Pimpinlah shalat orang ramai selama tiga hari, dan masukanlah mereka () dalam satu rumah, dan tangani kepala mereka. Apabila lima orang telah sepakat (untuk melantik Khalifah) dan seorang menolak, maka penggallah kepala yang menolak itu dengan pedang. Apabila empat orang telah sepakat, dan dua orang menolak, maka penggallah kepala kedua-dua orang (yang menolak) itu. Apabila tiga orang telah bersetuju terhadap seorang (untuk menjadi Khalifah), dan tiga orang lainnya bersetuju pada seorang yang lain, maka mintalah keputusan pada Abdullah bin Umar..."*

() yang dimaksudkan dengan "ar-rahth" adalah enam orang sahabat iaitu Ali bin Abi Thalib, Utsman bin 'Affan, Abdurrahman bin Auf, Sa'ad bin Abi Waqash, Zubir al-Awwam dan Thalhaf bin 'Ubaidillah (ra ajma'in)*

Oleh yang demikian, kami ulangi bahawa jika apa yang dimaksudkan oleh JNFJ dengan "taksub" itu ialah berpegang teguh dan tegas dalam mengerjakan sesuatu perkara, apatah lagi dalam konteks ini mengerjakan sebuah kewajipan, maka kami katakan ya, Hizbut Tahrir memang taksub berusaha untuk menegakkan Khilafah, sebagaimana "ketaksuban" para Sahabat dan para ulama, yang rata-ratanya ialah ulama Ahlu Sunnah, apabila berbicara tentang hukum atau kewajipan melantik seorang Khalifah.

Apa yang jelas ialah, di dalam fatwa ini, JFNJ telah meletakkan makna taksub tersebut dalam konotasi yang cukup negatif. Bagaimana mungkin JFNJ boleh mengeluarkan fatwa seumpama ini,

dengan menyatakan bahawa ketaksuban untuk menegakkan Khilafah ini ialah bercanggah dengan ajaran dan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah? Apakah kesemua ulama Sunni tersebut telah menyeleweng akidah mereka daripada akidah Ahlu Sunnah? Sungguh ajaib fatwa anda ini wahai JFNJ! Apakah Umar al-Khaththab dan kesemua Sahabat yang sibuk mengangkat Khalifah dan membiarkan jenazah Rasulullah (saw) terbiar selama tiga hari, kesemuanya telah terpesong akidah mereka, kerana ketaksuban mereka mengangkat seorang Khaifah? Subhanallah, sedarlah wahai JFNJ apa yang telah anda lakukan!

Sebagai penutup kepada isu ini, kami ingin bertanya JFNJ, apakah salah apabila seseorang itu taksub mengerjakan shalat, sehingga mereka sentiasa shalat apabila masuk waktunya, mereka tidak pernah meninggalkan shalat walaupun sekali, selalu mengerjakan shalat-shalat sunat, selalu *bertahajjud* di tengah-tengah malam, malah mereka sering mengingatkan umat Islam akan kewajipan solat, tidak henti-hentinya mereka mengajak umat Islam untuk menunaikan shalat, dan memuhasabah siapa sahaja yang meninggalkannya...maka apakah ketaksuban seperti ini salah dan berdosa dan menyalahi akidah pada pandangan anda wahai JFNJ?

Soalan terakhir kami - daripada seseorang itu taksub melontarkan fitnah ke atas orang lain (taksub melakukan keharaman), bukannya lebih baik kita taksub dalam melakukan perkara yang wajib? Daripada seseorang itu taksub ke sana ke mari siang dan malam menghambur fitnah atas nama agama, bukannya lebih baik kita bersama-sama taksub dalam usaha kita menegakkan Khilafah, yang merupakan *ahammu al-wajibat* ke atas kita semua?

(b) Ketaksuban terhadap politik sebagai kaedah tertinggi Hizbut Tahrir (kitab Mafahim Hizbut Tahrir, cetakan keenam, tahun 2001, halaman 75).

Kami telah melihat dan meneliti muka surat yang dinyatakan dan setelah beberapa kali menelitinya, kami langsung tidak menjumpai ayat yang dimaksudkan – “politik sebagai kaedah tertinggi Hizbut Tahrir” – Kami juga langsung tidak dapat menarik kesimpulan dari mana-mana ayat dalam muka surat berkenaan untuk menyatakan bahawa politik adalah kaedah tertinggi Hizbut Tahrir, apatah lagi ayat yang menunjukkan ketaksuban kami terhadap politik sebagai kaedah tertinggi! Kami paparkan di sini muka surat 75 untuk perhatian JFNT, dan untuk perhatian siapa sahaja yang ingin membacanya.

الدارسون الفاهمون للإسلام المؤمنون الصادقون إلى التفاعل مع الأمة، حتى تتفهم الإسلام وتفهم ضرورة وجود دولة إسلامية، وعلى الكتلة أن تبادئ الناس بذكر مفاسدهم وتعييبها، وتجاهدهم في مفاهيمهم المغلوطة وآرائهم الفاسدة وتسفيتها، وتبين لهم حقيقة الإسلام وجوهر دعوته، حتى يتكون لديهم الوعي العام على الدعوة ويكون رجال الدعوة جزءاً من الأمة، وتكون الأمة معهم كلاً لا يتجزأ، فتعمل الأمة في مجموعها العمل المنتج تحت قيادة كتلة الدعوة، حتى يصلوا إلى الحكم، فيوجدوا الدولة الإسلامية، وحينئذ تتخذ حياة الرسول ﷺ في المدينة قدوة للسيرة بحسبها في تطبيق الإسلام وحمل الدعوة له. ولهذا كان لا شأن للكتلة الإسلامية التي تحمل الدعوة بالنواحي العملية، ولا تشتغل بشيء غير الدعوة، وتعتبر القيام بأي عمل من الأعمال الأخرى ملهياً ومخدرًا ومعوفاً عن الدعوة، ولا يجوز الاشتغال بها مطلقاً. فالرسول ﷺ كان يدعو للإسلام في مكة وهي مملوءة بالفسق والفجور، فلم يعمل شيئاً لإزالته، وكان الظلم والإرهاق، والفقر والعوز ظاهراً كل الظهور، ولم يرو عنه أنه قام بعمل ليخفف من هذه الأشياء، وكان في الكعبة والأصنام تطل من فوق رأسه، ولم يرو عنه أنه مس صنماً منها، وإنما كان يعيب آلهتهم، ويسفه أحلامهم، ويزيف أعمالهم، ويقتصر على القول، وعلى الناحية

Terjemahan:

...Kelompok dakwah hendaknya memulai terjun ke tengah-tengah masyarakat dengan membeberkan kerosakan-kerosakan (yang berlaku dalam) masyarakat, mengkritik dan

menyerang fahaman-fahaman mereka yang salah, serta pendapat-pendapat mereka yang tidak betul. Kelompok dakwah hendaknya juga menjelaskan hakikat Islam kepada umat dan inti daripada dakwahnya, agar terbentuk kesedaran secara umum terhadap dakwah. Para pengembang dakwah hendaklah menjadi sebahagian daripada masyarakat. Umat bersama mereka merupakan satu kesatuan yang tidak terpisah. Dengan demikian, umat secara keseluruhan akan berusaha secara produktif — di bawah kepimpinan kelompok dakwah — untuk meraih kekuasaan, sehingga terwujudlah Daulah Islam. Di saat itulah (saat berdirinya Daulah Islam), dakwah mulai meneladani kehidupan Rasulullah (saw) di Madinah dalam penerapan Islam dan pengembangan dakwah. Kelompok Islam yang mengembang dakwah tidak perlu memfokuskan berbagai aktiviti yang sifatnya amaliyah (praktis), dan hendaknya tidak disibukkan oleh hal-hal lain kecuali dakwah. Melakukan aktiviti selain dakwah adalah laksana hiburan yang membius dan memperlambat dakwah. Kerana itu, tidak diperbolehkan menyibukkan diri dengan kegiatan-kegiatan (praktis) tersebut sama sekali. Ketika Rasulullah (saw) mendakwahkan Islam di Makkah yang penuh dengan berbagai kefasikan/kemaksiatan dan kekejian, baginda tidak mengambil tindakan (praktis) apa pun untuk menghilangkannya. Demikian pula dengan berbagai bentuk kezaliman, penyelewengan, kefakiran, dan kemiskinan yang tampak secara nyata. Tidak terdapat bukti bahawa baginda melakukan langkah-langkah praktis untuk menghapuskan semua itu. Begitu juga dengan berhala-berhala yang ada di sekeliling dan di atas Ka'bah yang tetap tegak, dan tidak terbukti baginda berusaha memusnahkannya. Apa yang dilakukan oleh baginda hanyalah mencela tuhan-tuhan mereka, menganggap dungu akal fikiran mereka dan merendah-rendahkan perbuatan mereka...

Jadi, kami sesungguhnya tidak mengetahui dari mana JFNJ membuat kesimpulan bahawa Hizbut Tahrir taksub terhadap politik yang merupakan kaedah tertinggi Hizbut Tahrir!

Apa pun, jika demikianlah dakwaan JFNJ, maka kami katakan bahawa itu adalah kesimpulan yang dibuat sendiri oleh JFNJ, yang kami tidak mengetahui daripada mana sumbernya.

Sekali lagi, walaupun kami sebenarnya sudah tidak perlu menjawabnya kerana tiada apa-apa dalam muka surat 75 yang menunjukkan ke arah kesimpulan yang dibuat oleh JFNJ, dan kami juga langsung tidak dapat mengagak dari mana sumbernya, namun kami tetap akan menjawab Butiran ini, agar JFNJ jelas apakah pendirian kami tentang politik.

Sebelum pergi lebih jauh, sekali lagi ingin kami katakan bahawa jika “taksub” yang dimaksudkan oleh JFNJ itu bermaksud tegar atau kuat pegangannya, maka kami akui dan kami benarkan apa yang dimaksudkan. Ya, kami berpegang kuat dan tegar menjalankan aktiviti politik kami kerana politik adalah sebahagian daripada Islam dan berpolitik merupakan sebuah kewajipan dalam Islam. Namun, jika yang dimaksud dengan taksub itu ialah berlebih-lebihan atau melampaui batas sehingga membawa kepada keharaman, maka kami sanggah sekeras-kerasnya apa yang dimaksudkan.

Terlebih dahulu JFNJ perlu faham apakah yang dimaksudkan dengan *siyasah* (politik) dalam Islam. Dalam banyak kitabnya, Hizbut Tahrir menjelaskan berdasarkan nas, bahawa maksud politik ialah *ri'ayah asy-syu'un al-ummah dakhiliyyan wa kharijiyyan* (mengurusu urusan umat baik dalam

mahupun luar negeri) dengan Islam. Inilah definisi politik yang dipegang oleh Hizbut Tahrir, dan Hizbut Tahrir melakukan aktiviti politik berdasarkan definisi ini.

Aktiviti politik pemerintah ialah menguruskan umat dengan hukum-hakam Islam dan ia merangkumi keseluruhan urusan baik pemerintahan, ekonomi, pergaulan, pendidikan, *uqubat*, ketenteraan, hubungan luar negara dan sebagainya. Manakala aktiviti politik bagi sebuah parti (dan juga individu Muslim) ialah untuk menyeru manusia kepada Islam dan melakukan amar makruf nahi mungkar, sekali gus memuhasabah pemerintah dalam setiap perkara yang menyimpang dari Islam, kezaliman atau apa jua perkara yang merugikan umat Islam yang dilakukan oleh pemerintah. Dalam ketiadaan negara Islam (Khilafah), parti politik juga wajib berusaha untuk menegakkan Khilafah sebagai salah satu aktiviti politiknya, kerana kewajipan menegakkan Khilafah tidak akan mampu dilaksanakan oleh mana-mana individu, kecuali oleh parti politik yang bersungguh-sungguh ke arah tersebut.

Atas dasar itulah, kami selalu menjelaskan bahawa Hizbut Tahrir adalah sebuah parti politik yang berideologi Islam. Politik merupakan kegiatannya, dan Islam adalah ideologinya. Hizbut Tahrir bergerak di tengah-tengah umat, dan bersama-sama umat berjuang untuk menjadikan Islam sebagai permasalahan utamanya, serta membimbing umat untuk mendirikan kembali Daulah Khilafah dan menegakkan hukum yang diturunkan oleh Allah (swt) di dalam realiti kehidupan. Hizbut Tahrir didirikan di dalam rangka memenuhi seruan Allah (swt):

﴿وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ﴾

“(Dan) hendaklah ada di antara kalian segolongan umat (jamaah) yang menyeru kepada kebaikan (Islam), memerintahkan kepada yang makruf dan melarang dari yang munkar. Merekalah orang-orang yang beruntung” [Ali Imran (3): 104].

Hizbut Tahrir merupakan organisasi politik, bukan organisasi kerohanian (seperti tarekat dan seumpamanya), bukan badan ilmiah (seperti badan penyelidikan), bukan institusi pendidikan (akademik), dan bukan pula pertubuhan sosial (yang bergerak di bidang sosial dan kemasyarakatan). Seluruh kegiatan yang dilakukan oleh Hizbut Tahrir adalah bersifat politik. Maksudnya adalah bahawa Hizbut Tahrir memperhatikan segala urusan masyarakat sesuai dengan hukum-hakam Islam serta penyelesaiannya secara syarie. Ini kerana, apa yang dimaksudkan dengan politik adalah mengurus dan memelihara urusan umat sesuai dengan hukum-hakam Islam dalam setiap aspeknya.

Kegiatan-kegiatan yang bersifat politik ini tampak jelas dalam aktiviti Hizbut Tahrir mendidik dan membina umat dengan *tsaqafah* Islam, menyelesaikan segala masalah umat dengan Islam, membebaskannya dari akidah-akidah yang rosak, pemikiran-pemikiran yang salah serta persepsi-persepsi yang keliru, sekali gus membebaskan umat daripada pengaruh *tsaqafah* dan perundangan kufur.

Kegiatan politik Hizbut Tahrir juga tampak jelas dalam aspek *shira' al-fikri* (pertarungan pemikiran) dan dalam *kifah as-siyasi* (perjuangan politik). Pertarungan pemikiran terlihat dalam

penentangannya terhadap idea-idea dan peraturan-peraturan kufur. Hal itu tampak pula dalam penentangannya terhadap idea-idea yang salah, akidah-akidah yang rosak atau persepsi-persepsi yang keliru dengan cara menjelaskan kerosakannya, menzahirkan kekeliruannya, dan menjelaskan ketentuan hukum Islam dalam masalah tersebut.

Adapun mengenai perjuangan politik Hizbut Tahrir, ini terlihat dari penentangannya terhadap kaum kafir imperialis untuk memerdekakan umat dari belenggu dominasinya, membebaskan umat dari cengkaman pengaruhnya, serta mencabut akar-akarnya yang berupa pemikiran, *tsaqafah*, politik, ekonomi, mahupun ketenteraan dari seluruh negeri kaum Muslimin.

Perjuangan politik ini juga tampak jelas dalam kegiatannya memuhasabah para penguasa, mengungkap pengkhianatan mereka terhadap umat dan persekongkolan mereka dengan puak kuffar, mengkritik dan meluruskan mereka serta berusaha menggantikan mereka tatkala mereka mengabaikan hak-hak umat, tidak menjalankan kewajipan terhadap umat, melalaikan urusan umat, mengkhianati amanah, menentang penerapan Islam serta sudah tidak ada harapan lagi pada umat yang mereka akan menerapkan Islam.

Seluruh kegiatan politik itu dilakukan oleh Hizbut Tahrir tanpa menggunakan kekerasan secara fizikal/bersenjata, kerana Hizbut Tahrir mengikuti dan meneladani sepenuhnya *thariqah* (jalan) dakwah Rasulullah (saw) yang membatasi kegiatannya secara intelektual dan politik, sehinggalah tegaknya Daulah Islam.

Oleh itu, kegiatan Hizbut Tahrir secara keseluruhan adalah kegiatan yang bersifat politik, baik sebelum mahupun sesudah mengambil alih pemerintahan (melalui umat). Apabila tegaknya Daulah Islam, maka Khalifahlah yang akan melaksanakan aktiviti politik (mengurusu urusan umat) sebagaimana yang diperintahkan oleh Islam, manakala Hizbut Tahrir tetap kekal sebagai sebuah parti politik yang akan melakukan amar makruf nahi mungkar dan memuhasabah pemerintah.

Aktiviti Hizbut Tahrir bukanlah di bidang pendidikan, kerana Hizbut Tahrir bukanlah sebuah madrasah (sekolah) atau sebuah universiti. Namun demikian, Hizbut Tahrir mengambil peduli tentang pendidikan umat Islam dan memuhasabah pemerintah yang tidak menerapkan polisi pendidikan Islam, di samping memberi penyelesaian secara *fikriyyah* (pemikiran) kepada masalah-masalah pendidikan yang timbul.

Hizbut Tahrir juga bukan merupakan sebuah badan *khairiyat* (kebajikan), maka kegiatannya bukanlah di bidang menghapuskan kemiskinan rakyat atau bergerak di bidang alam sekitar untuk menjaga kebersihannya. Namun demikian, Hizbut Tahrir mengambil peduli masalah kemiskinan rakyat dan masalah kebersihan alam sekitar serta memuhasabah pemerintah yang menyebabkan dan membiarkan rakyat miskin, serta memuhasabah pemerintah yang lalai daripada menjaga kebersihan alam sekitar. Di samping itu, Hizbut Tahrir memberikan solusi kepada masalah kemiskinan dan masalah alam sekitar menurut pandangan Islam.

Sebagai sebuah parti politik, Hizbut Tahrir bergerak mengembangkan dakwah agar Islam dapat diterapkan dalam kehidupan dan agar akidah Islamiyyah menjadi dasar negara, dasar

perlembagaan dan sistem perundangan kerana akidah Islamiyyah adalah akidah *aqliyyah* (akidah yang menjadi dasar pemikiran) dan akidah *siyasiyyah* (akidah yang menjadi dasar politik) yang melahirkan aturan untuk menyelesaikan semua masalah manusia dalam semua aspek kehidupan.

Oleh kerana Hizbut Tahrir adalah sebuah parti politik, maka sudah pastilah aktiviti politik merupakan aktiviti yang paling menonjol dalam Hizbut Tahrir. Tetapi ini bukan bermaksud kami tidak melakukan aktiviti lainnya.

Melihat kepada realiti hari ini, membuang undang-undang kufur dan menerapkan hukum Allah (swt) secara *kaffah* merupakan isu umat Islam yang sangat penting dan mendesak. Oleh sebab itu, untuk mengubah penerapan hukum kufur kepada hukum Islam, tidak ada jalan lain selain daripada jalan politik, dan jalan itu hendaklah sama seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah (saw).

Inilah fahaman politik yang dipegang oleh Hizbut Tahrir dan inilah contoh-contoh aktiviti politik yang dijalankan oleh Hizbut Tahrir. Maka jika kami taksud dengan fahaman ini serta melakukan aktiviti seumpama ini, adakah ia menyalahi akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah?

Setelah kami menjelaskan semua ini, yang merupakan pegangan dan aktiviti kami sejak puluhan tahun lamanya yang telah dilakukan oleh Hizbut Tahrir di seluruh dunia, maka apakah kesemua fahaman dan aktiviti politik ini masih tidak jelas dan meragukan bagi JFNJ? Maka kami katakan bahawa sungguh luar biasa fatwa dan tuduhan yang dibuat oleh JFNJ ke atas Hizbut Tahrir! Ingin kami tegaskan bahawa sekiranya JFNJ ragu-ragu, seharusnya JFNJ datang dan bertemu kami untuk mendapatkan penjelasan bagi menghilangkan keraguan tersebut, bukannya dengan memfitnah Hizbut Tahrir. Malangnya apabila kami menyuruh agar *bertabayyun* dan mengajak untuk bertemu, kami ditolak mentah-mentah! Apakah begini caranya untuk menghilangkan keraguan yang diajar oleh Islam, yakni dengan memfitnah orang lain dan menolak untuk *bertabayyun*!?

(c) Mendakwa negara Islam moden sebagai negara kufur (al-Nabhani: al-Shaksiah al-Islamiyyah, jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman 61).

Sungguh aneh apabila persoalan Negara Islam dan Negara Kufur dimasukkan oleh JFNJ ke dalam fatwa, dan dikatakan sebagai suatu fahaman yang meragukan. Ini kerana perbincangan fiqh dan perbincangan realiti tentang isu ini telah dibahaskan oleh para ulama sejak berzaman lamanya, dari ulama silam sampailah ulama kontemporari.

Apa yang pasti, memang ulama berbeza pandangan dalam mengkategorikan sesebuah negara sebagai Negara Islam atau Negara Kufur, bagaimana status sesebuah negara boleh bertukar dari Negara Islam ke Negara Kufur dan sebaliknya, apakah definisi Negara Islam dan Negara Kufur dan banyak lagi hukum-hukum yang berkaitan dengannya yang mana para ulama ini berbeza pandangan.

Jika hal ini diteliti oleh JFNJ dengan saksama dan dengan hati yang tenang serta ikhlas, dalam rangka mencari jawapan tentang status sesebuah negara berdasarkan pendapat para ulama, nescaya JFNJ akan menjumpai jawapannya. Bukan sekadar menjumpai jawapan, malah JFNJ akan menjumpai jawapan bahawa pandangan Hizbut Tahrir adalah sama dengan pandangan jumur ulama, dan hal ini tidak ada keraguan sedikit pun!

Setelah merujuk muka surat yang dinyatakan, ternyata kami tidak menjumpai ayat yang dimaksudkan oleh JFNJ. Lalu kami merujuk kepada muka surat berikutnya dan kami mengagak bahawa muka surat yang dimaksudkan ialah muka surat 62. Walau bagaimana pun, frasa yang berkenaan dalam muka surat 62 ini tidaklah persis sebagaimana dakwaan JFNJ dalam Butiran 4.3 (c) ini.

Apa pun, sekali lagi JFNJ tidak merujuk kepada muka surat yang betul dalam mengeluarkan fatwa berhubung isu ini! Kami boleh memahami akan kesilapan ini, namun demikian, kami katakan bahawa ia tetaplah satu kesalahan, yang mana JFNJ seharusnya lebih berhati-hati dalam menjaga ketepatan setiap rujukan, apatah lagi dalam proses mengeluarkan sesebuah fatwa! Sudah berapa banyak kesalahan muka surat yang dilakukan oleh JFNJ setakat ini!

Kami paparkan di sini muka surat 61 dan 62 untuk tatapan JFNJ.

<p>كما يتصوره الإنسان في الدنيا وأوجبوا على الله أن يعمل ما فيه الصلاح بل أوجب بعضهم على الله أن يعمل ما هو الأصلح لأن الله حكيم ولا يفعل فعلاً إلا لغرض أو حكمة، والفعل من غير غرض سفه وعبث، والحكيم إما أن ينتفع هو وإما أن ينتفع غيره، ولما تقدس الله تعالى عن الانتفاع تعين أنه إنما يفعل لينفع غيره...</p> <p>وهكذا مما جعلهم يخوضون في أبحاث ليست مما يقع عليه الحس وليست مما يمكن الحكم عليها بواسطة العقل، فوقعوا فيما وقعوا فيه. وفتحهم أن المحسوس مدرك وأن ذات الله غير مدركة فلا يمكن أن يقاس أحدهما على الآخر، ولم يفتنوا إلى أن عدل الله لا يضح أن يقاس على عدل الإنسان ولا يجوز إخضاع الله لقوانين هذا العالم وهو الذي خلق العالم، وهو الذي يُديره حسب هذه القوانين التي جعلها له. وإذا كنا نرى أن الإنسان إذا ضاق نظره يفهم العدل فهماً ضيقاً ويحكم على الأشياء حكماً معيناً فإذا اتسع نظره تغيرت نظره إلى العدل وتغير حكمه فكيف نقيس رب العالمين الذي يحيط علمه بكل شيء فنعطي عدله المعنى الذي نراه نحن للعدل؟ أما الصلاح والأصلح فهو متفرع عن نظرهم للعدل وما قيل في العدل يقال فيه، والمشاهد في ذلك أن الإنسان قد يرى شيئاً فيه صلاح فإذا اتسعت نظره تغير رأيه. فالعالم الإسلامي اليوم دار كفر ترك الحكم بالإسلام ولذلك يراه جميع المسلمين أنه عالم فاسد ويقول أكثرهم أنه في حاجة إلى إصلاح ولكن غير الواعين يرون أن الإصلاح يعني إزالة الفساد من الوضع الموجود، وهذا خطأ، بل العالم الإسلامي في حاجة إلى انقلاب شامل ينزل حكم الكفر ويعمل به في حكم الإسلام، وكل إصلاح فيه إطالة لعمر الفساد. وبهذا يظهر اختلاف</p> <p style="text-align: center;">٦٢</p>	<p>ترفع فيه الناحية الفكرية. فيرتب على هذه القضية التي صحّت نتيجتها أن يتوهم أن القضايا التي أخذت منها هذه النتيجة صحيحة ويرتب على ذلك كله أن تكون الكويت وقطر والسعودية كل منها بلد ناهض لأن الناحية الاقتصادية فيها مرتفعة مع أن الحقيقة هي بلاد غير ناهضة. وهكذا جميع القضايا تستند صحة نتائجها إلى صحة القضايا، وصحة القضايا غير مضمونة لأنه قد تقع فيها المغالطة، ولذلك كان من الخطأ الاعتماد في إقامة البرهان على الأساس المنطقي. ولكن ليس معنى هذا أن الحقيقة التي يتوصل إليها عن طريق المنطق خطأ، أو أن إقامة البرهان بواسطة المنطق خطأ بل معناه أن الاعتماد في البرهان على الأساس المنطقي خطأ وجعل المنطق أساساً في إقامة الحجج خطأ فيجب أن يعجل الحس هو الأساس في الحجة والبرهان. أمّا المنطق فإنه يجوز أن يقام به البرهان على صحة القضية وهو يكون صحيحاً إذا صحت قضاياها جميعها وانتهت هي والنتيجة معاً إلى الحس، وكانت صحة النتيجة آتية من الاستنتاج من القضايا لا من شيء آخر، إلا أن وجود إمكانية وقوع المغالطة فيه يوجب أن لا يُجعل أساساً في إقامة الحجة لأنه ككل أساس ظني فيه إمكانية الخطأ وإن كان يمكن أن يكون الاستدلال في بعض صورة يقينياً، ويجب أن يُجعل الأساس في البرهان هو الحس لأنه ككل أساس قطعي في وجود الشيء لا يمكن أن ينطرق إليه أي خطأ.</p> <p>ثانياً - إن المتكلمين خرجوا على الواقع المحسوس، وتجاوزوه إلى غير المحسوس فهم بحثوا فيما وراء الطبيعة، في ذات الله وفي صفاته، فيما لم يصل إليه الحس، وشبكوا ذلك مع الأبحاث المتعلقة بالمحسوس، وأفرطوا في قياس الغائب على الشاهد، أعني في قياس الله على الإنسان، فأوجبوا على الله العدل</p> <p style="text-align: center;">٦١</p>
--	---

Terjemahan:

Dunia Islam pada hari ini adalah Darul Kufur kerana tidak berhubung dengan hukum Islam.

Secara tepatna, Hizbut Tahrir tidak menyebut di situ “*negara Islam moden*”, tetapi apa yang disebut ialah “*dunia Islam pada hari ini*”. Terjemahan yang dilakukan oleh JFNJ adalah tidak tepat dari sudut istilah dan juga konteks yang digunakan oleh Hizbut Tahrir.

Apa yang dimaksudkan oleh Hizbut Tahrir ialah tidak ada satu negara pun dalam dunia Islam pada hari ini yang boleh digelar sebagai Darul Islam (Negara Islam) tetapi semuanya adalah Darul Kufur (Negara Kufur). Ini kerana tidak ada satu negara pun yang menerapkan hukum Islam secara *kaffah*, walaupun terdapat sebahagian kecil hukum Islam dalam bab keluarga, perkahwinan, wasiat, harta pusaka dan seumpamanya diterapkan dalam negara berkenaan. Perbincangan yang terperinci berhubung perkara ini terdapat dalam kitab kami, *asy-Syakhsyiyah al-Islamiyyah* Jilid 2 dan juga kitab *Muqaddimah ad-Dustur* au *al-Asbab al-Mujibah* Lahu. JFNJ seharusnya merujuk kepada kedua-dua kitab ini sebagai rujukan yang lebih tepat dan terperinci.

Ya benar kami akui bahawa semua negara yang ada di dunia pada hari ini ialah Negara Kufur. Persoalannya apakah hal ini menjadikan akidah Hizbut Tahrir bercanggah dengan akidah Ahli

Sunnah Wal Jamaah? Sesungguhnya persoalan ini merupakan persoalan fiqh dan realiti, dan ia termasuk dalam persoalan syariat, bukannya persoalan akidah! Bagaimana mungkin JFNJ boleh menyatakan fahaman Hizbut Tahrir dalam hal ini bercanggah dengan akidah, sedangkan persoalan ini tidak termasuk dalam bab akidah pun!?

Adakah seseorang akan tergelincir akidahnya jika dia berpandangan bahawa Malaysia adalah Negara Kufur, atau Indonesia adalah Negara Kufur atau Pakistan, Iraq, Iran dan lain-lain adalah Negara Kufur? Adakah seseorang itu akan terpesong akidahnya jika dia berpandangan bahawa New Zealand adalah negara Islam, atau Amerika ialah Negara Islam? Dengan kata lain, adakah penetapan status sebuah negara (Islam atau kufur) terkait dengan persoalan akidah sehingga boleh menggelincirkan akidah seseorang? Adakah seseorang yang berpandangan bahawa Iran ialah Negara Islam, maka akidahnya benar? Lalu kemudian apabila ia mengkajinya, atau ia pergi ke Iran dan melihat sendiri realitinya, ia menukar pendapatnya bahawa Iran ialah Negara Kufur – maka apakah akidahnya telah tergelincir kerana pandangannya ini?!

Kami merasa sungguh aneh apabila mereka yang mempunyai kelulusan yang cukup tinggi yang menganggotai JFNJ boleh berpandangan bahawa Hizbut Tahrir telah bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, hanya kerana berpandangan bahawa tidak ada Negara Islam pada hari ini! Bagaimana mungkin persoalan fiqh tentang realiti boleh menjadikan akidah seseorang terpesong? Ini belum lagi kami kemukakan pandangan para ulama Ahlu Sunnah dalam bab ini, yang kami akan terangkan di bawah.

Sebelum membincangkan lebih jauh, JFNJ seharusnya tahu membezakan antara istilah Daulah Islamiyyah, Darul Islam, Bilad al-Muslimin, Wilayah al-Islam, Wilayah al-Muslimin, Alam al-Islami dan beberapa istilah yang terkait dengannya yang sering digunakan oleh Hizbut Tahrir dan juga para ulama. Ia perlu difahami dengan benar kerana istilah-istilah tersebut mempunyai makna yang tersendiri dan ada perbezaan di antara mereka.

Bilad al-Muslimin (negeri kaum Muslimin) atau dalam Bahasa Inggerisnya “*Muslim countries*”, ialah wilayah atau negeri yang diperintah oleh kaum Muslimin seperti Malaysia, Indonesia, Brunei, Arab Saudi, Iraq, Mesir, Jordan, Pakistan, Uzbekistan dan lain-lain. Dengan kata lain, negeri yang diperintah oleh orang-orang kafir tidak termasuk dalam *Bilad al-Muslimin*.

Manakala *Alam al-Islami* (dunia Islam) ialah merujuk kepada keseluruhan *Bilad al-Muslimin*.

Bilad al-Islam, *Wilayah al-Islam* atau *Wilayah al-Muslimin* pula merupakan keseluruhan negeri kaum Muslimin, dan termasuklah negeri yang pernah diperintah oleh kaum Muslimin yang kemudiannya dijajah atau telah bertukar kepada pemerintahan kafir seperti Sepanyol, Filipina (Selatan) dan termasuklah apa yang dinamakan sebagai “Israel” sekarang. Kesemuanya adalah wilayah umat Islam, walaupun kini telah dirampas oleh orang-orang kafir.

Manakala *Darul Islam* (*Islamic State*) bermaksud negara yang menerapkan hukum Islam dan keamanannya (termasuk kekuasaan) berada di tangan orang-orang Islam.

Manakala istilah *Daulah Islamiyyah* (atau *Daulah Khilafah*) merupakan rangkuman keseluruhan Darul Islam, tidak kira berapa banyak sekali pun jumlahnya.

Untuk lebih jelas, kami berikan contoh – selepas Rasulullah (saw) berhijrah ke Madinah, maka Madinah yang sebelumnya merupakan Darul Kufur, telah bertukar menjadi Darul Islam dan sekali gus merupakan Daulah Islamiyyah. Apabila *fathu* Mekah, Mekah yang sebelumnya Darul Kufur, telah bertukar menjadi Darul Islam kerana telah tunduk kepada kekuasaan Islam, bergabung dengan Daulah Islam (Madinah), diterapkan hukum-hukum Islam di dalamnya dan keamanannya dijaga oleh kaum Muslimin. Lalu, Madinah dan Mekah, kedua-duanya merupakan Darul Islam, dan rangkuman keduanya dikenali sebagai Daulah Islamiyyah.

Apabila Islam telah mula berkembang ke seluruh Jazirah Arab, dan kemudian ke Syam, dan kemudian berjaya menewaskan Rom dan Parsi, maka kesemua negeri yang baru dibuka oleh Islam dan masuk ke dalam pemerintahan Islam, telah bertukar menjadi Darul Islam, dan rangkuman keseluruhannya dikenali sebagai Daulah Islamiyyah. Selepas kewafatan Rasulullah (saw) dan teraju kepimpinan umat Islam diambil alih oleh Abu Bakar, bermula dari situ, Daulah Islamiyyah juga dipanggil sebagai Daulah Khilafah.

Setelah kejatuhan Daulah Khilafah, satu per satu negeri kaum Muslimin telah dijajah oleh puak kuffar sehingga negeri-negeri tersebut telah terlepas (terpisah) daripada Daulah Islamiyyah. Mereka bukan lagi Darul Islam, dan bukan lagi sebahagian daripada Daulah Islamiyyah. Status mereka telah bertukar menjadi Darul Kufur kerana hukum Islam sudah tidak lagi berlaku di situ dan di kebanyakan negara, keamanannya tidak lagi berada di bawah Islam. Namun demikian, mereka tetap kekal sebagai *Bilad al-Muslimin* dan *Wilayah Islam* sampai sekarang. Status mereka insya Allah akan bertukar sekali lagi kepada Darul Islam apabila tegaknya Khilafah sedikit masa lagi, apabila pada waktu itu hukum-hakam Islam diterapkan sepenuhnya oleh Khalifah dan keamanannya dijaga oleh kaum Muslimin.

Nah, inilah yang perlu difahami oleh JFNJ dan umat Islam tentang pembahasan dan maksud istilah-istilah ini. Pembahasan tentang Darul Islam dan Darul Kufur ini amat penting kerana ia melibatkan banyak hukum yang terkait dengannya, seperti hukum berkenaan warganegara, perjanjian antarabangsa, dan termasuklah hukum jihad. Atas dasar itu, pembahasan mengenai Darul Islam dan Darul Kufur ini dibahas dengan mendalam oleh para ulama, termasuklah oleh Hizbut Tahrir.

Hizbut Tahrir mendefinisikan Negara Islam (*Darul Islam*) sebagai negeri yang di dalamnya diterapkan hukum-hukum Islam, dan keamanannya di dasarkan pada keamanan Islam (dijaga oleh kaum Muslimin sepenuhnya). Manakala Negara Kufur (*Darul Kufur*) adalah negeri yang di dalamnya diterapkan undang-undang kufur, dan keamanannya berdasarkan selain keamanan Islam [Hizbut Tahrir, *Muqaddimah ad-Dustur au al-Asbab al-Mujibah Lahu*, Fasal 2].

Di dalam kitab asy-Syakhsiyyah al-Islamiyyah, Jilid 2, di bawah tajuk Darul Kufur dan Darul Islam, Hizbut Tahrir menjelaskan bahawa untuk menetapkan status sebuah wilayah itu sebagai Darul Islam atau Darul Kufur, mesti melihat pada dua hal: **Pertama**, hukum Islam, dan **kedua**, aspek

keamanan berada di tangan kaum Muslimin atau kekuasaan kaum Muslimin. Kalau dalam suatu wilayah terdapat dua unsur ini, yakni menerapkan hukum Islam dan aspek keamanannya berada pada kaum Muslimin atau penguasa Muslim, maka wilayah tersebut adalah Darul Islam, dan dapat menentukan (dirinya) beralih dari Darul Kufur menjadi Darul Islam. Namun jika salah satu unsur tersebut tidak terpenuhi, maka tidak boleh dianggap sebagai Darul Islam.

Demikian juga (jika) Darul Islam tidak lagi menerapkan hukum-hukum Islam, hakikatnya ia (bertukar) menjadi Darul Kufur. Sama juga jika suatu wilayah menerapkan hukum-hukum Islam, tetapi keamanannya tidak berada dalam kekuasaan kaum Muslimin, di mana keamanannya berada di tangan orang-orang kafir atau penguasa kufur, maka ini juga menjadikan wilayah tersebut sebagai Darul Kufur.

Dengan demikian, semua negeri Islam (*bilad al-Islam*) saat ini merupakan Darul Kufur, kerana faktanya mereka tidak menerapkan hukum-hukum Islam. Dan sesuatu wilayah akan tetap disebut sebagai Darul Kufur walaupun orang-orang kafir memberlakukan hukum-hukum Islam pada penduduk Muslim, selama mana hal itu berlangsung di bawah kekuasaan dan kendali keamanannya berada di bawah orang-orang kafir tersebut.

Untuk mengubah *Bilad al-Muslimin* menjadi Darul Islam, maka wajib diterapkan hukum-hukum Islam di wilayah tersebut dan kendali keamanannya berada di tangan kaum Muslimin atau penguasa Muslim.

Berdasarkan huraian di atas, maka fakta sesebuah wilayah, untuk dilekatkan kata “Islam” atau “kufur”, adalah ditentukan oleh penerapan hukum di wilayah tersebut dan jaminan keamanannya, kerana hal itu merupakan bahagian yang tidak terpisah daripada konsekuensi hukum.

Ketika Darul Islam tidak lagi menerapkan hukum Islam, atau keamanannya tidak lagi berada di tangan kaum Muslimin, maka wilayah itu (bertukar) menjadi Darul Kufur, hanya dengan hilangnya salah satu dari dua syarat tadi. Dengan demikian, kedua-dua unsur di atas adalah syarat mutlak yang mesti dipenuhi bagi sesebuah wilayah untuk dianggap sebagai Darul Islam.

Begitu juga dengan Darul Kufur, maka ia tidak akan berubah menjadi Darul Islam kecuali dengan terpenuhinya dua syarat di atas (iaitu) diterapkannya hukum-hukum Islam dan kendali keamanan ditentukan oleh kaum Muslimin. Selagi kedua-dua syarat itu tidak terpenuhi, selagi itulah wilayah tersebut akan tetap dianggap sebagai Darul Kufur.

Penerapan hukum Islam dan kendali keamanan berada di tangan kaum Muslimin adalah dua syarat yang mesti ada untuk menyatakan bahawa sesebuah wilayah itu merupakan Darul Islam atau tidak.

Untuk menentukan suatu wilayah itu sebagai Darul Islam atau Darul Kufur, ia terkait erat dengan realiti (*waqi'*) wilayah tersebut.

Inilah pandangan Hizbut Tahrir dalam hal ini, dan kami tidak ada keraguan sedikit pun, dan kami juga tidak pernah meragu-ragukan umat Islam dalam hal ini. Penjelasan, pandangan dan pegangan kami amat jelas dalam hal ini. Jika JFNJ merasa ragu-ragu, seharusnya JFNJ mengkaji dan bertanya kepada kami bagi menghilangkan keraguan tersebut, bukannya dengan mengeluarkan sebuah fatwa fitnah!

Pandangan Para Ulama Mengenai Darul Islam dan Darul Kufur

Bagaimana pun, untuk menghilangkan keraguan bagi mereka yang masih ragu-ragu, dan bagi mereka yang berusaha meragu-ragukan umat Islam akan pandangan kami ini, maka di bawah ini kami paparkan pandangan para ulama Ahlu Sunnah berhubung persoalan ini. Sila ambil perhatian bahawa sebahagian ulama menggelar Darul Kufur sebagai Darul Harb, kedua-duanya membawa makna yang sama:

Mazhab Hanafi mendefinisikan Darul Islam sebagai negeri yang memanifestasikan hukum Islam [‘Alauddin bin Mas’ud al-Kasani, *Bada’i’u as-Shana’i fi Tartib asy-Syara’i*, Juz 9, hal. 519].

<p style="text-align: right;">كتاب السير</p> <p style="text-align: left;">٥١٩</p> <p>الدارين؛ دار الإسلام، ودار الكفر؛ لتعرف الأحكام التي تختلف باختلافهما، ومعرفة ذلك مبنية على معرفة ما به تصير الدار دار إسلام أو دار كفر؛ فنقول: لا خلاف بين أصحابنا في أن دار الكفر تصير دار إسلام بظهور أحكام الإسلام فيها. واختلفوا في دار الإسلام أنها بماذا تصير دار الكفر. قال أبو حنيفة إنها لا تصير دار الكفر إلا بثلاث شرائط:</p> <p>أحدها ظهور أحكام الكفر فيها، والثاني أن تكون متاخمة لدار الكفر والثالث ألا يبقى فيها مسلم ولا ذمي آمناً بالأمان الأول، وهو أمان المسلمين وقال أبو يوسف، ومحمد - رحمهما الله -: إنها تصير دار الكفر بظهور أحكام الكفر فيها. وجه قولهما إن قولنا دار الإسلام، ودار الكفر إضافة دار إلى الإسلام وإلى الكفر وإنما تضاف الدار إلى الإسلام أو إلى الكفر لظهور الإسلام أو الكفر فيها، كما تسمى الجنة دار السلام، والنار دار البوار، لوجود السلامة في الجنة والبوار في النار، وظهور الإسلام والكفر بظهور أحكامهما، فإذا ظهرت أحكام الكفر في دار، فقد صارت دار كفر، فصحت الإضافة، ولهذا صارت الدار دار الإسلام بظهور أحكام الإسلام فيها من غير شريطة أخرى، فكذا تصير دار الكفر بظهور أحكام الكفر فيها، والله أعلم.</p> <p>وجه قول أبي حنيفة - رحمه الله -: إن المقصود من إضافة الدار إلى الإسلام، والكفر ليس هو عين الإسلام والكفر، وإنما المقصود هو الأمن والخوف، ومعناه: أن الأمان إن كان للمسلمين فيها على الإطلاق والخوف للكفرة على الإطلاق فهي دار الإسلام، وإن كان الأمان فيها للكفرة على الإطلاق والخوف للمسلمين على الإطلاق فهي دار الكفر، والأحكام مبنية على الأمان والخوف لا على الإسلام والكفر، فكان اعتبار الأمان والخوف أولى، فما لم تقع الحاجة للمسلمين إلى الاستئمان، بقي الأمن/الثابت فيها على الإطلاق، فلا تصير دار الكفر، وكذا الأمن الثابت على الإطلاق لا يزول إلا بالمناخمة لدار الحرب فتوقف صيرورتها دار الحرب على وجودها، مع ما إن إضافة الدار إلى الإسلام احتمال أن يكون لما قلتم واحتمل أن يكون لما قلنا فإن كانت الإضافة لما قلتم تصير دار الكفر بما قلتم، وإن كانت الإضافة لما قلنا: لا تصير دار الكفر إلا بما قلنا، فلا تصير ما به دار الإسلام بيقين دار الكفر بالشك والاحتمال على الأصل المعهود إن الثابت بيقين لا يزول بالشك والاحتمال، بخلاف دار الكفر؛ حيث تصير دار الإسلام</p>	
---	--

Terjemahan:

“Tidak ada perbezaan di kalangan fuqaha kami, bahawa Darul Kufur boleh berubah menjadi Darul Islam dengan zahirnya hukum-hukum Islam di sana. Mereka berbeza pendapat mengenai Darul Islam, bilakah ia akan berubah menjadi Darul Kufur? Abu Hanifah berpendapat bahawa

Darul Islam tidak akan berubah menjadi Darul kufur kecuali jika telah memenuhi tiga syarat. Pertama: telah tampak jelas diberlakukannya hukum-hukum kufur di dalamnya. Kedua: meminta perlindungan kepada Darul Kufur (yang lain). Ketiga: Kaum Muslimin dan dzimmi tidak lagi dijamin keamanannya, seperti halnya keamanan yang mereka dapat pertama kali (yakni jaminan keamanan di bawah kekuasaan Islam). Abu Yusuf dan Muhammad berkata, 'Darul Islam akan berubah menjadi Darul Kufur jika di dalamnya telah tampak jelas hukum-hukum kufur'."

Mazhab Maliki mendefinisikan Darul Islam sebagai negeri di mana syiar-syiar Islam atau dominasi syiar-syiar tersebut ditegakkan di dalamnya [Syamsuddin Muhammad 'Arafah ad-Dasuqi, *Hasyiyah ad-Dasuqi 'ala Syarh al-Kabir*, Juz 2, hal 188].



Terjemahan:

Bilad al-Islam tidak akan berubah menjadi Darul Harb akibat pengambilannya secara paksa oleh kaum kuffar, selama mana syiar Islam masih wujud di dalamnya...

Mazhab Hambali mendefinisikan Darul Islam sebagai negeri yang diduduki oleh kaum Muslimin dan hukum Islam diterapkan di dalamnya [Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah, *Ahkam Ahl adz-Dzimmah*, hal 728].

أحكام أهل دار الإسلام

تأليف

الشيخ العلامة شمس الدين أبي عبد الله محمد بن أبي بكر

ابن قيم الجوزية

٦٩١ - ٧٥١ هـ

مصحف رواته

أبي بكر
يوسف بن أحمد الجوزي
و شاكركم توفيق الماوربي

المجلد الأول

رماد للنشر

بالجزية، وأما عباد الأوثان فأسلموا على يد علي ومعاذ وأبي موسى^(١)، فلم تختلف الدار بين هؤلاء وبين نسايتهم.

قال الجمهور: دار الإسلام هي التي نزلها المسلمون وجرت عليها أحكام الإسلام، وما لم تجر عليه أحكام الإسلام لم يكن دار إسلام وإن لاصقتها، فهذه الطائف قريبة إلى مكة جداً ولم تصر دار إسلام بفتح مكة، وكذلك الساحل.

وأما اليمن فلا ريب أنه كان قد فتش فيهم الإسلام، ولم يستوثق كل بلادها بالإسلام إلا بعد وفاة النبي صلى الله عليه وسلم في زمن خلفائه، ولهذا أتوا بعد موت النبي صلى الله عليه وسلم أرسالا^(٢) وفتحوا البلاد مع

(١) تقدم في الفصل (رقم ١١٧) ذكر الأحاديث التي تبين إرسال النبي صلى الله عليه وسلم لمعاذ وأبي موسى وعلي رضي الله عنهم إلى اليمن لدعوة الناس إلى الإيمان بالله، وتقدم تخريجها هناك .

(٢) كان قدوم أرسال اليمن في زمن الخليفة عمر بن الخطاب رضي الله عنه، جاء بيان ذلك في الحديث الذي أخرجه مسلم (٩٥/١٦-٩٦) من حديث أسير بن جابر قال : كان عمر ابن الخطاب إذا أتى عليه أمداد أهل اليمن سألتهم أنيكم أويس بن عامر حتى أتى أويس ، فقال : أنت أويس بن عامر؟ قال نعم . قال: من مراد ثم من قرن ؟ قال: نعم . قال: فكان بك برص فبرأت منه إلا موضع درهم ؟ قال: نعم . قال لك والدة؟ قال : نعم . قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: يأتي عليهم أويس بن عامر مع أمداد أهل اليمن من مراد من قرن كان به برص فبرأ منه إلا موضع درهم، له والدة وهو بها بار لو أقسم على الله لأبره، فإن استطعت أن يستغفر لك فافعل فاستغفر لي ، فاستغفر له .. الحديث .

-٧٢٨-

Terjemahan:

Jumhur berkata: Darul Islam ialah negeri yang diduduki kaum Muslimin dan berlaku (diterapkan) di dalamnya hukum-hukum Islam. Jika tidak diterapkan di dalamnya hukum-hukum Islam, maka ia bukan Darul Islam.

Mazhab Syafie mendefinisikan Darul Islam sebagai setiap wilayah, yang penduduknya mampu mempertahankan diri dari serangan musuh [Shamsuddin Muhammad bin Abi al-'Abbas ar-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj 'ala Syarh al-Minhaj*, Juz 8, hal. 82].

فلا يدخل ذلك كله (في الأصح) لما ذكر (إلا بشرط) حيث كان المؤمن غير الإمام ، ثم ثابته ومركوبه وآلة استعماله ونفقة مدة أمانه الضروريات تدخل من غير شرط . وحاصل ذلك دخول مأمعه في الأمان عما لا يد له منه غالبا كتيابه ونفقة مدته مطلقا وما زاد على ذلك يدخل أيضا إن كان المؤمن الإمام وإلا لم يدخل إلا بشرط وما خلقه في دار الحرب يدخل إن أئنه الإمام وبشرط دخوله وإلا فلا (والمسلم بدار كفر) أي حرب والأوجه أن دار الإسلام التي استولوا عليها كذلك (إن أمكنه إظهار دينه) لشرفه أو شرف قومه وأمن فتنة في دينه ولم يرج ظهور الإسلام ثم بمقامه (استحب له الهجرة) إلى دار الإسلام لئلا يكفر سوادهم ، وربما كادوه ولم تجب لقدرته على إظهار دينه ولم يحرم لأن من شأن المسلم بينهم القهر والعجز ، ومن ثم لو رجا ظهور الإسلام بمقامه ثم كان مقامه أفضل أو قدر على الامتناع والاعتزال ثم ولم يرج نصرته المسلمين بالمهجرة كان مقامه واجبا لأن عمله دار الإسلام ، فلو داجر لصار دار حرب ، ثم إن قدر على قتالهم ودعائهم للإسلام لزمه وإلا فلا . واعلم أنه يؤخذ من قولهم لأن عمله دار الإسلام أن كل عمل قدر أهله فيه على الامتناع من الحربيين صار دار إسلام ، وحينئذ فينتجه تعذر عوده دار كفر وإن استولوا عليه كما صرح به في خير « الإسلام يعلو ولا يعلى عليه » فقولهم لصار دار حرب المراد به صيرورته كذلك صورة لاحكاما ، وإلا لزم أن ما استولوا عليه من دار الإسلام بصير دار حرب وهو بعيد (والأولى) بأن لم يمكنه إظهار دينه وخاف فتنة فيه (وجبت) الهجرة (إن أطاقها) وعصى بإقامته ولو أنه لم يجد محرما مع أمنها على نفسها ، أو كان خوف الطريق أقل من خوف الإقامة كما لا يخفى ، فإن لم يقطعها فظهور لقوله تعالى - إن الذين توغاهم الملائكة ظلمى أنفسهم - وغيره لانتقطع الهجرة ما قوتل الكفار ، وخير « لا هجرة بعد الفتح » أي من مكة لكونها صارت دار إسلام إلى يوم القيامة (ولو قدر أسير على هرب لزمه) وإن أمكنه إظهار دينه كما صححه الإمام وتبعه القمولى ، وهو الأصح لأن الأسير في يد الكفار مقهور مهان فكان ذلك عليه تخليصا لنفسه من رق الأسر (ولو أطلقوه بلا شرط فله اغتيالهم) قتلا وسبيا وأخذنا للعمال لأنهم لم يستأمنوه ، وليس المراد هنا حقيقة الخلة وهي أن يمدعه فيذهب به لكان خال ثم يقتله (أو) أطلقوه (على أنهم في أمانه) أو عكسه (حرم) عليه اغتيالهم لأن الأمان من أحد الجانبين متمنر . نعم إن قالوا أمانك ولا أمان لنا عليك جاز له اغتيالهم (فإن تبعه قوم) أو واحد منهم بعد خروجه (فليدفعهم) حتى إن حاربوه وكانوا مثليه فأقل وإلا فتدبا على ما قاله بعضهم وهو مردود بما مر أن الثبات للضعف إنما يجب في الصف (ولو يقتلهم) ابتداء ولا يلزمه رعاية التدريع كالمصائل لا تناقض أمانهم : أي حيث قصدوا نحو قتلهم وإلا لم ينتقض فيدفعهم كالمصائل إذ الذي ينتقض عهده بقتالنا فالؤمن أولى (ولو شرطوا) عليه (أن لا يخرج من دارهم لم يخر) له (الوفاء) بها (قوله حيث كان المؤمن غير الإمام) أي فإن كان الإمام دخل بلا شرط (قوله له الهجرة) أي ما لم يتدر على الامتناع

نَهَائِيَةُ الْمُحْتَجَّاجِ إِلَى شَرْحِ الْمُنْهَاجِ فِي الْفِقْهِ عَلَى مَذْهَبِ الْإِمَامِ الشَّافِعِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ

تأليف

شمس الدين محمد بن أبي القاسم أحمد بن محمد

ابن شهاب بالسرين الرطلي المنوفي الشافعي الأنصاري

المتوفى بالشافعي الصغير المنوفي سنة ١٠٠٩هـ

ومعه

١- هاشمية أبي الضياء وغيره الشافعي علي بن علي الشافعي القاهري
المتوفى سنة ١٠٨٧هـ

٢- هاشمية أحمد بن عبد العزيز بن أبي محمد بن أحمد المعروف بالمشافعي الشافعي
المتوفى سنة ١٠٩٦هـ

الجزء الثاني

مستنورات

محمد بن أبي بكر بن محمد

لشرفه سطره الكائن بالهاتفية

دار الكتب العلمية

بيروت - لبنان

Terjemahan:

Darul Islam adalah setiap wilayah yang penduduknya mampu mempertahankan diri dari serangan kaum harbi (musuh)...

Hal yang senada dinyatakan oleh Syekh Shihabuddin bin Hajar al-Haitami dalam *Tuhfat al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj*, Juz 9, hal. 269.

ولم يرح ظهور الإسلام هناك بمقامه (استحب له الهجرة) إلى دار الإسلام إلا لكثر سوادهم وربما كانوا يوم توجب لغدرته على إظهار دينه ولم تحرم لأن من شأن المسلم بينهم الفرو والعجز ومن ثم لم يرحوا ظهور الإسلام بمقامه فضل أو قدر على الامتناع والاعتزال بهم لم يرح نصرته المسلمين بالهجرة كان مقامه واجبا لأن عمله دار إسلام فهو حارب لصادار حارب ثم إن قدر على قتالهم ودعاهم للإسلام لزمه والإفلا (نبيه) يؤخذ من قولهم لأن عمله دار إسلام أن كل عمل قدر أهله فعل الامتناع من (٣٦٩) الحريين صادار إسلام وجهت الظاهر أنه

(قوله ولم يرح الخ) ولم يقد على الامتناع والاعتزال فهو لم يرح نصرته الإسلام هجرته أخذنا بما بقي أه ع (قوله بمقامه) بدل من هناك (قول المتن استحب له الهجرة) وبني تقييده بما إذا لم يكن في إقامته مصلحة للمسلمين ولو حصل التقوى بالضعفاء العاجزين عن الهجرة أخذنا بما بقي في نبرح والإوجيت إن اطابقا (قوله) لئلا يكثر الخ) بناء الفاعل من التكثير (قوله) وبما كادوه) أي أو يميل إليهم اسمي ومعنى (قوله) ولم يرحب) أي الهجرة أه ع (قوله) ومن ثم) لعل المشار إليه قوله لأن من شأن المسلم الخ (قوله والاعتزال) المراد به اغياره عنهم في مكان من دارهم بجبري (قوله بالهجرة) أي بجبري إليهم أه ع (قوله كما صرح به الخبر الصحيح الإسلام بطول الخ) دعوى صراحة الحديث فيما أفاده على تأمل إذ التبادر منه المراد بعبارة انتشاره واشتهاره وإيجاد الكفر إلى أن يأتي الوقت الموعود به قرب الساعفة وهذا الأنيق صيرورة بعض داره حارب لاني غلبة الكفار لاهل نصرتهم عليهم في كثير من الواقع أه سيدعمر (قوله قولهم الخ) هذا التاويل خلاف ظاهر اللفظ إذ المتبادر كونه كذلك حقيقة وحكا لاصورة فقط وبعبارة من حيث المعنى اذ صيرورته كذلك صورة فقط لا محذور كليا فيه فلتأمل أه سيدعمر وقد يقال ان الشارح على التاويل المذكور بقوله والإلزام الخ فقدمه دون عمله مكاربة فظ على المناظرة (قوله بذلك) أي يعود دار إسلام دار حارب وكذا اضيق عليه (قوله على ملاكها) أي مستعملا عليهم (قوله وهو في غاية البعد) بل يخالف للمصروا به ان المسلم لا يزل ملكه باخذ أهل الحرب له منه فخر الفعل من وصل إليه ولو بشر أمرده إليه كما مر في الفصل السابق (قوله يسكنه المسلمون) أي في الحال (قوله أولا) يسكن الوالو (قوله وعدمه القسم الثاني) أي من دار الإسلام (قوله قال) أي ثم قال الرافعي (قوله إن عمله) أي كفاية الاستيلاء القديم (قوله وحيد فكلام صريح الخ) يتأمل هذه الصراحة ان ما أخذها مما سبق في كلامه أه سيدعمر قول مأخذها رواية الرافعي وغيره عن الاصحاب أنهم عدوا القسم الثالث من دار الإسلام به يندفع إضماما في سم المبنى على ان ما أخذها قول الرافعي فقد يوجد في كلامهم ما يشر الخ (قوله مطلقا) أي غلب عليه الكفار بعد ما لا سمو المسلمين منها (قوله لا (قوله يمكنه) إلى قوله لكن إن منعت في المعنى لا قوله وأهم بالاقامة إلى قوله واستثنى في النهاية (قوله وجهت الهجرة) وسببت هجرة دارهم هجروا ديارهم ولم يقيدوا ذلك بالمرتين ولا بوجود الزاد والرافعي يبيّن عدم الوجه الثاني لأنه يكفر

حاشيتي

تحفة المحتاج بشرح المنهاج

للعلامة القدامين والإمامين القدوتين العلامة العارف بالله الشيخ عبد الحميد الشرواني نزيل مكة المكرمة مؤيد الامام المحقق والعلامة المدقق الشيخ احمد بن قاسم العيادي على تحفة المحتاج بشرح المنهاج تأليف الامام العالم العلامة الأرحم الشهامة عاتمة المحققين شهاب الدين احمد ابن حجر الهيتمي الصافي نزيل مكة المشرفة تلمذ الله الجميع برحمته امين

(الجزء التاسع)

(وبها مشه تحفة المحتاج بشرح المنهاج)

(تبيته) قد وضعت حاشية العلامة الشيخ عبد الحميد الشرواني في أول كل صحيفة وحاشية الامام ابن قاسم العيادي في آخر كل صحيفة مفصلا بينهما بمدر لولو جعلت التعقيب تابعة لحاشية الشرواني (رواجت وصححت على عدة نسخ بمعرفة لجنة من العلماء)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
مُعْتَمَدَةٌ مَعْتَمَدَةٌ مَعْتَمَدَةٌ
مُعْتَمَدَةٌ مَعْتَمَدَةٌ مَعْتَمَدَةٌ
مُعْتَمَدَةٌ مَعْتَمَدَةٌ مَعْتَمَدَةٌ

Terjemahan:

Darul Islam adalah setiap wilayah yang penduduknya mampu mempertahankan diri dari serangan kaum harbi (musuh)...

Para fuqaha' mazhab Syafie juga menambah bahawa syarat Darul Islam itu termasuk bahawa penduduknya tidak semestinya orang Islam, tetapi cukup dengan negeri tersebut berada di bawah kekuasaan seorang Imam (Khalifah) dan ke-Islamannya [Ar-Rafi'i, al-'Aziz, *Syarh al-Wajiz*, Juz 6, hal. 404].

وقال أبو إسحاق العروزي: إنه مسلم، لأن الدار دار الإسلام، وربما بقي فيها من يَكْفُرُ إيمانه، وإن كان فيها من يعرف بالإسلام، فهو مُسْلِمٌ.

وقال الإمام: يجوز أن تجرى هذه الدار مجزئاً دار الكفر؛ لغلبة الكفار عليها.

وأعلم أن عددهم الضرب الثالث من دار الإسلام يُبَيِّنُ أنه ليس من شرط دار الإسلام أن يكون فيها مسلمون، بل يكفي كونها في يد الإمام واستيلائه.

وأما عددهم الضرب الثالث منها، فقد يوجد في كلام الأضحاب ما يُشعرُ بأن الاستيلاء القديم يكفي؛ لاستمرار الحكم، ورأيت لبعض المتأخرين تنزيل ما ذكره على ما إذا كانوا لا يمتنعون المسلمين منها، فإن متغومهم، فهي دار كُفْرٍ.

وأما دار الكفر، إن لم يكن فيها مسلم، فالقبط الذي يوجد فيها محكوم بكفره، وإن كان فيها تجار من المسلمين ساكنون، فوجهان:

أحدهما: أنه كافر، تبعاً للدار.

وأشبههما، ويحكي عن ابن أبي هريرة: أنه مسلم؛ لقيام الاحتمال؛ تغليباً للإسلام، ويجري الوجهان فيما إذا كان فيها أسارى، ورأى الإمام ترتيب الخلاف إفيهِ عَلَى الخلاف^(١) من التجار؛ لأنهم تحت الضبط^(٢)، قال، ويُشبه أن يكون الخلاف في قوم ينتشرون، إلا أنهم ممنوعون من الخروج من البلدة، فأما المحبوسون في المطامير، فينتج ألا يكون لهم أثر، كما لا أثر لطرق العابرين من المسلمين، وحيث حكمتنا للقبط بالكفر، فلو كان أهل البقعة أصحاب بئل مختلفة، فالقياس أن يجعل [من] خيرهم ديناً^(٣). وقوله في الكتاب: «فكل قبط وجد في دار الإسلام، فهو محكوم بإسلامه» مطلق، لكن قد عرفت بما ذكرنا أن الأمر فيه على التفصيل، إلا أن يريد به الضرب الأول خاصة، فيكون الكلام على إطلاقه.

وقوله: «إلا إذا كان فيها مسلم ساكن» أشار [به] إلى الطروق، والأختياز لا أثر له. إذا عرفت ذلك، فالضبي المحكوم بإسلامه بتبعه الدار، إذا بلغ وأغزب عن نفسه

العنبر

شرح الوجيز

المعروف بالشرح الكبير

تأليف

الإمام أبو العباس عبد الكريم بن محمد بن عبد الكريم الرافعي الرومي الشافعي

المتوفى سنة ٥٦٣هـ

تصحيح وتعليق

الشيخ علي محمد معوض
الشيخ عادل أحمد عبد الموجود

المجلد السادس

مجموع على الكتب التالية:

الغرض - المساقاة - البعارة - الخالة - إنباء المزارع - الرقص
الربذة - القطة - القبط - الفرائض

دار الكتب العلمية

بيروت - لبنان

Terjemahan:

Dan ketahuilah dari perkiraan mereka pada poin ketiga mengenai Darul Islam, jelas bahwa tidak disyaratkan Darul Islam itu mesti ada orang Islam di dalamnya, bahkan cukup hanya dengan kewujudan seorang Imam (Khalifah) yang mengambil alih (pemerintahan).

Dari sini dapat disimpulkan bahwa jumhur fuqaha' menyatakan Darul Islam adalah negara yang dipimpin oleh syariat Islam, di mana syariat tersebut ditegakkan di dalamnya, dan keamanannya berada di bawah kaum Muslimin. Dengan kata lain, alasan disebutnya Darul Islam adalah kerana wujudnya pemerintahan kaum Muslimin yang menerapkan syariat Islam, dan kaum Musliminlah yang menjaga keamanannya.

Sebaliknya, jika di sana ternyata syariat Islam tidak diterapkan, dan tidak termanifestasi secara *kaffah*, sementara yang diterapkan dan yang termanifestasi adalah hukum selain Islam (hukum kufur), maka negara tersebut dikatakan sebagai Darul Kufur. Inilah yang disepakati oleh jumhur fuqaha' mazhab Maliki, Syafie, Hanbali dan dua pengikut Hanafi, iaitu Muhammad dan Abu Yusuf [Lihat: Ibn 'Abidin, *Rad al-Muhtar*, Juz 6, hal. 288-289].

<p>كتاب الجهاد/ باب المستأمن ٢٨٨</p>	 <p>دارالمحتمل</p> <p>الدر المختار شرح توير الأبرار</p> <p>لخاتمة المختصين</p> <p>محمد أمين السير بابن عماد بن</p> <p>مع تصحيح ابن عماد بن لفضل المؤلف</p> <p>دراسة وتحقيق وتعليق</p> <p>الشيخ عادل أحمد عبد الموجود</p> <p>الشيخ علي محمد عوف</p> <p>تم له تنظيمه</p> <p>الأستاذ الدكتور محمد بكر اسماعيل</p> <p>مدير المطابع - القاهرة</p> <p>المجلد السادس</p> <p>يحتوي على الكتب التالية</p> <p>الحدود - السرقة - الجهاد - القبط - اللقطة</p> <p>الأيق - القفود - الشركة - الوقف</p> <p>دار عالم الكتب</p> <p>للطباعة والنشر والتوزيع</p> <p>الرياض</p>
<p>من دخله فهو آمن بالنص، وسيجيء في الجنائيات (لا تصير دار الإسلام دار حرب إلا) بأمور ثلاثة: (بإجراء أحكام أهل الشرك، وباتصالها بدار الحرب، وبأن لا يبقى فيها مسلم أو ذمي أمناً بالأمان الأول) على نفسه (ودار الحرب تصير دار</p>	
<p>كتاب الجهاد/ باب العشر والخراج والجزية ٢٨٩</p>	
<p>الإسلام بإجراء أحكام أهل الإسلام فيها) كجمعة وعيد (وإن بقي فيها كافر أصلي وإن لم تتصل بدار الإسلام) درر. وهذا ثابت في نسخ المتن. ساقط من نسخ الشرح، فكانه تركه لمجيء بعضه بوضوح باقيه.</p> <p>باب العشر والخراج والجزية</p> <p>(أرض العرب) وهي من حد الشام والكوفة إلى أقصى اليمن</p> <p>تنمة: ذكر في أول جامع الفصولين: كل مصر فيه وآل مسلم من جهة الكفار يجوز منه إقامة الجمع والأعياد وأخذ الخراج وتزويج الأيامي لاستيلاء المسلم عليهم، وأما طاعة الكفرة فهي موادة ومخادعة، وأما في بلاد عليها ولاة كفار فيجوز للمسلمين إقامة الجمع والأعياد، ويصير القاضي قاضياً بتراضى المسلمين، ويجب عليهم طلب وآل مسلم اه. وقدمنا نحوه في باب الجمعة عن البرازية. قوله: (وهذا) أي قوله حربي أو مرتد إلى آخر الباب. وقوله: «لمجيء بعضه» أي المسألة الأولى فإنها ستجيء في الجنائيات. وقوله: «ووضوح باقيه» أي مسألة الدار، وفي وضوحها نظر، والله سبحانه أعلم.</p>	

Terjemahan:

Darul Islam tidak akan berubah menjadi Darul Harb (Darul Kufur) kecuali dengan berlakunya tiga perkara – dengan berlakunya hukum-hukum ahli syirik (hukum kufur), dengan wujudnya hubungannya dengan Darul Harb, dan dengan lenyapnya keamanan ke atas orang Islam dan kafir zimmi seperti keamanan awal (keamanan ketika Islam berkuasa). Manakala Darul Harb akan berubah menjadi Darul Islam dengan berlakunya hukum-hukum Islam di dalamnya, seperti (sambutan) Jumaat dan Hari Raya, meski pun yang menetap di dalamnya ialah orang-orang kafir asli dan meski pun tidak wujud hubungannya dengan Darul Islam (yang lain).

Hakikatnya, jumhur ‘ulama berpandangan bahawa negeri yang tidak menerapkan hukum Islam di dalamnya bukanlah Darul Islam, dan jika bukan Darul Islam, statusnya ialah Darul Kufur. Pendapat Ibn Qayyim di dalam kitabnya *Ahkam Ahl adz-Dzimmah*, hal. 728 menguatkan lagi pandangan ini:

أحكام أهل الذممة

تأليف

الشيخ العلامة شمس الدين أبي عبد الله محمد بن أبي بكر

إبراهيم الجوزية

٦٩١ - ٧٥١ هـ

تحقيقه وتعليقه عليه

أبي بكر
يوسف بن أحمد البكري

أبي أحمد
شاذان بن توفيق المازوني

المجلد الأول

رماد للنشر

بالجزية، وأما عبّاد الأوثان فأسلموا على يد علي ومعاذ وأبي موسى^(١)، فلم تختلف الدار بين هؤلاء وبين نسايتهم.

قال الجمهور: دار الإسلام هي التي نزلها المسلمون وجرت عليها أحكام الإسلام، وما لم تجر عليه أحكام الإسلام لم يكن دار إسلام وإن لاصقتها، فهذه الطائف قريبة إلى مكة جداً ولم تصر دار إسلام بفتح مكة، وكذلك الساحل.

وأما اليمن فلا ريب أنه كان قد فشا فيهم الإسلام، ولم يستوثق كل بلادها بالإسلام إلا بعد وفاة النبي صلى الله عليه وسلم في زمن خلفائه، ولهذا أتوا بعد موت النبي صلى الله عليه وسلم أرسلالاً^(٢) وفتحوا البلاد مع

(١) تقدم في الفصل (رقم ١١٧) ذكر الأحاديث التي تبين إرسال النبي صلى الله عليه وسلم لمعاذ وأبي موسى وعلي رضي الله عنهم إلى اليمن لدعوة الناس إلى الإيمان بالله، وتقدم تخرجها هناك .

(٢) كان قدوم إرسال اليمن في زمن الخليفة عمر بن الخطاب رضي الله عنه، جاء بيان ذلك في الحديث الذي أخرجه مسلم (٩٥/١٦-٩٦) من حديث أسير بن جابر قال : كان عمر ابن الخطاب إذا أتى عليه أمداد أهل اليمن سألتهم أنيكم أويس بن عامر حتى أتى أويس ، فقال : أنت أويس بن عامر؟ قال نعم . قال: من مراد ثم من قرن ؟ قال: نعم قال: فكان بك برص فبرأت منه إلا موضع درهم ؟ قال: نعم. قال لك والد؟ قال : نعم. قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: «يأتي عليهم أويس بن عامر مع أمداد أهل اليمن من مراد من قرن كان به برص فبرأ منه إلا موضع درهم، له والدة وهو بها بار لو أقسم على الله لأبره، فإن استطعت أن يستغفر لك فافعل» فاستغفر لي ، فاستغفر له . الحديث .

-٧٢٨-

Terjemahan:

“Jumhur (ulama) mengatakan bahawa Darul Islam adalah negara yang diduduki oleh kaum Muslimin dan diterapkan di dalamnya hukum-hakam Islam. Mana-mana negara yang tidak diterapkan di dalamnya hukum-hakam Islam, bukanlah Darul Islam meskipun kedudukannya berdekatan dengan negara yang menerapkan Islam (Darul Islam). Dan Thaif (ini), sangat dekat dengan Mekah, tetapi tidak secara automatik menjadi Darul Islam dengan peristiwa Fathul Makkah...”

Di dalam kitab *as-Siyasah asy-Syar'iyah*, hal. 69, karya Syeikh Abdul Wahhab Khalaf disebutkan,

(٦٩)

اليهم لانهم هم الذين تقضوا العمد واذنوا بالحرب وفي هذه الحال اذا كانت في يد المسلمين رهائن لايجل قتلهم لأن الوفاء بالعقد خير من التدر بالعدو وتقول الرسول ﷺ « لا تخن من خانك »

وأما الامان المؤبد فهو ما يكتسب بعقد القمة واما يتولى هذا العقد من قبل المسلمين الامام أو نائبه وهو اما يصح مع أهل الكتاب ومشركي غير العرب، ولا يصح مع مشركي العرب والمتردين . ولا يصح الا أن يكون مؤبدا . واذا عقد فهو لازم في حق المسلمين فلا يملكون تقضه بحال . وأما في حق الذميين فيقبل النقض بأحد ثلاثة أمور بإسلام من يسلم منهم . أو بلحوقه بدار الحرب . أو بثورته على المسلمين وتقلبه على بعض أممهم . وأما امتناعه عن اعطاء الجزية أو جنائته على مسلم أو ارتكابه أية جناية فردية فلا تستوجب نقض العقد . والأصل في هذا ان كل ماصدر من ذمي واحتمل أنه يؤول لنقض العقد لا ينقض به عقد القمة

٣ - دار الاسلام : هي الدار التي تجرى عليها أحكام الاسلام ويأمن من فيها بأمان المسلمين سواء أكانوا مسلمين أم ذميين ودار الحرب : هي الدار التي لا تجرى عليها أحكام الاسلام ولا يأمن من فيها بأمان المسلمين

السياسة الشرعية

أو نظام الدولة الإسلامية

في إشراق الهدى ونهاية النور

بقلم

حضرة صاحب الفضيلة العلامة المحقق الاستاذ الشيخ

عبد الوهاب خلاف

المفتي بالحاكم الشرعية

القاهرة

١٣٥٠

المطبعة السنافية - ومكتبتها

Terjemahan:

“Darul Islam ialah negeri yang diberlakukan (diterapkan) di dalamnya hukum-hukum Islam dan keamanan penduduknya berada di bawah keamanan kaum Muslimin, tidak kira apakah penduduknya Muslim atau dzimmi. Dan Darul Harb (Darul Kufur) adalah negeri yang tidak diberlakukan di dalamnya hukum-hukum Islam dan keamanan penduduknya tidak berada di bawah keamanan kaum Muslimin”

Berdasarkan keseluruhan pembahasan ulama di atas, dapat disimpulkan bahawa istilah Darul Islam dan Darul Kufur adalah istilah syarie yang ditujukan untuk menunjukkan dan menetapkan waqi’ (realiti) tertentu sesebuah negara. Penetapan itu mesti dilakukan sebab di sana adanya perbezaan hukum dan layanan pada orang yang menjadi warga negara Darul Islam dan Darul Kufur. Daripada pembahasan para ulama itu juga, kita dapat memahami syarat atau sifat yang mesti dimiliki oleh sesebuah negara hingga absah disebut Darul Islam atau tidak.

Walau bagaimanapun, perlu difahami bahawa sebutan dan penetapan Darul Kufur tidaklah bermaksud yang seluruh penduduknya menjadi kafir, sama sebagaimana sebutan dan penetapan Darul Islam tidak bermaksud yang seluruh penduduknya menjadi Muslim. Realitinya, baik Darul Islam atau Darul Kufur, terdapat penduduk Muslim dan penduduk non-Muslim di dalamnya. Dengan kata lain, status sesebuah negara (Islam atau Kufur) bukan secara automatik menjadikan status agama setiap penduduknya mengikutinya. Ini dua hal yang berbeza, dan jika ada yang

berpendapat bahawa status negara menjadikan status setiap penduduknya adalah sama, ini merupakan pendapat orang yang sangat jahil, jika pun ia bukan seorang yang dungu.

Nah, apakah JFNJ sudah nampak sekarang bahawa perbincangan mengenai status Darul Islam dan Darul Kufur sudah lama dibahaskan oleh para ulama, dan mereka semuanya meletakkan suatu *waqi'* dan syarat penting bagi menentukan statusnya, iaitu aspek penerapan hukum dan keamanannya? Manakala pandangan Hizbut Tahrir bahawa sesebuah negara itu termasuk dalam kategori Darul Islam atau Darul Kufur, sesungguhnya hampir sama dengan pendapat jumur ulama Ahlu Sunnah, yang meletakkan dua syarat untuk menentukan statusnya.

Sekiranya kedua-dua syarat tersebut, yang merupakan syarat jumur ulama, diaplikasikan kepada seluruh negeri umat Islam yang ada pada hari ini, maka sangat jelas bahawa tidak ada satu pun negeri kaum Muslimin yang layak disebut Darul Islam, termasuk Malaysia.

Jadi, kami ingin bertanya JFNJ, di manakah keraguannya pembahasan yang dibawa oleh Hizbut Tahrir dalam hal ini? Di manakah keraguan pendapat dan pegangan Hizbut Tahrir dalam hal ini? Di manakah keraguan pada pendapat para ulama dalam hal ini? Siapakah yang sebenarnya ragu-ragu dan telah meragu-ragukan umat tentang status negara umat Islam yang ada sekarang? Hizbut Tahrir-kah, atau para ulama yang sependapat dengan Hizbut Tahrir-kah, atau sebenarnya JFNJ-lah yang telah meragu-ragukan umat melalui fatwa ini!?

Apa yang kami sebut di sini hanyalah sebahagian sahaja daripada pendapat para ulama. Jika kami ingin senaraikan pendapat keseluruhan para ulama yang sama dengan Hizbut Tahrir dalam bab ini, nescaya kami boleh menulis sebuah buku khusus mengenai perkara ini. Tetapi cukuplah setakat ini dulu, yang mana kami yakin sudah dapat menghilangkan keraguan JFNJ dengan pandangan kami. Namun, jika masih ragu-ragu, benarlah kata Rasulullah (saw) bahawa sesungguhnya ragu-ragu itu datangnya dari bisikan syaitan. Syaitanlah yang telah meragu-ragukan manusia setelah Allah (swt) dan Rasul-Nya mendatangkan Deen ini dengan sejelas-jelasnya.

(d) Menghukum sistem demokrasi sebagai sistem kufur (Risalah al-Maktab al-'lami wilayah Mesir, nombor rujukan 14/01 tarikh 12/1/2014).

Pada Butiran ini juga kami ingin menjelaskan bahawa kami tidak pernah ragu-ragu dengan fahaman yang kami bawa dan kami tidak pernah meragu-ragukan umat Islam sedikit pun dengan fahaman kami, bahawa sistem demokrasi adalah sistem kufur. Malah setakat yang kami tahu, kebanyakan umat Islam memahami pegangan kami bahawa sistem demokrasi adalah sistem kufur, kerana kami menyatakannya dengan jelas tanpa keraguan sedikit pun. Jadi, kami sungguh hairan apakah yang meragukan di sisi JFNJ dan siapakah yang ragu-ragu di sini?!

Kami berusaha memulihkan pemikiran umat Islam yang telah diracun oleh Barat yang mengambil demokrasi sebagai sebuah sistem yang dikatakan terbaik. Kami juga berusaha mengeluarkan umat Islam daripada keraguan yang telah dicipta oleh pemerintah dan para ulama su' bahawa sistem demokrasi yang berasal dari Barat itu selari dengan Islam. Kami juga membongkar agenda jahat kuffar Barat ke atas umat Islam melalui sistem demokrasi yang mereka bawa, yang selama ini hakikatnya menjadi penghalang kepada tegaknya hukum Allah (swt) serta penghalang kepada penyatuan umat Islam di bawah satu negara.

Wahai JFNJ! Ya kami akui bahawa demokrasi adalah sistem kufur dan apa yang anda katakan adalah benar! Kami akan membenarkan apa sahaja perkara yang benar yang anda katakan terhadap kami, dan kami akan mengatakan bahawa anda berbohong dan memfitnah kami, pada apa sahaja perkara yang tidak benar. Kami adalah parti politik Islam yang tidak pernah berbohong kepada umat Muhammad (saw), tidak sebagaimana anda!

Apa yang menakjubkan kami ialah JFNJ telah merujuk kepada Risalah al-Maktab al-'lami wilayah Mesir tahun 2014 untuk menyatakan bahawa kami menghukum sistem demokrasi sebagai sistem kufur. Betapa jauhnya rujukan yang dibuat oleh JFNJ! Sedangkan di Malaysia ini telah ribuan kali kami menjelaskan bahawa sistem demokrasi adalah sistem kufur, baik melalui penulisan rasmi kami, melalui seminar, muktamar, forum, diskusi, FB Live dan sebagainya, yang boleh dirujuk dengan mudah oleh JFNJ.

Jika benar JFNJ mengkaji tentang Hizbut Tahrir, seharusnya anda tahu bahawa antara rujukan utama kami dalam menerangkan sistem demokrasi merupakan sistem kufur ialah buku yang telah dikeluarkan oleh Amir kedua Hizbut Tahrir, Syeikh Abdul Qadim Zallum yang bertajuk *Ad-Dimuqratiyyah Nidzam Kufr, Yahrumu Akhzuha, Au Tatbiqaha Au Da'watu Ilaiha* (Demokrasi Sistem Kufur, Haram Mengambilnya, Menerapkannya Dan Menyebarkanluaskannya). Siapa pun yang telah membaca buku tersebut sudah pasti tidak akan dapat menyangkalnya, kecuali mereka yang telah digelapkan hatinya oleh syaitan.

Kami akan ringkaskan isi kandungan buku tersebut di sini sebagai jawapan kepada Butiran ini [4.3 (d)], kerana kami ingin menghilangkan keraguan yang ada pada mereka yang masih ragu-ragu. Namun, kami tetap menasihatkan agar JFNJ dan siapa pun yang ingin mencari kebenaran tentang hakikat bahawa demokrasi ialah sistem kufur, maka bacalah keseluruhan kandungan buku tersebut.

Demokrasi yang telah dijaja oleh kuffar Barat ke negeri-negeri umat Islam, sesungguhnya adalah sistem kufur. Ia tidak ada hubungan sama sekali dengan Islam, baik secara langsung mahupun tidak langsung. Demokrasi sangat bertentangan dengan hukum Islam dari segi garis kasar mahupun perinciannya, dari segi sumber kemunculannya, akidah yang melahirkannya atau asas yang mendasarinya, serta pelbagai idea dan peraturan yang dibawanya. Oleh itu, kaum Muslimin diharamkan secara mutlak mengambil, menerapkan dan menyebarkan demokrasi. Di manakah perbezaan sistem demokrasi dengan sistem Islam, yang menjadikannya sebagai sistem kufur?:

1. Sumber Kemunculan

Demokrasi merupakan sistem ciptaan manusia dan lahir daripada akal manusia (di Barat), yang asalnya bertujuan untuk membebaskan diri daripada kezaliman dan penindasan para pemerintah yang menzalimi rakyatnya atas nama agama. Para pemerintah Eropah pada ketika itu beranggapan bahawa mereka adalah wakil Tuhan di muka bumi dan berhak memerintah rakyat berdasarkan kekuasaan Tuhan. Para ahli falsafah dan cendekiawan lalu bangkit untuk menentang, dan mereka menang dalam pertarungan sengit itu, lalu mereka menyusun satu sistem yang mengambil sumber kekuasaannya daripada rakyat, dan menyatakan bahawa rakyat memiliki kedaulatan dan layak membuat undang-undang. Gereja tidak boleh lagi campur tangan dalam urusan pemerintahan dan pembuatan segala peraturan atau undang-undang, kerana ia kini menjadi hak rakyat sepenuhnya. Maka berlakulah pemisahan antara agama dan pemerintahan, yang memunculkan sistem demokrasi. Amat jelas bahawa sumber kemunculan sistem demokrasi seluruhnya adalah daripada (akal) manusia, dan tidak ada hubungannya sama sekali dengan wahyu atau agama.

Sedangkan Islam adalah Deen sekali gus sistem yang telah diturunkan oleh Allah (swt) kepada Nabi Muhammad (saw) untuk mengatur hubungan manusia dengan Tuhannya, dirinya, dan manusia lain. Allah (swt) berfirman:

﴿وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ﴾

“Dan tiadalah yang diucapkannya (Muhammad) itu menurut hawa nafsunya, ucapannya itu tiada lain hanya berupa wahyu yang diwahyukan kepadanya” [An-Najm (53): 3-4]

Rasulullah (saw) telah meninggalkan kepada kita dua sumber iaitu al-Quran dan as-Sunnah sebagai petunjuk dan panduan kepada umatnya sehingga ke hari Kiamat. Melalui dua sumber ini, Allah (swt) telah menyempurnakan agama ini (Islam) sehingga kita tidak memerlukan kepada apa jua sistem buatan manusia, khususnya demokrasi, untuk mengatur hidup kita. Sistem hidup kita ini wajib diatur oleh Islam, bukannya oleh demokrasi.

2. Akidah Yang Melahirkan Demokrasi

Adapun akidah yang melahirkan idea demokrasi, adalah akidah pemisahan agama dari kehidupan dan negara (sekularisme). Akidah ini dibangun di atas prinsip jalan tengah (kompromi) antara para agamawan Kristian – yang diperalat oleh para raja dan kaisar dan dijadikan tunggangan untuk mengeksploitasi dan menzalimi rakyat, menghisap darah rakyat atas nama agama, serta menghendaki agar segala urusan tunduk di bawah peraturan agama – dengan para cendekiawan yang mengingkari kewujudan agama dan menolak autoriti para agamawan.

Akidah ini tidak mengingkari eksistensi agama, tetapi hanya menghapuskan peranannya dalam mengatur kehidupan bernegara. Dengan sendirinya konsekuensi akidah ini ialah memberikan kuasa kepada manusia untuk membuat peraturan hidupnya sendiri.

Sedangkan Islam sangatlah berbeza dengan Barat dalam hal akidahnya. Islam dibangun di atas landasan akidah Islamiyyah, yang mewajibkan pelaksanaan perintah dan larangan Allah – yakni hukum syarak yang lahir dari akidah Islamiyyah – dalam seluruh urusan kehidupan dan kenegaraan. Akidah ini menerangkan bahawa manusia tidak berhak membuat peraturan hidupnya sendiri. Manusia hanya berkewajipan menjalani kehidupan menurut peraturan yang ditetapkan oleh Allah (swt) untuknya. Akidah Islam mengajar bahawa Allah (swt) adalah Tuhan Yang Maha Pencipta, Dia mencipta manusia serta mencipta peraturan untuk manusia, dan peraturan ciptaan-Nya adalah yang terbaik dan sempurna untuk manusia, dan yang satu-satunya wajib diambil.

3. Konsep kedaulatan (*as-siyadah*)

Mengenai idea yang mendasari demokrasi, sesungguhnya terdapat dua idea pokok:

- (i) Kedaulatan di tangan rakyat (*as-siyadah li asy-sya'bi*); dan
- (ii) Rakyat sebagai sumber kekuasaan.

Demokrasi menetapkan bahawa rakyatlah yang memiliki dan melaksanakan kehendaknya, bukan para raja dan kaisar. Rakyatlah yang menjalankan kehendaknya sendiri. Berdasarkan prinsip bahawa rakyat adalah pemilik kedaulatan, pemilik dan pelaksana kehendak, maka rakyat berhak membuat hukum (undang-undang) sebagai manifestasi kehendak umum daripada majoriti rakyat. Rakyat membuat hukum melalui para wakilnya yang mereka pilih untuk membuat hukum yang dinamakan sebagai wakil rakyat. Rakyat berhak menetapkan perlembagaan, peraturan dan undang-undang apa pun dan membatalkannya menurut pertimbangan mereka berdasarkan kemaslahatan yang ada. Rakyat juga melalui para wakilnya dianggap berhak menetapkan hukum mengenai bolehnya murtad daripada satu agama kepada agama yang lain, atau kepada keyakinan yang bersifat non-agama (animisme/paganisme), sebagaimana rakyat dianggap berhak menetapkan hukum bolehnya riba, judi, zina, homoseksual, serta mencari nafkah dengan jalan riba, judi, zina dan homoseksual itu.

Ini berbeza dengan Islam yang menyatakan bahawa kedaulatan berada di tangan syarak (*as-siyadah li asy-syar'i*), bukan di tangan rakyat. Ini kerana Allah (swt) sahajalah yang layak bertindak sebagai Musyarri' (Pembuat hukum). Rakyat secara keseluruhan tidak berhak membuat hukum,

walaupun hanya satu hukum. Sekiranya seluruh umat Islam berkumpul dan bersepakat untuk menghalalkan riba atau judi, untuk meningkatkan ekonomi, atau bersepakat bolehnya membuat pusat perzinaan dengan dalih agar kes zina dan rogol tidak berleluasa di dalam masyarakat, atau bersepakat menghapuskan pemilikan individu, atau bersepakat menghapuskan puasa Ramadhan agar dapat meningkatkan produktiviti kerja, atau bersepakat membolehkan idea kebebasan individu yang memberikan kebebasan kepada seorang Muslim untuk murtad, untuk meminum arak dan mendedahkan aurat; maka seluruh kesepakatan ini tidak ada nilainya sama sekali di sisi Islam, malah merupakan dosa besar di sisi Islam.

Ini kerana, dalam seluruh aktiviti kehidupannya, setiap Muslim wajib terikat dengan perintah dan larangan Allah (swt). Mereka tidak boleh melakukan sesuatu perbuatan yang bertentangan dengan perintah Allah (swt), sebagaimana mereka tidak boleh membuat satu hukum pun, kerana hanya Allah (swt) sahajalah satu-satunya Dzat yang layak membuat hukum. Firman-Nya:

﴿إِن الْحُكْمَ إِلَّا لِلَّهِ﴾

“Menetapkan hukum itu hanyalah hak Allah” [Al-An’am (6):57]

﴿وَمَا اخْتَلَفْتُمْ فِيهِ مِنْ شَيْءٍ فَحُكْمُهُ إِلَى اللَّهِ﴾

“Tentang sesuatu apa pun yang kamu berselisih, maka keputusannya (terserah) kepada Allah” [Syura (42): 10].

﴿فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ﴾

“Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu (Muhammad) sebagai hakim (pemutus) terhadap perkara yang mereka perselisihkan” [An-Nisa’ (4): 65].

﴿أَفَحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوفُونَ﴾

“Apakah hukum jahiliyah yang mereka kehendaki, dan (hukum) siapakah yang lebih baik daripada (hukum) Allah bagi orang-orang yang yakin?” [Al-Ma’idah (5): 50].

Hukum jahiliyyah adalah hukum yang tidak dibawa oleh Rasulullah (saw) dari Tuhannya, iaitu hukum kufur yang dibuat oleh manusia. Rasulullah (saw) bersabda:

مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ

“Siapa sahaja yang melakukan perbuatan yang tidak ada perintah kami atasnya, maka perbuatan itu tertolak” [HR Muslim].

Yang dimaksud dengan kata “أَمْرُنَا” (“perintah kami”) dalam hadis di atas adalah Islam.

Masih ada puluhan ayat dan hadis lain dengan pengertian yang qath'ie (tegas/pasti), yang menegaskan bahawa kedaulatan adalah di tangan syarak, yakni bahawa Allah (swt) sahajalah yang merupakan Musyarri', bahawa manusia tidak boleh membuat hukum, serta bahawa manusia wajib untuk melaksanakan seluruh aktiviti dalam kehidupan ini sesuai dengan perintah dan larangan Allah (swt).

4. Ukuran Kebenaran

Demokrasi merupakan pemerintahan berdasarkan majoriti dan pembuatan undang-undang di dalamnya dibuat berdasarkan hukum majoriti. Oleh sebab itulah pemilihan wakil rakyat, (termasuk pemerintah, ahli parlimen, dewan undangan negeri) serta badan lainnya, adalah berdasarkan suara ramai (majoriti). Oleh kerana itu, dalam sistem demokrasi, pendapat majoriti bersifat mengikat bagi semua pihak. Ini kerana pendapat majoriti (kononnya) merupakan representasi kehendak rakyat. Jadi pihak minoriti tidak mempunyai pilihan kecuali tunduk dan mengikuti pendapat majoriti. Ringkasnya dalam demokrasi, ukuran kebenaran adalah berdasarkan prinsip majoriti. Dikatakan bahawa apabila majoriti telah memutuskan, itulah yang paling baik dan itulah yang paling benar.

Sedangkan dalam Islam, sudut pandang yang diajar oleh Islam adalah berbeza:

(a) Untuk masalah yang berkaitan dengan hukum syarak, yang menjadi ukuran adalah kekuatan dalil, bukannya majoriti.

Dalam masalah penentuan hukum, kriterianya tidak bergantung pada pendapat majoriti atau minoriti, melainkan pada nas-nas syarak. Ini kerana, yang menjadi Musyarri' (Pembuat hukum / *Legislator*) hanyalah Allah (swt), bukannya rakyat (manusia). Kita diwajibkan mengambil apa sahaja yang datangnya dari Allah (swt) dan Rasul-Nya (saw). Semasa perjanjian Hudaibiyah, Rasulullah (saw) menolak pendapat majoriti sahabat yang tidak bersetuju dengannya, dan baginda menandatangani Perjanjian tersebut. Ini kerana adanya perintah Allah (swt) atau wahyu dalam perkara tersebut. Untuk menegaskan perkara ini, Rasulullah (saw) bersabda kepada mereka:

إِنِّي عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ وَلَنْ أُخَالِفَ أَمْرَهُ

“Sesungguhnya aku ini adalah hamba Allah dan utusan-Nya, dan aku sekali-kali tidak akan menyalahi perintah-Nya.”

Jadi, apabila adanya wahyu dalam sesuatu perkara, yang wajib diambil itu adalah wahyu, bukannya majoriti. Dalam demokrasi, apa yang terpakai ialah hukum majoriti, bukannya wahyu. Malah dengan suara majoriti manusia, hukum wahyu boleh ditolak dengan begitu sahaja.

(b) Untuk masalah yang menyangkut keahlian atau kepakaran, yang menjadi ukuran adalah ketepatan atau kebenarannya berdasarkan pendapat mereka yang ahli/pakar, bukannya suara majoriti.

Adapun masalah yang berhubung dengan aspek-aspek kepakaran dan idea yang memerlukan keahlian, pemikiran dan pertimbangan yang mendalam (yang tidak ada kena mengena dengan wahyu), maka yang dijadikan tolok ukur adalah ketepatan atau kebenarannya berdasarkan pendapat pakar, bukan berdasarkan suara majoriti atau minoriti. Jadi masalah yang ada mesti dikembalikan kepada para ahlinya. Merekalah yang dapat memahami permasalahan yang ada dengan tepat. Masalah-masalah ketenteraan dikembalikan kepada para pakar ketenteraan. Masalah-masalah fiqh dikembalikan kepada para fuqaha' dan mujtahidin. Masalah-masalah dalam bidang perubatan/kesihatan dikembalikan kepada para doktor yang pakar. Masalah-masalah yang bersifat teknikal dikembalikan kepada jurutera atau juruteknik dalam bidang masing-masing. Masalah-masalah idea/gagasan dikembalikan kepada para pemikir yang cerdas. Demikianlah seterusnya.

Rasulullah (saw) pernah mengikuti pendapat al-Hubab bin al-Mundzir dalam Perang Badar – Hubab merupakan pakar dalam hal kawasan-kawasan strategik di Badar – yang mengusulkan kepada Nabi (saw) agar meninggalkan tempat yang dipilih oleh Nabi, kalau sekiranya ketentuan tempat itu bukan daripada wahyu. Hubab berpendapat bahawa tempat tersebut tidak sesuai untuk kepentingan pertempuran. Maka Rasulullah (saw) mengikuti pendapat Hubab dan berpindah ke kawasan lain yang ditunjukkan oleh Hubab. Jadi Rasulullah (saw) telah meninggalkan pendapatnya sendiri dan tidak pun meminta pertimbangan kepada para sahabat lainnya dalam masalah tersebut.

(c) Untuk masalah teknikal yang berhubungan langsung dengan sesuatu tindakan (yang tidak memerlukan keahlian) yang hukumnya adalah mubah, maka di sinilah suara majoriti boleh diambil, itu pun jika mahu.

Adapun masalah-masalah yang secara langsung terkait dengan amal/praktis (dan tidak melibatkan hukum syarak), yang tidak memerlukan pemikiran dan pertimbangan yang mendalam, maka barulah suara majoriti boleh menjadi ukuran di sini, sebab majoriti orang dapat memahaminya dan dapat memberikan pendapatnya dengan mudah menurut pertimbangan kemaslahatan yang ada. Dalil untuk ketentuan tersebut adalah peristiwa yang terjadi pada Rasulullah (saw) ketika Perang Uhud. Oleh kerana majoriti sahabat berpendapat untuk keluar kota Madinah, maka Nabi (saw) mengikuti pendapat mereka dan mengabaikan pendapat para sahabat senior, dan berangkat menuju Uhud di luar kota Madinah untuk menghadapi pasukan Quraisy. Isunya di sini ialah tempat mana yang ingin dipilih untuk menghadapi musuh, sama ada di dalam atau luar kota, yang mana hukumnya adalah mubah, dan kedua-duanya tempat ada kelebihan dan kekurangannya masing-masing.

Kesimpulannya: Menggunakan pendapat majoriti dalam semua perkara adalah bertentangan dengan Islam, seperti yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah (saw).

5. Kebebasan

Kebebasan individu sesungguhnya merupakan salah satu idea yang paling menonjol dalam demokrasi. Idea ini dianggap sebagai suatu yang suci dan salah satu asas penting dalam demokrasi, sebab dengan idea ini tiap-tiap individu akan dapat melaksana dan menjalankan kehendaknya menurut apa yang diinginkannya tanpa tekanan atau paksaan. Rakyat dianggap tidak akan dapat menzahirkan kehendaknya kecuali dengan adanya kebebasan individu. Antara kebebasan yang ada dalam ajaran demokrasi ialah:

- Kebebasan berakidah/beragama.
- Kebebasan berpendapat.
- Kebebasan kepemilikan.
- Kebebasan bertingkah laku.

Sesungguhnya keempat-empat jenis kebebasan ini tidak ada dalam kamus Islam, sebab seseorang Muslim itu wajib terikat dengan hukum syarak dalam seluruh perbuatannya. Seorang Muslim tidak dibenarkan berbuat sesuka hatinya. Seseorang Muslim itu tidak bebas berakidah atau menukar agamanya sesuka hatinya; seseorang Muslim itu tidak bebas mengeluarkan pendapat semahunya seperti menghina orang lain, memfitnah orang lain atau mengeluarkan perkataan kesat dan mencarut sesuka hatinya; seseorang Muslim tidak bebas memiliki apa sahaja seperti memiliki harta dengan jalan pelacuran, zina, judi mencuri hakmilik awam dan sebagainya; seseorang Muslim tidak bebas bertingkah laku semahunya seperti membuka aurat, berpeluk atau bercium atau berzina dengan sesiapa sahaja yang dikehendaknya dan sebagainya. Pendek kata, seseorang Muslim itu adalah terikat dengan hukum syarak dalam segala perbuatannya, tidak bebas melakukan segalanya sebagaimana ajaran demokrasi.

Oleh yang demikian prinsip kebebasan dalam demokrasi adalah bertentangan dengan Islam yang menyuruh umatnya terikat dengan hukum syarak dalam seluruh perbuatannya.

Dari seluruh penjelasan di atas, sangat jelas bahawa demokrasi bertentangan secara total dengan hukum Islam. Adalah suatu kejahilan dan usaha penyesatan yang nyata jika ada yang mengatakan bahawa demokrasi itu adalah sebahagian daripada ajaran Islam, atau demokrasi selari dengan Islam.

Adalah kejahilan dan penyesatan juga jika dikatakan bahawa demokrasi itu sama dengan sistem syura (mesyuarat) di dalam Islam atau sama dengan konsep *amar ma'ruf nahi munkar* atau muhasabah terhadap pemerintah. Syura, *amar ma'ruf nahi munkar* dan memuhasabah pemerintah, adalah hukum-hukum syarak, yang telah ditetapkan oleh Allah (swt), yang tidak ada kena mengena, malah berlainan sama sekali dengan demokrasi. Kaum Muslimin telah diperintahkan untuk mengambil dan melaksanakannya dengan pertimbangan bahawa semua itu adalah hukum-hukum syarak semata-mata, tanpa perlu mengaitkannya (malah memang tidak ada kaitannya) sama sekali dengan demokrasi.

Demokrasi juga bukanlah hukum syarak, bukan pula sebahagian daripada hukum syarak dan bukan berasal dari peraturan dan ketetapan Allah (swt). Demokrasi adalah sistem buatan manusia dan segala peraturan yang lahir daripadanya adalah yang lahir daripada akal manusia.

Oleh yang demikian, kaum Muslimin haram mengambil, menerapkan dan menyebarkan demokrasi serta wajib membuang demokrasi sejauh-jauhnya kerana pertentangannya dengan Islam amatlah nyata.

Demokrasi adalah sistem kufur, yang membawa pelbagai idea, peraturan dan undang-undang kufur. Demokrasi tidak ada hubungannya dengan Islam sama sekali. Kewajipan atas kaum Muslimin ialah untuk menerapkan dan melaksanakan seluruh ajaran Islam dalam kehidupan individu, bermasyarakat dan bernegara. Rasulullah (saw) tidak pernah membawa ajaran demokrasi, tetapi membawa ajaran Islam yang murni, yang tidak bercampur dan tidak diambil sedikit pun dari sistem jahiliah atau dari akal-akal manusia. Dan Rasulullah (saw) mewariskan kepada kita sistem Khilafah yang cukup jelas dinyatakan melalui hadis-hadis baginda. Sedangkan sistem demokrasi yang diamalkan pada hari ini, hakikatnya merupakan warisan penjajah kafir ke atas kita. Firman-Nya:

﴿وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصَلِّهِ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا﴾

“Dan siapa sahaja yang menentang Rasul sesudah jelas kebenaran baginya, dan mengikuti jalan yang bukan jalan orang-orang Mukmin, Kami biarkan mereka berkuasa terhadap kesesatan yang telah dikuasainya itu dan Kami masukkan mereka ke dalam neraka Jahannam, dan Jahannam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali” [An-Nisa’ (4): 115].

Oleh yang demikian pernyataan oleh Hizbut Tahrir, baik itu Hizbut Tahrir Mesir, Hizbut Tahrir Jordan, Hizbut Tahrir Sudan, Hizbut Tahrir Tunisia, Hizbut Tahrir Iraq, Hizbut Tahrir Pakistan, Hizbut Tahrir Afghanistan, Hizbut Tahrir Bangladesh, Hizbut Tahrir Amerika, Hizbut Tahri Britain, Hizbut Tahrir Indonesia, Hizbut Tahrir Malaysia dan Hizbut Tahrir mana pun di dunia ini, bahawa demokrasi adalah sistem kufur, ya benar kami mengakuinya. Ini kerana demokrasi memang sistem kufur yang datangnya dari Barat yang bertujuan untuk menghalang tegaknya hukum Allah (swt). Maka kami tidak ragu sedikit pun, dan kami tidak pernah meragukan umat Islam bahawa mengambil demokrasi adalah haram, menerapkannya adalah haram dan menyebarkan demokrasi adalah haram. Inilah pendirian Hizbut Tahrir, berdasarkan nas yang jelas lagi nyata.

Seperkara penting yang perlu difahami ialah, walaupun kami dengan tegas menyatakan bahawa demokrasi adalah sistem kufur, kami tidak pernah menyatakan bahawa umat Islam yang mengambil sistem tersebut sebagai kafir, seperti tuduhan sesetengah pihak. Pendirian kami sangat jelas iaitu kami menyatakan bahawa mengambil sistem demokrasi, menerapkannya atau menyebarkan demokrasi adalah haram. Ini bermaksud siapa pun daripada kalangan umat Islam yang mengambilnya adalah berdosa, sebagaimana ia melakukan keharaman lainnya. Melakukan suatu yang haram tidak akan menjadikan seseorang Muslim itu kafir, tetapi berdosa. Berbeza halnya jika ia mengakui perkara haram itu sebagai halal seperti menyatakan zina itu halal, atau riba itu halal dan sebagainya.

Inilah pegangan kami, dan kami ulangi bahawa dengan dalil yang cukup jelas lagi nyata, sistem demokrasi adalah sistem kufur, haram bagi umat Islam mengambilnya, menerapkannya dan menyebarkanluaskannya.

Maka, jika JFNJ ingin menyanggah hujah dan pendirian Hizbut Tahrir dalam isu ini, dengan kata lain JFNJ ingin menyatakan bahawa demokrasi adalah sistem Islam, sistem yang berasal dari Islam, sistem yang berasal daripada Rasulullah (*na'uzu billah min zalik*), atau sistem yang tidak bertentangan dengan Islam, atau sistem berasal dari Barat tetapi boleh diambil oleh umat Islam dan seumpamanya, maka kami cabar dan kami katakan silakan datangkan hujah anda menurut fakta dan realiti berdasarkan nas daripada al-Quran dan as-Sunnah, bahawa demokrasi adalah sistem Islam!!!

Kami telah pun mendatangkan hujah kami. Maka jika anda tidak bersetuju, sila datangkan hujah anda untuk menyangkal hujah kami, dan jika anda mampu mengemukakan hujah, insya Allah kami akan menjawabnya dengan sewajarnya, dan kami akan buktikan di manakah kesalahan anda. Itu pun jika anda ada mampu dan jika anda ada hujah! Ayuh, kita lawan hujah dengan hujah, kerana hujah seharusnya dijawab dengan hujah, bukannya dijawab dengan kekuasaan!

(e) Kegagalan melantik khalifah adalah salah satu dosa terbesar (al-Nabhani: al-Shaksiah al-Islamiyyah jilid 2, cetakan kelima, tahun 2003, halaman 12)

4.4 Mengambil pemikiran Taqiyuddin al-Nabhani dan beberapa karya asal Hizbut Tahrir yang dijadikan rujukan dalam penulisan di Sautun Nahdhah (suara kebangkitan). Antara kenyataan dalam Sautun Nahdhah:

(d) Berpandangan selagi khilafah tidak tertegak maka seluruh umat Islam berdosa.

Oleh kerana ada kemiripan di antara Butiran 4.3 (e) dan 4.4 (d), maka kami rangkumkannya di dalam satu jawapan.

Berhubung dengan rujukan yang dibuat oleh JFNJ dalam Butiran 4.3 (e), kami telah melihat muka surat yang dinyatakan (muka surat 12) dan ternyata tidak menemui apa yang disebutkan oleh JFNJ dalam muka surat tersebut iaitu “kegagalan melantik khalifah adalah dosa terbesar.” Di sini sekali lagi menunjukkan kesalahan dan keopohan JFNJ dalam membuat rujukan dan mengeluarkan fatwa. Kami paparkan muka surat yang berkenaan untuk perhatian JFNJ dan sesiapa sahaja yang membaca jawapan ini:

في التويب. وعلى اختلاف الأساليب في تويبه وترتيبه صار لا بد من بيان دليل الحكم الشرعي مع بيان الحكم، ولا بد من بيان وجه الاستدلال حين يكون الحكم مختلفاً فيه. وقد عمرت المكتبة الإسلامية بمئات الألوف من المؤلفات في الفقه بأساليب متنوعة من التويب والعرض. غير أن الكفار بعد أن نجحوا في غزو المسلمين بعد منتصف القرن الثامن عشر الميلادي أخذوا يغالطونهم في العلوم الإسلامية، فكَرَّهوا إليهم كتب الفقه كما يكره السفسطاتي الناس بالعسل حين يقول لهم عنه أنه خُرء الذباب. فقد وضعوا الفقه الإسلامي في إطار أسود حتى يُعرض عنه المسلمون. وإذا عرض المسلمون عن الفقه فقد أعرضوا عن معرفة أحكام الإسلام، ووقعوا في الجهل في دين الله، وهذا ما حصل بالفعل. ومن أجل ذلك كان لا بد من حث المسلمين على الإقبال على دراسة الفقه بعرض نماذج من الفقه الإسلامي لإثارة الشوق إلى دراسته. فكان مفيداً للناس عرض نماذج من الأحكام الشرعية المتعلقة بالعلاقات العامة وهي ما يطلقون عليها في هذه الأيام الأحكام السياسية، أو الفقه الدستوري، ونماذج من الأحكام الشرعية المتعلقة بعلاقات الأفراد مع بعضهم، وهي ما يطلقون عليها القانون المدني، ونماذج من الأحكام الشرعية المتعلقة بالعقوبات، ونماذج من الأحكام الشرعية المتعلقة بالبيئات حتى تكون الصورة الفقهية واضحة تمام الوضوح، فلعلها تثير الشوق لدراسة الفقه الإسلامي في أمهات كتب الفقه المعتمدة.

Terjemahan:

...Meskipun teknik pembahagian bab dan penyusunannya berbeza-beza, tetapi yang pasti harus ada penjelasan dalil hukum syarak yang menyertai penjelasan hukum tersebut, dan harus ada penjelasan cara pengambilan kesimpulan saat hukum tersebut diperselisihkan. Perpustakaan Islam pun telah dipenuhi oleh ratusan ribu buku tentang fikih dengan cara pembahagian bab dan penghuraian yang bermacam-macam. Hanya saja, setelah orang-orang kafir berhasil menyerang kaum Muslimin pasca pertengahan abad 18 M, mulailah mereka menyesatkan kaum Muslimin tentang ilmu-ilmu Islam. Mereka membuat kaum Muslimin membenci fikih, sebagaimana para Sophis (orang yang tersesat pandangan-pandangannya) berusaha membuat manusia membenci madu dengan mengatakan bahwa madu adalah kotoran lalat. Mereka meletakkan fikih Islam dalam bingkai hitam, sehingga kaum Muslimin berpaling darinya. Jika kaum Muslimin berpaling dari fikih, berarti mereka telah berpaling dari belajar tentang hukum-hukum Islam, dan akhirnya

mereka terjerumus dalam kebodohan tentang agama Allah. Inilah yang benar-benar terjadi. Kerana itu, adalah satu kemestian untuk mendorong kaum Muslimin untuk mempelajari fikih, dengan memaparkan beberapa contoh fikih Islam yang dapat membangkitkan hasrat untuk mempelajarinya. Tentu hal ini bermanfaat bagi manusia, dengan memaparkan beberapa contoh hukum syarak yang berkaitan dengan berbagai interaksi yang bersifat umum, yang saat ini mereka sebut dengan hukum-hukum politik atau fikih perundangan; dan beberapa contoh hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan hubungan antara individu, iaitu yang mereka sebut dengan undang-undang sivil; juga beberapa contoh hukum syarak yang berkaitan dengan uqubat; dan beberapa contoh hukum syarak yang berkaitan dengan pembuktian. Sehingga gambaran tentang fikih menjadi jelas dengan sejelas-jelasnya. Semoga hal itu dapat membangkitkan hasrat untuk mempelajari fikih Islam dalam kitab fikih muktabar yang diakui.

Nah, itulah apa yang terkandung dalam muka surat 12. Dengan demikian, kami menyatakan di sini bahawa muka surat 12 yang dirujuk adalah muka surat yang salah! Namun, kerana kami memahami apa yang dimaksudkan oleh JFNJ, maka kami berusaha mencari dan merujuk kepada muka surat lain yang kami rasa adalah muka surat sebenar yang ingin dirujuk oleh JFNJ. Kami mengandaikan yang muka surat sebenar yang ingin dirujuk oleh JFNJ ialah muka surat 18, dan sekiranya andaian kami ini salah, kami tidak mempunyai masalah untuk JFNJ perbetulkan kami. Tetapi sebelum membetulkan rujukan kami, JFNJ hendaklah terlebih dahulu membetulkan rujukan dalam fatwa yang dikeluarkan! Dan bukan sahaja membetulkan rujukannya, malah JFNJ seharusnya membetulkan keseluruhan kesalahan JFNJ yang telah memfitnah kami dalam keseluruhan fatwa yang dikeluarkan.

Berikut ialah muka surat 18 kitab asy-Syaksiyyah al-Islamiyyah, Jilid 2:

تحبونهم ويحبونكم، ويصلون عليكم وتصلون عليهم، وشرار أنتمكم الذين تبغضونهم ويبغضونكم، وتلعنونهم ويلعنونكم، قيل: يا رسول الله أفلا نناذبهم بالسيف؟ فقال: لا، ما أقاموا فيكم الصلاة، وإذا رأيتم من ولائكم شيئاً تكرهونه فاكرهوا عمله ولا تنزعوا يداً من طاعة». فهو صريح في الإخبار بالأئمة الأخيار والأئمة الأشرار، وصريح بتحريم منابذتهم بالسيف ما أقاموا الدين، لأن إقامة الصلاة كناية عن إقامة الدين والحكم به. فكون إقامة الخليفة ليقم أحكام الإسلام، ويحمل دعوته فرضاً على المسلمين أمر لا شبهة في ثبوته في نصوص الشرع الصحيحة، فوق كونه فرضاً من جهة ما يحتمه الفرض الذي فرضه الله على المسلمين من إقامة حكم الإسلام وحماية بيضة المسلمين. إلا أن هذا الفرض هو فرض على الكفاية، فإن أقامه بعضهم فقد وُجد الفرض، وسقط عن الباقيين هذا الفرض، وإن لم يستطع أن يقيمه بعضهم، ولو قاموا بالأعمال التي تقيمه، فإنه يبقى فرضاً على جميع المسلمين، ولا يسقط الفرض عن أي مسلم ما دام المسلمون بغير خليفة.

والقعود عن إقامة خليفة للمسلمين معصية من أكبر المعاصي لأنها قعود عن القيام بفرض من أهم فروض الإسلام، ويتوقف عليه إقامة أحكام الدين، بل يتوقف عليه وجود الإسلام في معترك الحياة. فالمسلمون جميعاً آثمون إثماً كبيراً في قعودهم عن إقامة خليفة للمسلمين. فإن أجمعوا على هذا القعود كان الإثم على كل فرد منهم في جميع أقطار المعمورة. وإن قام بعض المسلمين بالعمل لإقامة خليفة، ولم يقم بعضهم الآخر فإن الإثم يسقط عن الذين قاموا يعملون لإقامة الخليفة، ويبقى الفرض عليهم حتى يقوم الخليفة. لأن الاشتغال بإقامة الفرض يُسقط الإثم على تأخير إقامته عن وقته، وعلى عدم القيام به، لتلبسه بالقيام به، ولاستكراهه بما يقهره عن إنجاز القيام به.

Terjemahan:

“Berdiam diri daripada pengangkatan Khalifah bagi kaum Muslimin termasuk kemaksiatan yang paling besar. Ini kerana, hal itu bererti berdiam diri dari pelaksanaan salah satu kewajipan terpenting dalam Islam yang pelaksanaan hukum-hukum Islam bergantung padanya. Bahkan eksistensi Islam dalam kancah kehidupan ini bergantung padanya. Maka kaum Muslimin semuanya berdosa besar jika berdiam diri dari pengangkatan Khalifah bagi kaum Muslim. Jika mereka bersepakat untuk berdiam diri, maka dosa tersebut menimpa setiap orang dari mereka di seluruh penjuru dunia. Jika sebahagian kaum Muslimin melakukan usaha untuk mengangkat Khalifah, sementara sebahagian yang lain tidak melakukannya, maka dosa itu gugur dari mereka yang berusaha mengangkat Khalifah. kewajipan tersebut tetap berlaku atas mereka semua sehinggalah seorang Khalifah telah dilantik. Sibuk melaksanakan kewajipan

tersebut akan menggugurkan dosa akibat kelewatan dalam melaksanakannya dalam waktu yang ditentukan; dan dari dosa tidak melaksanakannya, kerana ia sedang berkecimpung dalam usaha penagakannya; akibat ada keadaan yang memaksanya untuk tidak dapat merealisasikannya.”

Kami tidak tahu lagi bagaimana ingin meluahkan kehairanan kami yang amat sangat kepada JFNI dalam hal ini. Bagaimana mungkin mereka yang bergelar agamawan tidak mengetahui akan kewajipan mengangkat seorang Khalifah? Tidakkah anda membaca keseluruhan bab mengenai Khilafah dalam kitab asy-Syakhsyiyah al-Islamiyyah Jilid 2 tersebut? Atau tidakkah anda membaca kitab-kitab atau penulisan lain Hizbut Tahrir yang membincangkan dengan panjang lebar akan kewajipan menegakkan Khilafah? Atau anda telah membacanya, namun tidak seorang pun daripada anda yang memahami akan kewajipannya? Atau anda memahami akan kewajipannya, tetapi tidak seorang pun daripada anda yang mahu mengakui akan kewajipan tersebut?

Apa pun jawapan JFNI kepada persoalan di atas, dengan fatwa yang dikeluarkan, khususnya dalam Butiran 4.3 (e) dan 4.4 (d) ini, kami hanya ingin katakan *la haula wa la quwwata illa billah..*

Oleh kerana kami tidak pernah berputus asa menerangkan kewajipan mengangkat seorang Khalifah, kami ringkaskan di sini sedikit jawapan daripada kitab-kitab kami akan kewajipan menegakkan Khilafah, dan kami tambah dengan pandangan para ulama muktabar untuk menghilangkan keraguan pada JFNI mengenai kewajipannya. Memandangkan jawapan kami untuk kedua-dua Butiran ini agak panjang, jadi untuk memudahkan JFNI memahami jawapan kami dalam hal, maka kami ringkaskan dahulu apa yang ingin kami sampaikan sebagaimana berikut:

- (i) Kami akan menerangkan nas-nas mengenai kewajipan melantik seorang Khalifah yang sekali gus bermaksud kewajipan mendirikan Khilafah;
- (ii) Kami akan menerangkan pendapat para ulama yang mewajibkan pengangkatan seorang Khalifah bagi seluruh kaum Muslimin;
- (iii) Kami akan menerangkan pendapat para ulama yang secara khusus menyatakan bahawa hukum melantik seorang Khalifah adalah fardhu kifayah;
- (iv) Kami akan menerangkan kedudukan fardhu kifayah di mata ulama, yang membawa maksud bahawa selagi tidak tertegaknya sesuatu kewajipan, maka siapa sahaja yang berdiam diri akan berdosa;
- (v) Kami akan menekankan lagi berdasarkan nas, betapa besarnya dosa siapa sahaja yang tidak berusaha untuk menegakkan Khilafah.

(i) Dalil Kewajipan Menegakkan Khilafah

Dalil Al-Quran

Di dalam al-Quran memang tidak terdapat ayat yang secara *manthuq*-nya memerintahkan untuk menegakkan Khilafah. Begitu juga tidak ada istilah ‘Daulah’ yang bererti ‘Negara’ dalam al-Quran. Namun demikian, di dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang secara *mafhum*-nya yang

mewajibkan umat Islam untuk memiliki pemerintahan/negara (*ulil amri*) dan terdapat banyak ayat yang mewajibkan umat Islam untuk menerapkan hukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah (swt), sekali gus menunjukkan dosa bagi sesiapa yang tidak menerapkan hukum-Nya. Firman-Nya:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ﴾

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kalian kepada Allah dan taatlah kalian kepada Rasul(Nya) dan ulil amri di antara kalian” [An-Nisa’ (4): 59].

Ayat di atas memerintahkan kita untuk mentaati *Ulil Amri*, iaitu *al-Haakim* (Penguasa). Perintah ini, secara *dalalatul iqtidha’*, bererti perintah pula untuk mengadakan atau mengangkat *Ulil Amri*, jika *Ulil Amri* itu tidak ada. Ini adalah kerana, tidak mungkin Allah (swt) memerintahkan kita untuk mentaati orang yang tidak wujud. Tatkala Allah (swt) memberi perintah untuk mentaati *Ulil Amri*, bererti Allah (swt) memerintahkan pula untuk mewujudkannya. Oleh itu, jelas bahawa mewujudkan *Ulil Amri* itu adalah wajib. Tambahan lagi, adanya *Ulil Amri* menyebabkan terlaksananya kewajipan menegakkan hukum syarak, sedangkan mengabaikan terwujudnya *Ulil Amri* menyebabkan terabainya penerapan hukum syarak. Inilah apa yang berlaku sekarang di mana hukum syarak tidak lagi diterapkan kerana tiadanya *Ulil Amri* dalam kalangan umat Islam.

Di samping itu, Allah (swt) telah memerintahkan Rasulullah (saw) untuk mengatur urusan kaum Muslimin berdasarkan hukum-hakam yang diturunkan oleh-Nya. Firman-Nya,

﴿فَاحْكُم بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ مِنَ الْحَقِّ﴾

“Maka putuskanlah perkara di antara di antara mereka dengan apa yang diturunkan oleh Allah, dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka (dengan) meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadamu” [Al-Ma’idah (5): 48].

﴿وَأِنْ أَحْكَمْتُمْ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَاحْذَرْهُمْ أَنْ يَفْتِنُوكَ عَنْ بَعْضِ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْكَ﴾

“Dan putuskanlah perkara di antara di antara mereka dengan apa yang diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau mengikuti hawa nafsu mereka. Dan berhati-hatilah kamu terhadap mereka supaya mereka tidak memalingkan kamu dari apa yang telah diturunkan Allah kepadamu” [Al-Ma’idah (5): 49].

Dalam kaedah *ushul fiqh* dinyatakan bahawa *khitab* (perintah) Allah (swt) kepada Rasulullah (saw) juga merupakan perintah kepada umat Islam selama tidak ada dalil yang mengkhususkan perintah ini hanya untuk Rasulullah (saw). Berhubung dengan ayat di atas, tidak ada dalil yang mengkhususkan perintah tersebut hanya kepada Rasulullah (saw). Oleh kerana itu, ayat-ayat tersebut bersifat umum, iaitu berlaku juga bagi umat Islam. Menegakkan hukum-hakam yang diturunkan Allah (swt) tidak mempunyai makna lain kecuali menegakkan hukum dan pemerintahan, sebab dengan pemerintahan itulah hukum-hukum yang diturunkan oleh Allah (swt) dapat diterapkan secara sempurna. Dengan demikian, ayat-ayat ini secara *mafhum*

menunjukkan wajibnya ada sebuah ‘Negara’ untuk menjalankan semua hukum Allah (swt), dan ‘Negara (Islam)’ itu adalah Khalifah.

Dalil as-Sunnah

Abdullah bin Umar meriwayatkan, aku mendengar Rasulullah (saw) bersabda,

مَنْ خَلَعَ يَدًا مِنْ طَاعَةٍ، لَقِيَ اللَّهَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لَا حُجَّةَ لَهُ، وَمَنْ مَاتَ وَلَيْسَ فِي عُنُقِهِ بَيْعَةٌ، مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً

“Barang siapa melepaskan tangannya dari ketaatan kepada Allah, nescaya dia akan menemui Allah di Hari Kiamat dengan tanpa hujah. Dan barang siapa mati sedangkan di pundaknya tidak ada bai’at (kepada Khalifah) maka dia mati dalam keadaan mati jahiliyah” [HR Muslim].

Nabi (saw) mewajibkan adanya bai’at pada pundak setiap Muslim dan mensifati orang yang mati dalam keadaan tidak berbaiat seperti matinya orang-orang jahiliyyah (mati dalam keadaan dosa). Padahal baiat itu hanya diberikan kepada Khalifah, bukan kepada yang lain. Jadi hadis ini menunjukkan kewajiban mengangkat seorang Khalifah, yang dengannya dapat terwujud baiat di pundak setiap Muslim. Sebab baiat hanya akan ada di pundak kaum Muslimin jika ada Khalifah/Imam yang memimpin mereka.

Rasulullah (saw) bersabda:

إِنَّمَا الْإِمَامُ جُنَّةٌ، يُقَاتِلُ مِنْ وَرَائِهِ، وَيُتَّقَى بِهِ

“Bahawasanya Imam itu bagaikan perisai, dari belakangnya umat berperang dan dengannya umat berlindung” [HR Muslim].

Rasulullah (saw) bersabda:

كَانَتْ بَنُو إِسْرَائِيلَ تَسُوسُهُمُ الْأَنْبِيَاءُ كُلَّمَا هَلَكَ نَبِيٌّ خَلَفَهُ نَبِيٌّ وَإِنَّهُ لَا نَبِيَّ بَعْدِي وَسَتَكُونُ خُلَفَاءُ فَتَكْتُمُونَ، قَالُوا فَمَا تَأْمُرُنَا؟ قَالَ: فُؤَا بِنْبِيعَةِ الْأَوَّلِ قَالُوا أَوْلَى أَعْطَوْهُمْ حَقَّهُمْ فَإِنَّ اللَّهَ سَأَلَهُمْ عَمَّا اسْتَرْعَاهُمْ

“Dahulu Bani Israel diuruskan (dipimpin) oleh para Nabi. Setiap kali wafat seorang Nabi diutuslah Nabi yang lain. Sesungguhnya tidak ada lagi Nabi sesudahku, tetapi akan ada para Khalifah dan jumlahnya banyak.” Para sahabat bertanya, apa yang engkau perintahkan kepada kami (dalam keadaan itu)? Nabi menjawab, “Penuhilah baiat yang pertama dan yang pertama itu sahaja dan berilah kepada mereka hak-hak mereka. Sesungguhnya Allah akan meminta pertanggungjawaban mereka atas apa yang mereka uruskan” [HR Muslim].

Hadis-hadis ini merupakan *ikhbar* (pemberitahuan) dari Rasulullah (saw) bahawa seorang Khalifah adalah laksana perisai, dan bahawa akan ada penguasa-penguasa yang memerintah kaum Muslimin. Pernyataan Rasulullah (saw) bahawa seorang Imam (Khalifah) itu laksana perisai menunjukkan pemberitahuan tentang adanya fungsi keberadaan seorang Imam, dan ini merupakan suatu *thalab* (tuntutan). Ini adalah kerana, setiap *ikhbar* yang berasal dari Allah (swt)

dan Rasul-Nya (saw), apabila mengandung *adz-dzam* (celaan) maka yang dimaksudkan adalah *thalab at-tarki* (tuntutan untuk meninggalkan), atau merupakan *an-nahy* (larangan); dan apabila mengandung *al-mad-hu* (pujian), maka yang dimaksudkan adalah *thalab al-fi'li* (tuntutan untuk melakukan perbuatan). Dan sekiranya pelaksanaan perbuatan yang dituntut itu menyebabkan tegaknya hukum syarak atau jika ditinggalkan mengakibatkan terabainya hukum syarak, maka tuntutan untuk melaksanakan perbuatan itu bersifat *jazim* (pasti) dan *fardhu*. Oleh itu hadis-hadis ini menunjukkan wajib adanya Khilafah (yang akan menjalankan fungsi-fungsinya) kerana tanpa Khilafah banyak hukum syarak yang akan terabai.

Dalil Ijma' as-Sahabat

Sebagai sumber hukum Islam yang ketiga, Ijma' as-Sahabat menunjukkan dengan sejas-jelasnya kepada kita bahawa mengangkat seorang Khalifah sebagai pemimpin umat Islam adalah wajib. Para sahabat telah sepakat mengangkat Abu Bakar as-Siddiq (ra), Umar al-Khaththab (ra), Utsman bin Affan (ra), dan Ali bin Abi Thalib (ra), sebagai Khalifah yang memimpin kaum Muslimin.

Ijma' as-Sahabat yang membuktikan kewajipan pengangkatan seorang Khalifah diambil daripada peristiwa yang berlaku di Saqifah Bani Sai'dah di mana para sahabat dan *ahlu halli wal aqdi* saat itu sibuk bermesyuarat bagi mengangkat seorang Khalifah. Walaupun jenazah Rasulullah (saw) masih belum dikebumikan, tetapi keseluruhan sahabat tetap menyibukkan diri berbincang mengenai pengangkatan Khalifah. Mereka ternyata telah menunda kewajipan mengebumikan jenazah Rasulullah (saw) dan mendahulukan pengangkatan seorang Khalifah pengganti baginda. Hal ini berlaku walhal mereka mengetahui bahawa menguburkan mayat secepatnya adalah suatu tuntutan, apatah lagi jenazah itu adalah jenazah Rasulullah (saw) sendiri, namun, para sahabat tetap mendahulukan usaha untuk mengangkat Khalifah daripada mengebumikan jenazah Rasulullah (saw).

Sebahagian sahabat lain, (yang tidak terlibat dengan urusan pelantikan Khalifah) turut mendiamkan hal ini dan ikut pula bersama-sama menunda kewajipan mengebumikan jenazah Nabi (saw). Peristiwa ini terjadi dalam rentang waktu 3 hari, padahal mereka mampu mengingkari hal ini dan ramai yang mampu mengebumikan jenazah Nabi (saw) secepatnya. Fakta ini menunjukkan adanya kesepakatan (ijma') mereka untuk mendahulukan kewajipan mengangkat Khalifah berbanding menguburkan jenazah. Hal ini tidak mungkin terjadi kecuali status hukum mengangkat seorang Khalifah adalah lebih wajib didahulukan daripada menguburkan jenazah.

Demikian pula seluruh sahabat selama hidup mereka telah sepakat mengenai kewajipan mengangkat seorang Khalifah. Walaupun sering muncul perbezaan pendapat mengenai siapakah yang lebih layak untuk dipilih dan diangkat menjadi Khalifah, namun mereka tidak pernah berselisih sedikit pun mengenai wajibnya mengangkat seorang Khalifah, baik ketika wafatnya Rasulullah (saw) mahupun ketika penggantian keempat-empat orang Khalifah. Oleh kerana itu Ijma' as-Sahabat merupakan dalil yang jelas lagi kuat bahawa mengangkat seorang Khalifah sebagai pemimpin bagi seluruh kaum Muslimin adalah wajib, dan batas waktunya tidak boleh melebihi 3 hari.

(ii) Pendapat Para Ulama Mengenai Kewajiban Mengangkat Seorang Khalifah

Pada umumnya, para ulama empat mazhab tidak pernah berselisih pendapat mengenai kewajiban mengangkat seorang Imam/khalifah, yang bertanggungjawab melakukan tugas *ri'ayah asy-syu'un al-ummah* (mengatur urusan umat).

Imam al-Qurthubi, seorang ulama besar dari mazhab Maliki, ketika menjelaskan tafsir surah al-Baqarah ayat 30, menyatakan,

<p style="text-align: center;">سورة البقرة ، الآية ٣٠</p> <p>٣٩٥</p> <p>عليه السلام^(١)، وهو خليفة الله في إمضاء أحكامه وأوامره، لأنه أوَّلُ رسولٍ إلى الأرض، كما في حديث أبي ذرٍّ قال: قلتُ: يا رسولَ الله، أنبيأَ كان مُرسلاً؟ قال: «نعم». الحديث^(٢). ويقال: لِمَن كان رسولاً ولم يكن في الأرض أحدًا؟ يقال: كان رسولاً إلى ولده، وكانوا أربعين ولدًا في عشرين بطنًا، في كلِّ بطنٍ ذكرٌ وأنثى، وتوالدوا حتى كثُروا، كما قال الله تعالى: ﴿عَلَّمَكَ مِن لَّدُنِّي وَجِبَ وَتَلَّقَ وَتَهَا ذَوَّجَهَا وَيَتَّ يَتَهَا يَتَا لَا كَثِيرًا فَتَمَّكَ﴾ [النساء: 1]. وأنزلَ عليه^(٣) تحريمَ الميتةِ والدِّمِّ ولحمِ الخنزير، وعاش تسع مئة وثلاثين سنة. هكذا ذكر أهلُ التوراة، وروِيَ عن وَهْبِ بْنِ مُنَبِّهِ أَنَّهُ عاش ألف سنة، والله أعلم.</p> <p>الرابعة: هذه الآية أضلُّ في نِصْبِ إمامٍ وخليفةٍ يُسَمَّعُ له ويُطاع، لتجتمع به الكلمة، وتنفذَ به أحكامُ الخليفة، ولا خلافَ في وجوب ذلك بين الأمة ولا بين الأئمة، إلَّا ما رُوِيَ عن الأصمِّ^(٤) حيث كان عن الشريعة أصمًّا، وكذلك كلُّ من قال بقوله وأتبعه على رأيه ومذهبه، قال: إنَّها غيرُ واجبةٍ في الدِّين، بل يسوغُ ذلك، وإنَّ الأمة متى أقاموا حُجَّهم وجهادهم، وتناصَفُوا فيما بينهم، وبدَلُوا الحَقَّ من أنفسهم، وقَسَمُوا الغنائمَ والفَيءَ والصَّدَقَاتِ على أهلها، وأقاموا الحدودَ على مَنْ وَجِبَتْ عليه، أجزأهم ذلك، ولا يجبُ عليهم أن ينصبوا إماماً يتولَّى ذلك!</p> <p>ودليلنا قولُ الله تعالى: ﴿إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً﴾، وقوله تعالى: ﴿يَتَدَاوَدُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ﴾ [ص: ٢٦]، وقال: ﴿وَرَبِّدَّ اللَّهُ الَّذِينَ كَفَرُوا صُرُوفًا وَمَضَى لَنَا لَدَيْهِمْ كَيْدُهُمْ فَتَرَوْا كَيْدَهُمْ فِي كَيْدَاتِهِمْ﴾ [النور: ٥٥]، أي: يجعلُ منهم خلفاء، إلى غير ذلك من الآي.</p> <p>(١) قال ابن كثير في تفسيره: وفي ذلك نظر، بل الخلافُ في ذلك كثير، حكاة الرازي في تفسيره وغيره.</p>	 <p>وَالْمَبِينِ لِمَا تَضَمَّنَهُ مِنَ السُّنَّةِ وَأَيِّ الْفُرْقَانِ</p> <p>تأليف أبي عبد الله محمد بن أحمد بن أبي بكر القرظي (ت ٦٧١ هـ)</p> <p>تحقيق الدكتور عبد الرحمن بن عبد الرحمن الزبيدي شاركه في تحقيقه هذا الجزء محمد بن يوسف بن جبريل</p> <p>الجزء الأول</p> <p>مؤسسة الرسالة</p>
---	---

Terjemahan:

“Ayat ini merupakan dalil paling asas mengenai kewajiban mengangkat seorang Imam/Khalifah yang wajib didengar dan ditaati iaitu untuk menyatukan pendapat serta melaksanakan hukum-hukum berkaitan Khalifah. Tidak ada perselisihan pendapat tentang kewajiban tersebut di kalangan umat Islam mahupun di kalangan ulama, kecuali apa yang diriwayatkan dari al-Asham” [Imam al-Qurthubi, Al-Jami’ li Ahkam al-Quran, Juz 1, hal. 395].

Al-’Allamah Abu Zakaria an-Nawawi, dari kalangan ulama mazhab Syafie mengatakan,

حَيًّا وَمَيِّتًا ؟ لَوَدِدْتُ أَنْ حَظَّيْتُ مِنْهَا الْكَفَافَ . لَا عَلَيَّ وَلَا لِي .
فَإِنْ اسْتَخْلَفَ فَقَدْ اسْتَخْلَفَ مَنْ هُوَ خَيْرٌ مِنِّي (يَعْنِي أَبَا بَكْرٍ) .
وَإِنْ أَتْرَكْتُكُمْ فَقَدْ تَرَكْتُكُمْ . مَنْ هُوَ خَيْرٌ مِنِّي ، رَسُولُ اللَّهِ ﷺ .
قَالَ عَبْدُ اللَّهِ : فَعَرَفْتُ أَنَّهُ ، حِينَ ذَكَرَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ ، غَيْرَ
مُسْتَخْلِفٍ .

* * *

فيها فلا أحب تقديمه لرغبته ، وكاره لها فأخشى عجزه عنها . قوله : (إن
استخلف فقد استخلف من هو خير مني) إلى آخره حاصله أن المسلمين أجمعوا
على أن الخليفة إذا حضرته مقدمات الموت وقبل ذلك ، يجوز له الاستخلاف
ويجوز له تركه ، فإن تركه فقد اقتدى بالنبي ﷺ في هذا ، وإلا فقد اقتدى
بأبي بكر ، وأجمعوا على انعقاد الخلافة بالاستخلاف ، وعلى انعقادها بعقد أهل
الحل والعقد لإنسان إذا لم يستخلف الخليفة ، وأجمعوا على جواز جعل الخليفة
الأمر شورى بين جماعة ، كما فعل عمر بالستة ، وأجمعوا على أنه يجب على
المسلمين نصب خليفة ، ووجوبه بالشرع لا بالعقل ، وأما ما حكى عن الأصم
أنه قال : لا يجب . وعن غيره : أنه يجب بالعقل لا بالشرع . فباطلان ، أما
الأصم فمحمجوج بإجماع من قبله ، ولا حجة له في بقاء الصحابة بلا خليفة
في مدة التشاور يوم السقيفة ، وأيام الشورى بعد وفاة عمر - رضي الله عنه
- ، لأنهم لم يكونوا تاركين لنصب الخليفة ، بل كانوا ساعين في النظر في أمر
من يعقد له ، وأما القائل الآخر ففساد قوله ظاهر ؛ لأن العقل لا يوجب شيئاً

صحيح مسلم

بشرح النووي

مواظف للمعجم المفهرس للفاظ الحديث

الجزء الثاني عشر

مؤيد قلوبك
طباعة. نشر. توزيع
ت : ٥٢٥٠١٧

Terjemahan:

“Mereka (para Sahabat) telah sepakat bahawa kaum Muslimin wajib mengangkat seorang khalifah” [Imam an-Nawawi, Syarh Shahih Muslim, Ju 12, hal. 283].

Ulama Ahlu Sunnah yang lain, Ibnu Hajar al-Asqalani, juga menegaskan:

وفيه رد على من جزم كالطبري ، وقبلة بكر بن أخت عبد الواحد وبعده ابن حزم بأن النبي ﷺ استخلف أبا بكر قال : ووجه جزم عمر بأنه لم يستخلف ، لكن تمسك من خالفه بإطلاق الناس على تسمية أبي بكر خليفة رسول الله ، واحتج الطبري أيضا بما أخرجه بسند صحيح من طريق اسماعيل بن أبي خالد عن قيس بن أبي حازم ، وأبى بكر عمر يجلس الناس ويقول اسمعوا لخليفة رسول الله ﷺ ، . قلت : ونظيره ما في الحديث الخامس من قول أبي بكر وحق يرى الله خليفة نبيه ، ورد بأن الصيغة يشتمل أن تكون من منقول ومن فاعل فلا حجة فيها ، ويرجح كونها من فاعل جزم عمر بأنه لم يستخلف وموافقة ابن عمر له على ذلك ، فلي هذا فعنى خليفة رسول الله ، الذي خلفه فقام بالأمر بعده فسمى خليفة رسول الله لذلك ، وأن عمر أطلق على أبي بكر خليفة رسول الله ، بمعنى أنه أشار إلى ذلك بما تضمنته حديث الباب ، وغيره من الأدلة وإن لم يكن في شيء منها تصريح لكن مجرعا يؤخذ منه ذلك ، فليس في ذلك خلاف لما روى ابن عمر عن عمر ، وكذا فيه رد على من زعم من الراوندية أن النبي ﷺ نص على العباس وعلى قول الروافض كلها أنه نص على علي . ووجه الرد عليهم إطباق الصحابة على متابعة أبي بكر ثم على طاعته في مبايعة عمر ، ثم على العمل بهد عمر في الشورى ، ولم يدع العباس ولا علي أنه ﷺ عبد له بالخلافة ، وقال النووي وغيره : أجمعوا على انقضاء الخلافة بالاستخلاف ، وعلى انقضاءها بمقد أهل الحل والعقد لا إنسان حوث لا يكون

هناك استخلاف غيره ، وعلى جواز جعل الخليفة الأمر شورى بين عدد محصور أو غيره ، وأجمعوا على أنه يجب نصب خليفة ، وعلى أن وجوبه بالشرع لا بالعقل ، وخالف بعضهم كالأصم وبعض الخوارج فقالوا : يجب نصب الخليفة . وخالف بعض المعتزلة فقالوا : يجب بالعقل لا بالشرع ، وهما باطلان . أما الأصم فاحتج ببقاء الصحابة بلا خليفة مدة التشاور أيام السقيفة وأيام الشورى بعد موت عمر ، ولا حجة له في ذلك لأنهم لم يطبقوا على الترك بل كانوا ساعين في نصب الخليفة ، آخذين في النظر فيما يستحق عقدها له ، ويكفي في الرد على الأصم أنه يجوز وأما يقع ذلك بحسب العادة انتهى ، وفي قول المذكور مدة التشاور أيام السقيفة خدش يظهر من الحديث الذي بعده ، وأنهم بايعوا أبا بكر في أول يوم لتصريحه فيه بأن عمر خطب الغد من يوم توفي النبي ﷺ وذكر أبا بكر فقال ه فخرموا بياعوه ، وكانت طائفة منهم قد بايعوه قبل ذلك في سقيفة بني ساعدة فلم يكن بين الوفاة النبوية وعقد الخلافة لأبي بكر إلا دون اليوم واليلة ، وقد تقدم إيضاح ذلك في مناقب أبي بكر رضي الله عنه . الحديث

فتح الباري

بشرح صحيح الإمام أبي عبد الله محمد بن إسماعيل البخاري

للإمام الحافظ
أحمد بن علي بن حنبل
العسقلاني
٧٣٢ - ٨٠٢

الجزء الثالث عشر

رسمه وأبوابه وأبوابه
واستغنى أمره ، وبه على الرضا و كل حديث

محمد بن أحمد بن حنبل

المكتبة السلفية

Terjemahan:

“...Mereka (para ulama) telah sepakat bahawa wajib mengangkat seorang Khalifah dan bahawa kewajiban itu adalah berdasarkan syariah, bukan berdasarkan akal...” [Ibn Hajar al-Asqalani, *Fath al-Bari*, Juz 13, hal. 208).

Imam Abu Ya'la al-Farra' juga menyatakan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين ، وصلى الله على سيدنا محمد خاتم النبيين ، وعلى آله وصحبه
أجمعين ، وسلم تسليماً كثيراً ،

قال القاضي الإمام أبو يعلى ، محمد بن الحسين بن محمد بن خلف بن الفراء رضى الله عنه :
الحمد لله حق حمده ، والصلاة على نبيه محمد وآله وصحبه وسلم ،

أما بعد : فلما كنت صنف كتاب الإمامة ، وذكرته في أثناء كتب المعتمد ، وشرحت
فيه مذاهب المتكلمين وحجاجهم ، وأدلتنا ، والأجوبة عما ذكروه . وقد رأيت أن أفرد
كتاباً في الإمامة ، أحذف فيه ما ذكرت هناك مع الخلاف والدلائل ، وأزيد فيه فصولاً
أخرى ، تتعلق بما يجوز للإمام فعله من الولايات وغيرها ، أسأل الله الكريم العون على ذلك ،
والنفع به إن شاء الله .

فصول في الإمامة

نصبة الإمام واجبة ، وقد قال أحمد رضى الله عنه - في رواية محمد بن عوف بن سفيان
الحمصي - : الفتنة إذا لم يكن إمام يقوم بأمر الناس ،

والوجه فيه : أن الصحابة لما اختلفوا في السقيفة ، فقالت الأنصار : منا أمير ومنكم
أمير ، ودفنهم أبو بكر وعمر رضى الله عنهما . وقالوا : « إن العرب لا تدين إلا لهذا الحى
من قريش » ورووا في ذلك أخباراً ، فلولا أن الإمامة واجبة لما ساعدت تلك المخاوراة والمناظرة
عليها ، ولقال قائل : ليست بواجبة لاني قريش ولا في غيرهم .

وطريق وجوبها السمع للعقل ، لما ذكرناه في غير هذا الموضوع ، وأن العقل لا يعلم
به فرض شيء ولا إباحته ، ولا تحليل شيء ولا تحريمه .

الأحكام السلطانية

للقاضي
أبي يعلى محمد بن الحسين الفراء
الجبلي
المتوفى سنة ٤٥٨ هـ

مصحف روى عنه المرحوم
محمد بن عبد الصفي
من جملة الأقران الشريفين ورؤساء جماعة أنصار السنة المعدية

مستورات
محمد بن يحيى
لشركب السنة والجماعة
دار الكتب العلمية
بيروت - لبنان

Terjemahan:

“Mengangkat Imam (Khalifah) adalah wajib...” [Abu Ya’la al-Farra’, Al-Ahkam as-Sulthaniyyah, hal 19].

Ulama lain dari mazhab Syafie, Imam al-Mawardi, juga menyatakan,

الباب الأول
في عقد الإمامة

الإمامة^(١) : مَوْضُوعَةٌ لِحِلَافَةِ السُّبُورَةِ فِي جِرَاسَةِ الدِّينِ وَسِيَاسَةِ الدُّنْيَا ، وَعَقْدُهَا لِيَمُنَّ بِقَوْمٍ بِهَا فِي الْأُمَّةِ وَاجِبٌ بِالْإِجْمَاعِ وَإِنْ شَدَّ عَنْهُمْ الْأَصَمُّ .

هل الخلافة واجبة بالشرع أم بالعقل ؟

وَاخْتَلَفَ فِي وُجُوبِهَا^(٢) هَلْ وَجِبَتْ بِالْعَقْلِ أَوْ بِالشَّرْعِ ؟ فَقَالَتْ طَائِفَةٌ : وَجِبَتْ بِالْعَقْلِ لِيَا فِي طِبَاعِ الْعُقَلَاءِ مِنَ التَّسْلِيمِ لِرُعِيمٍ يَمْتَنِعُهُمْ مِنَ التَّنَاطُفِ وَيُفْصِلُ بَيْنَهُمْ فِي التَّنَازُعِ وَالشَّخَاصِمِ ، وَلَوْلَا الْوُلَاةُ لَكَانُوا قَوْصَى مُهْمَلِينَ ، وَهَمَجًا مُضَاعِينَ ، وَقَدْ قَالَ الْأَفْوَاهُ الْأَوْدِيُّ^(٣) ، وَهُوَ شَاعِرٌ جَاهِلِيٌّ [مِنْ التَّبْسِيطِ] :

لَا يَضْلُحُ النَّاسُ قَوْصَى لَا سَرَاةَ لَهُمْ وَلَا سَرَاةَ إِذَا جَبَّاهُمْ سَادُوا
وَقَالَتْ طَائِفَةٌ أُخْرَى : بَلْ وَجِبَتْ بِالشَّرْعِ دُونَ الْعَقْلِ ؛ لِأَنَّ الْإِمَامَ يَقُومُ بِأُمُورٍ شَرْعِيَّةٍ قَدْ

(١) قلت : والإمامة والخلافة ، مصطلحان مترادفان ، وإن كان مصطلح الخلافة أسبق ، ومصطلح الإمامة أكثر ما يتردد عند الشيعة ، والإمامية منهم خاصة ، لكن المعنى بكاد يكون واحداً ، وهو : رئاسة عامة في أمر الدين والدنيا ، كما قال الفتنازاني ، أو هي خلافة الرسول ﷺ في إقامة الدين وحفظ حوزة الملة ، يجب اتباعه على كافة الأمة ، كما قال عضد الدين الإيجي في شرح المواقف ، أو هي خلافة عن النبي ﷺ كما قال الشيخ رشيد رضا في كتابه الخلافة .

(٢) يقول الدكتور عبد الرزاق السنهوري - رحمه الله : إن أهل السنة والمعتزلة ، يرون أن الخلافة واجب شرعي ، ولكنهم يختلفون في أساس هذا الوجوب ؛ فأهل السنة يرون أن سند وجوب الخلافة هو

الأحكام السلطانية

إبصار
أبي الحسن علي بن محمد بن حبيب البصري الماوردي
(٢٧٤هـ - ٤٥٠هـ)

تحقيق
أحمد جبار

دار الحديث
القاهرة

Terjemahan:

“Mengangkat Imamah (Khilafah) bagi orang yang [mampu] melakukannya wajib berdasarkan Ijma’ meskipun al-Asham menyalahi mereka (ulama)” [Imam al-Mawardi, al-Ahkam as-Sulthaniyyah, hal 15].

Imam ‘Alauddin al-Kasani, ulama besar dari mazhab Hanafi menyatakan,

<p>كتاب آداب القاضي ٨٣</p>	<div style="text-align: center;"> <h1>بَدَائِعُ الصَّنَائِعِ</h1> <h2>في ترتيب الشرائع</h2> <p>تأليف الإمام علاء الدين أبي بكر بن مسعود الكاساني الحنفي المتوفى سنة ٥٨٧ هـ</p> <p>تحقيق وتعليق الشيخ محمد محمود الشيخ عادل محمد بن عبد الرحمن</p> <h3>الجزء التاسع</h3> <p>يحتوي على الكتب التالية: الشهادة - آداب القاضي - القسمة - الحدود الشرقية - قطع الطريق - الشير مستورات مجموعتي دار الكتب العلمية بيروت - لبنان</p> </div>
<p>والقضاء هو الحكم بين الناس بالحق والحكم بما أنزل الله - عز وجل -، فكان نصب القاضي لإقامة الفرض، فكان فرضاً ضرورياً، ولأن نصب الإمام الأعظم فرض بلا خلاف بين أهل الحق^(١)، ولا عبرة بخلاف بعض القدرة لإجماع الصحابة - رضي الله عنهم - على ذلك،</p>	
<p>كتاب آداب القاضي ٨٥</p>	
<p>ولمساس الحاجة إليه لتفديد الأحكام، وإنصاف المظلوم من الظالم، وقطع المنازعات التي هي مادة الفساد، وغير ذلك من المصالح التي لا تقوم إلا بإمام، لما علم في أصول الكلام، ومعلوم أنه لا يمكنه القياس بما نصب له بنفسه فيحتاج إلى نائب يقوم مقامه في ذلك وهو القاضي، ولهذا كان رسول الله ﷺ يبعث إلى الأفاق قضاة، فبعث سيدنا معاذاً - رضي الله عنه - إلى اليمن^(١)، وبعث عتاب بن أسيد إلى مكة^(٢)، فكان نصب القاضي من ضرورات نصب الإمام، فكان فرضاً، وقد سماه محمد فريضة مُحْكَمَةً، لأنه لا يحتمل النسخ لكونه من الأحكام التي عُرف وجوبها بالعقل، والحكم العقلي لا يحتمل الانتساح، والله تعالى أعلم.</p>	

Terjemahan:

“...dan kerana mengangkat Imam yang agung (Khalifah) itu adalah fardhu tanpa perbezaan pendapat di kalangan ahlu haq, dan ini tidak mengambil kira perbezaan dengan sebahagian golongan Qadariyyah – kerana ijma’ sahabat (ra) atas hal tersebut, serta keperluan mendesak terhadap wujudnya Imam yang agung. Ini adalah perlu agar berlaku keterikatan atas hukum syarak, menyelamatkan orang yang dizalimi dari orang yang menzalimi, memutuskan perselisihan yang membawa kerosakan dan mewujudkan kemaslahatan yang lain yang memang tidak akan terhasil kecuali dengan adanya Imam...” [Imam ‘Alauddin al-Kassani al-Hanafi, *Bada’i ash-Shanai’ fi Tartib asy-Syarai’*, Juz 9 hal. 83-85].

Imam Umar bin Ali bin Adil al-Hanbali, ulama mazhab Hanbali, juga menyatakan,

آدم - عليه الصلاة والسلام - خليفة لأولئك الجن الذين تقدّموه، لأنه خلفهم^(١).
والثاني: إنما سمّاه الله خليفة، لأنه يخلف الله في الحكم بين خلقه، ويروى عن
ابن مسعود، وابن عباس، والسدي وهذا^(٢) الرأي متأكد بقوله تعالى: ﴿إِنَّا جَعَلْنَا خَلِيفَةً
فِي الْأَرْضِ قَبْلَكَ بَنِي آدَمَ الَّذِينَ يَلْمِزُونَ﴾ [ص: ٢٦]. [روى أبو ذر قال: قلت: يا رسول الله أنبياءاً
كان آدم مرسلاً؟ قال: نعم.. الحديث]^(٣).

فإن قيل: لمن كان رسولاً، ولم يكن في الأرض أحد؟.

فيقال: كان رسولاً إلى ولده، وكانوا أربعين ولداً في عشرين بطناً في كل بطن ذكر
وأنثى، وتولدوا حتى كثروا، وأنزل عليه تحريم الميتة والدم ولحم الخنزير، وعاش
تسعمائة وثلاثين سنة. ذكره أهل التوراة والله أعلم. [وروي عن وهب بن منبه أنه عاش
ألف سنة]^(٤).

وقرىء^(٥): «خليفة» بالالف، و «خليفة» منصوب بـ «جاعل» كما تقدّم؛ لأنه أسمى
فاعل، وأسمى الفاعل يعمل عمله مطلقاً إن كان فيه الألف واللام، ويشترط الحال أو
الاستقبال والاعتماد إذا لم يكونا فيه، ويجوز إضافته لمعموله تخفيفاً ما لم يفصل بينهما
كهذه الآية.

فصل في وجوب نصب خليفة للناس

هذه الآية دليل على وجوب نصب إمام وخليفة يسمع له ويطيع^(٦)، لتجتمع به

٥٠٢ سورة البقرة / الآية: ٣٠

الكلمة، وتنفذ به أحكام الخليفة، ولا خلاف في وجوب ذلك بين الأئمة إلا ما روي عن

سورة البقرة / الآية: ٣٠ ٥٠٣

الأصم، وأتباعه أنها غير واجبة في الدين - وأن الأمة متى أقاموا حججهم وجهادهم،

الكتاب في علوم الكتاب

تأليف

الإمام المفسر أبي حفص عمر بن علي

ابن عادل الدمشقي الحنبلي

المتوفى بعد سنة ٨٨٠هـ

تحقيق وتعليق

الشيخ عادل أحمد عبد الموجود

الشيخ هادي محمد مرعي

شاركة في تحقيقه برعاية لياقمة

الدكتور محمد رمضان حسن / الدكتور محمد التوفيق الدسوقي

الجزء الأول

الجزء

أول سورة البقرة - الآية (٣٠) من سورة البقرة

مستورات

مركز أبي بكر

دار الكتب العلمية

بيروت - لبنان

Terjemahan:

“...ayat ini (Surah al-Baqarah ayat 30) adalah dalil wajibnya mengangkat Imam dan Khalifah (yang pemerintahnya) didengari dan ditaati, untuk menyatukan pendapat, serta untuk melaksanakan hukum-hakam tentang Khalifah. Tidak ada perbezaan tentang wajibnya hal tersebut di kalangan para imam kecuali apa yang diriwayatkan dari al-Asham dan orang yang mengikutinya...” [Imam Umar bin Ali bin Adil al-Hambali ad-Dimasyqi, Tafsir al-Lubab fi ‘Ulum al-Kitab, Juz 1, hal 501-503].

Imam Abu Muhammad Ali bin Hazm al-Andalusi adz-Dzahiri dari mazhab Dzahiri menyatakan,

...واتفقوا أن الامامة فرض وانه لا بد من امام حاشا النجدات وأراهم قد حادوا الاجماع وقد تقدمهم واتفقوا انه لا يجوز أن يكون على المسلمين في وقت واحد في جميع الدنيا امامان لا متفقان ولا مفترقان ولا في مكانين ولا في مكان واحد...

“...mereka (para ulama’) sepakat bahawa Imamah (Khalifah) itu fardhu dan adanya Imam (Khalifah) itu merupakan suatu kewajipan, kecuali an-Najdat (dari golongan Khawarij). Pendapat mereka ini (an-Najdat) menyalahi ijma’ dan pembahasan tentang mereka telah dijelaskan sebelumnya. Mereka (para ulama’) sepakat bahawa tidak boleh pada satu waktu di seluruh dunia

adanya dua Imam bagi kaum Muslimin baik keduanya sepakat atau tidak, baik keduanya berada di satu tempat atau di dua tempat...” [Imam al-Hafidz Abu Muhammad, Ali bin Hazm al-Andalusi adz-Dzahiri, Maratibul Ijma’, Juz 1 hal 124].

Sesungguhnya masih banyak lagi pendapat ulama yang boleh kami sampaikan di sini jika kami mahu, yang menyatakan bahawa mengangkat seorang Khalifah (sekali gus bermaksud menegakkan Khilafah) adalah satu kewajipan. Namun, cukuplah setakat itu dulu, dan kami ingin mengemukakan di bawah ini pendapat para ulama yang menyebut secara khusus bahawa mengangkat seorang Khalifah itu adalah fardhu kifayah.

(iii) Mengangkat Seorang Khalifah Adalah Fardhu Kifayah

Di dalam Kitab *Raudhah ath-Thalibin wa ‘Umdah al-Muftin* disebutkan:

<p>معرفة الأشخاص ، منع انعقاد الإمامة واستدامتها ، وإلا فلا ، وفقده الشم والذوق وقطع الذكر والأئمة ، لا يؤثر قطعاً . والله أعلم</p> <p>فإن لم يوجد قرشي مستجمع الشروط ، فكناني ، فإن لم يوجد ، فرجل من ولد إسماعيل صلى الله عليه وسلم ، فإن لم يكن فيهم مستجمع الشرائط ، ففي « التهذيب » أنه يولى رجل من العجم ، وفي « التتمة » أنه يولى جرهمي ، وجرهم أصل العرب ، فإن لم يوجد جرهمي ، فرجل من ولد إسحاق صلى الله عليه وسلم ، ولا يشترط كونه هاشمياً ، ولا كونه معصوماً ، وفي جواز تولية المفضول خلاف مذكور في أدب القضاء ، فإن لم تنفق الكلمة إلا عليه ، جازت توليته بلا خلاف ، لتندفع الفتنة ، ولو نشأ من هو أفضل من المفضول ، لم يعدل إلى الناشئ ، بلا خلاف .</p> <p>الفصل الثاني : في وجوب الإمامة وبيان طرقها ، لا بد للإمامة من إمام يقيم الدين ، وينصر السنة ، وينتصف للمساومين ، ويستوفي الحقوق ويضعها مواضعها .</p> <p style="text-align: center;">- ٤٢ -</p> <p>قمت : تولي الإمامة فرض كفاية ، فإن لم يكن من يصلح إلا واحداً ، تعين عليه ولزمه طلبها إن لم يتدثروه . والله أعلم</p>	<p style="text-align: center;">رُؤْيُ الْإِمَامِ الْطَّالِبِينَ</p> <p style="text-align: center;">وَعِمْدَةُ الْمُفْتِينَ</p> <p style="text-align: center;">لِلْإِمَامِ السُّوَوِيِّ</p> <p style="text-align: center;">الجزء العاشر</p> <p style="text-align: center;">إشرف زهرة الشارعية</p> <p style="text-align: center;">المكتب الاسلامي</p>
---	---

Terjemahan:

“Sudah menjadi sebuah kewajipan bagi umat untuk memiliki seorang Imam (Khalifah) yang menegakkan agama, menolong Sunnah, menolong orang-orang yang dizalimi, memenuhi hak-hak dan menempatkan hak-hak pada tempatnya. Saya berpendapat bahawa menegakkan Imamah (Khilafah) adalah fardhu kifayah...” [Imam an-Nawawi, *Raudhah ath-Thalibin wa ‘Umdah al-Muftin*, Juz 10, hal 42-43].

Syeikh al-Islam, Imam Zakaria bin Muhammad bin Ahmad bin Zakaria al-Anshari di dalam Kitab *Fath al-Wahab* juga menyatakan:

<p>اتواجر بين يعيدهم تقد عليهم ولو اعانهم صكفار مصومون اعلون بتحريم قتالنا مخارون انتقم عنهم فان قال ذميون ظننا أهمم محقون واننا إعانة المسق فلا ويقاتلون كمنه . (فصل) شرط الامام كونه أهلا للقضاء قرشيا شجاعا</p>	<p>ترك قتال المسلمين فلان نقد بشرط قتالهم فلو اعانهم وقالوا ظننا أنه يجوز لنا إعانة بضكم على بعض أو أنهم المحقون ولنا إعانة الحق أو أنهم استعانوا بنا على كفار وأمكن صدقهم بلناهم للأمين واظنناهم كالبناء (ولو اعانهم كفار مصومون) هو أعم من قوله أهل ذمة (يعلمون بتحريم قتالنا مختارون) فيه انتقم عنهم) كالوافراد بالقتال (فان قال ذميون) كنا مكرهين أو (ظننا) جواز القتال إعانة أو ظننا (أهم محقون) فباصلوه بيد زده تولى (وأن لنا إعانة الحق) وأمكن صدقهم (فلا) ينتقم عنهم لواقبتهم طائفة مسلمة مع عندهم (ويقاتلون كمنه) لانضمامهم اليهم مع الأمان فلا يبيع مدبرهم ولا يقتل مشخيم ولا أسيرهم وخرج بالذميين المعاهدون وللؤمنون فينتقم عنهم ولا يقبل عندهم الا في الأكره بينة وقاتلهم الضمان فلو أنفقوا علينا نفسا أو مالا ضمنوه . (فصل) في شروط الامام الأعظم وفي بيان طرق انعقاد الإمامة وهي فرض كفاية كالقضاء (شروط الامام كونه أهلا للقضاء) بأن يكون مسلما حرا مكافعا عدلا ذكرا مجتهدا ذكرا يرى وسمع وبصرو نطق لما يأتي في باب القضاء وفي عبارتي زيادة العدل (قرشيا) لخير النساء «الأئمة من قریش» فإن قد قد فكانت ثم رجل من بنو إسماعيل ثم عجمي على ما في التهذيب أوجرهم على ما في التتمة ثم رجل من بنو إسحاق (شجاعا) ليز ونفسه ويالج الجيوش ويشوى على فتح البلاد ويحمى البيضة وتعتبر سلامته من شخص بمنع استيفاء</p>	<h1>فتح الوهاب</h1> <h2>بشرح</h2> <h3>منهج الطلاب</h3>	<p>تأليف شيخ الاسلام أبي يحيى زكريا الأنصاري (٨٢٥ - ٩٢٥)</p>	<p>وقى الخامس</p>	<p>١ - منهج الطلاب للمؤلف ٢ - الرسائل الذهبية في المسائل الدقيقة للتهجي للسيد مصطفى الذهبي الشافعي</p>	<p>أبو الشافعي</p>
<p>المركبة</p>	<p>١٥٥</p> <p>المركبة وسرعة الهوى كادخل في الشجاعة (وتتعد الإمامة) بثلاثة طرق: أحدها (بيعة أهل الحل والعقد من العلماء ووجوه الناس للتياسر اجتماعهم) فلا يشر فيها عدد بل لو تعلق الحل والعقد بواحد مطاع كلف بيعة محضرة شاهدين ولا تنكح بيعة العامة ويترتب اضافة للبايع (بصفة الشهود) من عدالة وغيرها لا اجتهاد وما في الروضة كأصلها من أنه يشترط كونه مجتهدا إن أعيد وأن يكون فهم مجتهد إن تعدد مفرغ على ضئيف (و) ثانيها (باستخلاف الامام) من عينه في حياته وكان أهلا للإمامة حينئذ ليكون خليفة بعد موته ويبر عنه بهدأ إليه كأعهد أبو بكر إلى عمر رضي الله عنهما ويشترط القبول في حياته (بكملة الأمر) في الخلافة (شورى) أي تشاورا (بين جميع) فإنه لا استخلاف لكن لو احدثهم من جميع فترشون صدقته أوفى حياته إذ أنه أحدهم كأجل عمر رضي الله تعالى عنه الأمر شورى بين</p>	<p>وتتعد الإمامة بيعة أهل الحل والعقد من العلماء ووجوه الناس التياسر اجتماعهم بصفة الشهود وباستخلاف الامام بكملة الأمر شورى بين جميع</p>				

Terjemahan:

“(Fasal) tentang syarat-syarat Imam yang agung (Khalifah) serta penjelasan metode pelantikan Imamah, ia merupakan fardhu kifayah sebagaimana peradilan [Imam Zakariya bin Muhammad bin Ahmad bin Zakariya al-Anshari, *Fath al-Wahab bi Syarh Minhaj ath-Thulab*, Juz 2, hal. 154].

Berkata Imam Abu al-Hasan al-Mirdawi al-Hambali dalam kitab *al-Inshaf*:

باب قتال أهل البغي

فأمرناه

بهداهما : نصب الإمام : فرض كفاية .

قال في الفروع : فرض كفاية على الأصح .

فمن ثبتت إمامته بإجماع ، أو بنص ، أو باجتهاد ، أو بنص من قبله عليه .
وخبير متعين لها : حرم قتاله .

وكذا لو قهر الناس بسيفه . حتى أذعنوا له ودعوه إماماً .
قاله في الكافي وغيره .

وذكره في الرعاية رواية ، وقدم أنه لا يكون إماماً بذلك .
وقدم روايتان في الأحكام السلطانية .

فإن يوبع لاثنتين : فالإمام الأول .

قاله في نهاية ابن رزين ، ويخبر يد العناية ، وغيرها .

ويعتبر كونه قرشياً حراً ذكراً عدلاً عالماً كافياً . ابتداء ودواماً .

قاله في نهاية ابن رزين وغيره .

ولو تنازعا اثنتان متكافئتان في صفات الترجيح : قدم أحدهما بالقرعة .

قال القاضي : هذا قياس المذهب ، كالأذان .

الثاني : هل تصرف الإمام عن الناس بطريق الوكالة لهم ، أم بطريق الولاية ؟

فيه وجهان .

الجزء العشر

من

الأضواء

تَفَضَّلْ بِالْأَمْرِ بِطَبِيعِهِ وَتَوَازِيهِ عَلَى نَفَقَتِهِ
أَبْنَاءَ وَجْهِ اللَّهِ ، وَرَجَاءَ الشُّبُهَةِ فِي دَارِ كَرَامَتِهِ
مُحْيِي آثَارِ السَّلْطَنَاتِ الصَّالِحِينَ ، الْمُهْتَدِي بِهَدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ
وَأَمَامِ الْمُؤَحَّدِينَ مَلِكِ الْعَالَمِيَّةِ وَعَالِمِ الْمُلُوكِ

الملك سَعُودُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ الْمُعَظَّمِ

أَمْتَعَهُ اللَّهُ بِطَوْلِ حَيَاتِهِ الْمُبَارَكَةِ

Terjemahan:

“Bab memerangi pemberontak (bughat). Terdapat dua faedah. Pertama, mengangkat Imam itu adalah fardhu kifayah. Dia berkata di dalam al-Furu’: fardhu kifayahlah yang paling tepat” [Imam Abul Hasan Ali bin Sulaiman al-Mardawi al-Hambali, al-Inshaf fi Ma’rifah ar-Rajih min al-Khilaf ala Madzhab al-Imam Ahmad bin Hambal, Juz 10, hal. 310].

Imam al-Bahuti al-Hanafi berkata:

كشاف القناع عن متر الاقتناع

للمشيع العلامة فقيه الحنابلة
منصور بن يونس بن إدريس الههوقي
فترغ من تأليفه سنة ١٠٤٦ هجرية

إلى السائلين

عالم الكتب
بيروت

اموال تجار ليردوه) لمالكيه (هم) اي الجند (جاهلون في دينهم) اي العرب (بقود
لأنهم ناهون عن المنكر (ولا ضمان عليهم) أي الجند فيمن قتل من العرب (بقود
ولا دية) أي ولا كفارة حيث لم يندفعوا إلا بذلك كالصائل . فإن قاتلوهم ليأخذوا
منهم ما أخذوه لأنفسهم فهما ظالمان على ما يأتي في الباب بعده .

بَاب

قَالَ أَهْلُ الْبَيْتِ

وهو مصطلح يعني ببغى إذا اعتدى . والمراد هنا الظلمة الخارجون عن طاعة الإمام
المعتدون عليه لقوله تعالى : « وَإِنَّ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا - إلى قوله -
إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ » (١) وفيه فوائد منها : أنهم لم
يخرجوا بالبغى عن الإيمان وأنه أوجب قتالهم وأنه أسقط عنهم التبعة فيما أتلفوه في
قتالهم وإجازة قتال كل من منع حقا عليه والأحاديث بذلك مشهورة منها ما روى
عبادة بن الصامت قال : « بَاتِعْتَنَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى السَّمْعِ وَالطَّلَاعَةِ
فِي الْمُنْشَطِ وَالْمَكْرَهِ وَأَنْ لَا تُنْزَاعَ الْأَمْرَ أَهْلَهُ » متفق عليه ، وأجمع الصحابة

على قتالهم فإن أبا بكر قاتل مانعي الزكاة وعليها قاتل أهل الجمل وأهل صفين (نصب
الإمام الأعظم) على المسلمين (فرض كفاية) لأن بالناس حاجة إلى ذلك لحماية البيضة
والذب عن الحوزة وإقامة الحدود واستيفاء الحقوق والأمر بالمعروف والنهي عن المنكر
ويخاطب بذلك طائفتان إحداهما أهل الاجتهاد حتى يجتاروا والثانية من يوجد فيهم
شرائط الإمامة حتى ينتصب أحدهم لها ، أما أهل الاختيار فيعتبر فيهم العدالة والعلم
الموصل إلى معرفة من يستحق الإمامة والرأي والتدبير المؤدي إلى اختيار من هو الإمامة أصلح


(١) سورة الحجرات الآية : ٩ ، ١٠ .

١٥٨

Terjemahan:

“(Mengangkat Imam yang agung itu) atas kaum Muslimin (adalah fardhu kifayah). Ini kerana manusia memerlukan hal tersebut untuk menjaga kemurnian (agama), menjaga konsistensi (agama), menjalankan hudud, menunaikan hak serta amar ma’ruf dan nahi munkar....” [Imam Mansur bin Yunus bin Idris al-Bahuti al-Hanafi, *Kasyful Qina’ an Matnil Iqna’*, Juz 6 hal. 158].

Dalam kitab Hasyiyatul Jumal disebutkan:



Terjemahan:

“...dalam syarat Imam yang agung (Khalifah) dan tentang penjelasan metode pelantikan Imamah, mewujudkan Imamah itu adalah fardhu kifayah, sebagaimana pengadilan (syarat Imam mestilah ahli dalam pengadilan). Maka hendaknya dia seorang Muslim, merdeka, mukallaf, adil, lelaki, mujtahid, cerdas, boleh mendengar, melihat dan bijak berbicara, sebagaimana yang terdapat dalam pembahasan tentang pengadilan...” [Hasyiyyatul Jumal, Juz 5, hal 119].

Di dalam kitab *Mathalibu Ulin Nuha fi Syarhi Ghayatil Muntaha* dinyatakan:

(ونصب الامام فرض كفاية) لأن بالناس حاجة لذلك لحماية البيضة ، والذب عن الخوذة ، وإقامة الحدود ، وإبتغاء الحقوق ، والأمر بالمعروف والنهي عن المنكر ، ويخاطب بذلك طائفتان : أحدهما: أهل الاجتهاد حتى يختاروا . الثانية : من توجد فيهم شرائط الإمامة حتى ينتصب لها أحدهم : أما أهل الاختيار فيعتبر فيهم العدالة والعلم الموصل الى معرفة من يستحق الإمامة والرأي والتدبير المؤدي إلى اختيار من هو للإمامة أصح .
(ويتجه) أنه (لا يجوز تعدد الامام) لما قد يترب عليه من التنافر المفضي الى التنازع والشقاق ووقوع الاختلاف في بعض الأطراف ، وهو مناف لاستقامة الحال ، يؤيد هذا قوله : « وإن تنازع الإمامة كفؤان اقرع بينهما إذ لو جاز التعدد لما احتيج الى القرعة .
(و) يتجه (أنه لو تغلب كل سلطان على ناحية) من نواحي الارض ، واستولى عليها (ك) ما هو الواقع في (زماننا فحكمه) ؛ أي : التغلب (فيها) ؛ أي : الناحية التي استولى عليها (ك) حكم (الإمام) من وجوب طاعته في غير المعصية والصلاة خلفه وتولية القضاة والامراء ونفوذ احكامهم وعدم الخروج عليه بعد استقرار حاله ؛ لما في ذلك من شق العصي وهو متجه (١) .
(وبثبت نصب الإمام بإجماع المسلمين عليه كإمامة أبي بكر من بيعة أهل الحل والعقد من العلماء ووجوه الناس الذين بصفة الشهود من العدالة وغيرها من العلم الموصل إلى معرفة مستحق الإمامة ، وأن يكونوا من أهل الرأي والتدبير

(١) أقول : سرحوا بكل منها في مواضع اتى .

-٣٦٣-

مطالب أولي الشئى

في شرح

غاية المنتهى

تأليف

الفتية العلامة الشيخ مصطفى أبو علي الرضائي

تحريره زوالنا في الشرح

تأليف

الفتية العلامة الشيخ حسن الشطي

الجزء السادس

طبع طابفة

صاحب السمو الملكي الأمير الجليل الشيخ علي بن عبد الله آل شاذان حفظه الله

منشورات الكتب الإسلامية بدشتي

Terjemahan:

“(Dan mengangkat Imam (Khalifah) itu adalah fardhu kifayah) kerana manusia memang memerlukan hal tersebut untuk menjaga kemurnian (agama), memelihara konsistensi (agama), menjalankan hudud, menunaikan hak-hak, dan amar makruf serta nahi mungkar...” [Al-Allamah asy-Syeikh Musthafa bin Sa’ad bin Abduh as-Suyuthi ad-Dimasyqi al-Hambali, *Mathalibu Ulin Nuha fi Syarhi Ghayatil Muntaha*, Juz 6 hal. 263].

Masih banyak lagi pendapat ulama lainnya dan nescaya tidak akan habis penulisan ini jika kami ingin menukilkannya. Jadi, cukuplah setakat ini dulu untuk kami katakan bahawa jumhur ulama Ahlu Sunnah menyatakan bahawa penegakan Khilafah adalah fardhu (wajib). Baik itu fardhu ain atau fardhu kifayah, pokoknya kedua-duanya adalah fardhu. Hanya saja, para ulama membahagikan kategori fardhu itu kepada dua untuk memudahkan kefahaman umat Islam dalam pelaksanaannya. Sebagai sebuah kewajipan, tidak terdapat perbezaan antara fardhu kifayah mahupun fardhu ‘ain di mana kedua-duanya adalah fardhu, meski pun dari sisi pelaksanaannya berbeza.

(iv) Kedudukan Fardhu Kifayah

Kenapa Hizbut Tahrir menyatakan yang selagi tidak tertegak Khilafah, maka seluruh umat Islam berdosa? Pertamanya perlu difahami bahawa yang dimaksudkan dengan seluruh umat Islam

berdosa itu ialah umat Islam yang berdiam diri, atau yang tidak berusaha untuk menegakkan Khilafah. Dengan kata lain, mereka berdosa kerana mereka tidak berusaha untuk melakukan kewajipan. Ini kerana, menegakkan Khilafah itu adalah fardhu, dan termasuk dalam fardhu kifayah. Maka, siapa sahaja mukallaf yang tidak berusaha menegakkan fardhu kifayah, sudah tentu berdosa. Inilah yang dimaksudkan oleh Hizbut Tahrir.

Ringkasnya siapa sahaja daripada kalangan umat Islam yang tidak menunaikan kewajipan, adalah berdosa, baik itu kewajipan mendirikan solat, puasa, menunaikan zakat, haji dan sebagainya, termasuklah kewajipan mendirikan Khilafah yang telah diterangkan di atas. Maka di manakah salahnya dengan kenyataan ini?

Perkara kedua yang perlu difahami ialah, apabila Hizbut Tahrir menerangkan bahawa tidak menegakkan Khilafah merupakan dosa besar, ini merupakan peringatan dan muhasabah Hizbut Tahrir secara umum kepada umat Islam agar berusaha untuk menunaikan kewajipan ini, kerana Hizbut Tahrir tidak mahu umat ini terus berada dalam keadaan dosa. Ini sebagaimana perintah Allah (swt) kepada Rasulullah (saw), yang juga merupakan perintah kepada umat Islam, bahawa Rasulullah (saw) adalah seorang pemberi khabar gembira dan khabar ancam. Rasulullah (saw) memberi khabar gembira kepada manusia dengan pahala dan syurga apabila mereka melakukan perintah Allah (swt) dan meninggalkan larangan-Nya, dan Rasulullah (saw) memberi khabar ancam kepada manusia dengan dosa dan neraka apabila mereka melanggar perintah dan larangan Allah (swt). Justeru, apa yang dilakukan oleh Hizbut Tahrir tidak keluar sedikit pun daripada al-Quran dan as-Sunnah.

Sebagaimana yang kami sebutkan di atas, untuk melenyapkan keraguan JFNJ dalam isu ini, kami berikan pula di sini pendapat beberapa orang ulama mengenai kedudukan fardhu kifayah, yang memperkukuhkan lagi apa yang dikatakan oleh Hizbut Tahrir, bahawa siapa sahaja daripada kalangan umat Islam yang tidak berusaha melakukan fardhu kifayah, maka mereka telah berdosa.

Imam Saifuddin al-Amidi dalam kitab *al-Ihkam fii Ushul al-Ahkam* menegaskan:

الإحكام

في أصول الأحكام

تأليف
الإمام العلامة علي بن محمد الآمدي

عُقد عليه
العلامة الشيخ عبد الرزاق عفيفي

المجلد الأول

المكتب الإسلامي

أد(٣) فرض الله تعالى : والاصل في الاطلاق الحقيقة، وما ذكره الخصوم في تخصيص اسم الفرض بالمقطوع به، فمن باب التحكم، حيث إن الفرض في اللغة هو التقدير مطلقاً كان مقطوعاً به أو مظنوناً. فتخصيص ذلك بأحد القسمين دون الآخر بغير دليل، لا يكون مقبولاً، وبالجملة فالمسألة لفظية .

(١) الظاهر ان معاني الفرض مدارها التقم واختلافها إنما نشأ من اختلاف الاضافة او حرفة الصفة كاللام، وعل، ومن ، ومن تأمل الامثلة المذكورة ونحوها تبين له ذلك.
(٢) ما ذكر تعريف الوجوب أو الايجاب لا الواجب ففي العبارة تسامح لم يرص مثله فيها تقدم من تعاريف الوجوب . - (٣) صوابه أدى .

- ٩٩ -

المسألة الثانية

لا فرق عند أصحابنا بين واجب العين ، والواجب على الكفاية من جهة الوجوب ، لشمول حد الواجب لها ، بخلاف بعض الناس ، مصيراً منه إلى ان واجب العين لا يسقط بفعل الغير ، بخلاف واجب الكفاية ؛ وغايته الاختلاف في طريق الاسقاط ، وذلك لا يوجب الاختلاف في الحقيقة ؛ كالاختلاف في طريق الثبوت كما سبق(١) ، ولهذا : فان من ارتد وقتل ، فقتله بالردة ، وبالقتل واجب ، ومع ذلك فأحد الواجبين يسقط بالتوبة دون الواجب الآخر ، ولم يلزم من ذلك اختلافهما (٢) .

Terjemahan:

“Masalah yang kedua: Tidak ada perbezaan menurut sahabat-sahabat (ulama) kami antara wajib ‘ain dan wajib kifayah dari sudut kewajipan, berdasarkan batas kewajipan untuk kedua-duanya” [Imam Saifuddin al-Amidi, *al-Ihkam fi Ushul al-Ahkam*, Juz I hal 100].

Mengenai batas kesempurnaan pelaksanaan fardhu kifayah, Imam asy-Syirazi, dalam kitab *al-Luma’ fi Ushul al-Fiqh*, menjelaskan:

<p style="text-align: right;">١٠٨</p> <p>الواحد حُكْمِي عَلَى الْجَمَاعَةِ^(١)، وَالْقِيَاسُ، وَهُوَ أَنْ يَوْجَدَ الْمَعْنَى الَّذِي حُكِمَ بِهِ فِيْمَنْ حُكِمَ [عَلَيْهِ]^(٢) فِي غَيْرِهِ فَيُقَاسُ عَلَيْهِ.</p> <p style="text-align: center;">فصل [في سقوط الفعل عن البعض بفعل البعض]</p> <p>إِذَا وَرَدَ الْخُطَابُ بِلَفْظِ الْعُمُومِ دَخَلَ فِيهِ كُلُّ مَنْ صَلَّحَ لَهُ الْخُطَابُ، وَلَا يَسْقُطُ ذَلِكَ الْفِعْلُ عَنْ بَعْضِهِمْ بِفِعْلِ الْبَعْضِ إِلَّا فِيْمَا وَرَدَ الشَّرْعُ بِهِ وَ قَرَّرَهُ أَنَّهُ فَرَضُ كِفَايَةٍ، كَالْجِهَادِ وَتَكْفِينِ الْمَيِّتِ، وَالصَّلَاةِ عَلَيْهِ وَدَفْنِهِ، فَإِنَّهُ إِذَا قَامَ بِهِ مَنْ تَقَعُ بِهِ [ب/١٠٢] الْكِفَايَةُ سَقَطَ عَنِ الْبَاقِيْنَ.</p> <p style="text-align: center;">باب بيان الفرض والواجب والسنة والندب</p> <p>والواجب والفرض والمكتوبة واحد، وهو ما تعلق العقاب بتركه.</p> <p>وَقَالَ أَصْحَابُ أَبِي حَنِيفَةَ: الْوَاجِبُ مَا ثَبِتَ وَجُوبُهُ بِدَلِيلٍ مُجْتَهَدٍ فِيهِ كَالْوَتْرِ وَالْأَضْحِيَّةِ عِنْدَهُمْ، وَالْفَرَضُ مَا ثَبِتَ وَجُوبُهُ بِدَلِيلٍ مَقْطُوعٍ [بِه]^(٣)، كَالصَّلَاةِ الْخَمْسِ، وَالزُّكُوتِ الْمَفْرُوضَةِ، وَمَا أَشْبَهَهَا.</p> <hr/> <p>(١) لَا أَصْلَ لَهُ فِي هَذَا اللَّفْظِ، كَمَا قَالَ جَمَاعَةٌ مِنَ الْحَفَاطِ، مِنْهُمْ الْمَرْيُّ وَالذَّهَبِيُّ، وَالْعِرَاقِيُّ وَالسَّخَاوِيُّ، نَعَمَ وَرَدَ مَا قَدْ يُوْدِي مَعْنَاهُ فَرَوَى النَّسَائِيُّ وَالتِّرْمِذِيُّ مِنْ حَدِيثِ أُمِّمَةَ بِنْتِ رَقِيْقَةَ قَالَتْ: «بَايَعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فِي نِسْوَةٍ قَالَ لَنَا: «فِيْمَا اسْتَطَعْتُنَّ وَأَطَعْتُنَّ» قُلْتُ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَرْحَمُ بِنَا مِنَّا بِأَنْفُسِنَا، فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ بَايَعْنَا، قَالَ سَفِيَانٌ: «تَعْنِي صَافِحْنَا»، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّمَا قَوْلِي لِمَيِّتَةِ امْرَأَةٍ كَقَوْلِي لِامْرَأَةٍ وَاحِدَةٍ» هَذَا لَفْظُ التِّرْمِذِيِّ. وَقَالَ: حَسَنٌ صَحِيْحٌ. وَلَفْظُ النَّسَائِيِّ: «مَا قَوْلِي لِامْرَأَةٍ وَاحِدَةٍ إِلَّا قَوْلِي لِمَيِّتَةِ امْرَأَةٍ» وَكَذَا رَوَاهُ ابْنُ حِبَانَ فِي صَحِيْحِهِ، وَالدَّارِقُطْنِيُّ.</p> <p>قُلْتُ: وَأَخْرَجَهُ مَالِكٌ (٢/٩٨٢)، وَأَحْمَدُ (٦/٣٥٧)، وَابْنُ سَعْدٍ فِي الطَّبَقَاتِ</p>	<div style="text-align: center;">  <p>فِي أَصُوْلِ الْفِقْهِ</p> <p>لِلْإِمَامِ أَبِي إِسْحَاقَ إِبْرَاهِيْمَ بْنِ عَلِيٍّ الْفَيْدُوْرِيَّ الْبَاذِيَّ الشَّيْرَازِيَّ</p> <p>رَحِمَهُ اللهُ (٢٩٢ - ٤٧٦ هـ)</p> <p>وَمَعَهُ</p> <p>عَلِيٌّ بْنُ مُنْذَرٍ وَرُوْلَةُ مَرْثَةَ الشَّيْخِ مُحَمَّدِ بْنِ جَمَالِ بْنِ الْقَاسِمِيِّ وَ الشَّيْخِ عَلِيِّ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ الصَّيْدِيِّ الْفَمَّارِيِّ</p> <p>رَحِمَهُ اللهُ (٧٨٢ - ٨١١٣ هـ)</p> <p>مَقْفَهُ وَعَلَى عَلَيْهِ رُوْمُ لَهُ عَبْدُ الْقَادِرِ الْحَطِيبِ الْحَسَنِيِّ فَذَلَّلَهُ لَهُ</p>  </div>
--	---

Terjemahan:

“Apabila terdapat khitab (seruan) dengan lafaz umum, maka termasuk dalam (taklif) seruan tersebut siapa saja yang menerimanya dan perbuatan tersebut tidak gugur atas sebahagian orang kerana perbuatan sebahagian (yang lain), kecuali apabila ada hukum syarak yang datang di mana Allah menetapkan bahawa khitab tersebut adalah fardhu kifayah; seperti hukum jihad dan mengkafani, menshalatkan dan menguburkan jenazah. Maka apabila kewajipan tersebut telah selesai ditunaikan oleh siapa sahaja yang mampu, maka gugurlah kewajipan tersebut atas yang lain” [Imam asy-Syirazi, *al-Luma’ fi Ushul al-Fiqh*, hal 108].

Syeikhul Islam Imam al-Hafidz an-Nawawi, dalam kitab *al-Majmu’ Syarh al-Muhadz-dzab* menjelaskan:

<p>طالوسا رحمه الله كرهه . وهذا الذى قالوه من الكراهة ضعيف أو باطل فان المكروه هو الذى ثبت فيه نهى مقصود ولم يثبت في هذا نهى ، بل في صحيح البخارى عن القاسم قال « قالت عائشة : وراشاه ، فقال النبي صلى الله عليه وسلم : بل أنا وراشاه » فالصواب أنه لا كراهة فيه ، ولكن الاشتغال بالتسييح ونحوه أولى ، فلعلمهم أرادوا بالمكروه هذا .</p> <p>باب غسل الميت</p> <p>قال المصنف رحمه الله تعالى</p> <p>(وغسله فرض على الكفاية لقوله صلى الله عليه وسلم في الذى سقط عن بعيره : « اغسلوه بماء وسدر ») .</p> <p>(الشرح) هذا الحديث رواه البخارى ومسلم في رواية ابن عباس رضى الله عنهما ، وغسل الميت فرض كفاية بإجماع المسلمين ، ومعنى فرض الكفاية أنه اذا فعله من فيه كفاية سقط الحرج عن الباقي ، وان تركوه كلهم أتوا كلهم .</p> <p>واعلم أن غسل الميت وتكفينه والصلاة عليه ودفنه فروض كفاية بلا خلاف .</p> <p>قال المصنف رحمه الله تعالى</p> <p>(فان كان الميت رجلا لا زوجة له فاولى الناس بغسله الأب ثم الجد ثم الابن ثم ابن الابن ثم الأخ ثم ابن الأخ ثم العم ثم ابن العم لأنهم أحق بالصلاة عليه ، فكانوا أحق بغسله ، فان كان له زوجة جاز لها غسله ، لا روت عائشة رضى الله عنها : « أن أبا بكر رضى الله عنه أوصى أسماء بنت عميس لتغسله » وهل تقدم على التصبات ؟ ، فيه وجهان (أحدهما) أنها تقدم لأنها تنظر</p> <p>١١٢</p>	<p>الطبعة الوحيدة الكاملة من:</p> <p>كتاب المجموع</p> <p>شرح المهذب للشيرازي</p> <p>الإمام أبي زكريا يحيى بن شرف النووي</p> <p>الجزء الخامس</p> <p>مفتى وعالم عليه وأكده تدرى محمد نجيب المطهري</p> <p>مكتبة الأشبال جدة - المملكة العربية السعودية</p>
--	--

Terjemahan:

“...dan memandikan jenazah itu adalah fardhu kifayah berdasarkan kesepakatan kaum Muslimin. Makna fardhu kifayah adalah apabila siapa sahaja yang pada dirinya kifayah (berkecukupan untuk melaksanakan kewajiban tersebut) dan dia melaksanakannya, maka ini menggugurkan beban atas yang lain. **Namun apabila mereka semua meninggalkan kewajiban tersebut, maka mereka semua berdosa.** Ketahuilah bahawa memandikan jenazah, mengkafaninya, menshalatinya serta menguburkannya adalah fardhu kifayah dan tidak ada perbezaan pendapat (dalam hal ini)” [Syeikhul Islam Imam al-Hafidz an-Nawawi, *al-Majmu’ Syarh al-Muhadz-dzab*, Juz 5, hal 112].

Di sini Imam an-Nawawi menegaskan, apabila fardhu tersebut telah dikerjakan oleh siapa sahaja yang memiliki “kifayah” (kecukupan) maka beban (kewajiban) tersebut gugur atas yang lain. Namun jika semua meninggalkan kewajiban tersebut, semuanya berdosa.

Al-Allamah asy-Syeikh Zainuddin bin Abdul Aziz al-Malibari menegaskan:

بَابُ الجِهَادِ

وَهُوَ فَرَضٌ كِفَايَةٌ كُلُّ عَامٍ، كِفَايَاتٌ بِحُجَجِ دِينِيَّةٍ، وَعُلُومِ شَرْعِيَّةٍ،

تَبَيَّنَ [فِي بَيَانِ حُكْمِ مَا تَنَلَّفُهُ الْبُهَائِمُ]: مَنْ كَانَ مَعَ دَائِهِ يَضْمَنُ مَا أَتَلَّفَتْهُ لَيْلًا وَنَهَارًا، وَإِنْ كَانَتْ وَخَدَهَا فَاتَّلَفَتْ زَرْعًا أَوْ غَيْرَهُ نَهَارًا لَمْ يَضْمَنْ صَاحِبُهَا، أَوْ لَيْلًا ضَمِنَ، إِلَّا أَنْ لَا يُفْرِطَ فِي رَبِطِهَا.

وَإِتْلَافُ نَخْوِ هِرَّةٍ طَيْرًا أَوْ طَعَامًا عُهُدَ إِتْلَافِهَا ضَمِنَ مَالِكُهَا لَيْلًا وَنَهَارًا إِنْ قَصَرَ فِي رَبِطِهَا، وَتُدْفَعُ الْهِرَّةُ الضَّارِيَةُ عَلَى نَخْوِ طَيْرٍ أَوْ طَعَامٍ لِتَأْكُلَهُ كَصَائِلٍ، بِرِعَايَةِ التَّرْتِيبِ السَّابِقِ، وَلَا تُقْتَلُ ضَارِيَةٌ سَائِكَةٌ خِلَافًا لِجَمْعِهَا، لِإِمْتِنَانِ التَّحْزُرِ عَنْ شَرِّهَا.

* * *

بَابُ الجِهَادِ

وَهُوَ فَرَضٌ كِفَايَةٌ كُلُّ عَامٍ، وَلَوْ مَرَّةً إِذَا كَانَ الْكُفَّارُ بِيَلَادِهِمْ، وَتَبَعَيْنُ إِذَا دَخَلُوا بِلَدَنَا كَمَا يَأْتِي.

وَحُكْمُ فَرَضِ الْكِفَايَةِ أَنَّهُ إِذَا فَعَلَهُ مَنْ فِيهِمْ كِفَايَةٌ سَقَطَ الْحَرَجُ عَنْهُ وَعَنِ الْبَاقِينَ، وَيَأْتِمُ كُلُّ مَنْ لَا عُذْرَ لَهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ إِنْ تَرَكُوهُ، وَإِنْ جَهِلُوا.

فَتْحُ الْمُعِينِ

بِشْرَحِ

قَرَّةِ الْعَيْنِ بِمِهْمَاتِ الدِّينِ

تَأليف
أحمد زين الدين بن عبد العزيز المعيني المالبياري الفثاني
الشافعي من علماء القرن العاشر الهجري

بعناية
بِسَامِ عَبْدِ الوَهَّابِ الْجَبَائِي

دار ابن حزم

المكتبة
العلمية
بدمشق

Terjemahan:

“Bab Jihad. (Jihad itu adalah fardhu kifayah setiap tahun, meski pun hanya sekali, apabila orang-orang kafir berada di negeri mereka, dan menjadi fardhu ‘ain apabila orang-orang kafir (menyerang) masuk ke negeri kita, sebagaimana yang akan datang (pembahasannya); dan hukum fardhu kifayah itu adalah, apabila ia telah dilakukan oleh siapa saja yang memiliki kecukupan, maka akan gugurlah beban atas orang tersebut dan juga bagi yang lain. **Dan berdosa atas setiap orang yang tidak ada uzur baginya dari kaum Muslimin apabila mereka meninggalkannya meskipun mereka jahil**” [Syeikh Zainuddin bin Abdul Aziz al-Malibari, *Fath al-Mu’in*, hal 593].

Di sini pemilik *Fath al-Mu’in* itu menegaskan kembali apa yang dijelaskan oleh Imam an-Nawawi. Beliau menambahkan catatan bahwa kaum Muslimin yang tidak ada uzur, tetapi meninggalkan kewajiban tersebut, maka mereka berdosa.

Justeru, jika kita rangkum penjelasan para ulama’ di atas, fardhu kifayah itu, walaupun tidak semestinya dilakukan oleh semua kaum Muslimin yang mukallaf seperti layaknya fardhu ‘ain, tetapi kewajiban tersebut mesti dilakukan oleh jumlah yang memiliki kecukupan (*kifayah*). Itu dari aspek yang pertama. Dari aspek yang kedua, kewajiban tersebut akan dianggap telah terlaksana secara sempurna hanya apabila telah sempurna ditunaikan. Contoh kewajiban mengurus jenazah seorang Muslim yang dibebankan pada suatu komuniti - kewajiban yang

sifatnya fardhu kifayah tersebut hanya dikatakan telah selesai dilaksanakan apabila jenazah tersebut telah selesai dimandikan, dikafani, dishalatkan dan dikuburkan. Ketiga, bagi yang meninggalkan fardhu kifayah tanpa uzur, maka ia telah berdosa, kecuali bagi mereka yang bersungguh-sungguh melaksanakannya sahaja yang akan terlepas dari dosa.

Nashbul (melantik) Khalifah, berdasarkan nas dan menurut pendapat para ulama' yang telah kami sebutkan di atas, adalah fardhu, dan sebahagiannya menyatakan fardhu kifayah. Maka, selama kewajipan tersebut belum tertunai secara sempurna, kewajipan tersebut tetap terbeban atas pundak setiap mukallaf dari seluruh kaum Muslimin, dan meninggalkan kewajipan yang masuk kategori fardhu kifayah tanpa uzur adalah berdosa.

Justeru, sekiranya Khilafah masih belum tertegak, maka seluruh umat Islam (yang tidak berusaha) akan berdosa sehinggalah Khilafah berdiri, barulah dosa-dosa tadi diangkat. Pengecualian (daripada dosa) hanya berlaku ke atas mereka yang berusaha bersungguh-sungguh untuk mendirikannya, walaupun mereka masih belum berjaya. Maka, siapa pun yang berdiam diri, akan berdosa, dan dosa ini berterusan sehinggalah Khilafah telah berjaya didirikan. Apatah lagi jika menghalang pelaksanaan kewajipan ini dengan apa cara sekalipun, maka lagi besarlah dosanya.

Bayangkan apa yang dilakukan oleh anda wahai JFNJ, anda bukan sahaja berdiam diri daripada melakukan kewajipan ini, malah anda menentang perjuangan yang dibawa oleh Hizbut Tahrir untuk mendirikan Khilafah; dan tidak cukup dengan itu, anda telah memfitnah Hizbut Tahrir, lalu menggunakan pihak berkuasa agama yang merupakan rakan-rakan anda, untuk menangkap para anggota Hizbut Tahrir. Tujuan anda tidak lain kecuali ialah untuk berusaha mengheret kami ke mahkamah untuk dijatuhkan hukuman yang anda harapkan; dan apa yang anda harapkan seterusnya ialah untuk menghentikan terus dakwah Hizbut Tahrir! Bayangkanlah betapa besarnya dosa yang anda akan tanggung di sisi Allah (swt)!

(v) Dosa Besar Bagi Mereka Yang Tidak Berusaha Menegakkan Khilafah

Ini merupakan penekanan terakhir kami, kenapa kami katakan bahawa umat Islam yang tidak berusaha menunaikan kewajipan menegakkan Khilafah itu berdosa besar, adalah kerana besarnya kewajipan menegakkan Khilafah itu sendiri.

Imam Muslim telah meriwayatkan melalui Nafi', dia berkata, Ibnu Umar berkata kepadaku: Aku mendengar Rasulullah (saw) bersabda:

من خلع يداً من طاعة لقي الله يوم القيامة ولا حجة له، ومن مات وليس في عنقه بيعة مات ميتة جاهلية

"Barang siapa melepaskan tangan dari ketaatan, maka dia akan menemui Allah pada hari kiamat tanpa memiliki hujah. Dan barang siapa mati, sedangkan di lehernya tidak ada bai'at (kepada Khalifah), maka matinya seperti kematian jahiliyah."

Berkaitan dengan hadis ini, al-Hafidz Ibnu Hajar al-Asqalany, dalam *Fathul Bari* mengatakan:

وَالْمُرَادُ بِالْمَيْتَةِ الْجَاهِلِيَّةِ وَهِيَ بِكْسْرِ الْمِيمِ حَالَةُ الْمَوْتِ كَمَوْتِ أَهْلِ الْجَاهِلِيَّةِ عَلَى ضَلَالٍ وَلَيْسَ لَهُ إِمَامٌ مُطَاعٌ ، لِأَنَّهُمْ كَانُوا لَا يَعْرِفُونَ ذَلِكَ ، وَلَيْسَ الْمُرَادُ أَنَّهُ يَمُوتُ كَافِرًا بَلْ يَمُوتُ غَاصِبًا

“Yang dimaksudkan dengan *al-mitati al-jahiliyyah* – dengan *mim* dikasroh – (*mati* dalam keadaan *jahiliyyah*) adalah keadaan mati seperti matinya orang jahiliyyah yakni di atas kesesatan tidak punya Imam (Khalifah) yang ditaati kerana sesungguhnya mereka dulu tidak tahu yang demikian. Bukanlah yang dimaksud ia mati kafir, bahkan (maksudnya) ia mati dalam keadaan maksiat.”

Al-Hafidz melanjutkan:

وَيَحْتَمِلُ أَنْ يَكُونَ التَّشْبِيهِ عَلَى ظَاهِرِهِ وَمَعْنَاهُ أَنَّهُ يَمُوتُ مِثْلَ مَوْتِ الْجَاهِلِيِّ وَإِنْ لَمْ يَكُنْ هُوَ جَاهِلِيًّا


“(Ungkapan *al-mitati al-jahiliyyah*) mengandung makna tasybih (penyerupaan) atas dzahirnya, yang maknanya dia mati seperti mati jahiliyyah walaupun dia bukan orang jahiliyyah.”

Senada dengan penjelasan di atas adalah penjelasan tentang *al-mitati al-jahiliyyah* (*mati dalam keadaan jahiliyyah*) oleh al-Hafidz as-Suyuthi dalam *Syarh as-Suyuthi ‘ala Muslim* (4/459), as-Sindi (wafat 1138 H) dalam *Hasyiyah as-Sindi ‘ala an-Nasa’i* (7/123), dan Imam Nawawi dalam *Syarh Shahih Muslim* (12/331).

<p>٤٥٩ - ٣٣ - كتاب الإمامة (١٣) باب وجوب ملازمة جماعة المسلمين عند ظهور الفتن</p> <p>لِذِي عَهْدِ عَهْدَهُ ، فَلَيْسَ مِنِّي وَأَلَسْتُ مِنْهُ .</p> <p>***</p> <p>(١٠٠٠) وَحَدَّثَنِي عُيَيْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ الْقَوَارِيرِيُّ . حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ زَيْدٍ . حَدَّثَنَا أَبُو عَرَبٍ عَنْ عِيْلَانَ بْنِ جَرِيرٍ ، عَنْ زِيَادِ بْنِ رِيَّاحِ الْقَيْسِيِّ ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ . قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَتَخَوُّ حَدِيثَ جَرِيرٍ . وَقَالَ : « لَا يَتَخَاشَى مِنْ مُؤْمِنِيهَا » .</p> <p>***</p> <p>عن أبي قيس بن رياح : بكسر الراء ، ومثناه .</p> <p>مات ميتة جاهلية : بكسر الميم . أي : على صفة موتهم من حيث إنهم فوضى لا إمام لهم .</p> <p>راية غشبية : بكسر العين وضمة هاء ، وتشديد الميم المكسورة ، وتشديد الياء ، وهي : الأمر الأعمى لا يستبين وجهه ، كتقاتل القوم عصبية .</p> <p>يفضد لعصبية أو يدعو إلى عصبية ، أو ينصر عصبية : قال النووي (١٢ / ٢٣٨) : هذه الألفاظ الثلاثة (بالصاد والعين)^(١) المهملتين . (وروي)^(٢) بالمعجمتين . (ق ٢١٣ / ٢) ، أي : يقاثل لشهوة نفسه وغضبها لها .</p> <p>ولا يتحاش : وفي « نسخة » : « ولا يتحاشى » . أي : لا يكثر بما يفعله فيها ، ولا يخاف وباله وعقوبته .</p> <p>***</p> <p>٥٨ - (١٨٥١) حَدَّثَنَا عُيَيْدُ اللَّهِ بْنُ مُعَاذِ الْعَبْرِيِّ . حَدَّثَنَا أَبِي . حَدَّثَنَا غَاصِبٌ (وَهُوَ ابْنُ مُحَمَّدِ بْنِ زَيْدٍ) عَنْ زَيْدِ بْنِ مُحَمَّدٍ ، عَنْ نَافِعٍ . قَالَ : جَاءَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ إِلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُطِيعٍ ، جِئَ كَأَنَّ مِنْ أَمْرِ الْحَرَّةِ مَا كَانَ ، زَمَنَ زَيْدِ بْنِ مُعَاوِيَةَ . فَقَالَ : اطْرَحُوا لِأَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ</p>	<p>الديباج</p> <p>على صحيح مسلم بن الحجاج</p> <p>للحافظ</p> <p>جلال الدين عبد الرحمن بن أبي بكر</p> <p>السيوطي</p> <p>حفن، وهن عدي</p> <p>أبو إسحق الحويني الأثري</p> <p>الجزء الرابع</p> <p>الناشر</p> <p>دار ابن عفاة</p> <p>للطباعة والنشر</p>
--	---


Terjemahan:

"mata mitatan jahiliyyatan (mati dalam keadaan jahiliyah) dengan mengkasrahkan mim, yakni mati dengan sifat kematiannya orang-orang jahiliyah yang mana mereka berada dalam keadaan kekacauan/kebingungan (kerana) tidak memiliki Imam/Khalifah"

<p>الطاعة ومفارقة الجماعة (الحديث ٥٣ و ٥٤). وأخرج ابن ماجه في الفتن، باب العصية (الحديث ٣٩٤٨) مختصراً. تحفة الأشراف (١٢٩٠٢).</p> <p>سيوطي ٤١٢٥ - (مات ميتة جاهلية) هي بالكسر حالة الموت أي كما يموت أهل الجاهلية من الضلال والفرقة (ومن قاتل تحت راية عمية) قال في النهاية هو فعيلة من العمى الضلالة كالقتال في العصبية والأهواء (فقتلة جاهلية) بكسر القاف الحالة من القتل.</p> <p>سندي ٤١٢٥ - قوله (من خرج من الطاعة) أي طاعة الإمام (وفارق الجماعة) أي جماعة المسلمين المجتمعين على إمام واحد (ميتة) بكسر الميم حالة الموت (جاهلية) صفة بتقدير أي كهيئة أهل الجاهلية ويحتمل الإضافة والمراد مات كما يموت أهل الجاهلية من الضلال وليس المراد الكفر (بضرب برها) بفتح الباء وتشديد الراء (لا يتحاشى) أي لا يترك (ولا يفي لذي عهدها) أي لا يفي لذي عهد (فليس مني) أي فهو خارج عن سنتي (تحت راية عمية) بكسر عين وحكى ضمها وبكسر الميم المشددة وبمئة تحتية مشددة هي الأمر الذي لا يستين وجهه كقتال القوم عصبية قيل قوله تحت راية عمية كناية عن جماعة مجتمعين على أمر مجهول لا يعرف أنه حق أو باطل وفيه أن من قاتل تعصباً لا لإظهار دين ولا لإعلاء كلمة الله وإن كان المعصوب له حقاً كان على الباطل (فقتلة) بكسر القاف الحالة من القتل.</p> <p>(١) وقع في النظمية كلمة: (عمية بفتح العين والثاء). (٢) وقع في النيمية: (الذي) بدلاً من: (الذي).</p> <p>التحريم ك ٣٧ : ب ٢٩ ١٤٠ النسخة (المحارية : ٢٥)</p> <p>فَمَاتَ مَاتَ مَيْتَةً جَاهِلِيَّةً، وَمَنْ خَرَجَ عَلَى أُمَّتِي يَضْرِبُ بِرُؤْسِهَا وَفَاجِرُهَا لَا يَتَحَاشَى مِنْ مُؤْمِنِيهَا وَلَا يَنْبِي بِأَيِّ عَهْدِهَا فَلَيْسَ مِنِّي، وَمَنْ قَاتَلَ تَحْتَ رَايَةٍ عُمِيَّةٍ يَدْعُو إِلَى عَصِيَّةٍ أَوْ يَفْضِبُ لِعَصِيْبَةٍ فَقَتْلُهُ جَاهِلِيَّةٌ.</p>	 <p>مَاتَ مَيْتَةً جَاهِلِيَّةً</p> <p>بَشْرَحِ الْحَافِظِ جَلَّالِ الدِّينِ السِّيُوطِيِّ</p> <p>ت: ٩١١ هـ</p> <p>وَحَاشِيَةِ الْإِمَامِ السَّنْدِيِّ</p> <p>ت: ١١٣٨ هـ</p> <p>الجزء التاسع</p> <p>مَقَمُهُ زَرْفَةُ وَوَضِعُهُ نَابَرْسُ</p> <p>مَكْتَبُ تَحْقِيقِ التَّرَاثِ الْإِسْلَامِيِّ</p> <p>دار المعرفة</p> <p>بيروت، لبنان</p>
--	---

Terjemahan

"(Mitatan) dengan mengkasrahkan "mim" bermaksud keadaan mati (Jahiliyah) yang disifatkan dengan anggapan kematian orang-orang Jahiliyah dan membawa maksud tambahan bahawa mati sebagaimana kematian orang-orang Jahiliyah itu adalah kerana mati dalam keadaan sesat, bukannya mati dalam keadaan kufur..."

كتاب الإمارة (٣٣١) باب (١٣)	 <h2 style="text-align: center;">بِشْرَحِ النَّوَوِيِّ</h2> <p style="text-align: center;">مَوَافِقُ لِلْمَعْجَمِ الْمُفْرَسِ لِللِّفَظِ أَحَدِيثُ</p> <p style="text-align: center;">الجزء الثاني عشر</p> <p style="text-align: center;">بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ</p> <p style="text-align: center;">طبعة: تونس، توزيع ٥٢٥٠٢٧ ت</p>
<p>عُمِيَّةٌ ، يَغْضَبُ لِعَصَبَةٍ . أَوْ يَدْعُو إِلَى عَصَبَةٍ ، أَوْ يَنْصُرُ عَصَبَةً ، فَقَتِلَ ، فَقَتِلَ جَاهِلِيَّةً . وَمَنْ خَرَجَ عَلَى أُمَّتِي ، يَضْرِبُ بَرَّهَا وَفَاجِرَهَا . وَلَا يَتَحَاشَى مِنْ مُؤْمِنِهَا ، وَلَا يَفِي لِيذَى عَهْدِ عَهْدُهُ ، فَلَيْسَ مِنِّي وَلَسْتُ مِنْهُ .</p> <p style="text-align: center;">***</p> <p>(...) وحدثنى عبيد الله بن عمر القواريري . حدثننا حماد بن زويد . حدثننا أيوب عن غيلان بن جرير ، عن زياد بن رباح القيسي ، عن أبي هريرة . قال : قال رسول الله ﷺ ينحو حديث جرير . وقال « لا يتحاشى من مؤمنها » .</p> <p style="text-align: center;">***</p> <p>لا غير . قوله ﷺ : (من فارق الجماعة مات ميتة جاهلية) هي بكسر الميم أى : على صفة موتهم من حيث هم فوضى لا إمام لهم . قوله ﷺ : (ومن قاتل تحت راية عمية) هي بضم العين وكسرهما لغتان مشهورتان ، والميم مكسورة مشددة والياء مشددة أيضاً . قالوا : هي الأمر الأعمى لا يستبين وجهه . كذا قاله أحمد بن حنبل والجمهور ، قال إسحاق بن راهوية : هذا كقتال القوم للعصية . قوله ﷺ : (يغضب لعصبة أو يدعو إلى عصبة أو ينصر عصبة) هذه الألفاظ الثلاثة بالعين والصاد المهملتين هذا هو الصواب المعروف : يشادنا بعضها وحك القاض عن رواية العدي بالعين</p>	

Terjemahan:

"man faraqa al-jamaah mata mitatan jahiliyyatan (barang siapa memecah-belahkan kesatuan, mati dalam keadaan jahiliyah) dengan mengkasrahkan mim bermakna (mati dengan) sifat kematiannya orang-orang jahiliyah yang mana mereka berada dalam keadaan kekacauan/kebingungan (kerana) tidak memiliki Imam/Khalifah..."

Tanpa adanya sebuah pemerintahan Islam (Khilafah), hukum syarak telah benar-benar hilang penerapannya satu per satu dan berkembanglah berbagai kemaksiatan sebagaimana yang berlaku hari ini. Sabda Rasulullah (saw):

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ الْبَاهِلِيِّ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِيُنْقَضَنَّ عُرَى الْإِسْلَامِ عُرْوَةُ عَزْوَةٌ فَكَلَّمَا انْتَقَضَتْ عُرْوَةٌ تَشَبَّتَ النَّاسُ بِأَلْتِي تَلِيهَا وَأَوْلَاهُنَّ نَقَضُوا الْحُكْمَ وَأَخْرَجُوهِنَّ الصَّلَاةَ

"Dari Abu Umamah al-Bahili dari Rasulullah (saw) bersabda: 'Sungguh simpulan Islam akan terurai simpulan demi simpulan (satu per satu). Setiap kali satu simpulan terurai, maka manusia akan berpegang pada simpulan berikutnya. Yang pertama kali terurai adalah pemerintahan, dan yang paling akhir adalah shalat' [HR Ahmad].

Dengan tiadanya Khilafah, hukum Allah (swt) tidak lagi dilaksanakan secara kaffah. Semuanya telah tercabut satu per satu. Apa yang tinggal hanyalah sedikit hukum dalam hal kekeluargaan,

perkahwinan, pusaka, zakat dan solat, sedangkan dalam bab pemerintahan, ekonomi, politik, pendidikan, pergaulan (sosial), *uqubat*, dasar luar, jihad dan lain-lain, semuanya telah hilang. Benarlah sebagaimana sabda Nabi (saw) di atas.

Dengan tiadanya Khilafah, umat Islam telah kehilangan perisainya. Daulah Islam yang dahulunya begitu besar dan merupakan *super power* dunia, telah terpecah-belah menjadi negeri-negeri yang kecil, lemah dan para pemimpin mereka merupakan boneka kepada kuffar Barat. Umat Islam dibunuh di mana-mana, diperangi habis-habisan oleh puak kuffar, hidup tertindas dan dizalimi di banyak belahan dunia. Sedangkan kemaksiatan semakin marak, jenayah semakin subur, pergaulan bebas dan LGBT semakin berkembang, kes murtad dan penghinaan ke atas Islam semakin menjadi-jadi dan banyak lagi malapetaka lain yang menimpa umat ini akibat ketiadaan Khilafah.

Sedangkan dahulu di bawah naungan Khilafah, umat Islam mengungguli ketamadunan dunia dalam segala bidang, Islam zahir di atas agama-agama yang lain dan rahmat Allah (swt) tersebar ke seluruh penjuru alam. Malah orang-orang kafir dan negara-negara kufur turut mendapat nikmat dan rahmat dengan penerapan hukum Islam.

Begitu pentingnya pemerintahan Islam (Khilafah) telah diungkapkan oleh Imam al-Ghazali dalam kitabnya, *al-Iqtishad fi al-I'tiqad*, hal 292-293, sebagai berikut:

<p>كُلُّ مَنْ غَلَبَ سَلْبٌ ، وَلَمْ يَتَفَرَّغْ أَحَدٌ لِلْعِبَادَةِ وَالْعِلْمِ إِنَّ بَقِيَّ حَيًّا ، وَالْأَكْثَرُونَ يَهْلِكُونَ تَحْتَ ظِلَالِ السِّيُوفِ !</p> <p>ولهذا قيل : الدينُ والسلطانُ توأمين ، ولهذا قيل : الدينُ أمرٌ</p> <p>(١) حديث مرفوع رواه الترمذي (٢٣٤٦) ، وابن ماجه (٤١٤١) ، والحلبي : الجواب . (٢) الهرج : الفتنة وشدة القتل وكثرته .</p> <p style="text-align: center;">٢٩٢</p> <p>والسلطانُ حارسٌ ، وما لا أمرٌ له . . فمهذوم ، وما لا حارس له . . فضائع» (١)</p> <p>وعلى الجملة : لا يتمارى العاقلُ في أن الخلقَ على اختلاف طبقاتهم وما هم عليه من نشأت الأهواء وتباين الآراء ؛ لو خُلُّوا ورأيتهم ولم يكن لهم رأيٌ مطاعٌ يجمع شئناهم . . لهلكوا من عند آخرهم ، وهذا داءٌ لا علاج له إلا بسلطانٍ قاهرٍ مطاعٍ يجمع شئنا الآراء .</p> <p>فبان أن السلطانَ ضروريٌّ في نظام الدنيا ، ونظام الدنيا ضروريٌّ في نظام الدين ، ونظام الدين ضروريٌّ في الفوز بسعادة الآخرة ، وهو مقصودُ الأنبياء قطعاً ؛ فكان وجوبُ نصب الإمام من ضروريات الشرع الذي لا سبيلَ إلى تركه .</p>	<h2 style="margin: 0;">الْإِقْتِشَادُ فِي الْإِعْتِقَادِ</h2> <p style="margin: 5px 0;">تأليف محمَّد بن إسماعيل بن بكر بن الأعمام الإمام أبي إسحاق محمد بن محمد بن محمد بن محمد بن العيزالي</p> <p style="margin: 5px 0;">تجمعه الله تعالى (٤٥٠-٥٥٠هـ)</p> <p style="margin: 10px 0;">عُني به أنس محمد عثمان الشرفاوي</p> <p style="margin: 10px 0;">دار المنهج للنشر والتوزيع</p>
---	--

Terjemahan:

“Agama dan kekuasaan (Khilafah) adalah ibarat dua saudara kembar...agama adalah asas, sedangkan kekuasaan (Khilafah) adalah penjaga. Sesuatu yang tidak mempunyai asas pasti runtuh. Sesuatu yang tidak mempunyai penjaga pasti akan hilang.”

Atas dasar itu, Hizbut Tahrir sering mengatakan bahawa kewajipan menegakkan Khilafah merupakan *tajul furudh* (mahkota kewajipan) kerana dengan Khilafahlah seluruh hukum Allah (swt) dapat diterapkan, umat Islam akan kembali hidup dalam kemuliaan dan Islam akan kembali menjadi *super power* dan menaungi dunia dengan rahmat Allah (swt).

Peri pentingnya untuk umat ini bersatu di bawah seorang Khalifah telah diterangkan oleh Rasulullah (saw) dalam hadis baginda:

مَنْ بَايَعَ إِمَامًا فَأَعْطَاهُ صَفْقَةً يَدِهِ وَتَمَرَةً قَلْبِهِ فَلْيُطِعهُ مَا اسْتَطَاعَ، فَإِنْ جَاءَ آخَرُ يُتَارَعُهُ فَاصْرُبُوا عَنْقَ الْآخِرِ

“Siapa saja yang telah membaiat seorang Imam/Khalifah, lalu memberikan hulum tangan dan buah hatinya, maka hendaklah ia mentaati Khalifah itu semampunya. Kemudian jika datang orang lain yang ingin merebut kekuasaannya, maka penggallah leher orang itu” [HR Muslim].

Sebagai penutup kepada Butiran ini, dan semoga hilanglah keraguan JFNJ dalam hal ini, maka kami kemukakan apa yang telah dikatakan oleh Khalifah kedua umat Islam, Umar al-Khattab (ra) kepada keenam-enam orang calon yang dilantiknya untuk menjadi Khalifah,

تاريخ الطبركا

تاريخ الرسل والملوك

لأبي جعفر محمد بن جرير الطبري

٢٢٤ - ٣١٠ هـ

الجزء الرابع

تعقيل

محمد أبو الفضل إبراهيم



دار المغارب للطباعة

حجرة عائشة ؛ ولكن كونوا قريباً ، ووضع رأسه وقد نترّفه الدم .
فدخلوا فتناجحوا ، ثم ارتفعت أصواتهم ، فقال عبد الله بن عمر : سبحان
الله ! إن أمير المؤمنين لم يمُتْ بعد ، فأسمعته فأنثيه فقال : ألا أعرضوا عن

هذا أجمعون ؛ فإذا متّ فتشاوروا ثلاثة أيام ، وليصلّ بالناس صهيّب ،
ولا يأتين اليوم الرابع إلاّ وعليكم أمير منكم ؛ ويحضر عبد الله بن عمر مشيراً ،

ولا شيء له من الأمر ؛ وطلحة شريككم في الأمر ؛ فإن قدم في الأيام الثلاثة
فأحضره أمركم ؛ وإن مَضت الأيام الثلاثة قبل قدومه فاقضوا أمركم ؛
ومنّ لي بطلحة ؟ فقال سعد بن أبي وقاص : أنا لك به ؛ ولا يخالف إن شاء الله .
فقال عمر : أرجو ألاّ يخالف إن شاء الله ؛ وما أظنّ أن يليّ إلاّ أحد هذين
الرجلين : عليّ أو عثمان ؛ فإن وليّ عثمان فرجل فيه لين ، وإن وليّ عليّ ففيه
دُعابة ، وأحسّر به أن يحملهم على طريق الحقّ ؛ وإن تولوا سعداً فأهلها هو ؛
وإلاّ فليستن به الولي ، فإني لم أعزله عن خيانه ولا ضعف ؛ ونعم ذو الرأي
عبد الرحمن بن عوف ! مسدّد رشيد ، له من الله حافظ ، فاسمعوا منه .

وقال لأبي طلحة الأنصاريّ : يا أبا طلحة ، إن الله عزّ وجلّ ظلماً أعزّ
الإسلام بكم ، فاختار خمسين رجلاً من الأنصار ؛ فاستحيّت هؤلاء الرّهط
حتى يختاروا رجلاً منهم . وقال للمقداد بن الأسود : إذا وضعتوني في حفرتي

فاجمع هؤلاء الرّهط في بيت حتى يختاروا رجلاً منهم ، وقال لصهيّب :
صلّ بالناس ثلاثة أيام ، وأدخل عليّاً وعثمان والزيبير وسعداً وصيد الرحمن بن
عوف وطلحة إن قدم ؛ وأحضر عبد الله بن عمر ولا شيء له من الأمر ؛ وقم

على رؤسهم ، فإن اجتمع خمسة ورضوا رجلاً وأبي واحد فاشدّخ رأسه - أو
أضرب رأسه بالسيف - وإن اتفق أربعة فرضوا رجلاً منهم وأبي اثنان ، فاضرب

رؤسهما ، فإن رضى ثلاثة رجلاً منهم وثلاثة رجلاً منهم ، فحكّموا عبد الله
ابن عمر ؛ فأبى الفريقين حكم له فليختاروا رجلاً منهم ؛ فإن لم يرضوا بحكم

Terjemahan:

“Apabila aku meninggal, bermesyuaratlah kalian selama tiga hari. Hendaknya Suhaib yang mengimami shalat orang ramai sehingga janganlah masuk hari keempat, kecuali kalian wajib sudah memiliki seorang amir (Khalifah)...kemudian Umar (ra) berkata kepada Suhaib (ra), “Pimpinlah shalat orang ramai selama tiga hari...jika lima orang telah bersepakat dan meredhai seorang (untuk menjadi Khalifah), lalu ada seorang yang menolak, maka penggallah leher orang yang menolak itu dengan pedang...” [Tarikh ath-Thabari, Juz 4, hal 229].

Begitulah tegasnya kewajiban melantik seorang Khalifah, dan ia wajib dilakukan dalam masa yang tidak boleh melebihi 3 hari, sehingga Umar memerintahkan agar dibunuh sahabat yang tidak bersetuju selepas berlalunya 3 hari.

Sungguh tidak ada apa-apa keraguan lagi tentang kewajiban mengangkat seorang Khalifah (dan besarnya dosa ke atas mereka yang berdiam diri) kecuali mereka yang mempunyai penyakit di dalam hatinya sahaja yang akan ragu-ragu dan akan meragu-ragukan orang lain!

Kesimpulan

Ingin kami tekankan di sini setelah penjelasan kami yang panjang lebar, bahawa, besarnya dosa orang yang tidak berusaha untuk mendirikan Khilafah, ini bukanlah murni pendapat Nabhani atau Hizbut Tahrir...tetapi ini merupakan penjelasan daripada apa yang dikatakan oleh al-Quran, al-

Hadis dan ijma' as-Sahabat. Malah terlalu ramai ulama selain an-Nabhani dan Hizbut Tahrir, yang berpendapat sama seperti Hizbut Tahrir.

Setelah kami mengemukakan segala nas daripada al-Quran, as-Sunnah dan juga Ijma' as-Sahabat berkenaan kewajipan menegakkan Khilafah, malah kami kemukakan pendapat sebahagian ulama muktabar mengenai pandangan mereka yang kesemuanya mewajibkan pengangkatan seorang Khalifah, dan dosa ke atas mereka yang meninggalkannya, maka sekiranya JFNJ merasakan JFNJ lebih alim dan lebih benar daripada para sahabat dan para ulama tersebut, silakan kemukakan nas anda bahawa Khilafah adalah tidak wajib. Silakan kemukakan nas anda daripada al-Quran, as-Sunnah dan Ijma' as-Sahabat yang mengharamkan mengangkat seorang Khalifah!

Setelah kami mengemukakan pandangan ulama muktabar daripada kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mewajibkan pengangkatan seorang Imam/Khalifah, maka datangkanlah hujah anda wahai JFNJ daripada kalangan ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mengharamkan pelantikan seorang Khalifah dan sekali gus mengharamkan penegakan Khilafah. Ayuh kita sama-sama lihat siapakah yang sebenarnya mengikuti Sunnah dalam hal ini.

Inilah apa yang JFNJ patut lakukan yakni kemukakan hujah kepada kami, dan kemukakan hujah kepada umat Islam berdasarkan nas yang jelas (al-Quran dan as-Sunnah) bahawa mengangkat Khalifah itu hukumnya tidak wajib! Jika JFNJ gagal mengemukakan nas yang mengharamkan pengangkatan seorang Khalifah, maka kemukakanlah nas yang menyatakan bahawa mengangkat seorang Khalifah itu adalah makruh, atau mubah atau sunat, sehingga umat Islam yang tidak melakukannya tidaklah berdosa. Kemukakanlah nas anda wahai JFNJ supaya umat Islam tidak ragu-ragu dengan pendapat anda!

(f) Mengambil fahaman ekstrem dalam perkara menjatuhkan pemimpin negara dengan mengatakan seorang pemimpin harus diperangi jika tidak mengamalkan hukum Islam dan menampakkan syiar Islam (Risalah Manhaj Hizbut Tahrir fi al-Taghyir).

JFNJ tidak menyatakan muka surat manakah yang dimaksudkan sehingga menyukarkan kami untuk membuat rujukan dan membantah pembohongan yang dilakukan. Walaupun dengan sekilas bacaan kami sudah mengetahui bahawa apa yang difatwakan oleh JAINJ ini amat jelas merupakan sebuah fitnah dan pendustaan, namun kami tetap berusaha untuk meneliti buku yang dinyatakan secara sepenuhnya bagi menjawab fitnah keji ini. Jika sisa-sisa keikhlasan masih ada dalam diri JFNJ, nescaya anda akan memahami dengan benar apabila anda membaca keseluruhan buku ini. Bagaimana mungkin anda sanggup melakukan pembohongan dan pendustaan sedemikian rupa, dengan hanya memetik sebahagian isi kandungan kitab dan membuat kesimpulan menurut agenda yang anda dikehendaki!? Sudah tidak ada ketakutankah anda kepada Allah (swt), walaupun sedikit?

Jika benar dakwaan anda, di manakah buktinya yang Hizbut Tahrir pernah memerangi pemerintah yang tidak mengamalkan hukum Islam? Hizbut Tahrir bergerak di lebih 40 buah negara di dunia sejak 1953 lagi, apakah bukti yang anda ada bahawa Hizbut Tahrir pernah memerangi mana-mana pemerintah? Lihat sahajalah di Malaysia sekiranya anda tidak punya bukti di negara-negara lain, di manakah buktinya yang Hizbut Tahrir pernah memerangi pemerintah di Malaysia? Kami berani bersumpah atas nama Allah yang anda tidak akan menjumpainya sampai kiamat, dan jika anda tetap menjumpainya, maka kami katakan bahawa itu hanyalah bukti rekaan anda dan kawan-kawan anda sahaja!

Sudah lebih 50 tahun Hizbut Tahrir bergerak di seluruh dunia, dan lebih 20 tahun Hizbut Tahrir bergerak di Malaysia, dan rekod tentang segala aktiviti kami semuanya ada di tangan PDRM. Namun demikian, PDRM selaku pihak yang menjaga keselamatan negara ini tidak pernah menyatakan bahawa Hizbut Tahrir mempunyai rekod memerangi pemerintah. Malah PDRM tahu betapa aktiviti Hizbut Tahrir hanyalah secara politik dan intelektual, tidak pernah mengangkat senjata mahupun menggunakan kekerasan. Jika PDRM sendiri tidak pernah menganggap dan tidak pernah mengisytiharkan bahawa Hizbut Tahrir menggunakan kekerasan, bagaimana mungkin anda boleh berdusta sampai begitu sekali wahai JFNJ?

Wahai JFNJ, sesungguhnya bukti yang ada ialah sebaliknya...di mana para anggota Hizbut Tahrir-lah yang "diperangi" oleh pemerintah! Dakwah kami secara politik dan intelektual sering "dijawab" oleh pemerintah dengan intimidasi, penangkapan, pemenjaraan dan penyeksaan, malah pembunuhan ke atas para anggota Hizbut Tahrir di seluruh dunia. Dan anda wahai JFNJ, anda adalah sebahagian daripada kakitangan pemerintah yang terlibat dalam melakukan intimidasi dan penangkapan ke atas anggota Hizbut Tahrir, hasil daripada fatwa yang anda keluarkan. Inilah apa yang anda lakukan, namun sebaliknya anda memfitnah kami ingin memerangi pemerintah! Sungguh luar biasa apa yang anda fatwakan!

Walaupun JFNJ tidak mengemukakan sebarang rujukan, namun setelah kami meneliti risalah berkenaan, kami mengandaikan yang muka surat yang ingin dimaksudkan oleh JFNJ ialah muka surat 21-22, dan kami paparkan di bawah ini:

<p>وَأَنْ لَا تُتَارَعَ الْأَمْرَ أَهْلَهُ إِلَّا أَنْ تَرَوْا كُفْرًا بَوَاحًا عِنْدَكُمْ مِنَ اللَّهِ فِيهِ بُرْهَانٌ». ووقع عند الطبراني: «كفراً صراحاً» وفي رواية لأحمد: «... مَا لَمْ يَأْمُرُوكَ بِأَمِّمْ بَوَاحًا». فهذه الأحاديث كلها تدل على وجوب إشهار السلاح على الحاكم ومقاتلته إذا أظهر الكفر البواح، الذي عندنا فيه من الله برهان، أي إذا حكم بأحكام الكفر.</p> <p>هذا إذا كانت الدار دار إسلام وكانت أحكام الإسلام هي المطبقة، ثم ظهر من الحاكم الحكم بالكفر البواح، لأن حديث عبادة بن الصامت يقول: «... إلا أن تروا كفراً بواحاً» ورواية الطبراني تقول: «إلا أن تروا كفراً صراحاً» أي رأيتم الكفر البواح والكفر الصراح بعد أن لم تكونوا ترونه، أي كان الإسلام مطبقاً ثم أظهر الحاكم الحكم بأحكام الكفر البواح والكفر الصراح.</p> <p>أما إذا لم تكن الدار دار إسلام، وكانت أحكام الإسلام غير موضوعة موضع التطبيق، فإن إزالة الحاكم الذي يحكم المسلمين فيها تكون عن طريق النصرة اتباعاً للرسول ﷺ في سيره لإقامة دولة الإسلام وتطبيق أحكام الإسلام.</p> <p style="text-align: center;">٢٢</p>	<p>فَقَتَلَهُ» الحاكم في المستدرک. وقال: «أَفْضَلُ الْجِهَادِ كَلِمَةٌ حَقٌّ عِنْدَ سُلْطَانٍ جَائِرٍ» المعجم الكبير/ مسند أحمد.</p> <p>كما أن الشرع لم يكتف بالمحاسبة القولية للحاكم في دار الإسلام إذا أعلن الكفر البواح، أي إذا حكم بأحكام الكفر، أو إذا سكت عن طغيان الكفر في البلاد، كأن يلغي الخليفة حد النبي أو حد السرقة أو حد شارب الخمر أو أي حكم معلوم من الدين بالضرورة، بل إن الشرع قد جعل محاسبة الخليفة في هذه الحالة محاسبة بالسيف، فيجب قتاله، وإشهار السلاح في وجهه، ومنازعتة الحكم لإرجاعه عن الحكم بأحكام الكفر، فإن لم يرجع عن الحكم بأحكام الكفر، يكون إشهار السلاح ومقاتلته لخلعه عن الحكم لإعادة وضع الأحكام الشرعية موضع التطبيق والتنفيذ. ففي حديث أم سلمة: «.. قالوا: يا رسول الله، أفلا نقاتلهم؟ قال: لا، ما صلوا» وفي رواية أخرى: «.. ألا نقاتلهم؟ قال: لا، ما صلوا» وفي حديث عوف بن مالك: «.. قيل: يا رسول الله، أفلا ننايذهم بالسيف؟ فقال: لا، ما أقاموا فيكم الصلاة». وإقامة الصلاة تعني إقامة أحكام الإسلام جميعها. من إطلاق الجزء وإرادة الكل. وفي حديث عبادة بن الصامت: «...»</p> <p style="text-align: center;">٢١</p>
---	--

Terjemahan:

Berkaitan dengan penggunaan kekuatan fizik dalam menghadapi penguasa, melawannya dengan senjata dan memerangnya apabila melakukan kemungkaran, maka sesungguhnya syarak telah melarang hal ini, kecuali dalam satu keadaan iaitu apabila penguasa tersebut menampakkan kekufuran secara nyata (iaitu melaksanakan hukum-hukum kufur) atau apabila berpeluk tubuh terhadap kekufuran yang mendominasi negerinya. Dalam keadaan ini pemimpin seperti itu harus diperangi, dilawan dengan senjata, dan direbut kekuasaannya untuk mengembalikannya daripada pelaksanaan hukum-hukum kufur. Apabila pemimpin itu tidak mahu juga melepaskan hukum-hukum kufur (berkeras untuk menerapkannya), maka ia akan dihadapi dengan senjata dan diperangi agar ia ditendang keluar daripada kekuasaan, dan agar semata-mata hukum-hukum syarak dapat kembali diterapkan.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan dari Ummu Salamah disebutkan:

"...Para Sahabat bertanya (kepada Rasul): 'Wahai Rasulullah tidakkah kita perangi saja mereka itu?' Baginda menjawab: 'Tidak, selama mereka masih menegakkan shalat.'"

Sedangkan dalam hadis yang diriwayatkan 'Auf bin Malik:

"... ditanyakan (oleh sahabat kepada Rasul): 'Wahai Rasulullah, tidakkah kita perangi sahaja mereka itu dengan pedang? Baginda menjawab: 'Tidak, selama mereka masih menegakkan shalat di tengah-tengah kalian.'"

Erti menegakkan shalat di sini ialah menegakkan hukum-hukum Islam secara keseluruhan. Ia merupakan penyebutan terhadap sebahagian hukum - iaitu shalat - sedangkan yang dimaksudkan ialah keseluruhan.

Dalam hadis yang diriwayatkan dari 'Ubadah ibn Shamit terdapat lafaz:

"Hendaknya kami tidak merebut kekuasaan dari tangan para pemimpin, kecuali (Rasulullah bersabda:) 'Apabila kalian menyaksikan kekufuran secara nyata (kufuran bawaahan), yang dapat dibuktikan berdasarkan keterangan dari Allah.'"

Dalam riwayat ath-Thabrani disebut "kekufuran yang jelas" (kufuran shuraahan) ". Sedangkan dalam riwayat Imam Ahmad disebut "selama ia tidak menyuruhmu berbuat maksiat secara nyata."

Hadis-hadis tersebut di atas seluruhnya menunjukkan kewajipan mengangkat senjata terhadap para penguasa dan memerangnya apabila telah menampakkan kekufuran nyata yang dapat dibuktikan di sisi Allah - yakni apabila ia benar-benar memerintah dengan hukum-hukum kufur.

Inilah muka surat yang kami rasakan yang ingin dirujuk oleh JFNJ.

Namun malangnya, JFNJ tidak merujuk keseluruhan pembahasan yang terdapat dalam risalah tersebut. JFNJ seharusnya menukil dengan jujur apa yang ditulis dalam risalah berkenaan, iaitu dengan menukilkan secara keseluruhan perbincangan yang berkaitan. Dengan menukilkan sebahagian sahaja, jelas terlihat niat jahat JFNJ untuk melakukan pembohongan dan memfitnah Hizbut Tahrir dalam isu ini. Pada perenggan selanjutnya, risalah tersebut telah menjelaskan pemahaman terhadap hadis yang disebutkan, dengan konteks yang sebenar. Di bawah ini adalah terjemahan selanjutnya dalam muka surat yang berkenaan (muka surat 22), yang sengaja tidak dipedulikan oleh JFNJ:

Terjemahan:

Hanya saja, kewajipan mengangkat senjata dan melawan penguasa pada saat telah menampakkan kekufuran nyata, **sesungguhnya hanya dapat dilakukan apabila negara tersebut termasuk kategori Darul Islam, di mana hukum-hukum Islam ditegakkan** tetapi penguasanya menerapkan hukum-hukum kufur. Ini kerana, hadis 'Ubadah ibn Shamit menyatakan:

"... kecuali apabila kalian melihat kekufuran yang nyata (kufuran bawaahan)..."

atau menurut riwayat ath-Thabrani:

"... kecuali apabila kalian melihat kekufuran yang jelas (kufuran shuraahan)."

laitu apabila kalian melihat kekufuran yang nyata dan jelas, yang sebelumnya kalian tidak pernah melihatnya. Dengan kata lain, hukum-hukum Islam sebelumnya telah ditegakkan, kemudian muncul penguasa yang menerapkan hukum-hukum kufur yang jelas dan nyata.

Sedangkan apabila negara itu termasuk kategori Darul kufur, di mana hukum-hukum Islam tidak diterapkan, maka cara yang harus ditempuh kaum Muslimin untuk menukar penguasa ialah dengan thalabun nushrah sesuai dengan sirah Rasulullah (saw) iaitu mencari pertolongan dan perlindungan untuk menegakkan Daulah dan menerapkan hukum Islam.

Nah, inilah perenggan yang sengaja "ditinggalkan" oleh JFNJ, hanya satu perenggan sahaja selepas pembahasan di atas, di mana Hizbut Tahrir menjelaskan maksud sebenar kebolehan memerangi penguasa yang dinyatakan dalam hadis yang berkenaan.

Wahai JFNJ! Kami telah pun mengakui pegangan dan pendirian kami sebelum ini, bahawa di dunia pada hari ini tidak ada satu pun Darul Islam, termasuklah Malaysia. Kesemuanya adalah Darul Kufur. Maka, sudah terang lagi bersuluh bahawa kita tidak boleh memerangi penguasa, kerana apa yang dibenarkan oleh hadis untuk memerangi penguasa hanya berlaku di Darul Islam. Dengan kata lain, hadis itu berlaku tatkala wujudnya Darul Islam, lalu pemerintah menerapkan kekufuran secara nyata dalam Darul Islam tersebut, barulah ia boleh diperangi. **Dalam keadaan sekarang di mana tidak ada Darul Islam, dan semua yang ada hanyalah Darul Kufur (termasuk Malaysia), maka kita tidak boleh memerangi pemerintah, atau mengangkat senjata terhadap pemerintah, atau menggunakan kekerasan terhadap pemerintah atau seumpamanya.**

Inilah pegangan Hizbut Tahrir, berdasarkan kefahaman kami terhadap hadis tersebut. Atas dasar itu, kami tidak pernah memerangi pemerintah atau mengangkat pedang terhadap pemerintah kerana perbuatan tersebut adalah menyalahi hadis. Malah kami katakan kepada mana-mana individu atau gerakan bahawa siapa sahaja yang mengangkat senjata terhadap pemerintah, hal ini adalah haram dan berdosa, kerana menyalahi hadis dan menyalahi *thariqah* dakwah Rasulullah (saw).

Kami ulangi, oleh kerana kesemua negara umat Islam pada hari ini merupakan Darul Kufur kerana tidak menerapkan hukum Islam, maka kita tidak boleh memerangi pemerintah. Satu-satunya jalan untuk menukar pemerintahan ini ialah dengan melakukan dakwah secara politik dan intelektual serta melakukan *thalabun nushrah* (mencari pertolongan), sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah (saw). Dalam muka surat 29, Hizbut Tahrir menegaskan lagi sebagaimana berikut:

يقوم عليها، وتتجسد في مجموعة أفراد، والتي يدعو الأمة إليها لتعمل بها وتحملها معه لإيجادها في واقع الحياة والدولة والمجتمع هي الروح لجسم الحزب، وهي نواته وسر حياته، وهي الرابط الذي يربط بين أفراد.

٣- إن عمل حزب التحرير هو حمل الدعوة الإسلامية لتغيير واقع هذا المجتمع الفاسد في بلاد المسلمين اليوم وتحويله إلى مجتمع إسلامي، وذلك عن طريق تغيير الأفكار غير الإسلامية الموجودة فيه إلى أفكار إسلامية حتى تصبح رأياً عاماً عند الناس ومفاهيم راسخة تدفعهم لتطبيقها والعمل بمقتضاها، وتغيير المشاعر غير الإسلامية الموجودة فيه حتى تصبح مشاعر إسلامية ترضى لما يرضي الله ورسوله وتثور وتغضب لما يغضب الله ورسوله، وتغيير العلاقات غير الإسلامية القائمة فيه حتى تصبح علاقات إسلامية تسير وفق أحكام الإسلام ومعالجاته. وهذه الأعمال التي يقوم بها الحزب هي أعمال سياسية، إذ يرعى الحزب فيها شؤون الناس وفق الأحكام والمعالجات الشرعية؛ لأن السياسة هي رعاية شؤون الناس بأحكام الإسلام ومعالجاته.

Terjemahan:

3 - Aktiviti Hizbut Tahrir adalah mengembang dakwah Islam untuk mengubah realiti masyarakat yang rosak di negeri-negeri kaum Muslimin saat ini, menjadi masyarakat Islam - **melalui perubahan pemikiran yang tidak Islami menjadi pemikiran yang Islami** - sehingga dapat membentuk pendapat umum di tengah masyarakat dan menjadi pemahaman yang cemerlang, yang mampu mendorong mereka untuk mengamalkannya; selain mengubah perasaan yang tidak Islami di antara anggota masyarakat yang ada, menjadi perasaan yang Islami, di mana ia akan redha terhadap apa yang diredhai oleh Allah dan Rasul-Nya serta akan marah dan benci terhadap apa yang dimurkai dan dibenci oleh Allah dan Rasul-Nya; serta mengubah hubungan yang tidak Islami di antara mereka menjadi hubungan yang bersifat Islami sesuai dengan hukum dan penyelesaian Islam.

Seluruh aktiviti yang dilakukan Hizbut Tahrir adalah aktiviti politik, di mana Hizbut Tahrir senantiasa memperhatikan dan selalu memelihara urusan masyarakat agar sesuai dengan hukum syarak lalu diselesaikan berlandaskan hukum-hukum syarak. Sebab, pengertian politik tidak lain adalah memelihara dan mengatur urusan masyarakat dengan hukum-hukum Islam kemudian diselesaikan sesuai dengan syariat Islam.

Nah, demikian jelas apa yang diceritakan oleh Hizbut Tahrir dalam Risalah Manhaj Hizb at-Tahrir fi Taghyir ini. Jika JFNJ ada secebis kejujuran dalam membuat rujukan dan nukilan, nescaya JFNJ tidak akan melakukan pembohongan dan fitnah sekeji ini. Lebih malang, apabila kami telah menjelaskan sebelum ini bahawa berapa banyak daripada kandungan fatwa JFNJ adalah fitnah dan pembohongan, JFNJ tetap tidak mahu mengakuinya, tidak mahu menarik balik, malah terus-menerus menggunakan pihak berkuasa agama untuk mencari dan menangkap anggota Hizbut Tahrir. Subhanallah! Betapa berani JFNJ dan pihak berkuasa agama Johor memfitnah dan melakukan kejahatan ke atas para pengembang dakwah!

(g) Menyatakan jika sebuah negeri dihuni oleh orang Islam dan berhukum dengan bukan Islam, orang Islam wajib memerangi pemimpinnya hingga mereka berhukum dengan hukum Islam. (al-Nabhani: al-Shaksiah al-Islamiyyah jilid 2, cetakan kelima, tahun 2003, halaman 126).

Seperti biasa, kami menyemak muka surat yang dirujuk bagi memastikan sama ada yang diperkatakan oleh JFNJ adalah benar atau sebaliknya. Setelah melakukan semakan, ternyata perkara yang dikatakan dalam Butiran (g) di atas tidak terdapat pada muka surat yang diberikan. Kami paparkan di sini muka surat yang berkenaan (muka surat 126) untuk perhatian:

صحيح أن عمر بن الخطاب قال: «إذا كنتم ثلاثة في سفر فأمرُوا عليكم أحدكم، ذاك أمير أمره رسول الله ﷺ» ولما أخرج البزار من حديث ابن عمر بإسناد صحيح أن رسول الله ﷺ قال: «إذا كانوا ثلاثة في سفر فليؤمروا أحدهم» ولحديث أبي سعيد الخدري: «إذا خرج ثلاثة في سفر فليؤمروا أحدهم». رواه أبو داود. فهذه الأحاديث صريحة في أنه يشرع لكل عدد بلغ ثلاثة فصاعداً أن يؤمروا عليهم أحدهم. إلا أن قوله في الأحاديث: «في فلاة»، «في سفر» يدل على أنهم يكونون مجتمعين على أمر مشترك بينهم في فلاة، أو سائر في سفر، أو ما شاكل ذلك من الأعمال المشتركة، فيدخل في ذلك الحزب أو الجمعية، والسرية والجيش، والحى والمدينة والقطر وغير ذلك. وإذا شرع هذا لثلاثة يكونون في فلاة من الأرض، أو يسافرون فشرعته لعدد أكبر، أو لعمل أعظم يكون أولى وأحرى. فالأحاديث تكون عامة في الفلاة وفي السفر وفي غيرهما مما هو أكبر وأعظم منهما، لأن مفهوم الموافقة يدل على ذلك. فالقاعدة الأصولية أن فحوى الخطاب معمول به. فإذا أمر بشيء أو نهى عن شيء فإن المفهوم من المأمور به ومن المنهى عنه يدخل مع المنطوق فيما أمر به أو نهى عنه، ولا يختص بالمنطوق، يعني أنه إذا أمر بشيء أو نهى عن شيء فإن الأمر والنهي يشمل ما هو أكثر منه وأكبر بالأولوية. ومثاله تحريم شتم الوالدين وضربهما من دلالة قوله تعالى: ﴿فَلَا تَقُلْ هُمَا أَفِي﴾ وتحريم إتلاف أموال اليتامى من دلالة قوله تعالى: ﴿إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَى ظُلْمًا﴾. وتأدية ما دون القنطار وعدم تأدية ما فوق الدينار من قوله تعالى: ﴿وَمِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ إِنْ تَأْمَنَهُ بِقِنطَارٍ يُؤَدِّيهِ إِلَيْكَ وَمِنْهُمْ مَنْ إِنْ تَأْمَنَهُ بِدِينَارٍ لَا يُؤَدِّيهِ إِلَيْكَ﴾. وكذلك فإن الرسول أمر بتأخير واحد في

١٢٦

Terjemahan:

“..shahih bahawa Umar bin Khaththab berkata: “Jika kalian bertiga dalam perjalanan, maka angkatlah salah seorang di antaranya untuk menjadi amir kalian. Itulah amir yang diperintahkan

oleh Rasulullah (saw).” Al-Bazzar juga mengeluarkan dari hadis Ibnu Umar dengan sanad yang shahih, bahawa Rasulullah (saw) bersabda: “Jika mereka bertiga dalam perjalanan, maka hendaklah mereka mengangkat salah seorang di antaranya untuk menjadi amir mereka.” Juga, berdasarkan hadis Abu Sa’id al-Khudri: “Jika tiga orang keluar dalam perjalanan, maka hendaklah mereka mengangkat salah seorang di antaranya untuk menjadi amir mereka.” (Diriwayatkan oleh Abu Daud). Hadis-hadis ini dengan jelas menunjukkan bahawa disyariatkan bagi setiap kelompok yang mencapai tiga orang atau lebih agar mengangkat salah seorang di antaranya untuk menjadi amir mereka. Sabda Nabi (saw) dalam hadis-hadis tersebut: “di padang sahara” dan “dalam perjalanan”, menunjukkan bahawa mereka berkelompok untuk melakukan urusan bersama di padang sahara, atau melakukan perjalanan, atau pekerjaan-pekerjaan bersama yang sejenis dengannya. Sehingga, masuk di dalamnya parti atau persekutuan, pasukan, perkampungan, perkotaan, daerah dan lainnya. Jika hal ini disyariatkan bagi tiga orang yang berada di padang sahara atau melakukan perjalanan, maka lebih disyariatkan lagi bagi jumlah yang lebih besar atau pekerjaan yang lebih agung dari itu. Jadi, hadis-hadis di atas bersifat umum, mencakup keadaan di padang sahara, dalam perjalanan, dan hal-hal lain yang lebih besar dan lebih agung dari kedua-duanya. Kerana, mafhum al-muwafaqah menunjukkan hal itu. Kaedah ushul menetapkan pemberlakuan fahwal khithab. Jika sesuatu diperintahkan atau dilarang, maka mafhum (sesuatu yang tersirat) dari apa yang diperintahkan dan yang dilarang itu masuk bersama manthuaq (sesuatu yang tersurat) dalam perintah dan larangan, tidak hanya yang manthuaq sahaja. Ertinya, jika sesuatu diperintahkan atau dilarang, maka perintah dan larangan tersebut akan lebih utama lagi untuk diterapkan pada apa yang lebih banyak dan lebih besar darinya. Misalnya pengharaman mencaci dan memukul kedua orang tua yang diambil dari dalalah (petunjuk) firman Allah (swt): “Dan janganlah kamu mengatakan uff (ahh) kepada keduanya” [Al-Isra’ (17): 23]. Juga, pengharaman membinasakan harta anak yatim yang diambil dari dalalah (petunjuk) firman Allah (swt): “Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak yatim secara zalim” [An-Nisa` (4): 10]; Dan wajibnya mengembalikan sesuatu yang menjadi hak orang lain, baik sesuatu itu jumlahnya banyak mahupun sedikit. Hal ini diambil dari firman Allah (swt): “Dan di antara ahli kitab ada orang yang jika kamu mempercayakan kepadanya harta yang banyak, dikembalikannya kepadamu; dan di antara mereka ada orang yang jika kamu mempercayakan kepadanya satu dinar, tidak dikembalikannya kepadamu” [Ali ‘Imran (3): 75]. Demikian juga, Rasul memerintahkan untuk mengangkat seorang amir ketika sedang dalam perjalanan dan ketika berada di...

Nah, ternyata tidak ada apa-apa dalam muka surat ini yang merujuk kepada apa yang JFNJ fatwakan dalam Butiran 4.3 (g) ini! Untuk ke sekian kalinya JFNJ telah membuat rujukan pada muka surat yang salah, yang tidak seharusnya berlaku dalam pengeluaran sesebuah fatwa. Bagaimana pun kami tetap berusaha untuk mencari muka surat yang betul berdasarkan kepada frasa yang dinyatakan, walau pun kami terpaksa menghabiskan banyak waktu untuk mencarinya. Setelah diperiksa, kami menduga bahawa muka surat yang dimaksudkan ialah muka surat 269, dan ingin kami katakan di sini bahawa perbezaan (kesalahan) rujukannya amat jauh sekali. Bagaimana mungkin JFNJ melakukan kesalahan rujukan yang berulang-ulang kali dalam hal yang sepeenting (fatwa) ini? Hal ini menunjukkan tidak lain, kecuali kegopohan JFNJ dalam usaha untuk memfitnah dan mengada-adakan pendustaan terhadap Hizbut Tahrir!

Kami paparkan di sini muka surat 269.

فتختلف عن المحجرة مدة ثم هاجر بعد، فقال له النبي ﷺ: «قومك كانوا
خيراً لك من قومي لي. قومي أخرجوني وأرادوا قتلي، وقومك حفظوك
ومنعوك» ذكره ابن حجر في الإصابة. فقال: يا رسول الله بل قومك
أخرجوك إلى طاعة الله وجهاد عدوه، وقومي ثبطوني عن المحجرة وطاعة
الله. وهذا كله في دار الكفر أي دار الحرب، من حيث هي، بغض النظر عن
كون سكانها مسلمين أو كفاراً، لأن الدار لا يختلف حكمها بالسكان، بل
يختلف بالنظام الذي تحكم به، وبالأمان الذي يأمن أهلها به. وعلى ذلك لا
فرق بين أندونيسيا والقفقاس، ولا بين الصومال واليونان. إلا أن الذي
يستطيع إظهار دينه والقيام بأحكام الشرع المطلوبة إذا كان يملك القدرة
على تحويل دار الكفر التي يسكنها إلى دار إسلام، فإنه يحرم عليه في هذه
الحالة أن يهاجر من دار الكفر إلى دار الإسلام، سواء أكان يملك القدرة
بذاته أم بتكثله مع المسلمين الذين في بلاده، أم بالاستعانة بمسلمين من
خارج بلاده، أم بالتعاون مع الدولة الإسلامية، أم بأية وسيلة من الوسائل،
فإنه يجب عليه أن يعمل لجعل دار الكفر دار إسلام، وتحرم عليه حينئذ
المحجرة منها. والدليل على ذلك أن البلاد التي يعيش فيها إن كان يسكنها
كفار وتحكم بالكفر، فقد وجب على المسلمين قتال أهلها حتى يسلموا أو
يعطوا الجزية ويحكموا بالإسلام، ووجب عليه هو أيضاً بوصفه مسلماً من
المسلمين وباعتباره ممن يليهم الكفار ومن هو أقرب إلى العدو. وإن كان
يسكنها مسلمون، ويحكمون بغير الإسلام، أي بنظام الكفر، فقد وجب
على المسلمين قتال حكامها حتى يحكموا بالإسلام، ووجب عليه هو
باعتباره واحداً من هؤلاء المسلمين الذين يُحكمون بالكفر، فهو على أي
حال قد وجب عليه القتال والاستعداد للقتال إن كان قادراً عليه. والمسلم

Terjemahan:

Dan jika negeri itu dihuni oleh umat Islam yang tidak menerapkan hukum-hukum Islam, tetapi sistem kufur, maka wajib bagi kaum Muslim untuk memerangi para pemimpinnya sampai mereka memberlakukan hukum-hukum Islam...

Sekali lagi di sini JFNJ yang tidak memahami pembahasan dalam tajuk yang berkenaan telah membuat kesimpulan sendiri dalam rangka mereka-reka pendustaan terhadap Hizbut Tahrir. Jika tidak memahami pembahasan, seharusnya JFNJ merujuk dan meminta penjelasan daripada kami selaku orang yang mempelajari kitab yang berkenaan. Malangnya hal itu tidak dilakukan kerana

hati yang sudah dilitupi oleh kekotoran itu amat sukar untuk dibersihkan, kecuali jika masih ada sisa-sisa keikhlasan yang tertinggal. Namun, kami juga tidak menolak kemungkinan yang JFNJ sebenarnya bukanlah tidak memahami pembahasan, kerana ahli-ahlinya bukanlah calang-calang orang, tetapi JFNJ sengaja tidak mahu memahami!

JFNJ sekali lagi hanya memetik secebis daripada ayat yang diinginkan lalu memaparkannya kepada orang ramai bahawa itulah pegangan Hizbut Tahrir! Sungguh amat mudah untuk melakukan pemesongan fakta bagi menyebabkan orang ramai salah faham. Sebagaimana yang kami katakan di awal, bahawa daripada perbincangan yang panjang mengenai keharaman babi yang dibincangkan oleh si fulan bin si fulan, lalu terdapat frasa yang dinyatakan oleh si fulan bin si fulan bahawa babi itu halal dalam keadaan tertentu, maka apa yang dipetik oleh JFNJ ialah “babi itu halal” menurut si fulan bin si fulan!

Wahai JFNJ! Dengarlah penjelasan kami ini baik-baik, dan semoga Allah memasukkan kefahaman serta keikhlasan kepada anda. Tajuk bab berkenaan ialah ‘Hijrah Dari Darul Kufur Menuju Darul Islam’, dan dalam bab ini, Hizbut Tahrir membincangkan mengenai makna Hijrah, dan hukum Hijrah yang masih lagi berjalan sampai sekarang, malah sampai kiamat.

Dalam bab tersebut, Hizbut Tahrir telah menjelaskan yang hukum Hijrah boleh dilihat dalam dua situasi yakni ke atas orang yang mampu dan orang yang tidak mampu:-

(i) Bagi orang yang tidak mampu untuk melakukannya, Allah membebaskan (mengampunkan) mereka daripada kewajipan hijrah dan orang tersebut tidak dituntut untuk melakukannya. Ini adalah kerana kelemahannya untuk melakukan hijrah, sama ada kerana sakit, atau dipaksa untuk menetap atau *dhaif* (lemah) seperti kaum wanita dan anak-anak dan yang seumpama mereka. Ini adalah seperti yang dinyatakan di akhir ayat tentang hijrah (An-Nisa’ ayat 97-99).

(ii) Bagi mereka yang mampu untuk berhijrah dan tidak mampu menzahirkan agamanya serta melaksanakan hukum-hakam Islam yang dituntut darinya (di Darul Kufur tersebut), maka hukum berhijrah ke atasnya adalah wajib, sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat hijrah Surah an-Nisa’ ayat 97-99. Kalimat *ikhbar* (berita) dalam ayat ini bermakna perintah, iaitu merupakan *sighah al-talab* (bentuk tuntutan), seakan-akan Allah berfirman, *hajiru fiha* (berhijrahlah padanya). Tuntutan dalam ayat ini disertai dengan *ta’kid* (penekanan) dan disertai juga dengan ancaman yang besar jika meninggalkan hijrah sehingga ia menjadi *thalab jazm* (tuntutan yang tegas). Ini menunjukkan bahawa hijrah dalam keadaan ini hukumnya fardhu ke atas kaum Muslimin, dan berdosa apabila tidak berhijrah.

(iii) Adapun bagi orang yang mampu untuk berhijrah dan dalam masa yang sama dia masih mampu menzahirkan agamanya serta mampu melaksanakan hukum syarak yang dituntut darinya (di Darul Kufur tersebut), maka hukum hijrah dalam keadaan seperti ini adalah sunat dan bukan fardhu. Hukum sunat ini diambil dari hakikat bahawa Rasulullah (saw) telah mendorong kaum Muslimin agar berhijrah dari Mekah sebelum terjadinya penaklukan, ketika ia masih lagi berstatus negeri kufur. Banyak ayat yang secara tegas menyatakan perkara tersebut seperti al-Baqarah (2) ayat 218, Surah al-Anfal (8) ayat 72, 75 dan Surah at-Taubah (9) ayat 20. Kesemua

ayat ini dengan jelas memerintahkan kaum Muslimin agar berhijrah. Namun begitu, hijrah menjadi tidak wajib kerana Rasulullah (saw) telah berdiri terhadap orang Islam yang tetap tinggal di Mekah sebagaimana yang terjadi ke atas Nu'aim al-Nuhham.

(iv) Bagi orang yang mampu untuk menzahirkan agamanya serta mampu melaksanakan hukum syarak yang dituntut darinya dan sekiranya dia mempunyai kemampuan untuk mengubah Darul Kufur yang didiaminya menjadi Darul Islam, seterusnya menggabungkannya ke dalam Daulah Islam (sama ada mempunyai kemampuan kerana kekuatannya sendiri ataupun kerana bergabung dalam kumpulan kaum Muslimin yang ada di Darul Kufur tersebut, atau dengan bekerjasama dengan Daulah Islam, atau dengan sarana lainnya) maka dia wajib berusaha untuk menjadikan (menukar) Darul Kufur tadi menjadi Darul Islam, dan haram baginya pada ketika itu untuk berhijrah dari sana. Alasannya adalah kerana, negara di mana dia tinggal, jika dihuni oleh orang-orang kafir dan menggunakan sistem kufur, maka wajib bagi kaum Muslimin untuk memerangi penduduknya sebelum mereka masuk Islam, atau membayar jizyah dan menerapkan hukum-hukum Islam. Kewajipan itu, tentu saja, berlaku bagi dia sebagai orang Islam dan sebagai orang yang berada di sekitar dan dekat dengan musuh. **Dan jika negeri itu dihuni oleh umat Islam yang tidak menerapkan hukum-hukum Islam, tetapi sistem kufur, maka wajib bagi kaum Muslim untuk memerangi para pemimpinnya sampai mereka memberlakukan hukum-hukum Islam.**

Nah, itulah pembahasan dalam bab yang berkenaan, yang mana ingin kami tegaskan di sini bahawa dari perenggan pertama hingga perenggan terakhir tidak boleh dipisahkan, dan mesti dibaca secara keseluruhannya, kerana pembahasannya terkait secara langsung dari awal hingga akhir. Kami ulangi, untuk memahami bab ini, kesemua perenggan hendaklah dibaca sampai habis dan tidak boleh ditinggalkan satu pun, atau dengan kata lain tidak boleh dibaca secara terpisah. Dalam konteks inilah (secara keseluruhan) frasa yang dirujuk oleh JFNJ perlu difahami, bukannya difahami secara terpisah, sebagaimana yang dikerat-kerat oleh JFNJ semahunya.

Pembahasan mengenai kesemua hukum hijrah tersebut adalah berlaku tatkala wujudnya Darul Islam (Khilafah). Hukum hijrah dan segala yang terkait dengannya yang dibahaskan itu, tidak berlaku sekiranya tidak wujud Darul Islam. Hal ini termaktub dengan jelas dalam perbincangan tersebut dan hanya mereka yang membaca dengan hati yang kotor sahaja yang tidak akan memahaminya!

Wahai JFNJ! Jika anda masih tidak memahami penjelasan kami (walaupun sudah dijelaskan dengan terang lagi bersuluh), maka di bawah ini kami membuat rumusan, dan kami yakin jika anda menginginkan kebaikan, maka anda akan memahaminya dengan izin Allah (swt):-

- (a) Kesemua hukum hijrah yang dibincangkan dalam bab ini, sebagaimana yang telah kami ringkaskan di atas, hanya berlaku ketika Darul Islam (Daulah Khilafah) sudah pun wujud; dan
- (b) Muslim tersebut masih tinggal di Darul Kufur di mana sistem kufur dilaksanakan ke atasnya; dan
- (c) Muslim tersebut berkemampuan untuk merubahnya.

Dalam keadaan seperti di atas sahajalah, maka Muslim yang berada/tinggal di Darul Kufur tersebut wajib memerangi penduduk (yang kafir) dan penguasa yang tidak berhukum dengan hukum Islam. Haram baginya untuk berhijrah. Jika Muslim itu berhijrah dari Darul Kufur yang menerapkan hukum kufur tersebut, sedangkan dia mampu merubahnya, maka dia dianggap sebagai melarikan diri daripada jihad di satu tempat yang diwajibkan ke atasnya, atau pun melarikan diri daripada memerangi orang yang memerintah dengan kekufuran yang nyata. Kedua-duanya adalah merupakan dosa besar di sisi Allah (swt). Oleh kerana itu, haram bagi orang yang berkemampuan untuk mengubah Darul Kufur kepada Darul Islam, untuk berhijrah dari sana, selagi dia mempunyai kemampuan untuk mengubahnya menjadi Darul Islam.

Sekali lagi kami ulangi wahai JFNJ, bahawa pembahasan dalam bab ini ialah berkenaan hukum hijrah, yakni hijrah daripada Darul Kufur ke Darul Islam. Dan hukum hijrah ini hanya akan berlaku jika wujud Darul Islam. Sedangkan sekarang tidak wujud Darul Islam! Jadi segala hukum mengenai memerangi penguasa yang dibincangkan di atas, adalah tidak terpakai dalam keadaan sekarang. Ia hanya terpakai sekiranya sudah wujud Darul Islam (Khilafah) dan Muslim tersebut memenuhi syarat yang ditetapkan seperti di (a), (b) dan (c).

Jadi, pembahasan dalam bab ini langsung tidak sama dengan apa yang anda fitnahkan! Anda berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari alasan bahawa Hizbut Tahrir membolehkan memerangi penguasa, dalam rangka melaksanakan niat jahat anda ke atas Hizbut Tahrir. Maka anda mereka-reka pendustaan dengan mengambil secebis frasa dan mentafsirkannya mengikut hawa anda, agar Hizbut Tahrir dilihat oleh orang ramai, sebagaimana yang anda kehendaki! Itulah apa yang anda lakukan! Seharusnya apa yang anda lakukan ialah berusaha bersungguh-sungguh untuk memahami pembahasan yang dibawa oleh Hizbut Tahrir, kerana pembahasan yang dibawa oleh Hizbut Tahrir itu merupakan pembahasan yang jelas, jernih, tiada keraguan kerana semuanya bersumberkan dan berpandukan al-Quran dan as-Sunnah, dan tidak lari sedikit pun daripada kedua-duanya.

4.4 Mengambil pemikiran Taqiyuddin dan beberapa karya asal Hizbut Tahrir yang dijadikan rujukan dalam penulisan di Sautun Nahdhah (suara kebangkitan). Antara kenyataan dalam Sautun Nahdhah:

(a) Malaysia adalah negara kufur kerana tidak melaksanakan hukum Islam dan mempunyai perlembagaan kufur.

Dalam keseluruhan Butiran 4.4 ini, JFNJ tidak mengemukakan sebarang rujukan pun. Seharusnya diberikan rujukan Sautun Nahdhah siri ke berapa dan perenggan yang berkenaan, bagi membuktikan hujah JFNJ, sekali gus memudahkan kami untuk membuat rujukan dan jawapan balas!

Namun demikian, sebagaimana yang telah kami katakan dalam jawapan kami yang lebih awal, kami akan mengakui apa sahaja yang benar, dan kami tidak akan sesekali berbohong dengan pegangan kami, tidak sebagaimana JFNJ yang telah berbohong dalam banyak Butiran sebagaimana yang telah kami dedahkan dalam jawapan kami sebelum-sebelum ini.

Mengenai Malaysia sebagai Negara Kufur (Darul Kufur), hal ini telah pun kami jawab pada Butiran 4.3 (c), dan kami sebut sekali lagi di sini sebagai sedikit pengulangan, bahawa untuk menjadikan sesebuah negara itu sebagai Darul Islam, ia hendaklah memenuhi dua syarat:

- (i) Diterapkan hukum-hukum Islam di dalamnya secara sepenuhnya; dan
- (ii) Keamanannya di dasarkan pada keamanan Islam, yakni dijaga oleh kaum Muslimin.

Kedua-dua syarat hendaklah dipenuhi dan tidak boleh hanya salah satu. Oleh kerana Malaysia dengan cukup jelas tidak memenuhi syarat pertama, maka Malaysia bukanlah Darul Islam, tetapi Malaysia adalah Darul Kufur. Bagaimana pun, Malaysia tetap merupakan *Bilad al-Muslimin* (negeri umat Islam) dan termasuk dalam sebahagian daripada dunia Islam.

Ada pun dari segi perlembagaan, ya kami mengatakan bahawa Perlembagaan Persekutuan itu adalah perlembagaan kufur. Kenapa? Kerana Perlembagaan Persekutuan adalah sebuah perlembagaan yang digubal dan diberikan oleh kuffar British kepada kita. British adalah penjajah kafir yang menjajah Tanah Melayu, dan merekalah yang bertanggungjawab menggubal perlembagaan sebelum mereka memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Lord Reid, yang merupakan hakim yang berasal dari British telah mengetuai Suruhanjaya Reid untuk menggubal perlembagaan Malaysia. Justeru, tidak mungkin Lord Reid yang kafir itu menggubal sebuah “perlembagaan Islam” untuk Tanah Melayu!

Walaupun tidak dinafikan adanya penglibatan Raja-raja Melayu dan parti-parti Melayu dalam proses penggubalan tersebut, tetapi peranan mereka hanyalah sekadar memberi input yang tidak bersifat mengikat pun kepada Suruhanjaya Reid. Ini kerana, Tanah Melayu pada waktu itu masih berada dalam jajahan British, di bawah pemerintahan British dan segala sistem dan undang-undangnya juga adalah di bawah dominasi British! Jadi, kuasa menggubal perlembagaan tersebut berada sepenuhnya di tangan kuffar British. British pada waktu itu adalah penjajah dan

musuh Islam, dan ramai para ulama yang berjuang untuk kemerdekaan telah dibunuh oleh mereka. Mana mungkin musuh Islam membuat satu “perlembagaan Islam” untuk negeri umat Islam?

Atas dasar itulah kami katakan bahawa perlembagaan Malaysia adalah perlembagaan kufur, yang bermaksud perlembagaan yang digubal oleh orang kafir atas mandat yang diberi oleh negara kafir, yang merupakan musuh Islam.

Perlembagaan kufur juga bermaksud sebuah perlembagaan yang tidak diasaskan kepada al-Quran dan as-Sunnah, atau perlembagaan yang langsung tidak merujuk kepada al-Quran dan as-Sunnah dalam kandungannya, selaku dua sumber utama akidah dan syariat Islam.

Malah, Perkara 4 (1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan dengan jelas bahawa perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi Persekutuan dan mana-mana undang-undang yang diluluskan yang tidak selaras dengan perlembagaan adalah terbatal. Ini sekali gus memberi maksud bahawa kedudukan perlembagaan tersebut lebih tinggi berbanding al-Quran dan as-Sunnah! Selain Perkara 4(1), kami boleh buktikan satu per satu peruntukan dalam perlembagaan tersebut yang bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunnah. Maka, atas dasar itu kami katakan bahawa Perlembagaan Persekutuan ialah perlembagaan kufur.

Jika JFNJ merasakan yang Malaysia adalah Negara Islam, dan perlembagaan Malaysia adalah perlembagaan Islam, maka datangkanlah hujah, bukannya dengan mendatangkan fatwa ke atas Hizbut Tahrir! Buktikanlah dengan hujah (berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah) bahawa Malaysia adalah negara Islam, dan perlembagaan Malaysia adalah perlembagaan Islam. Buktikan satu per satu bahawa peruntukan dalam perlembagaan adalah menepati al-Quran dan as-Sunnah. Inilah yang sepatutnya anda buktikan wahai JFNJ.

Apa pun kami ingin bertanya anda, sekiranya ada undang-undang yang ingin diterapkan di Malaysia, yang selaras dengan al-Quran dan al-Hadis, tetapi bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, maka undang-undang mana satukah yang akan terpakai di Malaysia? Jawablah soalan kami dengan jujur wahai JFNJ?

Banyak pihak yang berhujah bahawa dengan adanya Perkara 3 (1) dalam perlembagaan yang menyatakan bahawa agama Islam adalah agama Persekutuan, maka ini menunjukkan yang Malaysia adalah negara Islam, dan sekali gus perlembagaan Malaysia adalah selaras dengan Islam. Maka kami katakan di sini bahawa hujah ini sungguh dangkal, baik dilihat dari sudut perbincangan akademik apatah lagi jika dilihat dari sudut nas (al-Quran dan al-Hadis). Adakah dengan hanya meletakkan lambang Mercedes pada Proton Saga, maka akan menjadikan Proton Saga tersebut Mercedes?

Tidakkah anda mengkaji kedudukan undang-undang di Malaysia wahai JFNJ, sebelum anda mengeluarkan fatwa ini? Tidakkah anda tahu bahawa Perkara 3 (1) sebenarnya telah diberi terjemahan dan tafsiran yang konklusif dan secara kehakiman yang mengikat (*binding*) menerusi keputusan Mahkamah Agung di dalam kes Che Omar bin Che Soh v Public Prosecutor [1988] 2

MLJ 55? Keputusan yang dibuat adalah secara sebulat suara (*unanimous*) oleh lima orang hakim yang bersidang yang diketuai oleh Ketua Hakim Negara sendiri (ketika itu) iaitu Tun Salleh Abbas LP, Wan Suleiman SCJ, George Seah SCJ, Hashim Yeop Sani SCJ dan Syed Agil Barakbah SCJ.

Secara ringkasnya dalam kes ini, tertuduh dibicarakan dan berhadapan dengan hukuman mati mandatori atas kesalahan mengedar dadah. Tertuduh berhujah bahawa, memandangkan Islam adalah agama bagi Persekutuan berdasarkan Perkara 3 (1) dan memandangkan Perlembagaan adalah undang-undang tertinggi negara sebagaimana diperuntukkan di dalam Perkara 4 (1), jadi pengenaan (*imposition*) hukuman mati terhadap kesalahan tersebut, yang bukan merupakan hukuman hudud atau qisas di bawah undang-undang Islam, adalah bertentangan dengan hukuman Islam dan ini adalah tidak mematuhi Perlembagaan (*unconstitutional*) dan terbatal. Keputusan Mahkamah Agung, yang dibaca oleh Tun Salleh Abbas, adalah seperti berikut:-

“Perkara pertama yang perlu dipertimbangkan di sini adalah maksud yang harus diberikan terhadap perkataan ‘Islam’ atau ‘agama Islam’ di dalam Perkara 3 (1) Perlembagaan. Jika perkataan ‘agama Islam’ di dalam konteks itu bermaksud perbuatan yang berkaitan dengan ritual dan majlis (rituals and ceremonies), maka hujah yang dibawa tidak akan mengandungi apa-apa asas. Namun, jika perkataan ‘agama Islam’ atau ‘Islam’ itu bermaksud kesemua konsep yang dianut (all an embracing concept) sebagaimana yang biasanya difahami, yang mengandungi bukan sahaja aspek ritual tetapi keseluruhan sistem hidup yang komprehensif, termasuk fiqh dan akhlak, maka pengguguran hujah (submission) di sini akan mempunyai implikasi yang besar di mana setiap satu hujah mesti diuji berdasarkan kayu ukur ini”

Tun Salleh Abbas meneruskan,

“Persoalan di sini adalah, adakah maksud ini yang diniatkan oleh penggubal rangka (framers) Perlembagaan? Untuk tujuan ini, adalah perlu untuk melihat kembali sejarah Islam di negara ini selepas penjajahan/campurtangan British ke atas hal-ehwal Negeri-negeri Melayu di akhir abad yang lepas.”

Selepas menceritakan bagaimana British memisahkan Islam dari pemerintahan negara dan menjadikan negara ini sekular, Salleh Abbas kemudian menyambung penghakimannya,

“Oleh itu, dapat disaksikan bahawa semasa era penjajahan British, melalui sistem pemerintahannya secara tak langsung dan melalui penubuhan sebuah institusi sekular, undang-undang Islam telah dipisahkan dan disempitkan kepada undang-undang perkahwinan, perceraian dan harta pusaka sahaja....Dalam pandangan kami, di dalam suasana kontra inilah (it is in this sense of dichotomy), para penggubal rangka Perlembagaan memahami maksud ‘Islam’ di dalam konteks Perkara 3 (1). Jika tidak demikian, sudah tentu ada peruntukan lain di dalam Perlembagaan yang membawa kesan bahawa mana-mana undang-undang yang bertentangan dengan hukum Islam akan terbatal. Jauh dari membuat peruntukan sebegini, Perkara 162 malah dengan sengaja menjaga kelangsungan undang-undang sekular yang wujud sebelum Perlembagaan lagi, di mana undang-undang Islam akan terbatal jika bertentangan dengan undang-undang sekular.”

Nah, begitulah kedudukan Perkara 3 (1) mengikut tafsiran yang dibuat dalam kes tersebut dan ia kekal menjadi undang-undang Malaysia sampai sekarang. Apa yang jelas, Tun Salleh Abbas turut menyatakan secara implisit bahawa Malaysia merupakan negara sekular, bukannya negara Islam. Jauh lebih awal dari keputusan Tun Salleh Abbas ini, kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara sekular telah dibincangkan dengan hangat semasa proses penggubalan Perlembagaan, dan para pembentuk negara ini rata-rata mengakui bahawa negara ini dibina atas asas sekular, bukannya atas asas Islam. Malah, Tunku Abdul Rahman sendiri, yang dianggap sebagai ketua ‘arkitek’ kemerdekaan negara mengakui bahawa negara yang beliau “bina” ini bukanlah Negara Islam. Hal ini boleh dilihat dalam penulisan Hussin Mutalib dari Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Singapura, yang memetik kata-kata Tunku Abdul Rahman sebagaimana berikut:

“Malaysia cannot practise Islam fully because about half of the population are not Muslim. They have a different culture and different ways of life, and they don’t want Islam. Malaysians are generally a peace-loving people. We don’t want big changes to the values and traditions which we all practise. In the past, and I know this since I have been through all this since Independence, Malays, Chinese and Indians had no problems because we stuck to our constitutional bargain and we don’t want to impose our values on other people...So, there is no way we should have an Islamic State here. I’ve stated this before and I can say this again, since many of my Chinese friends want me to say this. The nature of our political parties, our coalition government, our democracy, and our multiracial life are sufficient foundations which can be used to build a prosperous and peaceful Malaysia. Why must we look to Iran and other Islamic States?”

Terjemahan:

“Malaysia tidak boleh melaksanakan Islam sepenuhnya kerana lebih kurang separuh daripada penduduknya merupakan non-Muslim. Mereka mempunyai budaya yang berbeza dan cara hidup yang berbeza, dan mereka tidak mahukan Islam. Rakyat Malaysia secara umumnya merupakan orang yang sukakan keamanan. Kami tidak mahu wujudnya perubahan besar kepada nilai-nilai dan tradisi yang kita amalkan. Dahulu, dan saya tahu hal ini kerana saya telah melalui semuanya sejak kemerdekaan, kaum Melayu, Cina dan India tidak mempunyai masalah kerana kita tersepit dengan proses tawar-menawar terhadap perlembagaan, dan kita tidak mahu mengenakan nilai-nilai kita kepada orang lain...Jadi, kita tidak boleh mempunyai Negara Islam sama sekali di sini. Saya telah menyatakan hal ini sebelum ini, dan saya boleh menyatakannya lagi, memandangkan ramai kawan-kawan saya dari kaum Cina ingin saya menyatakannya. Sifat parti politik kita, kerajaan perpaduan kita, demokrasi kita dan kehidupan pelbagai bangsa kita, merupakan asas yang cukup, yang boleh digunakan untuk membina Malaysia yang sejahtera dan maju. Kenapa kita perlu melihat kepada Iran dan lain-lain Negara Islam?” [Hussin Mutalib, Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State, hal. 94-95]

Untuk rekod, pengisytiharan Malaysia sebagai ‘Negara Islam’ telah dibuat oleh Perdana Menteri Malaysia yang ke-4 (Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed), pada 29/11/2001 semasa ucapan pembukaan beliau di perhimpunan Agung parti Gerakan yang ke-30, yang mana pengisytiharan ini kemudiannya mengundang pelbagai kritikan dan kontroversi.

Kami yakin yang JFNJ mengetahui bahawa Parti Islam Se-Malaysia (PAS) juga terkenal dengan pandangannya yang menyatakan Malaysia bukanlah sebuah Negara Islam, walaupun nada mereka sudah berlainan sekarang, dan hal ini tidak pernah pula dikeluarkan fatwa oleh anda! Apa yang ingin kami katakan ialah, isu sama ada Malaysia Negara Islam atau Negara Kufur seharusnya dibincangkan secara ilmiah berdasarkan realiti, untuk diletakkan hukum ke atasnya. Masing-masing perlu mengemukakan realiti dan nas untuk membenarkan hujah masing-masing, tetapi bukannya dengan mengeluarkan fatwa, memfitnah dan menangkap mereka yang berbeza pandangan!

Kami ingin tegaskan di sini bahawa bukanlah kami gembira dan sukacita dengan hakikat dan pendirian kami bahawa Malaysia ini adalah Darul Kufur, sebaliknya kami amat sedih dan berdukacita, dan atas dasar itulah kami berjuang untuk menegakkan Negara Islam (Khilafah). Hizbut Tahrir ingin mengubah Malaysia (dan lain-lain negeri kaum Muslimin) kepada Darul Islam dan kita ingin menerapkan hukum Allah (swt) secara kaffah di dalamnya. Kita sebagai umat Islam dan Malaysia sebagai sebuah *Bilad al-Muslimin* (negeri umat Islam), maka sewajibnya kita berhukum dengan hukum Islam secara *kaffah*, bukannya berhukum dengan hukum kufur warisan penjajah kafir. Maka, apakah salah perjuangan Hizbut Tahrir untuk menegakkan Negara Islam, dan untuk menerapkan hukum Islam sepenuhnya di bumi ini?

Dalam perjuangannya untuk menegakkan Khilafah, Hizbut Tahrir telah pun menyediakan sebuah Perlembagaan [rujuk: Muqaddimah Ad-Dustur au al-Asbab al-Mujibah Lahu] yang mengandungi 191 Fasal yang keseluruhan fasal-fasal dan perbincangannya *diistinbath* (digali) daripada al-Quran, as-Sunnah, Ijma' as-Sahabat dan Qiyas. Hizbut Tahrir menawarkan Perlembagaan ini kepada kesemua pemimpin umat Islam untuk mengambilnya dan menerapkannya di dalam pemerintahan negara.

Terkait dengan perbincangan agama bagi negara, Hizbut Tahrir telah meletakkan di dalam Fasal Pertama lagi bahawa akidah Islam wajib menjadi dasar bagi negara dan kesemua kehidupan individu, masyarakat dan negara hendaklah diatur oleh Islam yang bersumber daripada akidah yang benar ini. Fasal Pertama tersebut berbunyi:

“Akidah Islam adalah asas negara di mana tidak boleh wujud sesuatu pun dalam entitinya atau strukturnya atau proses muhasabahnya atau apa sahaja yang bersangkutan dengan semua ini kecuali mesti dibangun berdasarkan akidah Islam. Akidah Islam hendaklah menjadi asas Perlembagaan dan undang-undang. Segala sesuatu yang berkaitan dengan Perlembagaan dan undang-undang hendaklah terpancar (terbit) dari akidah Islam”

Dalam menjelaskan fasal ini, Hizbut Tahrir menerangkan bahawa Negara Islam adalah sebuah negara yang berdiri di atas akidah Islam di mana sekumpulan *mafahim* (konsep), *maqayis* (standard) dan *qana'ah* (keyakinan) yang dipegang oleh umat Islam di dalamnya lahir daripada akidah Islam. Malah, sebelum wujudnya negara pun, umat Islam telah terlebih dahulu dibina untuk menerima penerapan akidah ini serta meyakinkannya dengan keyakinan yang berasaskan dalil yang *qath'ie*. Akidah Islam merupakan *fikrah kuliyyah* (pemikiran yang menyeluruh) mengenai

kehidupan dan merupakan bentuk pandangan terhadap kehidupan (*viewpoint of life*) yang khusus dan berbeza dengan akidah lain/kufur. Rasulullah (saw) mendirikan Daulah Islam atas asas ini (akidah Islam) dan para Khalifah berserta umat Islam telah menjadikan asas yang sama bagi Negara Khilafah di sepanjang kewujudannya.

Justeru, kami sungguh hairan dengan anda wahai JFNJ, tatkala anda menyatakan yang anda berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, tetapi dalam masa yang sama anda berpegang kepada Perlembagaan Persekutuan yang datangnya daripada orang kafir, di mana tidak ada satu pun rujukan di dalamnya yang dibuat kepada al-Quran dan as-Sunnah! Sedangkan setahu kami, Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah mereka yang berpegang teguh dengan al-Quran dan as-Sunnah, dan menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai perlembagaan, sebagai undang-undang, dan sebagai pegangan tertinggi, baik dalam kehidupan individu mahu pun negara!

Atas dasar itu, kami sangat mengalu-alukan agar anda membaca, mengkaji dan membandingkan perlembagaan yang dibuat oleh Hizbut Tahrir ini, dengan perlembagaan yang dibuat oleh si kafir Lord Reid, dan nilailah sendiri yang mana satu perlembagaan Islam dan yang mana satu perlembagaan kufur, yang mana satu dibuat mengikut al-Quran dan as-Sunnah dan yang mana satu dibuat mengikut akal manusia!

(b) Menyamakan Malaysia dengan Israel bahawa kedua-keduanya kembar tidak seiras.

Setelah melakukan rujukan, kami mendapati Butiran ini adalah merujuk kepada Sautun Nahdhah Bil. 217 bertarikh 16 Jamadil Awal (30 April 2010). Kami paparkan di sini muka depan Sautun Nahdhah yang berkenaan, dan kami akui ia adalah keluaran kami. Nasyrah penuh boleh didapati di laman sesawang rasmi Hizbut Tahrir Malaysia di pautan berikut - <https://mykhillafah.com/sn217-malaysia-oh-malaysia/>

BIL: SN217 16 JAMADIL AWAL 1431H / 30 APRIL 2010



Suara Kebangkitan
Mengembalikan Kehidupan Islam
www.mykhillafah.com

MALAYSIA OH MALAYSIA!

Sejak dibentangkan di Parlimen pada 17 Mac yang lepas oleh ketua pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim, isu Malaysia-Israel melayang-layang ke sana ke mari. Dua puak politik negara yang sedang bertelagah masing-masing mengeluarkan hujah membuktikan dan menafikan antara satu sama lain. Bermula dengan dakwaan Anwar bahawa konsep '1Malaysia' dililhamkan atas nasihat firma perunding komunikasi antarabangsa Apco Worldwide (Apco) yang memiliki kesamaan dengan konsep 'One Israel' untuk memulih semula kredibiliti Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai PM Malaysia ke-enam sekaligus keyakinan rakyat Malaysia kepada parti pemerintah Barisan Nasional (BN). Kemudian timbul pula serang balas terhadap dakwaan itu yang mengaitkan hubungan Anwar dengan beberapa individu penting dalam Apco termasuk bekas ahli Kongres Amerika Syarikat, Stephen J. Solarz, Sergio Marchi dan Lalit Mansingh. Bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga dikatakan mempunyai hubungan erat dengan Paul Wolfowitz, bekas Presiden Bank Dunia dan merupakan seorang penyokong kuat fahaman Zionis. Dalam pendedahan lain, ahli parlimen Permatang Pauh itu juga dikaitkan mempunyai hubungan dengan Pengerusi Jawatankuasa Kecil bagi Hal Ehwai Luar Parlimen Australia, Michael Danby yang juga seorang pejuang gay dan lesbian [UM 25/04/10]. Belum pun sejuak kehangatan perbatalan isu ini, timbul pula dakwaan dari Anwar bahawa projek menaiki taraf sistem laporan polis (PRS) Polis Diraja Malaysia (PDRM) melibatkan perisik Israel. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop menyangkal dakwaan itu dengan mengatakan bahawa ia merupakan dakwaan yang tidak berasas kerana projek PRS diberi kepada syarikat tempatan iaitu Sapura System Sdn. Bhd. (SSSB) dan Master Plan Consulting Sdn. Bhd. (MPC) [UM 14/04/10].

Muttakhir, isu yang membabitkan hubungan dengan Israel (Zionis) adalah dakwaan oleh Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin pada sidang Dewan Rakyat baru-baru ini berhubung slogan Parti Islam Se-Malaysia (PAS), 'PAS4All' dikatakan meniru 'Israel4All'. Dalam perkembangan terbabit, Nalib Presiden PAS, Datuk Mahfuz Omar menyifatkan bahawa slogan itu hampir menyamal slogan dan logo yang dikatakan menggalakkan industri pelancongan Israel, namun Mahfuz menegaskan ia bukan suatu usaha cliplak bahkan mempunyai perbezaan di antara keduanya [UM 23/04/10]. Begitulah senario politik jatuh-menjatuh yang dapat kita saksikan sejak lebih sepuanama yang lalu di bumi Malaysia ini. Apabila dikaitkan dengan Israel, masing-masing pihak terus gelabah dan melatah dan cuba menafikannya sedaya mungkin. Masing-masing nampaknya begitu takut dikutuk rakyat dek 'badi' yang sentiasa terlekat dengan bangsa terlaknat itu. Memanglah suatu yang amat mengalban bahkan boleh menjatuhkan kredibiliti seseorang pemimpin Islam apabila ia dipalitkan dengan negara haram jahad itu. Persoalannya, benarkah dan sejauh manakah keterkaitan Malaysia dengan Israel?

Malaysia-Israel: Kembar Tak Seiras?

Sejak dahulu lagi, Yahudi adalah bangsa yang terkenal jahat dan khianat. Mereka telah beberapa kali mengkhianati perjanjian mereka dengan Rasulullah sehingga mereka dihalaui oleh Rasul SAW dari bumi Madinah dan sekitarnya. Bangsa terlaknat ini seterusnya membawa diri beramal-ramal ke Utara (Syam). Khalifah Umar Al-Khattab ra juga pernah menghalau makhluik terkutuk ini dari bumi Syam yang menyebabkan mereka merempat di serata dunia. Di mana sahaja mereka bertempat tinggal, mereka akan menimbulkan kekacauan sehingga mereka terus dihalaui dan dihalaui. Akhirnya muncullah seorang tokoh dan pemikir mereka yang bernama Theodore Herzl (1860-1904) yang berhasrat ingin menubuhkan sebuah negara bagi bangsa terhalau ini, lalu dia memilih Palestin sebagai sasaran. Dialah pengasas kepada gerakan Zionis dan usaha si Yahudi ini telah mendapat perhatian dan pembelaan serta pertolongan padu dari British si Nasrani. Ringkasnya, Britishlah negara yang telah membidani kelahiran Israel setelah mereka menghadiahkan 'kemerdekaan' kepada negara haram itu di bawah mandat PBB tepatnya pada 14 Mei 1948. Sejak lahir sehinggalah Israel 'membesar', Britishlah yang mengasuh dan menjaga anak haram ini, yang kini 'dijaga' pula oleh Amerika Syarikat.

di'imani' oleh pemimpin dan rakyat negara ini yakni sebuah pemerintahan yang bergelar demokrasi! Inilah pemerintahan yang 'diredhai' oleh kaum Nasrani dan Yahudi tersebut! Justeru, tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa bangsa Israel dan Malaysia adalah ibarat dua kembar yang lahir dari 'rahim' yang sama, walaupun tidak seiras.

Seperti kebanyakan negara-bangsa lain di dunia yang mengamalkan demokrasi, Israel mengamalkan konsep pemerintahan demokrasi berparlimen (*parliamentary democracy*). Negara haram yang majoriti penduduk berbangsa Yahudi itu turut mengamalkan konsep *Trias Politica* di mana wujudnya tiga bidang kuasa berasingan iaitu Legislatif, Eksekutif dan Judikatif. Badan legislatif Israel dikenali sebagai Knesset yang berkuasa untuk menggubal undang-undang, menasihati para pemimpin dan jentera pentadbiran serta memiliki hak memecat Presiden mahupun Pengawas Negara (*State Comptroller*). Kedudukan Knesset adalah sama seperti dewan-dewan legislatif negara demokrasi berparlimen lainnya termasuk Malaysia di mana di situlah undang-undang dibahaskan, digubal dan dipinda sesuka hati asalkan mendapat kelulusan majoriti. Knesset diwakili oleh 120 orang wakil yang dipilih oleh rakyat melalui proses pilihanraya yang dijalankan lebih kurang empat tahun sekali. Setiap wakil

Pertamanya kami mengucapkan terima kasih kepada JFNJ yang membaca Sautun Nahdhah kami, walaupun setelah 10 tahun ia dikeluarkan. Keduanya kami sentiasa berharap siapa pun yang membaca penulisan kami, ia akan beroleh kebaikan daripadanya, dan pahalanya turut mengalir kepada kami. Ketiganya, kami tidak ada masalah sekiranya ada pihak yang menegur apa jua

kesalahan yang terdapat dalam penulisan kami, dan kami bersyukur dengannya dan insya Allah kami akan memperbetulkan kesalahan tersebut (jika ada).

Kami telah mengulang baca Sautun Nahdhah tersebut, dan kami dapati sekali lagi JFNJ tidak memahami atau sengaja tidak mahu memahami apa yang kami tulis, lalu anda terus membuat kesimpulan mengikut selera anda.

Siapa pun tidak perlu mempunyai penglihatan yang tersangat tajam untuk nampak bahawa tajuk kecil yang tertera dalam Sautun Nahdhah tersebut ialah seperti berikut – **“Malaysia-Israel: Kembar Tak Seiras?”** Siapa pun yang ada mata sudah pasti dapat melihat tanda soal (?) yang kami letakkan di akhir tajuk kecil tersebut. Tidakkah JFNJ tahu bahawa, apabila ada tanda soal dalam sesuatu tajuk, maka perkara tersebut adalah perkara yang tidak mutlak, masih dalam persoalan, dan terbuka untuk pelbagai tafsiran.

Jadi, apabila JFNJ menyatakan yang Hizbut Tahrir “menyamakan Malaysia dengan Israel bahawa kedua-duanya kembar tidak seiras”, kenyataan ini adalah sebuah kenyataan yang bersifat tuduhan kerana telah memutlakkan yang kami tidak mutlakkan. Ini jelas merupakan sebuah kesalahan dari sudut akademik, dan dari sudut memetik kenyataan orang lain. Malah ia merupakan sebuah kesalahan dalam melakukan sebuah penukilan. Ini dari satu sisi.

Dari sisi lain, terlihat jelas bahawa JFNJ sengaja tidak mahu memahami apa yang kami tulis secara sepenuhnya, sebaliknya kelihatan terdesak untuk mencari sebanyak mungkin poin untuk dimasukkan dalam fatwa selagi poin tersebut boleh dimanipulasikan!

Apa pun, kami ringkaskan di sini apakah yang kami maksudkan dengan kembar tak seiras, atau dengan kata lain dari sisi manakah wujudnya persamaan antara Malaysia dan Israel yang kami letak dalam bentuk persoalan “kembar tak seiras” tersebut:-

- (i) British telah berjaya melahirkan Israel mengikut acuannya pada tahun 1948. Kemudian, British menghadihkan kemerdekaan kepada negara haram itu di bawah mandat PBB. Manakala pada tahun 1957 pula British memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu yang selanjutnya melahirkan Malaysia, mengikut acuan yang sama, setelah lebih kurang 150 tahun menjajah negara ini.

Persamaan yang cuba di sampaikan di sini ialah kedua-dua negara lahir mengikut acuan British.

- (ii) Tidak ada fakta yang dapat menafikan bahawa tunjang kepada sistem pemerintahan (demokrasi) di Malaysia yang diamalkan pada hari ini adalah berasal dari British. Seperti kebanyakan negara-bangsa lain di dunia yang mengamalkan demokrasi, Israel juga mengamalkan konsep pemerintahan demokrasi berparlimen (*parliamentary democracy*). Negara haram Yahudi itu turut mengamalkan konsep Trias Politica di mana wujudnya tiga bidang kuasa berasingan iaitu Legislatif, Eksekutif dan Judikatif. Badan legislatif Israel dikenali sebagai Knesset yang berkuasa untuk menggubal

undang-undang, menasihati para pemimpin dan jentera pentadbiran serta memiliki hak memecat Presiden mahupun Pengawas Negara (State Comptroller). Kedudukan Knesset adalah sama seperti dewan-dewan legislatif negara demokrasi berparlimen lainnya termasuk Malaysia di mana di situlah undang-undang dibahaskan, digubal dan dipinda sesuka hati asalkan mendapat kelulusan majoriti. Knesset diwakili oleh 120 orang wakil yang dipilih oleh rakyat melalui proses pilihanraya yang dijalankan lebih kurang empat tahun sekali. Setiap wakil mewakili parti politik membentuk badan legislatif.

Dalam konteks inilah (sistem pemerintahan) yang kami katakan bahawa Israel ada persamaan dengan Malaysia.

- (iii) Sistem ekonomi yang diamalkan oleh Israel juga sama dengan sistem ekonomi yang diamalkan di Malaysia iaitu sistem ekonomi Kapitalis. Apa yang berbeza hanyalah dari aspek statistik, nombor-nombor dan peratusan-peratusannya sahaja, namun dari segi 'ajaran'nya sama sahaja yakni dicorak oleh ajaran si kafir Adam Smith, David Ricardo dan kawan-kawan seangkatan mereka. Riba, judi, arak, saham, memilik negara-kan hak milik umum dan sebagainya adalah amalan biasa yang 'sah' dalam sesebuah negara kufur Kapitalis yang boleh menyumbang kepada peningkatan jumlah KDNK masing-masing.
- (iv) Malaysia juga tidak berbeza dengan Israel dari aspek negara sekular yang memisahkan agama daripada negara (pemerintahan). Urusan agama tidak boleh dicampur, malah tidak dibenarkan untuk dicampur dengan urusan pemerintahan. Undang-undang digubal oleh manusia dan boleh lulus berdasarkan suara majoriti walaupun undang-undang tersebut bertentangan dengan wahyu. Apakah wujud perbezaan antara Malaysia dan Israel dalam aspek ini?

Itulah aspek persamaan antara Malaysia dan Israel yang telah kami ringkaskan daripada Sautun Nahdhah di atas.

Kemudian, Sautun Nahdhah diakhiri dengan sebuah hadis yang telah dikhabarkan oleh Rasulullah (saw) bahawa umatnya akan mengikuti jejak langkah Yahudi dan Nashara sampai ke lubang biawak sekalipun. Hadis ini menunjukkan betapa umat Islam akan mengikuti Yahudi dan Nashara dari sebesar-besar perkara hinggalah sekecil-kecilnya, dan sudah pasti ia termasuk sistem pemerintahan, sistem ekonomi, sistem pergaulan, undang-undang dan sebagainya. Semua ini memperkuat lagi hujah bahawa wujudnya persamaan antara Malaysia dan Israel, baik dalam aspek yang telah dinyatakan mahupun dalam aspek lainnya.

Daripada Abu Sa'id al-Khudri (ra) yang berkata, bahawa Rasulullah (saw) bersabda,

لَتَتَّبِعَنَّ سَنَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ شِبْرًا بِشِبْرٍ وَذِرَاعًا بِذِرَاعٍ حَتَّىٰ لَوْ دَخَلُوا فِي جُحْرٍ صَبَّ لَاتَّبَعْتُمُوهُمْ، قُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلَيْهُودَ وَالنَّصَارَى قَال: فَمَنْ؟

“Kalian pasti akan mengikuti jejak langkah orang-orang sebelum kalian, sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta, sehingga jikalau mereka masuk ke lubang biawak pun kalian akan mengikuti mereka. Sahabat bertanya, ‘Ya Rasulullah! Apakah Yahudi dan Nashrani yang engkau maksudkan?’ Nabi (saw) menjawab, ‘Siapa lagi kalau bukan mereka?’” [HR Muslim].

Atas dasar semua itu, langsung tidak keterlaluan untuk meletakkan dalam bentuk soalan, bahawa Malaysia dan Israel adalah ibarat dua kembar, tetapi tidak seiras. Kembar dari aspek keduanya lahir dari ‘acuan’ yang sama (acuan British), tetapi tidak seiras kerana “wajah” keduanya adalah berbeza.

Oleh kerana kami meletakkan tanda soal (?) dalam tajuk kecil tersebut, maka sekali lagi kami katakan di sini bahawa ia terbuka kepada siapa sahaja jika ingin menyanggah hujah-hujah yang telah kami sampaikan. Sila datangkan hujah anda untuk menyanggah kesemua poin yang telah kami sampaikan di atas, termasuklah jika anda sanggup untuk menyanggah hadis yang telah kami kemukakan, bahawa umat Islam akan mengikuti Yahudi dan Nashara! Datangkanlah hujah anda wahai JFNJ, dan tidak perlulah memanipulasi tajuk kecil tersebut sehingga dimasukkan ke dalam fatwa dalam rangka untuk memburuk-burukkan kami!

(c) Menganggap penguasa yang tidak berhukum dengan hukum Islam adalah tidak layak untuk menjadi penguasa dan wajib diperangi atau diberhentikan dari jawatannya.

Setakat rekod dan ingatan yang ada pada kami, kami tidak pernah mengeluarkan kenyataan seperti ini di dalam Sautun Nahdah. Oleh itu, kami katakan bahawa poin ini jelas merupakan sebuah fitnah, apatah lagi dengan ketiadaan rujukan oleh JFNJ, yang sekali gus menunjukkan tiadanya bukti.

Namun, kami ingin menjelaskan juga hal ini dan kami ingin pecahkannya kepada beberapa poin berdasarkan frasa yang diberikan. Ini bagi menjernihkan lagi kefahaman JFNJ dan setiap pembaca.

Berkenaan tuduhan memerangi penguasa yang tidak berhukum dengan hukum Islam, kami telah pun menjawabnya secara panjang lebar dalam Butiran 4.3 (f). Kami ulangi di sini bahawa sekarang ini tidak ada Darul Islam. Jadi, dalam keadaan ini, tidak diperbolehkan bagi seseorang gerakan Islam yang ingin menegakkan Darul Islam, untuk memerangi atau mengangkat senjata terhadap penguasa yang tidak berhukum dengan hukum Islam. Ini kerana, hal ini tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah (saw). Kami yakin penjelasan kami dalam Butiran 4.3 (f) sudah mencukupi.

Namun, sekiranya Butiran 4.4 (c) di atas dibaca secara berasingan, sebagai contoh:

Hizbut Tahrir “menganggap penguasa yang tidak berhukum dengan hukum Islam adalah tidak layak untuk menjadi penguasa.”

Atau:-

Hizbut Tahrir “menganggap penguasa yang tidak berhukum dengan hukum Islam adalah tidak layak untuk menjadi penguasa dan wajib diberhentikan dari jawatannya.”

Maka kami ingin bertanya JFNJ, di manakah salahnya dengan kenyataan ini? Di manakah salahnya, jika ada, di dalam Sautun Nahdah pendapat seperti itu? Di manakah salahnya jika seseorang menganggap bahawa penguasa yang tidak berhukum dengan hukum Islam adalah tidak layak untuk menjadi penguasa? Di manakah salahnya jika seseorang menganggap bahawa penguasa yang tidak berhukum dengan hukum Islam adalah tidak layak untuk menjadi penguasa dan wajib diberhentikan dari jawatannya? Di manakah salahnya?

Apakah dengan hanya menganggap bahawa “penguasa yang tidak berhukum dengan hukum Islam adalah tidak layak untuk menjadi penguasa”, maka seseorang itu telah bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah?

Apakah dengan menganggap bahawa “penguasa yang tidak berhukum dengan hukum Islam adalah tidak layak untuk menjadi penguasa dan wajib diberhentikan dari jawatannya”, maka akidah seseorang itu telah terkeluar daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah?

Adakah anda berpegang bahawa penguasa yang tidak menerapkan Islam (yakni penguasa yang menerapkan sistem dan undang-undang kufur) adalah layak untuk menjadi pemerintah, dan tidak perlu diberhentikan dari jawatan mereka, atau dengan kata lain mereka boleh memerintah selam-lamanya, walaupun sudah jelas mereka memaksiati Allah (swt)? Adakah ini pendirian anda wahai JFNJ?

Jika beginilah berpendirian dan fahaman anda, maka kami katakan bahawa akal kami yang waras ini tidak dapat menerimanya, dan kami katakan bahawa setiap orang yang waras akalnya juga pasti tidak dapat menerimanya!

Bukankah kesemua ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah berpendirian bahawa penguasa itu wajib berhukum dengan hukum Islam? Bukankah penguasa yang tidak berhukum dengan hukum Islam itu sekali gus bermaksud mereka telah berhukum dengan hukum selain Islam, dan sekali gus bermaksud mereka adalah orang-orang yang zalim dan fasik (sebagaimana Surah al-Maidah ayat 45 dan 47). Dan bukankah apabila penguasa itu zalim dan fasik, maka mereka sudah tidak layak untuk menjadi penguasa, kerana syarat untuk menjadi penguasa hendaklah adil?

Cukuplah di sini sahaja jawapan kami untuk Butiran ini kerana kami telah pun menjawabnya dalam Butiran 4.3 (f).

(e) Menolak semua sistem yang ada kaitan dengan sistem bukan Islam seperti demokrasi dan pilihan raya dan menghukum berdosa orang yang terlibat dengan pilihan raya.

Kami merasa sungguh hairan dengan fatwa ini, yang menunjukkan kekeliruan JFNJ pada fatwa yang dibangkitkan. Maka, sebelum kami menjawabnya, kami ingin bertanya JFNJ, jika sesuatu sistem itu sudah terbukti sistem bukan Islam, apakah salah untuk kami menolaknya? Adakah dengan menolak sistem bukan Islam, maka kami dikatakan bercanggah dengan akidah yang benar? Sungguh menghairankan...!

Kami telah pun mengucapkan terima kasih kepada JFNJ yang telah sudi membaca Sautun Nahdhah Siri 217, namun sayangnya JFNJ nampaknya tidak membaca Sautun Nahdhah Siri 164 yang bertajuk Pandangan Hizbut Tahrir Tentang Pilihanraya. Atau jika JFNJ telah membacanya, jelas sekali JFNJ langsung tidak memahami apa yang dibaca, atau sekali lagi memanipulasi apa yang telah dibaca dengan mengeluarkan fatwa bersifat sekerat yang bertujuan untuk mengeliru dan meragu-ragukan umat dengan pegangan Hizbut Tahrir.

Mengenai demokrasi sebagai sistem kufur, kami telah pun menjawabnya dalam Butiran 4.3 (d), dan tidak perlulah kami ulangnya di sini. Namun, memandangkan kami masih menginginkan kebaikan buat JFNJ dan kami ingin anda memahami pendirian kami dengan lebih lanjut dalam bab demokrasi ini, maka kami akan menyentuh isu demokrasi dan kaitannya dengan pilihan raya, dan kami juga akan menjelaskan yang manakah “produk” selain Islam yang boleh diambil dan yang tidak boleh diambil oleh umat Islam.

Dalam menentukan produk apa yang boleh dan yang tidak boleh diambil dari Barat (atau dari orang-orang kafir), umat Islam perlu memahami dan membezakan dua konsep yang penting iaitu *hadharah* dan *madaniyyah* [Perkara ini dibahaskan dalam kitab *Nidzam al-Islam* keluaran Hizbut Tahrir].

Hadharah bermaksud sekumpulan konsep/pemahaman tentang kehidupan. Contohnya seperti idea, gagasan, nilai, norma, adat-istiadat, hukum-hakam serta termasuk konsep pemerintahan.

Manakala *madaniyyah* pula bermaksud peralatan fizikal berupa benda hasil ciptaan manusia yang digunakan dalam aspek kehidupan. Ia merangkumi peralatan sains dan teknologi yang dapat dilihat, dirasai, disentuh dan digunakan seperti kereta, kapal terbang, televisyen, satelit, komputer, telefon bimbit, bangunan, rumah ibadah, simbol agama, mesin fotostat, kamera, buku dan sebagainya.

Hadharah adalah berbeza-beza sesuai dengan akidah dan hukum yang melahirkannya. Apabila *hadharah* tersebut lahir daripada akidah dan hukum Islam, maka ia disebut *hadharah* Islam. Ia termasuklah sistem pemerintahan Islam, sistem ekonomi Islam, dan sebagainya. Sebaliknya, apabila *hadharah* tersebut lahir daripada akidah selain Islam, maka ia merupakan *hadharah* kufur. Contohnya seperti idea liberalisme, feminisme, nasionalisme, patriotisme, sekularisme, dan termasuklah apa-apa idea yang lahir daripada komunisme, kapitalisme, demokrasi dan seumpamanya.

Begitu juga dengan sekumpulan *mafahim* (konsep) tentang kehidupan sosial masyarakat, antaranya manusia perlu menutup aurat, menjaga kesucian diri, menjaga kemuliaan wanita, berbuat baik kepada orang-orang tua dan seumpamanya, ini merupakan *hadharah* Islam.

Manakala konsep tentang kehidupan berupa pemikiran bahawa manusia itu bebas bertingkah laku, berkhawat, berzina, boleh memperlakukan wanita, boleh memiliki harta dengan berjudi atau melacur, dan boleh melakukan apa sahaja sekehendak hati asalkan tidak mengganggu orang lain, semua ini adalah *hadharah* kufur/Barat yang lahir dari pemahaman mereka tentang kehidupan, yakni 'kebebasan'.

Berbeza dengan *hadharah*, *madaniyyah* pula boleh bersifat khas dan boleh pula bersifat am untuk seluruh umat manusia. Bentuk-bentuk *madaniyyah* yang dihasilkan atau didasarkan pada *hadharah* kufur, seperti patung berhala, lambang salib, pakaian paderi/sami, kopiah Yahudi dan seumpamanya adalah termasuk *madaniyyah* yang bersifat khas dan semua itu diharamkan ke atas umat Islam.

Sedangkan *madaniyyah* yang dihasilkan daripada kebijaksanaan akal manusia seperti kemajuan sains dan perkembangan teknologi/industri adalah tergolong dalam *madaniyyah* yang bersifat am. *Madaniyyah* yang bersifat umum ini tidak melambangkan milik mana-mana bangsa/agama atau dengan kata lain ia tidak dimiliki secara khusus oleh suatu umat/bangsa. Ia juga bukannya terhasil daripada *hadharah* tertentu, akan tetapi terhasil daripada kebijaksanaan akal manusia dalam berfikir dan mereka cipta sesuatu untuk dimanfaatkan dalam kehidupan. Ia bersifat universal dan boleh dimanfaatkan oleh seluruh umat manusia walaupun ia dicipta oleh orang kafir sekalipun.

Maka di sini tidak timbul persoalan 'kereta kafir' kerana ia dicipta oleh orang kafir; juga tidak timbul persoalan 'kereta Islam' kerana dicipta oleh orang Islam; juga tidak timbul persoalan 'komputer kafir', 'komputer Islam', 'telefon bimbit kafir', 'telefon bimbit Islam' dan sebagainya. Termasuklah juga tidak timbul persoalan 'Facebook kafir', 'WhatsApp kafir' dan sebagainya. Asalkan ia termasuk *madaniyyah* am, maka walau ia dicipta oleh orang Yahudi sekalipun, umat Islam tetap boleh menggunakannya.

Justeru, umat Islam perlu faham bahawa mereka wajib menolak *hadharah* kufur dan segala bentuk *madaniyyah* khas yang bertentangan dengan Islam. Mengambil *hadharah* kufur dan *madaniyyah* khas yang bertentangan dengan Islam ini merupakan suatu keharaman.

Disebabkan pemahaman yang tidak jelas tentang konsep *hadharah* dan *madaniyyah* ini, telah menyebabkan ada beberapa insiden dalam sejarah Islam yang telah merugikan umat Islam apabila umat Islam menolak 'produk' (*madaniyyah* am) yang berasal dari orang-orang kafir. Umat Islam tidak seharusnya keliru dengan menolak *madaniyyah* am, yang berupa sains dan teknologi. Hal ini memang boleh diambil dan dimanfaatkan oleh umat Islam, berdasarkan kaedah usul fiqh,

الأصل في الأشياء الإباحة ما لم يرد دليل التحريم

Hukum asal benda (alat/barang/teknologi) adalah mubah (harus) selama mana tidak ada dalil yang mengharamkannya.

Apa yang lebih malang, apabila ada sebahagian ulama (dan termasuklah sebahagian umat Islam), yang menyatakan, oleh kerana Islam tidak menghalang umatnya mengambil produk orang kafir seperti kereta, komputer dan sebagainya, maka atas dasar itu sistem demokrasi dan idea kebebasan yang datangnya daripada Barat juga boleh diambil! Hal ini terjadi kerana mereka gagal membezakan antara *hadharah* dengan *madaniyyah*. Di sinilah kekeliruan yang bukan sahaja telah merugikan dan memecah-belahkan kesatuan umat Islam, malah berakibat kepada dosa kerana telah mengambil suatu yang diharamkan oleh Islam.

Pembahasan tentang pilihanraya dan demokrasi tidak boleh lepas daripada konsep *hadharah* dan *madaniyyah*. Umat Islam perlu membezakan di antara pilihanraya dan demokrasi ini, dan perlu tahu membezakan mana yang termasuk dalam *hadharah* atau *madaniyyah*, dan mana yang bukan.

Berdasarkan fakta, demokrasi jelas merupakan sebuah 'produk' kuffar Barat. Idea pemerintahan yang meletakkan kedaulatan di tangan rakyat ini datangnya dari Barat. Jadi persoalannya di sini ialah, adakah demokrasi termasuk *hadharah* kufur atau *hadharah* Islam? Maka kami tidak perlu memperincikan jawapannya kerana kami telah menjelaskan berulang-ulang kami bahawa demokrasi adalah sebuah sistem pemerintahan yang berasal dari Barat yang meletakkan kedaulatan di tangan manusia, atau dengan kata lain memberikan hak kepada manusia untuk membuat undang-undang, dengan mengambil dan menafikan hak Allah (swt) sebagai Musyarri' (Pembuat Hukum). *Mafahim* (konsep berfikir) seperti ini tidak ada dalam Islam, dan sangat jelas pertentangannya dengan Islam. Ia merupakan *mafahim* yang berasal dari Barat dan termasuk *hadharah* kufur. Maka demokrasi merupakan 'produk' Barat yang sangat jelas keharamannya menurut Islam.

Adapun pilihan raya, ia berbeza dengan sistem demokrasi, walaupun ia terdapat dalam sistem demokrasi. Hal ini perlu difahami dan dibezakan. Pilihan raya tidak sama dengan demokrasi dan demokrasi tidak sama dengan pilihan raya. Pilihan raya hanyalah salah satu cara/uslub dalam sistem demokrasi untuk memilih wakil (dan di sesetengah negara untuk memilih pemimpin tertinggi seperti Presiden). Manakala demokrasi pula adalah sebuah sistem pemerintahan (terkait *hadharah*) di mana hak membuat undang-undang berada di tangan manusia. Pilihan raya bukan sahaja wujud dalam sistem demokrasi, malah dalam sistem yang berteraskan komunisme juga wujudnya pilihanraya. Pilihan raya bukanlah "milik" demokrasi secara mutlak. Oleh yang demikian, hukum pilihan raya adalah berbeza dengan hukum demokrasi itu sendiri.

Kenyataan JFNJ bahawa Hizbut Tahrir menolak demokrasi adalah benar, tetapi kenyataan bahawa Hizbut Tahrir menolak pilihan raya dan menghukum berdosa orang yang terlibat dengan pilihan raya adalah kenyataan separuh masak yang (mungkin sengaja dibuat untuk) mengelirukan orang ramai. Jika JFNJ membaca dan memahami Sautun Nahdhah Siri 164 di mana kami telah

menjelaskan pandangan Hizbut Tahrir tentang pilihan raya, nescaya JFNJ tidak akan mengeluarkan fatwa yang separuh masak dan mengelirukan ini.

Kami telah menyatakan dalam Sautun Nahdhah tersebut bahawa hukum pilihan raya dalam Islam adalah *mubah* (harus). Ini kerana “pilihan raya” (*intikhab*) yang dijalankan dalam Islam, sebagaimana yang berlaku pada zaman Rasulullah (saw) hanyalah (bertujuan) untuk memilih wakil bagi mewakili kaum masing-masing (waktu itu Aus dan Khazraj), manakala pada zaman Khulafa’ ar-Rasyidin, “pilihan raya” dilakukan untuk memilih Khalifah itu sendiri.

Semasa peristiwa Bai’ah Aqabah II, Rasulullah bersabda kepada Aus dan Khazraj,

أخرجوا إليّ منكم اثني عشر نقيباً، ليكونوا على قومهم بما فيهم كفلاء

“Keluarkan (pilihlah) kepadaku 12 orang naqib dari kalangan kalian yang bertanggungjawab atas kaum mereka” [Sirah Ibn Hisyam].

Hal ini menunjukkan kebolehan untuk membuat pemilihan bagi melantik wakil. Inilah nas yang kami pegang yang menunjukkan bolehnya (bukan wajib) untuk mengadakan apa yang digelar sekarang ini sebagai “pilihan raya”.

Selain adanya nas berkenaan kebolehan adanya proses pemilihan untuk melantik wakil, ijma’ as-Sahabat juga menunjukkan adanya proses pemilihan untuk melantik Khalifah itu sendiri, dan ada Khalifah yang dilantik melalui suara ramai. Namun perlu kami tegaskan di sini bahawa yang mengesahkan akad pelantikan seseorang Khalifah itu adalah kerana adanya baiat dari kaum Muslimin, bukannya kerana suara ramai. Pemilihan melalui suara ramai itu hanyalah salah satu uslub, manakala akad Khilafah itu hanya sah setelah adanya baiat.

Seperkara lagi, perlu dibezakan antara suara majoriti dengan demokrasi, walaupun ia merupakan salah satu elemen dalam sistem demokrasi. Kedua-duanya adalah berbeza [sila rujuk jawapan kami pada Butiran 4.3 (d) berkenaan hal ini]. Suara majoriti tidak salah untuk diambil dalam membuat sesuatu keputusan yang bersifat *mubah* (harus), contohnya majoriti bersetuju melantik A (berbanding B) sebagai pemimpin atau majoriti bersetuju untuk pergi ke suatu tempat dengan menaiki bas (berbanding kereta). Namun suara majoriti akan menjadi haram apabila yang disepakati adalah bertentangan dengan hukum syarak. Contohnya majoriti bersetuju untuk menghukum pezina dengan 6 kali sebatan, atau majoriti bersetuju seorang pencuri dihukum penjara dan tidak perlu dipotong tangannya, atau majoriti bersetuju untuk menghalalkan sistem perbankan ribawi. Inilah yang berlaku dalam demokrasi apabila penggubal undang-undang boleh meluluskan apa sahaja yang diharamkan oleh Islam, hanya dengan suara majoriti.

Dalam Sautun Nahdhah Siri 164, kami telah menjelaskan bahawa untuk mengetahui hukum syarak mengenai masalah pilihan raya yang ada sekarang, maka kita perlu mengkaji terlebih dahulu faktanya (*tahqiq al-manath*), berkenaan realiti “pilihan raya” di masa Rasulullah (saw) dan realiti pilihan raya yang ada sekarang.

Dalam sistem demokrasi, fungsi utama wakil rakyat ialah untuk menggubal undang-undang. Parlimen (atau Dewan Undangan Negeri) merupakan tempat pembuatan hukum (*Majlis Tasyri'*), yang mana di sinilah para wakil yang dilantik akan berkumpul dan membuat hukum. Manakala parti yang menang pula akan melantik ketua negara dan lain-lain jawatan, yang sudah diketahui tidak akan berhukum dengan hukum Allah (swt). Atas dasar inilah kami katakan bahawa terlibat dalam pilihan raya dalam rangka melaksanakan fungsi yang haram tersebut, maka hukumnya adalah haram.

Sedangkan “pilihan raya” dalam Islam, sebagaimana yang kami telah sebutkan apa yang berlaku di zaman Khulafa' ar-Rasyidin, ia adalah untuk memilih pemimpin yang akan menerapkan Kitabullah dan Sunnah Rasul-Nya. Pilihan raya dalam Islam bukanlah untuk memilih dan menghantar mana-mana wakil ke Majlis Tasyri' untuk membuat hukum, sebagaimana demokrasi. Dalam Islam, siapa pun pemimpin yang terpilih, tugasnya ialah untuk **menerapkan hukum** Allah secara *kaffah*, bukannya **membuat hukum**.

Selain berperanan sebagai *uslub* memilih Khalifah, satu lagi fungsi pilihan raya yang wujud dalam Islam ialah untuk memilih wakil ke Majlis Umat (Majlis Syura). Perlu difahami bahawa Majlis Syura bukanlah Majlis Tasyri' dan fungsinya tidak sama dengan Parlimen dalam sistem demokrasi. Majlis Umat adalah majlis yang dianggotai oleh para individu yang mewakili kaum Muslimin dalam memberikan pendapat sebagai tempat merujuk bagi Khalifah untuk meminta nasihat/input mereka dalam pelbagai urusan. Majlis ini juga mewakili umat dalam melakukan muhasabah terhadap Khalifah dan semua pegawai negara. Anggota majlis ini dipilih oleh umat melalui pilihan raya dan bukan melalui pelantikan (oleh pemerintah). Hal ini kerana mereka merupakan ‘wakil umat’ dalam mengemukakan pendapat (bukan membuat undang-undang) atau memuhasabah pemerintah.

Inilah kedudukan “pilihan raya” dalam Islam. Maka mana mungkin untuk kami menyatakan bahawa siapa yang terlibat dengan pilihan raya seperti ini adalah berdosa?!

Jika JFNJ ikhlas dalam membuat petikan, maka JNFJ seharusnya menyatakan dengan jelas bahawa pilihan raya yang dimaksudkan oleh Hizbut Tahrir yang mana siapa yang terlibat dengannya berdosa, ialah pilihan raya dalam sistem demokrasi. Itu pun, JFNJ seharusnya lebih ikhlas lagi dalam perkara ini, kerana Hizbut Tahrir tidak menyatakannya berdosa secara mutlak, tetapi ada keadaan yang mengecualikannya. Ada pengecualian yang dinyatakan dengan jelas dalam Sautun Nahdhah Siri 164, iaitu bagi mereka yang ingin bertanding dalam pilihan raya dalam sistem demokrasi pada hari ini. Pengecualiannya adalah seperti berikut:

- (a) Dia mestilah mengisytiharkan bahawa dia akan menggunakan Parlimen sebagai platform untuk berdakwah kepada Islam;
- (b) Dia mestilah mengisytiharkan dengan jelas dan lantang (tidak cukup dengan niat dan tidak dibolehkan berpura-pura) bahawa ia menolak sistem sekular dan kesemua sistem kufur yang ada;
- (c) Dia mestilah mengisytiharkan bahawa fungsinya di Parlimen/DUN (jika menang) adalah untuk mengubah sistem kufur dan menggantikannya dengan sistem Islam;

- (d) Dia akan berkempen hanya dengan apa yang diambil dari Al-Quran dan Sunnah Rasul;
- (e) Dia tidak akan masuk dalam pencalonan parti sekular atau parti bukan Islam, mahupun bekerjasama dengan mereka, kerana mereka ini adalah penyokong kepada sistem kufur;
- (f) Dia tidak dibolehkan merapatkan diri dengan badan Eksekutif dan Judikatif (yang kedua-duanya menerap dan melaksanakan hukum kufur) dan memasukkan namanya sebagai calon untuk tujuan bermanis muka dengan badan-badan ini yang jelas-jelas terdiri dari mereka yang zalim;
- (g) Bahawa kempennya di sepanjang waktu pencalonannya ini bertujuan agar umat manusia memahami objektif-objektif yang telah disebutkan di atas.

Tambahan dari itu, perlu diperhatikan bahawa proses pilihan raya itu sendiri mestilah mematuhi hukum syarak dari segenap sudutnya. Setelah semua aspek keharaman dapat dihindari, maka bolehlah dia bertanding dan sekiranya dia menang, dia wajib menjadikan Parlimen sebagai platform dalam usaha untuk menghancurkan sistem, perlembagaan dan undang-undang yang dibina di atas asas kekufuran. Parlimen juga mesti dijadikan sebagai platform untuk mengingatkan manusia bahawa kewujudan undang-undang dan negara yang diasaskan atas dasar kufur ini merupakan suatu kemungkaran, bahkan ia merupakan ibu kepada segala kemungkaran. Di samping itu, parlimen hendaklah dijadikan sebagai medan untuk menyatakan bahawa negara dan undang-undang kufur ini wajib dibuang dan diganti dengan Daulah Islam yang akan berhukum dengan hukum Allah (swt) secara *kaffah*.

Sepatutnya JFNJ telah lama sedar akan realiti pilihan raya dalam sistem demokrasi yang sudah puluhan tahun diterapkan di negara kita ini. Ia penuh dengan pelbagai bentuk manipulasi, eksploitasi, rasuah, penipuan, fitnah, pergaduhan, perpecahan, caci-maki, pembaziran, politik wang yang bukannya sedikit, *gerrymandering*, dan wujudnya pengaruh asing seperti campur tangan dan tekanan negara kuasa besar, serta banyak lagi keharaman lainnya. Inilah realiti pilihan raya dalam sistem demokrasi, bukan sahaja di Malaysia, bahkan di mana-mana negara yang mengamalkannya. Jadi, atas dasar itu Hizbut Tahrir menyeru kepada umat Islam agar meninggalkan sistem demokrasi, dan kembali kepada sistem Islam.

Akhir sekali, kami ingin menasihati dan memuhasabah JFNJ agar jangan mengeluarkan fatwa dengan hanya memetik sebahagian sahaja sehingga lari daripada konteks perbincangannya, lalu membuat kenyataan yang dikerat-kerat, dengan tujuan sengaja ingin mengelirukan orang ramai melalui fatwa tersebut. Ikhlaslah diri anda dalam membuat penukilan dan punyailah rasa takut kepada Allah (swt) walau pun sedikit.

4.5 Fahaman-fahaman lain yang terkandung dalam ajaran Hizbut Tahrir iaitu:

(a) Berpegang dengan pemikiran Tabanni iaitu mewajibkan penganut akur dengan sebarang fatwa yang dikeluarkan oleh parti tanpa diketahui siapa yang mengeluarkannya.

Butiran ini bukan sahaja menunjukkan ketidakfahaman JFNJ terhadap kedudukan '*tabanni*' dalam Hizbut Tahrir, malah JFNJ sebenarnya cuba 'memandai' untuk bercakap mengenai isu dalam Hizbut Tahrir yang tidak anda kuasai dan tidak layak pun untuk anda bincangkan. Sedarlah dan ketahuilah wahai JFNJ, bahawa anda bukan ahlinya untuk membincangkan isu *tabanni* dalam Hizbut Tahrir! Tidak ada orang yang lebih memahami dan lebih layak untuk membincangkan isu *tabanni* dalam Hizbut Tahrir, kecuali anggota Hizbut Tahrir sendiri. Kami tidak mempunyai masalah untuk anda bincangkan isu ini dengan syarat anda telah bertanya kami terlebih dahulu, dan anda betul-betul telah memahaminya, sebagaimana kami memahaminya. Berdasarkan fatwa anda, kami katakan tanpa berlapik bahawa anda sebenarnya tidak memahami kedudukan *tabanni* dalam Hizbut Tahrir.

Untuk memberikan kefahaman kepada anda, dan berdasarkan fatwa anda dalam Butiran ini, kami ingin memecahkan perbincangan dalam Butiran ini kepada tiga bahagian:

- (i) Pemikiran *tabanni* dalam Hizbut Tahrir.
- (ii) Benarkah setiap penganut diwajibkan akur dengan sebarang fatwa yang dikeluarkan oleh parti?
- (iii) Benarkah kami tidak mengetahui siapa yang mengeluarkan fatwa dalam Hizbut Tahrir?

Kami akan membahaskan ketiga-tiga bahagian satu per satu.

(i) Pemikiran Tabanni Dalam Hizbut Tahrir

Ya benar kami akui bahawa Hizbut Tahrir mempunyai pemikiran yang *ditabanni*, yang kami akan jelaskan mengenainya di bawah ini. Namun kami terlebih dahulu ingin katakan bahawa melalui Butiran 4.5 (a) di atas, JFNJ telah meletakkan konsep *tabanni* yang ada dalam Hizbut Tahrir dalam bentuk yang cukup negatif. Pertanyaan kami kepada anda wahai JFNJ, jika anda benar-benar faham mengenai konsep *tabanni*, adakah salah bagi sesebuah parti politik untuk mempunyai pemikiran yang *ditabanni*? Di manakah nas di dalam al-Quran mahu pun as-Sunnah, atau Ijma' as-Sabahat atau Qiyas yang menyatakan bahawa pemikiran *tabanni* adalah satu kesalahan dan keharaman? Sila berikan kepada kami pandangan ulama Ahlu Sunnah yang manakah yang menyatakan bahawa pemikiran *tabanni* yang dipegang oleh sesebuah parti politik adalah menyalahi akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sila berikan segala bukti yang anda ada, yang didasarkan kepada al-Quran dan as-Sunnah, bahawa parti politik yang mempunyai pemikiran *tabanni* adalah haram dan menyalahi akidah Islam!

Bacalah penjelasan kami ini baik-baik wahai JFNJ agar anda memahami apakah yang dimaksudkan oleh Hizbut Tahrir dengan "*tabanni*", dan setelah anda memahaminya, silalah

jelaskan kepada kami di mana salahnya hal ini dari segi akidah, sehingga anda sanggup memfatwakan pegangan Hizbut Tahrir sebagai menyalahi akidah Ahlu Sunnah!

Dalam pandangan, Hizbut Tahrir, "*tabanni*" (*adoption*) ertinya "Pengambilan seorang Muslim akan pendapat tertentu dalam perkara yang masih diperselisihkan, di mana pendapat tersebut selanjutnya menjadi pendapatnya, mengikatnya untuk diamalkan, untuk mengajarkannya kepada orang lain, dan untuk menyeru kepadanya ketika menyeru kepada hukum-hukum Islam dan pemikiran-pemikirannya." Inilah maksud "*tabanni*".

Bagi setiap Muslim, apa pun statusnya, semestinya ia melakukan *tabanni* (menggambil dan mengikat dirinya dengan suatu hukum, lalu mengamalkannya dan mendakwahnya), sebab dalam setiap urusannya ia diperintahkan agar terikat dengan hukum syarak. Sehingga, ketika ia sedang melakukan setiap perkara, ia wajib terikat dengan satu hukum. Setelah ia melakukan *tabanni*, maka hukum itu menjadi hukum Allah baginya, manakala hukum-hukum yang lain yang tidak ditabanninya (dalam perkara yang sama), tidak menjadi hukum Allah baginya. Tidak boleh bagi seorang Muslim beramal dengan selain pendapat (hukum) yang telah ditabanninya, baik ia mentabanninya melalui ijtihadnya sendiri (sekiranya dia adalah seorang mujtahid) mahupun melalui *taqlid* (mengikuti pendapat orang lain) dengan mengetahui dalilnya (*muqallid muttabi'*), atau melalui *taqlid* tanpa mengetahui dalilnya (*muqallid 'ami*).

Berdasarkan semua itu, sesungguhnya *tabanni* (tentang hukum) hanya dilakukan terkait dengan perkara-perkara yang masih diperselisihkan dan memiliki banyak pendapat. Sebab, perkara-perkara yang telah pasti dan jelas, mustahil untuk dilakukan *tabanni*, kerana dalam perkara-perkara ini tidak ada perselisihan dan perdebatan, sehingga, tidak ada *tabanni* tentang perkara keimanan kepada Allah (swt) dan Rasul-Nya (saw), tidak ada *tabanni* tentang wajibnya solat, zakat dan sebagainya. Dari penjelasan ini, perlu difahami bahawa *tabanni* hanya diwajibkan atas seseorang Muslim dalam perkara-perkara yang terjadi dan diamalkan, dan jika tidak, maka tidak wajib dilakukan *tabanni*.

Persoalan seterusnya yang ingin kami jelaskan ialah, apakah karakteristik perkara-perkara yang ditabanni oleh Hizbut Tahrir dan bagaimana caranya:-

Memandangkan sesebuah pemikiran Islam itu tidak hanya dikhususkan untuk Hizbut Tahrir, namun seluruh umat Islam dan organisasi-organisasi Islam juga perlu bersandar padanya, maka Hizbut Tahrir tidak cukup bersandar kepada pemikiran Islam secara global semata-mata. Setelah Hizbut Tahrir melakukan pengkajian dan penelitian terhadap realiti umat Islam dan apa yang menyimpannya; realiti masyarakat di negeri-negeri kaum Muslimin; realiti di masa Rasulullah (saw), masa Khulafa ar-Rasyidin, masa Tabi'in dan masa sesudahnya; dan dengan merujuk kepada sirah (perjalanan hidup) Rasulullah (saw) serta cara baginda mengembang dakwah sejak baginda diangkat oleh Allah (swt) sebagai Rasul sehingga baginda berhasil mendirikan Negara Islam di Madinah; kemudian mengkaji corak perjalanan hidup Rasulullah (saw) di Madinah; dan dengan merujuk pada al-Quran, as-Sunnah, serta merujuk pada Ijma' as-Sahabat dan Qiyas; dan dengan penjelasan daripada pendapat-pendapat para Sahabat, Tabi'in serta pendapat-pendapat para Imam Mujtahid - setelah melakukan semua itu, maka Hizbut Tahrir melakukan *tabanni* terhadap

pemikiran-pemikiran, pendapat-pendapat dan hukum-hukum yang terperinci berhubung pemikiran Islam serta metode penerapannya.

Hizbut Tahrir menyifatkan semua yang *ditabanninya* sebagai pemikiran-pemikiran, pendapat-pendapat dan hukum-hukum Islam. Tidak ada di dalamnya sesuatu apa pun selain Islam, dan tidak pula disandarkan kecuali kepada dasar-dasar Islam dan nas-nasnya, serta tidak terpengaruh dengan sesuatu apa pun selain Islam. Dalam *mentabanni* pendapat-pendapat, pemikiran-pemikiran dan hukum-hukum tersebut, Hizbut Tahrir senantiasa menyandarkan kepada kekuatan dalil, serta berdasarkan ijtihad dan pemahamannya, sehingga Hizbut Tahrir menduga kuat bahawa apa yang telah *ditabanninya* itulah yang paling benar, walaupun tidak mustahil salah.

Hukum-hukum dan pemikiran-pemikiran dalam Hizbut Tahrir tidak diambil kecuali daripada para mujtahid, baik mujtahid itu daripada kalangan anggotanya sendiri, mahu pun daripada selain mereka; baik mereka yang masih hidup mahu pun yang telah meninggal...dan dalam *mentabanninya*, Hizbut Tahrir tidak mendasarkannya kepada apa-apa kepentingan...Hizbut Tahrir mengambil dan *mentabanninya* hanya kerana sifatnya sebagai wahyu, atau digali dari penjelasan wahyu. Oleh kerana itu, Hizbut Tahrir *mentabanninya* hanya berdasarkan kuatnya dalil, bukan yang lain. Jika dalilnya kuat, maka Hizbut Tahrir *mentabanninya*, dan sebaliknya jika dalilnya lemah, maka Hizbut Tahrir meninggalkannya meski pun hal itu telah tersebar dalam kalangan umat, boleh menyelesaikan masalah, dan ada maslahat (kebaikan) dalam *mentabanninya*. Ini kerana *tabanni* Hizbut Tahrir terhadap pemikiran-pemikiran dan hukum-hukum Islam hanya berdasarkan kepada kuatnya dalil, yakni kewujudan pemikiran-pemikiran dan hukum-hukum itu dijelaskan oleh wahyu, atau digali dari penjelasan wahyu.

Ketika kami menyebutkan bahawa Hizbut Tahrir tidak cukup bersandar pada pemikiran Islam secara global semata-mata, tetapi pada pemikiran Islam yang terperinci, maka ini bukannya bermaksud bahawa Hizbut Tahrir *mentabanni* setiap perkara. Hizbut Tahrir hanya *mentabanni* sebatas apa yang diperlukan sebagai sebuah parti politik yang beraktiviti mengembalikan kehidupan yang Islami (*isti'naf al-hayah al-islamiyah*), dan mengembang dakwah Islam dengan mendirikan Negara Khilafah. Apa yang paling ketara dalam aspek *tabanni* Hizbut Tahrir ini ada dua perkara:

Pertama: Menyatukan institusi Hizbut Tahrir dan menampakkannya dengan gambaran yang membezakannya dari institusi yang lain. Hizbut Tahrir tidak dikatakan sebagai sebuah parti sehingga ia memiliki satu pendapat dalam setiap pemikiran, pandangan, atau hukum syarak yang mengikatnya. Selama ia tidak memiliki kesatuan pemikiran, maka jangan harap ia memiliki kesatuan institusi yang utuh, yang berbeza dari yang lain. Bahkan sebaliknya akan membawa kepada perbezaan pemikiran, pendapat dan hukum, serta perpecahan sikap dan perasaan, yang akhirnya akan memecahkan parti dan organisasi, yang sebelumnya satu. Jika ini terjadi, mustahil bagi Hizbut Tahrir untuk menjalankan apa yang menjadi misi dan kewajibannya. Atas dasar itu, bagi setiap anggota Hizbut Tahrir, melakukan *tabanni* terhadap pemikiran dan hukum yang *ditabanni* oleh Hizbut Tahrir merupakan syarat yang sangat penting dan vital. Dengan berbuat demikian, barulah bermakna ia menjadi sebahagian daripada Hizbut Tahrir.

Kedua: Bahawa Islam merupakan *mabda'* (ideologi) bagi kehidupan yang berisikan akidah dan sistem yang akan menyelesaikan seluruh masalah manusia dalam menjalani hidup ini. Berdasarkan hal ini, Hizbut Tahrir melakukan *tabanni* terhadap sistem pemerintahan, sistem ekonomi, sistem pergaulan (antara lelaki dan perempuan) dan lain-lain.

Terkait dengan hal ini, Hizbut Tahrir telah menjelaskan setiap pemikiran, pendapat dan hukum yang telah *ditabanninya* dengan disertai dalil-dalilnya secara terperinci, di dalam buku-bukunya dan juga nasyrah-nasyrahnya yang jumlahnya sangat banyak, yang diterbitkan dan disebar kepada masyarakat. Atas dasar ini, semua -pemikiran, pendapat dan hukum yang telah *ditabanni* oleh Hizbut Tahrir dikenal sebagai pemikiran-pemikiran dan pendapat-pendapat Hizbut Tahrir, baik di dunia Islam mahupun di seluruh dunia.

Wahai JFNJ! Setelah kami menjelaskan semua ini, kami ingin bertanya anda, adakah anda sebelum ini memahami konsep *tabanni* dalam Hizbut Tahrir sebagaimana penjelasan kami di atas? Itu pun sebenarnya masih banyak lagi yang kami belum jelaskan berhubung dengan kedudukan *tabanni* dalam Hizbut Tahrir dan perkara-perkara yang terkait dengannya. Kami merasa cukuplah setakat itu dulu untuk memberi kefahaman kepada anda.

Sekarang adakah anda bersetuju dengan kami bahawa anda tidak layak untuk membincangkan konsep *tabanni* dalam Hizbut Tahrir kerana anda bukanlah ahlinya? Bukanlah niat kami untuk merendahkan anda, tetapi kami ingin katakan bahawa anda boleh sahaja bertanya dan meminta penjelasan daripada kami tentang konsep *tabanni* dalam Hizbut Tahrir, dan kami sangat berbahagia untuk menjelaskannya. Namun malangnya, anda memilih untuk mengeluarkan fatwa dengan memburuk-burukkan kami dengan konsep *tabanni* kami, tanpa anda memahaminya!

(ii) Benarkah setiap penganut diwajibkan akur dengan sebarang fatwa yang dikeluarkan oleh parti?

Sebelum menjawab persoalan ini, kami ingin memberi sedikit komen berhubung istilah “penganut” yang digunakan oleh JFNJ. Dengan menggunakan istilah ini, ia menunjukkan yang JFNJ seolah-olah tidak mengetahui hakikat bahawa Hizbut Tahrir adalah sebuah parti politik. Ya memang benar Hizbut Tahrir mempunyai pendirian, pandangan dan pegangan tertentu dalam banyak isu baik yang melibatkan akidah, politik, ekonomi, fiqh (hukum syarak) dan sebagainya, dan ini merupakan hal yang biasa untuk mana-mana pertubuhan atau gerakan pun. Namun untuk menisbahkan atau menggelar “penganut” kepada mereka yang bersama dengan Hizbut Tahrir, atau mana-mana pertubuhan pun, merupakan istilah yang sangat tidak kena. Perkataan “ahli” lebih tepat digunakan untuk sesebuah pertubuhan atau gerakan, bukannya “penganut”.

Kita tidak pernah mendengar JFNJ (atau siapa sahaja) menggelar ahli-ahli PAS sebagai “penganut PAS”, atau ahli-ahli UMNO sebagai “penganut UMNO”, atau ahli-ahli Parti Amanah Negara (Amanah) sebagai “penganut Amanah”, atau ahli-ahli Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) sebagai “penganut ISMA”, pengikut Jemaah Tabligh sebagai “penganut Tabligh” dan sebagainya. Anda gagal meletakkan Hizbut Tahrir sebagai sebuah parti politik (gerakan Islam) yang sama seperti

PAS, ISMA dan lain-lain. Anda telah tersilap apabila menganggap dan meletakkan Hizbut Tahrir sebagai sebuah “ajaran” sehingga anda menggelar ahli-ahli Hizbut Tahrir sebagai “penganut”. Inilah kesilapan anda wahai JAINJ. Anda gagal memahami bahawa Hizbut Tahrir adalah sebuah parti politik, bukannya “ajaran” walaupun benar kami mempunyai pegangan dan pendirian dalam perkara-perkara tertentu. Namun pegangan dan pendirian ini tidak ubah sebagaimana pegangan dan pendirian tertentu yang juga dimiliki oleh setiap gerakan Islam yang lain.

Manakala istilah “fatwa” yang diguna oleh anda juga adalah kurang tepat dan tidak menepati beberapa perkara. Ini kerana, sebagaimana yang kami akui bahawa Hizbut Tahrir mempunyai pemikiran dan pandangan yang *ditabanni*., namun tidak semua perkara yang Hizbut Tahrir *tabanni* itu termasuk dalam kategori hukum syarak. Contohnya Hizbut Tahrir *mentabanni* beberapa isu atau kejadian-kejadian politik, yang tidak ada kena mengena dengan persoalan fiqh; Hizbut Tahrir juga *mentabanni* segala undang-undang dan peraturan pentadbiran yang dikeluarkan oleh parti untuk mengatur ahli-ahlinya, yang juga tidak ada kena mengena dengan persoalan fiqh. Kesemua perkara ini bukannya “fatwa” yang dikeluarkan oleh Hizbut Tahrir, kerana ia tidak termasuk dalam ruang lingkup perkara yang perlu “difatwakan” oleh Hizbut Tahrir pun.

Jadi, kenyataan JFNJ bahawa Hizbut Tahrir **mewajibkan penganutnya akur dengan sebarang fatwa yang dikeluarkan oleh parti**, jelas tidak tepat dan dari satu sudut, telah keluar dari konteks, kerana ada perkara-perkara yang diwajibkan (*ditabanni*) oleh Hizbut Tahrir ke atas ahlinya, yang tidak ada kaitan langsung dengan “fatwa”.

Justeru, biar kami perbetulkan persoalan yang sewajarnya dibangkitkan oleh JFNJ, agar kami dapat menjawabnya dengan konteks yang betul, iaitu **“benarkah Hizbut Tahrir mewajibkan ahlinya akur dengan sebarang perkara yang ditabanni oleh parti?”**. Inilah persoalan yang lebih tepat untuk kami jawab. Maka berikut adalah jawapan kami:-

Sebagai sebuah parti politik yang berpegang kepada konsep *tabanni*, Hizbut Tahrir mengikat setiap anggotanya agar mentaati dan melaksanakan apa yang telah *ditabanni*. Untuk perkara-perkara yang *ditabanni* selain daripada peraturan pentadbiran, maka setiap anggota Hizbut Tahrir bukan sahaja perlu berpegang dengannya, malah mesti mengembangkannya kepada masyarakat. Ahli Hizbut Tahrir tidak boleh menyeru kepada perkara yang menyalahi *tabanni*, dan tidak boleh mengembangkan sesuatu yang bertentangan dengan yang *ditabanni*. Ini kerana, setiap ahli itu sendiri telah bersetuju untuk mengikat dirinya dengan apa yang *ditabanni* oleh parti, setelah sebelumnya ia mengkaji apa yang dibawa oleh Hizbut Tahrir sama ada dari aspek akidah, *tsaqafah* dan apa jua pemikiran yang telah *ditabanni*, sehingga ia harus menerimanya tidak kira secara terperinci atau global, sebab kewujudannya dalam Hizbut Tahrir sebagai satu kesatuan yang tidak terpisah.

Ketahuiilah oleh anda wahai JFNJ, walaupun Hizbut Tahrir amat menjaga dan tegas dengan apa yang *ditabanni*, namun ia tidaklah jumud sehingga tiada ruang untuk ahlinya memberi pandangan untuk parti mengubah apa yang *ditabanni*. Siapa pun yang menjadi Amir Hizbut Tahrir, maka dialah yang menetapkan apa yang *ditabanni* oleh parti, dan dia juga mempunyai

solahiyyah (autoriti) untuk mengubah apa yang *ditabanni* oleh Amir sebelumnya, atau mengubah *tabanninya* sendiri dalam keadaan tertentu. Memandangkan banyak perkara yang *ditabanni* termasuk dalam perkara *ijtihad*, maka setiap ahli mempunyai hak untuk menyampaikan pandangan yang berlainan sekiranya dia merasakan ada ijtihad lain yang lebih kuat. Setelah pandangan tersebut disampaikan, maka Amir Hizbut Tahrir akan mengkajinya dan jika ternyata ia lebih kuat daripada apa yang *ditabanni* oleh parti, maka nescaya Amir Hizbut Tahrir akan mengikuti yang lebih kuat itu dan menjadikannya sebagai *tabanni* yang baru. Selagi Amir Hizbut Tahrir tidak mengubah apa yang *ditabanni*, maka selagi itulah setiap ahli wajib berpegang dengannya dan mendakwahnya.

Dalam konteks ini, Hizbut Tahrir juga tidak pernah menyekat mana-mana orang luar untuk mengkritik ijtihad parti, sekiranya mereka mempunyai ijtihad yang dirasakan lebih kuat atau lebih betul, berbanding ijtihad Hizbut Tahrir. Malah Hizbut Tahrir tidak mempunyai masalah untuk menukar apa yang *ditabanni* oleh parti jika ada ijtihad lain yang ternyata lebih kuat daripada ijtihad parti. Namun setakat ini, apa yang *ditabanni* oleh Hizbut Tahrir merupakan pandangan yang terkuat daripada segala pandangan yang ada. Sungguh pun demikian, Hizbut Tahrir sentiasa terbuka dan bersedia untuk berhujah mengenai apa jua pandangan. Perlu difahami bahawa Hizbut Tahrir tetap berpandangan bahawa sesuatu pandangan itu masih lagi syarie, selagi mana pandangan tersebut didasarkan kepada nas. Walaupun kami menganggap pandangan tersebut lemah, tetapi kami tidak menafikan kemungkinan terdapat kebenaran di dalamnya. Inilah pegangan Hizbut Tahrir.

Atas dasar itulah, kami sering katakan bahawa jika JFNJ atau sesiapa sahaja mempunyai hujah yang berlainan dengan Hizbut Tahrir, dan merasakan hujah mereka kuat, maka sila datangkan nas untuk melawan hujah kami. Ya sila datangkan hujah anda, bukannya dengan mendatangkan fitnah dan pembohongan ke atas Hizbut Tahrir; dan bukan juga dengan mengeluarkan fatwa untuk menyekat pandangan Hizbut Tahrir, atau untuk menangkap anggota Hizbut Tahrir, hanya semata-mata kerana pandangan Hizbut Tahrir yang berbeza dengan pandangan anda!

(iii) Benarkah penganut Hizbut Tahrir tidak mengetahui siapakah dalam parti yang mengeluarkan fatwa?

Sama seperti penjelasan kami di atas, sebelum memberikan jawapan untuk poin ini, kami ingin katakan bahawa istilah “fatwa” yang digunakan oleh JFNJ adalah tidak tepat. Oleh kerana isu yang anda bangkitkan ialah isu perkara yang *ditabanni*, maka ayat yang wajar digunakan oleh anda ialah **“benarkah ahli Hizbut Tahrir tidak mengetahui siapakah dalam parti yang mengeluarkan perkara yang ditabanni?”**

Kami tidak tahu perkataan apa lagi yang lebih tepat untuk ditujukan kepada anda wahai JFNJ, kecuali “ajaib”! Bagaimana mungkin orang yang berada di luar parti boleh menyampaikan kepada orang ramai bahawa ahli parti tersebut tidak tahu siapa yang mengeluarkan fatwa dalam partinya?! Sungguh ajaib kenyataan anda ini! Ia umpama rakyat Amerika Syarikat yang tidak pernah memasuki Johor, menyatakan kepada orang ramai bahawa, “*sesungguhnya rakyat Johor itu tidak mengetahui siapakah yang mengeluarkan fatwa di negerinya!*”.

Wahai JFNJ! Mana mungkin kami tidak mengetahui siapa yang mengeluarkan perkara yang *ditabanni* (termasuk fatwa) dalam Hizbut Tahrir!? Adakah anda, atau kami, yang lebih mengetahui tentang urusan kami? Berlaku waraslah wahai JFNJ!

Biar kami terangkan, bahawa *solahiyyah* melakukan *tabanni* dalam Hizbut Tahrir, mengubah dan menggantinya serta *solahiyyah* mengambil keputusan-keputusan, hanya diberikan kepada Amir Hizbut Tahrir. Atas kedudukannya sebagai seorang Amir, beliau merupakan pemilik perintah dan keputusan terakhir. Justeru, melakukan *tabanni* ke atas berbagai pendapat, pemikiran, hukum serta peraturan parti, semuanya adalah Amir Hizbut Tahrir. Hal ini sungguh amat jelas bagi setiap anggota Hizbut Tahrir, dan tidak ada seorang anggota pun yang tidak mengetahuinya! Jadi, bagaimana mungkin anda boleh menyatakan yang anggota Hizbut Tahrir tidak mengetahuinya. Sungguh ajaib fatwa anda ini wahai JFNJ!

Alangkah mulianya jika anda bertanya kepada kami akan hal yang mudah ini, dan kami akan menjawabnya juga dengan cukup mudah, tanpa berselindung. Namun sayangnya anda memilih untuk tidak mahu bertanya dan tidak mahu *bertabayyun*, sebaliknya anda memilih untuk memfitnah dan melakukan pembohongan. Subhanallah!

Akhir sekali kami ingin bertanya anda, jika kami tidak mengetahui siapa yang mengeluarkan fatwa dalam Hizbut Tahrir sekali pun, lalu kami mengikutinya, apakah hal ini menyalahi akidah Ahli Sunnah wa Jamaah? Apakah kita mesti melihat kepada 'siapa' yang mengeluarkan fatwa untuk mengukur kebenaran fatwa tersebut, atau melihat kepada nas-nas yang digunakan dalam fatwa tersebut? Adakah Ahli Sunnah Wal Jamaah mewajibkan setiap Muslim untuk mengetahui daripada siapakah fatwa tersebut dikeluarkan, barulah boleh mengikutinya? Jika tidak, maka akidahnya telah terpesong. Adakah begitu akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang anda pegang wahai JFNJ?

(b) Haram mengasaskan pertubuhan kebajikan

Wahai JFNJ! Di manakah dalam kitab kami yang anda menjumpai bahawa kami menyatakan haram mengasaskan pertubuhan kebajikan? Jika anda menjumpai rujukannya, seharusnya anda nyatakan dalam fatwa anda agar kami dapat menjawabnya dan menerangkan benar salahnya rujukan anda, kefahaman anda dan fatwa anda. Mengatakan sesuatu tentang kami tanpa rujukan, maka kami katakan bahawa fatwa anda sebenarnya sudah hilang nilai intelektualnya dari awal!

Seperti biasa, walaupun anda tidak memberikan rujukan, namun kami tetap akan menjawabnya selagi kami mampu menjawabnya. Tujuannya tidak lain kecuali untuk membuka pintu hati anda agar cahaya kebenaran dan keikhlasan dapat memasukinya dengan izin Allah (swt). Amiiin.

Kami mengagak bahawa poin anda ini adalah merujuk kepada apa yang terdapat dalam kitab at-Takatul al-Hizbi (Pembentukan Parti Politik), dan kami akan jelaskan apa yang kami nyatakan dalam kitab at-Takatul al-Hizbi berkenaan hal ini. Inilah kitab kami yang menyentuh mengenai isu pembentukan organisasi, termasuk organisasi kebajikan. Sebelum menerangkan lebih lanjut, kami katakan lebih awal bahawa tidak ada satu pun teks atau mafhum daripada teks yang ada dalam kitab ini di mana kami menyatakan haramnya mengasaskan pertubuhan kebajikan!

Secara ringkasnya dalam kitab ini, Hizbut Tahrir membahaskan mengenai kegagalan gerakan-gerakan yang ditubuhkan oleh umat Islam sejak puluhan tahun dulu hingga sekarang, dalam usaha mereka membangkitkan umat, kerana beberapa faktor. Seterusnya kitab ini menjelaskan ciri-ciri organisasi yang boleh membangkitkan umat iaitu ia mestilah sebuah parti politik Islam yang ideologis yang mempunyai *fikrah* dan *thariqah* yang jelas, jernih dan benar, dan bergerak di tengah-tengah umat dalam rangka mengembalikan semula kehidupan Islam dengan jalan menegakkan kembali Daulah Islam. Berikut kami paparkan beberapa petikan dalam kitab at-Takatul al-Hizbi yang menyentuh mengenai kelompok yang berdiri atas asas *khairiyyah* (kebajikan):-

Sejak abad XIII Hijriah atau XIX Masihi, telah berdiri berbagai gerakan yang bertujuan untuk membangkitkan umat Islam. Usaha-usaha tersebut sejauh ini belum meraih keberhasilan, sekalipun meninggalkan pengaruh yang cukup bermakna bagi generasi yang datang sesudahnya untuk mengulangi usahanya sekali lagi.

Gerakan-gerakan tersebut ada yang berupa gerakan Islam dan ada pula yang berupa gerakan nasionalisme (harakah qaumiyyah). Di samping gerakan nasionalisme dan gerakan Islam ini, berdiri pula gerakan-gerakan patriotisme (harakah wathaniyyah) di berbagai negeri umat Islam, sebagai reaksi daripada pendudukan kaum kafir penjajah atas sebahagian wilayah Daulah Islam, dan sebagai reaksi dari kezaliman dalam aspek politik dan ekonomi yang muncul dalam masyarakat akibat penerapan sistem kapitalisme di negeri-negeri tersebut.

Apabila kita kaji kelompok-kelompok yang muncul sekitar abad silam (abad XIX M), kita dapati bahawa metode pembentukan kelompok yang rosaklah yang menjadi sebab utama kegagalan

mereka. Sebab, gerakan-gerakan tersebut tidak berdiri sebagai sebuah parti yang dilandasi oleh pemahaman hakiki (terhadap sebuah ideologi). Mereka berdiri hanya sekadar membentuk kelompok, atau membentuk parti semu.

Di samping gerakan-gerakan tersebut di atas, berdiri pula gerakan atas dasar jam'iyah (gerakan sosial kemasyarakatan). Di berbagai negeri muncul organisasi lokal dan regional yang mengarah pada tujuan sosial/kebajikan (khairiyyah). Organisasi-organisasi ini kemudian mendirikan sekolah-sekolah, hospital-hospital, rumah-rumah anak yatim, dan membantu pelbagai aktiviti sosial. Masing-masing organisasi ini menonjolkan kelompoknya. Para penjajah telah berhasil mendorong munculnya organisasi-organisasi semacam ini, sehingga kegiatan sosialnya terlihat jelas oleh masyarakat. Sebahagian besar organisasi ini bergerak di bidang pendidikan dan sosial, dan sangat jarang yang bergerak di bidang politik.

Jika kita perhatikan hasil-hasil daripada organisasi-organisasi ini dengan mendalam, kita akan dapati bahawa ia tidak membuahkannya sesuatu yang bermanfaat bagi umat atau membantu umat untuk bangkit. Bahayanya tersamar, kerana tidak dapat dilihat kecuali oleh orang yang mempunyai pandangan yang tajam, **di samping itu kewujudannya itu sendiri merupakan bahaya besar, tanpa melihat sebahagian manfaat yang ditimbulkannya.** Hal ini kerana umat Islam secara keseluruhan – kerana masih mempunyai sebahagian pemikiran Islam, menerapkan sebahagian hukum syarak, dan mempunyai perasaan Islami, disebabkan adanya pengaruh Islam – mempunyai keinginan untuk bangkit, mempunyai perasaan yang baik, dan mempunyai kecenderungan alami untuk berkelompok. Sebab ruh ajaran Islam itu adalah ruh kejama'ahan. Maka jika umat dibiarkan mengurus dirinya sendiri, getaran atau perasaan berkelompok ini secara automatik akan berubah menjadi pemikiran, dan pemikiran ini secara praktis akan membangkitkan umat.

Akan tetapi, **adanya berbagai organisasi berasaskan jam'iyah tersebut telah menghalangi kebangkitan** ini. Sebab, organisasi tersebut telah menjadi saluran dari perasaan-perasaan mereka yang menggelora itu, dan telah mengalihkan keinginan umat pada aktiviti-aktiviti yang bersifat sebahagian. Para anggota organisasi ini melihat bahawa mereka telah membangun sekolah-sekolah, atau mendirikan rumah sakit, atau terlibat dalam amal baik, sehingga mereka merasa lega, tenteram, dan puas dengan kegiatan-kegiatan yang telah mereka lakukan.

Berbeza halnya jika organisasi-organisasi semacam ini tidak ada, maka semangat kejama'ahan akan mendorong umat untuk berkelompok secara benar, iaitu dengan membentuk sebuah kelompok politik yang akan melahirkan kebangkitan yang benar.

Inilah pangkal kegagalan semua kelompok yang berasaskan jam'iyah dalam membangkitkan dan memperbaiki umat. Demikian pula kegagalan yang dialami kelompok yang berbentuk parti semu (yang dasar kepartiannya tidak benar atau tidak lengkap), yang tidak dibangun atas dasar ideologi tertentu, tidak dilatarbelakangi suatu mafahim apa pun, serta tidak mempunyai ikatan yang benar di antara anggotanya.

Sesungguhnya, kelompok yang benar yang dapat membangkitkan umat tidak boleh berasaskan jam'iyah, yang sistem keorganisasiannya menetapkan bahawa ia akan melakukan kegiatan-kegiatan sosial tertentu, dalam bentuk kerja atau perkataan (propaganda-propaganda tertentu), atau hanya dalam bentuk kerja praktis sahaja, atau dalam bentuk perkataan sahaja. Kelompok semacam ini tidak boleh muncul di tengah-tengah umat yang merindukan kebangkitan. Tidak boleh berdiri kelompok kepartian yang bukan berdasarkan ideologi, seperti yang sudah terjadi di dunia Islam sejak Perang Dunia I sampai saat ini. Kelompok yang benar adalah sebuah kelompok yang berdiri sebagai sebuah parti yang berideologi Islam. Fikrah Islam mesti merupakan ruh bagi bangunan partinya. Fikrah itu merupakan jati diri dan rahsia kehidupannya. Sel awalnya adalah seseorang yang telah mendalami fikrah dan thariqah Islam dalam dirinya, sehingga ia merupakan manusia yang mencerminkan fikrah itu dalam kebersihan dan kemurniannya, yang mencerminkan thariqah itu dalam kejernihan dan kelurusannya.

Itulah intipati perbincangan tentang pertubuhan yang ditubuhkan atas dasar *khairiyyah* (kebajikan). Tidak dinyatakan di mana-mana tempat pun bahawa haram hukumnya menubuhkan pertubuhan seperti itu. **Apa yang ditekankan oleh Hizbut Tahrir sejak awal pembahasan ialah mengenai pelbagai jenis organisasi atau kelompok yang ditubuhkan oleh umat Islam yang bertujuan untuk membangkitkan umat, dan ternyata tidak ada satu pun pertubuhan tersebut yang berjaya membangkitkan umat.** Itulah pembahasannya, iaitu kegagalan organisasi atau pertubuhan tersebut untuk membangkitkan umat, termasuklah pertubuhan yang ditubuhkan atas asas kebajikan.

Kami ulangi, **isunya adalah mengenai kebangkitan umat. Jadi, Hizbut Tahrir menyatakan yang kelompok yang didirikan atas asas kebajikan tidak akan dapat membangkitkan umat. Dengan kata lain, jika kita ingin membangkitkan umat, maka kita tidak boleh (bukannya haram) menubuhkan organisasi yang berasaskan kebajikan.** Malah kewujudannya akan semakin menghalang kebangkitan, kerana ahli-ahlinya dan umat hanya disibukkan dengan kerja-kerja kebajikan, yang tidak akan membangkitkan umat dengan kebangkitan yang sepatutnya. **Hizbut Tahrir mengakui bahawa kewujudan kelompok ini ada manfaatnya kepada umat, tetapi dalam masa yang sama Hizbut Tahrir menyatakan bahawa ia tetap membahayakan umat dari sudut kebangkitan, kerana ia menjadi penghalang kepada kebangkitan umat.**

Nah, itulah pembahasannya, dan ia sangat jelas bagi siapa pun yang membaca dengan hati yang diseliputi ketakwaan dan keikhlasan.

Atas dasar ini, kami katakan bahawa tuduhan JFNJ ke atas Hizbut Tahrir sebenarnya tidak lari daripada dua sebab ini:

- (i) Kerana JFNJ tidak memahami pembahasan, lalu membuat kesimpulan sendiri atas dasar kejahilan;
- (ii) Niat untuk memfitnah telah wujud dari awal, lalu JFNJ melakukan manipulasi fakta supaya Hizbut Tahrir kelihatan buruk di mata umat.

Sebagai penutup untuk jawapan ini, kami ingin bertanya kepada JFNJ, di manakah bercanggahnya akidah Hizbut Tahrir dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah, apabila Hizbut Tahrir menyatakan bahawa organisasi yang berasaskan kebajikan tidak akan dapat membangkitkan umat? Dan soalan tambahan dari kami, adakah perbincangan mengenai perkara ini termasuk dalam bab akidah, sehingga akidah Hizbut Tahrir boleh menyeleweng kerananya?

(c) Mana-mana dakwah yang tidak berjaya selepas 23 tahun merupakan dakwah yang salah dan perlu menukar caranya.

Butiran ini juga merupakan satu Butiran yang luar biasanya ajaibnya! Kami merasa sungguh ajaib dengan fitnah JFNJ ini, kerana JFNJ sanggup mereka-reka satu pendustaan yang tidak dapat diterima oleh mana-mana akal yang waras! Jika kami cabar JFNJ untuk membuktikan hal ini, nescaya sampai kiamat pun JFNJ tidak akan dapat membuktikannya!

Kami tidak pernah tahu daripada mana sumber kenyataan JFNJ ini, dan kami sungguh hairan dari manakah cerita rekaan seperti ini boleh diambil oleh JFNJ dan bagaimana mungkin pendustaan tak bersumber ini boleh dimasukkan ke dalam sebuah fatwa!? *La haula wa la quwwata illa billah.*

Ketahuiilah wahai JFNJ bahawa Hizbut Tahrir tidak pernah menetapkan tempoh waktu dalam dakwahnya dan *thariqah* (jalan) dakwahnya tidak pernah, dan tidak akan berubah sampailah Hizbut Tahrir mencapai objektifnya! Hizbut Tahrir meneladani *thariqah* (metodologi) Rasulullah (saw) dalam dakwahnya, dan dalam meneladani *thariqah* tersebut, Hizbut Tahrir tidak pernah meletakkan tempoh dan had masa tertentu, baik secara keseluruhannya mahupun dalam setiap *marhalah* (tahapan) dakwahnya. Dakwah wajib dilakukan dan diteruskan dengan *thariqah* yang tetap, walaupun *uslub* (aspek teknikal)nya boleh berbeza-beza, sehinggalah tercapainya kemenangan, dan Islam dapat diterapkan secara *kaffah* dengan tertegaknya Daulah Khilafah.

Kenapa Hizbut Tahrir tidak pernah menetapkan tempoh masa, atau merubah *thariqahnya*? Ini kerana *thariqah* dakwah Hizbut Tahrir adalah mencontohi *thariqah* dakwah Rasulullah (saw), dan tidak pernah ada riwayat yang menyatakan Rasulullah (saw) menetapkan tempoh masa atau merubah *thariqahnya*.

Manakala untuk mengukur benar atau salah setiap perbuatan, termasuklah dalam melaksanakan kewajipan dakwah menegakkan Khilafah, ia tidak diukur atau disandarkan kepada tempoh waktu sama sekali, tetapi disandarkan kepada nas.

Hizbut Tahrir telah ditubuhkan secara rasminya pada tahun 1953. Dengan kata lain dakwah Hizbut Tahrir telah bermula sejak tahun 1953 lagi, dan masih diteruskan hingga kini (sudah melebihi 23 tahun) dengan *thariqah* yang sama. Walaupun realitinya Hizbut Tahrir masih belum berjaya mencapai objektifnya hingga ke hari ini, namun Hizbut Tahrir tidak pernah merubah *thariqahnya* sedikit pun, dan hakikat ini diketahui oleh seluruh dunia. Justeru, fatwa JFNJ di atas sungguh luar biasa anehnya!

Cara JFNJ mengeluarkan fatwa terhadap Hizbut Tahrir menunjukkan bahawa fitnah merupakan ciri-ciri utama di dalamnya. JFNJ bukan sahaja tidak mahu *bertabayyun*, malah tidak mengkaji dengan secukupnya mengenai Hizbut Tahrir, tetapi tetap mahu mengeluarkan fatwa atas dorongan hawa yang tidak dapat dibendung. Maka, keluarlah bermacam jenis fitnah, cerita rekaan dan pendustaan yang tidak masuk akal, yang dikeluarkan tanpa malu oleh JFNJ.

Jika JFNJ ada sedikit perasaan malu kepada Allah (swt), nescaya JFNJ akan mengkaji bagaimanakah *thariqah* Hizbut Tahrir dalam menegakkan Khilafah. Jika JFNJ tidak memahaminya atau menginginkan kepastian, maka JFNJ dengan mudah boleh berjumpa dan bertanya kami sendiri akan hal itu, dan kami sangat sukacita untuk menjelaskannya. Sayangnya JFNJ tidak berbuat demikian dan memilih jalan singkat dalam rangka untuk memfitnah Hizbut Tahrir.

Wahai JFNJ, ketahuilah bahawa *thariqah* dakwah Hizbut Tahrir sudah tertuang dalam ribuan penulisan dan ucapan kami di seluruh dunia, yang boleh dibaca dan didengar oleh setiap orang yang mempunyai penglihatan dan pendengaran. Kami tidak pernah menyembunyikannya dan kami tidak pernah berbohong mengenainya. Tidak pernah wujud dalam penulisan mahupun ucapan kami yang menyatakan bahawa dakwah kami akan ditukar caranya, dan merupakan dakwah yang salah, jika tidak berjaya selepas 23 tahun. Cukuplah pendustaan anda wahai JFNJ! Malulah sedikit kepada Allah (swt) dengan pendustaan yang anda lakukan!

Kami ulangi dan kami ringkaskan di sini akan *thariqah* dakwah yang diambil oleh Hizbut Tahrir untuk perhatian anda, dan anda juga seharusnya mengambil *thariqah* yang sama dan turut sama berjuang untuk menegakkan Khilafah, kerana ia merupakan *thariqah* Rasulullah (saw) dalam menegakkan Daulah Islam:-

Thariqah (metode) yang ditempuh oleh Hizbut Tahrir dalam memikul dakwah adalah berdasarkan hukum-hakam syarak yang diambil dari *thariqah* perjalanan dakwah Rasulullah (saw), kerana Rasulullah (saw) itu merupakan suri teladan yang wajib diikuti sebagaimana perintah Allah (swt) di dalam al-Quran. Melihat kepada realiti di mana kaum Muslimin pada hari ini (setelah kejatuhan Khilafah) hidup di dalam Darul Kufur kerana para penguasa mereka menerapkan hukum selain daripada apa yang diturunkan oleh Allah (swt), maka keadaan negeri kaum Muslimin pada hari ini sama sahaja seperti Makkah, yang merupakan Darul Kufur ketika Rasulullah (saw) diutus. Oleh yang demikian, **dalam aspek kewajipan mendirikan Negara Islam**, Hizbut Tahrir telah menjadikan fasa Makkah sebagai acuan dalam dakwah dan menjadikan segala aktiviti Rasulullah (saw) pada waktu itu sebagai teladan.

Dengan meneladani dan mendalami sirah Rasulullah (saw) semasa di Makkah sehingga baginda berjaya mendirikan Daulah Islamiyah di Madinah, akan tampak jelas bahawa baginda menjalankan dakwahnya melalui beberapa peringkat yang sangat nyata ciri-cirinya. Baginda juga melakukan aktiviti-aktiviti tertentu yang amat jelas tujuan-tujuannya. Daripada jejak langkah Rasulullah (saw) inilah, Hizbut Tahrir mengambil *thariqah* dakwah dan tahapan-tahapannya berserta aktiviti-aktiviti yang wajib dilakukan pada seluruh tahapan ini iaitu dengan menjadikan seluruh aktiviti Rasulullah (saw) sebagai teladan pada seluruh tahapan dakwah. Berdasarkan apa yang dilakukan oleh Rasulullah (saw) tersebut, Hizbut Tahrir menetapkan *thariqah* dakwahnya dalam tiga *marhalah* (tahapan) berikut:

Pertama: Marhalah *tasqif wa taqwin* (tahapan pembinaan dan pengkaderan), untuk mewujudkan kader-kader yang memegang pemikiran dan metode Hizbut Tahrir untuk membentuk kerangka dan bergerak dalam sebuah parti;

Kedua: Marhalah *tafa'ul ma'al ummah* (tahapan interaksi dengan umat), agar umat turut memikul kewajiban dakwah Islam sehingga umat menjadikan Islam sebagai permasalahan utamanya serta supaya umat berjuang untuk mewujudkannya dalam realiti kehidupan.

Ketiga: Marhalah *istilam al-hukm* (tahapan mengambil alih kekuasaan dan menerapkan Islam secara menyeluruh dan sempurna) serta menyebarkan risalah Islam ke seluruh dunia.

Tahapan pertama telah dirintis oleh Hizbut Tahrir di al-Quds, Palestin pada tahun 1372 H (1953 M) melalui tangan pengagasnya yang alim lagi dihormati, seorang pemikir besar serta ahli politik yang ulung yang juga seorang qadhi di Mahkamah Rayuan al-Quds iaitu Syeikh Taqiyuddin an-Nabhani (*rahimahullah*). Pada masa itu Hizbut Tahrir telah melakukan hubungan secara langsung dengan anggota-anggota masyarakat, mengetengahkan kepada mereka *fikrah* dan *thariqah* Hizbut Tahrir secara per individu. Sesiapa yang menerima dakwahnya, diatur untuk melakukan pengajian intensif dalam *halqah-halqah* (kelas) hingga ia menyatu dengan pemikiran Islam serta hukum-hakamnya. Pemikiran dan hukum-hakam ini kemudian diambil dan dijadikan pedoman yang seterusnya menjadikannya seorang Muslim yang memiliki *syakhsyiyah Islamiyyah* (keperibadian Islam) dan akhirnya bergerak memikul dakwah Islam kepada umat manusia.

Selepas Hizbut Tahrir berjaya membentuk kelompok parti dan masyarakat mula merasakan serta mengenalnya berserta pemikiran-pemikirannya dan merasai apa yang diserukan oleh Hizbut Tahrir kepada masyarakat, maka Hizbut Tahrir beralih ke tahapan yang kedua iaitu tahapan berinteraksi dengan umat agar umat turut memikul dakwah Islam. Dalam tahapan ini, Hizbut Tahrir berusaha membentuk *wa'yu wa ra'yul am* (kesedaran dan pandangan umum) mengenai pemikiran dan hukum-hakam Islam yang telah *ditabanni* oleh Hizbut Tahrir hingga dijadikan sebagai pemikiran umat yang seterusnya (umat) akan berusaha mewujudkannya ke dalam realiti kehidupan serta ia (umat) berjalan bersama dengan Hizbut Tahrir untuk mendirikan Daulah Khilafah, melantik seorang Khalifah untuk mengembalikan semula kehidupan Islam dan memikul dakwah Islam ke seluruh penjuru alam.

Pada tahapan ini, Hizbut Tahrir mula beralih kepada penyampaian yang lebih menyeluruh dan kolektif dengan melakukan aktiviti-aktiviti berikut:

(1) *Tasqif murakkazah* (pembinaan intensif) melalui *halqah-halqah* yang diadakan untuk individu-individu (yang bergabung dengan Hizbut Tahrir) dalam rangka mengembangkan tubuh parti, meramaikan penyokong serta mewujudkan individu-individu yang bersyakhshiyah Islam yang mampu memikul dakwah, mengharungi medan dakwah dengan pergolakan pemikiran dan perjuangan politik.

(2) *Tasqif jama'iyyah* (pembinaan massa), yang disampaikan kepada umat secara umum dengan pemikiran serta hukum-hakam Islam yang telah *ditabanni* oleh Hizbut Tahrir. Ini dilakukan dalam pengajian-pengajian umum di masjid-masjid atau di forum-forum, seminar-seminar dan tempat-tempat berkumpul, juga melalui media massa, buku-buku dan nasyrah-nasyrah, penerbitan dan termasuklah internet, bagi mewujudkan kesedaran umum pada diri umat dan berinteraksi dengan mereka.

(3) *Ash-shira' al-fikri* (pertarungan pemikiran), untuk menentang kepercayaan/ideologi kufur, sistem, undang-undang, peraturan serta semua akidah yang rosak, pemikiran yang keliru dan persepsi yang salah, dengan menjelaskan kepalsuan, kesalahan dan pertentangannya dengan Islam; juga membersihkan umat dari semua pengaruh dan implikasinya.

(4) *Al-kifah as-siyasi* (perjuangan politik), dalam bentuk perjuangan menghadapi negara-negara kafir penjajah yang menguasai dan mendominasi negeri-negeri Islam dan menghadapi semua bentuk penjajahan sama ada berupa pemikiran, politik, ekonomi mahupun ketenteraan, menyingkap agenda mereka dan membongkar persekongkolan mereka, demi membersihkan umat daripada kekuasaan mereka dan membebaskan umat daripada sebarang pengaruh dan dominasi mereka. Perjuangan politik juga dilakukan dalam bentuk penentangan terhadap penguasa-penguasa di negeri-negeri Arab dan negeri lainnya, membongkar kejahatan mereka, menyampaikan nasihat atau kritikan dan berusaha untuk mengubah mereka setiap kali mereka melahap hak-hak umat atau pada ketika mereka tidak melaksanakan kewajipan mereka terhadap umat atau ketika mereka mengabaikan salah satu urusan umat dan setiap kali mereka menyalahi hukum-hakam syarak. Perjuangan politik ini dilakukan oleh Hizbut Tahrir dalam rangka melenyapkan kekuasaan mereka, dan menggantikannya dengan kekuasaan Islam.

(5) Mengambil dan menetapkan kemaslahatan umat dan memelihara semua urusannya sesuai dengan hukum-hakam Islam. Hizbut Tahrir telah melaksanakan semua aktiviti ini dengan mengikuti jejak langkah yang dilakukan Rasulullah (saw) setelah turunnya ayat di mana baginda diperintah berdakwah secara terang-terangan. Rasulullah (saw) menyeru orang-orang Quraisy ke Bukit Safa dan memberitahu mereka bahawa baginda adalah seorang Nabi yang diutus dan meminta supaya mereka beriman kepadanya (mengakui kerasulannya). Rasulullah (saw) mula menyampaikan dakwahnya kepada kelompok-kelompok manusia mahupun kepada individu-individu secara terbuka. Baginda menentang orang-orang Quraisy, menentang sistem dan undang-undang Jahiliyah, menentang kepercayaan dan tuhan-tuhan mereka serta akidah dan pemikiran mereka, dengan menjelaskan kerosakan dan kesalahannya. Ayat-ayat al-Quran turun dan menyerang apa yang dilakukan oleh orang-orang Quraisy seperti menyembah berhala, memakan riba, membunuh anak perempuan hidup-hidup, mengurangkan timbangan, melakukan perzinaan dan lain-lain.

Demikianlah Hizbut Tahrir, dalam menyampaikan dakwah Islam dan menghadapi pemikiran-pemikiran lain yang menyimpang dari Islam, menghadapi kelompok-kelompok yang lain, serta dalam menghadapi negara-negara kafir penjajah dan para penguasa, sikap Hizbut Tahrir dalam perkara ini adalah menyampaikan pendapatnya secara terang-terangan, menyerang dan mencabar (dari segi pemikiran), tidak dengan cara *nifaq* (berpura-pura), mengampu, bermanis muka terhadap mereka, berbelit-belit dan tidak juga dengan cara mengutamakan jalan yang lebih selamat. Hal ini dilakukan oleh Hizbut Tahrir tanpa melihat lagi apakah akibat yang bakal ditanggung atau terpengaruh dengan situasi. Hizbut Tahrir menentang semua perkara mahupun pihak yang menyimpang dari Islam dan hukum-hakamnya, walaupun ternyata hal ini telah menyebabkan Hizbut Tahrir dan anggotanya menerima ujian yang pedih daripada para penguasa

sama ada dipenjara, diseksa, dihalau, dipantau, diputuskan mata pencariannya dan diboikot kepentingannya serta dihalang keluar dari negara dan malah dibunuh.

Meskipun dalam menempuh perjalanannya, Hizbut Tahrir menyampaikan dakwah secara terang-terangan, mencabar sesuatu yang bertentangan dengan Islam, namun Hizbut Tahrir telah menghadkan aktiviti dalam aspek politik tanpa menempuh jalan kekerasan/bersenjata) dalam menentang para penguasa atau menentang orang yang menghalang jalan Islam. Hal ini kerana Hizbut Tahrir adalah sebuah parti politik dan mengikuti *thariqah* dakwah Rasulullah (saw) di Makkah yang terhad kepada dakwah secara lisan/pemikiran tanpa melakukan apa jua aktiviti yang bersifat kekerasan atau mengangkat senjata sehinggalah baginda berhijrah dan berdirinya Daulah Islamiyyah di Madinah al-Munawwarah.

Tatkala masyarakat telah menjadi beku (statik) dengan seruan Hizbut Tahrir akibat hilangnya kepercayaan umat terhadap para pemimpin dan tokoh-tokoh mereka yang pernah menjadi tumpuan harapan mereka; juga akibat keadaan yang serba sukar yang sengaja dibuat oleh kaum penjajah supaya taktik penjajahan mereka tetap berlangsung; di samping akibat dominasi kekuasaan dan sikap keras dan kejam para penguasa yang menindas rakyatnya dan juga penganiayaan kejam yang dilakukan oleh para penguasa terhadap Hizbut Tahrir dan para anggotanya; pada masa masyarakat telah menjadi beku akibat keadaan ini, maka Hizbut Tahrir mula melakukan aktiviti *thalab an-nusrah* (mencari pertolongan) daripada *ahlu al-quwwah* (golongan yang memiliki kekuatan).

Perkara ini dilakukan untuk dua tujuan. Pertama: untuk tujuan *himayah* (membela Hizbut Tahrir bersama anggota-anggotanya), agar tetap mampu untuk memikul dakwahnya dalam keadaan aman. Kedua: sebagai perantara untuk meraih kekuasaan dengan mendirikan Khilafah dan menerapkan Islam.

Dengan *nushrah* (pertolongan) yang diberikan oleh *ahlu al-quwwah*, maka Insya Allah Hizbut Tahrir akan berjaya menegakkan kembali Daulah Khilafah. Hal ini sudah pasti berjalan seiring dengan kejayaan Hizbut Tahrir membentuk *wa'yu* dan *ra'yul am* dalam tubuh umat serta mendapat dukungan daripada umat, di samping persediaan rapi Hizbut Tahrir itu sendiri untuk memikul amanah pemerintahan sebagaimana yang dibebankan oleh Allah (swt).

Hizbut Tahrir mengakui bahawa usaha menegakkan Khilafah bukanlah mudah dan tidak ada jalan yang singkat untuk mencapai kemenangan, namun apa yang penting ialah untuk kita melakukan perjuangan yang bertepatan dengan syarak, yakni dengan mengikuti sepenuhnya *thariqah* yang ditunjukkan oleh Rasulullah (saw) dan bukan mencipta *thariqah* kita sendiri dan bukan juga dengan mengikuti *thariqah* demokrasi yang diajarkan oleh Barat. Dengan izin Allah (swt), fajar Khilafah akan menyingsing tidak lama lagi melalui tangan para pejuangnya yang ikhlas, dan tiada siapa pun yang dapat menghalangnya, sebagaimana tiada siapa yang dapat menghalang terbitnya matahari di pagi hari.

Nah, begitulah dakwah Hizbut Tahrir wahai JFNJ, yang kami nyatakan dengan jelas lagi nyata dan sering kami ulang di mana pun jua. Adakah anda nampak di situ yang kami menyebut bahawa

jika kami tidak berjaya setelah 23 tahun, maka kami akan menukar cara dakwah kerana cara dakwahnya salah?!

4.6 Mengancam keharmonian dan keselamatan negara, antaranya:

(a) Penolakan terhadap sistem pilihan raya, akan mendatangkan kesan negatif terhadap peratusan keluar mengundi orang Islam yang boleh mengancam kelangsungan penguasaan politik umat Islam.

Dalam keseluruhan Butiran 4.6 ini, niat jahat JFNJ terzahir umpama matahari di siang hari apabila cuba mengaitkan Hizbut Tahrir dengan ancaman keharmonian dan keselamatan negara. Tuduhan palsu penuh pendustaan ini menunjukkan betapa tebalnya debu yang menutupi hati JFNJ, dan betapa rapatnya JFNJ menutup mata terhadap fakta dan kebenaran, apabila berbicara tentang Hizbut Tahrir. Kalaulah ada sekelumit keikhlasan dalam diri JFNJ terhadap Hizbut Tahrir, nescaya pembohongan seperti ini tidak akan pernah keluar daripada sebuah badan agama seperti ini.

Dari sudut lain, kami ingin bertanya sejak bilakah urusan keharmonian dan keselamatan negara berada di bawah autoriti JFNJ?

Untuk menjawab Butiran 4.6 (a) ini, kami ingin membahagikan Butiran ini kepada tiga poin kecil, dan kami akan menjawabnya satu per satu:

(i) Benarkah Hizbut Tahrir menolak sistem pilihan raya?

Kami telah pun menerangkan sejak sekian lama pendirian kami mengenai pilihan raya, dan kami ulangi lagi di dalam jawapan 4.3 (d). Jika JFNJ telah membaca jawapan kami di Butiran 4.3 (d), kami yakin JFNJ telah memahaminya. Bagaimana pun, sebagai tambahan, kami perjelaskan lagi di sini. Kami tidak pernah menolak sistem pilihan raya secara mutlak, tetapi apa yang kami tolak ialah sistem demokrasi secara mutlak. Penolakan kami terhadap sistem pilihan raya hanyalah kepada sistem pilihan raya dalam sistem demokrasi sejauh mana ia bertentangan dengan syarak. Kami telah jelaskan bahawa Islam memperbolehkan pilihan raya, dan dalam sistem Islam (sistem Khilafah), pilihan raya mungkin sahaja akan diadakan untuk memilih Khalifah dan memilih anggota Majlis Umat. Apa yang perlu difahami ialah pilihan raya dalam sistem Islam berbeza sama sekali dengan pilihan raya dalam sistem demokrasi.

Dalam sistem demokrasi, pilihan raya diadakan untuk memilih wakil (atau memilih ketua negara, di sesetengah negara) untuk pergi ke Parlimen yang merupakan Majlis Tasyri' (tempat pembuatan undang-undang). Boleh dikatakan kesemua calon yang bertanding adalah bertujuan untuk melakukan hal ini, iaitu pergi ke Parlimen dan membuat undang-undang. Majlis Tasyri' itu sendiri merupakan suatu keharaman dalam Islam, kerana dalam Islam, manusia tidak boleh (haram) untuk membuat hukum. Hak tasyri' (membuat hukum) hanya ada pada Allah (swt). Dialah satu-satunya Musyarri' (*Legislator*) dan Dia tidak pernah memberikan hak ini kepada mana-mana manusia!

Atas dasar itulah, siapa pun yang bertanding dalam rangka menunaikan fungsi ini (menjadi *Legislator*), maka ia merupakan satu keharaman, dan siapa yang mengundinya juga adalah haram apabila mengetahui bahawa calon yang diundi itu akan pergi ke Parlimen untuk menjalankan

fungsi tasyri'. Manusia tidak boleh (haram) membuat undang-undang, jadi manusia juga tidak boleh mewakilkan kepada manusia lain untuk membuat undang-undang. Maka berdasarkan kaedah syarak, *al-wasilatu ila al-haram, haram (apa-apa jalan yang menuju kepada haram hukumnya juga haram)*, ini bermaksud menjadi calon atau mengundi/mewakilkan calon yang diketahui akan melakukan keharaman, adalah juga haram. Inilah hakikat sistem pilihan raya dalam sistem demokrasi. Atas dasar itulah kami katakan bahawa ia adalah haram. Pengecualian hanya berlaku dengan syarat-syarat sebagaimana yang telah kami sebutkan dalam jawapan 4.3 (d).

Berdasarkan tuduhan anda ini (bahawa Hizbut Tahrir menolak sistem pilihanraya), jelas menunjukkan yang anda hanya mengeluarkan fatwa yang bersifat separuh masak, atau hanya suku masak sahaja, terhadap pandangan Hizbut Tahrir. Kelalaian anda untuk mengkaji dengan mendalam dan menyeluruh, serta penolakan anda untuk melakukan *tabayyun* yang diwajibkan oleh Islam, telah meletakkan diri anda ke dalam kubang kesalahan setiap kali anda berbicara tentang Hizbut Tahrir.

Berhubung dengan perbezaan antara pilihan raya dalam sistem demokrasi dan sistem Khilafah, kami telah lama menghuraikannya dan telah banyak kali menjelaskannya. Berikut ini kami paparkan sedutan daripada Sautun Nahdhah Siri ke-346 yang dikeluarkan pada 11/04/2013, mengenai perbezaan antara kedua-duanya. Antaranya ialah:-

(1) Asas - Pilihan raya dalam sistem demokrasi diasaskan pada falsafah dasar demokrasi itu sendiri, iaitu pemisahan agama dari kehidupan (*faslu deen anil hayah – secularism*). Sedangkan pilihan raya dalam sistem Islam didasarkan pada akidah Islam yang tidak pernah mengenal pemisahan agama dari kehidupan.

(2) Prinsip – Pilihan raya dalam sistem demokrasi didasarkan kepada prinsip *as-siyadah li asy-sya'bi* (kedaulatan di tangan rakyat) sehingga rakyat, di samping mempunyai hak memilih penguasa, juga berhak membuat hukum. Sebaliknya pilihan raya dalam sistem Islam didasarkan kepada prinsip *as-siyadah li asy-syar'ie* (kedaulatan di tangan syarak), bukan di tangan rakyat. Jadi, meskipun rakyat berhak memilih pemimpinnya, namun kehendak rakyat wajib tunduk pada syarak (hukum al-Quran dan as-Sunnah). Rakyat (melalui wakilnya) sama sekali tidak boleh membuat hukum sebagaimana yang berlaku dalam demokrasi.

(3) Pilihan raya sebagai *thariqah* (metodologi) – Dalam sistem demokrasi, pilihan raya menjadi *thariqah* (metode) yang tetap untuk meraih kekuasaan dan mewujudkan kedaulatan rakyat. Sedangkan dalam sistem Islam, pilihan raya hanya merupakan salah satu *uslub* (cara/sarana) untuk memilih penguasa yang dibaiaat untuk menjalankan hukum Allah (swt). Dalam sistem Islam, pilihan raya juga menjadi *uslub* untuk memilih wakil rakyat ke Majlis Umat @ Majlis Syura yang berfungsi sebagai tempat untuk menyampaikan muhasabah dan memberi input kepada penguasa.

(4) Keterlibatan rakyat dalam pilihan raya – Demokrasi menetapkan syarat umur tertentu (yang bercanggah dengan Islam) untuk membolehkan rakyat mengundi dan mereka berhak memilih

wakil rakyat tidak kira Muslim mahupun kafir, sehinggakan berapa ramai non-Muslim yang memenangi pilihan raya dan seterusnya dilantik menduduki jawatan pemerintah, suatu hal yang jelas haram menurut Islam. Sedangkan dalam sistem Islam, seluruh rakyat yang mencapai umur baligh (15 tahun) berhak mengundi, manakala non-Muslim hanya berhak mengundi wakil mereka (yang non-Muslim sahaja) ke Majlis Umat dan terhad kepada hal memuhasabah penguasa dalam perkara yang menyangkut kezaliman penguasa ke atas mereka. Orang-orang kafir tidak dibenarkan memegang sebarang jawatan pemerintahan, dan tidak dibenarkan memberi apa-apa pendapat tentang hal-ehwal Islam.

(5) Orang yang berhak dipilih, fungsi dan tugasnya – Syarat atau kriteria orang yang berhak dipilih dalam sistem demokrasi ditentukan oleh undang-undang buatan manusia seperti mencapai umur tertentu, tidak bankrap, tidak pernah dipenjarakan, pemegang kad pengenalan biru dan seumpamanya. Oleh kerana pilihan raya dalam sistem demokrasi merupakan manifestasi kedaulatan rakyat, maka wakil-wakil yang dilantik akan bertugas membuat hukum atau undang-undang mengikut (kononnya) kehendak rakyat. Dengan kata lain, orang yang dilantik akan bertindak sebagai ahli lembaga legislatif. Sedangkan dalam sistem Islam, syarat kelayakan wakil rakyat ditentukan oleh hukum syarak yang digali dari nas. Majlis Umat bukanlah lembaga legislatif, melainkan hanya lembaga perwakilan, yang akan menyalurkan muhasabah dan masukan dari umat kepada penguasa. Majlis Umat (Majlis Syura) tidak boleh (haram) membuat undang-undang kerana ia adalah hak Allah (swt) semata-mata.

(6) Ketua negara yang akan dipilih – Setelah memenangi pilihan raya dalam sistem demokrasi, parti yang menang majoriti akan melantik ketua kerajaan yang dikenali sebagai Perdana Menteri atau Presiden, yang akan menerapkan hukum buatan manusia. Demokrasi membenarkan seseorang menjadi ketua negara walaupun dia terkenal fasiq atau zalim, seorang perempuan mahu pun seorang kafir. Sedangkan pilihan raya dalam sistem Islam adalah untuk memilih ketua negara yang bergelar Khalifah, yang akan menerapkan hukum Allah (swt). Islam juga telah menetapkan syarat Khalifah iaitu hendaklah seorang Muslim, lelaki, baligh, berakal, adil, merdeka dan mampu. Hal ini ditambah dengan syarat-syarat keutamaan seperti seorang yang pakar dalam peperangan, mujtahid, berasal dari keturunan Quraisy, pemberani dan sebagainya. Islam menetapkan bahawa ketua negara tidak boleh seorang perempuan, apatah lagi orang kafir. Orang kafir tidak boleh (haram) memegang apa sahaja jawatan pemerintahan dan mereka juga tidak diberikan hak mengundi (untuk melantik) Khalifah.

Nah, adakah anda nampak sekarang wahai JFNJ, bahawa kami tidak menolak sistem pilihan raya secara mutlak, tetapi kami menolak apa jua sistem yang haram dan *wasilah* kepada yang haram! Pertanyaan kami kepada anda ialah, adakah dengan kami menolak segala perkara yang haram ini, kami telah menyalahi akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah?

(ii) Benarkah Hizbut Tahrir mendatangkan kesan negatif terhadap peratusan keluar mengundi orang Islam?

Sebelum menjawab poin ini lebih lanjut, kami ingin bertanya JFNJ beberapa soalan. Pertama: Pernahkah JFNJ bertanya kepada setiap Muslim yang tidak keluar mengundi, atas sebab apakah

mereka tidak keluar mengundi? Apakah disebabkan oleh pengaruh Hizbut Tahrir? Kedua: Pernahkah JFNJ membuat kajian statistik berapa ramai dan berapa peratus daripada Muslim yang tidak keluar mengundi, berbuat demikian akibat mengikuti pendapat Hizbut Tahrir? Ketiga: Pernahkah JFNJ membuat statistik daripada 222 kawasan Parlimen dan 505 kawasan DUN (PRU-14), berapa ramaikah anggota Hizbut Tahrir yang berada di setiap kawasan, yang tidak keluar mengundi, sehingga telah memberi kesan negatif kepada undi orang Islam?

Pernahkah JFNJ melakukan semua itu sehingga JFNJ mendakwa Hizbut Tahrir telah memberi kesan negatif terhadap peratusan keluar mengundi orang Islam?

Jika JFNJ telah melakukannya dan terbukti benar, setidaknya-tidaknya ada juga sedikit kebenaran dengan fatwa JFNJ dalam poin ini. Namun, jika kajian tidak pernah dilakukan, dan kami yakin memang tidak pernah dilakukan, maka fatwa JFNJ ini sebenarnya tidak lebih daripada andaian semata-mata, andaian yang dibuat dalam rangka ingin memburukkan Hizbut Tahrir. Jadi soalan kami seterusnya, bagaimana sebuah fatwa dikeluarkan hanya atas andaian semata-mata?

Namun demikian, jika benar sekali pun ada Muslim yang tidak keluar mengundi kerana terpengaruh dengan pendapat Hizbut Tahrir, maka kami mengucapkan syukur ke hadrat Allah (swt) kerana telah memberikan kesedaran kepada mereka.

Wahai JFNJ, ketahuilah bahawa piawai kami ialah hukum syarak (halal dan haram), bukannya kesan positif atau negatif dari sesuatu perbuatan. Jika sesuatu perbuatan itu memberi kesan positif sekalipun, tetapi ia bercanggah dengan hukum syarak, atau dengan kata lain ia adalah suatu yang haram, maka kami tidak akan melakukannya. Bahkan, kami akan menasihati kaum Muslimin untuk tidak melakukannya. Inilah piawai kami, dan inilah piawai yang wajib ada pada setiap Muslim setiap kali ingin melakukan suatu perbuatan. Piawainya mudah sahaja, iaitu halal atau haram. Jika halal atau mubah, maka silakan, tetapi jika haram, maka jangan dilakukan.

Hizbut Tahrir melihat semuanya dari pandangan syarak semata-mata, bukan dari pandangan manfaat, bukan dari kesan positif atau negatif. Ketahuilah wahai JFNJ bahawa riba itu mungkin bermanfaat untuk perkembangan ekonomi negara, dan mungkin sahaja banyak kesan positif lainnya untuk ekonomi, namun kami tetap akan menyatakannya haram, kami tidak akan mengambilnya, dan kami akan menasihati kaum Muslimin agar jangan mengambilnya, walau manfaatnya setinggi gunung Kinabalu sekali pun!

Kami yakin anda masih ingat bahawa pada tahun 2007, PAS telah memboikot pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam (Pahang) dan DUN Machap (Melaka). Kerusi Machap akhirnya dimenangi oleh orang kafir. Ini belum lagi mengambil kira berapa banyak ugutan yang telah dikeluarkan oleh parti politik itu dan ini, yang mereka akan memboikot pilihan raya di kawasan itu dan ini.

Berdasarkan fatwa anda, bukankah apa yang telah dilakukan oleh PAS itu mendatangkan kesan negatif kepada peratusan mengundi orang Islam? Bahkan dengan berbuat demikian, orang kafir telah berjaya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri! Di manakah fatwa anda pada waktu itu

untuk memutuskan bahawa akidah PAS telah menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana memboikot pilihan raya? Di manakah fatwa anda bahawa PAS telah mengancam keharmonian dan keselamatan negara, kerana telah memboikot pilihan raya? Apa pun, masih belum terlambat untuk anda mengeluarkan fatwa anda sekarang ke atas PAS, bahawa PAS telah menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana pendirian mereka pada tahun 2007 tersebut!

(iii) Benarkah Hizbut Tahrir mengancam kelangsungan penguasaan politik umat Islam?

Menurut JFNJ, hasil dari penolakan Hizbut Tahrir terhadap sistem pilihanraya, ia membawa kepada kesan negatif terhadap peratusan keluar mengundi umat Islam, dan akhirnya mengancam kelangsungan penguasaan politik umat Islam. Benarkah ancaman kepada kelangsungan penguasaan politik umat Islam adalah angkara Hizbut Tahrir?

Ini satu lagi fitnah yang cukup terang benderang ke atas Hizbut Tahrir, yang dalam masa sama menunjukkan kebejatan intelektual pihak yang memfitnah! Tidakkah JFNJ pernah membaca ribuan penulisan kami atau mendengar ribuan ceramah kami, di mana kami menyatakan dengan jelas, tanpa berlapik dan tanpa berkias, bahawa haram hukumnya bagi umat Islam memilih atau melantik orang kafir sebagai pemimpin?

Pemerintahan negara wajib berada di tangan orang Islam sepenuhnya, dan haram bagi umat Islam memberikan kekuasaan atau menjadikan orang kafir menguasai kita. Hal ini sekali gus bermaksud bahawa **segala urusan politik wajib dikuasai oleh orang Islam**. Ada pun orang-orang kafir, mereka dibenarkan untuk terlibat (dan boleh menjadi ketua) dalam perkara yang bersifat administratif sahaja, yakni yang tidak melibatkan pemerintahan. Itu pun jika mereka mempunyai kelayakan profesional untuk jawatan tersebut. Perkara ini diulang oleh Hizbut Tahrir ribuan kali tanpa jemu dalam banyak penerbitan Hizbut Tahrir. Sayangnya JFNJ tidak pernah membacanya, atau telah membacanya tetapi hawa telah menguasai JFNJ untuk tetap memfitnah Hizbut Tahrir!

Sesungguhnya Hizbut Tahrir berpegang kepada firman Allah (swt):

﴿وَلَنْ يَجْعَلَ اللَّهُ لِلْكَافِرِينَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا﴾

“Allah sekali-kali tidak akan memberikan jalan kepada orang-orang kafir untuk menguasai orang-orang beriman” [An-Nisa’ (4): 141].

Menyerahkan kepemimpinan kepada orang kafir sama ertinya dengan memberi mereka jalan untuk menguasai kaum Muslimin, dan ini adalah haram. Pemerintahan (kekuasaan) merupakan jalan yang paling kuat untuk menguasai orang-orang yang diperintah. Lafaz “لَنْ” dalam ayat di atas yang berfungsi untuk menyatakan selamanya (*li ta’bid*) merupakan *qarinah* (indikasi) berupa larangan tegas untuk orang kafir memegang kekuasaan ke atas orang Islam, baik jawatan rendah, apatah lagi jawatan tinggi (dalam bidang pemerintahan). Hal ini kerana Allah (swt) telah mengharamkan sebarang jalan bagi orang kafir untuk menguasai kaum Mukmin. Oleh itu, adalah haram hukumnya bagi umat Islam menjadikan orang kafir sebagai penguasa atas mereka.

Selain daripada itu, dalam Islam “pemerintah” juga disebut dengan istilah *wali al-amri* dan Allah (swt) telah mensyaratkan bahawa *wali al-amri* wajib daripada kalangan kaum Muslimin sahaja. Firman-Nya:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ﴾

“Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul serta ulil amri di antara kalian” [An-Nisa’ (4): 59].

﴿وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِنَ الْأَمْنِ أَوْ الْخَوْفِ أَدَّاعُوا بِهِ سَوَءًا وَرَدُّهُ إِلَى الرَّسُولِ وَإِلَى أُولِي الْأَمْرِ مِنْهُمْ﴾

“Apabila datang kepada mereka suatu berita tentang keamanan ataupun ketakutan, mereka lalu menyiarkannya. Kalau saja mereka menyerahkannya kepada Rasul dan ulil amri di antara mereka...” [An-Nisa’ (4): 83].

Penggunaan kata *ulil amri* dalam ayat al-Quran tidak digunakan kecuali merujuk kepada kaum Muslimin sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa *wali al-amri* wajib seorang Muslim. Oleh kerana itu, dalam Islam, pemerintahnya wajib Muslim. Selain jawatan ketua negara, jawatan lain yang terkait dengan pemerintahan juga wajib dipegang oleh Muslim seperti Mu’awin Tafwidh (pembantu Khalifah dalam pemerintahan), wali (pemerintah di peringkat wilayah) dan amil (pemerintah di peringkat kawasan yang lebih kecil) dan seterusnya. Selain itu, *Qadhi* (Hakim) juga wajib Muslim, sama seperti *Amirul Jihad* (Ketua Tentera) serta banyak lagi jawatan lainnya yang syaratnya adalah Muslim.

Cukuplah sekadar dalil-dalil tersebut untuk kami nyatakan, kerana jika kami ingin paparkan segala penulisan kami mengenai perkara ini sahaja, nescaya akan memakan beratus-ratus muka surat.

Sekarang kami ingin bertanya JFNJ, apakah mata anda, dan hati nurani anda langsung tidak nampak bahawa sepanjang sejarah pilihan raya dan pemerintahan di Malaysia siapakah yang telah memilih, melantik dan menaikkan orang kafir ke pemerintahan?

Siapakah yang selama lebih 60 tahun melantik menteri-menteri daripada kalangan orang kafir, jika bukan UMNO yang merupakan parti pemerintah? Siapakah yang telah melantik orang-orang kafir ke jawatan-jawatan penting dalam negara sehingga mereka (orang-orang kafir tersebut) berada dalam posisi menguasai orang-orang Islam, jika bukan UMNO?

Siapakah yang selama puluhan tahun lamanya memberi sokongan bermati-matian kepada calon-calon kafir dalam pilihanraya di Malaysia, berkempen untuk mereka, dan mengundi mereka sehingga calon-calon kafir ini menang?

Siapakah yang selama puluhan tahun lamanya telah memberi sumbangan undi yang begitu banyak dalam satu-satu kawasan pilihan raya, kepada calon-calon kafir sehingga mereka menang dalam pilihan raya, jika bukan daripada kalangan pengundi Muslim itu sendiri? Hatta di kawasan

majoriti pengundi Muslim pun, calon-calon kafir boleh menang. Persoalannya, siapakah yang telah memberi undi kepada mereka sehingga mereka boleh menang? Adakah Hizbut Tahrir yang memberi undi kepada mereka?

Kami ingin bertanya anda wahai JFNJ, apakah pendirian anda bila suatu kawasan pilihanraya itu hanya ditandingi oleh calon-calon kafir sahaja, dan hakikatnya banyak kawasan seperti ini. Apakah nasihat anda kepada pengundi Muslim di situ? Adakah anda pernah mengeluarkan fatwa bahawa Muslim mana pun yang keluar mengundi dan mengundi orang kafir di kawasan tersebut, maka mereka berdosa kerana kesannya ialah mereka akan meletakkan kelangsungan politik Islam di tangan orang kafir? Mereka bukan sekadar berdosa, malah mereka telah menyalahi akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah! Dan bukan sekadar itu, mereka juga telah mengancam keharmonian dan keselamatan negara! Pernahkah anda mengeluarkan fatwa seperti ini, jika benar anda mahu meletakkan kelangsungan penguasaan politik di tangan orang Islam?

Kami yakin anda juga tahu bahawa PAS seringkali mengarahkan ahlinya untuk mengundi calon kafir, khususnya tatkala mereka bertahaluf dengan DAP suatu waktu dahulu. Di setiap tempat yang PAS tidak bertanding, dan DAP yang bertanding, maka PAS akan mengarahkan ahlinya untuk mengundi calon DAP walaupun calon itu seorang kafir. Malah dalam perkembangan kebelakangan ini PAS juga telah mengarahkan ahli-ahli mereka mengundi calon kafir dari parti komponen BN, apabila mereka (PAS) tidak bertanding di kawasan tersebut.

Di manakah fatwa anda terhadap PAS wahai JFNJ, tatkala PAS secara terang-terangan menyokong dan mengarahkan ahlinya menyokong calon kafir, sehingga calon kafir tersebut akhirnya menang? Bukankah ini telah mengancam kelangsungan politik umat Islam, dan bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagaimana dakwaan anda? Di manakah fatwa anda terhadap PAS wahai JFNJ?

Kami juga ingin bertanya kepada anda wahai JFNJ, dan silalah jawab soalan kami dengan jujur, adakah anda tidak pernah mengundi calon kafir? Jika tidak, baguslah...namun soalan kami seterusnya, parti manakah yang anda sokong dan dukung selama ini, jika bukan parti yang menyokong dan memberi jawatan kepada orang kafir dalam pemerintahan?

Lalu, kenapa anda tidak mengeluarkan fatwa ke atas UMNO yang selama ini menyokong dan mendukung calon kafir daripada Barisan Nasional, yang telah menyebabkan kelangsungan penguasaan politik umat Islam terancam?

Kenapa anda tidak mengeluarkan fatwa ke atas UMNO, sedangkan selama ini UMNO-lah yang telah melantik dan meredhai orang-orang kafir ke jawatan-jawatan pemerintahan dalam negara, sehingga menjadikan orang-orang kafir tersebut menguasai orang-orang beriman? Kenapakah tiada fatwa daripada anda ke atas UMNO bahawa UMNO telah menyalahi akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah?

Lihatlah sejarah Malaysia, lihatlah sejarah Pulau Pinang dan Sabah yang mana Ketua Menteri mereka adalah non-Muslim yang direstui pelantikannya oleh UMNO, sedangkan ini jelas

merupakan jawatan pemerintahan, yang Allah (swt) haramkan ke atas orang Islam. Lalu di mana fatwa anda wahai JFNJ? Di mana fatwa anda untuk menyatakan bahawa UMNO telah menyalahi akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, kerana telah memberikan kekuasaan kepada orang kafir, yang telah mengancam kelangsungan penguasaan politik umat Islam?

Kami ingin bertanya anda lagi wahai JFNJ, **apakah mata anda dan hati nurani anda langsung tidak nampak bahawa sistem yang membenarkan orang-orang kafir memegang jawatan pemerintahan adalah sistem demokrasi?** Adakah anda langsung tidak nampak bahawa sistem demokrasi-lah yang sebenarnya membenarkan orang-orang kafir memegang jawatan, hatta jawatan tertinggi dalam sesebuah negara?

Adakah mata dan hati anda langsung tertutup sehingga anda tidak nampak bahawa sistem demokrasi-lah yang sebenarnya membenarkan orang-orang kafir bertanding dalam pilihan raya sehingga mereka boleh memegang jawatan dalam pemerintahan?

Adakah mata dan hati anda langsung tertutup untuk memahami bahawa sistem demokrasi-lah yang sebenarnya membenarkan orang-orang kafir terlibat dalam politik sehingga mereka boleh menguasai orang-orang Islam?

Adakah mata dan hati anda langsung tertutup bahawa sistem demokrasi-lah yang sebenarnya mengancam kelangsungan penguasaan politik umat Islam? Dan selagi sistem ini diamalkan, maka selagi itulah umat Islam akan sentiasa terancam dengan penguasaan oleh orang-orang kafir.

Malah, dengan penerapan sistem demokrasi itu sendiri sudah menjadikan umat Islam mengikuti orang-orang kafir, kerana sesungguhnya sistem itu sendiri berasal daripada orang-orang kafir!

Maka seharusnya fatwa anda ini ditujukan kepada sistem demokrasi, yang sebenar-benarnya menjadi ancaman kepada akidah dan kelangsungan penguasaan politik umat Islam!

Lalu kenapa anda tujukan fatwa anda kepada Hizbut Tahrir yang tidak pernah membenarkan orang kafir menguasai orang Islam, yang tidak pernah membenarkan orang kafir menjadi pemerintah, dan yang tidak pernah mengundi orang kafir pun!

Bukalah mata anda dan mata hati anda wahai JFNJ, dan ikhlaskanlah hati anda!

Ketahuiilah oleh anda bahawa satu-satunya sistem yang benar, yang tidak akan membenarkan orang kafir menguasai orang Islam ialah sistem Khilafah, yang diwarisi oleh umat Islam daripada Rasulullah (saw). Lihatlah sejarah wahai JFNJ, tidak pernah sistem Khilafah meletakkan orang kafir dalam pemerintahan mahupun jawatan-jawatan penting lainnya dalam negara. Orang kafir benar-benar berada di bawah penguasaan orang Islam, malah orang-orang kafir semuanya tunduk kepada sistem Islam. Tidak pernah ada seorang Khalifah pun pada mana-mana zaman, yang membenarkan orang kafir terlibat dalam pemerintahan. Inilah sistem yang benar, yang datangnya daripada Allah (swt) dan Rasul-Nya (saw), dan yang sedang diperjuangkan oleh Hizbut Tahrir sekarang ini. **Maka, jika anda tidak mahu politik umat Islam dikuasai oleh orang-orang**

kafir, campakkanlah sistem demokrasi dan berjuanglah bersama Hizbut Tahrir untuk menegakkan Khilafah!

Akhir sekali kami ingin bertanya anda, apakah kaitan antara dakwaan anda,

“penolakan terhadap sistem pilihan raya, akan mendatangkan kesan negatif terhadap peratusan keluar mengundi orang Islam yang boleh mengancam kelangsungan penguasaan politik umat Islam”.

dengan..

“mengancam keharmonian dan keselamatan negara”?

Adakah dengan menolak sistem pilihan raya sehingga mendatangkan kesan negatif kepada peratusan keluar mengundi orang Islam, dan boleh mengancam kelangsungan politik umat Islam, hal ini mengancam keharmonian dan keselamatan negara?! Aneh sungguh bagaimana anda boleh mengaitkan kedua-dua hal ini?! Jika dakwaan anda ini benar, sudah lama Malaysia ini huru-hara wahai JFNJ, kerana peratusan keluar mengundi umat Islam tidak pernah penuh setiap kali pilihan raya!

(b) Kesan dari ketidakstabilan politik ini akan menimbulkan krisis perkauman dan memberi kesan kepada keharmonian dan keamanan negara.

Kami telah pun menjelaskan pada poin sebelumnya bahawa tuduhan JFNJ ke atas Hizbut Tahrir sangat tidak berasas ditinjau dari sudut mana sekali pun. Tidak cukup dengan pendustaan JFNJ ke atas Hizbut Tahrir dengan isu-isu akidah dan fiqh, isu politik pun tidak mahu dilepaskan oleh JFNJ untuk didustakan...Subhanallah! Tuduhan anda ini wahai JFNJ, telah membuka pekung di dada anda sendiri, selain menunjukkan betapa rendahnya tahap kepekaan politik anda terhadap isu-isu yang berlaku di Malaysia.

Anda menuduh kami sebagai mengancam keharmonian dan keselamatan negara. Hakikatnya, sejak masuknya Hizbut Tahrir ke Malaysia, fakta telah pun berbicara, dan sedang berbicara sama ada benar atau tidak tuduhan anda itu. Sesungguhnya fakta tidak pernah berbohong, tetapi manusialah yang suka membohongi fakta! Sudah berapa banyakkah krisis perkauman yang berlaku di Malaysia ini yang disebabkan oleh Hizbut Tahrir wahai JFNJ?

Siapakah yang menyebabkan ketidakstabilan politik di Malaysia?

Biarlah kami mengingatkan anda wahai JFNJ, bahawa negara ini sekarang memang sedang mengalami ketidakstabilan politik, dan semua orang tahu mengenainya; dan ketidakstabilan ini telah lama pun berlaku, dan semua orang juga tahu mengenainya. Manakala kebelakangan ini kita menyaksikan ketamakan dan perebutan kuasa yang begitu dahsyat di Malaysia sehingga rakyat sudah menjadi mual dan muak dengan politik, di samping menyatakan kemarahan mereka yang amat sangat kepada para politikus.

Lebih buruk, perebutan kuasa ini berlaku di saat pandemik COVID-19 melanda Malaysia, dan melanda dunia. Kita menyaksikan tumbanganya kerajaan Pakatan Harapan dan bertakhtanya kerajaan baru yang menggelar diri mereka sebagai Perikatan Nasional yang dipimpin oleh parti Bersatu, tetapi hakikatnya ditunjangi oleh UMNO dengan kerjasama daripada PAS. Semua ini berlaku kerana percaturan politik mereka yang rakus, sehingga mereka sanggup mengkhianati sekutu masing-masing yang sebelum ini tidur sebantol dengan mereka. Lebih buruk, mereka sanggup mengkhianati rakyat yang mengundi mereka!

Kita menyaksikan berlakunya lompat parti dan peralihan sokongan secara drastik dan ugut-mengugut sesama mereka, untuk menukar sokongan, baik dari kalangan ahli-ahli Parlimen mahu pun DUN, yang tidak pernah disaksikan oleh sejarah selama ini! Semua kerakusan dan perebutan kuasa ini berlaku di depan mata rakyat Malaysia, tanpa mereka peduli terhadap kemarahan rakyat, kemuakan rakyat dan kebajikan rakyat. Amat jelas bahawa apa yang dipedulikan oleh ahli-ahli politik ini hanyalah parti masing-masing dan tembolok masing-masing sahaja.

Inilah yang menyebabkan ketidakstabilan politik kebelakangan ini wahai JFNJ, dan jika anda mempunyai penglihatan, anda akan nampak bahawa hal ini tiada kaitan dengan Hizbut Tahrir sedikit pun! Rakyat marah dan meluat, bukan kepada Hizbut Tahrir, tetapi kepada parti-parti politik yang bertanding dalam demokrasi yang telah membentuk pemerintahan mahu pun yang

menjadi blok pembangkang. Rakyat marah dan meluat, bukan kepada Hizbut Tahrir, tetapi kepada ahli-ahli politik, yang telah mengkhianati undi mereka dan mementingkan kuasa serta periuk nasi masing-masing. Rakyat kini telah sedar bahawa politikus dalam sistem demokrasi ini sama sahaja, sama-sama tamakkan kuasa dan habuan dunia. Disebabkan para politikus inilah, situasi politik di Malaysia tidak stabil. Seluruh rakyat tahu akan hal ini. Namun anda wahai JFNJ, anda menuduh Hizbut Tahrir yang telah menyebabkan ketidakstabilan politik! Sungguh ajaib tuduhan anda ini!

Rakyat tidak cukup makan, rakyat kehilangan pekerjaan, rakyat kehilangan punca pendapatan, rakyat menanggung hutang yang tidak mampu dibayar, rakyat hidup dalam kesusahan dan pelbagai penderitaan lainnya, manakala “wakil-wakil” mereka tetap hidup dalam kemewahan. Malah wakil-wakil mereka yang sudah kaya raya itu mendapat kereta baru yang mewah yang segalanya mereka perolehi secara percuma, sedangkan rakyat ingin membeli basikal untuk anak-anak pun tidak mampu! Inilah realitinya yang menyebabkan rakyat meluat dan marah. Apa pun yang menimpa rakyat, ahli-ahli politik demokrasi ini tidak pernah mempedulikan semua itu, kerana habuan dunia adalah segala-galanya bagi mereka. Mereka tetap berebut takhta hingga sekarang! Apakah ketidakstabilan politik ini semuanya merupakan salah Hizbut Tahrir? Di manakah anda meletakkan mata dan hati anda wahai JFNJ?

Tidakkah anda ketahui bahawa jauh sebelum ini pun politik Malaysia tidak pernah stabil. Isu penyelewengan dan rasuah tidak pernah berkesudahan, malah seakan-akan sudah menjadi santapan harian. Rasuah dan penyelewengan ini bukan melibatkan seringggit dua, tetapi berpuluh bilion ringgit yang melibatkan pemimpin-pemimpin besar negara, dan sampai sekarang kes mereka masih lagi berjalan di mahkamah. Isu pembunuhan berprofil tinggi di Malaysia turut menjadi lumrah, dan tidak pernah dapat diselesaikan. Ini belum masuk lagi statistik jenayah yang amat menakutkan saban hari sehingga rakyat hidup dalam ketakutan dan kerisauan. Semua keburukan ini hanyalah secebis berita yang dilaporkan, manakala yang tidak dilaporkan hanya Allah (swt) sahaja yang tahu. Semua ini telah mencetuskan ketidakstabilan politik di Malaysia. Adakah semua ini juga salah Hizbut Tahrir wahai JFNJ?

Sejarah moden Malaysia juga menyaksikan puluhan demonstrasi besar-besaran yang telah berlaku. Orang buta pun tahu tentang berapa banyak demonstrasi anjuran Bersih yang telah menggegarkan negara kerana jumlah demonstran yang luar biasa besarnya. Semua demonstrasi ini menuntut pilihan raya yang bersih, yang bermaksud semua orang tahu bahawa pilihan raya di Malaysia tidak pernah bersih! Ini antara bukti nyata betapa tidak stabilnya politik di Malaysia. Adakah ini semua berpunca daripada Hizbut Tahrir wahai JFNJ?

Ini belum masuk lagi demonstrasi menuntut pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) suatu waktu dulu, demonstrasi menuntut penghapusan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), demonstrasi membantah ratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD), dan banyak lagi. Dalam pada itu, terdapat pula segelintir pihak berkepentingan yang sengaja mencetuskan siri demonstrasi dan memainkan sesetengah isu demi meraih *political mileage*. Dengan kata lain, mereka sengaja mencipta ketidakstabilan politik, yang diharap akan memberi

keuntungan kepada mereka. Apakah semua ketidakstabilan ini juga disebabkan oleh Hizbut Tahrir wahai JFNJ?

Lebih buruk daripada semua itu, terdapat bukti yang telah pun didedahkan dan diakui sendiri oleh mereka yang terlibat bahawa parti-parti pemerintah dan pembangkang menjalin hubungan dengan Central Intelligence Agency (CIA). Kerjasama ini dijalin bagi mendapatkan sokongan badan perisikan Amerika itu dalam meneguhkan kedudukan politik masing-masing di Malaysia. Begitu juga dengan pendedahan yang dibuat sendiri oleh Presiden International Republican Institute (IRI) yang berpusat di Washington, Daniel Twining bahawa mereka membantu parti pemerintah dan pembangkang di Malaysia, sejak tahun 2002 lagi, bagi memperkuatkan kedudukan masing-masing dalam pilihan raya! Sedangkan Amerika Syarikat merupakan negara kafir harbi dan musuh Islam yang nyata! Apabila perkara ini telah terdedah, politik di Malaysia turut tergoncang. Adakah ini juga salah Hizbut Tahrir wahai JFNJ?

Jika anda memerhatikan politik Malaysia dengan teliti, dan yang paling penting, dengan ikhlas, sesungguhnya anda akan dapati bahawa ketidakstabilan politik di Malaysia ini tidak boleh lepas daripada sistem demokrasi yang diamalkan. Sistem ini mewujudkan manusia yang rakus untuk berkuasa, dan mewujudkan manusia yang tamak haloba dengan habuan yang terhidang apabila kuasa berada di tangan. Sistem ini penuh dengan penipuan, penindasan dan kezaliman, serta sangat mudah untuk dimanipulasi oleh mereka yang berkuasa, demi kepentingan kekuasaan mereka. Sistem ini jugalah yang menyebabkan dan membuka jalan kepada kuffar Barat untuk campur tangan dalam urusan negara. Atas dasar itulah kestabilan tidak pernah wujud dalam sistem ini.

Hizbut Tahrir berjuang untuk mewujudkan politik Islam (*siyasah syar'iyah*) yang bersih, yang berpandukan al-Quran dan as-Sunnah. Hizbut Tahrir mahukan politik Islam inilah yang diamalkan oleh semua pihak, khususnya pemerintah. Hizbut Tahrir menjelaskan makna politik yang sebenar menurut Islam iaitu *ri'ayah asy-syu'un al-ummah* (pengaturan urusan umat) yang bermaksud pemerintah wajib mengatur umat ini dengan hukum-hakam Islam. Manakala tugas-tugas parti politik pula ialah untuk memuhasabah pemerintah sekiranya terdapat kezaliman dan kelalaian dalam pemerintahan mereka. Sekiranya politik seperti ini diamalkan, maka sudah tentu negara akan stabil, kerana tidak ada pihak yang akan saling berebut kekuasaan atau berusaha untuk menjatuhkan atau memburukkan satu sama lain, sebagaimana yang terjadi dalam sistem demokrasi sekarang. Inilah yang diserukan dan diusahakan oleh Hizbut Tahrir iaitu supaya pemerintah, parti politik dan umat Islam, mengamalkan politik Islam, bukannya politik kotor di bawah demokrasi.

Malangnya anda wahai JFNJ, anda telah menyalahkan Hizbut Tahrir sebagai pihak yang mewujudkan ketidakstabilan politik dalam negara! Bukalah sedikit pintu hati anda untuk menerima cahaya kebenaran wahai JFNJ!

Siapa punca krisis perkauman?

Tuduhan JFNJ seterusnya ialah Hizbut Tahrir sebagai punca berlakunya krisis perkauman akibat ketidakstabilan politik yang disebabkan oleh Hizbut Tahrir.

Wahai JFNJ, kami yakin anda memahami bahawa negara Malaysia ini terbina daripada gabungan parti yang diasaskan atas dasar kaum iaitu UMNO, MCA dan MIC yang mewakili tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India. Begitu juga dengan parti-parti lain dari Sabah dan Sarawak yang bertanding dalam pilihan raya yang juga kebanyakannya diasaskan atas dasar kaum. Kewujudan parti baru, termasuklah Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), juga atas dasar kaum. Ini belum termasuk puluhan, atau mungkin ratusan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang berdiri atau diasaskan atas dasar kaum. Apa yang pasti, kewujudan NGO-NGO ini adalah tidak lepas daripada duluan (*precedent*) yang telah dicipta oleh parti-parti politik yang berasaskan kaum selama ini.

Setiap kali perhimpunan agung UMNO misalnya, isu ketuanan Melayu akan dibangkitkan. Ini belum masuk lagi acara-acara yang diselenggarakan dari semasa ke semasa atas tema Melayu. Pendek kata, isu ketuanan Melayu, dan apa jua yang terkait dengan bangsa Melayu sering dibincangkan di pelbagai platform. Semua ini menjadi pembakar kepada semangat Melayu. Pendek kata, api perkauman tidak pernah dipadamkan di bumi Malaysia ini. Atas dasar itu kita menyaksikan kaum Cina dan India juga terus memperjuangkan hak mereka dan menuntut kesetaraan, atau setidaknya menuntut lebih banyak keistimewaan sebagaimana yang dikecapi oleh orang Melayu. Pada bulan Oktober 2019 telah diadakan satu Kongres Maruah Melayu yang telah mengumpulkan ramai pemimpin politik Melayu. Kemudian, kaum Cina pula ingin mengadakan Kongres Organisasi Cina sebagai respons terhadap Kongres Maruah Melayu. Kesemua ini menimbulkan sentimen rasisme dan rangkaian perkauman yang tidak berkesudahan di Malaysia.

Wahai JFNJ, Hizbut Tahrir-kah yang mencetuskan semua semangat dan isu perkauman ini?

Sudah menjadi tabiat parti atau organisasi mana pun yang berasaskan kaum, bahawa mereka akan sentiasa berjuang dan mengutamakan kaum masing-masing, kerana sememangnya itulah matlamat penubuhan mereka. Malah parti politik yang berasaskan kaum sering memainkan isu-isu perkauman demi meraih sokongan pengikut mereka. Sudah tidak terhitung banyaknya kenyataan yang dikeluarkan oleh parti politik dan NGO Melayu yang telah mencetuskan polemik perkauman, yang tidak perlu kami sebut satu per satu di sini. Adakah mata anda sudah dimasuki oleh debu-debu yang dihembuskan oleh syaitan wahai JFNJ, sehingga anda tidak nampak bahawa parti politik dan NGO Melayu inilah yang sebenarnya telah mencetuskan krisis perkauman, ketidakstabilan politik dan menggugat keharmonian negara, yang semuanya dapat disaksikan di hadapan mata sejak dulu hingga sekarang! Sebaliknya anda menuduh Hizbut Tahrir sebagai pencetus krisis perkauman!

Malaysia adalah satu-satunya negara di dunia yang mempunyai sekolah vernakular, yang tidak dapat dinafikan bahawa hal ini sebenarnya telah menyemai dan menyuburkan semangat perkauman dari era persekolahan rendah lagi.

Di samping itu, politik Malaysia juga tidak pernah stabil kerana adanya usaha pihak-pihak tertentu untuk memisahkan Sarawak dan Sabah dari Malaysia. Semua ini adalah berpunca daripada pembinaan negara atas dasar bangsa, serta wujudnya begitu banyak parti dan gerakan-gerakan atas nama bangsa, yang semuanya mencorakkan cara berfikir rakyat ke arah perjuangan bangsa. Jika di Sabah dan Sarawak, sentimen kenegerian sering dimainkan, tidak kurang dengan Johor yang amat terkenal dengan istilah “bangsa Johor”, semua ini telah menambah suburkan lagi sentimen kenegerian, yang semuanya menjejaskan kesatuan dan kekuatan umat Islam. Sedangkan Islam telah mengajar kita bahawa mulianya kita bukan kerana bangsa atau tempat tinggal, tetapi kerana agama (Islam).

Semua perjuangan bangsa ini adalah haram, dan Hizbut Tahrir amat tegas menyatakan keharamannya sejak dahulu hingga kini. Justeru, kami sungguh hairan bagaimana anda boleh memfitnah Hizbut Tahrir sebagai penyebab kepada krisis perkauman tatkala pihak yang menjadi punca kepada krisis ini dapat disaksikan dan diketahui oleh orang buta sekalipun!

Tidakkah anda pernah membaca penulisan atau mendengar ucapan kami bahawa kami mengharamkan perjuangan bangsa, dan menyeru umat Islam agar meninggalkan perjuangan bangsa? Tidakkah anda pernah membaca penulisan atau mendengar ucapan kami bahawa kami menyeru umat Islam agar bersatu atas dasar akidah Islam semata-mata, bukan atas dasar bangsa?

Tidakkah anda mahu sedar wahai JFNJ bahawa semua parti dan organisasi berasaskan perkauman ini hidup subur kerana dibenarkan oleh sistem demokrasi? Sedangkan Islam mengharamkannya dengan sejelas-jelasnya.

Hizbut Tahrir telah menjelaskan dengan terperinci mengenai bahaya nasionalisme (perkauman) dalam kitab kami at-Takatul al-Hizbi, dan dijelaskan di dalamnya bagaimana racun nasionalisme ini sebenarnya telah ditanam oleh Barat ke dalam benak kaum Muslimin sehingga kaum Muslimin berpecah belah, malah sehingga Daulah Khilafah juga hancur kerananya.

Seterusnya dalam kitab kami, Muqaddimah ad-Dustur, kami telah jelaskan dengan terperinci bahawa dalam sebuah Negara Islam, satu-satunya bentuk organisasi yang dibenarkan hanyalah yang berasaskan kepada akidah Islam, bukannya berasaskan selain itu. Hizbut Tahrir membahas Surah Ali Imran ayat 104, satu-satunya ayat di dalam al-Quran yang menjelaskan mengenai kewajipan dan fungsi sebuah “pertubuhan” dalam Islam. Mana-mana pertubuhan yang bercanggah dengan perintah ayat ini adalah haram untuk ditubuhkan, termasuklah pertubuhan yang diasaskan atas dasar kaum, kerana memperjuangkan kaum (*ashabiyyah*) itu adalah haram dan berdosa. Berikut kami paparkan Fasal ke-21 dalam kitab Muqaddimah ad-Dustur:

المادة ٢١: للمسلمين الحق في إقامة أحزاب سياسية محاسبية للحكام، أو الوصول للحكم عن طريق الأمة على شرط أن يكون أساسها العقيدة الإسلامية، وأن تكون الأحكام التي تتبناها أحكاماً شرعية. ولا يحتاج إنشاء الحزب لأي ترخيص. ويمنع أي تكتل يقوم على غير أساس الإسلام.

والأمر بالمعروف والنهي عن المنكر بما في ذلك أمر الحكام بالمعروف ونهيهم

عن المنكر ومحاسبتهم. أما غيرها فينظر فيها فإن كانت للقيام بمحرم كالدعوة إلى القومية، وكنشر الأفكار غير الإسلامية أو ما شابه ذلك كان القيام بهذه التكتلات حراماً، وتمنع من قبل الدولة، ويعاقب كل من يشترك فيها، وإن لم تكن للقيام بمحرم بأن كانت للقيام بمباح وقائمة على أساس مباح كانت مباحة، ولكنها لا تكون قياماً بالفرض الذي فرضه الله بنص هذه الآية إلا إذا كان حزباً سياسياً مستوفياً جميع ما جاء في الآية.

ولما كان القيام بالفرض لا يحتاج إلى إذن الحاكم، بل إن جعل القيام بالفرض متوقفاً على إذن الحاكم حرام، لهذا كان قيام الأحزاب السياسية وإنشائها لا يحتاج إلى ترخيص.

المادة ٢٢: يقوم نظام الحكم على أربع قواعد هي:

- أ - السيادة للشرع لا للشعب.
- ب - السلطان للأمة.
- ج - نصب خليفة واحد فرض على المسلمين.
- د - للخليفة وحده حق تبني الأحكام الشرعية فهو الذي يسن الدستور وسائر القوانين.

١٠٩

مقدمة الدستور أو الأسباب الموجبة له

القسم الأول

من منشورات

حزب التحرير

Terjemahan:

Fasal 21: Setiap Muslim mempunyai hak untuk menubuhkan parti politik dalam rangka memuhassabah pemerintah dan sebagai jalan untuk mencapai pemerintahan, dengan syarat asas penubuhannya adalah akidah Islam dan segala peraturan yang ditabanninya adalah bersesuaian dengan syariat. Penubuhan parti tidak memerlukan izin. Mana-mana parti yang ditubuhkan bukan atas asas Islam adalah dilarang.

...jika parti itu ditubuhkan untuk menjalankan sesuatu yang diharamkan seperti menyeru kepada perkauman, atau untuk menyebarkan idea yang bertentangan dengan Islam atau seumpamanya, maka penubuhan parti-parti sedemikian adalah dilarang dan akan dicegah oleh negara, dan setiap orang yang terlibat dengannya akan dikenakan hukuman...

Begitulah tegasnya Hizbut Tahrir dalam isu perkauman dan penubuhan parti berasaskan perkauman, sehingga Hizbut Tahrir memasukkannya ke dalam perlembagaan yang dicadangkan oleh Hizbut Tahrir. Ini semua kerana Islam mengharamkannya, selain untuk mengelak berlakunya krisis perkauman. Sejak sekian lama, Hizbut Tahrir-lah satu-satunya parti yang menyeru umat Islam agar meninggalkan perkauman (*ashabiyyah*), malah menyatakan dengan jelas bahawa haram untuk mengasaskan parti atau gerakan atas dasar perkauman. Hizbut Tahrir tidak pernah memperjuangkan kaum dan mengharamkan parti serta apa jua seruan kepada perkauman. Jadi, bagaimana mungkin anda boleh menuduh Hizbut Tahrir sebagai pencetus krisis perkauman. Di manakah kewarasan anda wahai JFNJ?

Mungkin anda terlepas pandang Sautun Nahdhah yang pernah kami keluarkan khusus tentang isu perkauman ini wahai JFNJ, iaitu keluaran 7 September 2007 (SN138). Jadi kami kemukakan di sini pautannya agar anda dapat membacanya jika anda menginginkan kebaikan dan kebenaran:

<https://mykhilafah.com/sn138-assabiyyah-dan-wathaniyyah-pencetus-malapetaka-dan-perpecahan/>

Kami petik sedikit apa yang terkandung di dalamnya untuk perhatian anda:

Nasionalisme adalah satu konsep yang bercanggah dengan ajaran Islam kerana ia mengikat dan menyatukan manusia atas dasar bangsa atau keturunan, walhal satu-satunya cara yang benar untuk mengikat dan menyatukan umat Islam adalah berdasarkan ikatan akidah. Bersatu atas dasar jalur keturunan atau bangsa jelas-jelas diharamkan oleh Islam. Abu Daud meriwayatkan bahawa Rasulullah (saw) bersabda,

“Bukanlah dari kami orang-orang yang menyeru kepada ashabiyyah, berperang atas dasar ashabiyyah dan mati kerana (mempertahankan) assabiyyah”.

Terdapat banyak peristiwa di dalam sirah di mana Rasulullah (saw) mencela mereka yang cuba mempertahankan sikap ashabiyyah ini. Dalam satu kejadian, sekumpulan Yahudi merancang untuk memecahkan kesatuan kaum Muslimin setelah dengki melihat bersatunya Aus dan Khazraj atas dasar Islam. Mereka menghantar beberapa orang pemuda untuk melaga-lagakan Aus dan Khazraj dengan mengungkit semula kisah Perang Bu’ath di mana golongan Aus berjaya mengalahkan Khazraj. Hasilnya terjadilah perkelahian antara Aus dan Khazraj dan hal ini kemudiannya sampai ke pengetahuan Rasulullah (saw). Rasulullah (saw) dengan tegas lalu bersabda,

“Wahai kaum Muslimin, ingatlah kalian kepada Allah, ingatlah kalian kepada Allah! Kenapa kalian mengikuti seruan Jahiliyyah, padahal aku masih berada di tengah-tengah kalian. Dan Allah sebelumnya telah memberi petunjuk kepada kalian dengan Islam, memuliakan kalian dengannya, memutuskan segala kejahiliyyahan dari kalian, menyelamatkan kalian dari kekafiran dan menyatukan hati kalian.” Apabila mendengar sabda Nabi ini, kaum Aus dan Khazraj terus sedar bahawa seruan Jahilliyah adalah tipuan syaitan, dan salah satu dari makar musuh Allah terhadap mereka. Mereka terus menangis dan berpelukan antara satu

sama lain. Peristiwa ini merupakan asbabun nuzul Surah Ali Imran (3):102-103. [Sirah Ibn Hisyam].

Biar kami ulangi apa yang sudah sekian lama kami jelaskan dalam penerbitan dan laman sesawang kami mengenai kami - Hizbut Tahrir menerima keanggotaan setiap orang Islam, baik lelaki mahupun wanita tanpa memperhatikan lagi adakah mereka berketurunan Arab atau bukan, berkulit putih ataupun hitam. Hizbut Tahrir adalah sebuah parti untuk seluruh kaum Muslimin dan menyeru mereka untuk mengembang dakwah Islam serta *mentabanni* aturan-aturan Islam, tanpa memandang lagi kebangsaan, warna kulit, mahu pun mazhab mereka. Hizbut Tahrir melihat semuanya dari pandangan Islam.

Ada pun cara mengikat individu-individu ke dalam Hizbut Tahrir adalah dengan memeluk akidah Islamiyyah, matang dalam *tsaqafah* Islam yang dibawa oleh Hizbut Tahrir serta *mentabanni* fikrah dan pendapat-pendapat Hizbut Tahrir. Siapa pun yang ingin menjadi anggota Hizbut Tahrir, maka dia sendirilah yang menentukan dirinya untuk menjadi anggota, setelah sebelumnya dia melibatkan dirinya dengan (pembinaan dan aktiviti dakwah) Hizbut Tahrir, ketika dakwah telah berinteraksi dengannya dan ketika dia telah *mentabanni fikrah* serta *mafahim* Hizbut Tahrir. Jadi ikatan yang dapat mengikat anggota Hizbut Tahrir adalah akidah Islamiyyah dan *tsaqafah* Islamiyyah yang dibawa oleh Hizbut Tahrir yang lahir daripada akidah ini.

Jadi, tidakkah anda nampak wahai JFNJ, bahawa Hizbut Tahrir tidak pernah mengikat anggotanya atas dasar bangsa, kaum, tanahair, atau apa jua kepentingan, tetapi hanya dengan akidah Islam? Ini kerana, perjuangan Hizbut Tahrir bukan atas dasar kaum, dan langsung tidak ada kena mengena dengan perkauman. Malah, dalam perjuangannya, Hizbut Tahrir sentiasa menasihati dan memuhasabah umat Islam agar meninggalkan perjuangan yang berasaskan perkauman, kerana keharamannya dan bahayanya yang boleh memecah-belahkan kesatuan umat Islam.

Oleh yang demikian, kami katakan tanpa berkias kepada anda bahawa, sungguh tidak masuk akal fatwa anda ini wahai JFNJ! Fatwa apakah ini?!

Dari aspek perkauman yang lebih luas, kami ingin bertanya anda wahai JFNJ, tidakkah anda tahu bahawa Hizbut Tahrir adalah satu-satunya parti yang tidak pernah memandang rendah kepada saudara kita, Muslim Rohingya, Muslim Indonesia, Muslim Bangladesh, Muslim Pakistan, Muslim Xinjiang, dan Muslim mana sekalipun. Di saat ramai Muslim di Malaysia yang berburuk sangka dan menolak Muslim Rohingya, Hizbut Tahrir adalah satu-satunya parti yang mengingatkan mereka tentang persaudaraan Islam yang tidak mengenal bangsa atau batas sempadan. Hizbut Tahrir adalah satu-satunya parti yang memuhasabah pemerintah untuk membantu semua Muslim yang tertindas, tanpa mengira bangsa atau tempat tinggal mereka. Malah Hizbut Tahrir adalah satu-satunya parti yang menyeru pemerintah untuk menerima dan memberikan kerakyatan kepada Muslim mana pun yang ingin datang dan menetap di Malaysia. Ini semua kerana Hizbut Tahrir tidak pernah memperjuangkan bangsa, dan Hizbut Tahrir memandang semua Muslim sebagai saudara, dan umat Islam sebagai umat yang satu.

Hizbut Tahrir juga adalah satu-satunya parti yang memuhasabah dan menyeru pemerintah untuk melancarkan *jihad fi sabilillah* bagi menyelamatkan saudara-saudara kita yang dizalimi dan dibunuh oleh puak kuffar di serata dunia. Ini kerana perjuangan Hizbut Tahrir bukan berasaskan bangsa, tetapi berasaskan agama semata-mata. Semua Muslim adalah sama di mata Hizbut Tahrir, tanpa mengira bangsa dan tempat tinggal mereka. Semuanya bersaudara dan wajib dibantu dan dipersatukan.

Setelah begini jelas pendirian dan pegangan kami mengenai isu perkauman, apa lagi hujah anda wahai JFNJ? Masihkah anda sanggup membohongi orang ramai dengan fatwa anda bahawa Hizbut Tahrir adalah pencetus krisis perkauman?

Hizbut Tahrir mengancam keharmonian dan keselamatan negara?

Hizbut Tahrir telah bertapak di Malaysia sejak akhir tahun 90-an, bermaksud sudah lebih 20 tahun kami wujud dan beraktiviti di Malaysia. Justeru, kami ingin bertanya anda, sejak akhir 90-an sehinggalah ke hari ini, sudah berapa banyak keselamatan negara terancam di sebabkan oleh Hizbut Tahrir? Sudah berapa banyak kes-kes ketidakharmonian yang berlaku di Malaysia disebabkan oleh Hizbut Tahrir? Sejak akhir 90-an hingga sekarang, sudah berapa banyak nyawa yang melayang, manusia yang cedera dan harta benda yang rosak disebabkan oleh Hizbut Tahrir? Sudah berapa banyak pergaduhan dan rusuhan yang berlaku yang disebabkan oleh Hizbut Tahrir? Sudah berapa banyak kaum-kaum di Malaysia yang berada dalam keadaan tidak selamat dan ketakutan disebabkan oleh Hizbut Tahrir? Sudah berapa banyak kakitangan polis dan tentera serta peralatan keselamatan yang terpaksa ditambah kerana ancaman keselamatan yang disebabkan oleh Hizbut Tahrir?

Malah lebih jauh, kami ingin bertanya soalan-soalan yang sama seperti di atas dalam konteks yang lebih luas, sudah berapa banyak negara di dunia ini yang mengalami hal yang sama disebabkan oleh Hizbut Tahrir?

Jika JFNJ tidak buta mata dan mata hati, dan ada sedikit perasaan malu kepada Allah (swt) dan kepada umat Islam, nescaya JFNJ tidak akan mereka-reka pendustaan seperti ini; nescaya JFNJ dapat melihat ratusan seminar, forum, dialog, muktamar, diskusi dan pelbagai aktiviti lainnya yang telah dianjurkan oleh Hizbut Tahrir, yang semuanya berjalan dengan aman; nescaya JFNJ dapat melihat ratusan himpunan dan demonstrasi yang telah dilakukan oleh Hizbut Tahrir, yang semuanya berjalan dengan aman; nescaya JFNJ dapat melihat semua aktiviti Hizbut Tahrir yang tidak pernah mengancam keselamatan, walau pun ke atas seorang penduduk Malaysia.

Sebaliknya berapa banyak daripada aktiviti Hizbut Tahrir yang telah membantu masyarakat dan juga aktiviti-aktiviti lain yang membawa kebaikan kepada masyarakat, khususnya umat Islam. Namun, kami tidak berminat untuk menyatakannya di sini kerana segala kebaikan yang kami lakukan hanyalah semata-mata kerana Allah (swt), bukannya untuk mendapat nama di sisi anda, atau di sisi mana-mana manusia atau untuk menunjuk-nunjukkannya kepada manusia. Jika anda betul-betul ingin mengetahuinya, insya Allah anda akan mencari dan menemuinya.

Jika JFNJ peka dengan keharmonian dan keselamatan negara, silalah JFNJ bertanya kepada semua cawangan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang mengenali Hizbut Tahrir, atau silalah bertanya kepada Bukit Aman sendiri, mengenai Hizbut Tahrir dan aktiviti yang telah kami jalankan selama kewujudan kami di Malaysia, malah di dunia. Setakat maklumat yang ada pada kami, PDRM sendiri tidak pernah berbohong kepada orang ramai sebagaimana pembohongan yang dilakukan oleh JFNJ. Tidak pernah ada kenyataan rasmi daripada PDRM bahawa Hizbut Tahrir mengancam keharmonian dan keselamatan negara, dan kami berharap PDRM tidak akan melakukan pembohongan seumpama itu. Dalam keadaan PDRM sendiri tidak pernah menyatakan yang Hizbut Tahrir mengancam keharmonian dan keselamatan negara, bagaimana anda boleh mendahului atau “mengambil alih” tugas PDRM untuk menyatakan sedemikian?! Alangkah hebatnya anda wahai JFNJ!

Tidak perlulah kami ceritakan secara terperinci di sini bagaimana PDRM sering memberi kerjasama yang baik kepada Hizbut Tahrir dalam setiap aktiviti kami di lapangan baik demonstrasi, himpunan, serahan memorandum dan lain-lain. Ini kerana PDRM mengetahui bahawa setiap aktiviti kami berjalan dengan aman, tertib dan penuh disiplin. Ini belum mengambil kira ucapan terima kasih daripada PDRM yang kami terima secara tidak rasmi atas kerjasama yang kami berikan kepada mereka dalam setiap aktiviti tersebut.

Kenapa kami lakukan semua aktiviti kami dengan aman, tertib dan penuh disiplin? Bukanlah kami mengharapkan pujian daripada PDRM mahupun orang ramai, tetapi semata-mata kerana kepatuhan kami kepada hukum syarak. Islam tidak pernah melarang kita daripada melakukan semua aktiviti ini (malah ia sebahagian daripada dakwah) asalkan kita tidak melakukan kerosakan atau kejahatan atau apa jua perkara yang melanggar syarak di dalamnya.

Kami ulangi dan ulangi lagi, bahawa segala aktiviti dakwah Hizbut Tahrir adalah secara politik dan intelektual semata-mata, dan inilah apa yang kami lakukan selama ini, dan selamanya insya Allah, kerana kami adalah sebuah parti politik. Haram bagi sesebuah parti politik untuk terlibat dengan kekerasan sebagaimana haramnya untuk melakukan kerosakan, kecederaan atau kekacauan dalam setiap aktiviti. Haram juga bagi sebuah parti politik, dan bagi Muslim mana pun, untuk mencetuskan ketidakharmonian atau mengancam keselamatan masyarakat. Inilah pegangan kami wahai JFNJ!

Inilah aktiviti yang dilakukan oleh Hizbut Tahrir di seluruh dunia, yakni bergerak secara politik dan intelektual, tanpa kekerasan. Justeru, mustahil aktiviti seperti ini mengancam keharmonian dan keselamatan, kecuali “mengancam” mereka yang bencikan Islam dan “mengancam” mereka yang ingin mengekalkan sistem kufur tinggalan penjajah!

Biar kami jelaskan di sini wahai JFNJ bahawa apa yang berlaku di seluruh dunia ialah para anggota Hizbut Tahrirlah yang sering terancam keselamatan mereka. Dari manakah datangnya ancaman ke atas Hizbut Tahrir jika bukan daripada pemerintah? Dalam keadaan Hizbut Tahrir berdakwah secara *fikriyyah* (pemikiran) tanpa melibatkan kekerasan sedikit pun, hakikatnya anggota Hizbut Tahrir sering difitnah, dipantau, ditangkap, diheret ke mahkamah, dipenjarakan, diseksa dan ada

yang dibunuh dalam penjara-penjara para penguasa yang diktator. Inilah hakikatnya! Kamilah yang sebenarnya berada dalam keadaan tidak harmoni dan terancam keselamatannya.

Dalam keadaan anda menuduh kami mengancam keselamatan negara, hakikatnya kehidupan para anggota kamilah yang sebenarnya yang sering terancam dek perbuatan anda yang memfitnah kami dengan pelbagai fitnah yang sangat keji! Dengan fitnah ini, anda mengharapkan yang masyarakat akan membenci dan menjauhi kami. Dengan fitnah ini anda mengharapkan yang anda boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas kami, malah anda mengharapkan yang PDRM juga akan mengambil tindakan terhadap kami...inilah apa yang anda harapkan! Dengan fitnah ini anda berharap yang anda akan dapat menangkap kami dan seterusnya mengheret kami ke mahkamah untuk dihukum...inilah apa yang anda harapkan! Dengan fitnah ini, anda mengharapkan yang umat Islam akan memandang buruk terhadap kami dan mencemuh kami...inilah apa yang anda harapkan!

Namun, ingin kami tegaskan di sini bahawa walaupun seribu macam ancaman yang datang kepada kami dalam usaha jahat siapa jua untuk menakut-nakutkan kami dan menghentikan dakwah kami, cukuplah Allah (swt) sebagai Pelindung kami, dan Dia-lah Yang Maha Membalas perbuatan pihak yang mengancam kami. Kepada-Nya kami serahkan segala urusan.

﴿الَّذِينَ قَالَ لَهُمُ النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ﴾

(laitu) orang-orang (yang mentaati Allah dan Rasul) yang kepada mereka ada orang-orang yang mengatakan: "Sesungguhnya manusia telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang kamu, kerana itu takutlah kepada mereka", maka perkataan itu menambah keimanan mereka dan mereka menjawab: "Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik Pelindung" [Ali Imran (3): 173].

(c) Kecenderungan menggulingkan pemerintah dengan alasan pemerintah tidak melaksanakan hukum Islam.

Secara umumnya tuduhan dalam Butiran ini sama sahaja dengan tuduhan dalam Butiran 4.3 (f), dan kami telah pun menjawabnya.

Bezanya di sini ialah, JFNJ menggunakan perkataan “menggulingkan” yang mempamerkan dengan lebih jelas niat jahat JFNJ ke atas Hizbut Tahrir! Kami akui walaupun perkataan “menggulingkan” boleh sahaja bermaksud neutral, tetapi umum sudah mengetahui bahawa perkataan tersebut membawa konotasi yang cukup negatif, apatah lagi apabila dikaitkan dengan pemerintah. “Menggulingkan pemerintah” sudah dimaklumi bermaksud menjatuhkan pemerintah dengan cara yang tidak sah, kekerasan mahu pun kudeta. Ini kerana, perkataan “menggulingkan” tidak pernah digunakan dalam konteks menukar kerajaan melalui cara demokrasi atau pilihan raya.

Kami telah pun menjelaskan dalam Butiran 4.5 (c) bahawa Hizbut Tahrir mentabanni *thariqah* dakwah Rasulullah (saw) yang terdiri daripada 3 tahapan. *Thariqah* ini merupakan perjuangan secara *fikriyyah* (pemikiran) dan bukan kekerasan. Perubahan yang diharapkan dari jalan dakwah ini adalah perubahan pemikiran yang kemudiannya membawa kepada proses ‘*istilam al-hukmi*’ (penerapan hukum). Penerapan hukum dalam bingkai Daulah Islam insya Allah akan dapat direalisasikan melalui penyerahan kuasa yang diperolehi melalui proses *thalab an-nushrah* (mencari pertolongan), sebagaimana Rasulullah (saw) dahulu mendapat kuasa melalui proses tersebut, dan ternyata ia berlaku secara aman. Hizbut Tahrir melakukan proses *thalab an-nushrah* kerana ini merupakan *thariqah* yang ditunjukkan oleh Rasulullah (saw) yang mencari *nushrah* dari banyak Bani yang mempunyai kekuatan, di mana akhirnya *nushrah* tersebut diperolehi daripada Bani Aus dan Khazraj, sehingga akhirnya berdirinya Negara Islam di Madinah.

Sesungguhnya Aus dan Khazraj merupakan *ahlu al-quwwah* (golongan yang memiliki kekuatan), kerana ternyata Rasulullah (saw) tidak mencari *nushrah* dari Bani yang lemah. Atas dasar itulah dalam dakwahnya, Hizbut Tahrir mencari *nushrah* daripada pemilik kekuatan seperti pihak tentera. Tentera merupakan institusi vital yang sangat menentukan kekuasaan dan kekuatan sesebuah negara. Malah, di tangannya-lah kekuasaan sebenar sesebuah negara itu terletak, kerana sesebuah pemerintahan tidak akan dapat berdiri tanpa dukungannya. Dalam keadaan belum wujud sebuah Negara Islam (Khilafah) seperti sekarang, sesungguhnya tentera memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu agama Allah (swt), dengan memberikan *nushrah* kepada kelompok yang berjuang untuk menegakkan Khilafah dengan jalan yang benar. Inilah yang diminta oleh Hizbut Tahrir kepada pasukan tentera yang dengan *nushrah* mereka, sebuah negara Khilafah al-Rasyidah ‘ala minhaj nubuwwah akan berdiri dengan izin Allah (swt).

Isunya di sini ialah, adakah Hizbut Tahrir akan menggulingkan pemerintah, atau cenderung menggulingkan pemerintah dengan alasan pemerintah tidak melaksanakan hukum Islam, sebagaimana tuduhan JFNJ?

Pertamanya, ingin kami tegaskan bahawa dalam *thariqah* dakwah Hizbut Tahrir, yang diteladani daripada *thariqah* dakwah Rasulullah (saw), tidak ada fasa mahu pun istilah “menggulingkan pemerintah” sebagaimana fahaman dan tuduhan JFNJ! Ini kerana Rasulullah (saw) tidak pernah “menggulingkan” pemerintahan, baik di Makkah mahu pun di Madinah. Apa yang berlaku ialah proses “penyerahan kuasa” secara suka rela daripada penduduk Madinah kepada Rasulullah (saw).

Sesungguhnya kuasa itu ada di tangan umat (*as-sulthan li al-ummah*) dan kuasa ini hendaklah diambil dari umat dengan cara *ridha* (tanpa paksaan/rampasan) dan *ikhtiyar* (bebas memilih). Maksudnya, kelompok mana sekali pun yang ingin mendapatkan kekuasaan hendaklah mendapatkannya dengan *ridha* dan *ikhtiyar* dari pemilikinya (umat) dan tidak sah sekiranya ia diambil secara paksaan dan tanpa hak memilih. *Ridha* dan *ikhtiyar* ini merupakan syarat sah akad bai'ah yang diberikan oleh umat kepada orang yang ingin diangkat sebagai pemimpin mereka (Khalifah). Inilah yang menjadi pegangan Hizbut Tahrir dan inilah apa yang Hizbut Tahrir usahakan, yakni mencari pertolongan dari *ahlu al-quwwah* serta mendapatkan kekuasaan daripada umat secara *ridha* dan *ikhtiyar*. Langsung tidak timbul isu menggulingkan pemerintah!

Hizbut Tahrir adalah sebuah parti politik tidak pernah menipu umat. Kami bergerak di bidang politik, bukannya di bidang ketenteraan. Tidak ada sayap tentera dalam Hizbut Tahrir, dan Hizbut Tahrir tidak pernah dan tidak akan pernah terlibat dalam sebarang aktiviti bersenjata atau ketenteraan, kerana tugas kami adalah murni tugas politik. Kami berdakwah secara *fikriyyah*, dan merubah pemikiran umat serta berusaha merubah kekuasaan dengan cara politik.

Dengan kata lain, Hizbut Tahrir tidak akan terlibat dengan penggulingan pemerintahan, baik secara bersenjata seperti kudeta atau lain-lain cara kekerasan. Namun perlu kami tegaskan di sini bahawa *thariqah* dakwah Hizbut Tahrir secara *tabi'i* (sebagaimana *thariqah* dakwah Rasulullah) akan membawa kepada proses penyerahan kuasa oleh *ahlu quwwah* kepada pihak yang dipilih oleh umat untuk menegakkan agama Allah (swt) di muka bumi ini secara *ridha* dan *ikhtiyar*.

Itu dari sisi nas yang dipegang oleh Hizbut Tahrir. Manakala dari sisi realiti, sejak penubuhannya pada tahun 1953 hinggalah sekarang (2020), tidak pernah ada bukti satu pun yang menunjukkan Hizbut Tahrir berusaha menggulingkan pemerintah! Jika ada pun, ia hanyalah rekaan dan pendustaan oleh mereka yang dengki terhadap Hizbut Tahrir, atau fitnah daripada pihak-pihak yang bencikan Hizbut Tahrir, yang tidak keterlaluan untuk kami katakan bahawa mereka sebenarnya ialah para pembenci Islam. Ini kerana, apa yang dibawa oleh Hizbut Tahrir hanyalah Islam semata-mata!

Wahai JFNJ, ketahuilah bahawa *thariqah* dakwah Hizbut Tahrir tidak pernah berubah meskipun Hizbut Tahrir berdakwah di lebih daripada 40 buah negara di dunia, dengan pelbagai bentuk sistem pemerintahan dan suasana yang berbeza-beza di setiap negara. Di Syria sebagai contoh, Hizbut Tahrir sudah wujud di negara berkenaan sejak puluhan tahun lamanya, dan sejak 9 tahun lalu negara tersebut berada dalam kancah peperangan, namun *thariqah* dakwah Hizbut Tahrir tidak pernah berubah di Syria. Hizbut Tahrir tetap konsisten dalam menjalankan dakwah secara *fikriyyah* sehingga ke hari ini dan tidak pernah terlibat dengan kekerasan atau mengangkat

senjata untuk menggulingkan pemerintah. Sama juga halnya Hizbut Tahrir di Yemen, walaupun negara tersebut sedang bergolak hebat sekarang. Begitu juga di Palestin, walaupun tanah yang diberkati itu diperintah oleh golongan Yahudi *la'natullah*, tetapi Hizbut Tahrir tidak pernah menggunakan sedikit pun kekerasan untuk menggulingkan pemerintah Yahudi yang jahat itu!

Baik di Timur Tengah atau di Asia Tengah, di mana ramai anggota Hizbut Tahrir yang telah ditangkap, disiksa dan dibunuh oleh pemerintah diktator, Hizbut Tahrir tidak pernah sama sekali menukar *thariqah* dakwahnya kepada kekerasan untuk menggulingkan pemerintah. Hizbut Tahrir tetap bersabar dan istiqamah dalam dakwahnya, kerana semata-mata berpegang kepada *thariqah* dakwah Rasulullah (saw), yang tidak pernah menggulingkan pemerintah walau sezalim mana pun pemerintahan kafir Quraisy ke atas baginda dan para sahabat. Hizbut Tahrir tetap bersabar dengan segala kezaliman pemerintah, kerana Hizbut Tahrir yakin dengan janji Allah (swt) yang akan mendatangkan kemenangan-Nya kepada mereka yang mengikuti jejak langkah Nabi-Nya.

Wahai JFNJ! Kami harap anda sudah memahami penjelasan kami terhadap tuduhan anda. Ya kami akui bahawa pemerintah tidak melaksanakan Islam, dan kami menginginkan pemerintah yang menerapkan Islam. Kami ingin Islam diterapkan bukan sahaja di bumi Malaysia, malah di seluruh muka bumi. Namun, untuk mencapai keinginan kami ini, bukanlah dengan cara menggulingkan pemerintah sebagaimana yang anda fahami atau yang anda tuduhkan, tetapi sebagaimana *thariqah* Rasulullah (saw) yang mengambil alih kekuasaan dengan cara *thalab an-nushrah* dan diberikan secara *ridha* dan *ikhtiyar* oleh umat Islam.

Soalan kami kepada anda wahai JFN, apakah anda mengakui bahawa pemerintah pada hari ini tidak menerapkan Islam? Apakah anda tidak menginginkan pemerintah yang menerapkan Islam secara *kaffah*? Apakah anda tidak menginginkan pemerintah yang berhubung dengan Kitabullah dan Sunnah Rasul-Nya? Apakah anda tidak menginginkan seluruh dunia ini berada di bawah naungan Khilafah dan hukum Allah (swt) diterapkan di seluruh muka bumi? Apakah anda tidak menginginkan ini semua? Jika anda mengakui bahawa pemerintah pada hari ini tidak menerapkan Islam, dan anda menginginkan sebuah pemerintahan berdasarkan Kitabullah dan Sunnah Rasul-Nya, soalan kami apakah yang anda telah, sedang dan akan lakukan wahai JFNJ? Atau adakah anda hanya memilih untuk berdiam diri? Atau lebih buruk, anda memilih untuk bersekongkol dengan pemerintah yang tidak menerapkan Islam? Apakah yang anda lakukan wahai JFNJ?

Dengan ketiadaan secebis bukti pun yang menunjukkan bahawa Hizbut Tahrir telah menggulingkan pemerintah atau cenderung untuk mengguling pemerintah, dan dengan pegangan kami yang sangat jelas yang telah kami nyatakan sejak sekian lama mengenai *thariqah* dakwah kami, maka kami katakan bahawa fatwa JFNJ ini merupakan fitnah dan pendustaan yang sangat nyata ke atas Hizbut Tahrir! Fitnah JFNJ dalam Butiran ini sungguh berat, yang mana gunung-ganang boleh bergegar kerananya! Dalam Butiran ini, sungguh terserlah niat JFNJ untuk memesongkan kefahaman masyarakat terhadap Hizbut Tahrir dan lebih dahsyat daripada itu, sungguh terserlah niat jahat JFNJ untuk mengenakan tindakan undang-undang ke atas Hizbut Tahrir, walaupun undang-undang yang berkenaan bukan berada di bawah bidang kuasa agama

negeri! Fitnah ini sungguh keji yang tidak akan sanggup dibuat oleh sesiapa pun jika ia memiliki sebesar zarah ketakutan kepada Allah (swt)!

Khatimah

Segala puji bagi Allah (swt) yang dengan izin-Nya telah memberi kesempatan kepada kami untuk menjawab setiap pertuduhan yang telah dilontarkan oleh JFNJ, walaupun ada manusia yang tidak mengizinkannya. Sekarang sedarlah dan ketahuilah wahai JFNJ, bahawa apa yang anda fatwakan sebagai “ajaran dan fahaman” Hizbut Tahrir itu sebenarnya jauh tersasar dari kebenaran. Manakala jika ada yang benar pun, amat jelas pula bahawa kefahaman andalah yang telah jauh tersasar.

Wahai JFNJ, selagi Allah (swt) mengizinkan anda menghembuskan nafas, tanyalah diri anda dengan penuh keikhlasan di tengah-tengah kegelapan malam tatkala anda bertahajud kepada Tuhan anda – apakah berbohong, berdusta, memfitnah, mereka-reka cerita dan mengelirukan orang ramai dengan sebuah fatwa, adakah semua ini merupakan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah, yang anda dakwa anda adalah ahlinya?

Pihak berkuasa agama Johor kelihatan begitu garang ingin memerangi ajaran dan fahaman Hizbut Tahrir. Soalan kami - ajaran dan fahaman manakah yang anda ingin perangi itu? Jika anda ingin memerangi ajaran yang membolehkan bercium antara lelaki dan perempuan ajnabi, ya silakan perangnya habis-habisan, dan kami akan menyokong anda, kerana perkara ini adalah haram, dan ia bukan merupakan ajaran dan fahaman Hizbut Tahrir.

Jika anda ingin memerangi ajaran yang membolehkan menonton filem lucu, ya silakan perangnya habis-habisan, dan kami akan menyokong anda, kerana perkara ini adalah haram, dan ia bukan merupakan ajaran dan fahaman Hizbut Tahrir.

Jika benar anda ingin memerangi kesemua keharaman yang telah dinyatakan oleh Islam, ya kami akan menyokong anda sepenuhnya. Maka perangilah riba yang berleluasa di negeri Johor dan di Malaysia ini, yang diamalkan oleh perbankan-perbankan ribawi. Perangilah rasuah dan segala bentuk penyelewengan yang dilakukan secara berleluasa oleh ahli-ahli politik dan penjawat awam, yang sudah tidak terhitung jumlahnya di Malaysia ini.

Jika benar anda ingin memerangi kesemua keharaman yang telah dinyatakan oleh Islam, ya kami akan menyokong anda sepenuhnya. Maka perangilah segala pusat perjudian, kelab-kelab malam, penjualan arak secara terbuka, wanita dan lelaki yang tidak menutup aurat, pergaulan bebas dalam masyarakat, pengambilan harta milik umum oleh pemerintah dan banyak lagi keharaman lainnya yang berlaku di depan mata anda. Perangilah semua itu, dan kami akan menyokong anda.

Jika benar anda ingin memerangi kesemua keharaman yang telah dinyatakan oleh Islam, ya kami akan menyokong anda sepenuhnya. Maka perangilah sistem dan undang-undang kufur yang wujud di Johor dan di seluruh Malaysia. Lalu kita sama-sama gantikannya dengan sistem dan undang-undang Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah.

Namun, jika fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir yang ingin anda perangi itu ialah mengenai kewajipan mengangkat seorang Khalifah dan menegakkan Daulah Khilafah, maka sesungguhnya

anda telah memerangi kesemua ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah, dan anda sesungguhnya telah memerangi para Sabahat yang telah berijma' mengenai kewajipannya! Malah lebih dahsyat daripada itu, jika anda ingin memerangi ajaran dan fahaman bahawa Khilafah itu adalah wajib, maka anda sesungguhnya telah memerangi Allah dan Rasul-Nya yang telah mewajibkan perkara tersebut!

Ketahuiilah wahai JFNJ bahawa berapa banyak daripada “ajaran” dan undang-undang yang ada di Johor, yang anda sememangnya tahu dan anda taatinya dengan sepenuh hati, hakikatnya ajaran dan undang-undang tersebut adalah bertentangan dengan fahaman dan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Malah lebih jauh dari itu, sesungguhnya ajaran dan undang-undang tersebut bertentangan secara nyata dengan al-Quran dan al-Hadis. Namun malangnya anda taat dan berpegang teguh dengan semua itu!

Kami paparkan di sini beberapa contoh, jika anda ingin mengambil iktibar, dan jika benar anda ingin memerangi fahaman dan ajaran yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Silalah anda merujuk kepada Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) yang anda redha dan pertahankan selama ini, dan yang anda ingin kenakan ke atas kami melalui fatwa anda ini. Sila rujuk kepada seksyen-seksyen yang kami paparkan di bawah ini:

<p>ENAKMEN 4 TAHUN 1997 ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH 1997</p> <p>BAHAGIAN III - KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN KESUCIAN AGAMA ISLAM DAN INSTITUSINYA</p>
<p>Seksyen 19. Minuman yang memabukkan.</p> <p>(1) Mana-mana orang yang, di mana-mana kedai atau tempat awam lain, minum apa-apa minuman yang memabukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.</p> <p>(2) Mana-mana orang yang membuat, menjual, menawarkan atau mempamerkan untuk jualan, menyimpan atau membeli apa-apa minuman yang memabukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.</p>

Untuk kesalahan meminum arak, undang-undang “syariah” di Johor mengenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Sedangkan berdasarkan as-Sunnah, Anas (ra) menuturkan:

كَانَ النَّبِيُّ يَضْرِبُ فِي الْخَمْرِ بِالْجَرِيدِ وَالنَّعَالِ أَرْبَعِينَ

“Nabi (saw) menyebat orang yang minum khamar dengan pelepah kurma dan terompah sebanyak empat puluh kali sebatan” [HR al-Bukhari, Muslim, at-Tirmidzi dan Abu Daud].

Ali bin Abi Thalib (ra) menuturkan:

جَلَدَ رَسُولُ اللَّهِ أَرْبَعِينَ، وَأَبُو بَكْرٍ أَرْبَعِينَ، وَعُمَرُ ثَمَانِينَ، وَكُلُّ سُنَّةٍ، وَهَذَا أَحَبُّ إِلَيَّ

“Rasulullah (saw) menyebat (orang yang meminum khamr) empat puluh kali, Abu Bakar menyebat empat puluh kali, Umar menyebat lapan puluh kali. Semuanya merupakan sunnah. Dan ini adalah yang lebih aku sukai” [HR Muslim].

<p>ENAKMEN 4 TAHUN 1997 ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH 1997 BAHAGIAN IV - KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN KESUSILAAN</p>
<p>Seksyen 23. Persetubuhan luar nikah.</p> <p>(1) Mana-mana orang lelaki yang melakukan persetubuhan dengan orang perempuan yang bukan isterinya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.</p> <p>(2) Mana-mana orang perempuan yang melakukan persetubuhan dengan orang lelaki yang bukan suaminya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.</p>

Untuk kesalahan zina, undang-undang “syariah” di Johor mengenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau sebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Sedangkan di dalam al-Quran, Allah (swt) berfirman:

﴿الرَّانِيَةُ وَالرَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيْشَهِدَ عَدَايَهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ﴾

“Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, maka sebatlah tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebatan, dan janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu untuk (menjalankan) agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah, dan hari akhirat, dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman” [An-Nur (24): 2].

<p>ENAKMEN 4 TAHUN 1997 ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH 1997 BAHAGIAN IV - KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN KESUSILAAN</p>
<p>Seksyen 25. Liwat.</p> <p>Mana-mana orang lelaki yang melakukan liwat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.</p>

Untuk kesalahan liwat, undang-undang “syariah” di Johor mengenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau sebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Sedangkan Rasulullah (saw) bersabda:

مَنْ وَجَّهْتُ مَوْحِيَ عَمَلٍ عَمَلٌ قَوْلٌ وَطَيْبٌ لِّئِيَّ وَالْقَوْلُ الْغَلْبُ وَالْقَوْلُ الْغَلْبُ

“Siapa sahaja yang kalian dapati melakukan perbuatan kaum Nabi Lut (liwat), maka bunuhlah keduanya (peliwat dan yang diliwat)” [HR Ahmad, Abu Daud & al-Hakim].

ENAKMEN 4 TAHUN 1997
ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH 1997
BAHAGIAN V - KESALAHAN PELBAGAI

Seksyen 41. Qazaf.

Kecuali dalam kes li'an, mana-mana orang yang menuduh orang lain melakukan zina tanpa mengemukakan, mengikut Hukum Syarak, empat orang saksi lelaki atau iqrar orang yang dituduh itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Untuk kesalahan qazaf, undang-undang “syariah” di Johor mengenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Sedangkan di dalam al-Quran, Allah (swt) berfirman:

﴿وَالَّذِينَ يَزْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ
الْفَاسِقُونَ﴾

“Dan orang-orang yang menuduh perempuan-perempuan yang baik (berbuat zina) dan mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka sebatlah 80 kali sebatan, dan janganlah kamu terima kesaksian mereka untuk selama-lamanya. Mereka itulah orang-orang yang fasiq” [An-Nur (24): 4].

Cukuplah dengan empat contoh di atas, kerana jika kami ingin senaraikan semuanya, maka sudah pasti kami boleh menerbitkan satu buku khusus untuknya.

Wahai JFNJ, kami telah menunjukkan pertentangan yang nyata antara undang-undang “syariah” yang ada di Johor, dengan undang-undang syariah yang ada di dalam al-Quran dan al-Hadis. Buktikanlah kepada kami bahawa kesemua peruntukan tersebut adalah menepati ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah, kerana anda menyatakan bahawa Johor ialah negeri yang mengamalkan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah! Buktikan kepada kami (jika ada) ayat al-Quran atau al-Hadis yang menjadi dalil bagi anda bahawa hukuman dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor itu selaras dengan kedua-duanya.

Buktikanlah kepada kami (jika ada, walau pun seorang) ulama manakah dalam kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menyatakan bahawa hukuman bagi peminum arak ialah denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun.

Buktikanlah kepada kami (jika ada, walau pun seorang) ulama manakah dalam kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menyatakan bahawa hukuman bagi penzina ialah sebat enam kali sebatan.

Buktikanlah kepada kami, (jika ada, walau pun seorang) ulama manakah dalam kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menyatakan bahawa hukuman bagi kesalahan qazaf ialah denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun.

Buktikanlah kepada kami, (jika ada, walau pun seorang) ulama manakah dalam kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menyatakan bahawa hukuman bagi kesalahan liwat ialah denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau sebat tidak melebihi enam sebatan.

Wahai JFNJ, anda dan rakan-rakan anda menyatakan dengan tegas dan lantang bahawa anda akan memerangi habis-habisan ajaran yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah di Johor. Jadi, jika anda gagal mendatangkan bukti (dan insya Allah anda akan gagal) terhadap cabaran kami di atas, maka perangilah segala peruntukan di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor yang anda pegang selama ini, yang jelas lagi nyata pertentangannya dengan al-Quran dan as-Sunnah. Insya Allah kami akan menyokong anda sepenuhnya.

Ketahuiilah wahai JFNJ bahawa Hizbut Tahrir berjuang untuk menerapkan sistem dan undang-undang Islam secara *kaffah*. Hizbut Tahrir berjuang untuk menerapkan Kitabullah dan Sunnah Rasul-Nya. Hizbut Tahrir berjuang untuk menerapkan hukuman 100 kali sebatan kepada pezina; hukuman 40 atau 80 kali sebatan untuk peminum arak; hukuman 80 kali sebatan untuk kesalahan qazaf dan hukuman mati untuk peliwat dan yang diliwat. Inilah perjuangan Hizbut Tahrir. Kami berpegang teguh dengan ajaran al-Quran dan as-Sunnah dan kami menolak segala undang-undang yang dibuat oleh manusia yang bertentangan dengannya. Namun anda wahai JFNJ, anda berpegang teguh dengan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor yang dibuat oleh manusia, yang bertentangan dengan Kitabullah dan Sunnah Rasul-Nya. Maka, siapakah di sini antara anda dan kami, yang sebenarnya memperjuangkan ajaran yang bertepatan dengan Sunnah dan yang memperjuangkan ajaran yang bertentangan dengan Sunnah wahai JFNJ?

Ketahuiilah wahai JFNJ bahawa perjuangan Hizbut Tahrir ini ditentang hebat oleh kuffar Barat, dan para penguasa diktator di seluruh dunia yang merupakan boneka dan tali barut Barat. Kenapa? Kerana Hizbut Tahrir ingin menerapkan sistem dan undang-undang Islam secara *kaffah*; kerana Hizbut Tahrir ingin mempersatukan semula umat Islam di bawah Daulah Khilafah; kerana Hizbut Tahrir ingin membebaskan keseluruhan umat Islam yang ditindas dan dizalimi oleh musuh-musuh Islam di serata dunia; kerana Hizbut Tahrir ingin membebaskan kesemua tanah umat Islam yang telah dirampas oleh puak kuffar; kerana Hizbut Tahrir ingin mengembalikan semula Khilafah sebagai *super power* dunia yang sekali gus akan mengembalikan semula kemuliaan umat Islam; kerana Hizbut Tahrir ingin membawa risalah ke seluruh alam agar agama Allah (swt) zahir di atas agama-agama lain, dan agar rahmat Allah (swt) sampai ke seluruh penjuru alam. Semua ini menjadi sebab kepada kuffar Barat untuk memerangi Hizbut Tahrir.

Kuffar Barat (termasuk Yahudi) yang memusuhi Islam inilah yang sebenarnya merupakan musuh kita wahai JFNJ, bukannya sesama kita. Malangnya anda menjadikan Hizbut Tahrir sebagai “musuh” anda yang ingin anda perangi habis-habisan! *La haula wa la quwwata illa billah*. Sedarlah wahai JFNJ dan bertakwalah anda kepada Allah! Halakanlah hujung tombak anda

kepada musuh Islam yang sebenar, yang kerana merekalah, kita sekarang berada dalam keadaan terpecah-belah dan memusuhi satu sama lain. Sesungguhnya hanya Iblis dan syaitan yang meniupkan api kebencian dan permusuhan sesama Muslim.

Sesungguhnya Hizbut Tahrir merupakan satu-satunya parti politik Islam yang berusaha bersungguh-sungguh di seluruh dunia untuk menegakkan Khilafah, untuk menerapkan Islam secara *kaffah* dan menggantikan seluruh sistem dan undang-undang buatan manusia yang bertentangan dengan Islam. Hizbut Tahrir merupakan sebuah parti politik Islam yang bersih dari sebarang kesesatan atau penyelewengan baik dari segi akidah mahupun hukum syarak. Ini kerana, kami berpegang kuat kepada empat sumber hukum dalam Islam iaitu al-Quran, as-Sunnah, Ijma' as-Sahabat dan Qiyas.

Kami ingin mengingatkan bahawa segala tuduhan buruk dan liar ke atas Hizbut Tahrir memang berlaku di seluruh dunia, dan kami tidak hairan sedikit pun apabila tuduhan tersebut datang dari puak kuffar. Namun apa yang menyedihkan kami ialah apabila tuduhan itu datang dari kaum Muslimin sendiri. Namun kami yakin bahawa siapa pun yang berniat jahat menuduh Hizbut Tahrir dengan pelbagai fitnah, pembohongan dan pendustaan, sesungguhnya dengan izin Allah (swt), segala tuduhan dan fitnah itu akan pasti kembali kepada tuannya.

Kami juga ingin mengingatkan anda wahai JFNJ, bahawa segala serangan dan fitnah ke atas Hizbut Tahrir sama sekali tidak pernah dan tidak akan pernah melunturkan sedikit pun semangat dakwah yang ada pada kami, apatah lagi untuk menghentikan dakwah kami. Malah sebaliknya, dengan izin Allah (swt) segala serangan dan fitnah itu telah memperkuatkan dan memperteguhkan lagi dakwah dan kedudukan Hizbut Tahrir.

Wahai JFNJ, setelah kami memberikan jawapan dan penjelasan yang secukupnya kepada anda, jika anda tetap ingin meneruskan fitnah terhadap kami, sehingga anda dapat memenuhi cita-cita anda untuk mengheret kami ke mahkamah dan kami dijatuhkan hukuman yang anda harapkan, maka silalah lakukan apa yang anda sukai, tetapi sukalah kami mengingatkan bahawa selain mahkamah di dunia ini yang anda mungkin menang, terdapat satu lagi mahkamah di Padang Mahsyar kelak yang mana Allah (swt) akan menjadi Hakim yang Maha Adil untuk membicarakan kezaliman yang anda lakukan ke atas kami. Fikirkanlah apa hukuman Allah (swt) kepada anda sekiranya anda kalah di Padang Mahsyar nanti, kerana kami yakin dengan sepenuh keyakinan bahawa kami akan menang dengan izin-Nya.

Wahai JFNJ, jika tidak kerana kasih sayang kami kepada anda sebagai saudara sesama Muslim, nescaya kami tidak akan memberikan jawapan dan peringatan ini kepada anda. Setelah kami menjawab fatwa anda dengan terperinci, dengan mengharap kebaikan daripada anda, maka perbetulkanlah niat anda, dan ikhlaskanlah diri anda apabila berbicara tentang Hizbut Tahrir. Dengan itu insya Allah anda akan memperolehi kebaikan, dan sekiranya anda menarik balik fatwa ini dan bertaubat kepada Allah (swt), kami sentiasa bersedia memaafkan anda, kerana anda adalah saudara Muslim kami. Kami memohon kepada Allah (swt) agar memberi petunjuk kepada anda dan menerima taubat anda. Semua anak Adam pasti akan melakukan kesalahan, dan sebaik-baik orang yang berbuat salah adalah mereka yang bertaubat.

Akhir kalam, jika masih ada sisa-sisa keikhlasan dan ketakutan dalam diri anda terhadap Allah (swt), kami tinggalkan anda dengan satu nasihat dan peringatan terakhir, kerana sesungguhnya nasihat dan peringatan itu amat bermanfaat bagi mereka yang beriman. Nasihat kami – berfatwalah dengan jujur demi meraih redha Allah (swt), bukan untuk meraih redha manusia, dan bukan juga untuk meraih apa-apa kepentingan duniawi. Sesungguhnya tidak ada peringatan yang lebih baik daripada al-Quran yang kami ingin tinggalkan untuk anda. Firman-Nya:

﴿إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ آمَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ﴾

“Sesungguhnya orang-orang yang ingin agar (berita) perbuatan yang keji itu tersiar di kalangan orang-orang yang beriman, bagi mereka azab yang pedih di dunia dan di akhirat. Dan Allah mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui” [An-Nur (24): 19].

﴿إِنَّ الَّذِينَ فَتَنُوا الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ لَمْ يَتُوبُوا فَلَهُمْ عَذَابٌ جَهَنَّمَ وَلَهُمْ عَذَابٌ الْحَرِيقِ﴾

“Sesungguhnya orang-orang yang mendatangkan cubaan kepada orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, kemudian mereka tidak bertaubat, maka bagi mereka azab (neraka) Jahannam dan bagi mereka azab (neraka) yang membakar” [Al-Buruj (85): 10].

Wahai JFNJ, kami yakin anda akan menarik balik fatwa ini sekiranya anda meyakini adanya Hari Pembalasan, sebagaimana yang kami yakini.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saudaramu,

HIZBUT TAHRIR MALAYSIA

22 Rabiul Akhir 1442 H (07/12/2020 M)